PERANAN PESANTREN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT DI JAWA TIMUR INDONESIA

SYAMSURI

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

University of Malaya

PERANAN PESANTREN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT DI JAWA TIMUR INDONESIA

SYAMSURI

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI SEBAHAGIAN KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : Syamsuri
No. Pendaftaran/Matrik : IHA 120009
Nama Ijazah : Doktor Falsafah

Tajuk ~~Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi~~/Tesis ("Hasil Kajian ini"): **Peranan Pesantren Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Di Jawa Timur Indonesia.**

Bidang Penyelidikan : Ekonomi Islam (Sains sosial dan Tingkah laku)

Saya dengan sesungguhnya dan mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau denan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan calon Tarikh,

Syamsuri

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan saksi Tarikh,

Nama : **Prof. Dr. Joni Tamkin Bin Borhan**
Jawatan : Profesor Jabatan Syariah dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya

University of Malaya

ABSTRAK

Hingga saat ini lebih kurang 27,218 pondok pesantren telah ditubuhkan di sekitar 68,000 kampung di Indonesia. Ianya tumbuh berkembang di tengah-tengah masyarakat, diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat. Walau bagaimanapun masih ada yang beranggapan negatif mengenai pesantren bahawa ianya hanyalah institusi yang melahirkan para penggangur, dan belum mampu bertindak balas dengan masalah sosial dalam masyarakat. Justeru kajian ini bertujuan untuk menjelaskan peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat yang meliputi empat aspek utama kajian iaitu visi, misi dan falsafah pesantren dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat di jawa Timur. Seterusnya potensi peluang ekonomi yang dimiliki pesantren. Begitu juga faedah yang diperolehi dari pengembangan ekonomi di pesantren. Akhir sekali ialah peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar. Kajian ini adalah kajian kes secara kualitatif yang mengunakan tiga teknik pengutipan data secara dokumentasi, temubual dan observasi. Pemerhatian yang mendalam telah dijalankan di tiga buah pesantren iaitu Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan, Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng dan Pesantren Moden Gontor Ponorogo. Ketiga-tiga pesantren ini dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling)* sesuai dengan maksud penelitian iaitu pesantren yang telah mengembangkan usaha-usaha ekonominya. Kajian ini melibatkan 66 peserta kajian dengan kaedah persampelan kuota, di mana peserta kajian yang dipilih dan terlibat dalam kajian berasaskan kategori-kategori yang diingini dalam populasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa visi, misi dan falsafah pesantren sentiasa berpegang teguh dengan ajaran-ajaran syariah Islam. Nilai-nilai tersebut menjadi unsur asasi dalam membentuk sumber manusia yang memiliki sensitiviti sosial dan budaya. Kajian ini juga mendapati ada dua potensi yang dimiliki pesantren untuk berperanan dan mengembangkan ekonominya

University of Malaya

iaitu potensi ekonomi madiyyah (fizikal) dan potensi ekonomi insaniyyah. Kajian ini turut membuktikan adanya peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Jawa Timur yang merangkumi aspek pendidikan, kerohanian, kesihatan, ekonomi dan aspek sosial budaya.

University of Malaya

ABSTRACT

To date approximately 27,218 boarding school was established at around 68,000 villages in Indonesia. It grow in the midst of society, came from the community, created by the community and made for the public. Unfortunately however, pesantrens have also been perceived as an institution that has merely given rise to unemployment, and deemed ineffective in its role to allay social problems in the community. Therefore this study aims to clarify the role of pesantren in economic development of society covering four main areas of research include the vision, mission and philosophy of pesantren to support the economic development of the surrounding communities in East Java, the potential economic of which is owned pesantren. Similarly, the benefits of economic development at the pesantren, and the role of pesantren in the economic development of the surrounding communities. This study is a qualitative case study using three techniques of data collection that is documentation, interviews and observation. A case study was conducted to analyse and investigate three *pesantrens*, which have been identified to conduce to the community economic efforts, were namely *Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan, Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng* and *Pesantren Moden Gontor Ponorogo.* These three schools thus, were used as samples for the purpose of this research. The study involved 66 respondents with quota sampling method, in which respondents were selected and participated in the study based on the desired categories in the population. The results showed that the vision, mission and philosophy of which the *pesantrens* have always adhered to the teachings of Islamic *sharia*. These values have become fundamental elements in shaping the human resources that have social and cultural sensitivities. This research also found that there are two potential owned of pesantren to serve and develop economic community which

University of Malaya

are the potential economic madiyyah (physical) and potential economic insaniyyah. This study also demonstrates the role of pesantren in economic development of society in East Java encompasses education, spirituality, health, economic and socio-cultural aspects.

University of Malaya

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْمِ

الْحَمْدُ للهِ بَارِئُ الْبَرِّيَّاتِ،وَغَافِرُ الْخَطِّيَاتِ، وَعَالِمُ الْخَفِيَّاتِ، اْلمُطَّلِعِ عَلَى الضَّمَائِرِ وَالنِّيَّاتِ، أَحَاطَ بِكُلِّ شَيْءٍ عِلْمًا، وَوَسِعَ كُلَّ شَيْءٍ رَحْمَةً وَحِلْمًا، وَهُوَ الَّذِيْ أَنْعَمَ عَلَيَّ بِنِعَمِهِ الْكَثِيْرَة وَ هَدَانِيْ إِلَى طَرِيْقِهِ السَّلِيْمَة.

وَالصَّلاَةُ وَ السَّلاَمُ عَلَى خَاتِمِ اْلأَنْبِيَاءِ، وَسَيِّدِ اْلأَصْفِيَاءِ، وَإِمَامِ اْلعُلَمَاءِ، وَأَكْرَمُ مَنْ مَشَى تَحْتَ أَدِيْمِ السَّمَاءِ، مُحَمَّدٍ نَبِيِّ الرَّحْمَةِ، الدَّاعِى إِلَى سَبِيْلِ رَبِّهِ بِالْحِكْمَةِ، وَهُوَ الَّذِيْ كَانَ سَبَبًا فِي هِدَايَةِ الخَلْقِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الَّذِيْ نَقَلُوْا لَنَا الْعِلْمَ.

Segala puji syukur penyelidik haturkan sepenuhnya kepada Allah S.W.T tiada tuhan melainkan Dia yang Maha Pemurah, Pengasih dan Penyayang bagi semesta alam. Selawat serta salam atas junjungan besar Nabi Agung Muhammad S.A.W, para sahabat dan pengikut-pengikutnya hingga akhir zaman. Atas rahmadNya jualah pengkaji dapat menselesaikan penyelidikan ini yang tidak seberapa nilainya dengan tajuk “Peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar di Jawa Timur Indonesia”.

Pengkaji sedar dalam penulisan karya tulis ini banyak pihak yang telah berkenan membantu untuk merampungkan penulisan hingga dapat selesai sesuai dengan perencanaan waktu penulis, sama ada daripada individu maupun institusi, berupa motivasi mahupun dalam bentuk doa. Oleh kerana itu sanggatlah patut bagi pengkaji untuk merakamkan jutaan terimakasih yang setinggi-tingginya dan sedalam-dalamnya kepada:

1. Prof. Dr. Joni Tamkin B Borhan, sebagai penyelia thesis ini yang telah banyak meluangkan waktunya, memberikan bimbingan, tunjuk ajar serta sokongan

University of Malaya

kepada pengkaji dalam menyiapkan karya tulis ini. Semoga kesehatan, kemudahan serta kebahagiaan dunia dan akherat sentiasa Allah S.W.T curahkan kepada beliau dan keluarganya.

2. Pengkaji juga ucapkan penghargaan kepada ibu tercinta Kasiyah dengan kasih sayangnya yang tiada banding, do'a restu serta sokongan beliau kepada pengkaji untuk terus menuntut ilmu tanpa batas waktu dan juga Uminya Ayesha Hani Rodhiyyah, termasuk seluruh keluarga besar di Sungai Selan dan di Jalur Air Sugihan atas semua jerih payah dan usahanya yang membantu pengkaji untuk terus berkarya dan mengabdi untuk umat.
3. Semoga tidak mengurangi rasa hormat dan terima kasih pengkaji yang setinggi-tingginya kepada seluruh Pimpinana Pesantren di Pesantren Sidogiri Pasuruan, Pesantren al-Yasini Areng-Areng dan Pesantren Moden Darussalam Gontor Ponorogo, termasuk seluruh para ustaz dan ustazah di tiga-tiga pesantren tersebut dalam membantu dan menyokong pengkaji untuk menyelesaikan penulisan karya tulis ini.
4. Dalam kesempatan ini juga pengkaji rakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh pensyarah maupun staf di Jabatan Syari'ah Ekonomi di Universiti Malaya yang telah menjadi fasilitator dan motivator dalam memperoleh dan mengkaji ilmu pengetahuan dari berbagai sumber asalnya. Beliau itu ialah; Dr. Nor Aini bt Ali, Dr. Ahmad Azam bin Sulaiman @ Muhammad, Dr. Asmak bt Ab Rahman, Encik Azizi bin Che Seman, Dr. Mohammad Taqiuddin bin Mohammad, Dr. Nurhanani binti Romli dan juga Kak Azura binti Sengah dan Kak Shila di bahagian staf administrative fakulti.
5. Selain daripada itu ucapan jutaan terima kasih juga pengkaji hadiahkan kepada Lembaga Pengelola Dana Pendidikan (LPDP), Kementerian Keuangan Republik

University of Malaya

Indonesia yang telah memberikan beasiswa bantuan penelitian tahap IV tahun 2013 kepada pengkaji. Alhamdulillah dengan dana tersebut telah banyak membantu pengkaji untuk menyiapkan penelitian ini.

Diakhir kalimat pengkaji menyedari akan kelemahan dan banyaknya kekurangan dalam penyusunan kajian ini, oleh kerananya pengkaji sangatlah berharap akan saran dan kritik dari pelbagai pihak untuk menyempurnakan dan memperbaikinya. Walau bagaimanapun pengkaji berharap semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dalam bentuk khazanah keilmuan bagi studi ekonomi shari'ah khasnya tentang pembangunan ekonomi Islam, dan juga karya yang jauh dari kesempurnaan ini membawa manfaat bagi penulis khasnya dan para pembaca amnya. Amin ya rabbal 'alamin.

Syamsuri (IHA 120009)
Jabatan Syariah Dan Ekonomi
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya

University of Malaya

KANDUNGAN

1	Perakuan keaslian	ii
2	Abstrak Bahasa Melayu	iii
3	Abstract Bahasa Inggeris	v
4	Pernghargaan	vii
5	Kandungan	x
6	Senarai Jadual	xiv
7	Senarai Rajah	xv
8	Senarai gambar	xvi
9	Senarai kependekaan	xviii
10	Jadual Transliterasi	xxiii

BAB I
PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang kajian	7
1.3	Persoalan kajian	16
1.4	Objektif kajian	16
1.5	Kepentingan kajian	17
1.6	Skop kajian	18
1.7	Definisi tajuk	22
1.8	Kajian literature	25
	1.8.1 Kajian tentang kewujudan pesantren	26
	1.8.2 Kajian tentang peranan pesantren	28
	1.8.3 Kajian tentang pengembangan usaha ekonomi pesantren	38
	1.8.4 Kajian tetang kaedah pembangunan ekonomi Islam	41
1.9	Metodologi kajian	43
	1.9.1 Kaedah kajian	43
	1.9.2 Reka bentuk kajian	43
	1.9.3 Kaedah pengumpulan data	48
	1.9.4 Teknik penganalisian data	59
1.10	Sistematika kajian	61

BAB II
KEWUJUDAN PESANTREN
SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI INDONESIA

2.1	Gambaran sekilas tradisi pesantren	63
2.2	Sejarah Pesantren	69
	2.2.1 Tempoh masuknya Islam ke Indonesia	74
	2.2.2 Tempoh kedatangan para penjajah Barat (Belanda)	76

University of Malaya

2.2.3 Tempoh penjajahan Jepun 77
2.2.4 Tempoh Indonesia merdeka 78
2.3 Unsur-unsur asas pada pesantren 81
2.3.1 Kiai (tuan guru) 82
2.3.2 Santri 84
2.3.3 Sumber kajian di pesantren 88
2.3.4 Masjid 90
2.3.5 Pondok (asrama santri) 91
2.4 Model Pesantren 93
2.4.1 Pesantren dari aspek kepemilikan 94
2.4.2 Pesantren dari unsur asas 96
2.4.3 Pesantren dari aspek sistem pembelajaran 98
2.5 Struktur organisasi pesantren 100
2.6 Sistem dan tujuan pendidikan di pesantren 105
2.7 Kekukuhan pesantren sebagai institusi alternatif 111
2.8 Sistem sosial pesantren 116
2.9 Kesimpulan 124

BAB III
PEMBANGUNAN EKONOMI DALAM PERSPEKTIF ISLAM

3.1 Pendahuluan 126
3.2 Sistem ekonomi Islam 130
3.3 Definisi pembangunan ekonomi Islam 137
3.4 Dasar ideologi pembangunan ekonomi Islam 143
3.5 Konsep pembangunan ekonomi Islam 154
3.5.1 Prinsip tasawur Islam sebagai acuan pembangunan 160
3.5.2 Manusia sebagai pelaku pembangunan 161
3.5.3 Alam dunia dan akhirat sebagai skala waktu pembangunan 161
3.5.4 Ilmu fardhu ‘ain sebagai rangkaan pembangunan 162
3.5.5 Ibadah sebagai perkaedahan pembangunan 163
3.5.6 Sumber alam sebagai peralatan pembangunan 163
3.5.7 Mardhotillah sebagai matlamat pembangunan 164
3.6 Asas falsafah pendekatan pembangunan ekonomi Islam 165
3.7 Unsur-unsur pembangunan ekonomi Islam 179
3.7.1 Pembangunan yang komprehensip 180
3.7.2 Inti dari pembangunan adalah manusia 183
3.7.3 Kegiatan pembangunan bersifat pelbagai dimensi 186
3.7.4 Melibatkan perubahan kualitatif dan kuantitatif 188
3.7.5 Pengunaan sumber alam secara optimum dan mengagihkannya dengan cara adil 190
3.8 Matlamat dasar pembangunan ekonomi Islam 193
3.8.1 Pembangunan sumber insan 196
3.8.2 Pengembangan pengeluaran yang berguna 198
3.8.3 Memperbaiki kualiti kehidupan 199
3.8.4 Pembangunan yang seimbang 201
3.8.5 Teknologi baru 203
3.8.6 Pengurangan pergantungan kepada Negara luar 203
3.9 Kesimpulan 204

University of Malaya

BAB IV
PESANTREN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI DI JAWA TIMUR INDONESIA

4.1 Gambaran umum negeri Jawa Timur 206
4.2 Sejarah singkat tiga kes pesantren di Jawa Timur 211
4.2.1 Sejarah Pesantren salafiyyah Sidogiri Pasuruan 211
4.2.2 Sejarah Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 215
4.2.3 Sejarah Pesantren Moden Gontor Ponorogo 219
4.3 Struktur organisasi di tiga kes pesantren di Jawa Timur 223
4.3.1 Organisasi di Pesantren salafiyyah Sidogiri Pasuruan 223
4.3.2 Organisasi di Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 228
4.3.3 Organisasi di Pesantren Moden Gontor Ponorogo 232
4.4 Nilai dan falsafah di tiga kes pesantren di Jawa Timur dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar 232
4.4.1 Visi, misi dan tujuan pendidikan di Pesantren Salafiyyah Sidogiri 237
4.4.2 Visi, misi dan tujuan pendidikan di Pesantren Kombinasi al-Yasini 244
4.4.3 Visi, misi dan tujuan pendidikan di Pesantren Moden Gontor 254
4.5 Hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar 269
4.5.1 Hubungan ekonomi *(economic relationship)* 269
4.5.2 Hubungan rohani *(spiritual relationship)* 271
4.5.3 Hubungan sosial *(social relationship)* 272
4.5.4 Hubungan keamanan dan ketertiban *(security relationship)* 273
4.5.5 Hubungan dalam pembangunan fisik *(development relationship)* 275
4.6 Poteni yang dimiliki pesantren 276
4.6.1 Potensi ekonomi 277
4.6.2 Potensi bukan ekonomi 283
4.7 Tujuan pengembangan usaha ekonomi pesantren 289
4.7.1 Usaha untuk mencapai kesejahteraan keluarga kiai dan pengajar 290
4.7.2 Usaha berdikari pesantren dalam ekonomi 293
4.7.3 Medium pembelajaran santri 297
4.7.4 Usaha mensejahterakan ekonomi masyarakat sekitar 301
4.8 Kesimpulan 304

BAB V
PERANAN PESANTREN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT SEKITAR

5.1 Pengenalan 308
5.2 Pembangunan pesantren dalam aspek pendidikan 309
5.2.1 Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan 310
5.2.2 Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 317
5.2.3 Pesantren Moden Gontor Ponorogo 324
5.3 Pembangunan pesanten dalam aspek kerohanian 337
Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan 338
Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 346
Pesantren Moden Gontor Ponorogo 352
5.4 Pembangunan pesanten dalam aspek kesihatan 359
Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan 360

University of Malaya

Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 366
Pesantren Moden Gontor Ponorogo 370
5.5 Pembangunan pesanten dalam aspek ekonomi 375
Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan 376
Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 394
Pesantren Moden Gontor Ponorogo 411
5.6 Pembangunan pesanten dalam aspek sosial 437
Sumbangan Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan 438
Sumbangan Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng 443
Sumbangan Pesantren Moden Gontor Ponorogo 445
5.7 Kesimpulan 449

BAB VI
PENUTUP

6.1 Pengenalan 452
6.2 Rumusan dapatan kajian 453
6.3 Perbincangan dan implikasi kajian 469
6.4 Cadangan-cadangan 474

RUJUKAN

1 Buku 473
2 Jurnal dan kertas kerja 483
3 Laman sesawang 489
4 Temubual 492

University of Malaya

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1. Jumlah penduduk Miskin Mengikut daerah Mac 2011 dan Mac 2012	13
Jadual. 1.2. Senarai responden dan jangkaan dapatan kajian	53
Jadual. 1.3. Senarai responden di tiga kes pesantren	53
Jadual 3.1. Perbezaan antara konsep pembangunan ekonomi Islam dengan Pembangunan Ekonomi Sekuler	165
Jadual 4.1. Jumlah Lembaga Pendidikan di Wilayah Jawa Timur Beserta Ramainya Pelajar Dan Guru Pada Sesi Pengajaran 2013/2014	209
Jadual 4.2. Data Santri Pesantren Sidogiri Pada Tahun 2014	216
Jadual 4.3. Data Santri Al-Yasini Pada Tahun 2014	217
Jadual 4.4. Data Santri Pesantren Gontor Pada Tahun 2014	224
Jadual 4.5. Senarai Prestasi Santri Pesantren al-Yasini	251
Jadual 4.6. Pertumbuhan Pesantren dari Abad Ke-16 Hingga Tahun 2012	267
Jadual 5.1. Data Santri Pesantren Sidogiri Perdaerah Asal Pada Tahun 2014	309
Jadual 5.2. Aktiviti harian santri di Pesantren Sidogiri Pasuruan	310
Jadual 5.3. Aktiviti harian santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng	316
Jadual 5.4. Aktiviti harian santri di Pesantren Moden Gontor	323
Jadual 5.5. Santri Pesantren Gontor Pusat Mengikut Daerah Santri Tahun 2014	326
Jadual 5.6. Jadual Pengajian Kitab Kuning Alumni Pesantren Sidogiri	337
Jadual 5.7. Senarai majalah dan bulletin di Pesantren Sidogiri Pasuruan 2014	339
Jadual 5.8. Data Kumpulan Khidmah ‘Arba’in al-Yasini tahun 2014	345
Jadual 5.9. Pengagihan baki hasil usaha (SHU) di BMT Pesantren Sidogiri	376
Jadual 5.10. Data Peminjam dan jumlah pembiayaan dalam waktu 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah	378
Jadual 5.11. Data Peminjam dan jumlah pembiayaan dalam waktu 5 Tahun Terakhir di BMT UGT	378
Jadual 5.12. Data Penyimpan dan jumlah simpanan dalam masa 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah	384
Jadual 5.13. Data Penyimpan dan jumlah simpanan dalam masa 5 Tahun Terakhir di BMT UGT	385
Jadual 5.14. Rekapitulasi Tanah wakaf di bawah Yayasapan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo 2014	424
Jadual 5.15. Purata Hasil Tuaian Padi 5 Tahun Terakhir di Yayasan Pertanian Cawangan Mantingan	429
Jadual 5.16. Berikut perincian dana zakat pada tahun 2013 di Laziswa Sidogiri	433

University of Malaya

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1. Perbandingan Peratus Penduduk Miskin Mengikut daerah bulan Mac 2011 dan bulan Mac 2012	14
Rajah 1.2. Perbandingan Jumlah Pesantren Salafiyyah, Khalafiyyah dan Kombinasi Tahun 2012	19
Rajah 1.3. Reka bentuk kajian	47
Rajah 1.4. Kaedah temubual	52
Rajah 1.5. Kaedah observasi	59
Rajah 2.1. Model Pesantren di Indonesia	100
Rajah 2.2. Struktur Organisasi Pesantren di Bawah Kepemilikan Individu	102
Rajah 2.3. Struktur Organisasi Pesantren di bawah Pengurusan Yayasan	104
Rajah 3.1. Asas dasar sistem ekonomi Islam	137
Rajah 4.1. Peningkatan Penduduk Wilayah Jawa Timur dari Tahun 2009 hingga 2013	208
Rajah 4.2. Perbandingan Jumlah Sekolah, Pelajar dan Pengajar di Sekolah Umum dan Sekolah Agama di Wilyaha Jawa Timur Tahun Ajaran 2013/2014	210
Rajah 4.3. Struktur Organisasi di Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan	228
Rajah 4.4. Struktur Organisasi di Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng	232
Rajah 4.5. Struktur Organisasi di Pesantren Moden Gontor Ponorogo	236
Rajah 4.6. Pertumbuhan Anggota Koperasi BMT MMU 2009 – 2013 M	245
Rajah 4.7. Visi, misi dan matlamat pendidikan di tiga kes pesantren	265
Rajah 4.8. Pertumbuhan Pesantren dari Abad Ke-16 Hingga Tahun 2012	267
Rajah 4.9. Hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar	276
Rajah 4. 10. Potensi yang dimiliki pesantren	288
Rajah 4. 11. Langkah pesantren dalam pengambilan keputusan untuk mengembangkan usaha ekonomi.	302
Rajah 5.1. Kadar Celik Huruf di negeri Jawa Timur 6 tahun terakhir dari tahun 2008 hingga 2013	334
Rajah 5.2. Peranan Pesantren dalam Aspek Pendidikan	344
Rajah 5.3. Peranan Pesantren dalam aspek kerohanian	355
Rajah 5.4. Peranan Pesantren dalam aspek kesihatan	370
Rajah 5.5. Data Peminjam 5 Tahun terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri	380
Rajah 5.6. Data nominal dalam wang rupiah pinjaman selama 5 Tahun terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri	380
Rajah 5.7. Data Penyimpan Selama 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri	386
Rajah 5.8. Data Simpanan Selama 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri	387
Rajah. 5. 9 Perbandingan hasil bersih dalam kg tuaian padi selama 5 tahun terakhir 2009 hingga 2014 di Pesantren Gontor	419

University of Malaya

SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 4.1. Perpaduan sistem pendidikan di Pesantren al-Yasini	270
Gambar 4.2. Santri dan peniaga daripada masyarakat	271
Gambar 4.3. Masyarakat dan pesantren dalam acara pengajian setiap tiga bulan sekali	272
Gambar 4.4. Masyarakat sekitar pesantren sedang bergotong royong	274
Gambar 4.5. Putugas keamanan pesantren al-Yasini	276
Gambar 4.6. Pengkaji dan masyarakat sekitar pesantren di Tempat Pembuangan Sampah (TPS)	277
Gambar 4.7. Suasana di kedai makanan milik Koperasi Pondok al-Yasini	278
Gambar 4.8. Bangunan Baitul Mal wa Tamwil Maslahah Mursalah lil Ummah (BMT MMU Sidogiri)	279
Gambar 4.9. Suasana di Penerbit dan percetakan Darussalam Press	280
Gambar 4.10. Pengkaji dan Wisma Institut Studi Islam Darussalam (ISID).	281
Gambar 4.11. Tanah wakaf seluas 114 Hektar milik Pesantren Gontor	282
Gambar 4.12. Penjaga di koperasi santri dan para santri yang sedang berbelanja	301
Gambar 4.13. Pejabat Lembaga Keuangan al-Yasini Areng-Areng	303
Gambar 5.1. Santri dan majalah dinding	313
Gambar 5.2. Sekolah MMU Ngempit Kraton Pasuruan dan MMU Jetis Dhompo Kraton Pasuruan	314
Gambar 5.3. Penyeliaan akhlak dan praktik pengurusan mayit	316
Gambar 5.4. Peneliti bersama pengurus Hadlonah Darussalam Gontor dan bersama guru besar MI Nurus Salam	331
Gambar. 5.5. Pengajian kitab kuning Fatḥul Mu'īn alumni Pesantren Sidogiri	337
Gambar. 5.6. Guru Tugas dan Pendakwah Pesantren Sidogiri	342
Gambar. 5.7. Peserta Khidmat Arba'in Pesantren al-Yasini	345
Gambar. 5.8 Pengkaji di stesyen Radio Suara Gontor FM	353
Gambar. 5.9 Bahagian keberishan lingkungan pesantren Sidogiri	356
Gambar. 5.10 Bangunan Balai Pengubatan Sidogiri	358
Gambar. 5.11. Gotong royong membersihkan sungai utama dan seminar kesihatan di Pesantren Sidogiri	361
Gambar 5.12. Banting tentang setangkai pohon untuk seribu nafas anak dan cucu. Sebelah kanan pohon yang baru ditanam.	365
Gambar 5.13. Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM).	368
Gambar 5.14. Pejabat BMT Maslahah	374
Gambar 5.15. Pejabat BMT UGT	375
Gambar 5.16. Sumbangan dari Pengurus LAZISWAFdan Pasar Raya Basmalah Sidogiri	384
Gambar 5.17. Kedai makanan milik pesantren yang dijaga oleh masyarakat sekitar.	393
Gambar 5.18. Aktiviti di LKS al-Yasini.	395
Gambar 5.19. Bengkel wirausaha muda berdikari	399
Gambar 5.20. Gerobak mudah alih untuk menjual kudapan	401

University of Malaya

Gambar 5.21. Bengkel budidaya ikan keli sangkuriang 404
Gambar 5.22. Aktiviti penerokaan hutan terbiar dengan tanaman *horticulture* 406
Gambar 5.23. Aktiviti masyarakat sekitar pesantren. 419
Gambar 5.24. Bangunan pejabat BMT La Tansa Gontor. 423
Gambar 5.25. Pembahagian santunan hari raya untuk anak Yatim Piatu 440

University of Malaya

SENARAI KEPENDEKAN

AMH	: Angka Melek Huruf
BASIT	: Bersih, Aman, Sihat, Indah dan Tertib
BAZNAS	: Badan Amil Zakat Nasional Indonesia
Bil.	: Bilangan
BKSM	: Balai Kesehatan Santri dan Masyarakat
BMT	: Baitu al-Māl wa al-Tamwīl
BMT MMU	: Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Maslahah Mursalah lil Ummah
BMT UGT	: Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Usaha Gabungan Terpadu
BPRS	: Bank Perkreditan Rakyat Syariah
BPS	: Badan Pusat Statistik
BPS	: Balai Pengubatan Sidogiri
Burdah	: Bantuan Sarana dan Dakwah
C.	: Cetakan
DBD	: Demam Berdarah Dengue
DEMA	: Dewan Mahasiswa
Diknas	: Pendidikan nasional
e.	: Edisi
EQ	: Emotional Quotient
GT	: Guru Tugas
H	: Hijriyyah
h.	: Halaman
Ha	: Hektare
HIPSI	: Himpunan Pengusaha Santri Indonesia
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
IAS	: Ikatan Alumni Sidogiri

University of Malaya

Ibid	: Ibidem
ICB	: Islamic Centre Borobudur
IKPM	: Ikatan Keluarga Pondok Moden Darussalam Gontor
IPT	: Institut Perguruan Tinggi
IQ	: Intelligence Quotient
ISID	: Institut Studi Islam Darussalam
K.H	: Kiai Haji
KDU	: Kebersihan Dapur Umum
KI	: Kredit Investasi
KJJS	: Kebersihan jemuran, bilik mandi dan sungai
KKN	: Kuliah Kerja Nyata
KMI	: Kulliyyatul Mu'allimīn Al-Islāmiyyah
KMK	: Kredit Modal Kerja
KOBENA	: Koperasi Belia Nasional Berhad
Kopontren	: Koperasi Pondok Pesantren
KPU	: Kebersihan umum
KTI	: Kutai Timber Indonesia
KUK	:Koperasi Usaha Keluarga
LAZISWA	: Lembaga Amil Zakat Infaq Sedeqah dan Waqaf
LATANSANA	: Latihan dan Pendidikan Siap Guna
LKM	: Lembaga Khidmat Masyarakat
LKS	: Lembaga Keuangan Syariah
LMDH	: Lembaga Masyarakat Desa Hutan
LPM	: Lembaga Pengabdian Masyarakat
LPPM	: Lembaga Penelitian dan Pengembangan Masyarakat
LPSM	: Lembaga Pengembangan Swadaya Masyarakat
LPTP	: Lembaga Pengembangan Teknologi Pertanian

University of Malaya

M	: Masehi
MA	: Madrasah Aliyah
MD	: Madrasah Diniyah
Menko Kesra	: Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat
MI	: Madrasah Ibtidaiyyah
MMU	: Madrasah Miftahul Ulum
MPR RI	:Majlis Perwakilan dan Permusyawaratan Rakyat Indonesia
MTA	: Madrashah Tarbiyyatul Athfal
MTs	: Madrasah Tsanawiyyah
Op.cit	: Opera citato
OPPM	: Organisasi Pelajar Pondok Modern
OPPM	: Organisasi santri pesantren Gontor
PHBS	: Pola Hidup Bersih dan Sihat
PHBM	: Pengurusan Hutan Berasaskan Masyarakat
PLMPM	: Pusat Latihan Menejemen dan Pengembangan Masyarakat
PMI	: Palang Merah Indonesia
PNS	: Pegawai Negeri Sipil
NGO	: Non Government Organisation
Ponpes	: Pondok Pesantren
Poskestren	: Pusat kesihatan pesantren
PPL	: Petugas Penyuluhan Lapangan
PPOB	: Payment Point Online Banking
PRA	: Participatory Rural Appresure
Puskesmas	: Pusat kesihatan masyarakat
RMI	: Rabīṭah al-Ma'āhid al-Islāmiyyah Indonesia
RMI NU	: Rabithah Ma'ahid Islamiyyah Nahdlatul Ulama
S.A.W	: Sallallāhu 'alaihi wa sallam

University of Malaya

S.W.T	: Subḥānahu wa ta'ālā
SA	: Sullamul Muta'allimīn
SD	: Sekolah Dasar
SDI	:Sekolah Dasar Islam
SDM	: sumber daya manusia
SHU	: Baki hasil usaha
SIHLI	: Bahagian kebersihan lingkungan
SK PAD	: Surat Keputusan Perubahan Anggaran Dasar
SMA	: Sekolah Menengah Atas
SMK	: Sekolah Menengah Kejuruan
SMP	: Sekolah Menengah Pertama
SMPN	: Sekolah Menengah Pertama Negeri
SMPU	: Sekolah Menengah Unggulan
SQ	: Spiritual Quotient
Susenas	: Survai Sosial Ekonomi Nasional
t.t	: Tanpa tarikh
t.t.p	: Tanpa tempat dan penerbit
TA	: Tarbiyatul Aṭfāl
THT	: Telinga, Hidung, Tenggorokan
TK	: Taman Kanak-Kanak
TPA	: Taman Pendidikan Al-Quran
TPS	: Tempat Pembuangan Sampah
UGT	: Usaha Gabungan Terpadu
UIN	: Universiti Islam Negeri
UKK	: Usaha Kesejahteraan Keluarga
UM	: Usaha Mandiri
UMR	: Upah minimum regional

University of Malaya

UNISDA	: Universiti Darussalam Gontor
wali songo	: Sembilan Wali
Wardun	: Warta Dunia
YPPWPM	: Yayasan Pemeliharaan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor
ZIS	: Zakat, Infaq dan Sedeqah

University of Malaya

JADUAL TRANSLITERASI

Pedoman transliterasi yang digunakan dalam penulisan penelitian ini berdasarkan pada buku panduan penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam di Universiti Malaya, yang secara garis besarnya dapat disenaraikan pedoman tersebut adalah seperti berikut:

1. Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkipsi
ا،ء	a, ‘(Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	ḥ
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	ṣ
ض	ḍ

Huruf Arab	Nama dan Transkipsi
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
و	W
هـ	H
ي	Y
ة	H

University of Malaya

2. Vokal

Vocal Pendek	Transliterasi	contoh	Transliterasi
- (fathah)	A	قَنَتَ	Qanata
- (Kasrah)	I	سَلِمَ	Salima
- (Dammah)	U	جُعِلَ	ju'ila

Vocal Panjang	Transliterasi	contoh	Transliterasi
ى/ا	ā	كُبْرَى/ بَابٌ	bāb/kubrā
ي	ī	وَكِيْلٌ	wakīl
و	ū	سُوْرَةٌ	sūrah

Diftong:

Diftong	Transliterasi	contoh	Transliterasi
ـَو	Aw	قَوْلٌ	qawl
ـَي	Ay	خَيْرٌ	khayr
ـَوّ	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
- يّ	iy/i	عَرَبِيٌّ	'Arabiy/ī

University of Malaya

BAB I
PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pondok pesantren (selepas ini disebut sebagai pesantren) merupakan institusi penting di tanah Melayu[1] dalam mempengaruhi dan memberikan corak perkembangan intelektual serta budaya hidup Islam, bahkan pesantren menjadi sebab pertumbuhan sekolah agama, sama ada sekolah rakyat mahupun sekolah bantuan kerajaan hingga pada peringkat universiti seperti tertubuhnya Kolej Islam Malaya.[2] Sekiranya tanah Melayu tidak dijajah oleh bangsa Barat nescaya pesantren akan tumbuh berkembang menjadi universiti tersohor persis universiti-universiti yang ada di Eropah pada saat ini yang berawal dari sekolah-sekolah agama.[3]

Pelbagai pendapat yang mengatakan tentang sejarah perkembangan pesantren mengenai asal usul penubuhannya. Antaranya ialah pesantren pada awalnya merupakan pengambil alihan dari sistem pesantren orang-orang Hindu di Nusantara dahulu; pesantren berakar umbi dari tradisi Islam yang berkaitan erat dengan golongan sufi

---

[1] Menurut Mohammed Anwar Omar Din dalam kajiannya tentang asal-usul orang melayu. Beliau dapati bahawa orang Melayu yang ada pada hari ini adalah satu bangsa yang ditentukan oleh penganutan agama Islam, menutur bahasa Melayu yang berakar umbi daripada bahasa Austronesia, Austroasia, Sanskrit, Islam, dan mengamalkan ciri-ciri warisan budaya Nusantara sehingga boleh membezakan mereka daripada bangsa-bangsa lain. Orang Melayu pula adalah satu bangsa yang tidak banyak berbeza daripada kebanyakan bangsa di dunia, seperti bangsa Turki, Pakistan, iaitu mempunyai identiti yang berlapis, malah sesetengahnya bersifat mengasingkan diri (*split identity).* Masyarakat-masyarakat yang mengenalkan diri sebagai orang Melayu itu adalah terdiri daripada orang Jawa, orang Minang, orang Bugis, orang Banjar, orang Boyan, orang Mendiling, orang Krinchi, orang Acheh dan orang Jambi (sekadar beberapa). Di peringkat geopolitik (dalaman), mereka terdiri daripada orang Patani, orang Pahang, orang Kedah, orang Kelantan, orang Terengganu, orang Perak, orang Selangor, orang Riau, dan orang Sarawak. Bangsa melayu meliputi Indonesia, Malaysia, Brunei, Selatan Filipina dan Selatan Thailand. Lihat. Mohammed Anwar Omar Din,"Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya, The Malay Origin: Review its history" *Jurnal Melayu*, no. 7, (2011), 15.

[2] Abdullah Muhammad Zin et al., *Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok Ke Universiti*, (Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2005), ix.

[3] Nurcholish Madjid, "Merumuskan Kembali Tujuan Pendidikan Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 3.

University of Malaya

dengan aktiviti tarekatnya;[4] dan Dhofier yang menyatakan pendapat daripada Claude Guillot dan Ludvik Kalus pesantren telah masuk di kepulauan Nusantara seiring dengan masuknya agama Islam iaitu antara abad ke-13 dan abad ke-17.[5]

Perbezaan pendapat juga wujud dalam kalangan sejarawan apabila kemasukan agama Islam di kepulauan Nusantara. Syamsuddin Arif dalam makalahnya tentang Islam di Nusantara: Historiografi dan metodologi memberikan dua pendapat tentang kehadiran Islam di bumi Nusantara. Pendapat yang *pertama*; Islam telah hadir pada abad ke-13 yakni setelah runtuhnya Dinasti Abasiyyah akibat serangan Mongol pada tahun 1258 M yang merujuk atas penemuan batu nisan Sultan Malik as-Ṣaliḥ pada tahun 696 H atau 1297 M. Pendapat *kedua*; Islam telah hadir ke Nusantara sejak abad ke-7 atau 627 M iaitu ketika zaman *Khulafā' al-Rāshidīn* pada kurun pertama Hijrah, beliau memetik pendapat Ibrahim Buchari atas dasar pada penemuan batu nisan seorang ulama' bernama syaikh Mukaiddin di Barus, Tapanuli Sumatera Utara yang tertulis tahun 48 H bersamaan 670 M.[6] Manakala Azyumardi Azra menyatakan pendapat Snouck Hurgronje seorang tokoh sejarawan Barat, Islam tersebar di bumi Nusantara pada abad ke-12, dan proses masuknya Islam dibawa melalui transaksi perdagangan antara pedagang Timur Tengah dengan pedagang Nusantara.[7] Berbeza dengan pendapat Ricklefs seorang peneliti tentang Asia dan Pasifik yang mengatakan bahawa Islam telah hadir di Nusantara sejak awal zaman Islam ketika khalifah Utsman tahun 24 H atau 644 M, difahamkan pada abad ke-9 telah ada ribuan orang muslim di Nusantara. Pendapat

---

[4] Lihat, Suryadi Siregar, "Pondok Pesantren: Sebagai Model Pendidikan Tinggi ?" (kertas kerjas seminar Nasional Universitas Model Pesantren Mungkinkah?, Bandung, 12 Disember 1996),1-2.

[5] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, ed.ke- 8 rev. (Jakarta Barat: LP3ES, 2011), 61.

[6] Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi" laman sesawang *INSISTS, Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations,* dicapai 26 September 2012, http://insistnet.com/index.php?option=com.

[7] Lihat, Azyumardi Azra, *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII,* cet.ke-3 rev. (Jakarta: Prenada Media, 2004), 3.

University of Malaya

itu beliau buktikan dengan hasil penemuan batu nisan seorang puteri bernama Maimun yang masih tertulis jelas tarikhnya tahun 475 H (1082 M) di Leran Jawa Timur.[8]

Ada juga yang berpendapat, Islam masuk di Nusantara antara abad ke-13 dan abad ke-16 iaitu pendapat Nurhakim.[9] Hal itu dibuktikan dengan hasil penemuan tim arkeologi Indonesia-Prancis pada tahun (1998-2003) yang menemukan sejumlah perkuburan orang-orang Islam bergelar syeikh di Barus Sumatera Utara seperti Mahligai, Tuan Ambar dan Papan Tinggi. Mereka semua bermukim dan mengajar sehingga menubuhkan pendidikan Islam seperti pesantren.[10] Selain daripada itu penemuan batu nisan Hamzah Fansuri budayawan agung Nusantara kelahiran Barus pada pertengahan abad ke-15 yang ditemukan di perkuburan Bab al-Ma'la di Mekah memperkuatkan bukti sejarah kewujudan pesantren.[11] Begitu juga dengan kunjungan Marco Polo (1254-1323) ke Indonesia pada tahun 1292-1297 M yang telah mendapati penduduk negeri Perlak, Basman, Samudra dan Pasai memeluk agama Islam, bahkan sebahagian daripada mereka mengembangkan agama Islam dengan mendirikan pesantren di daerah pergunungan.[12]

Terlepas daripada perbezaan pendapat di atas tentang latar belakang berdirinya pesantren di kepulauan Nusantara, pada amnya pesantren tumbuh dan berkembang di kawasan perkampungan. Pesantren ditubuhkan kerana adanya inisiatif seorang ulama atau tuan guru yang ingin mengajarkan ilmu agama kepada masyarakat sekitar. Selepas kiai atau tuan guru tersebut dikenali dan diiktiraf daripada masyarakat sekitar

---

[8] Lihat, M. C. Ricklefs, *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004,* ed.ke-2 (Jakarta: Serambi, 2008), 27-28.

[9] Moh. Nurhakim, *Sejarah dan Peradaban Islam,* ed.ke-2 (Malang: UMM Press, 2004), 161.

[10] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 24.

[11] *Ibid.*, 31.

[12] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*. (Jakarta: Rajawali press, 2005), 56.

University of Malaya

disebabkan kearifan dan kemahiran dalam berdakwah tentang ilmu agama, maka semakin bertambah para pengikutnya. Oleh sebab itu, timbul inisiatif daripada para pengikutnya atau disebut (*santri*)[13] untuk mendirikan pondok-pondok atau bangunan sederhana di sekitar rumah kiai tersebut.[14] Sehingga difahamkan berdirinya sebuah pesantren dimulakan dari seorang pengasas atau tuan guru pesantren.

Hingga saat ini, lebih kurang 27,000 pondok pesantren ditubuhkan di sekitar 68,000 kampung di Indonesia, dengan jumlah santri pada tahun 2011 seramai 3,650,000 santri dan mengalami peningkatan setiap tahun.[15] Perkara ini membuktikan bahawa pesantren dari masa ke semasa terus berkembang dan diminati masyarakat secara umumnya. Hal ini kerana pendidikan Islam dalam bentuk pesantren mempunyai kurikulum yang lebih baik dan teratur serta mempunyai peluang untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Sebagaimana Abdullah Muhammad Zin mengutip pendapat Datuk Omar Hashim dalam temubualnya;[16]

> Taraf pelajaran di sesetengah madrasah ini adalah tinggi mutunya. Ramai pelajar lepasan dari, umpamanya al-Masyhur Pulau Pinang, Madrasah Muhammadiyah Kota Bharu atau al-Ihya al-Syarif Gunung

---

[13] Istilah santri dipakai hanya untuk seseorang yang belajar atau mengaji di sebuah pondok pesantren, manakala murid, siswa atau pelajar dipakai untuk seseorang yang belajar di sekolah formal. A. Halim, "Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren", dalam *Manajemen Pesantren* ed. A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al.,. (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 226. Menurut Dawan Rahardjo santri dibagi menjadi dua jenis; *pertama* santri mukim iaitu yang tinggal di pesantren disebabkan tempat tinggal santri yang jauh dari pondok sehingga ia mukim di pesantren, dan *kedua* santri kalong iaitu santri yang tempat tinggalnya berdekatan dengan pesantren, memungkinkan santri tersebut untuk pulang ke rumah masing-masing selepas pengajian di pesantren. Lihat. M. Dawam Rahardjo, "Pesantren dan Perubahan Sosial" dalam *Budaya Damai Komunitas Pesantren* ed. Badrus Sholeh et al., (Jakarta: LP3ES, 2007), xii.

[14] Lihat, Imam Zarkasyi, "Khutbah al-Iftitah Pekan Perkenalan Pondok Modern Darussalam Gontor" (Panduan Kuliah Umum dalam Pekan Perkenalan di Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia disampaikan oleh KH. Imam Zarkasyi sejak 1939), 7.

[15] Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Direktorat Jendral Pendidikan Islam, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 19 Julai 2011, http//www,Pendis.Kemenag.go.id/. Sesuai dengan sambutan Kepala Pusat Pengembangan Penelitian dan Pendidikan Pelatihan Kementerian Agama H Abdul Jamil dalam Musabaqah Fahmi Kubtu bit Turats (Mufakat) tingkat nasional IV tahun 2011 di Provinsi Sulawesi Utara, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 19 Julai 2011, http://sulut.kemenag.go.id/.

[16] Abdullah Muhammad Zin et al., *Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok Ke Universiti*,18.

University of Malaya

> Semanggul telah melanjutkan pelajaran mereka ke Timur Tengah khasnya di Masjidil haram dan al-Azhar.

Menurut Dawam Rahardjo memetik pendapat daripada Dr. Sutomo,[17] ada beberapa indikasi yang menjadikan pesantren sentiasa bertahan dari awal permulaan Islam hingga saat ini iaitu:

1) Sistem asrama menjadikan pengawasan dan perhatian seorang guru terhadap santri atau pelajar yang secara langsung.
2) Keakraban hubungan antara santri dengan tuan guru.
3) Pesantren telah mampu mendidik manusia yang dapat memasuki semua bidang pekerjaan,
4) Cara hidup seorang kiai yang sederhana.
5) Pesantren merupakan sistem pendidikan yang paling murah dalam yuran.[18]

Pesantren apabila dilihat daripada tipologi atau bentuknya terbahagi menjadi tiga jenis, iaitu pesantren *Salafaiyyah*; pesantren yang tetap mempertahankan pengajian kitab-kitab klasik sebagai teras pengajaran di pesantren.[19] Pesantren *khalafiyyah* (moden) iaitu pesantren yang telah menerima pakai atau mencampurkan sistem pendidikan klasikal dengan kurikulum tersusun dan juga memasukkan pelajaran duniawi di dalamnya, pesantren *Kombinasi* iaitu pesantren yang mengabungkan antara sistem *Salafiyyah* dan *Khalafiyyah* atau menyelenggarakan pendidikan formal dan juga pengajian kitab klasik.[20]

---

[17] Seorang pejuang kemerdekaan Republik Indonesia, pendiri perkumpulan kebudayaan Boedi Oetomo (1908) dan juga pendiri persatuan Bangsa Indonesia (1930). Lihat. Lihat M Dawam Rahardjo, "Pesantren dan Perubahan Sosial," xii.

[18] M. Dawam Rahardjo, *Pergulatan Dunia Pesantren,* ix-x.

[19] Lihat. Mohamad Mustari, *Peranan Pesantren dalam Pembangunan Pendidikan Masyarakat Desa* (Yogyakarta: Multi Press, 2011), 6.

[20] Lihat. Ali Anwar, *Pembaharuan Pendidikan di Pesantren Lirboyo Kediri* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011), 26-27.

University of Malaya

Tiga model pesantren di Indonesia sama ada *Salafiyyah*, *Khalafiyyah* mahupun pesantren *Kombinasi* sentiasa mempertahankan kewujudan pesantrennya iaitu dengan melakukan pelarasan (*adjustment)* dan rombakan (*readjustment*) sehingga para pesantren dapat memenuhi cita-cita dan harapan masyarakat. Secara amnya pesantren memiliki pelbagai tujuan dan matlamat. Walaupun matlamat penubuhan tidak sama antara satu pesantren dengan pesantren yang lain, ianya memiliki persamaan dalam unsur-unsur yang asas sebagai pesantren seperti adanya kiai sebagai pengajar, santri sebagai murid, pengajaran kitab Islam klasik (*turath*) sebagai bahan pembelajaran, masjid sebagai pusat aktiviti dan asrama atau pondok sebagai tempat tinggal para santri.[21] Ini dapat memastikan pesantren tersebut memiliki persamaan tujuan dan matlamat. Secara spesifik, Muljono Damapuli memetik pendapat Mastuhu dalam kajiannya tentang tujuan penubuhan pesantren ;

> Menciptakan dan mengembangkan kepribadian Muslim, iaitu kepribadian yang beriman dan bertakwa kepada Tuhan, berakhlak mulia, bermanfaat bagi masyarakat atau berkhidmat kepada masyarakat dengan jalan menjadi kawula atau abdi masyarakat tetapi rasul, yaitu menjadi pelayan masyarakat sebagaimana kepribadian Nabi Muhammad (mengikut sunah Nabi), mampu berdiri sendiri, bebas dan teguh dalam kepribadian, menyebarkan agama atau menegakkan Islam dan kejayaan umat Islam di tengah-tengah masyarakat (*'iz al-Islām wa al-Muslimīn*), dan mencintai ilmu dalam rangka mengembangkan kepribadian Indonesia. Idealnya pengembangan kepribadian yang ingin dituju ialah kepribadian *muhsin*.[22]

Kesimpulannya, tujuan pesantren adalah untuk mewujudkan manusia yang sempurna; sihat jasmani dan memiliki keterampilan. Selain itu, untuk menjadikan manusia yang unggul dalam menjalani kehidupan di masyarakat dengan sifat-sifat

---

[21] Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 79.

[22] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern* (Jakarta: Rajawali Press, 2011), 82.

University of Malaya

graduan yang kuat beragama, demokrasi, disiplin, mementingkan keadilan, toleransi, professional, jujur, kreatif dan inovatif.[23]

Orientasi penubuhan pesantren adalah untuk melahirkan manusia yang berguna kepada seluruh masyarakat (*Anfa'u li al-nās*). Seorang santri diharapkan dapat memenuhi keperluan masyarakat dalam pelbagai masalah. Contohnya ketika masyarakat dahaga akan ilmu pengetahuan, mengalami keruntuhan akhlak, memerlukan pencetus idea baru, dan ketika mengalami krisis ekonomi. Alumni pesantren dituntut untuk memberi pelbagai peranan kepada masyarakat, kerana pesantren telah membentuk para santri untuk menjadi pemimpin masyarakat (*community leader*).[24] Lepasan pesantren seperti Abdurrahman Wahid (Gus Dur) seorang bekas santri juga cucu kepada kiai Hasyim Asy'ari pengasas pesantren Tebuireng Jombang menjadi presiden Republik Indonesia yang ke-4 (1999) merupakan bukti sejarah bahawa alumni pesantren bukan hanya berkecimpung dalam bidang agama sahaja, malah turut berperanan dalam usaha memajukan ekonomi masyarakat miskin dan memartabatkan masyarakat perkampungan.

1.2 Latar belakang kajian

Pesantren sebagai institusi pendidikan Islam tradisional berasal daripada masyarakat yang sangat berpotensi untuk terus berkembang dan memberikan peranan penting kepada masyarakat sekitarnya. Apabila merujuk kepada tradisi kehidupan seharian di pesantren, ianya memiliki potensi yang luar biasa. Jika dapat diuruskan dengan bijak, maka pesantren akan mampu mengembangkan diri bahkan

---

[23] Dian, "Pengembangan potensi pesantren pada abad 21 dalam tinjauan sosiologi pendidikan" *Jurnal Media Pendidikan,* 24 no. 1, (April 2009), 86-87.

[24] M. Dawam Rahardjo (1985), *Pergulatan Dunia Pesantren,* 291. Manakala maksud dari kepimpinan ialah suatu proses, perilaku atau hubungan yang menyebabkan suatu kumpulan boleh bertindak secara bersama-sama atau bekerja sama sesuai dengan peraturan dan tujuan bersama. Sebaliknya pemimpin ialah orang yang melaksanakan proses, kelakuan atau hubungan tersebut. Lihat. Sarlito Wirawan Sarwono, *Psikologi Sosial Kelompok dan Terapan*, ed. ke-3 (Jakarta: Balai Pustaka,2005), 40.

University of Malaya

mengembangkan ekonomi masyarakat sekitar. Menurut Zubaedi, pesantren memiliki tiga potensi iaitu aktiviti 24 jam penuh dilakukan di dalam pesantren, *kedua* secara amnya pesantren berada di lingkungan masyarakat dan *ketiga* pesantren mendapat kepercayaan oleh masyarakat sekitar.[25]

Secara majoritinya, para alumni pesantren berkhidmat kepada masyarakat dan ini menjadi bukti bahawa pesantren berperanan sebagai institusi sosial masyarakat dalam bentuk perubahan (*changing)* dan pembangunan (*developing*) masyarakat. Antara permasalahan yang menjadi perhatian dalam masyarakat seperti; kemiskinan, kerosakan akhlak dan moral.[26] Sebagaimana pendapat Dawam Rahardjo, dewasa ini pesantren telah berfungsi sebagai pusat kecemerlangan (*centre of excellence)* yang mendidik pemikir-pemikir agama (*religious intellectual*) dan berfungsi sebagai agen pembangunan (*agent of development)* yang mewujudkan pemimpin-pemimpin masyarakat *(community leader)* terutamanya dalam daerah perkampungan.[27]

Fungsi pesantren sebagai agen pembangunan telah bermula sejak tahun 1970an. Pesantren telah berusaha memperluaskan peranannya bukan hanya dalam penyebaran informasi ajaran tentang ilmu agama Islam, namun seiring dengan perjalanan waktu, pesantren menjadi tempat yang strategik dalam memperkasakan masyarakat dengan menciptakan sumber manusia yang terdidik dan terampil.[28] Profil keluaran pesantren ialah menjadi insan yang berketerampilan dalam memainkan peranan dengan asas iman dan taqwa kepada Allah s.w.t., menjadi pemimpin agama di dalam masyarakat yang

---

[25] Lihat. Zubaedi, *Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Pesantren Kontribusi Fiqh Social Kia Sahal Mahfudz Dalam Perubahan Nilai-Nilai Pesantren* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2006), 19-20.

[26] Sri Haningsih, "Peran Stategi Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no.1 (2008), 36.

[27] M. Dawam Rahardjo, *Pergulatan Dunia Pesantren,* xxi.

[28] Lihat. Akhtim Wahyuni, "Peran sosial pesantren dalam pemberdayaan Masyarakat," *Jurnal Ilmiah kreatif* 6, no.1 (Januari 2009), 33.

University of Malaya

cekap dan dinamik serta menjadi intelektual yang peka terhadap masalah sosial di sekitarnya.[29] Sesuai dengan pendapat Rahimin Affandi, ada tiga peranan penting yang boleh dimainkan oleh institusi pendidikan Islam bagi menjamin pembangunan sebuah negara:

1. Melahirkan insan (warganegara) yang sempurna dan seimbang, dari segi jasad, roh dan akal yang universal dari segi ilmu, kesedaran diri dan praktikal akhlaknya.
2. Melahirkan tenaga kerja dan intelektual ummah yang mampu berkhidmat kepada masyarakat secara berkesan dan berhemat.
3. Melahirkan golongan ilmuwan dan sarjana yang membangun dan mengembangkan sesuatu disiplin keilmuan Islam moden.[30]

Pesantren memiliki peranan yang penting di dalam mewujudkan realiti hubungan sosial masyarakat setempat. Oleh kerana ianya lahir daripada harapan dan cita-cita masyarakat yang menjadikan nilai-nilai Islam sebagai teras konsep dan motivasi beramal. Tidak hairanlah apabila pesantren mampu membawa ajaran dan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan masyarakat.[31] Contohnya membangunkan ekonomi masyarakat sekitar dengan pendekatan manusia secara syumul dan sepadu (harmoni) dalam segala aspek keperluan pembangunan manusia sama ada kerohanian dan kebendaan; kepentingan individu dan masyarakat; menghayati akhlak dan kegiatan ekonomi.[32]

---

[29] M. M Billah, "Pikiran Awal Pengembangan Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 294.

[30] Lihat. Ed. Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Pendekatan baru Maqasid al-Shariah dalam pengajian syariah di Malaysia: Satu Analisis" dalam (kertas kerja international Conference: Islamic jurisprudence and the challenges of 21 century, anjuran UIAM, 8 Ogos 2006), 36-37.

[31] Lihat. Ed. Rofiq A et al., *Pemberdaya Pesantren Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan* (Yogyakarta: LKIS Pelangi Aksara, 2005), 13.

[32] Lihat. Nik Mustapha Hj Nik Hassan, "Agenda Membangun Ekonomi Umat Islam," dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Perspektif Malaysia,* ed. Khairul Azmi Muhammad et al., (Kuala Lumpur: Pro Office shope, 2001), 85.

University of Malaya

Menurut Hamdan Rasyid, hingga saat ini pesantren memiliki dua peranan iaitu berperanan sebagai wadah pengembangan keilmuan dan sosialisasi ekonomi syariah dalam masyarakat, serta menjadi tempat pelatihan dalam teori ekonomi syariah bagi para penghuni dan masyarakat sekitarnya.[33] Kedua-dua peranan ini dimainkan oleh pesantren kerana ianya memiliki kekuatan daripada sumber manusia seperti santri, alumni pesantren, ibu bapa santri mahupun jemaah majlis ilmu yg terdiri daripada kalangan masyarakat sekitar. Tidak hairan apabila Gabenor negeri Jawa Timur Soekarwo menyatakan bahawa pesantren merupakan model pendidikan terbaik di dunia.[34]

Menteri Kewangan Republik Indonesia Agus Martowardojo berpendapat apabila pesantren diuruskan dengan baik, maka ianya akan menjadi asas ekonomi Islam yang kuat.[35] Begitu juga Prof. Dr. Agus Sartono timbalan menteri penyelaras kebajikan rakyat berpendapat bahawa Indonesia memiliki 30 ribu penduduk miskin, apabila separuh dari jumlah santri pesantren yang ada di seluruh pesantren di Indonesia mampu berdikari dan memperkasakan masyarakat, beliau yakin permasalahan kemiskinan akan dapat diselesaikan bahkan tahun 2030 Indonesia akan menjadi pemangkin pembangunan ekonomi dunia.[36] Oleh kerana santri pesantren merupakan pelapis bangsa yang dijangkakan dapat memberi warna positif pada masa hadapan bagi kemajuan

---

[33] Lihat, Hamdan Rasyid, "Peran Pesantren dalam Pengembangan Ekonomi Islam" (kertas kerja dalam seminar ekonomi Outlook 2012, dengan tema Sistem Ekonomi Islam Sebagai Solusi Problematika Perekonomian dan Membangun peradaban Umat dan Bangsa" anjuran Departemen Ekonomi Syariah Universiti Airlangga Surabaya, 24 December2011), 4.

[34] Taufiq Rahman," Jatim Kembangkan Sekolah Mini Di Pondok Pesantren", laman sesawang *Republikan Online,* dicapai 18 Disember 2013, http://www.republika.co.id/berita/pendidikan/eduaction/13/11/03/mvokhu-jatim-kembangkan-sekolah-mini-di-pondok-pesantren

[35] Berita resmi Antara, laman sesawang *Berita antara*, dicapai 8 September 2012, http://www.us.bisnis.news.viva.co.id/news.

[36] Prof. Dr. Agus Sartono, "Pesantren Simpan Potensi Besar Menanggulangi Kemiskinan," laman sesawang *menkokesra*, dicapai 13 Mac 2013http://www.menkokesra.go.id/content/pesantren-simpan-potensi-besar-menanggulangi-kemiskinan

University of Malaya

bangsa dan Negara Indonesia.[37] Begitu juga menurut naib menteri agama Indonesia Nazaruddin Umar, hal ini kerana para santri belajar di pesantren, dan pesantren merupakan institusi pendidikan Islam yang khas di negara Indonesia dengan kurikulum pembelajaran yang tidak ada di dunia pendidikan formal.[38]

Walau bagaimanapun, dalam penelitian Dhofier keadaan umat Islam di Indonesia yang merupakan penduduk muslim terbesar di dunia dengan jumlah penduduknya lebih kurang 241 juta orang[39] yang majoriti beragama Islam[40] terbahagi menjadi dua golongan iaitu; kaum muslim bandar yang maju ekonomi dan pendidikannya, dan kaum muslim kampung yang masih miskin dan rendah pendidikannya.[41] Merujuk data di badan pusat statistik (BPS) kerajaan Indonesia pada bulan Mac 2012, penduduk miskin negara Indonesia mencapai 29,130,000 orang atau 11.96 peratus,[42] dan salah satu puncanya ialah pengangguran[43] disebabkan lemahnya kualiti sumber manusia.[44] Perkara ini dibuktikan oleh indeks kualiti sumber manusia bahawa negara Indonesia berada pada tangga ke-100 daripada 174 negara di dunia. Sebagaimana yang direkodkan oleh BPS

---

[37] Djibril Muhammad, "Menag: Tantangan bagi santri kian berat", laman sesawang *Republika*, dicapai 1 Ogos 2011, http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/11/08/01/lp91nk-menag-tantangan-bagi-santri-kian-berat.

[38] Julkifli Marbun, "Pesantren adalah lembaga Pendidikan Sejati'', laman sesawang *Republika,* dicapai 3 Septrember 2014, http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/09/03/nbb4h0-pesantren-adalah-lembaga-pendidikan-sejati .

[39] Badan Pusat Statistik, Laman sesawang *Badan Pusat Statistik,* dicapai 3 Disember 2012, http://www.bps.go.id/?news=940.

[40] Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 4.

[41] *Ibid.,* 8.

[42] Direktoret Diseminasi, *Katalog BPS No: 1103003, Data Stategis Badan Pusat Statistik* (Jakarta: Nasional Indah, 2012), 59, entri "erat."

[43] Pengangguran yang dimaksudkan ialah mereka yang tengah mencari pekerjaan, atau mereka yang tengah mempersiapkan usaha, atau mereka yang tidak mencari pekerjaan karena merasa tidak mungkin mendapatkan pekerjaan, dan mereka yang sudah punya pekerjaan tetapi belum mulai bekerja (sebelumnya dikategorikan sebagai bekerja), dan pada masa yang sama mereka tak bekerja *(jobless)*. Direktoret Diseminasi, *Katalog BPS No: 1103003, Data Stategis Badan Pusat Statistik,* 88.

[44] Payaman J. Simanjuntak, "Mempersiapkan Sumber Daya Manusia Untuk Mendukung Dunia Usaha," dalam *Keluar Dari Krisis Agenda Aksi Pemulihan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia,* ed. Fahruddin Salim dan Muhtar Hadyu (t.t.:Pimpinan Pusat Gerakan Pemuda Ansor, 2000), 168.

University of Malaya

angkatan kerja yang berumur 15 tahun ke atas masih ramai didominasi oleh lepasan Sekolah Tingkatan Atas (SPM) 25.7% dan Sekolah Tingkatan Menengah (PMR) 25.4 %. Bahkan lepasan Sekolah Dasar (darjah) seramai 19.8%. Manakala tenaga kerja daripada diploma hanya 2.69% dan sarjana 5.8% sahaja.[45]

Kajian Akhmad Faozan mendapati bahawa sebahagian besar pengangguran tersebut ialah daripada kalangan alumni pesantren.[46] Pendapat ini diperkuat oleh Rr. Suhartini bahawa komuniti alumni pesantren hanya menambah pengangguran di Indonesia,[47] termasuk ramai daripada kalangan santri mahupun alumni pesantren yang belum bersedia menghadapi cabaran persaingan dalam mencari pekerjaan, dan banyaknya pesantren yang belum mengembangkan potensi ekonominya.[48] Menurut Rokhmin Dahuri perkara ini berlaku kerana para ulama dan kiai belum memperhatikan aspek ekonomi dan sumber alam yang ada disekitarnya, sehingga dua aspek tersebut lebih dikuasai oleh pihak asing.[49] Begitu juga pendapat Didin Hafidhuddin Ketua Badan Amil Zakat Nasional Indonesia (BAZNAS) menyatakan bahawa pesantren masih belum mengenal pasti potensi-potensi yang dimilikinya.[50]

Difahamkan daripada pandangan-pandangan di atas bahawa masih banyak pesantren yang belum menyedari potensi-potensi yang dimilikinya, termasuk belum

---

[45] Badan Pusat Statistik, laman sesawan *BPS*, dicapai 22 Februari 2014 http://www.bps.go.id/?news=940

[46] Ahmad Faozan,"Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi," *Jurnal Ibda'* 4, no. 1 (Jan-Jun 2006), 3.

[47] Rr. Suhartini, "Problem Kelembagaan Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren," dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 236.

[48] Johar Arif, "Pondok Pesantren Pelu Mengembangkan Kewirausahaan", laman sesawang *Republika*, dicapai 6 Julai 2011,http://www.republika.co.id/berita/nasional/dpr-ri/11/07/15/lnwx8a-pondok-pesantren-perlu-mengembangkan-kewirausahaan.

[49] Didi Purwadi, "Rokhmin: Ulama harus turun tangan atasi bangsa", laman sesawang *Republika,* dicapai 8 Februari 2014, http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/02/08/n0oqev-rokhmin-ulama-harus-turun-tangan-atasi-bangsa.

[50] Indra Wulandari, "Pesantren Belum Mandiri Karena Tak Sadar Potensi", laman sesawang *Republika,* dicapai 6 November 2014,http://khazanah.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/11/06/nelro5-pesantren-belum-mandiri-karena-tak-sadar-potensi.

University of Malaya

bertindak balas terhadap permasalahan-permasalahan sosial yang terjadi di masyarakat sekitarnya. Pesantren lebih berperanan secara dalaman sahaja seperti pembelajaran ilmu agama kepada para santri dan telah melupakan aspek luaran iaitu menjadi media pemerkasaan masyarakat dari pelbagai aspek.[51] Sehingga perkara ini menarik untuk dikaji lebih lanjut, dengan tujuan dapat mengetahui secara jelas fenomena sebenar yang berlaku.

Berikut perbandingan angka kemiskinan[52] di Indonesia pada bulan Mac 2011 dan 2012 antara yang tinggal di bandar dengan yang tinggal di perkampungan dikemukan dalam rajah 1.1 seperti di bawah untuk dijadikan gambaran fenomena kebelakangan ini;

Jadual 1.1 Jumlah penduduk Miskin Mengikut daerah Mac 2011 dan Mac 2012

Daerah/tahun	Jumlah penduduk Miskin (juta orang)	Peratus penduduk miskin
Daerah Bandar		
Mac 2011	11,05	9.23
Mac 2012	10,65	8.78
Daerah perkampungan		
Mac 2011	18,97	15.72
Mac 2012	18,48	15.12
Bandar & Kampung		
Mac 2011	30,02	12.49
Mac 2012	29,13	11.96

Sumber data: Diubahsuai dari data Survai Sosial Ekonomi Nasional (Susenas) bulan Mac 2010 dan Mac 2011

[51] Muhammad Jamaluddin, "Metamorfosis Pesantren Di Era Globalisasi," *Jurnal Karsa* 20, no. 1 (2002), 134.

[52] Kemiskinan yang dimaksudkan ialah ketidakupayaan dan ketidakmampuan masyarakat dalam memenuhi hak-hak asas, termasuklah rendahnya kualiti kehidupan masyarakat iaitu angka harapan hidup (peringkat kesihatan), penguasaan ilmu pengetahuan (tahap pendidikan) dan standard kehidupan yang layak (tahap ekonomi). Direktoret Diseminasi, *Katalog BPS No: 1103003, Data Stategis Badan Pusat Statistik*, 4.

University of Malaya

Rajah 1.1 Perbandingan Peratus Penduduk Miskin Mengikut daerah bulan Mac 2011 dan bulan Mac 2012



Sumber data: Diubahsuai dari data Survai Sosial Ekonomi Nasional Kerajaan Indonesia (Susenas) bulan Mac 2010 dan Mac 2011

Meskipun data di atas hanya dibandingkan dalam masa dua tahun namun, secara umumnya dapat difahami penduduk miskin yang tinggal di perkampungan lebih ramai berbanding penduduk yang tinggal di Bandar. Pada bulan Mac 2011 penduduk miskin yang tinggal di Bandar seramai 11,050,000 orang atau 9.23 peratus manakala penduduk miskin yang tinggal di perkampungan seramai 18,970,000 orang atau 15.72 peratus. Jumlah perbezaan pada tahun 2011 yang tinggal di Bandar dengan yang tinggal di perkampungan seramai 7,470,000 orang. Sekalipun pada bulan Mac 2012 apabila dibandingkan dengan Mac 2011 mengalami penurunan angka kemiskinan, namun perbezaan antara yang tinggal di Bandar dengan yang tinggal di kampung masih jauh iaitu 8.78 peratus berbanding dengan 15.12 peratus. Padahal secara amnya dari 27,000 pondok pesantren di Indonesia dibangun dan didirikan di daerah perkampungan.

Selain daripada itu, data di atas juga menunjukkan bahawa umat Islam di Indonesia masih dilanda kemiskinan. Padahal kemiskinan itu bercanggah dengan ideologi Islam dan sebenarnya kemiskinan yang melarat tiada tempatnya di dalam masyarakat Islam. Sepertimana hadith masyhur Rasulullah s.a.w. bahawa “kefakiran itu

University of Malaya

amat dekat dengan kekufuran".[53] Oleh kerana, cara hidup Islam telah memberi jaminan bahawa tiada sesiapa pun patut mengalami kekurangan keperluan asas dalam hidupnya. Sudah menjadi tanggungjawab setiap umat Islam untuk sentiasa mengharapkan kebaikan bagi saudara seislamnya, seperti mana kebaikan itu diharapkan pada dirinya sendiri.[54]

Sudah tiba masanya pesantren sebagai pusat pengembangan dan penyebaran ajaran Islam untuk melakukan perubahan dan bertindak balas terhadap kepelbagaian masalah sosial masyarakat seperti kemiskinan kerana pencapaian kesejahteraan hidup melalui aktiviti ekonomi adalah anjuran agama.[55] Agama lain pun boleh bersetuju dengan pengangan ini. contohnya, Kung Fu Tze dan juga Mencius yang menasihati muridnya untuk memperbanyakkan harta, kemudian pendidikan.[56] Kehidupan di dunia dan akhirat mestilah berjalan seiring bahkan menyatu. Mengabaikan salah satu daripadanya merupakan kesalahan yang nyata. Sebagaimana firman Allah dalam surah (al-Qaṣṣoṣ ayat 77.

وَٱبۡتَغِ فِيمَآ ءَاتَىٰكَ ٱللَّهُ ٱلدَّارَ ٱلۡأٓخِرَةَۖ وَلَا تَنسَ نَصِيبَكَ مِنَ ٱلدُّنۡيَاۖ ٧٧

Qaṣṣoṣ (27): 77

> Terjemahan: Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu, tetapi janganlah kamu melupakan bahagianmu di dunia.

---

[53] Hadith marfu' diriwayatkan oleh Abū Nu'aym, Ibnu al-Sakan al-Bayhaqī dan Ibnu 'Adī. Dalam riwayat yang serupa telah dinukilkan oleh al-Tabrānī, al-Nasā'ī dan Ibnu Ḥibbān. Lihat Ismā'īl al-'Ajlūnī, *Kashf al-Khafā'* (Beirut:Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.), 141

[54] Lihat, Mohammed Ariff, "Pembangunan Ekonomi Mengikut Perspektif Islam" dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Muhammad Syukri Salleh et al., (Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia,1990), 22.

[55] Suwito,"Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren," *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan* 6, no. 3 (Julai – September 2008), 20.

[56] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*, ed. ke-5 (Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2005), 75.

University of Malaya

Kajian ini dijalankan sebagai usaha untuk membuktikan dan menjelaskan sebab musabab fenomena yang sebenarnya. Sehingga kajian ini diberi tajuk peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi bagi masyarakat sekitar. Peranan yang ditekankan di sini iaitu pesantren sebagai tempat pelatihan teori ekonomi syariah bagi para penghuni dan masyarakat sekelilingnya. Manakala pembangunan ekonomi yang dimaksudkan pembangunan yang bersifat kualitatif, yang membawa kebaikan seimbang dan kekal dalam kesejahteraan masyarakat dari segi kebendaan dan bukan kebendaan.

1.3 Persoalan kajian

Kajian ini akan cuba menjawab soalan kajian berikut:

1. Apakah visi, misi dan falsafah pesantren bagi menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar ?
2. Apakah tujuan pengembangan ekonomi pesantren ?
3. Apakah potensi ekonomi yang dimiliki oleh pesantren untuk memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar ?
4. Apakah peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar ?

1.4 Objektif kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mencapai tujuan dan objektif berikut:

1. Menganalisis visi, misi dan falsafah pesantren bagi menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.
2. Menganalisis tujuan pengembangan ekonomi pesantren.
3. Menganalisis potensi-potensi ekonomi yang dimiliki oleh pesantren untuk memainkan peranan dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.
4. .Menganalisis peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

University of Malaya

1.5 Kepentingan kajian

Dengan memfokuskan kajian dalam aspek pembangunan ekonomi masyarakat sekitar pesantren, kajian ini berusaha untuk:

1. Membuktikan bahawa pesantren sebagai institusi tertua di kepulauan Nusantara sentiasa berdikari dengan mempertahankan visi, misi dan falsafah pesantren. Melalui daripada hasil kajian ini, diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan tentang pesantren sama ada secara teori mahupun amalan. Secara teori untuk menunjukkan konsep, idea dan falsafah pesantren dalam menyokong kesejahteraan masyarakat. Manakala secara amalan menguji idea dan gagasan pesantren dalam pengembangan ekonominya.
2. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti usaha-usaha ekonomi pesantren dalam memajukan ekonomi masyarakat sekitar pesantren. Perkara ini bermaksud memberi jawapan atas tuduhan bahawa pesantren institusi yang melahirkan penganggur. Di samping itu daripada dapatan tentang usaha-usaha ekonomi dalam memajukan ekonomi masyarakat sekeliling, diharapkan boleh diterapkan dan menjadi contoh untuk pesantren-pesantren lainnya.
3. Seiring dengan perkembangan zaman, pesantren bukan sahaja sebagai tempat pengajaran ilmu agama sahaja. Malah pesantren menjadi sebuah medium pembangunan masyarakat, maka kajian ini berusaha mendedahkan usaha-usaha pesantren dalam memperkasakan ekonomi masyarakat. Sehingga daripada hasil kajian ini NGO mahupun pihak kerajaan dapat menjadikan pesantren sebagai tulang belakang bagi membangunkan ekonomi masyarakat desa.
4. Setelah diketahui potensi-potensi yang dimiliki pesantren sama ada potensi dalam bentuk ekonomi mahupun bukan ekonomi, hasil kajian ini diharapkan dapat

University of Malaya

memberikan cadangan kepada pihak pesantren dalam memanfaatkan peluang dan potensi tersebut untuk menjaga kepercayaan, nama baik pesantren..

5. Setelah diketahui sumbangan dan peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat, diharapkan dapat memberi penjelasan kepada kerajaan mahupun NGO agar tidak memandang rendah terhadap pesantren, bahkan pihak tersebut dapat menjadikan pesantren sebagai pusat pembangunan ekonomi untuk masyarakat sekitarnya. Contohnya dengan memberi bantuan dana, sokongan, khidmat nasihat dan perundingan, mahupun program-program latihan untuk memajukan ekonomi masyarakat.

1.6 Skop Kajian

Bidang penelitian ini melibatkan sosiologi ekonomi, iaitu analisa proses sosiologis yang terlibat dalam institusi ekonomi. Menurut Macionis institusi ekonomi ialah institusi sosial yang paling berpengaruh, dimana tugasnya bertanggungjawab untuk mengatur pengeluaran, pengagihan, dan penggunaan barangan dan perkhidmatan sekalipun tidak memberikan kebaikan kepada semua pihak. Beliau menambahkan bahawa institusi ekonomi juga merupakan suatu set idea. Set idea itu meliputi ilmu pengetahuan yang diagihkan untuk memenuhi keperluan masyarakat.[57]

Kajian ini terhad kepada perkara yang berhubung kait dengan usaha-usaha pesantren dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat sekeliling. Oleh sebab itu kajian ini akan mendedahkan lebih lanjut tentang nilai dan falsafah pesantren serta strategi-strateginya dalam membangunkan ekonomi masyarakat dari pelbagai aspek. Sehingga fokus kajian ini iaitu peranan pesantren terhadap pembangunan ekonomi

[57] Lihat. Zawiyah Mohamad Yusof, *Sains Sosial & Teknologi Maklumat* (Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2008), 193.

University of Malaya

masyarakat yang berasaskan sistem pembangunan ekonomi Islam yang dibangun atas dasar sistem ekonomi rakyat bukan sistem ekonomi konglomerat *(conglomeration)*.[58]

Hingga saat ini pada tahun 2012 pesantren di Indonesia sebanyak 27,218 pesantren yang tersebar di seluruh kepulauan Indonesia. Pesantren-pesantren itu terdiri daripada pesantren *Salafiyyah* sebanyak 13,446 (49.4%), pesantren *Khalafiyyah* sebanyak 3,064 (11.3%) dan pesantren *Kombinasi* sebanyak 10,708 (39.3%).[59]

Rajah 1.2 Perbandingan Jumlah Pesantren Salafiyyah, Khalafiyyah dan Kombinasi Tahun 2012



Diubahsuai dari: Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Ditjen Pendidikan Islam, Kementerian Agama Republik Indonesia Tahun 2012.

Walau bagaimanapun, kajian ini akan dijalankan pada tiga kes pesantren iaitu; Pesantren al-Yasini Pasuruan (*salafiyyah)*, Pesantren Gontor Ponorogo (*khalafiyyah)*

[58] Ekonomi konglomerasi sama halnya dengan ekonomi kapitalis atau perekonomian yang hanya dikuasai oleh kalangan elit sahaja. Manakala ekonomi rakyat ialah suatu sistem yang berdasarkan pada kekuatan ekonomi rakyat yang merangkumi segala kegiatan ekonomi masyarakat tempatan untuk dikembangkan guna mencapai tingkat kemakmuran dan kesejahteraan yang setinggi-tingginya dan seadil-adilnya bagi rakyat. Dalam bahasa lain segala aktiviti perekonomian dilaksanakan dari rakyat, oleh rakyat dan keuntungan kembali kepada rakyat yang berpandukan ajaran Islam. Lihat. Zarkasih Nur, "Restrukturisasi Dunia Usaha dan Ekonomi Rakyat Dalam Membangun Struktur Perekonomian Yang Tangguh," dalam *Keluar Dari Krisis Agenda Aksi Pemulihan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia,* ed. Fahruddin Salim dan Muhtar Hadyu (t.t.:Pimpinan Pusat Gerakan Pemuda Ansor, 2000), 196.

[59] Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Ditjen Pendidikan Islam. Kementerian Agama Republik Indonesia, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 23 Julai 2012, http//www. Pendis.Kemenag.go.id/

University of Malaya

dan Pesantren Miftahul Ulum Sidogiri (*kombinasi*). Ketiga-tiga kes kajian ini terletak di negeri Jawa Timur. Negeri Jawa Timur dipilih sebagai lokasi kajian kerana ianya merupakan sejarah awal perkembangan pesantren di Indonesia dan pesantren-pesantren di Jawa Timur juga merupakan asal usul penyebaran Islam ke daerah-daerah yang belum ramai penduduk Islamnya.[60] Sesuai dengan kajian Ronald A. Lukend-Bull bahawa Jawa Timur merupakan pusat lahirnya pesantren yang tersebar di seluruh Indonesia.[61] Di samping itu, Jawa Timur dipilih kerana kepadatan penduduk, kepelbagaian taraf sosio-ekonomi dan kepelbagaian budaya etnik serta angka kemiskinan di negeri Jawa Timur pada tahun 2012 menunjukkan angka yang membimbangkan iaitu pada garis 13.40 peratus atau penduduk miskin seramai 507,098 orang.[62]

Oleh kerana itu, diharapkan dapatan kajian dapat menggambarkan hasil yang boleh dirujuk bersama di semua tempat. Secara jelasnya pesantren-pesantren itu ialah sebagai berikut:

1) Pondok Pesantren Darussalam Gontor yang bertempat di desa Gontor Ponorogo Jawa Timur dengan sistem *khalafiyyah* (moden). Pesantren ini dipilih atas dasar kecemerlangannya. Ianya juga merupakan pondok pesantren moden terbesar di Indonesia yang memiliki 13 cawangan Gontor Putera dan 7 cawangan Gontor Puteri di seluruh Indonesia,[63] dengan kepadatan seramai 23,000 orang santri[64] dan

---

[60] Lihat, Joko Sayono, " Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942)," *Jurnal Bahasa dan Seni* 33, no. 1 (Februari 2005), 66.

[61] Ronald A. Lukend-Bull, "Teaching morality: Javanese Islamic education in a globalizing era," *Journal of Arabic and Islamic studies,* 3 (2000)*,* 28.

[62] Lihat, Tim Penyusun, *Katalog BPS: 9199017- 2012 Laporan Bulanan Data Sosial Ekonomi*, ed. Ke-Septermber 2012 (Jakarta: Badan Pusat Statistik Indonesia, 2012), 111, entri "erat."

[63] Tim Penyusun Wardun, *Wardun Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor* (Ponorogo:Timur: Darussalam Press, 2012), 72, entri "erat."

[64] Ishomuddin, "Santri Gontor dibekali kepemimpinan", Laman sesawang *Tempo,* dicapai 16 April 2014, http://ramadan.tempo.co/read/news/2013/07/21/151498301/Santri-Gontor-Dibekali-Kepemimpinan.

University of Malaya

memiliki perusahaan ekonomi sebanyak 32 jenis perusahaan yang aktif hingga saat ini. [65]

2) Pesantren Sidogiri yang terletak di Kraton Sidogiri Pasuruan Jawa Timur dengan sistem *Salafiyyah.* Pesantren ini dipilih sebagai tempat kajian kerana ianya juga merupakan pesantren yang mendapat gelaran "Pesantren Wirausaha Pertama" di Indonesia,[66]hingga saat ini memiliki perusahaan ekonomi sebanyak 35 perniagaan dan 300 Baitu al-Māl wa al-Tamwīl (BMT) yang tersebar di pelbagai daerah di negeri Jawa Timur.[67]

3) Pesantren al-Yasini dengan sistem pengajaran *kombinasi* yang dibangunkan di daerah Areng-Areng Wonorejo Pasuruan Jawa Timur dipilih sebagai tempat kajian kerana di samping ramainya santri yang mendapat johan sebagai santri bisnis,[68] pesantren ini juga pengasas Himpunan Pengusaha Santri Indonesia (HPSI).[69]

1.7 Definisi Tajuk

Istilah peranan menurut Stogdil merupakan terjemahan dari kata "*function*" fungsi, "*job*" kerja, atau "*work*" berkerja.[70] Manakala peranan menurut Edy Suhardhono merangkumi tiga pendekatan, iaitu *pertama* secara histories, peranan merujuk kepada

---

[65]Yusuf assidiq, "KH Abdullah Syukri Zarkasyi; Bekali Santri dengan jiwa perjuangan", Laman sesawang *Republika,* dicapai 11 April 2014, http://www.republika.co.id/berita/event/tokoh-perubahan-republika-2011/12/04/11/m2amn6-kh-abdullah-syukri-zarkasyi-bekali-santri-dengan-jiwa-perjuangan.

[66]Syaiful Bakhri, "Sukses Koperasi Berbasis Pesantren", Laman sesawang *BMT UGT Sidogiri,* dicapai 9 Januari 2015, http://bmtugtsidogiri.co.id/berita-146.html.

[67]Aryudi A. Razaq, "Aset Koperasi Pesantren Sidogiri Tembus Rp 1 Triliun", Laman sesawang *NU Online,* dicapai 27 Februari 2014, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,46-id,50461-lang,id-c,pesantren-t,Aset+Koperasi+Pesantren+Sidogiri+Tembus+Rp+1+Triliun-.phpx.

[68] Admin, "Pemenang Anugerah Wirasantri Mandiri 2012", Laman Sesawang *RMI NU,* dicapai 14 Februari 2013, http://www.news.rmi-nu.or.id/2012/07/pemenang-anugrah-wirasantri-mandiri-2012.html

[69] Mukafi Niam, "HIPSI Ingin cetak sejuta santri pengusaha", Laman sesawang *NU Online*, dicapai 6 Februari 2013, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,44-id,39144-lang,id-c,nasional-t,HIPSI+Ingin+Cetak+Sejuta+Santri+Pengusaha-.phpx.

[70] R Achmad Rustandi, *Gaya Kepemimpinan - Pendekatan bakat situasional* (Bandung: Armico, 1985), 46.

University of Malaya

karakter yang dibawakan oleh pelakon dalam sebuah pentas drama atau teater. *Kedua* secara ilmu sosial, peranan merupakan suatu fungsi seseorang ketika menduduki jawatan dalam struktur sosial. *Ketiga* peranan yang bersifat operasional dan stuktural.[71] Manakala peranan yang dimaksudkan dalam tajuk kajian ini iaitu pesantren sebagai institusi pendidikan secara operasional dan struktural memiliki pelbagai peranan. Pesantren bukan hanya sebagai institusi yang melahirkan para ulama dan cendekiawan muslim sahaja, namun selain daripada itu pesantren juga berusaha memenuhi keperluan ekonominya sekaligus menyelesaikan permasalahan sosial yang ada di sekelilingnya, termasuk memperkasakan ekonomi masyarakat melalui usaha-usaha ekonomi di pesantren. Dapat difahami pesantren memiliki pelbagai fungsi dan peranan yang meliputi pendidikan, dakwah, sosial kemasyarakatan, budaya dan bahkan perjuangan di zaman penjajahan.[72]

Istilah pondok berasal dari bahasa Arab iaitu *funduq* yang bererti khemah.[73] Khemah sendiri menurut bahasa melayu bermakna tempat berteduh.[74] Manakala menurut Dhofier pondok bererti hotel atau asrama bagi para santri untuk tempat tinggal yang dibuat dari buluh.[75] Pondok lebih sesuai dengan sebuah bangunan yang dibuat daripada bahan-bahan sederhana, kemudian dipotong-potong menjadi beberapa bilik kecil yang ukurannya lebih kurang dua meter kali tiga meter.[76] Pondok dibangunkan sebagai tempat tinggal para santri untuk menuntut ilmu dari seorang guru. Biasanya

---

[71] Edy Suhardono, *Teori Peran, Konsep, Derivasi dan Implikasinya* (Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1994), 3 .

[72] Lihat, Ismail SM, "Signigikansi Peran Pesantren dalam Pengembangan Masyarakat Madani", dalam *Pendidikan Islam, Demokrasi dan Masyarakat Madani,* ed. Ismail SM, Abdul Mukti ed al., (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000), 171.

[73] Abū Lūbis Ma'lūf, *Al-Munjid Fī al-Lughoh,* ed. Ke- 32, (Bierut, Lebanon: Dār al-Mashriq, 1986), 597.

[74] *Kamus Dewan,* ed. Ke-4 (Selangor: Dawama, 2005), 783.

[75] Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 41.

[76] Sukamto, *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren* (Jakarta: LP3ES, 1999), 42.

University of Malaya

guru membaca kitab dan dikelilingi para santri yang menadah kitab, kemudian santri membuat catatan di atas nota daripada penjelasan yang diberikan oleh guru.[77] Manakala kalimat pesantren sentiasa diletakkan di belakang kalimat pondok, sehingga menjadi istilah pondok pesantren atau memadai dengan menyebut perkataan *pesantren* sahaja.

Secara bahasa perkataan pesantren diambil daripada kata santri, setelah mendapat awalan *pe* dan akhiran *an* menjadi pesantren. Manakala kata santri menurut Ali Anwar diambil dari empat bahasa iaitu Bahasa Sanskrit, Bahasa Jawa, Bahasa Tamil dan Bahasa Hindi.[78] Santri menurut Bahasa Sanskrit diambil dari kata *sant* bermaksud orang baik, disambung dengan *tra* yang bererti menolong, sehingga menjadi *santra* bermaksud orang baik yang suka menolong.[79] Santri menurut Dhofier yang memetik pendapat Prof Jhons berasal dari Bahasa Tamil yang bererti guru mengaji, sedangkan pendapat C.C Berg mengatakan santri berasal dari Bahasa Hindi yang bermaksud orang yang tahu buku-buku suci agama Hindu atau seorang sarjana ahli kitab suci agama Hindu.[80] Pendapat yang mengatakan santri berasal dari Bahasa Jawa iaitu diambil dari kalimat *cantrik* yang membawa erti seseorang yang mengabdikan diri kepada seorang guru.[81]

Makna pesantren secara istilah menurut Gamal merupakan institusi pendidikan yang mantap, bermutu dan berdikari serta berperanan sebagai wadah untuk mendalami ilmu-ilmu agama serta memelihara tradisi keislaman, sehingga dapat melahirkan para

---

[77] Abdullah Muhammad Zin et al., *Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok Ke Universiti*, 18.

[78] Ali Anwar, *Pembaharuan Pendidikan Di pesantren Lirboyo Kediri* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011), 23.

[79] *Ibid.*, 23.

[80] Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 41.

[81] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*, 61.

University of Malaya

ulama dan pemimpin umat.[82] Menurut Murdan yang memetik pendapat Mastuhu dan Aimin Abdullah, pesantren merupakan salah satu jenis pendidikan Islam di Indonesia yang bersifat tradisional bertujuan untuk mendalami ilmu agama Islam dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian dengan fokus pada moral dalam kehidupan bermasyarakat. Pesantren sekaligus sebagai pusat persemaian, pengamalan dan perkembangan ilmu-ilmu agama Islam.[83] Manakala Kadir memberikan makna pesantren sebagai institusi pendidikan untuk melahirkan manusia yang *ṣaliḥ* dan mulia sebagai pelapis umat berwawasan sosial dan peka terhadap lingkungan disamping memiliki sifat taqwa kepada Allah SWT dan orientasi pengajarannya untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.[84]

Kalimat pembangunan berasal dari perkataan bangun yang bererti bangkit atau maju. Pembangunan bererti perihal membangun atau proses membangun untuk mencapai kemajuan dan perkembangan atau pembangunan boleh juga diberi makna usaha atau aktiviti yang membangun.[85] Manakala perkataan ekonomi iaitu ilmu yang berkaitan dengan pengeluaran, pengagihan, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan. Atau ekonomi juga boleh bermakna sistem pengendalian sumber kekayaan.[86]

Pembangunan ekonomi dalam erti lebih luas pada polisi dan program yang dilaksanakan oleh pemerintah untuk mencapai tujuan ekonomi yang merangkumi

---

[82] Gamal Abdul Nasir Zakaria, "Pondok Pesantren: Changes and Its Future,"*Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no.2 (2010), 50.

[83] Murdan, "Pondok Pesantren dalam Listas Sejarah," *Ittihad Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan* 2, no.1 (April 2004), 33.

[84] M Kasim Abdulrahman, *Pengkajian pergesaran literature Pondok Pesantren Salafi Babakan Ciwaringin-Cirebon,* (Jakarta: Badan Litbang Agama dan Diklat Keagamaan Penelitian dan Pengembangan Literatur Keagamaan, 2005), 69.

[85] Lihat, *Kamus Dewan*, ed. Ke-4 (Selangor: Dawama, 2005), 122-123, entri "erat"

[86] *Ibid.,* 379

University of Malaya

inflasi, peningkatan kesempatan kerja dan pertumbuhan yang berterusan.[87] Tetapi erti pembangunan yang dimaksudkan dalam kajian ini iaitu pembangunan yang mengikut perspektif Islam yang bersifat material dan spiritual. Pembangunan ekonomi yang membawa kebaikan yang seimbang dan kekal dalam kesejahteraan manusia dari segi kebendaan dan bukan kebendaan.[88] Dalam erti pembangunan ekonomi secara syumul, merata dan bermatlamatkan *falaḥ* untuk membina ummah yang bertamadun.[89]

Jadi maksud daripada tajuk kajian "peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar" iaitu peranan pesantren sebagai tempat praktikum teori ekonomi syariah bagi para penghuni dan masyarakat sekitarnya. Manakala pembangunan ekonomi yang dimaksudkan iaitu pembangunan yang bersifat kualitatif berasaskan nilai-nilai Islam, membawa kebaikan yang seimbang dan kekal dalam kesejahteraan masyarakat sama ada dari segi kebendaan dan bukan kebendaan.

1.8 **Kajian literatur**

Kajian tentang pembangunan ekonomi di institusi pendidikan Islam seperti di pesantren belum begitu banyak. Selebihnya berkaitan tentang peranan pesantren terhadap pembangunan ekonomi masyarakat sekitar. Walau bagaimanapun, pengkaji mencuba semaksimum mungkin untuk meneliti dokumen-dokumen yang berkaitan terus tentang peranan pesantren terhadap masyarakat sekitar, pembangunan ekonomi di institusi pendidikan Islam dan kaedah pembangunan ekonomi berteraskan Islam. Sumber-sumber itu berasal daripada jurnal, seminar persidangan, tesis, disertasi

---

[87] Mit Witjaksono, "Pembangunan Ekonomi dan Ekonomi Pembangunan: Telaah Istilah dan Orientasi dalam Konteks Studi Pembangunan", *Journal of Economic and social policy (JESP)* 1, no. 1 (2009), 5.

[88] Abul Hasan Muhammad Sadeq, *Economic Development In Islam* (Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 1990), 2.

[89] Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," *Jurnal Usuluddin* 1, no. 27 (2008), 94.

University of Malaya

mahupun buku. Oleh itu, melalui sumber literatur ini suatu rangkaan teori konseptual dan metodologi kajian akan dibentuk.

1.8.1 Kajian tentang kewujudan *(existence)* pesantren dan sejarahnya

Menurut Joko Suyono dalam tajuk Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942), sejak awal abad ke-20 hingga sekarang pesantren sentiasa mampu mempertahankan ciri khas pesantren sekalipun pada waktu itu di bawah tekanan penjajah-penjajah Kolonial Belanda. Perubahan sosial yang terjadi dalam masyarakat khasnya budaya Barat tidak dapat mempengaruhi kehidupan pesantren secara amnya, bahkan pesantren mampu melakukan adaptasi dan kesesuaian diri dengan lingkungan. Kaedah yang beliau gunakan dalam kajian ini ialah kaedah sejarah yang meliputi kritik, interpretasi dan historiografi.[90] Dalam kajian ini beliau hanya menjelaskan tentang perkembangan pesantren dari semasa ke semasa. Perkembangan yang beliau maksudkan ialah perkembangan dalam bentuk fizikal dan jumlah pesantren serta peranan pesantren dalam penyebaran agama Islam ke perkampungan. Beliau tidak membahas bagaimana pesantren dapat bertahan serta bagaimana perkembangan ekonomi di pesantren.

Pendapat di atas dipersetujui oleh Murdan dalam kajiannya tentang pondok pesantren dalam lintasan sejarah. Beliau katakan bahawa kewujudan pesantren sebelum Indonesia merdeka hanya menjadi markas prajurit untuk menyusun strategi dan siasat dalam melawan penjajah sama ada kolonial Belanda mahupun Jepun.[91] Nawawi yang mengkaji tentang sejarah dan perkembangan pesantren turut menyokong pendapat tersebut. Beliau katakan perjuangan pesantren dalam rangka

---

[90] Joko Suyono, "Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942)," *Jurnal Bahasa dan Seni, tahun* 33, no. 1 (Februari 2005)

[91] Murdan, "Pondok Pesantren Dalam Lintasan Sejaran," *Jurnal Ittihad Kopertais IX Wilayah Kalimantan* 2. no 1(April 2004).

University of Malaya

melawan dan mengusir penjajah dari tanah Nusantara telah dimulakan sejak Pangeran Sabrang Lor yang diteruskan oleh Panggeran Diponegoro hingga Indonesia merdeka pada tahun 1945.[92]

Ali Anwar dalam tajuk bukunya Pembaruan Pendidikan di Pesantren Lirboyo Kediri, yang merupakan hasil daripada disertasi di Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta. Beliau mendapati pesantren tradisional Lirboyo di JawaTimur dapat bertahan disebabkan tiga faktor. *Pertama*, pesantren ini masih mendapat kepercayaan masyarakat, kerana dengan fahaman *ahlu sunnah wa al-Jama'ah*. *Kedua*, pengajaran yang masih mengekalkan dengan menitikberatkan penguasaan kitab kuning yang dianggap masyarakat ilmu warisan ulama' salaf dan *ketiga*, karisma, kemuliaan dan rasa hormat masyarakat terhadap kiai di pesantren Lirboyo. Manakala dari segi pembaharuan pendidikannya, wujud penubuhan madrasah seperti *Madrasah Tsanawiyyah*, *Madrasah 'Aliyyah* sejak tahun 1989, tetap bertahannya institusi *Pendidikan Diniyyah* dan juga fungsi utama di pesantren Lirboyo yang masih berkekalan. Fungsi itu seperti pemeliharaan tradisi Islami dan melahirkan para pelapis-pelapis ulama'.[93]

1.8.2 Kajian tentang Peranan pesantren dan institusi-institusi pendidikan Islam selepas kemerdekaan

Selepas Indonesia Merdeka menurut kajian Akhtim Wahyuni yang bertajuk peran sosial pesantren dalam pemerkasaan masyarakat, pesantren telah memperluaskan peranannya, bukan sahaja dalam perlawanan penjajah malah pesantren telah memanfaatkan masyarakat sekitar untuk bergabung bersama dan

---

[92] Nawawi, "Sejarah dan Perkembangan Pesantren," *Jurnal Ibda'* 4, no. 1 (Januari – Juni 2006).

[93] Ali Anwar, *Pembaruan Pendidikan di Pesantren Lirboyo Kediri Jawa Timur* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011).

University of Malaya

memerhatikan masalah-masalah sosial yang ada dalam persekitaran mereka. Seperti menyelamatkan persekitaran dengan program penghijauan sepanjang tepi jalan di perkampungan yang berdekatan dengan pesantren. Hal itu dilakukan pesantren kerana pesantren berada di tengah-tengah masyarakat.[94]

Menurut Arief Efendi dalam kajiannya tentang peranan strategik lembaga pendidikan Islam selepas kemerdekaan, sekurang-kurangnya institusi pendidikan Islam seperti pesantren telah memberikan sumbangan dan peranan kepada tiga aspek iaitu; *pertama,* aspek pendidikan dengan meningkatkan sumber manusia yang berkualiti dan berwawasan Islam. *Kedua,* berperanan dalam aspek moral mahupun spiritual, seperti menanamkan sifat ikhlas, jujur, amanah dan sebagainya. *Ketiga,* aspek sosio budaya iaitu bertindak balas pelbagai permasalahan yang ada di masyarakat sekitar.[95] Bahkan menurut kajian Mohammed Abu-Nimer dan Ayse Kadayifci dalam tajuk human right and building peace: the case of Pakistani madrasas beliau dapati bahawa peranan institusi pendidikan Islam sangatlah ketara sekali khasnya dalam menciptakan proses lingkungan masyarakat tempatan iaitu rasa aman, damai yang berkekalan. Temasuk madrasah di Pakistan juga memainkan peranan dalam aspek sosial, ekonomi dan pendidikan seperti memupuk hubungan yang lebih baik antara mazhab yang berbeza dan kumpulan agama dengan cara memperkenalkan sumber-sumber ajara Islam tentang hak asasi manusia, toleransi, berdialog dan menciptakan suasana yang aman. Kajian ini juga turut menyokong

---

[94] Akhtim Wahyuni, ”Peran Sosial Pesantren dalam Pemberdayaan Masyarakat,” *Jurnal Ilmiah Kreatif* 6, no. 1 (Januari 2009).

[95] Arief Efendi, “Peran Strategis Lembaga Pendidikan Berbasis Islam di Indonesia,” *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no. 1(2008).

University of Malaya

daripada hipotesis para ulama bahawa nilai dan prinsip hak asasi manusia sesuai dengan ajaran agama Islam.[96]

i. Peranan dalam aspek pendidikan

Muhammad Muchlis Solichin dalam disertasinya yang bertajuk "Kerbertahanan Pesantren Salaf Al-Is'af Di Tengah Arus Modernisasi Pendidikan",[97] dengan menggunakan kaedah kajian kualitatif dan pengumpulan datanya dengan cara observasi dan temubual. Beliau mendapati bahawa pesantren *salafiyyah* mula mengadakan kesesuaian dengan prinsip pendidikan moden. Kesesuaian itu berkaitan dengan perancangan, kepemimpinan, pengurusan dan metodologi pengajaran. Inovasi itu dilakukan sebagai usaha pesantren salaf supaya dapat bertahan dan kekal di era moden ini. Sekalipun banyak perubahan namun pesantren salafiyyah masih sentiasa mempertahankan sifat-sifat salafnya seperti kesederhanaan, berdikari dan menjaga diri daripada dipengaruhi budaya Barat.

Hal ini sesuai dengan kertas kerja yang dibentangkan oleh Hadori tentang perkembangan sistem pendidikan dalam melahirkan santri atau pelajar profesional. Beliau mendapati bahawa pesantren telah melakukan pelbagai perubahan untuk melahirkan seorang santri atau pelajar yang profesional. Perubahan itu dengan cara menggabungkan antara pendidikan ilmu agama dengan ilmu umum. Seperti adanya program pendidikan, program sosial dan program ekonomi. [98]

---

[96] Mohammed Abu-Nimer dan Ayse Kadayifci, "human right and building peace: the case of Pakistani madrasas," *The International Journal of Human Right* 15, no 7 (Oktober 2011).

[97] Mohammad Muchlis Solichin, "Kerbertahanan Pesantren Salaf Al-Is'af Di Tengah Arus Modernisasi Pendidikan: Fenomena Pondok Pesantren al-Is'af Kalabaan, Guluk-Guluk, Sumenep" (Tesis Ijazah Doktoral Falsafah dalam program studi Ilmu ke-Islaman, IAIN Sunan Ampel Surabaya, 2011).

[98] Hadori, "Pengembangan sistem Pendidikan Pondok Pesantren dalam Mencetak Santri Profesional; Studi Kasus di Pondok Pesantren al-Nur II al-Murtadho Bululawang Malang" (kertas kerja dalam program pendidikan agama Islam, Fakulti Tarbiyah, UIN Malang, 2010).

University of Malaya

Raihani turut memperkuat kajian tersebut bahawa perubahan dan perkembangan sistem pendidikan di pesantren tercipta kerana beberapa faktor seperti wujudnya integrasi antara kurikulum pondok dan kerajaan iaitu memiliki matlamat yang sama, wujudnya paradigma baru di kalangan masyarakat tentang orientasi memasukkan anaknya ke pesantren, termasuk tradisi Islam dan kawalan kiyai terhadap perubahan juga turut menjadi faktor.[99]

Pendapat di atas disokong oleh Muhammed Mustari dalam kajiannya tentang peranan Institusi pesantren dalam pembangunan masyarakat desa kajian di Tasikmalaya Jawa Barat Indonesia. Dengan menggunakan kaedah pengumpulan data temubual, observasi dan analisis dokumen, beliau dapati bahawa dalam pelaksanaannya pembangunan di pesantren sepenuhnya dirancang sendiri dengan tidak melibatkan arkitek khusus. Pesantren di Jawa Barat juga telah memodenkan sistem pembelajaran dan pengurusannya. Termasuk kepemimpinan yang berasasl dari karisma kiai yang bersifat individual telah berubah menjadi kepemimpinan kolektif, dan seluruh program pembangunan yang ditawarkan oleh kerajaan Indonesia disambut oleh pesantren dengan sifat posifit. Selain daripada itu pesantren juga telah Berjaya menjawab cabaran zaman dengan menjadi institusi pendidikan yang mampu membangun dirinya sendiri sekaligus membangun masyarakat persekitarannya iaitu dengan cara adaptasi terhadap kemodenan.[100]

Begitu halnya kajian Muhammad Faishal yang bertajuk Pondok Pesantren wakaf al-Mukhlisin: Sejarah dan peranannya terhadap pendidikan Islam di Batubara (1997-

---

[99] Raihani, "Curriculum construction in the Indonesian pesantren: a comparative case study of curriculum development in two pesantrens in South Kalimantan" (Disertasi Sarjana dalam program pembelajaran dan pembangunan pendidikan, The University of Melbourne, Australia, 2001)

[100] Mohamed Mustari, "Peranan Institusi Pesantren dalam Pembangunan Masyarakat Desa: satu Kajian Kes di Tasikmalaya Jawa Barat Indonesia" (Tesis Ijazah Doktoral Falsafah dalam program Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

University of Malaya

2010),[101] mendapati bahawa pesantren wakaf al-Mukhlishin memberikan peranan yang luar biasa terhadap perkembangan pendidikan di daerah Sumatera Utara. Pesantren al-Mukhlisin dalam sejarah penubuhannya bermula dengan pendidikan dalam bentuk informal di beberapa tempat, setelah masyarakat memberikan sambutan yang baik maka ditubuhkan pesantren al-Mukhlisin. Manakala peranannya ada dua iaitu secara umum dan khusus. Peranan pesantren al-Mukhlisin secara umum atau yang dianggap oleh masyarakat awam iaitu memperkenalkan tulisan jawi bagi memudahkan membaca al-Quran, penulisan kitab-kitab agama, perubatan Islam dan penyebaran ajaran Islam. Peranan secara khususnya iaitu mewujudkan pendidikan tahfiz al-Quran hingga peringkat tadika. Beliau juga menemui beberapa permasalahan di pesantren ini, salah satunya iaitu faktor ekonomi yang lemah dan guru yang profesional sangat sedikit. Dalam kajian ini beliau hanya meneliti pesantren dari segi pendidikannya dan tidak menjelaskan sejauhmana usaha-usaha pesantren untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan dalaman khasnya lemahnya ekonomi.

Dengan mengunakan kaedah diskriptif analisis Aslawati dalam sebuah kajiannya tentang peranan institusi pendidikan Agama Islam ar-Raniry mendapati bahawa sumbangan institusi pendidikan dalam aspek pendidikan sangat ketara sekali iaitu dapat diperhatikan daripada bekas pelajarnya yang berkhidmat di masyarakat Islam. Walau bagaimapun pelajar yang telah menamatkan pengajian dari institusi ini belumlah tentu mendapat pekerjaan yang memuaskan, sehingga pelajar yang

[101] Muhammad Faishal, "Pondok Pesantren wakaf al-Mukhlisin: Sejarah dan peranannya terhadap pendidikan Islam di Batubara (1997-2010) Sumatera Utara" (Disertasi Sarjana dalam program Sejarah dan Tamadun, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

University of Malaya

menunutut ilmu di dalamnya lebih ramai bertujuan untuk mendapatkan ilmu bukan untuk mencari pekerjaan.[102]

Termasuk kajian Syaifullah Chaidir tentang peranan Institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat dalam pendidikan wanita. Beliau dapati daripada kajiannya bahawa Institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang telah banyak membantu memajukan pendidikan di dalam kawasan Padang Panjang. Kehadiran insititusi ini telah merubah minda masyarakat Padang Panjang tentang peluang belajar dan termasuk membasmi buta huruf di kalangan wanita. Sehingga dikatakan institusi ini merupakan pencetus sistem pendidikan moden untuk kaum wanita dari pelbagai aspeknya. Beberapa sumbangan di antaranya ialah menyediakan pembelajaran kemahiran dan menubuhkan pengajian tinggi khusus perempuan, merubah sistem pendidikan tradisional menjadi sistem moden, menubuhkan pendidikan guru dan menubuhkan pusat pengajian tinggi Islam khusus perempuan.[103]

ii. Peranan dalam aspek moral

Perhatian pesantren kepada masyarakat terhadap kebaikan keadaan keberagamaan di sekitarnya telah pun dilakukan. Sesuai dengan kajian Irfan Paturrohman yang dilakukan di sebuah pesantren Dar al-Taubah Bandung, di mana pesantren terletak di tengah-tengah kawasan penempatan Prostitusi Saritem. Kaedah yang beliau gunakan dalam kajian ini ialah dengan pendekatan kualitatif *(qualitative research).* Dalam kajiannya beliau mendapati bahawa pihak pesantren sentiasa berusaha memberikan pembinaan-pembinaan khusus kepada pelaku-pelaku

[102] Aslawati bt Bakar, ”Institut Agama Islam Negeri (IAIN) ar-Raniry: Peranannya dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Aceh” (Desertai Sarjana dalam program sejarah dan tamadun, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

[103] Syaifullah Chaidir, ”Peranan Institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat dalam Pendidikan Wanita” (Desertai Sarjana dalam program sejarah dan tamadun Islam, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

University of Malaya

penyelewengan dengan memperbaiki sikap, akhlak dan tingkah laku. Usaha yang dilakukan pihak pesantren dengan menggunakan konsep dakwah Islam yang berasaskan kepada nilai-nilai agama Islam secara halus dan perlahan-lahan. Walau bagaimanapun beberapa masalah yang dihadapi oleh pesantren di antaranya anggapan negatif masayarakat terhadap pesantren dan tidak adanya sokongan dari pihak kerajaan.[104] Begitu halnya kajian yang dilakukan oleh Ma'zumi dan Jakaria dengan tajuknya contributions of madrasah to the development of the nation character, beliau dapati bahawa pesantren telah memberikan sumbangan yang positif dan signifikan kepada pembangunan karakter sebuah negera. Sebagai contoh lahirnya para tokoh Negarawan mahupun tokoh keagamaan dari pesantren seperti Abdurahman Wahid iaitu bekas presiden Indonesia keempat sejak 1999 hingga 2001, Abdul Malik Karim Amrullah atau Prof. Hamka seorang tokoh keagamaan, Mohammad Mahfud atau Mahfud MD iaitu bekas ketua umum Mahkamah Konstitusi Indonesia dan Hidayat Nur Wahid bekas Majlis Perwakilan dan Permusyawaratan Rakyat Indonesia (MPR RI). Menurut kajian beliau setidaknya pesantren telah memberikan 18 sumbangan dalam bentuk pendidikan karakter yang merangkumi pendidikan agama *(relegious)*, kejujuran *(honesty)*, toleransi *(tolerance)*, disiplin *(discipline)*, kerja keras *(hard work)*, kreatif *(creative)*, kebebasan *(independent)*, demokratik *(democratic)*, rasa ingin tahu *(curiosity)*, semangat kenegaraan *(the spirit of nationalism)*, patriotik *(patriotism)*, menghormati *(respectly)* dan setia kawan *(friendship)*.[105]

[104] Irfan Paturohman, "Peran Pendidikan Pondok Pesantren Dalam Perbaikan Kondisi Keberagamaan Di Lingkungannya," *Jurnal Tarbawi* 1, no. 1 (Mac 2012).

[105] Ma'zumi dan Jakaria, "contributions of madrasah to the development of the nation character," *International journal of scientific and technology research,* 1 no. 11 (Disember 2012).

University of Malaya

iii. Peranan dalam aspek sosial

Manakala Zubaedi dalam tajuknya Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Pesantren; kontribusi fiqh sosial kiai Sahal Mahfudz dalam perubahan nilai-nilai pesantren, dengan skop kajiannya di Pesantren Maslakul Huda kajen Jawa Tengah. Kaedah yang beliau gunakan ialah pendekatan sosiologi agama dan sosiologi pengetahuan. Merupakan hasil disertasi di UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta. Beliau mendapati bahawa usaha kiai Sahal dalam merealisasikan bidang mua'malah diterapkan melalui gagasan dan pemikirannya dengan istilah fiqh sosial iaitu dengan menggabungkan penggunaan metodologi berfikir (*uṣūl fiqh*) dan *qaidah fiqhiyyah*. Fiqh sosial tersebut dijadikan suatu pedoman dalam bertindak balas masalah-masalah sosial yang ada dalam masyarakat seperti kemiskinan, kekurangan modal, kerosakan alam sekitar. Hal ini menyebabkan perubahan tradisi pesantren secara jelas daripada berdakwah secara lisan *(Da'wah bi al-lisān)* berubah menjadi berdakwah secara amal perbuatan nyata *(Da'wah bi al-ḥāl)*.[106]

Jika diperhatikan daripada kajian Zubaedi tersebut, fokus kajian beliau hanya terhad pada pemikiran dan sumbangan tokoh kiai Sahal dalam perkembangan pola bermazhab secara tekstual *(madzhab qauli)* ke madzhab metodologi *(madzhab manhaji)*. Beliau belum membahaskan dengan lebih mendalam bagaimana usaha, potensi dan peranan pesantren untuk menyelesaikan masalah dan mengembangkan ekonomi pesantren mahupun masyarakat sekitar.

Berbeza dengan kajian Sri Haningsih tentang Peranan Strategik Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia. Beliau mendapati seiring dengan perkembangan zaman dan proses globalisasi, pesantren telah mencuba untuk

[106] Zubaedi, *Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Pesantren; kontribusi fiqh sosial kiai Sahal Mahfudz dalam perubahan nilai-nilai pesantren* (Jogjakarta: Pustaka Pelajar, 2007).

University of Malaya

memenuhi keperluan masyarakat, dan juga sebagai usaha untuk menjadikan pesantren tetap bertahan. Kebanyakan pesantren-pesantren *salafiyyah* yang awal penubuhannya tidak ada sekolah formal, namun sekarang pesantren-pesantren tersebut telah menubuhkan institusi pendidikan formal.[107] Sesuai dengan kajian Charlene Tan yang dijalankan pada bulan mei 2010 di 12 sekolah Islam di Indonesia dengan tajuk Education Traditional and Islamic School in Indonesia, bahawa perkara ini berlaku kerana institusi pendidikan Islam di Indonesia melihat adanya keserasian antara nilai-nilai agama dengan ilmu moden. Sehingga banyak sekolah Islam yang berminat memadukan kedua-duanya dengan bersikap terbuka kepada idea-idea terbaru dari pelbagai tradisi dan sumber, termasuk dari Amerika Syarikat dan Negara-negara Barat yang lain. Eksperimen makmal untuk pelajaran sains, teknologi komunikasi maklumat (ICT) dan multi-media turut menjadi ikon di sekolah Islam.[108] Kajian di atas juga turut disokong oleh kajian Didin Nurul Rosidin tentang kemodenan pesantren di Indonesia dalam tajuk "Pesantren and Modernity in Indonesia: Ma'had Aly of Kuningan". Beliau dapati bahawa pesantren telah dipaksa untuk menerima sistem pendidikan yang tengah berjalan, iaitu kesan daripada modenisasi dan globalisasi zaman. Apabila pesantren tidak memasukkan sistem moden atau sekuler, atau sistem kerajaan, maka pesantren tidak akan diiktiraf bahkan akan ditinggalkan oleh masyarakat. Sehingga seluruh pembelajaran di pesantren mesti membawa perubahan kepada santri dan menjanjikan masa hadapan santri lebih

[107] Sri Haningsih, "Peran Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no. 1(2008).

[108] Charlene Tan, "Education Traditional and Islamic School in Indonesia," *Journal of Arabic and Islamic Studies* 14 (Nanyang Technology University, Singapore 2014).

University of Malaya

cemerlang. Akan tetapi pesantren mengalami masalah dalam aspek kewangan dan kepakaran seorang guru.[109]

Begitu halanya dengan kajian Ronald A. Lukens-Bull dengan tajuknya teaching morality: Javanese Islamic education in a globalizing era, beliau dapati bahawa kiai sebagai pengasas sebuah institusi tradisional (Pesantren) sentiasa membuat penambahbaikan dalam aspek kurikulum pembelajaran. Menurut kiai perkara ini sangatlah penting untuk mewujudkan cita-citanya iaitu pembangunan watak melalui pendidikan karakter. Sehingga para kiai memasukkan pendidikan sekular yang dikawal oleh pengajaran agama Islam. Oleh yang demikian para kiai Pesantren di Indonesia memiliki konsep sendiri dalam menerima unsur moden iaitu menjaga tradisi yang lama yang masih sesuai dan mengambil nilai-nilai yang baru yang lebih baik. Nilai moden di pesantren sentiasa dalam mod Islam, tidak sama seperti anggapan Geertz yang mendakwa apabila pesantren tidak menerima pendidikan sekular niscaya akan diketepikan oleh masyarakat awam. Oleh kerana madrashah di Indonesia tidaklah sama dengan madrashah di Turki mahupun di Iran.[110]

Namun, Patimah menyanggahi pendapat tersebut. Kajiannya tentang kewujudan pesantren sebagai institusi pendidikan Islam. Pesantren tradisional *(salafiyyah)* tidak mampu menjawab cabaran zaman dan keperluan masyarakat yang hidup di era globalisasi, sains dan teknologi. Hal itu disebabkan beberapa faktor;

---

[109] Didin Nurul Rosidin, "Pesantren and Modernity in Indonesia: Ma'had Aly of Kuningan," *Hunafa: Jurnal Studia Islamika* 9, no. 2 (Disember 2012).

[110] Ronald A. Lukend-Bull, "Teaching morality: Javanese Islamic education in a globalizing era," *Journal of Arabic and Islamic studies,* 3 (2000).

University of Malaya

sistem di pesantren, orientasi, kurikulum, kaedah dan tujuan pendidikan di pesantren.[111]

Pendapat Patimah diperkukuhkan oleh kajian Suratmi, Siti Malikah, Mohammad Rakib dan Umi Rohayatien pada tahun 2011, tentang Program Pendidikan Wirausaha Berwawasan Gender Berbasis Jasa Boga di Pesantren Salafiyyah. Kaedah yang digunakan beliau ialah pendekatan kualitatif. Fokus kajian di tiga pesantren salafiyyah iaitu pesantren Al-Khairot, pesantren Mamba'unnur dan Raudhotul Ulum dimana kesemua pesantren itu berada di negeri Malang Jawa Timur. Kajian beliau memakan masa lebih kurang selama 2 tahun. Dalam kajiannya beliau mendapati sekalipun para santri memiliki wawasan tentang keusahawanan, namun masih ramai dalam kalangan santri atau pelajar yang kurang memberi perhatian kepada kehidupan dunia. Kebanyakan para santri bersifat menerima apa adanya tanpa ada keinginan untuk mengubah nasib. Mereka memiliki pandangan bahawa hidup ini dijalani untuk beribadah kepada Allah SWT dalam erti yang sempit, bekerja tidak perlu terlalu semangat kerana Allah SWT telah mengatur rezeki setiap umatnya.[112]

Oleh kerana itu menurut kajian Djuwarijah, menyatakan bahawa profil alumni pesantren memiliki keperibadian peka terhadap masalah di sekitarnya, bekerja tanpa mengharapkan balasan, bersikap bijak dan memiliki rasa tanggungjawab. Hal itu kerana pendidikan di pesantren merangkumi gabungan antara *Intelligence Quotient* (IQ), *Emotional Quotient* (EQ) dan *Spiritual Quotient* (SQ). Sehingga pendidikan Islam dapat menjadi solusi dalam menselesaikan masalah sosial dan juga mencipta

---

[111] Patimah, "Eksistensi Pesantren Sebagai Lembaga Pendidikan Islam," *Jurnal al-Tarbiyah* 20, no. 1 (Juni 2007).

[112] Suratmi, "Program Pendidikan Wirausaha Berwawasan Gender Berbasis Jasa Boga di Pesantren Salaf," *Jurnal Ekonomi Bisnis* 16, no. 1 (Mac 2011).

University of Malaya

manusia yang sempurna dan unggul *(fī al-Dunyā ḥasanah wa fī al-Ākhirah ḥasanah).*[113] Pendapat ini turut disokong oleh kajian Asif Shahnzad, Malik RK, Sarwat Kazmin dan lainnya dalam tajuk The Issues of Madrasa Students in Pakistan: A Qualitative Investigation. Beliau dapati bahawa kewujudan madrasah di masyarakat kerana tiga faktor asas iaitu nait baik daripada kalangan orang kaya di Pakistan untuk mendermakan wangnya ke jalan Allah, *kedua* harapan masyarakat setempat untuk memberikan peluang belajar kepada para penduduk miskin dan *ketiga*, nilai-nilai agama Islam yang mewajibkan setiap individu untuk berdakwah menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran kepada setiap elemen masyarakat sama ada golongan kaya mahupun miskin.[114] Sehingga kewujudan madrasah sangatlah bererti bagi seluruh masayarakat Pakistan, bukan hanya tempat penampungan golongan miskin sahaja melainkan ianya juga turut memberikan sumbangan kepada kerajaan iaitu melahirkan manusia yang memiliki jiawa keagamaan dan melatih para pelajar untuk berdikari dan patuh kepada undang-undang agama mahupun kerajaan.

1.8.3 Kajian tentang pengembangan usaha-usaha ekonomi di pesantren

Agus Harjito bersama kawan-kawannya dalam kajian tentang potensi ekonomi dan keperluan pesantren, kajian di Kedu Negeri Jawa Tengah.[115] Beliau mendapati dalam ekonomi potensi yang dimiliki oleh pondok pesantren di daerah Kedu Negeri Jawa Tengah sangat pelbagai iaitu meliputi pertanian, peniagaan melalui koperasi pesantren, penternakan, perikanan dan sebahagian kecil adalah keterampilan.

---

[113] Djuwaijah, "Peningkatan Kualitas Sumber Daya Manusia Melalui Pendidikan Islam," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no.1 (2008).

[114] Asif Shahnzad, "The Issues of Madrasa Students in Pakistan: A Qualitative Investigation," *Jurnal Art and social sciences* 5, no. 2 (September 2014).

[115] Agus Harjito et al., "Studi Potensi Ekonomi dan Kebutuhan Pondok Pesantren se Karesidenan Kedu Jawa Tengah," *Jurnal Fenomena* 6, no. 1 (Mac 2008).

University of Malaya

Manakala potensi ekonomi pesantren yang paling dominan adalah pertanian, kemudian perniagaan dan penternakan. Dalam pembangunan potensi pesantren, terutama dalam aspek ekonomi secara umum pada pesantren di Jawa Tengah masih bersifat konvensional, belum dapat memanfaatkan teknologi moden. Penggunaan sumber manusia dalam pengelolaan potensi ekonomi pesantren seperti di koperasi, pertanian dan penternakan masih lemah. Keperluan pondok pesantren secara umum terbagi kepada dua iaitu primer dan sekunder. Keperluan primer berkaitan dengan keperluan seharian seperti makan dan lauk-pauk, serta kitab. Manakala keperluan sekunder seperti baju, sejadah, selipar, tudung dan telekung. Semua keperluan tersebut dapat dipenuhi sendiri oleh pesantren masing-masing yang bekerjasama dengan pembekal-pembekal dari luar yang dibekalkan melalui koperasi pesantren.

Siti Djazimah memberikan huraian baru tentang faktor berdikarinya seorang santri atau sebuah pesantren. Melalui kajiannya dalam tajuk Potensi Ekonomi Pesantren,[116] skop kajian di Pesantren al-Mahalli Brajan Wonokromo Pleret Bantul Jogjakarta dengan kaedah yang digunakan ialah korelasi yang menghubungkan antara satu pembolehubah dengan pembolehubah yang lain. Pengumpulan data melalui kaedah pemerhatian lapangan, temubual, soal selidik dan dokumentasi. Jumlah populasi santri ialah seramai 80 dan beliau mengambil 66 santri sebagai sampel. Dalam kajiannya, beliau mendapati terdapat hubungan positif antara ketaatan beragama dengan sifat berdikari seorang santri. Semakin taat seseorang semakin berdikari dalam ekonominya. Ertinya faktor ketaatan agama memberikan pengaruh terhadap berdikarinya seseorang. Beberapa institusi telah ditubuhkan oleh pesantren sebagai tempat para santri belajar berdikari seperti institusi Lajnah Ta'līf wa al-Naṣr

[116] Siti Djazimah, "Potensi Ekonomi Pesantren; Studi Korelasi Antara Ketaatan Beragama Santri dengan Proses Kemandirian Ekonomi di Pondok Pesantren al-Mahalli Brajan Wonokromo Pleret Bantul Daerah Istimewa Yogyakarta," *Jurnal Penelitian Agama* 13, no. 3 (September – Disember 2004).

University of Malaya

(penulisan dan penerbitan), Institusi Kajian Pengembangan Islam dan Masyarakat, perikanan, pertanian, menjahit dan penubuhan Koperasi Pondok Pesantren.

Suwito dalam kajiannya tentang model pengembangan ekonomi pondok pesantren turut membenarkan pendapat-pendapat di atas. Dalam kajiannya beliau mendapati pertumbuhan usaha ekonomi pesantren dimulai kerana usaha pesantren untuk memenuhi keperluan, pembiayaan hidup dan kelangsungan pesantren. Usaha-usaha ekonomi di pesantren secara amnya berdasarkan atas nilai ilahi dan insani (bahagia di dunia dan bahagia di akhirat). Manakala jenis usaha di pesantren merangkumi daripada perniagaan tani, industri, perkhidmatan dan perniagaan. [117]

Disamping faktor-faktor tersebut menurut kajian Ahmad Syakur tentang optimalisasi peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi syariah. Salah satu sebab pesantren mengembangkan ekonominya kerana terdapat beberapa potensi ekonomi dalaman pesantren yang dapat dibangunkan. Seperti pesantren memiliki pasar fanatik *(captive market)*, pesantren juga memiliki santri yang pada waktu-waktu tertentu melakukan pembayaran yuran bulanan, pesantren juga sentiasa menerima waqaf daripada masyarakat dan pesantren memiliki jaringan antara pesantren dengan santri, alumni pesantren, ibu bapa, dan masyarakat sekitar.[118] Namun, dalam kajian beliau ini hanya memaparkan faktor-faktor mahupun potensi ekonomi yang dimiliki oleh pihak pesantren sahaja tidak melihat sejauhmana potensi ekonomi tersebut dapat memberikan peranan terhadap pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

---

[117] Suwito, "Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren," *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan* 6, no. 3 (Julai – September 2008).

[118] Ahmad Syakur, "Optimalisasi Peran Pesantren Dalam Pengembangan Ekonomi Syariah," *Jurnal Iqtishoduna* 5, no. 3 2009.

University of Malaya

Termasuk kajian yang dibuat oleh Syamsuri tentang tentang Pelaksanaan Koperasi Pondok Pesantren Kajian di Pondok Moden Darussalam Gontor Jawa Timur, dengan kaedah penyelidikannya secara kualitatif.[119] Dalam kajiannya beliau mendapati pesantren telah membuat perubahan dalam usaha untuk mempertahankan diri dengan menubuhkan koperasi pondok pesantren. Namun, dalam pelaksanaanya koperasi pesantren tidak melaksanakan prinsip asas koperasi yang sesuai secara umumnya. Beberapa prinsip asas koperasi telah diabaikan seperti anggotanya tiada penglibatan ekonomi dan tiada kebebasan autonomi, sehingga pengabaian ini telah mengakibatkan kelemahan dalam pengurusan koperasi. Di samping itu, punca permasalahan yang berlaku antaranya ialah keahlian yang terhad kepada komuniti pondok sahaja selama mereka tinggal di pondok, pengurusan yang bersifat semi autonomi, pengagihan keuntungan yang berupa pembiayaan kemudahan bukan pembahagian peratus keuntungan dan caruman yang berupa pengorbanan ketaatan kepada institusi pondok bukan caruman kewangan.

1.8.4 Kajian tentang kaedah pembangunan ekonomi berteraskan Islam

Ali Rama dan Makhlani dalam kajiannya tentang Pembangunan ekonomi dalam tinjauan *maqāshid syari'ah* menyatakan bahawa pembangunan ekonomi Islam tidak diukur berasaskan kenaikan pendapatan nasional dalam jangka waktu yang panjang, berasaskan kenaikan pendapat perkapita dalam jangka waktu tertentu dan hanya dilihat dari faktor kesejahteraan ekonomi sahaja. Melainkan, pembangunan yang bersifat komprehensif dan mengandungi unsur kerohanian mahupun kebendaan dengan memanfaatkan sumber yang ada sesuai kaedah ajaran

[119] Syamsuri, "Pelaksanaan Koperasi Pondok Pesantren: Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia" (Desertai Sarjana dalam program Syariah dan Ekonomi, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

University of Malaya

Islam. Tujuan dari pembangunan ekonomi Islam iaitu untuk memelihara agama *(al-dīnu)*, jiwa *(al-nafsu)*, akal *(al-'aqlu)*, keturunan *(al-naslu)*, dan harta *(al-mālu)*.[120]

Kajian di atas turut disokong oleh Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad dalam kajiannya tentang pembangunan menurut prespektif Islam: Satu analisis amalan. Pembangunan ekonomi menurut Islam lebih bersifat multi-dimensi iaitu meliputi aspek fizikal, kerohanian dan moral. Manakala penilaian pembangunan berpusat kepada konsep tauhid iaitu Allah sebagai pemilik mutlak dan manusia sebagai khalifah Allah yang bertanggungjawab membangunkan alam semester berasaskan al-Quran dan Sunah Nabi.[121] Begitu halnya dengan kajian Joni Tamkin tentang pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam bahawa sifat multi dimensi dalam pembangunan ekonomi Islam membawa erti kepada keseimbangan antara faktor kebendaan dan bukan kebendaan, kuantitatif dan kualitatif, dalaman dan luaran. Matlamat kebajikan dan kesejahteraan bukan hanya untuk memenuhi keperluan duniawi semata-mata, melainkan *falāh* di dunia dan akhirat *(sa'ādah fī al-dārayni).*[122] Sehingga menurut kajian Asmak Ab Rahman asas pembangunan ekonomi Islam bertolak daripada pemerkasaan manusia *(human capital)* iaitu menjadikan diri manusia sendirilah sebagai sumber segala aktiviti pembangunan bukan hamba pembangunan. Oleh kerana sumber manusia dapat berperanan kepada bentuk kuantiti yang mampu menyediakan sumber tenaga kerja dan kepada bentuk

---

[120] Ali Rama dan Makhlani, "Pembangunan Ekonomi Dalam Tinjauan Maqāshid Syari'ah," *Jurnal Penelitian dan kajian keagamaan, Balitbang Kemenag; Dialog* 1, no. 1 (Jun 2013).

[121] Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Amalan," (Makalah, Seminar Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar awam dalam era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju", Johor Bahru, 7-9 Jun 2013).

[122] Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," *Jurnal Usuluddin* 1, no. 27 (2008).

University of Malaya

kualiti iaitu menyediakan kemahiran untuk meningkatkan kecekapan.[123] Selain daripada itu matlamat pembangunan ekonomi Islam menurut kajian Muhammad Tahir iaitu untuk memperoleh keredaan Allah s.w.t. yang tidak terjebak ke dalam definisi, matlamat, falsafah dan rangka kerja yang dibentuk oleh sistem pembangunan sekuler. Idealnya pembangunan berteraskan Islam meliputi pembangunan fizikal (pendidikan, ekonomi, politik dan sosial) dan pembangunan rohani yang berasaskan syariat Islam.[124]

Melalui kajian lepas tersebut, pengkaji berusaha untuk mengkaji lebih mendalam tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar dengan cara menganalisa nilai, falsafah, potensi-potensi yang dimiliki pesantren sama ada potensi ekonomi mahupun bukan ekonomi dan usaha-usaha pesantren terhadap meningkatkan kesejahteraan masyarakat sekitar. Hal ini dianggap penting menurut pengkaji sebagai usaha untuk menambah khazanah keilmuan, disebabkan belum ramai kajian yang membincangkan secara mendalam mengenai peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Oleh itu, kajian yang akan dilaksanakan ini relevan dan penting untuk di laksanakan.

1.9 Metodologi kajian

Huraian ini meliputi perkara-perkara yang berkaitan dengan reka bentuk kajian, metode dan prosedur yang digunakan dalam melakukan kajian.

1.9.1 Reka bentuk kajian

Menurut Zikmund dan Babin reka bentuk kajian merupakan pelan induk yang menentukan kaedah, prosedur untuk mengumpulkan dan menganalisis maklumat

[123] Asmak Ab Rahman, "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia," *Jurnal Syariah* 17, no. 1 (2009).

[124] Muhammad Tahir, "Tidak Islamiknya Pembangunan di Negara Islam," *Global Jurnal al-Thaqafah GJAT 3,* no. 1 (Jun 2013).

University of Malaya

yang diperlukan dalam sebuah kajian. Termasuk di dalamnya dimasukkan objektif kajian untuk memastikan bahawa maklumat yang dikumpul sesuai dan masalah kajian dapat dijawab.[125] Bidang kajian ini termasuk bidang sains sosial yang bertujuan untuk memahami fenomena dan kebudayaan sosial, maka kaedah yang digunakan mengunakan kaedah penyelidikan secara kualitatif dengan tiga teknik pengutipan data, iaitu pemerhatian, temubual dan dokumentasi.[126] Ketiga-tiga teknik ini dibentuk berasaskan pendekatan teori-teori yang berkaitan dengan isu dan masalah dalam kajian ini dengan mengikut objektif dan soalan-soalan kajian.

Pengkaji memilih kaedah kajian kualitatif kerana beberapa sebab; memberi focus kepada memahami secara mendalam tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat, dalam masa yang sama melihat bentuk-bentuk amalan atau strategi pesantren dalam memperkasakan ekonomi masyarakat. Disamping itu juga untuk memahami tujuan pengembangan ekonomi pesantren dan mengetahui potensi-potensi yang dimiliki pesantren sama ada potensi ekonomi mahupun potensi bukan ekonomi. Sehingga peristiwa tersebut tidak dapat difahami dengan hanya mengunakan data kuantitatif (frekuensi, peratusan, kadar dan sebagainya), melainkan dengan kaedah triangulasi untuk melihat dari pelbagai perspektif melalui pelbagai garis penglihatan *(mulitple sight).*[127]

Proses kajian dipandu dengan empat soalan kajian iaitu: (1) Apakah visi, misi dan falsafah pesantren bagi menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar? (2) Apakah potensi yang dimiliki pesantren sebagai institusi *agent of development*

---

[125] Zikmund, Babin et al., *Business Research Methods,* ed. ke-8 (Ohio:south Western Publishing, 2013), 66.

[126] Lihat, Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan* (Kuala Lumput: Mc Graw Hill Education, 2006), 47.

[127] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,*. 10.

University of Malaya

untuk membangunkan ekonomi masyarakat sekitar? (3) Apakah tujuan pengembangan ekonomi pesantren? (4) Apakah peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekeliling?. Bagi menjawab keempat-empat soalan tersebut dan dapatan kajian dapatan kajian lebih tepat serta meyakinkan, maka tiga teknik pengumpulan data pemerhatian, temu bual dan analisa dokumen *(triangulasi)* akan dilaksanakan.[128]

Sehingga kajian ini merupakan kajian kes dimana pengkaji berkemungkinan untuk meneliti dan mengkaji dengan lebih mendalam.[129] Isu kes yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah usaha-usaha pesantren dalam membangunkan ekonomi masyarakat di tiga pesantren *salafiyyah, khalafiyyah* dan *kombinasi* yang terdapat di Jawa Timur.

Selaras dengan itu, sebelum pengkaji membuat kajian yang sebenar, maka pengkaji terlebih dahulu membuat kajian rintis *(pilot study)* iaitu meninjau kes dan tempat-tempat yang hendak dikaji dengan tujuan untuk melihat kebolehlaksanaan dan juga untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen yang dipilih oleh pengkaji. Selain daripada itu kajian rintis juga penting sebagai langkah untuk menguji idea-idea dan membolehkannya pengkaji mendapatkan maklumat awal tentang latar belakang responden serta untuk mengesahkan beberapa aspek konseptual yang terlibat dalam penyelidikan.[130] Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji pada bulan mac tahun 2013 di tiga kes pesantren dengan kaedah temubual semi-struktur kepada 2 orang dari masyarakat, 2 orang dari ustaz di pesantren, 2 orang dari kalangan santri di tiga kes pesantren. Data-data yang diperoleh melalui

[128] Zikmund, Babin et al., *Business Research Methods,* 141.

[129] Norman K. Denzin*, Handbook of Qualitative* research (Yogyakarta: Pustaka Pelajar),299. Lihat juga Zikmund, Babin et al., *Business Research Methods,* ed. ke-8, 140.

[130] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,*. 257-258.

University of Malaya

kajian rintis telah dianalisis untuk mengesan perkara-perkara yang harus diberi perhatian sewaktu kajian sebenar. Pengkaji telah mengesan adanya aktiviti-aktiviti pesantren sama ada dalam aspek pendidikan, kerohanian, kesihatan mahupun ekonomi yang ditujukan untuk kemaslahatan masyarakat sekitar. Dari dapatan kajian rintis inilah pengkaji menetapkan tajuk dan pembahasan di kajian ini.

Walau bagaimanapun, pengkaji mengutamakan persefahaman yang dibina dengan peserta kajian pada peringkat awal sebelum menjalankan kajian. Umpamanya mendapatkan persetujuan daripada pimpinan pesantren untuk mengadakan kajian lanjutan iaitu dengan memaklumkan masa pengkaji akan membuat pemerhatian, meminta izin sebelum membuat salinan dokumen dan membuat rundingan tentang masa dan tempat yang sesuai untuk sesi temubual. Oleh yang demikian, pengkaji sentiasa peka dan prihatin terhadap peristiwa dan sebarang kemungkinan yang berlaku sepanjang tempoh kajian. Hal ini kerana dalam penyelidikan kualitatif, penglibatan pengkaji dalam suatu proses atau interaksi dengan objek kajian merupakan kunci keberhasilan dan kejayaan kajian.[131]

Analisis dokumen terhadap buku-buku yang berkaitan dengan pesantren, buku panduan mahupun buku-buku kaedah di pesantren, akhbar pesantren, laman sesawang pesantren adalah merupakan langkah pertama yang dipakai.

Bagi mendapatkan data yang lebih terperinci dan boleh dipercaya, maka temubual pula dilakukan terhadap peserta kajian yang berlaian seperti pimpinan pesantren, santri, ustaz dan masyarakat. Pengkaji merasakan teknik ini sesuai dan

[131] Mohammad Ali, *Metodologi dan Aplikasi Riset Pendidikan* (Bandung: Pustaka Cendikia Utama, 2010), 140.

University of Malaya

bahkan dapat meningkatkan kebolehpercayaan kajian ini.[132] Oleh kerana peserta kajian dijangka akan memberikan penjelasan yang konkrit tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekeliling, termasuk satu cara untuk membandingkan antara data dokumen dengan pemerhatian, membandingkan antara respon satu dengan responden yang lainnya adakah bercanggahan atau bersesuaian. Secara umum reka bentuk kajian dapat digambarkan pada rajah di bawah:

Rajah 1.3 Reka bentuk kajian



[132] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,*. 218.

University of Malaya

1.9.2 Kaedah Pengumpulan Data

Dalam usaha mengumpulkan data, terdapat dua kaedah pengumpulan data yang dipakai iaitu data sekunder dan data primer.

1). Data Sekunder

Kajian data sekunder biasanya disebut dengan istilah kajian meja *(desk study)* iaitu untuk mendapatkan maklumat awal mengenai gambaran umum tentang sebuah kajian.[133] Untuk mendapatkan gambaran tentang pesantren, perkembangan ekonomi masyarakat dan pandangan para sarjana tentang sejarah mahupun penerangan pesantren dari semasa ke semasa, pengkaji menggunakan kaedah penyelidikan perpustakaan. Kaedah ini akan dilaksanakan dengan cara mengumpulkan data-data rujukan yang berhubung kait dengan tajuk kajian. Melalui kaedah ini, sumber-sumber tersebut akan dikaji. Sumber tersebut melibatkan bahan bercetak seperti buku, jurnal, risalah-risalah, akhbar dan artikel yang berkaitan dengan kajian mahupun bahan elektronik seperti laman sesawang pesantren dan laman sesawang Departemen Agama Islam Republik Indonesia. Contohnya laman sesawan Pesantren Gontor http://www.gontor.ac.id/, laman sesawang Pesantren Sidogiri http://sidogiri.net/en/, laman sesawang Pesantren al-Yasini http://alyasini.net/, laman sesawang Himpungan Pengusaha Santri Indonesia http://hipsi.or.id/, laman sesawang Nadhatull Ulama Indonesia http://www.nu.or.id/ dan laman kementerian agama Republik Indonesia http://www.kemenag.go.id/.

Setelah data dan maklumat yang dikehendaki berjaya dikumpulkan, maka semua maklumat tersebut akan dikaji dan dianalisa satu persatu agar tepat dan selari dengan perbahasan kajian.

---

[133] Hendri Tanjung, *Metodologi Penelitian Ekonomi Islam,* (Bekasi: Gramata publishing, 2013), 94.

University of Malaya

2). Data Primer

Tiga teknik pengumpulan data utama yang biasa digunakan dalam kajian kes secara kualitatif menurut Merriam ialah bukti dokumen, temubual dan pemerhatian.[134] Ketiga-tiga teknik ini disebut dengan istilah `*triangulation*' akan digunakan sepanjang tempoh kajian dilaksanakan. Pengumpulan data ini amat sesuai digunakan kerana setiap satu daripadanya akan dapat mengukuhkan data-data yang akan diperolehi antara satu sama lain.[135] Tiga kaedah dalam penyelidikan ini ialah:

(1.) Kaedah Dokumentari

Kaedah ini lebih fokus kepada data-data yang ada di lapangan, terutamanya data-data yang tidak diterbitkan dan hanya terdapat pada objek yang dikaji.

(2.) Kaedah Temubual

Temubual atau *interview* yang dimaksudkan ialah menemu bual individu-individu tertentu terutamanya yang berautoriti dalam sesuatu bidang dalam kajian ini. Temubual mendalam dan temubual bersemuka akan dilakukan oleh pengkaji dalam kajian ini dengan tujuan mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai sesuatu isu atau perkara, maka kaedah yang digunakan penyelidik bagi mengumpulkan data dengan menggunakan penyelidikan secara kualitatif.[136] Dalam kaedah temubual ini, pengkaji akan menggunakan dua jenis temubual, iaitu temubual tidak formal yang digunakan untuk memahami

---

[134] Merriam, S.B., *Case study research in education : A qualitative approach. 3 rd Ed* (San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 1990), 73

[135] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,*. 218.

[136] Jeniri Amir, *Teknik Wawancara, Panduan untuk Wartawan, Penyiar TV, Dj Radio dan Penyelidik* (Pahang, Darul Makmur: PTS. Professional Publishing, 2005), 70.

University of Malaya

karakter responden dan temubual formal berpandu (berstruktur) bagi mendapatkan ketepatan data yang sesuai dengan objektif kajian.[137]

Sebelum pengkaji membuat temubual berpandu, terlebih dahulu pengkaji menemu bual responden dengan temubual tidak formal atau temubual yang mengemukakan soalan-soalan secara spontan dalam aliran interaksi. Kandungan soalan dalam temubual tidak formal merangkumi aspek-aspek umum seperti nama, pengalaman, tanggapan dan perasaan responden. Dalam temubual tidak formal ini, pengkaji akan mengambil masa 5 hingga 10 minit untuk bercakap dengan responden dengan tujuan mewujudkan suasana yang lebih selesa.

Manakala temubual formal berpandu (berstruktur) iaitu dengan mempersiapkan senarai soalan atau isu untuk diterokai, pengkaji akan menumpukan soalan yang berkaitan dengan objektif kajian dengan menyoal responden secara jelas dan tepat.[138] Hal ini bertujuan membantu pengkaji mendapatkan maklumat yang tepat dan responden dapat menjawab soalan dengan baik dan jelas. Sebelum temubual formal berpandu dilaksanakan, pengkaji akan menyiapkan terlebih dahulu instrumen temubual yang berupa pertanyaan-pertanyaan yang berkaitan dengan objektif kajian, untuk dijadikan panduan dan semakan agar perbincangan menjadi lebih terarah dan efisyen daripada aspek tempoh masa. Sepanjang temubual pengkaji akan mencatat di atas selembar kertas yang terkandung identiti responden seperti nombor, nama responden, waktu temubual dan tempat temubual yang dilaksanakan. Pengkaji akan mecatat seluruh maklumat yang disampaikan oleh responden termasuk

---

[137] Norman K. Denzin, *Handbook of Qualitative* research (Yogyakarta: Pustaka Pelajar),507-508

[138] Lihat, Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,* 135.

University of Malaya

tingkah laku, emosional dan pergerakan responden. Alat perakam turut digunakan untuk merekod data hasil temubual.

Dalam kajian ini jumlah responden yang dipilih seramai 66 orang yang terdiri dari responden primer dan responden sekunder. Responden primer adalah dari kalangan kiai, guru dan pengurus di usaha-usaha ekonomi milik pesantren. Responden primer ini dipilih dengan mengunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling)*, di mana peserta yang dipilih berasaskan kategori-kategori yang dikehendaki dalam populasi.[139] Melalui respon primer ini dijangkakan pengkaji akan mendapatkan maklumat tentang; (1) sejarah penubuhan pesantren, visi, misi dan falsafah pesantren, tujuan pengembangan ekonomi pesantren dan usaha-usaha pesantren dalam memperkasakan ekonomi masyarakat sekitar pesantren. (2) tentang strategi dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar. (3) tentang kegiatan ekonomi pesantren dan usaha-usaha pesantren dalam rangka memperkasakan ekonomi pesantren.

Manakala responden sekunder dari kalangan santri pesantren, masyarakat awam dan tokoh masyarakat sekitar pesantren. Mereka dipilih dengan mengunakan kaedah persampelan kuoto *(quoto sampling)* atau persampelan rawak berlapis yang bukan kebarangkalian. Dalam proseder ini subjek dipilih secara kebetulan berdasarkan kuoto yang dikategorikan oleh pengkaji.[140] Kaedah ini dilaksanakan untuk memastikan pernanan pesantren secara dalaman mahupun luaran. Daripada responden sekunder ini dijangkakan pengkaji akan mendapatkan maklumat tentang; (1) keterlibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum atau *vocational* yang diaturkan oleh pesantren. Di samping itu, untuk

---

[139] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,* 201.

[140] *Ibid.,* 202.

University of Malaya

mengetahui tentang kegiatan-kegiatan pesantren yang dijadualkan untuk mendidik mereka menjadi usahawan atau peniaga serta cadangan dan harapan daripada mereka. (2) peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat.

Temubual ini akan dilakukan setelah mendapat kebenaran responden di ketiga-tiga pesantren. Ketiga-tiga pesantren tersebut dipilih secara persampelan bertujuan (*purposive sampling)*[141] sesuai dengan kajian ini yang memilih pesantren dimana perusahaan ekonominya telah berkembang. Alur kaedah temubual dalam kajian ini dapat diperhatikan pada rajah berikut:

Rajah 1.4 Kaedah temubual



[141] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,* 201.

University of Malaya

Berikut senarai responden primer dan sekunder dari kajian ini serta jangkaan dapatan kajian;

Jadual. 1.2 Senarai responden dan jangkaan dapatan kajian

Responden Primer	Jangkaan dapatan	Responden Sekunder	Jangkaan dapatan
Kiai	sejarah penubuhan pesantren, visi, misi dan falsafah pesantren, tujuan pengembangan ekonomi pesantren dan usaha-usaha pesantren dalam memperkasakan ekonomi masyarakat sekitar pesantren.	Santri pesantren	keterlibatan pelajar dalam aktiviti ko-kurikulum atau *vocational* yang diaturkan oleh pesantren
Pengurus di usaha-usaha ekonomi milik pesantren	Strategi dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar serta kegiatan ekonomi pesantren dan usaha-usaha pesantren dalam memperkasakan ekonomi pesantren.	Masyarakat awam dan tokoh masyarakat	peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat.

Senarai responden dalam penulisan tesis ini berdasarkan pengelompokan pesantren, kemudian pemgelompokan lain iaitu; ibu/bapa santri, pemimpin formal mahupun informal di masyarakat dan santri di tiga kes pesantren.

Jadual. 1.3 Senarai responden di tiga kes pesantren

No	Kod	Kod Rekod	Responden	Kedudukan	Tempat / Tarikh
1	A-1	140407_001.AVI	Ustaz. Ilham Wahyudi	Ketua Kopontren Sidogiri	Sidogiri, 07 April 2014
2	A-2	140407_019. AVI	Ustaz. HM. Masykuri Abdurrahman	Setia Usaha LAZISWA	Sidogiri, 07 April 2014
3	A-3	140409_007.AVI	Ali Wafa	Bahagian Buletin Sidogiri	Sidogiri, 09 April 2014
4	A-4	140409_010.AVI	Ustaz. Syamsul Anam	Guru bantu di Setia Usaha Sidogiri	Sidogiri, 09 April 2014
5	A-5	140410_005.AVI	Ustaz HM. Abdullah Shodiq	Manager Marketing BMT MMU Sidogiri	Sidogiri, 10 April 2014

University of Malaya

No	Kod	Kod Rekod	Responden	Kedudukan	Tempat / Tarikh
6	A-6	140410_006.AVI	Ust HM. Khudlori Abd. Karim	Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri	Sidogiri, 10 April 2014
7	A-7	140412_002.AVI	KH. Mahmud Ali Zain	Ketua Pengurus Pusat BMT UGT	Sidogiri, 12 April 2014
8	A-8	140416_018.AVI	Ustaz Syamsul Huda	Bendahari di Koperasi Agro Tani Sidogiri	Sidogiri, 16 April 2014
9	A-9	140414_011.AVI	Ustaz Ali Maksum	Koordinator bahagian Ubudiyyah Santri Sidogiri	Sidogiri, 14 April 2014
10	A-10	140417_009.AVI	Ustaz Agus Khusairi	Pengurus di Balai Pengobatan Santri dan Masyarakat Sidogiri	Sidogiri, 17 April 2014
11	B-1	140429_003.AVI	Ustaz Ahmad Nuhari	Pimpinan bahagian Pondok di al-Yasini	Al-Yasini, 29 April 2014
12	B-2	140514_006.AVI	Ustaz Mujib Jalil	Penanggungjawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM) al-Yasini	Al-Yasini, 14 Mei 2014
13	B-3	140505_008.AVI	Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I	Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini	Al-Yasini, 05 Mei 2014
14	B-4	140515_009.AVI	Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd	Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini	Al-Yasini, 15 Mei 2014
15	B-5	140430_004 .AVI	Ustaz Taufiq Hidayatullah	Penanggungjawab bahagian kebersihan di al-Yasini	Al-Yasini, 30 April 2014
16	B-6	140429_004.AVI	Ustaz Syamsul Arifin	Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini	Al-Yasini, 29 April 2014
17	B-7	140506_002.AVI	KH. Muhammad Yasin	Setiausaha HIPSI Pusat	Al-Yasini, 6 Mei 2014
18	B-8	140507_008.AVI	Ustaz H. Moch Ghozali, S.E	Ketua HIPSI Pusat di Pesantren al-Yasini	Al-Yasini, 7 Mei 2014
19	B-9	140507_009.AVI	Ustaz Tahmid	Murobbi di asrama putera di al-Yasini	Al-Yasini, 7 Mei 2014
20	C-1	140520_001.AVI	KH. Hasan Abdullah Sahal	Pimpinan Pesantren Gontor Ponorogo	Gontor, 20 Mei 2014
21	C-2	040521_002.AVI	Ustaz H. Imam Shobari, S.Ag	Ketua Yayasan Gontor	Gontor, 21 Mei 2014

University of Malaya

No	Kod	Kod Rekod	Responden	Kedudukan	Tempat / Tarikh
22	C-3	140624_004.AVI	Ustaz Suraji Badi', S.Ag.	Pengerusi Koperasi Pondok Gontor	Gontor, 04 Jun 2014
23	C-4	140526_002.AVI	Ustaz Bahtiar	Accounting di BMT Latansa Gontor	Gontor, 26 Mei 2014
24	C-5	140605_007.AVI	Ustaz Muhammad Heri Mulai, S.Fil.I	Staf di Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Gontor	Gontor, 5 Jun 2014
25	C-6	140528_009.AVI	Ustaz Mustar	Pengangung jawab tanah pertanian zon Poronogo Gontor	Gontor, 28 Mei 2014
26	C-7	140527_011.AVI	Ustazah Fahimah, S.Pd.I	Pengurusi di Hadlonah Darussalam Gontor	Gontor, 27 Mei 2014
27	C-8	140604_003.AVI	Ustaz Heru Prasetyio, S.Pd.I	Guru Besar Madrashah Tarbiyyatul Athfal Gontor	Gontor, 4 Jun 2014
28	C-9	140531_005.AVI	Ustaz Nur Kholish	Ketua Pengurus di Radio Suara Gontor	Gontor, 31 Mei 2014
29	C-10	140523_006.AVI	Ustaz Angga Pramono	Pengurus bahagian pembangunan Gontor	Gontor, 23 Mei 2014
30	C-11	140526_001.AVI	Ustaz Anwar Fathoni, S.E.I	Penyelaras di BMT Latansa SIMAN Gontor	Gontor, 26 Mei 2014
31	C-12	140602_005.AVI	Ustaz Ahmad Rizqi	Staf di bahagian tempat pembuangan sampah Gontor	Gontor, 2 Jun 2014
32	C-13	140520_006.AVI	Ust Hendro Risbiantoro, S.Pd.I	Staf Pengasuhan Santri di Pesantren Gontor	Gontor, 20 Mei 2014
33	C-14	140606_010.AVI	Ustaz Umar Said Wijaya, S.Ag	Guru Besar Madrashah Ibtidaiyyah Nurus Salam Gontor	Gontor, 6 Jun 2014
34	C-15	140608_001.AVI	Ustaz Muhammad Hendri, Spd.I	Penanggung jawab Yayasan di Zon Mantingan Gontor	Gontor, 8 Jun 2014
35	D-1	140419_003.AVI	Bapak Abdul Aziz	Ketua bahagian pengurusan di Puskesmas Ngempit Sidogiri	Sidogiri, 19 April 2014
36	D-2	140421_004.AVI	Bapak Kodrat Abadikun	Kepala Desa Sidogiri Ngempit	Sidogiri, 21 April 2014
37	D-3	140418_010.AVI	Bpk. Sukarsono	Kepala Kapolsek Ngempit Sidogiri	Sidogiri, 18 April 2014

University of Malaya

No	Kod	Kod Rekod	Responden	Kedudukan	Tempat / Tarikh
38	D-4	140430_003.AVI	Ibu Nurul	Ketua Jururawat di Poskestren al-Yasini	Al-Yasini, 30 April 2014
39	D-5	140511_001.AVI	Bapak Syafi'i	Security pondok al-yasini	Al-Yasini, 11 Mei 2014
40	D-6	140522_007.AVI	Bapak H. Suroso, S.Ag	Kepala Desa Gontor Mlarak	Gontor, 22 Mei 2014
41	D-7	140524_002.AVI	Bapak Terimo	Ketua Karang taruna Desa Gontor	Gontor, 24 Mei 2014
42	E-1	140416_013.AVI	Bapak Sulton	Peniaga dari Masyarakat Sidogiri	Sidogiri, 16 April 2014
43	E-2	140410_01.AVI	Bapak Mansur	Nasabah BMT MMU	Sidogiri, 10 April 2014
44	E-3	140424_014.AVI	Ibu Astuti	Pekerja dobi dari Masyarkat sidogiri	Sidogiri, 24 April 2014
45	E-4	140425_008.AVI	Ali Mudrik	Peniaga dari masyarkat Sidogiri	Sidogiri, 25 April 2014
46	E-5	140429_005.AVI	Ibu Satinah	Penduduk di Areng-areng Sambisirah al-Yasini	Al-Yasini, 29 April 2014
47	E-6	140501_011.AVI	Ibu Maemunah	Peniaga dari Masyarakat al-Yasini	Al-Yasini, 1 Mei 2014
48	E-7	140509_009.AVI	Ibu Yuliati	Ibu daripada santri al-yasini	Al-Yasini, 9 Mei 2014
49	E-8	140509_022.AVI	Bapak Suparlan	Bapa daripada santri al-yasini	Al-Yasini, 9 mei 2014
50	E-9	140515_023.AVI	Bapak Abdullah Zaini	Bapa daripada santri al-yasini	Al-Yasini, 15 mei 2014
51	E-10	140603_004.AVI	Ibu Sumiati	Pekerja dari masyarakat di pembuangan sampah Gontor	Gontor, 3 Jun 2014
52	E-11	140603_004.AVI	Ibu Suprapti	Penduduk di desa Gontor	Gontor, 3 Jun 2014
53	E-12	140604_006.AVI	Ibu Sumiyatun	Penduduk di desa Gontor	Gontor, 4 Jun 2014
54	E-13	140524_014.AVI	Bapak Suwito	Penduduk di desa Gontor	Gontor, 24 Mei 2014
55	E-14	140522_002.AVI	Encik Hadi	Pekerja di kilang Roti dari masyarakat Gontor	Gontor, 22 Mei 2014
56	E-15	140608_003.AVI	Mas Suyoto	Pemasok makanan dari masayarakat kampung Mantingan Gontor	Gontor, 8 Jun 2014

University of Malaya

No	Kod	Kod Rekod	Responden	Kedudukan	Tempat / Tarikh
57	E-16	140608_001.AVI	Muhammad Hakimi al-Azizi	Pemasok makanan dari masyarakat dan alumni Gontor	Gontor, 8 Jun 2014
58	F-1	140426_011.AVI	Imam Abdul Ghoni	Santri Sidogiri dari bangkalan Madura	Sidogiri, 26 April 2014
59	F-2	140427_007.AVI	Muh. Abdul Ghofur	Santri bertugas di kedai makan di koperasi pondok Sidogiri	Sidogiri, 27 April 2014
60	F-3	140427_009.AVI	Zaenul Kharir	Santri di Sidogiri	Sidogiri, 27 April 2014
61	F-4	140513_004.AVI	Nahidh Ibadurrahman	Santri di al-Yasini	Al-Yasini, 13 Mei 2014
62	F-5	140517_011.AVI	Ihsan Zulkarnaen	Santri di al-Yasini	Al-Yasini, 17 Mei 2014
63	F-6	140517_012.AVI	Ali Waluyo	Santri di al-Yasini	Al-Yasini, 17 Mei 2014
64	F-7	140523_007.AVI	Ahmad Musthofa	Santri di Gontor	Gontor, 23 mei 2014
65	F-8	140530_007. AVI	Nanang Hermawan	Santri di Gontor	Gontor, 30 mei 2014
66	F-9	140530_013. AVI	Sholahuddin	Santri di Gontor	Gontor, 30 Mei 2014

(3.) Observasi

Obeservasi atau pemerhatian dilakukan sebagai kaedah penyelidikan dalam membuat pemerhatian terhadap perkara-perkara yang wujud atau dalam keadaan semula jadi.[142] Usaha-usaha ekonomi di pesantren yang melibatkan masyarakat sekitar pesantren merupakan perkara yang berlaku secara langsung *(live).* Kaedah pemerhatian dianggap penting oleh pengkaji, kerana kaedah ini dapat melengkapkan data sekaligus mengukuhkan lagi data yang telah diperolehi melalui kaedah dokumentari dan kaedah temubual. Untuk menjaga keabsahan kaedah ini, pengkaji menggunakan buku catatan lapangan (*field notes).* Hal ini dilakukan oleh pengkaji agar semua peristiwa yang berlaku di lapangan sama ada yang sengaja ataupun tidak sengaja dapat dicatat dengan segera. Walau bagaimanapun, pemerhatian hanya

[142] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,* 141.

University of Malaya

dititikberatkan pada data dan fakta yang sesuai dengan masalah kajian. Melalui pemerhatian ini pengkaji akan mengetahui keadaan fizikal pesantren seperti kemudahan yang sedia ada, bangunan pesantren, peristiwa berlangsungnya aktiviti ko-kurikulum santri *(vocational),* kehidupan masyarakat sekeliling pesantren, keadaan interaksi antara pihak pesantren dengan masyarakat dan keadaan suatu program usaha yang dijalankan oleh pesantren mahupun masyarakat sekeliling khasnya dalam rangka pembangunan ekonomi. Oleh yang demikian, melalui metod ini pengkaji akan mengetahui secara langsung peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi bagi masyarakat sekelilingnya.

Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah pemerhatian sistematik. Kaedah ini tidak mewajibkan pengkaji untuk menjadi peserta kajian, namun pengkaji sekadar mencatat, merekod dan menghuraikan keseluruhan peristiwa sepanjang penyelidikan.[143] Dua persampelan yang digunakan dalam kaedah ini iaitu persampelan masa dan persampelan peristiwa. Dalam persampelan masa, pengkaji menghadkan pemerhatian selama 20 hari di setiap pesantren secara berterusan hal ini sesuai dengan persetujuan daripada pihak pesantren. Manakala persampelan peristiwa, pengkaji memfokuskan seluruh usaha-usaha pihak pesantren dalam memperkasakan masyarakat sekeliling.

Dalam pelaksanaan pemerhatian, pengkaji telah membuat pemerhatian bermula pada tarikh 07 April sehingga 27 April 2014 di Pesantren Salafiyyah Sidogiri. Pengkaji memilih tarikh tersebut kerana pada waktu itu aktiviti belajar sudah bermula dengan stabil di Pesantren Sidogiri. Pemerhatian di Pesantren al-Yasini Areng-Areng bermula dari tarikh 29 April 2014 sehingga 18 Mei 2014.

[143] Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan,* 142.

University of Malaya

Tarikh ini dipilih atas dasar persetujuan daripada pihak pesantren. Manakala pemerhatian di pesantren Moden Gontor pada tarikh 20 Mei 2014 sehingga 09 Jun 2014. Tarikh ini dipilih kerana terdapat banyak aktiviti yang dilaksanakan di pesantren. Alur kaedah observasi dalam kajian ini dapat diperhatikan pada carta berikut:

Rajah 1.5 Kaedah observasi



1.9.3 Teknik penganalisian data

Data-data yang diperoleh daripada lapangan akan dianalisis secara kualitatif iaitu proses analisa data serentak dianalisa dengan proses pengumpulan data. Hal ini untuk mengelakkan penyelidik daripada berhadapan dengan masalah kehilangan beberapa maklumat penting yang disebabkan kecuaian atau kerana lambakan data. Temubual seorang responden akan ditranskipkan dengan segera dan rakaman maklumat akan dibantu dengan catatan observasi atau pemerhatian lapangan. Manakala teknik analisa data akan menggunakan kaedah-kaedah berikut:

University of Malaya

1) Kaedah Induktif

Dalam kajian kualitatif, analisa data akan sentiasa menggunakan kaedah induktif. Hal itu kerana kajian kualitatif tidak perlu mencari bukti pengujian hipotesis.[144] Kaedah ini digunakan bagi mengumpulkan maklumat secara berterusan untuk membuat kesimpulan umum dengan memasukkan bukti-bukti khusus yang diperolehi daripada sumber data. Kaedah ini akan digunakan semasa menganalisis perusahaan ekonomi di pesantren bagi mengenalpasti kaedah-kaedah yang dilaksanakan dalam menjana ekonomi pondok dan ekonomi masyarakat sekeliling. Kaedah ini akan digunakan dalam bab 4 dan 5 iaitu analisis kajian terhadap peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

2) Kaedah Deduktif

Kaedah ini secara ringkasnya iaitu merumuskan dari yang umum kepada yang khusus (spesifik). Dalam hal ini pembentukan kesimpulan akan dilakukan berdasarkan kepada satu teori atau prinsip asas pembangunan ekonomi menurut Islam yang menjadi landasan teori. Prinsip asas tersebut mengacu pada sistem sosial pesantren, prinsip-prinsip pendidikan pesantren, sistem ekonomi Islam dan konsep fiqh al-Muamalah dengan berteraskan kepada landasan teori kajian, maka usaha-usaha pesantren dalam rangka mengembangkan ekonomi masyarakat sekali lagi akan dikaji. Kaedah ini yang akan digunakan di dalam bab 4 dan bab 6 dan dijangkakan kajian ini akan mendedahkan strategi pesantren dalam memajukan ekonomi masyarakat sekitar.

[144] Mohammad Ali, *Metodologi dan Aplikasi Riset Pendidikan,* 140.

University of Malaya

1.10 Sistematika kajian

Seluruh isi kajian dibahas dalam enam bab, dengan pembahagian: **Bab pertama** iaitu pendahuluan yang merangkumi, pengenalan, latarbelakang kajian, pesoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, definisi tajuk, kajian literature, metodologi kajian, sistematika kajian. secara keseluruhan pada bab pertama ini merupakan penjelasan awal tentang cara pandang dan pendekatan kajian yang dipakai serta merupakan tanggungjawab pengkaji dalam proses kajian ini.

Bab kedua, membahas tentang kewujudan pesantren sebagai institusi pendidikan yang termasuk di dalamnya; Sekilas gambaran pesantren, sejarah pesantren, tradisi pesantren, model pesantren, unsur-unsur asas dalam pesantren, sistem sosial pesantren, struktur organisasi pesantren, prinsip-prinsip pendidikan di pesantren, tujuan pendidikan di pesantren, dan kesimpulan. Pada bab dua ini merupakan landasan teori untuk menganalisa pesantren dari segi filosofi pendidikannya. Sehingga pengkaji dapat mengetahui sejarah dan matlamat utama dari pengajaran di pesantren.

Bab Ketiga, membahas tentang pembangunan ekonomi dalam prespektif Islam yang mencakupi bahasan; pendahuluan, sistem ekonomi Islam, definisi pembangunan ekonomi Islam, dasar ideologi pembangunan ekonomi Islam, konsep pembangunan ekonomi Islam, asas falsafah pendekatan dalam pembangunan ekonomi Islam, unsur-unsur pembangunan ekonomi Islam, matlamat dasar pembangunan ekonomi Islam, dan kesimpulan. Pada bab ketiga ini, sebagai landasan teori pengkaji dalam pembangunan ekonomi mengikut konsep Islam untuk menganalisa usaha-usaha pesantren dalam memperkasakan dan mensejahterakan masyarakat sekitar pesantren.

University of Malaya

Bab keempat, akan membahasa tentang pesantren dan pembangunan ekonomi di Jawa Timur, yang merangkumi bahasan; gambaran umum negeri Jawa Timur, sejarah singkat tiga kes pesantren di Jawa Timur, struktur organisasi di tiga kes pesantren di Jawa Timur, nilai dan falsafah di tiga kes pesantren dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar, potensi yang dimiliki pesantren, tujuan pengembangan usaha ekonomi pesantren, kesimpulan. Pada bab ini pengkaji akan mendapatkan jawapan sebenar tentang objektif yang dijangkakan dalam kajian ini. Seperti visi, misi dan falsafah pesantren bagi menyokong pengembangan ekonomi masyarakat sekitar, potensi-potensi yang dimiliki pesantren dan tujuan pengembangan usaha ekonomi pesantren.

Bab kelima membahas tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar. Pada bab ini akan merangkumi bahasan iaitu pengenalan, pembangunan pesantren dalam aspek pendidikan, pembangunan pesantren dalam aspek kerohanian, pembangunan pesantren dalam aspek ekonomi, pembangunan pesantren dalam aspek sosial dan kesimpulan. Pada bab ini pengkaji akan menjawab objektif kajian secara sempurna yang memfokuskan kepada peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

Bab keenam merupakan bab terkahir terdiri daripada kesimpulan, saran, implikasi dan cadangan. Kesimpulan mengandungi sejumlah jawapan terhadap rumusan masalah dari semua temuan penelitian serta termasuklah kritik dan saran daripada pengkaji untuk menambahbaik mahupun sebagai masukan kepada pihak-pihak yang berkaitan. Tidak lain tujuan daripadanya untuk perubahan di masa sekarang dan mendatang.

University of Malaya

BAB II

KEWUJUDAN PESANTREN

SEBAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN ISLAM DI INDONESIA

2.1. Gambaran Sekilas Tradisi pesantren

Pondok pesantren sebagai institusi pendidikan tradisional[145] memiliki beberapa istilah, istilah-istilah itu merujuk pada daerah di mana pesantren ditubuhkan. Di tanah Melayu seperti semenanjung Malaysia dan Thailand, pondok pesantren lebih dikenal dengan istilah pondok, berbeza halnya dengan di Aceh yang lebih dikenal dengan istilah *"dayah"* atau *"rangkang"* atau "*meunasah"*. Manakala di daerah Minangkabau Padang pesantren disebut dengan istilah *"surau"*, namun secara amnya masyarakat Indonesia khasnya di daerah Jawa termasuk Madura dan Sunda lebih mempergunakan dengan istilah pondok pesantren atau pesantren atau cukup dengan sebutan ponpes.[146]

Pesantren merupakan produk sejarah yang telah menyatukan dengan masyarakat sekitar, memiliki karekter yang berlainan sama ada berhubung kait dengan sosio-politik, sosio budaya, sosio-ekonomi mahupun sosio-agama.[147] Hal itu dapat diperhatikan

---

[145] Tradisional pada pesantren bermaksud pesantren telah wujud sejak ratusan tahun dahulu (300-400 tahun), hingga pada tahun 1630 M, pesantren menjadi satu bahagian dari sistem kehidupan umat Islam di Indonesia. Tradisional bukan bererti terbelakang, atau ketinggalan perkembangan zaman. Akan tetapi pesantren sentiasa konsisten mempertahankan dan mengembangkan tradisi keilmuaan Islam secara berkelanjutan, sehingga wujud dan bertahan menjadi model pendidikan Islam tertua di Indonesia. Lihat Ahmad Muthohar, AR, *Ideologi Pendidikan Pesantren, Pesantren di tengah arus ideologi-ideologi pendidikan* (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2007), 13. Sifat tradisional ini tercermin pada pesantren itu sendiri dan juga keperibadian kiai atas karsima yang dimiliki, sehingga penghuni pesantren patuh, hormat dan takdzim kepada kiai termasuk kepada para ulama yang mengarang kitab-kitab yang dipelajarinya. Lihat, Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia* (Bandung: Mizan, 1995), 18.

[146] Lihat, Dawan Rahardjo et al., *Pesantren dan Pembaharuan* (Jakarta: LP3ES, 1985), 5.

[147] Erti daripada sosio-politik di pesantren iaitu pesantren sebagai lembaga yang berakar di masyarakat ditubuhkan oleh dan untuk masyarakat, maka apabila dilihat dari sudut politik memiliki kekuatan dalam menentukan masa depan perpolitikan di Indonesia. Sosio-ekonomi, pesantren dengan potensi yang dimilikinya merupakan wadah dan tempat pengembangan ekonomi masyarakat, hal itu kerana ajaran dan nilai yang ditanamkan pesantren kepada santri dan masyarakat iaitu jam'ah majlis ilmu seperti jiwa berdikari, kesederhanaan dan sebagainya menjadikan pencetus wirausahawan *(entreprenuers)*.

University of Malaya

dengan realiti bangsa Indonesia dalam dua keadaan yang berhubung kait dengan pesantren, iaitu *pertama* ramai masyarakat Indonesia yang duduk dan tinggal di perkampungan dan *kedua* majoriti penduduk Indonesia beragama Islam.[148] Sehingga institusi pendidikan tradisional ini tidak dapat disamakan dengan institusi pendidikan selain pesantren, seperti sekolah kebangsaan, sekolah akademi, sekolah berasrama penuh, kolej mahupun universiti sekalipun para pelajar-pelajarnya duduk 24 jam di dalam asrama. Selanjutnya dapat pada sejarah penubuhan pesantren.

Bermulanya penubuhan pesantren adalah atas kepercayaan masyarakat kepada seorang ulama[149] di bidang ilmu agama Islam. Sehingga penduduk sekitar pesantren ramai yang menuntut ilmu kepada ulama tersebut.[150] Nawawi mengutip pendapat Hasbullah, di samping adanya kepercayaan masyarakat terhadap seorang ulama, tertubuhnya pesantren juga kerana kesedaran ulama tersebut atas kewajipan dakwah Islamiyah, iaitu menyebarkan ajaran Islam sekaligus mendidik para pelapis ulama.[151] Kehadiran pesantren merupakan tindak balas terhadap keadaan sosial pada suatu masyarakat yang tengah dihadapkan pada runtuhnya moral, akhlak dan budi pekerti. Pesantren hadir dengan membawa misi menyeru kepada jalan yang baik dan mencegah

---

Sedangkan yang dimaksud dengan sosio-kultur, pesantren juga memberikan warna, tradisi perilaku dan sikap kepada masyarakat. Manakala sosio-agama, dari sejarah kemunculan pesantren hingga sekarang, tradisi keislaman di Indonesia banyak dipengaruhi dari ajaran pesantren. Lihat, Mujamil Qomar, *Pesantren dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi* (Jakarta: PT. Gelora Aksara Pratama, 2005), xv.

[148] Badan Intelijen Negara Republik Indonesia, "Peran Pesantren dan Kekiniannnya," dalam *BIN* dicapai 15 Februari 2013, ww.bin.go.id/wawasan/detil

[149] Kata ulama atau *'alim ulama* dimaknai untuk orang yang ahli tentang ilmu agama Islam beserta mendalami ilmu-ilmu hukum shariah, fiqh, tasawuf, tafsir, ilmu kalam, hadits dan lainnya. Lihat. Umar Hasyim, *Mencari Ulama Pewaris Nabi, selayang pandang sejarah para ulama* (Malaysia: Pena Mas Malaysia, 1980), 15.

[150] Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor ed. Ke*-2 (Jakarta: LP3ES Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, 1975), 11.

[151] Nawawi "Sejarah dan Perkembangan Pesantren," *Jurnal Ibda' (Studi Islam dan Budaya)* 4, no. 1 (Jan-Jun 2006), 2.

University of Malaya

perbuatan yang keji *(amar ma'ruf nahi munkar)* serta membawa nilai keislaman untuk memperluaskan informasi ajaran Islam ke seluruh bumi Nusantara.[152]

Masyarakat di Indonesia pada umumnya memanggil ulama pengasas pesantren dengan pelbagai sebutan. Di daerah Jawa Tengah dan Jawa Timur mereka memanggil ulama dengan sebutan *kiai*, di Sumatera Barat menyebut kiai dengan sebutan "*buya*". Di Jawa Barat, masyarakat Sunda menyebutnya "*ajengan*". Di Aceh disebut "*teungku*", di Sulawesi Selatan disebut dengan istilah "*tofanrita*". Di Lombok dan masyarakat Melayu pada umumnya menyebut kiai dengan sebutan "*tuan guru*". Manaka di daerah Madura istilah kiai dipanggil dengan sebutan *"nun"* atau *"bendoro"*.[153] Dalam kajian ini ulama yang dimaksudkan disebut dengan istilah *kiai*, oleh kerana kajian yang dilakukan di dearah Jawa Timur.

Bagi umat Islam, kiai bukan hanya sekadar pemimpin dalam skop informal sahaja, tetapi kiai juga merupakan penerus Nabi Muhammad *Ṣalla al-Allahu 'alaihi wa sallama* selanjutnya ditulis (s.a.w.). Gelaran kiai diberikan oleh masyarakat secara suka rela kepada seseorang yang dipercayai memiliki karisma berdasarkan kekuatan rohani dan kemampuan memberi berkat kerana hubungannya dengan alam ghaib.[154] Kiai juga memiliki kriteria khas iaitu mampu membaca kitab-kitab kuning (*kitab turath*) dan setidaknya seorang kiai pernah menjadi santri di pesantren selama 5-10 tahun.[155] Gelaran kiai juga hanya diberikan masyarkat kepada sesiapa yang memiliki kelebihan ilmu agama dan memiliki kekayaan ekonomi. Kemudian dengan kelebihan tersebut

---

[152] Abdullah Aly, *Pendidikan Islam Multikultural Di Pesantren, Telaah Terhadap Kurikulum Pondok Pesantren Modern Islam Assalam Surakarta* ed. Ke- 1 (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011), 158.

[153] Abdurrahman Wahid, *Menggerakkan Tradisi Esai-Esai Pesantren* (Yogyakarta: LKiS, 2001), 3.

[154] Lihat, Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia,* 20.

[155] Komaruddin Hidayat, "Pesantren dan Elit Desa" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 79.

University of Malaya

digunakan untuk berkhidmat kepada masyarakat, seperti menubuhkan pesantren atau untuk kesejahteraan seluruh makhluk di alam semesta (*rahmatan lil alamin*) termasuk dalam bidang sosial ekonomi.[156]

Dengan bermodalkan kepercayaan itu, masyarakat dan kiai bertungkus lumus dalam mengkaji dan mendalami ilmu agama di masjid atau surau atau di rumah kiai sendiri. Semakin hari semakin bertambah para santri[157] yang berasal dari pelbagai lapisan masyarakat yang berlainan tanpa ada had umur. Sehingga timbul idea untuk membangun sebuah pondok (bangunan sederhana) agar dapat menampung para santri yang berasal dari daerah yang jauh. Pondok-pondok tersebut dibangun secara kerjasama dan didirikan di sekitar masjid atau rumah kiai.[158] Tidak ada arkitek mahupun bentuk yang jelas dalam pembinaan bangunannya bahkan penambahan bangunan fisik sentiasa mengikut kehendak kiai, atau kemahuan santri dan masyarakat sekitar. Sehingga bangunan pesantren biasanya dilihat kurang kemas dan kumuh.

Latar belakang penubuhan pesantren tersebut menjadikan kiai, santri dan masyarakat memiliki hubungan erat bahkan menyatu dalam kehidupan sosial kemasyarakatan. Hubungan inilah yang menjadikan pesantren sentiasa dijaga, dipelihara dan disokong secara bersama-sama oleh santri dan masyarakat sekitar dengan harapan untuk kebaikan dan kemaslahatan bersama. Dengan demikian pesantren tidak sama dengan institusi-institusi pendidikan lain, seperti asrama, bilik kelas, bilik pejabat dibangun terlebih dahulu baru kemudian mencari pelajar atau bahkan penubuhan

---

[156] Lihat, Ali Maschan Moesa, *Nasionalisme Kiai Konstruksi Sosial Berbasis Agama* ed. Ke-1 (Yogyakarta: LKIS Yogyakarta, 2007), 2.

[157] Istilah santri dipakai hanya untuk seseorang yang belajar atau mengaji di sebuah pondok pesantren, manakala murid, siswa atau pelajar dipakai untuk seseorang yang belajar di sekolah formal. A. Halim, "Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren," dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 226.

[158] Imam Zarkasyi, *Diktat dalam Pekan Perkenalan di Kulliyatul Mua'limin al-Islamiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia* (Ponorogo: Darussalam Press, t.t.), 7.

University of Malaya

institusi itu berorientasikan untuk mendapatkan keuntungan. Manakala pesantren berasal daripada keinginan masyarakat sebagai tempat menuntut ilmu *(tafaqquh fī al-dīn)* yang mendidik generasi muda muslim dengan bekalan ilmu-ilmu agama, ilmu-ilmu kemasyarakatan dan pelbagai ketrampilan hidup untuk menjadi pelapis ulama.[159]

Difahamkan ada dua faktor yang melatar belakangi penubuhan sebuah pesantren. *Pertama* adanya seorang kiai yang berpengetahuan luas dan dari keluarga yang bercukupan dari aspek ekonomi.[160] *Kedua*, kepercayaan masyarakat terhadap pesona dan karisma seorang kiai bahkan kiai dianggap orang suci yang dianugerahi berkat, menjadikan masyarakat sekitar percaya untuk menuntut ilmu kepadanya.[161] Dua faktor inilah yang membezakan pesantren dengan institusi pendidikan Islam selain pesantren, sekaligus menjadi ciri khas dan keunikan bagi pesantren.

Selain daripada itu keunikan pesantren juga dapat diperhatikan daripada proses pembelajaran. Pada awalnya pembelajaran di pesantren tidak dalam bentuk formal atau berkelas. Seorang santri mendatangi guru dengan membacakan beberapa baris al-Qur'an atau kitab-kitab berbahasa Arab, kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa mengikut daerah masing-masing di mana pesantren ditubuhkan. Setelah kiai selesai menjelaskan erti setiap kalimat dan makna secara keseluruhan, santri mengulangi apa yang telah diajarkan oleh kiai. Demikianlah aktiviti pembelajaran diulang-ulang sehinga santri menamatkan pengajiannya dalam beberapa kitab. Tujuan kaedah pembelajaran ini ditujukan agar santri mampu memahami apa yang terkandung di dalam kitab sekaligus dapat belajar bahasa Arab yang dibimbing oleh kiai. Sistem pembelajaran private atau

---

[159] Abdullah Syukri Zarkasyi, "Membina Pesantren yang Mandiri; Pengalaman Pondok Moden Darussalam Gontor" (kertas kerja seminar Multaqa Institusi Tahfiz Kebangsaan Kompleks Yayasan Pahang Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac 2009), 1.

[160] Endang Turmudi, *Perselingkuhan kiai dan kekuasaan* (Yogyakarta: LKIS Pelangi Aksara, (2004), 95.

[161] *Ibid*., 1.

University of Malaya

individual ini disebut dengan *sorogan*. Manakala sistem pembelajaran yang melibatkan santri yang cukup ramai antara 5 hingga 500 santri disebut dengan istilah *bandongan* atau *weton*, iaitu setiap santri hanya dibenarkan untuk mendengar dan mencatit sahaja apa yang dibaca, diterjemahkan dan dijelaskan oleh kiai sama ada dari aspek bahasa *(lughawi)* atau makna *(ma'nawi)*. [162]

Dengan kaedah pembelajaran seperti ini, maka kayu ukur ilmu seorang santri berasaskan jenis kitab yang telah dibaca, dipelajari serta difahami oleh santri bersama kiai. Sehingga tidak hairan apabila masa pembelajaran tidak ada batasan tahun.[163] Kaedah ini diterapkan kerana pesantren tidak melaksanakan sistem penilaian sebagaimana di sekolah formal, sama ada dalam bentuk ujian semester mahupun ujian akhir semester. Namun, kayu ukur pencapaian santri dinilai dari berapa banyak kitab *turath* yang dikhatamkan.[164]

Manakala urutan kitab selalu disebut dengan istilah (*kitab kuning)*[165] dari dahulu hingga sekarang secara amnya di daerah Jawa dan Madura, bahkan hingga saat ini masih dicetak ulang dan dipergunakan di Indonesia, Singapore mahupun di Malaysia sepertimana kajian L.W.C Van Den Berg seorang sarjana Belanda dalam penelitiannya.

---

[162] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 53-54. Lihat juga, Fatikhah, *Pendidikan Islam Indonesia Pasca Politik Etis* (Pekalongan: STAIN Press, t.t.), 82.

[163] Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara* (Jakarta: Rineka Cipta, 2009), 113.

[164] Anis Masykhur, *Menakar Modernisasi Pesantren Mengusung System Pesantren Sebagai System Pendidikan Mandiri* ed. Ke- 1 (Jakarta: Barne Institute, 2010), 138.

[165] Kitab kuning merupakan tradisi keilmuan di pesantren iaitu kitab yang di dalamnya berisikan ilmu–ilmu keislaman yang di tulis dengan bahasa Arab tanpa tanda baris bacaan (*syakl*) sehingga disebut juga dengan istilah kitab gundul. Disebut dengan kitab kuning, kerana pada umumnya kitab-kitab itu zaman dahulu ditulis di atas kertas berwarna kuning, dengan kualiti kertas yang sanggat rendah sekali sehingga kulit atau isi dalamnya terkadang terlepas dari bandingannya. Istilah itu masih melekat lagi sekalipun pesantren pada waktu sekarang (moden) kitab itu dicetak dengan mengunakan kertas berwarna putih. Lihat, Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masa'il 1926-1999* (Yogyakarta: LKiS, 2004), 31. Pada umumnya kitab kuning ini ditulis oleh para ulama' pada abad ke-10 sampai dengan abad ke-15. Bahkan ada juga yang ditulis sebelum abad itu. Lihat, Anis Masykhur, *Menakar Modernisasi Pesantren Mengusung System Pesantren Sebagai System Pendidikan Mandiri,* 147.

University of Malaya

Contohnya pada tahun 1886 M para santri memulakan pelajarannya dengan rukun Islam yang lima dan peraturan ibadah dengan mengunakan kitab sederhana seperti *Safīnah al-Najah, Sullam al-Taufīq, Al-Sittīn al-Mas'alah, al-Mukhtaṣar* oleh Ba-Faḍl, dan *Risalah* oleh Sayyid Ahmad bin Zain al-Habsyi. Selepas santri menamatkan kitab-kitab tersebut kemudian para santri melanjutkan kajiannya bersama kiai dengan kitab-kitab *fiqh* seperti *Minhaj al-Qawīm, Al-Khawāshī al-Madaniyyah, Fatḥ al-Qarīb, Bajuri (*sarah *Fatḥ al-Qarib), Al-Iqnā', Bujairimi (*sharaḥ *Al-Iqna'*), *al-Muḥarrar, Minhaj al-Ṭālibīn, Sharḥ al-Minhāj* oleh Mahalli, *Fatḥ al-Wahhāb, Tuḥfah al-Muḥtāj* dan *Fatḥ al-Mu'īn.*[166]

Hampir setiap pesantren mengajarkan gabungan kitab yang berlainan mengikut kepakaran kiai. Walau bagaimanapun hampir semua kitab yang diajarkan di pesantren ditulis dalam bahasa Arab.[167] Tidak hairan apabila santri selepas menamatkan satu kitab dengan seorang kiai, maka dia akan berpindah ke pesantren yang lain untuk mengkaji kitab yang lain pula.

2.2. Sejarah pesantren

Pesantren merupakan institusi pendidikan Islam khas di Indonesia, walaupun bersifat tradisional tumbuh dan berkembang di daerah perkampungan, namun orientasinya lebih bersifat internasional iaitu Makkah, Madinah dan Timur Tengah sebagai pusat orientasinya dan kitab-kitab kuning yang berbahasa Arab sebagai bahan

[166] Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia,* 114.

[167] LIhat, Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Pustaka Mamudia, 1960), 224.

University of Malaya

kajiannya.[168] Kehadiran pesantren sekolah-sekolah Islam seperti madrasah, Perguruan Tinggi Islam bermunculan di Indonesia.

Menurut Jusuf Amri Feisal apabila diperhatikan dari sejarah perkembangan pesantren, maka kehadirannya tidak dapat dipisahkan dari sejarah masuknya Islam ke bumi Nusantara.[169] Pendapat itu disokong oleh Haidar Putra Daulay bahawa tunas pertumbuhan dan perkembangan institusi pendidikan Islam dimulai sejak awal mula Islam datang ke kepulauan Nusantara.[170] Memetik isu mengenai masuknya Islam ke Nusantara, maka ada tiga gambaran yang mesti diketahui iaitu tentang waktu masuknya agama Islam, dari mana atau siapa pembawa risalah agama Islam dan bagaimana proses penyebaran agama Islam.

Sebagaimana dijelaskan dalam bab satu ramai dari kalangan ahli sejarah telah berbeza pendapat tentang waktu masuknya Islam ke Nusantaran. Walau bagaimanapun pertelingkahan pendapat tersebut dapat dikategorikan menjadi tiga kurun iaitu; *pertama* Islam telah datang ke Nusantara antara abad ke-12 M[171] dan abad ke-13 M. Pendapat ini dikemukakan oleh seorang orientalis Barat iaitu C. Snouck Hurgronje iaitu berdasarkan kepada penemuan batu nisan Sultan Malik as-Ṣaliḥ yang bertuliskan tahun 696 H atau bersamaan dengan 1297 M. [172] Pendapat k*edua* Islam telah ada di bumi Nusantara sejak tahun 475 H atau 1082 M, dengan bukti penemuan sebuah batu nisan seorang bernama Fatimah binti Maymun bin Hibatillah dengan huruf kufi bertahun 495 H atau 1102 M,

---

[168] Lihat, Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia,* 21-22.

[169] Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam* (Jarakata: Gema Insani, 1995), 197.

[170] Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara,* 10.

[171] *Ibid*., 2.

[172] Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," *Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam ISLAMIA* 7, no. 2 (April 2012), 14.

University of Malaya

menurut bacaan Moquette sama dengan 475 H.[173] Pendapat *ketiga*, Islam telah datang ke Nusantara sejak abad ke-7 M atau pada tahun pertama Hijrah.[174]

Walau bagaimanapun para sarjana Islam semuafakat dengan pendapat yang ke-3, oleh kerana pendapat ini sesuai dengan seminar tentang sejarah masuknya Islam ke Indonesia yang diadakan di Medan pada tahun 1963 M.[175] Bahkan pendapat ini juga bersesuaian dengan rumusan hasil seminar historiografi Islam di Indonesia pada tahun 2007 yang disokong oleh berita China pada zaman Dinasti T'ang iaitu tahun 618-907 M bahawa orang-orang Ta-Shih (Arab) tidak jadi menyerang kerajaan Ho Ling, sehingga diyakini pada masa itu orang-orang Islam telah berada di Nusantara.[176] Demikian juga A. Mantaeau dan Agus Salim sependapat dengan teori ini yang mendakwa bahawa Islam telah masuk ke Indonesia sejak abad ke-7 dengan bukti pada tahun 674 M telah ramai orang-orang Arab bermukim di pantai Barat Sumatera.[177]

Manakala teori mengenai pembawa risalah ajaran Islam ke Nusantara ada empat pendapat, *pertama* Islam masuk ke kepulauan Nusantara dari bangsa Arab. Menurut Thomas Arnold sekalipun tidak ada kepastian tentang waktu masuknya orang Arab ke Nusantara, namun pada abad ke-2 H perniagaan di pulau Ceylon (Sri Langka) semuanya di bawah kekuasaan bangsa Arab dan pada abad ke-7 M juga telah masuk ke Tiongkok, sehingga bangsa Arab telah memiliki pusat perniagaan di Canton (Guangzhou sebuah Bandar di Tiongkok Selatan).[178] Adanya hubungan diplomatik antara khalifah Rasulullah pada zaman 'Uthman ibn Affan (w.35 H/ 656 M) dengan kaisar China dari

---

[173] *Ibid*.

[174] *Ibid*.

[175] Nasruddin Baidan, *Tafsir al-Quran di Indonesia* (Yogyakarta: Tiga Serangkai, 2003), 2.

[176] Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," 15.

[177] Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam,* 197.

[178] Hamka, *Sejarah Umat Islam*, ed. Pustaka Antara (Kuala Lumpur: Antara, 1980), 418.

University of Malaya

dinasti T'ang yang telah berlanjut hingga ke zaman bani Umawiyyah (660 – 749 M) juga memperkuat teori ini, termasuk berdirinya sebuah masjid *Wa-Shin-zi* (Masjid Kenangan atas Nabi) yang dibangun oleh Saād bin Abī Waqaṣ di Canton.[179] Selain bukti-bukti tersebut, ketika kerajaan Sriwijaya di Sumatera telah berdiri, perairan Nusantara semakin sering dilalui oleh kapal pedagang dari Arab dan Persi dalam pelayaran Hindia ke China.[180]

Pendapat yang *kedua* Islam masuk ke Nusantara berasal dari Gujarat iaitu sebuah bandar bahagian selatan Hindia.[181] Teori ini berpendapat bahawa Islam masuk ke Nusantara sekitar abad ke-13 berasaskan atas unsur-unsur tradisi Islam di Indonesia yang hampir-hampir sama dengan tradisi Islam di India. Oleh kerana itu, masuknya Islam melalui jalur Indonesia-Hindia-Cambay-Timur Tengah-Eropa. [182] Disamping itu pendapat ini diperkuat dengan penemuan batu nisan Malik al-Ṣalih (Sultan Samudera Pasai) pada tahun 1297 M yang bercorak khas Gujarat.[183] Bentuk batu nisan ini hanya ada di Cambay iaitu suatu wilayah di India Selatan.[184]

Teori *ketiga* Islam di Nusantara berasal dari Benggala iaitu barat semenanjung Malaya dan timur Hindia (Bangladesh). Pendapat ini berdasarkan atas laporan Tome'

---

[179] Saifullah Mohd Sawi et al., *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara* (Selangor Darul Ehsan: Larisma Pulications, 2009), 6.

[180] Lihat, Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," 17.

[181] Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara,* 1.

[182] Lihat, Nana Supriatna, *Sejarah untuk kelas XI Sekolah Menengah Atas Program Bahasa* (Jakarta:Grafindo Media Pratama, 2006), 26.

[183] *Ibid.,*

[184] Saifullah Mohd Sawi et al., *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara* (Selangor Darul Ehsan: Larisma Pulications, 2009), 13.

University of Malaya

Pires (1512-1515), tentang berita-berita China serta unsur tasawuf yang terdapat di Indonesia dan Malaysia.[185]

Teori *keempat* Islam di Nusantara berasal dari Persia (Iran) yang diperkirakan masuk pada abad ke-13. Teori ini berasaskan atas dasar budaya masyarakat Indonesia seperti peringatan 10 Muharram dan juga ajaran syeikh Siti Jenar dengan ajaran sufi Al-Hallaj dari Iran. Termasuk turut memperkuat teori ini iaitu pada tahun 1419 M ditemukan makam Maulana Malik Ibrahim di Leran Gresik,[186] bahkan adanya kesamaan penggunaan istilah bahasa Persia yang digunakan oleh masyarakat Melayu juga turut memperkuat teori ini seperti kalimat: *'bandar', 'syah', 'tahta', 'pasar', 'penjara', 'gandum', 'anggur', 'kurma', 'piala'* dan lainnya.[187]

Manakala proses penyebaran agama Islam ke bumi Nusantara melalui beberapa cara. *Pertama* melalui perniagaan, iaitu ajaran Islam disebarkan oleh para peniaga dari Gujarat, Persia dan Arab yang berhubungan dengan peniaga tempatan termasuk kepada raja-raja sesuai yang penah dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW iaitu berkirim surat kepada raja-raja.[188] *Kedua* melalui perkahwinan dengan perempuan-perempuan peribumi.[189] *Ketiga* melalui pendidikan iaitu pendekatan kepada para raja setempat agar mereka memeluk agama Islam. Contohnya kes raja Samudra pasai, raja Aceh, raja Malaka dan raja Makasar.[190] Berkenaan dengan pesantren, maka melalui jalur pendidikan inilah institusi pendidikan pesantren ditubuhkan. Pesantren sebelum diiktiraf

---

[185] Lihat, Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," 16.

[186] Nana Supriatna, *Sejarah untuk kelas XI Sekolah Menengah Atas Program Bahasa,* 26.

[187] Lihat, Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," 17.

[188] Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia,* 12.

[189] Saifullah Mohd Sawi et al., *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara,* 14.

[190] Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," 22.

University of Malaya

menjadi insititusi pendidikan yang rasmi pada tahun 1800-an, pengajaran pesantren bermula dari istana, ke masjid-masjjid, ke pertapaan dengan mengajarkan ilmu tasawuf.

Keempat melalui dakwah, sepertihalnya yang telah dilakukan oleh para Wali dan guru Dakwah di pulau Jawa.[191] *Kelima*, Islam disebarkan dengan cara memasukkan ajaran Islam pada tradisi budaya adat daerah, seperti contoh dengan membaca doa-doa Islami pada acara adat.[192]

Manakala sejarah perkembangan pesantren di Indonesia apabila dilihat berdasarkan kurun waktu dapat diklasfikasikan menjadi empat iaitu tempoh masuknya Islam ke Indonesia, tempoh kedatangan para penjajah barat (Belanda), tempoh kedatangan para penjajah Jepun dan tempoh Indonesia merdeka. [193]

1) Tempoh masuknya Islam ke Indonesia

Islam masuk ke kepuluan Nusantara pada amnya dengan cara damai tanpa ada pertumpahan darah. Kemahiran para ulama atau kiai dalam berdialog dengan masyarakat mampu menarik perhatian dan kepercayaan masyarakat Indonesia di mana pada masa itu agama Hindu menjadi agama mojoriti. Namun, dengan kegigihan dan suri teladan *(paragon)* para kiai, agama Islam dapat mengantikan agama Hindu yang telah berakar umbi di pulau Jawa.[194] Sehingga pada abad ke-15 kerajaan Islam pertama di pulau Jawa ditubuhkan iaitu atas inisiatif para kiai yang

---

[191] Waluyo et al., *Ilmu Pengetahuan Sosial untuk Kelas VII SMP/MTs* (Jakarta: Kompas Gramedia, 2008),160.

[192] *Ibid.,*

[193] Lihat, Adi Sasono et al., *Solusi Islam Atas Problematika Umat:Ekonomi, Pendidikan dan Dakwah* (Jakarta: Gema Insani, 1998), 107.

[194] Lihat, Achmad Zainal Huda, *Mutiara Pesantren Perjalanan Khidmah KH Bisri Mustofa* (Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksra, 2005), vi.

University of Malaya

lebih dikenal dengan sebutan wali songo (Sembilan Wali).[195] Hadirnya kerajaan Islam pertama di Demak dengan rajanya Raden Fatah pada tahun 1500 M membawa kemajuan dan perkembangan yang pesat bagi penyebaran ajaran Islam hingga ke seluruh pulau Jawa. Hampir di setiap daerah didirikan masjid sebagai pusat pendidikan dan pengajaran Islam. Melalui masjid-masjid inilah pesantren di kepulauan Jawa berkembang.[196]

Perkembangan ajaran Islam di pulau Jawa semakin maju setelah pusat kerajaan Islam berpindah dari Panjang ke Mataran pada tahun 1586 M yang sebelumnya kerajaan Demak berpindah ke Pajang lebih kurang pada tahun 1568 M. Dengan perpindahan ini pelbagai perubahan kebudayaan lama yang bercirikan Indonesia dan ajaran Hindu dirubah dan disesuaikan dengan agama dan tradisi Islam, seperti:

1) Acara *grebeg* disesuaikan dengan hari raya Idul Fitri dan Maulid Nabi atau dengan istilah *grebeg poso* (puasa) dan grebeg mulud.
2) *Gamelan sekaten* hanya dibunyikan pada *grebeg* maulid dan hanya diangkat di halaman masjid besar.
3) Kiraan tahun caka budaya Hindu yang dipakai di Indonesia dengan kiraan berdasarkan perjalanan matahari yang berangka 1555 caka bersamaan dengan tahun 1633 M diganti dengan mengikut kiraan perjalanan bulan sesuai dengan tahun Hijrah.

---

[195] Wali Songo (sembila wali) mereka adalah jama'ah dari sembila wali Allah yang menyebarkan agama Islam di tanah Jawa pada abad ke-15an. Sembilan Wali itu ialah 1. Maulana Malik Ibrahim (Syeikh Magribi), 2. Sunan Ampel (Raden Rahmat atau juga disebut Raden Ainul Yaqien), 3. Sunan Bonang (Raden Maulana Makdum Ibrahim, 4. Sunan Giri (Raden Paku atau dipanggil juga dengan panggilan Prabu Satmata), 5. Sunan Drajat (Raden Syarifuddin), 6. Sunan Kudus (Ja'far Sodiq), 7. Sunan Kalijaga (Raden Mas Syahid), 8. Sunan Muria (Raden Umar Said) dan 9. Sunan Gunung Jati (Faletehah atau disebut juga Raden Syarif Hidayatullah). Lihat, Keat Gin Oi, *Southeast Asia: A Historical Encyclopedia, From Angkor Wat to East* (California: ABC-CLIO, 2004), 1415.

[196] Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia,* 218-219.

University of Malaya

4) Di samping itu semuanya di setiap bandar didirikan masjid besar dan masjid-majid kecil untuk di daerah perkampungan.[197]

2) Tempoh Kedatangan para penjajah Barat (Belanda)

Pada masa penjajahan Belanda, pesantren mendapat tekanan yang luar biasa. Adanya peraturan *ordonansi guru*, iaitu mewajibkan para guru agama untuk memiliki surat izin *(tauliyah)* merupakan satu cara untuk mengawal perkembangan dan pengawasan pesantren. Polisi ini ditujukan agar pesantren tidak menjadi faktor pemicu perlawanan rakyat terhadap penjajah.[198] Dengan adanya polisi ini, maka gerakan pesantren dan institusi pendidikan Islam seperti madrasah tidak dapat berkembang dengan baik.

Selain peraturan *ordonansi guru*, para kolonial Belanda juga memperlakukan polisi *ordonansi sekolah liar* iaitu pelaksanaan pembelajaran mesti mendapatkan izin daripada pemerintah. Termasuk laporan-laporan kurikulum pembelajaran, keadaan sekolah mesti dilaporkan secara berkala.[199] Kesan daripada kebijakan ini pesantren lebih bersifat tradisional, bahkan menjaga jarak dengan pemerintah penjajah. Sehinga pesantren banyak yang ditubuhkan di daerah perkampungan dengan kurikulum pembelajaran dibuat sendiri dan orieantasinya hanya penanaman nilai-nilai keagamaan.

Dengan demikian sejak dahulu lagi pesantren bebas dari campur tangan pemerintahan, meskipun risikonya pesantren diasingkan oleh masyarakat moden dan gerak langkahnya terhad disebabkan sekatan-sekatan dari kolonial Belanda. Walau bagaimanapun kewujudan pesantren menjadikan para penjajah membatalkan

---

[197] *Ibid.,* 220.

[198] Lihat, Maksum, *Madrasah sejarah dan perkembangannya* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999), 115.

[199] Lihat, *Ibid.,* 116.

University of Malaya

resolusinya iaitu pada tahun 1825, tahun 1831 dan ordonansi tahun 1859. Oleh kerana strategi perjuangan melawan Belanda selama tiga setengah abad dimulai dari pesantren.[200]

3) Tempoh penjajahan Jepun

Sekalipun Jepun menjajah Indonesia hanya 3 tahun iaitu sejak tahun 1942 hingga tahun 1945. Namun, kehadiran Jepun membawa kesan bagi pesantren. Pada masa penjajahan Jepun, pesantren mendapat sedikit ruang untuk mengembangkan dirinya. Contohnya pihak pemerintah membolehkan penubuhan *Shumubu* iaitu pejabat urusan agama bahagian dari gabenor *(Gunsaikanbu)*, penubuhan *Shumuka* iaitu pejabat urusan agama daerah,[201] pembentukan laskar jihad *(hizbullah)* pada tahun 1944 iaitu para santri pesantren berlatih tentera bersama pemerintah Jepun,[202] dan penubuhan Masyumi (Masjlis Syura Muslimin Indonesia) pada bulan November tahun 1943.[203]Namun, sikap autoritarian penjajah Jepun pihak pesantren banyak dirugikan. Contohnya Hasyim Asy'ari meringkuk di penjara dan Pesantren Tebuireng Jombang ditutup disebabkan enggan membungkukkan badan ke hadapan Tokyo setiap pukul 07.00 pagi sebagai simbol hormat kepada Kaisar Hirohito.[204] Begitu juga Pesantren Kulon Banon ditutup pada tahun 1942 sehingga pecahnya revolusi.[205] Bahkan selepas penjajah Jepun mendapat tekanan dari pihak sekutu,

---

[200] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 21.

[201] Kementerian agama, Kantor Wilayah Propinsi Nusa Tenggara Barat, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 9 mac 20113, http://ntb1.kemenag.go.id/.

[202] Lihat, Ahmad Syafii Ma'arif, *Islam dan Politik: Teori belah Bambu, masa demokrasi terpimpin, 1959-1965* (Jakarta: Gema Insani,1996), 21.

[203] Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam,* 150.

[204] Seri Tempo, *Wahid Hasyim: Tokoh Islam di Awal Kemerdekaan* (Jakarta: Gramedia, 2011), 70.

[205] Ahmad Syafi'i Mufid, *Tangklukan, Abangan dan Tarekat: Kebangkitan Agama di Jawa* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2006), 90.

University of Malaya

seluruh aktiviti pembelajaran di pesantren dihentikan dan ramai daripada para kiai pesantren ditangkap akibat membuat perlawanan.[206]

4) Tempoh Indonesia Merdeka.

Pesantren sebagai institusi pendidikan Islam ditubuhkan untuk membanteras kejahilan masyarakat dan penyelesaian masalah sosial ekonomi. Manakala pada zaman penjajahan pesantren merupakan komuniti yang menentang dan menghalau para penjajah. Oleh yang demikian, selepas Indonesia merdeka dari jajahan Jepun mahupun Belanda, kerajaan Indonesia memberikan kebebasan dan peluang kepada pesantren untuk mengembangkan visi dan misinya.[207] Sehingga selepas Indonesia merdeka pada tahun 1948 banyak pesantren ditubuhkan, bahkan pesantren menjadi panduan revolusi pendidikan Indonesia. Oleh kerana, pesantren merupakan institusi pendidikan rakyat yang murah, berpatutan dan efektif.[208]

Kebijakan pemerintah tersebut dapat dibuktikan dengan banyaknya pesantren yang mengembangkan kurikulum dan sistem pengajarannya. Pesantren tidak lagi bergerak dalam aspek pendidikan sahaja, namun sejak tahun 1970an pesantren telah mengalami perubahan yang signifikan terutama usaha mengembangkan kegiatan ekonomi untuk menjana kelangsungan kehidupan pesantren.[209] Diyakini pada abad ke-20 M perubahan dan pembaharuan dalam pendidikan Islam seperti pesantren akan semakin maju dari bahagian-bahagian lain di Asia.[210]

---

[206] Lihat, Adi Sasono et al., *Solusi Islam Atas Problematika Umat:Ekonomi, Pendidikan dan Dakwah,* 114.

[207] *Ibid.,* 114.

[208] Lihat, Badrus Sholeh, "Menyorot Dinamika Kelembagaan Pesantren", dalam *Budaya Damai Komunitas Pesantren,* ed. Badrus Sholeh et al., (Jakarta: LP3ES, 2007), 1-2.

[209] Lihat Moh Ali Aziz, "Pesantren dan pengembangan ekonomi umat" dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 207.

[210] Lihat, Mahmud Arif, *Pendidikan Islam Transformatif* (Yogyakarta: LKiS, 2008), 199.

University of Malaya

Maksum mencuplik pendapat Karel A Steenbrink dalam kajiannya dari tahun 1900 sehingga 1945, ada empat faktor yang mendorong gerakan pembaharuan Islam di Indonesia antara iaitu;

1. Faktor keinginan untuk kembali kepada al-Quran dan Hadith
2. Faktor semangat nasionalisme dalam melawan penjajah
3. Faktor memperkuat gerakan sosial, ekonomi, budaya dan politik
4. Faktor pembaharuan pendidikan Islam di Indonesia. [211]

Manakala pengasas pesantren yang pertama menjadi perbezaan pendapat di kalangan ahli sejarawan. Ada yang berpendapat pengasas pesantren yang pertama ialah syeikh Maulana Malik Ibrahim[212] yang dikenal dengan Syeikh Magribi di pulau Jawa.[213] Pesantren tersebut ditubuhkan pada abad ke-17 atau pada tahun 1619 M di Gresik Jawa Timur,[214] pada abad itu juga berdiri pesantren Sunan Bonang di Tuban Jawa Timur dan pesantren Sunan Ampel di Surabaya Jawa Timur.[215] Selain daripada itu, ada juga yang mendakwa bahawa Sunan Ampel atau Raden Rahmat Putra Maulana Malik Ibrahim telah menubuhkan pesantren iaitu pada Abad ke-15 di Desa Gapura Gresik.[216] Walau bagaimanapun menurut pendapat Martin van Bruinessen yang membuat penelitian pada tahun 1819 M, beliau mendakwa bahawa

---

[211] Maksum, *Madrasah sejarah dan perkembangannya,* 83.

[212] Maulana Malik Ibrahim (sunan Gresik) merupakan keturuan Ali Zainal Abidin al-Husein yang berasal dari Magribi Afrika Utara. Setelah berkhidmad di Gresik Jawa Timur, beliau mendapat gelaran Magribi atau Sunan Gresik. Beliau dating ke Indonesia kerajaan Majapahit tahun 1379 M dan wafat pada tahun 1419 M. Lihat, Saifullah Mohd Sawi et al., *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara,* 17.

[213] Lihat, Husni Rahim, *Arah Baru Pendidikan Islam di Indonesia* (Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2001), 158, Maulana Malik Ibrahim juga disebut dengan panggilan Makdum Brahim Asmara, beliau adalah saudara Maulana Malik Ishak dan dengan putri Campa melahirkan dua orang putra iaitu Raden Rahmat (sunan Ampel) dan Sayid Aki Murtadla (Raden Santri), beliau wafat pada tahun 1419 M bertepatan dengan hari Isnin, 12 Rabi'ul Awwal 822 H di makamkan di Gresik. Lihat, ed. Ridin Sofwan et al., *Islamisasi di JawaWalinsongo Penyebar Islam di Jawa, menurut penuturan Babad* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000), 23-24.

[214] M. Shodiq, "Pesantren dan perubahan sosial," *Jurnal Falasifa* 2, no. 2 (September 2011), 108.

[215] Lihat, Adi Sasono, *Solusi Islam Atas Problematika Umat:Ekonomi, Pendidikan dan Dakwah,* 102

[216] Lihat, Nur Syam, *Islam Pesisir* (Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara, 2005), 75, dan lihat, M. Saridjo, *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia* (Jakarta: Dharma Bhakti, 1980), 25.

University of Malaya

pada abad ke-19 institusi Islam seperti pesantren di seluruh Jawa tidak dijumpai melainkan Pesantren Tegalsari di Bandar Ponorogo Jawa Timur yang ditubuhkan pada tahun 1742 M.[217] Pesantren ini ditubuhkan oleh Sultan Paku Buwono II sebagai tanda terima kasih kepada kiai Ageng Hasan Bashari yang merupakan sejarah penubuhan Pesantren Gontor lama.[218]

Sekalipun pesantren Tegalsari hingga saat ini tinggal kenangan dalam sejarah, namun pesantren ini pada abad ke-18an sempat mengalami zaman keemasan, ribuan santri berasal dari pelbagai daerah datang ke pesantren ini untuk menuntut ilmu agama. Disebabkan ramainya para santri menjadikan perumahan masyarakat kampung Tegalsari menjadi pesantren. Berawal dari pesantren inilah seorang santri bernama Sualaiman Jamaluddin putera penghulu Jamaluddin dan cucu dari pangeran Hadiraja Sultan Kasepuhan Cirebon diutus oleh kiai Khalifah dari pesantren Tegalsari untuk membangun sebuah pesantren di Gontor yang terletak lebih kurang 3 KM di sebelah timur Tegalsari, dan dari pesantren inilah banyak pesantren di Indonesia ditubuhkan.[219]

Selain pesantren Tegalsari, pesantren yang tertua dan masih bertahan hingga saat ini iaitu Pesantren Sidogiri Pasuruan di Jawa Timur yang telah berdiri sejak tahun 1745 M diasaskan oleh Sayyid Sulaiman dari Cirebon Jawa Barat.[220] Selanjutnya pesatren Panji Siwalan Sidoarjo di Jawa Timur oleh kiai Khamdani tahun 1770 M, Pesantren Tremas di Pacitan Jawa Timur yang ditubuhkan oleh Kiai Abdul Manan

---

[217] Abdullah Aly, *Pendidikan Islam Multikultural Di Pesantren, Telaah Terhadap Kurikulum Pondok Pesantren Modern Islam Assalam Surakarta,* 156.

[218] Ed. Marwati Djoened Poesponegoro et al., *Sejarah Nasional Indonesia III Zaman Pertumbuhan dan Perkembangan Kerajaan Islam di Indonesia* ed. Ke-2 (Jakarta:Balai Pustaka, 2008), 193.

[219] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor* ed. Ke- 2 (Gontor Ponorogo: Trimurti Press, 2005), 63.

[220] Pondok Pesantren Sidogiri, laman sesawang *Pesantren Sidogiri* dicapai , 12 Mac 2013. http://www.sidogiri.net/profil.

University of Malaya

dengan gelaran kecilnya Bagus Darso pada tahun 1830 M,[221] Pesantren Langitan Tuban Jawa Timur oleh Kiai Muhammad Nur pada tahun 1852, Pesantren Jampes Kediri Jawa Timur oleh Kiai Syeikh Ihsan pada tahun 1886 M dan pesantren Guluk-guluk Sumenep Jawa Timur oleh Kiai Muhammad Syarqawi pada tahun 1887 M. [222]

2.3. Unsur-unsur asas pada pesantren

Pada peringkat awal penubuhan pesantren lebih bersifat tidak rasmi *(non-formal)* iaitu berasal daripada masyarakat, diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat. Siti Djazimah mengutip pendapat Wahjoetomo bahawa fungsi pesantren selain menjadi tempat mendalami ajaran agama Islam (*tafaqquh fī al-dīn),* pesantren juga sebagai tempat penyebaran ajaran Islam yang memadukan tiga unsur pendidikan iaitu ibadah, dakwah *(tabligh)* dan amal dalam bentuk aktiviti sosial bagi masyarakat sekitar.[223] Sehingga seluruh aktiviti yang akan dilaksanakan mahupun telah dilaksanakan oleh pesantren secara amnya ditujukan untuk berkhidmat kepada para santri dan berkhidmat kepada masyarakat sekitar pesantren.[224] Oleh yang demikian, pesantren menjadi institusi yang unik sekaligus memiliki ciri khas tersendiri berbanding dengan institusi pendidikan Islam lainnya.

Menurut Mastuhu ada beberapa unsur asas yang wajib ada untuk sebuah institusi disebut sebagai pesantren. Beliau membahagikan menjadi tiga unsur asas iaitu *pertama*

---

[221] Direktorat Pendidikan Diniyyah dan Pondok Pesantren, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia* dicapai 12 Mac 2013, http://www.pondokpesantren.net/ponpren/index.

[222] Lihat, Joko Sayono, ”Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942),”*Jurnal Bahasa dan Seni* 33, no.1 (Februari 2005), 57.

[223] Siti Djazimah, “Potensi Ekonomi Pesantren, studi korelasi antara ketaatan beragama santri dengan proses kemandirian ekonomi di pondok pesantren al-Mahalli Brajan Wonokromo Pleret Bantul Daerah Istimewa Yogyakarta” *Jurnal Penelitian Agama* 13, no. 3 (September – Disember 2004), 442.

[224] Suyata, “Pesantren Sebagai Lembaga Sosial Yang Hidup” dalam *Pergulatan Dunia Pesantren Membangun dari Bawah,* ed. Dawan Rahardjo et al., (Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, Media Pertama Offset, 1985), 16.

University of Malaya

pelaku; termasuk kiai, guru, santri dan pengurus. *Kedua* sarana kelengkapan *(hardware)* seperti; masjid, rumah kiai, pondok atau asrama di pesantren. *Ketiga* sarana perisian *(software)*; tujuan pendidikan, kurikulum pengajaran, sumber belajar seperti kitab dan sebagainya.[225]

Manakala menurut Jabatan Kementerian Agama Indonesia unsur-unsur asas yang mesti ada di pesantren ada lima iaitu; *pertama* kiai sebagai penyelia Pondok Pesantren, *kedua* masjid sebagai pusat aktiviti ibadah dan tempat belajar, *ketiga* santri iaitu pelajar yang belajar di dalamnya, *keempat* pondok atau asrama sebagai tempat tinggal santri dan *kelima* kitab turath atau kitab kuning sebagai bahan untuk dikaji.[226] Unsur-unsur asas tersebut mesti ada di setiap insitusi yang mendakwa sebagai pesantren.

2.3.1. Kiai (tuan guru)

Kiai, ajengan, tuan guru, tofanrita, buya, teungku, bendoro atau nun (sebutan mengikut daerahnya) di pesantren merupakan unsur asas yang sangat penting dalam mewarnai dan mempengaruhi perkembangan pesantren mahupun masyarakat sekitar. Perkara ini dibuktikan dengan peranan dan fungsi kiai sama ada secara dalaman (di pesantren) mahupun luaran (di masyarakat). Secara luaran kiai adalah peneroka lahan pertanahan untuk dijadikan sebuah desa atau perkampungan. Manakala secara dalaman penduduk desa tersebut belajar ilmu agama kepada kiai dan kemudian ditubuhkan pesantren, maka kiailah pembawa risalah agama dan pewaris para nabi untuk berdakwah dan menyebarkan ajaran Islam.[227] Sesuai dengan pendapat Quraish Shihab bahawa tugas dan tanggungjawab kiai ialah *pertama*, menjadi pewaris nabi

---

[225] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern* (Jakarta: Rajawali Press, 2011), 65.

[226] Dirjen Pendis, *Keputusan Direktur Jenderal Kelembagaan Agama Islam, Nomor: E/239/2001* (Jakarta: Dirjen Pendis Depag RI, 2001), 9. Dan Lihat, Prihananto, "Teknologi Komunikasi Untuk Pengembangan Pesantren: Konsepsi Dan Alternative Penerapannya", dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 160, dan lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 79.

[227] Lihat, Sukamto, *Kepemimpinan kiai dalam pesantren* (Jakarta: PT. Pustaka LP3ES, 1999), 88-89.

University of Malaya

untuk menyampaikan *(tablīgh)* ajaran-ajaran Islam kepada orang ramai. *Kedua* menjelaskan ajaran-ajaran Islam berdasarkan perintah Allah s.w.t. *Ketiga* menyelesaikan permasalahan sosial yang dihadapi masyarakat sekitarnya. *Keempat* memberi contoh dengan perilaku yang baik sesuai akhlak Nabi Muhammad s.a.w. yang berasaskan al-quran.[228]

Dengan demikian kiai memiliki peranan penting sebagai pemimpin tunggal yang menentukan corak kepemimpinan dan perkembangan pesantren mahupun masyarakat sekitarnya, termasuk memiliki legalitas dalam menyebarkan dan mengajarkan ilmu agama.[229] Hal itu kerana difahamkan kiai ialah orang yang menguasai ayat-ayat Allah degan memadukan antara potensi fikir yang bersifat fenomena alam (*kauniyyah)* dan juga dzikir yang bersifat *qauliyyah.*[230] Bahkan menurut pendapat Hiroko Horikoshi yang dikutip oleh Achmad Patoni kiai sangat berperanan penting di dalam pesantren mahupun masyarakat, kerana kiai adalah penegak keimanan yang mengajarkan doktrin-doktrin keagamaan kepada masyarakat dan sentiasa memelihara amalan-amalan para *salafu al-ṣālih*.[231] Pendapat ini diperkuat oleh Manfred Ziemek seorang peneliti dari Jerman bahawa kiai memiliki autoriti penuh dalam menentukan seluruh kegiatan pendidikan di pesantren dan polisi-polisi dalam rangka proses transformasi nilai.[232]

Dalam istilah lain, kedudukan kiai di pesantren sebagai *patron* bagi penghuni pesantren dan masyarakat. Tidak hairan apabila kiai menjadi sandaran pengembang

---

[228] Lihat, M. Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran Fungsi Dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat* ed. Ke-9 (Bandung: Mizan, 1999), 385.

[229] Lihat, Sukamto, *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren,* 85-89.

[230] Lihat, M. Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran Fungsi Dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat,* 382.

[231] Achmad Patoni, *Peran Kiai Pesantren Dalam Partai Politik* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007), 24.

[232] *Ibid.,* 27.

University of Malaya

nilai-nilai fiqh sosial bagi masyarakat dalam memecahkan masalah sosial yang terjadi di masyarakat sekitar pesantren. Contohnya kemiskinan, kekurangan modal, kerosakan lingkungan, kerosakan moral para remaja dan penyakit-penyakit sosial lainnya.[233] Pengabdian kiai terhadap masyarakat inilah yang menjadikan kiai menyatu dengan lingkungan dan masyarakat sekitar bahkan bangsa dan Negara.[234] Sehingga gelaran kiai merupakan hasil dari kesepakatan sosial yang lahir daripada masyarakat, gelaran sekaligus kehormatan untuk seorang pakar ilmu agama, seseorang yang mampu menterjemahkan nilai-nilai Islam di kehidupan masyarakat dan gelaran yang tidak dapat ditempuh melalui universiti. Inilah yang membezakan antara kiai dengan ulama.[235]

Sekalipun menurut Dhofier perkataan kiai juga dipakai untuk tiga gelaran iaitu gelaran bagi benda atau peralatan yang dianggap keramat. *Kedua* gelaran kehormatan untuk orang yang telah lanjut usia dan *ketiga*, gelaran masyarakat kepada pakar ilmu agama Islam yang sekaligus menjadi pemimpin dan penyelia di pesantren dengan mengajarkan kitab-kitab Islam klasik kepada para santrinya.[236] Namun, dalam kajian ini kiai yang dimaksudkan iaitu kiai yang menjadi penyelia pesantren dan kiai yang memiliki peranan yang lebih luas berbanding dengan ulama yang hanya berperanan di dalam komuniti yang berjumlah kecil sahaja.[237]

2.3.2. Santri

Ada beberapa perbezaan pendapat dalam memberikan makna atau definisi tentang kalimat santri. Sebagaimana pendapat Dhofier yang merujuk pendapat C.C.

---

[233] Lihat, Zubaedi, *Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Pesantren Kontribusi Fiqh Sosial Kia Sahal Mahfudz Dalam Perubahan Nilai-Nilai Pesantren* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2006), 386.

[234] Lihat, Ali Maschan Moesa, *Nasionalisme Kiai Konstruksi Sosial Berbasis Agama,* 2

[235] Lihat, Sukamto, *Kepemimpinan kiai dalam pesantren,* 57

[236] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 93.

[237] Lihat, Sukamto, *Kepemimpinan kiai dalam pesantren,* 87.

University of Malaya

Berg bahawa istilah santri berasal dari bahasa Hindi iaitu *shastri* yang bermaksud orang yang tahu buku-buku agama Hindu.[238] Manakala M. Chaturverdi dan BN Tiwari juga berpendapat bahawa santri berasal dari kalimat *shastra* yang bererti buku-buku suci, buku-buku agama atau buku-buku tentang ilmu pengetahuan.[239]

Berbeza dengan pendapat Abdullah Syukri Zarkasyi yang memberikan dua pendapat tentang asal usul kalimat santri iaitu; *pertama* berasal dari bahasa Sanskrit iaitu *sasstri* yang bererti "melek huruf" atau orang yang tahu menulis dan membaca, dan yang *kedua* kalimat santri berasal dari bahasa Jawa iaitu *cantrik* yang bermaksud seorang yang mengabdi kepada guru atau selalu mengikuti ke mana guru itu menetap dengan tujuan untuk mendapatkan ilmu.[240] Selain daripada itu ada yang berpendapat bahawa kalimat santri berhungkaitkan dengan istilah dalam perwayangan di Jawa yang bermaksud "*satrya*" atau "*kestarya*" iaitu sifat keperibadian yang mulia seorang tokoh pendawa dalam Epos Mahabarata.[241] Manakala Saifuddin Zuhri merujuk kepada teori W.J.S Purwadaminta, santri atau *santeri* ialah orang yang menuntut ilmu agama Islam dengan cara pergi ke tempat guru, kemudian selepas ia mendapatkan ilmu tersebut akan mengamalkan dan memperluaskan kepada orang lain.[242] Begitu halnya pendapat Clifford Geertz yang memaknai santri dalam erti yang lebih luas iaitu seluruh kaum muslimin yang taat dan patuh terhadap ajaran

---

[238] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 41.

[239] *Ibid.,*

[240] Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor Dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren* (Jakarta: Rajawali Press, 2005), 60-61.

[241] Djoko Suryo, "Tradisi Santri Dalam Historiografi Jawa: Pengaruh Islam Di Jawa," (kertas kerja seminar Pengarus Islam terhadap Budaya Jawa, Yogyakarta, 31 November 2000).

[242] Lihat, Saifuddin Zuhri, *Guruku Orang-Orang Dari Pesantren* ed. Ke-2 (Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara, 2007), 213.

University of Malaya

Islam sama ada kaum tradisionalis mahupun modenis. Menurut beliau istilah santri juga menjadi pembeza antara kaum santri dengan kaum abangan.[243]

Tidak hairan apabila istilah santri diklasifikasikan kepada dua sudut pandang iaitu santri secara sosial yang membawa maksud kepada komuniti muslim yang taat dalam menjalankan ajaran Islam, dan santri secara pendidikan iaitu pelajar yang belajar ilmu agama Islam kepada kiai yang tinggal di asrama atau pondok.[244]

Manakala santri yang dimaksudkan dalam kajian ini iaitu seorang pelajar yang menuntut ilmu agama Islam di sebuah pesantren, kemudian seluruh apa yang telah didapatkan di pesantren dijadikan pedoman hidup yang membentuk karakter dan keperibadiannya. Apabila santri merasakan kematangan dalam ilmu agama, maka ia akan memperluaskan dan mengajarkan kepada orang lain atau ia akan menubuhkan pesantren yang baru .[245]

Oleh yang demikian istilah santri hanya untuk pelajar di pesantren yang menjadi pelapis kiai. Sehingga tidak semua orang yang belajar ilmu agama Islam dan mengetahui ajaran Islam disebut santri. Hal ini kerana ada orang yang bukan Islam mencuba untuk mengkaji dan menuntut ilmu agama Islam di pesantren, namun selepas dia mengetahui dan mendapatkan apa yang diingginkan, ianya tidak diamalkan dan tidak pula dijadikan pedoman dalam hidup.[246]

---

[243] Abangan iaitu orang yang mendakwa dirinya beragama Islam akan tetapi dalam praktik keseharian tidak menjalankan ajaran Islam secara sempurna dan bahkan masih mempercayai keyakinan-keyakinan yang dilarang oleh Islam. Lihat, Clifford Geertz, *Abangan, Santri, Priyayi Dalam Masyarakat Jawa*, terj. Aswab Mahasin (Jakarta: Pustaka Jaya, 1983), 173.

[244] Dwi Purwoko, "Hubungan Akses Media Konteks Membaca Dengan Kemandirian Santri Di Pondok Pesantren", *Jurnal Komunikasi, Majalah Ilmiah Komunikasi Dalam Pembangunan*, *Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, LIPI* 10, no. 1 (2007), 49.

[245] Lihat, A. Halim, "Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren," 226

[246] Lihat, Saifuddin Zuhri, *Guruku Orang-Orang Dari Pesantren,* 214.

University of Malaya

Di dalam tradisi pesantren istilah santri dibezakan menjadi dua jenis. Pertama *santri mukim* iaitu santri yang datang dari tempat atau daerah jauh dan menetap atau tinggal di pesantren. Kedua *santri kalong* iaitu santri yang datang dari daerah sekitar pesantren yang biasanya mereka tinggal di rumah masing-masing atau mereka tidak menetap di pesantren, namun selepas mengikuti pengajaran di pesantren mereka pulang ke rumah sendiri.[247] Menurut Dhofier jumlah santri di pesantren akan mengklasifikasikan antara pesantren besar dan pesantren kecil. Ertinya apabila pesantren itu ramai santri mukimnya, maka pesantren itu dikategorikan pesantren besar dan sebaliknya pesantren digolongankan kecil apabila jumlah santri kalong lebih ramai berbanding santri mukim.[248]

Oleh kerana itu, unsur asas pesantren yang pertama dan kedua ini memiliki hubungan yang sangat penting dalam penubuhan pesantren. Santri menjadi unsur penting selepas kiai, hal itu kerana seorang ulama tidak akan mendapatkan gelaran kiai, apabila tidak memiliki pengikut atau santri. Manakala santri memerlukan kiai untuk mendapatkan ilmu agama. Tidak hairan apabila kayu ukur karisma kiai tergantung dengan ramainya santri yang menuntut ilmu kepadanya. Oleh yang demikian di dalam dunia pesantren sikap hormat, takzim dan patuh taat kepada kiai ialah salah satu nilai ajaran pesantren yang pertama ditanamkan kiai kepada setiap diri santri.[249]

---

[247] Lihat, Nadim Zuhdi, "Stategi Pemanfaatan Dan Pengelolaan Informasi Di Media Cetak Berbasis Pondok Pesantren", dalam *Manajemen Pesantren* ed. A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al., (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 196.

[248] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 89.

[249] Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, 18.

University of Malaya

2.3.3. Sumber kajian di pesantren (pengajaran kitab Islam klasik)

Sebagaimana dijelaskan di atas pesantren merupakan institusi pendidikan yang mengajarkan ajaran agama Islam, maka salah satu tradisi yang menjadi ciri khas pesantren ialah adanya kajian kitab klasik *(al-Kutub al-mu'tabarah)* yang disusun oleh ulama salaf bertuliskan Arab tanpa *shakl* atau tanda baris. Dalam tradisi pesantren kitab ini disebut dengan istilah *kitab gundul* atau ada kalanya disebut dengan istilah *kitab kuning*, kerana kitab tersebut dicetak di atas kertas yang berwarna kuning.[250]

Ada tiga ciri umum dalam kitab kuning di pesantren, sebagaimana pendapat Abdul Aziz Dahlan yang dirujuk oleh Arnova. *Pertama*, sebelum memulakan setiap tajuk akan didahului dengan penerangan tentang definisi kalimat. Walau bagaimanapun penjelasan takrif disimpulkan dengan jelas untuk mengelak salah erti terhadap tajuk yang tengah dibincangkan. *Kedua*, setiap perbahasan dihuraikan dengan detail yang berkaitan dengan objek perbahasan berkenaan. *Ketiga*, manakala ulasan atau komen *(sharah)* dijelaskan oleh penulisnya sekaligus penjelasan tentang sumber hukum.[251]

Manakala kaedah pengajaran kitab ini dengan kaedah *weton* atau *bandongan*[252] dan juga *sorogan*[253] dalam menterjemahkan ke dalam bahasa mengikut

---

[250] Lihat, Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masa'il 1926-1999*, 31.

[251] Arnova Dinata, "Pelaksanaan Pengajaran Kitab Kuning Pada Madrasah Miftahul Ulumi Syar'iyah V Suku Candung" (Kertas Projek, Fakulti Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyyah Ahlusunnah, Bukit Tinggi Indonesia, 2004), 29.

[252] Disebut dengan istilah *weton* kerana pengajaran weton atau bandongan diajarkan hanya pada waktu-waktu tertentu sahaja, di samping itu kalimat weton juga bermakna waktu yang diambil dari bahasa Jawa. Biasanya pengajaran kitab kuning dengan system weton atau bandongan ini dilakukan setiap selepas solat lima waktu yang diikuti seluruh santri. Lihat, Nawawi, "Sejarah dan Perkembangan Pesantren," 2.

[253] Sedangkan sorogan berasal dari Bahasa Jawa iaitu sorog yang bermaksud mengajukan diri atau menghadap kepada kita untuk membaca kitab seorang demi seorang (*individual approach*). Biasanya jumlah santri dalam kaedah ini antara 2 hingga 20 santri. Lihat, Ach. Fatchan, "Model Pengajaran

University of Malaya

daerah masing-masing. Status kiai dalam pengajaran kitab ini, bukan hanya sekadar membacakan sahaja, namun juga memberikan pandangan-pandangan sama ada tentang isi mahupun bahasa mengikut kefahaman kiai.[254] Kaedah pengajaran *weton* atau *bandongan* merupakan jenis pengajaran yang dilakukan oleh kiai bersama santri senior, sistem ini tidak jauh berbeza dengan pensarah di Universiti yang mengajar pelajarnya di dalam dewan dengan jumlah yang ramai secara bersama-sama.[255] Manakala sistem *sorogan* pembelajaran hanya diikuti oleh santri senior dalam jumlah yang sedikit, dengan tujuan menumpukan kemahiran dan latihan khas kepada santri agar lebih mendalami dan mengembangkan kepakarannya.[256] Antara pesantren satu dengan pesantren yang lain, biasanya tidak sama dalam pengajaran kitab kuning, mengikut dengan tipologi pesantren dan juga ciri khas pesantren tersebut.

Sekalipun tradisi kitab kuning bukan murni berasal dari Indonesia, namun pada tahun 1600an kitab-kitab *turath* itu telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jawa dan Melayu, di samping itu juga telah ramai penulis kitab-kitab kuning dari Nusantara yang menulis serupa dengan kitab *turath* yang ditulis dengan gaya bahasa serta kandungan yang hampir sama.[257] Oleh yang demikian, pada tahun itu sejumlah naskah Indonesia berbahasa Melayu, Jawa dan Arab di bawa ke Eropa.[258] Di dalam pesantren kitab-kitab *turath* ini dianggap sebagai formulasi final dari ajaran-ajaran

---

Sistem Sorogan Untuk Pelatihan Suatu Ketrampilan Bagi Para Santri Di Pondok Pesantren" *Jurnal Forum Penelitian Kependidikan* 1, no. 10 (Disember 1998), 65.

[254] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 88.

[255] *Ibid.,*

[256] Lihat, Ali Maschan Moesa, *Nasionalisme Kiai Konstruksi Sosial Berbasis Agama,* 96.

[257] Lihat, Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, 27.

[258] Contoh kitab-kitab yang telah ditulis oleh ulama' Nusantara seperti, dalam naskah Melayu; tafsir dua bab penting dari al-Quran, dua hikayat bertema Islam, sebuah kitab hukum pernikahan Islam, kitab syiir puji-pujian Nabi (*Qasidah al-Burdah*-nya al-Bushriri), dalam naskah Jawa; *Wejangan seh Bari* dikenal dengan (*kitab sunan Bonang)*, *Talkhiṣ al-Minhaj, Sharaḥ fī al-Daqa'iq, Al-Kanz al-Kahfi dan Ma'rifat al-'Alam*. Lihat, Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*, 27.

University of Malaya

al-Quran dan Hadith Nabi. Hal itu kerana kitab ini ditulis oleh ulama yang memiliki keilmuan tinggi dan juga budi pekerti moral yang luhur. Sehingga para santri dan penghuni pesantren menganggap kitab *turath* itu suci dan sakral yang mengandungi kebenaran sejati.[259] Hampir tidak terdapat perbezaan kitab rujukan di antara pesantren, oleh kerana pusat Negara rujukan satu iaitu Makkah tempat di mana para ulama Indonesia menuntut ilmu pada masa itu.[260]

Pengajaran kitab Islam klasik menjadi unsur asas penting selepas unsur kiai dan santri. Oleh yang demikian pesantren ialah tempat mendalami ilmu agama (*tafaqquh fī al-dīn)* yang sentiasa melestarikan dan mempertahankan budaya, nilai-nilai ajaran Islam *'alā ahli al-sunnah wal al-jama'ah* melalui kajian kitab kuning.[261] Hanya dengan kitab-kitab klasik itulah ajaran agama Islam dapat bertahan dan dapat menjamin keberlangsungan tradisi keilmuan yang telah dilakukan oleh ulama salaf terdahulu. Oleh yang demikian, pengajaran kitab klasik di pesantren menjadi satu-satunya cara untuk menjaga standard tertinggi ilmu pengetahuan agama yang dipelihara dan diajarkan dari generasi ke generasi.[262]

2.3.4. Masjid

Keberadaan masjid di tengah-tengah pesantren, memiliki peranan yang sangat penting. Lima kali dalam sehari semalam, masjid dijadikan sebagai tempat berkumpulnya para penghuni pesantren dan juga masyarakat sekitar. Dalam tradisi Islam di seluruh dunia masjid selalu menjadi pusat aktivi keagamaan, maka fungsi masjid dalam sejarah pengembangan ilmu agama Islam telah dimulai sejak zaman

---

[259] Lihat, Mujamil Qomar, *Pesantren dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi,* 128.

[260] Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia,* 233.

[261] Lihat, Said aqil siroj, *Tasawuf Sebagai Kritik Sosial: Mengedepankan Islam Sebagai Inspirasi, Bukan Aspirasi* (Bandung: Mizan pustaka,2006), 204.

[262] Lihat, Abdurrahman Wahid, *Menggerakkan Tradisi Esai-Esai Pesantren,* 174.

University of Malaya

Nabi Muhammad s.a.w. dan para (*Khulafa' al-rāsyidīn)* hingga sekarang. Di dalam masjid proses pembelajaran ajaran Islam dimulai. Masjid menjadi modal utama dalam mendidik, mengajar, melatih dan menanamkan nilai-nilai ajaran Islam kepada para santri dan juga masyarakat sekitar pesantren.[263] Bahkan peranan masjid bukan hanya sekadar tempat berdakwah atau tempat pertemuan pada hari jumaat sahaja. Namun, lebih kurang 13 abad yang lalu melalui masjid Rasulullah s.a.w. telah menyelesaikan pelbagai persoalan sosial, politik mahupun ekonomi.[264]

Apabila pesantren menjadikan masjid sebagai tempat sosialisasi pengajaran kitab kuning antara kiai dan santri, maka sebenarnya pesantren telah menempatkan sesuatu yang tepat pada tempatnya. Pesantren dan kiai telah menjaga tradisi budaya para ulama *salaf al-ṣāliḥ* iaitu meramaikan rumah Allah dengan mengembangkan pengajaran-pengajaran ilmu agama. Nampaknya inilah yang membezakan antara pesantren dengan institusi pendidikan Islam yang lain. Biasanya yang pertama kali di bangun oleh kiai bersama masayarakat sebelum membuat pesantren adalah masjid, kemudian barulah pondok-pondok yang sederhana sebagai asrama para santri.[265]Oleh kerana itu, masjid merupakan unsur penting di dalam pesantren setalah kiai, santri dan pengajaran kitab.

2.3.5. Pondok (asrama santri)

Setelah adanya kiai, kitab turath sebagai bahan pengajarannya dan masjid sebagai tempat pembelajaran, maka pondok atau asrama sebagai tempat tinggal santri juga menjadi unsur penting untuk terbentuknya sebuah pondok pesantren. Para santri

---

[263] Direktorat Pendidikan Keagamaan dan pendidikan Pondok Pesantren, "Dinamika Pondok Pesantren di Indonesia," Direkrotar Jenderal Kelembagaan Agama Islam, t.p., 2003), 8.

[264] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 86.

[265] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor dan pembaharuan pendidikan pesantren,* 68.

University of Malaya

mendirikan pondok-pondok sederhana di sekitar rumah kiai dengan tujuan; agar lebih dekat dengan kiai, dapat mengambil pengajaran dari apa yang dilakukan oleh kiai serta agar sentiasa dapat mengikuti pengajian kitab-kitab turath yang biasanya dilakukan setiap selepas solat fardhu.

Di pondok-pondok para santri tinggal sehingga tiada batasan waktu sampai bila seorang santri mengakhiri pembelajarannya di pesantren. Batas akhir seorang santri belajar di pesantren, biasanya selepas ia menamatkan kitab yang menjadi spesialis kiai di sebuah pesantren. Selepas itu memungkinkan santri berpindah ke pesantren yang lain untuk belajar kitab yang baru dari kiai yang lain pula. Ada juga sebahagian santri yang diminta oleh kiai untuk tetap tinggal di pesantren sebagai guru bantu.[266]

Di dalam pondok inilah para santri berbaur dengan santri yang lain iaitu saling bekerjasama, saling membantu dalam perkara kebajikan. Kerjasama dan ukhuwah tersebut bukan hanya terjalin selama di pesantren sahaja, namun hingga mereka menamatkan pembelajaran dari pesantren. Tidak hairan apabila beberapa pesantren telah menubuhkan sebuah persatuan alumni pesantren yang rasmi didaftarkan di bawah yayasan pesantren. Di dalam tradisi pesantren moden, ada beberapa pesantren seperti pesantren Gontor, dalam pelaksanaan harian seluruh aktiviti diuruskan oleh santri dengan bimbingan santri senior.[267] Santri ditanamkan jiwa berdikari untuk menguruskan seluruh keperluan harian mereka. Contohnya; makan dan minum, membasuh pakaian, latihan ceramah, pengakap termasuk pengaturan jadual dari bangun tidur hingga tidur.

---

[266] Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia,* 232.

[267] Lihat, Direktorat Pendidikan Keagamaan dan pendidikan Pondok Pesantren, "Dinamika Pondok Pesantren di Indonesia," Direkrotar Jenderal Kelembagaan Agama Islam, t.p., 2003), 8.

University of Malaya

Menurut Dhofier ada tiga sebab pesantren mesti mendirikan pondok atau asrama; *pertama,* atas dasar kemasyhuran kiai dan kepakarannya dalam suatu kitab, sehingga ramai para santri yang berasal dari daerah jauh datang ke pesantren untuk menuntut ilmu. *Kedua,* secara umumnya pesantren berada di perkampungan yang tiada perumahan untuk disewakan, sehingga mewajibkan pesantren untuk membangun pondok bagi santri. *Ketiga,* adanya hubungan kekeluargaan antara kiai dengan santri. Santri menurut kiai merupakan titipan Tuhan yang mesti dilindungi. Dengan pemikiran seperti inilah kiai merasa bertanggungjawab untuk menyediakan tempat tinggal bagi para santri.[268] Berdasarkan tiga sebab inilah, setiap pesantren memiliki bangunan untuk tempat tinggal santri. Nampaknya sistem asrama inilah yang menjadikan potensi bagi sebuah pesantren, sama ada kekuatan secara ekonomi mahupun kekuatan budaya.

2.4. Model Pesantren

Pesantren pada pertengahan abad ke 20an telah menyebar luas ke seluruh belahan bumi Indonesia, termasuk daerah yang majoriti penduduknya bukan beragama Islam.[269] Pesantren sebagai institusi pendidikan dengan pelbagai latar belakang penubuhannya. Ada yang ditubuhkan atas dasar kemahuan kiai dengan semua kos dibiayai oleh kiai. Ada juga ditubuhakan atas dasar kemahuan masyarakat, sehingga seluruh pembiayaan pesantren semuanya ditanggung oleh masyarakat Islam.[270] Ada juga pesantren yang ditubuhkan atas dasar kemahuan kelompok mahupun golongan tertentu.[271] Walau bagaimana pun apabila diperhatikan secara mendalam, maka model pesantren dapat diklasifikasikan menjadi tiga jenis dengan mengikut sudut pandang yang berbeza-beza.

---

[268] Lihat, Zamakhsyari Dhofier., *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 82-83.

[269] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 60.

[270] Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia,* 225.

[271] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 60.

University of Malaya

pertama, pesantren dari aspek kepemilikan, *kedua* pesantren dari aspek unsur asas mahupun jumlah santrinya, dan *ketiga* pesantren dilihat dari aspek sistem pembelajaran.

2.4.1. Pesantren dari aspek kepemilikan.

Apabila dilihat dari aspek kepemilikan, maka pesantren terbahagi menjadi tiga model iaitu; *Pertama* pesantren yang ditubuhkan oleh kiai, kemudian pesantren tersebut menjadi milik keluarga kiai sepenuhnya. Jenis pertama ini selalunya kiai berasal dari keluarga berharta, sehingga seluruh kos pembangunan ditanggung oleh keluarga atau dari wang peribadi kiai, bukan hasil pengumpulan dana daripada masyarakat.[272] Dari aspek organisasi model pesantren seperti ini lebih bersifat individu, iaitu seluruh aktiviti dan idea untuk kemajuan pesantren bertumpu pada seorang kiai.[273] Oleh yang demikian, pegerakan dan sistem pembelajaran pesantren diwarnai oleh watak, kualiti dan visi misi kiai dalam memberikan jawapan terhadap masyarakat sekitarnya.[274] Sistem perlembagaan seperti ini memiliki kelebihan iaitu ikatan emosional yang kuat antara pesantren dengan pemiliknya. Ikatan ini akan menimbulkan rasa tanggungjawab dan pemahaman yang lebih baik dalam usaha menyampaikan nilai-nilai pesantren.[275] Kesan daripada sifat kepemilikan ini iaitu apabila pengasas pesantren meninggal dunia, maka anak atau keluarga kiai akan mengantikan kedudukan ayahnya sebagai pimpinan pesantren. Namun, sekiranya anak dan keluarga kiai tidak mampu melanjutkan perjuangan ayahnya, maka pesantren akan ditinggalkan masyarakat seiring dengan kepergian kiai pesantren.

---

[272] Endang Turmudi, *Perselingkuhan kiai dan kekuasaan,* 43.

[273] Lihat, Sudjoko Prasodjo, *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 96.

[274] Lihat, Komaruddin Hidayat, "Pesantren dan Elit Desa," dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 74.

[275] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* 117.

University of Malaya

Kedua pesantren yang ditubuhkan oleh kiai atau dengan bantuan adik beradik dan keluarganya. Namun, di kemudian hari pesantren diwakafkan kepada umat. Sehingga pesantren tidak lagi dimiliki oleh kiai atau keluarga melainkan menjadi tanggungjawab yayasan atau badan wakaf pesantren. Biasanya peralihan kepemilikan serta pembentukan pengurus yayasan atau badan wakaf dilakukan melalui proses mesuarat yang disaksikan orang ramai dan para tokoh agama mahupun pemerintahan.[276] Anggota badan wakaf pada pesantren seperti ini dipilih secara selektif dan mesti memenuhi syarat-syarat tertentu. Contohnya; daripada alumni pesantren yang berkenaan, memahami nilai-nilai ajaran Islam dengan baik, mengetahui dasar dan garis-garis besar peraturan pesantren dengan baik. Apabila kiai pesantren telah wafat, maka badan wakaf akan bertanggungjawab penuh atas proses pembelajaran di pesantren, termasuk mengangkat dan memilih pimpinan pesantren yang baru untuk mengantikan pimpinan pesantren yang telah wafat.[277]

Dengan penubuhan yayasan atau badan Wakaf Pondok Pesantren, maka sebahagian atau seluruh harta kekayaan pesantren bukan milik kiai atau keluarga melainkan milik yayasan. Kesan daripada model seperti ini akan lebih menjadikan pesantren wujud dan bertahan berbanding dengan pesantren yang dimiliki oleh individu atau keluarga. Hal itu kerana pesantren diuruskan di bawah kepengurusan yayasan. Menurut pendapat Dhofier ada dua sebab perubahan kepemilikan di pesantren; *pertama*, jumlah santri yang sedikit, sehingga kos keperluan harian

---

[276] Lihat, Sudjoko Prasodjo, , *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 96

[277] Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor Dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren,* 117-118

University of Malaya

mampu ditanggung oleh kiai atau keluarga kiai. *Kedua*, kiai dan para pengajar di pesantren masih termasuk kumpulan elit di perdesaan.[278]

Model *ketiga* iaitu pesantren yang ditubuhkan oleh kerajaan atas dasar tuntutan masyarakat, kemudian diuruskan oleh yayasan. Selalunya model pesantren ini masyarakat menubuhkan pesantren secara bergotong royong, kemudian secara sepakat membentuk yayasan sebagai badan hukumnya.[279] Seperti contoh penubuhan pesantren oleh pihak kerajaan di Bandar Manado dengan nama "Pondok Karya Pembangunan". Beberapa faktor penubuhannya iaitu tindak balas kerajaan Indonesia terhadap kerosakan moral di lingkungan masyarakat, adanya tuntutan masyarakat muslim di suatu daerah, dan adanya kesedaran masyarakat bahawa pesantren memiliki kekuatan moral untuk melahirkan alumni yang relegius dan nasionalis.[280] Secara kepemilikan pesantren ini tidak dimiliki oleh individu melainkan dimiliki secara kolektif dan selalunya lebih banyak dijumpai di luar daerah Jawa.

2.4.2. Pesantren dari aspek unsur asas.

Ada lima pola pesantren apabila dilihat dari segi fisiknya. Pola *pertama* hanya terdiri daripada masjid dan rumah kiai. Pesantren seperti ini masih sangat sederhana sekali, di mana proses pembelajaran dilakukan di masjid atau di rumah kiai. Para santri berasal dari daerah sekitar pesantren sahaja. Oleh kerana itu tidak ada sebarang bangunan pondok atau asrama. Namun, apabila ada santri yang hendak duduk di asrama, ia akan tinggal di rumah kiai.[281]

---

[278] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 80.

[279] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 61.

[280] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 60.

[281] Abdullah Aly, *Pendidikan Islam Multikultural Di Pesantren, Telaah Terhadap Kurikulum Pondok Pesantren Modern Islam Assalam Surakarta,* 176.

University of Malaya

Pola *kedua*, terdiri daripada masjid, rumah kiai dan pondok. Pada corak ini pesantren telah menyediakan asrama untuk tempat tinggal santri yang datang dari daerah jauh.[282]

Pola *ketiga*, iaitu sama dengan pola kedua yang terdiri daripada masjid, rumah kiai, pondok dan madrasah. Namun, pesantren seperti ini telah memakai sistem klasikal iaitu santri belajar di madrasah yang ada di dalam pesantren. Manakala pengajar di madrasah biasanya hanya disebut guru agama.[283]

Pola *keempat*, terdiri daripada masjid, rumah kiai, pondok, madrasah dan tempat vokasional. Pada pola ini seorang santri bukan hanya belajar ilmu agama sahaja, namun juga belajar vokasional. Seperti peternakan, kerajinan, koperasi, bertani dan lainya.[284]

Pola *kelima*, pesantren terdiri daripada masjid, rumah kiai, pondok, madrasah, tempat vokasional, universiti, dewan, tempat sukan, sekolah umum dan bangunan-bangunan pelengkap lainya seperti perpustakaan, dapur, pejabat dan lainnya. Pesantren pada pola ini telah mengalami perkembangan dan pembaharuan dalam pengajaran sehingga dapat disebut dengan pesantren moden.[285]

Menurut kajian Dhofier berdasarkan bentuk fisik dan kuantiti pelajarnya, maka pesantren di Indonesia dapat diklasifikasikan menjadi tiga iaitu pesantren kecil, pesantren sederhana dan pesantren besar. Disebut pesantren kecil apabila jumlah santri tidak lebih dari 1,000 santri, dan pengaruhnya hanya tingkat daeah sahaja.

---

[282] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 62.

[283] *Ibid.,*

[284] Lihat, Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 84

[285] *Ibid.,*

University of Malaya

Apabila jumlah santri di antara 1,000 hingga 2,000 santri dan pengaruhnya tidak lebih dari dua atau tiga daerah, maka pesantren ini digolongkan pesantren sederhana atau menengah. Manakala pesantren besar iaitu apabila jumlah santrinya lebih daripada 2,000 santri dan pengaruhnya meliputi daerah mahupun bandar.[286]

2.4.3. Pesantren dari aspek sistem pembelajaran.

Manakala pesantren apabila dilihat dari sistem pengajarannya mengikut Kementerian Pendidikan Islam Republik Indonesia terbahagi menjadi tiga bentuk iaitu; *Pesantren Salafiyyah*, *Pesantren Khalafiyyah* dan *Pesantren Kombinasi*.

Pesantren salafiyyah iaitu Pesantren yang masih tetap mempertahankan sistem pendidikan khas Pondok Pesantren, sama ada kurikulum mahupun kaedah pembelajarannya. Pesantren Salafiyyah juga lebih mengutamakan pengajian kitab kuning dan tidak menyelenggarakan pendidikan rasmi *(formal)*. Seluruh aktiviti pembelajaran dan kurikulum sepenuhnya dibuat oleh pesantren sendiri. [287] Menurut Ali Anwar yang merujuk pendapat Assegaf, ciri Pesantren Salafiyyah iaitu bersifat tradisional dan hanya mengajarkan ilmu agama sahaja *(tafaquh fī al-dīn)*. Berbeza dengan Pesantren Khalafiyyah yang memiliki lembaga pendidikan klasikal, moden dan memasukkan pengajaran umum.[288] Kaedah pengajaran pada Pesantren Salafiyyah masih mempertahankan kaedah sorogan dan bandongan.[289] Manakala *Pesantren Khalafiyah* atau 'Ashariyah' (moden) telah mengadopsi sistem madrasah, dan kurikulum disesuaikan dengan kurikulum kerajaan. Mengikut Kementerian

---

[286] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 79.

[287] Dirjen Pendis, *Keputusan Direktur Jenderal Kelembagaan Agama Islam, Nomor: E/239/2001* (Jakarta: Dirjen Pendis Depag RI, 2001), 33.

[288] Ali Anwar, *Pembaharuan Pendidikan Di Pesantren Lirboyo Kediri* (Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011), 26.

[289] Dirjen Pendis, *Keputusan Direktur Jenderal Kelembagaan Agama Islam, Nomor: E/239/2001*, 9.

University of Malaya

Agama Indonesia, pesantren khalafiyyah juga memiliki sekolah rasmi *(formal)* bahkan ada yang memiliki perguruan tinggi.[290]

Manakala *Pesantren Kombinasi* atau pesantren komprehensif iaitu pondok pesantren yang menggabungkan antara sistem pendidikan yang bersifat tradisional dan moden. Atau kaedah pembelajaran di Pesantren Kombinasi mengajarkan kitab kuning dengan kaedah sorogan, bandongan dan wetonan, namun disamping itu juga mengadopsi sistem sekolah formal dengan kurikulum mengikut kerajaan.[291] Model pesantren di Indonesia dapat diperhatikan pada carta di bawah ini:

Rajah 2.1 Model Pesantren di Indonesia



Sumber: Diubahsuai dari penjelasan tentang model pesantren.

[290] *Ibid.,*

[291] M. Shodiq, "Pesantren dan perubahan sosial," *Jurnal Falasifa* 2, no. 2 (September 2011), 112.

University of Malaya

2.5. Struktur organisasi pesantren

Organisasi merupakan alat atau wadah kerjasama untuk mencapai tujuan bersama dengan menggunakan teori, langkah atau cara tertentu.[292] Di dalam pesantren juga tedapat organisasi yang dibentuk secara sederhana agar dapat mengambarkan tujuan, tugas-tugas asas anggota dan unsur-unsur kerja organisasi. Menurut Daeng Naja yang merujuk pendapat Muhammad Halim bahawa organisasi dikatakan baik apabila memiliki ciri-ciri umum. Contohnya; memiliki tujuan yang jelas, tujuannya dapat difahami oleh setiap anggota organisasi, tujuan tersebut disetujui dan dapat dilaksanakan, wujudnya kesatuan arah tujuan, wujudnya keseimbangan dan tanggungjawab di kalangan ahli, pembahagian tugas ditetapkan secara adil dan sesuai dengan kepakaran anggota.[293]

Organisasi di pesantren ditubuhkan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan yang merangkumi daripadanya; perencanaan *(planning)*, pengorganisasian *(organizing)*, penggerakan *(actualizing)* dan pengawalan *(controlling)*. Sebagaimana telah dijelaskan di atas tentang tipologi pesantren dari aspek kepemilikan, maka struktur organisasi di pesantren dapat dibahagikan menjadi dua model iaitu; pesantren milik individu atau keluarga kiai dan pesantren yang telah diwakafkan kepada yayasan atau badan wakaf.[294]

Pertama, pesantren milik individu atau keluarga. Dalam hal ini, kiai akan menjadi pemimpin dan organisator sepenuhnya. Sehingga dalam stuktur organisasi, kiai menjadi guru utama, pemimpin utama, manager utama dan direktur utama. Organisasi seperti ini

---

[292] Hasanudin Rahman Daeng Naja, *Manajemen Fit dan proper test* (Yogyakarta: Pustaka Widyatama, 2004), 12.

[293] Lihat, Hasanudin Rahman Daeng Naja, *Manajemen Fit dan proper test,* 13-14.

[294] Ahmad Rofiq, *Pemberdayaan Pesantren: Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan* (Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2005), 16.

University of Malaya

dapat dijumpai di pesantren salafiyyah, yang model kepemimpinannya lebih bersifat persendirian.[295] Seluruh polisi yang berhubung kait dengan pesantren, maka mesti mendapat persetujuan daripada kiai. Berbeza halnya dengan pesantren yang telah menaubatkan yayasan atau badan wakaf sebagai lembaga tertinggi, maka pesantren dalam pelaksanaan harian diuruskan dan ditadbir dengan sistem organisasi yang lebih moden. Contohnya; pembuatan laporan setiap hari, laporan setiap bulan mahupun laporan setiap tahun dari kiai kepada pengurus yayasan atau badan wakaf.

Walau bagaimanapun status kiai dengan karisma yang dimilikinya masih tetap berpengaruh dan menjadi rujukan bagi memutuskan sebuah polisi. Hal itu kerana dalam pelaksanaan harian kiai lebih mengetahui apa yang terjadi di pesantren.[296] Bentuk organisasi seperti ini lebih banyak dijumpai di pesantren khalafiyyah mahupun pesantren kombinasi iaitu dengan mengamalkan sistem manejemen moden, dan pucuk kepemimpinan ditetapkan secara perlembagaan melalui badan wakaf atau yayasan. Fungsi daripada badan wakaf atau yayasan di Pesantren Moden dan Pesantren Kombinasi iaitu menjaga kewujudan pesantren termasuk memanfaatkan, mengelola hasil wakaf dan juga menentukan arah tuju serta matlamat pendidikan dan pengajaran di pesantren.[297] Organisasi di pesantren milik individu atau salafiyyah dapat diperhatikan pada carta di bawah.

---

[295] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* 95.

[296] Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 95.

[297]Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi, *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* 95-96.

University of Malaya

Rajah 2.2 Struktur Organisasi Pesantren di Bawah Kepemilikan Individu



Diubahsuai dari: Profil pesantren dari laporan hasil penelitian pesantren al-Falak dan Delapan Pesantren di Bogor.[298]

Carta di atas mengambarkan bahawa pusat aktiviti di pesantren bersumber dari seorang tokoh yang memiliki karisma iaitu kiai. Sehingga pemegang kuasa tertinggi di pesantren ialah pemilik pesantrenbukan kiai-kiai lain yang ada di pesantren. Hampir seluruh aktiviti dan program kerja yang akan mahupun telah berjalan di pesantren mesti mendapat persetujuan terlebih dahulu dari kiai besar iaitu pemilik pesantren.

Kiai yang memiliki pesantren sangat berperanan dalam meberikan perubahan mahupun perkembangan pesantren, bahkan memiliki autoriti penuh dalam memutuskan polisi. Hubungan antara kiai pemilik pesantren dengan santri, kiai muda, santri senior, dan bekas pelajar di pesantren seperti hubungan antara seorang anak dengan ayahnya. Oleh yang demikian apabila terjadi polisi yang tidak sesuai bagi penghuni pesantren,

[298] Lihat, Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 100.

University of Malaya

maka tidak ada yang berani mengkritik mahupun mengkhianatinya. Oleh yang demikian, organisasi dijalankan hanya sekadarnya sahaja tidak ada sebarang laporan setiap bulan mahupun setiap tahun. Manakala pemilihan jawatan-jawatan yang ada di Pesantren Salafiyyah juga tidak sama seperti halnya di Pesantren Moden mahupun di Pesantren Kombinasi iaitu pemilihan lebih berasaskan kekeluargaan dan bersifat tidak formal. [299] Organisasi di Pesantren Moden mahupun di Pesantren Kombinasi dapat diperhatikan pada carta di bawah:

Rajah 2.3 Struktur Organisasi Pesantren di bawah Pengurusan Yayasan



Diubahsuai dari: Struktur organisasi di pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia.[300]

[299] Lihat, Sudjoko Prasodjo et al. (eds), (1975), *op cit.*, h. 98-99

[300] Tim penyusun, "Yayasan Pondok Modern Darussalam Gontor," *Wardun: Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*, bil. 64, Sya'ban 1432, Ponorogo: Darussalam Press, 2011, v.

University of Malaya

Dari carta tersebut difahamkan bahawa secara organisasi lembaga tertinggi di Pesantren Moden mahupun Pesantren Kombinasi di pesantren ialah yayasan atau badan wakaf. Walau bagaimanapun kiai tetap menjadi pimpinan pesantren bertugas sebagai pelaksana harian yang bertanggungjawab atas kejayaan seluruh aktiviti di pesantren. Namun, keputusan polisi yang melibatkan seluruh penghuni pesantren mahupun masyarakat, wajib mendapatkan persetujuan daripada pihak yayasan sebagai badan tertinggi. Selain daripada itu, kiai juga diwajibkan membuat laporan kepada yayasan setiap tiga bulan sekali tentang seluruh aktiviti pesantren. Perkara ini berlaku sebagai tanggungjawab atas amanah yang dibebankan kepada kiai. [301]

Di dalam stuktur organisasi, petugas jawatan seperti bendahari, setia usaha, pentadbir harian mahupun penolong akademik tidaklah mesti dari kalangan keluarga kiai. Melainkan Jawatan-jawatan tersebut dipilih melalui kesepakatan bersama yang berasaskan atas kemahiran dan kepakaran seseorang. Walau bagaimanapun, biasanya ada juga yang ditujukan untuk mendidik para pelapis pesantren.[302]

Selain daripada itu, carta di atas juga mengambarkan adanya perbezaan berbanding dengan pesantren milik persendirian. Contohnya; adanya pentadbir harian, bahagian akademik, pimpinan pengajian tinggi, pimpinan cawangan, pimpinan lembaga ekonomi mahupun pimpinan ikatan alumni. Semua jawatan dan struktur dalam organisasi tersebut ditubuhkan untuk memenuhi keperluan seiring dengan tuntutan perkembangan dan perubahan di Pesantren. Pentadbir harian diharapkan dapat meringankan kerja pimpinan pesantren dalam mengawal dan memberikan perhatian atas program-program pesantren. Bahagian akademik bertugas menjaga kelancaran proses

---

[301] Lihat, Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor,* 98-99.

[302] *Ibid.,*

University of Malaya

pembelajaran termasuk kurikulum dan penyediaan peralatan belajar. Bahagian pengajian tinggi bertugas mengawal seluruh pembelajaran di tingkat university. Bahagian pengembangan ekonomi ditujukan untuk menganalisa, merancang dan membuat keputusan terhadap potensi ekonomi yang dimiliki pesantren mahupun masyarakat untuk mewujudkan cita-cita pesantren iaitu berdikari berdiri di atas kaki sendiri. Begitu halnya bahagian perkhidmatan masyarakat ditubuhkan untuk memberikan peranan kepada masyarakat sekitar dalam hal berdakwah mahupun transformasi nilai-nilai ajaran Islam.

2.6. Sistem dan tujuan pendidikan di pesantren

Dalam pelaksanaan tujuan pendidikan, pesantren sebagai institusi pendidikan tradisional telah menepati kehendak sistem pendidikan nasional. Hal itu kerana pendidikan keagamanaan di pesantren telah mengikut pola sistem pendidikan nasional yang menumpukan pada perhatian tiga perkara; *pertama*, berdikari iaitu memaksimumkan kemampuan yang dimiliki pesantren untuk mengembangkan peserta didiknya. *Kedua*, bertangung jawab terhadap sosial masyarakat, sejak tahun 1970an pesantren telah berperanan aktif terhadap masalah-masalah sosial masyarakat, dan *ketiga* jaminan kualiti iaitu melahirkan santri atau manusia seperti yang diharapkan oleh masyarakat.[303]

Pernyataan di atas sesuai dengan pendapat Akhyar Abdi yang merujuk pendapat Andi Gunawan bahawa asas pendidikan nasional iaitu memadukan program-program pembangunan dalam pelbagai bentuknya. Contohnya *pertama*, meningkatkan kecerdasan, ketrampilan dan ketaqwaan kepada Tuhan Yang Maha Esa. *Kedua*,

---

[303] Muhammad M. Basyumi, "Sambutan Menteri Agama RI pada penganugerahan gelar Doctor Honoris Causa, K.H Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta," dalam *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* Abdullah Syukri Zarkasyi ed. Ke-2 (Gontor Ponorogo: Trimurti Press, 2005), viii.

University of Malaya

pendidikan bukan hanya tanggungjawab kerajaan namun juga tanggungjawab seluruh masyarakat Indonesia. *Ketiga*, pendidikan lebih menumpukan pada pemberian "kaedah untuk menangkap ikan" bukan "pemberian ikan". *Keempat*, lebih menumpukan pada pendidikan kemanusiaan dan pengetahuan dalam memaknai hidup. Dan *kelima*, memberikan kesempatan kepada setiap masyarakat awam untuk mendapatkan pendidikan.[304]

Walau bagaimanapun, di samping sistem pengajaran ada satu hal yang tidak kalah pentingnya iaitu tujuan pendidikan. Tujuan pendidikan dalam institusi pendidikan mana-mana sangat penting sekali. Hal itu kerana, ianya merupakan kunci asas kejayaan, termasuk faktor-faktor penyokong lainnya. Contohnya; seorang pengajar, pelajar, kemudahan, kurikulum, kurikulum pembelajaran, kaedah pengajaran dan persekitaran pendidikan. Apabila tujuan pendidikan tidak jelas, maka arah tuju pendidikan juga tidak akan dapat dicapai dengan baik dan sempurna. Oleh kerana Institusi pendidikan adalah suatu rangkaian proses aktiviti yang dilakukan secara sedar, tersusun, terencana, sistematik, berkesinambungan, dan tersetruktur untuk menciptakan manusia yang berkualiti secara nalar intelektual dan berkualiti secara moral spiritual.[305]

Para pakar pendidikan telah ramai memberikan diskripsi tentang tujuan daripada pendidikan Islam. Seperti Ahmad yang merujuk pendapat Yūsuf al-Qarḍāwī bahawa pendidikan Islam bertujuan membentuk manusia seutuhnya, akal dan hatinya, jasmani dan rohaninya, akhlak dan keterampilannya. Selain daripada itu menyiapkan manusia

---

[304] M. Akhyar Abdi, "Pendidikan Pesantren Dalam Perspektif Pendidikan Nasional," *Jurnal Ittihad Kopertis Wilayah XI Kalimantan* 3, no. 4, (Oktober 2005), 65.

[305] Faizal Ismail, *Masa Depan Pendidikan Islam di Tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas* (Jakarta: Bakti Aksara Persada, 2003), 1.

University of Malaya

untuk dapat hidup dalam keadaan damai mahupun perang, dalam keadaan masyarakat dengan seluruh kebaikan dan kejahatannya, manis dan pahitnya.[306]

Prof. Hasan Langgulung juga merujuk kepada firman Allah dalam surah Al-Māidah ayat 4 (QS.5:4) dan surah Āli Imran ayat 110 (QS.3:110) bahawa pendidikan Islam beroreintasikan pada dua tujuan asas iaitu penbentukan insan saleh dan beriman kepada Allah dan agama-Nya, dan pembentukan masyarakat yang saleh yang mengikuti petunjuk agama Islam dalam segala urusannya.[307] Manakala Zakaria Stapa merujuk pendapat Naquib Al-Attas bahawa pendidikan Islam adalah usaha yang dilakukan oleh pendidik terhadap anak didik untuk pengenalan dan pengakuan tempat-tempat yang benar dari segala sesuatu dari aturan penciptaan sehingga membimbing mereka ke arah kebaikan.[308] Begitu juga pendapat Thoha bahawa pendidikan Islam adalah pendidikan yang falsafah, tujuan dan teori-teorinya dibangunkan untuk melaksanakan praktik pendidikan yang berasaskan kepada nilai-nilai Islam yang terkandung dalam al-Quran dan hadis Nabi.[309]

Begitu juga pendapat Jusuf A. Feisal bahawa tujuan pendidikan Islam pada hakekatnya sama dengan tujuan diturunkannya agama Islam iaitu membentuk manusia yang bertaqwa, dengan melaksanakan ibadah *maḥḍoh* dan ibadah *mu'āmalah*, bertanggungjawab terhadap masyarakat, bangsa, agama.[310] Menurut Adian Husaini tujuan pendidikan Islam iaitu mencetak manusia yang baik, yang mencintai ilmu, ibadah

---

[306] Ahmad, "Konsepsi Pendidikan Aklhak di Pesantren Modern (2)," laman sesawang *INSISTS, Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations* dicapai 28 September 2012, http://insistnet.com/index.php?option=com.

[307] Hasan Langgulung, *Peralihan Paradigma dalam pendidikan Islam dan Sains Sosial* (Jakarta: Gaya Media Pratama, 2002), 25.

[308] Zakaria Stapa, "Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah" *Jurnal Hadhari Spesial Edition, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,* 2012), 10.

[309] *Ibid.,*

[310] Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam,* 96.

University of Malaya

dan pengorbanan.[311] Termasuk pula dalam konferensi pendidikan Islam internasional pertama yang diadakan di Makkah pada tahun 1977 membahas 150 makalah yang ditulis oleh 319 dari para pakar pendidikan dari 40 Negara Islam memberikan rumusan bahawa tujuan pendidikan Islam ialah;

> Pendidikan bertujuan untuk menimbulkan pertumbuhan yang seimbang dari kepribadian total manusia melalui latihan spiritual, intelektual, rasional diri, perasaan dan kepekaan tubuh manusia, oleh kerana itu pendidikan seharusnya memenuhi pertumbuhan manusia dalam segala aspeknya: Spiritual, intelektual, imaginatik, fisik, ilmiah, linguistic, baik secara individual mahupun kolektif dan memotivasi semua aspek untuk mencapai kebaikan dan kesempurnaan. Tujuan akhir pendidikan Islam ialah perwujudan penyerahan mutlak kepada Allah, baik pada tingkat individu, masyarakat, mahupun kemanusiaan pada umumnya.[312]

Manakala tujuan pendidikan di pesantren, menurut Mujamil Qomar masih terdapat kekaburan, kerana tujuan pendidikan di pesantren lebih dalam bentuk andaian (*assuming*) seorang kiai.[313] Hingga saat ini belum ada rumusan secara tertulis tentang tujuan pendidikan di Pesantren. Kekaburan tujuan pendidikan di pesantren terjadi, kerana pesantren bersifat autonomi, bebas menentukan hala tuju dan tidak terikat dengan peraturan kerajaan.[314] Namun, secara amnya para kiai memiliki orientasi untuk mempersiapkan para santrinya sebagai tenaga siap pakai tanpa mesti bercita-cinta untuk menjadi pegawai kerajaan. Perkara ini berlaku kerana pesantren adalah institusi pendidikan yang mencanggah dan berbeza dengan institusi pendidikan para kolonial Belanda iaitu bertujuan mencetak para pegawai-pegawai rendahan bagi kelangsungan koloniaslisme di Indonesia.[315]

---

[311] Adian Husaini, *Pendidikan Islam membentuk manusia berkarakter dan beradab* (Jakarta: Cakrawala Publishing, 2010), xxi.

[312] Moh. Roqib, *Ilmu Pendidikan Islam Pengembangan Pendidikan Integratif Di Sekolah, Keluarga Dan Masyarakat* (Yogyakarta: LKiS, 2009), 25-26.

[313] Lihat, Mujamil Qomar, *Pesantren dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi,* 3.

[314] Lihat, Abdullah Aly, *Pendidikan Islam Multikultural Di Pesantren, Telaah Terhadap Kurikulum Pondok Pesantren Modern Islam Assalam Surakarta,* 183.

[315] Lihat, Ahmad Syafii Ma'arif, *Islam dan Politik: Teori belah Bambu, masa demokrasi terpimpin,* 83.

University of Malaya

Sistem pesantren yang mewajibkan para santri untuk tinggal di asrama, maka santri akan mendapatkan pengajaran dari apa yang dilihat, didengar dan dirasakan oleh santri selama 24 jam penuh. Nilai-nilai yang mereka fahami akan membentuk karakter dan keperibadiannya. Santri akan melihat kehidupan secara totality dari seorang kiai sebagai *figure* dan pelakon utama. Oleh kerana itu, kiai memainkan peranan penting dalam memberikan tujuan pendidikan di pesantren. Dalam merumuskan tujuan pendidikan di pesantren, seorang kiai berusaha menanamkan ilmu, melatih akal, emosi, rohani dan jasmani, serta menerapkan nilai-nilai murni dan akhlak yang mulia kepada santri untuk dapat menjalani kehidupannya dengan sempurna dan dapat mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat (*sa'ādah fī al-dārayni).*[316]

Secara amnya pesantren sebagai institusi pendidikan Islam tetap memiliki tujuan daripada proses pengajaran dan pendidikan yang telah dijalankan di pesantren. Walaupun menurut Abdurrahman Wahid pada akhir-akhir ini pesantren telah mengalami perubuhan arah tujuan pendidikannya. Iaitu pada masa lampau pesantren sentiasa fokus kepada pengajaran ilmu-ilmu pengetahuan agama sahaja. Namun, tujuan tersebut telah berubah menjadi pendalaman ilmu pengetahuan agama untuk dijadikan landasan menempuh karir tertentu iaitu menjadi pengajar agama.[317] Begitu juga Zamakhsyari Dhofier merumuskan bahawa tujuan pendidikan di pesantren tidak hanya memperkaya pikiran santri dengan penjelasan-penjelasan ilmu agama sahaja, namun juga meningkatkan moral, melatih dan mempertinggi semangat, menghargai nilai-nilai spiritual dan kemanusian, mengajarkan sikap dan tingkah laku yang jujur dan bermoral serta menyiapkan para santri untuk mengutamakan nilai dan etika agama di atas etika

[316] Lihat, Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam* (Malaysia: Universiti Malaya, 2002), 30.

[317] Lihat, Abdurrahman Wahid, *Menggerakkan Tradisi Esai-Esai Pesantren,* 80.

University of Malaya

dan niliai-nilai yang lain.[318] Sesuai dengan pendapat Nurcholish Madjid pengajaran di pesantren meliputi pada pembentukan manusia yang memiliki kesadaran tinggi bahawa ajaran islam bersifat komprehensif, dengan harapan alumni pesantren memiliki kemampuan dalam bertindak balas terhadap tantangan dan tuntutan hidup dalam bentuk ruang dan waktu, di tingkatan nasional mahupun internasional.[319]

Selaras dengan pendapat Binti Maunah, yang merujuk kepada sejarah penubuhan pesantren, maka tujuan pendidikan di pesantren dirumuskan sebagai; *pertama*, usaha memberikan tindak balas terhadap situasi dan keadaan sosial suatu masyarakat yang tengah mengalami runtuhnya moral, sehingga pesantren menjadi medium dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. *Kedua*, berharap agar para alumninya dapat memperluaskan maklumat ajaran Islam ke seluruh pelosok Nusantara.[320] Mohd Yusuf Ahmad merujuk pendapat al-Ibrashy menambahkan bahawa tujuan pendidikan Islam bukanlah hanya sekadar mengisi otak pelajar dengan maklumat-maklumat baru sahaja. Namun, tujuan pendidikan Islam lebih pada mempersiapkan manusia yang berakhlak mulia, mendidik roh supaya halus, membiasakan diri dengan adab-adab yang mulia; seperti menjaga kebersihan, kesucian, keikhlasan dan amalan-amalan yang berfaedah bagi orang ramai.[321] Sesuai dengan pendapat Musthafa al-Ghulayani yang dirujuk oleh Ahmad Muthohar bahawa tujuan daripada pendidikan Islam ialah menanamkan akhlak yang mulia dalam jiwa anak-anak dengan cara; member petunjuk, nasihat yang masuk ke dalam jiwa mereka dan

---

[318] Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, 45.

[319] Lihat, Ali Maschan Moesa, *Nasionalisme Kiai Konstruksi Sosial Berbasis Agama,* 94

[320] Lihat, Binti Maunah, *Tradisi Intelektual Santri; dalam tantangan hambatan pendidikan pesantren di masa depan* (Yogyakarta:Teras, 2009), 25-26.

[321] Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam,* 39.

University of Malaya

natijahnya ialah sikap kemulian, kebaikan dan cinta beramal untuk kepentingan Negara.[322]

Dapat difahamkan bahawa tujuan pembelajaran di pesantren iaitu mencetak ulama yang menguasai ilmu-ilmu agama, mendidik kaum muslimin untuk dapat melaksanakan syariat islam dengan baik, dan juga mendidik agar para santri memiliki ketrampilan asas yang dapat dimanfaatkan di masyarakat.[323] Selain daripada itu juga ditujukan untuk melahirkan para pelapis ulama yang mampu mentransformasi ajaran agama Islam kepada masyarakat.[324] Secara singkatnya tujuan pendidikan di pesantren iaitu memanusiakan manusia.[325]

Oleh yang demikian, kurikulum pengajaran di pesantren tidak hanya berkenaan ajaran agama Islam sahaja, tetapi juga memasukkan pengajaran vocasional yang dapat membentuk keperibadian dan karakter santri yang berdikari. Contohnya; agroindustri, industri rumah tangga, pertanian, perikanan dan kelautan. Termasuk pelbagai kelengkapan kemudahan fasiliti disiapkan untuk menyokong potensi yang dimiliki para santri.[326]

2.7. Kekukuhan Pesantren Sebagai Institusi Alternatif

Pesantren memiliki ciri khas bangsa Indonesia yang muncul di tengah-tengah masyarakat dengan membawa ajaran dan niliai keislaman. Sehingga pesantren menjadi alat alternatif pembangunan yang berpusat pada masyarakat *(people-centered development)* dan sekaligus menjadi pusat pembangunan yang berorientasi nilai *(value-*

---

[322] Lihat, Ahmad Muthohar, AR, *Ideologi Pendidikan Pesantren, Pesantren Di Tengah Arus Ideologi-Ideologi Pendidikan* (Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2007), 41.

[323] M. Rusdi (2007), ”Pendidikan Islam Di Indonesia Sebelum Proklamasi Kemerdekaan*“ Jurnal Lentera Pendidikan*10, no. 2 (Disember 2007), 232.

[324] Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern,* 65.

[325] Masduri, “Geliat Pencarian Identitas Pendidikan Di Pesantren,” laman sesawang *Nahḍatu al-‘Ulama’ NU Onlin*e, dicapai 26 November 2012, http://www.nu.or.id/.

[326] Sulthon Masydhu et al., *Menejemen Pondok Pesantren* (Jakarta: Diva Pustaka, 2003), 6.

University of Malaya

oriented development).[327] Menurut Muhammad Basyumi bekas menteri Agama Republik Indonesia, pesantren mampu bertahan hingga saat ini disebabkan beberapa faktor iaitu; *pertama*, pesantren lahir, tumbuh dan berkembang dari dan untuk masyarakat. *Kedua*, rasa kepemilikan dan tanggungjawab masyarakat terhadap pesantren sangat kuat. *Ketiga*, sifat berdikari pesantren sangat tinggi. *Keempat*, jaringan keluarga pesantren dan juga para alumninya terbangun dengan baik sejak pesantren ditubuhkan. *Kelima*, andaian masyarakat bahawa pesantren merupakan tempat penjaga moral, etika dan budaya Islami yang tidak pudar dengan zaman. *Keenam*, nilai-nilai pesantren yang masih tetap dipertahankan hingga saat ini seperti keikhlasan, ketulusan, pengabdian, tanggungjawab dan kesediaan untuk berkorban. *Ketujuh*, adanya sokongan dana daripada masyarakat yang berkelanjutan.[328]

Sehingga menurut Azumardi dengan kedudukan itulah membuat pesantren untuk sentiasa bergerak dan berperanan kepada masyarakat dan sentiasa mencuba mengembangkan dirinya untuk dapat mewarnai sistem pendidikan Nasional Indonesia.[329] Menurut Faesal berdasarkan karakter ini pesantren masih tetap wujud dan diterima oleh masyarakat. Oleh kerana pesantren memiliki beberapa kekuatan seperti; *pertama* tradisi keagamaan di pesantren merupakan potensi untuk menanamkan keimanan dan ketaqwaan. *Kedua*, keterikatan psikologi ibu bapa dengan pesantren. *Ketiga*, sifat pesantren yang sentiasa menerima pembaharuan[330] mahupun perubahan

---

[327] Direktorat Pendidikan Keagamaan dan pendidikan Pondok Pesantren, "Dinamika Pondok Pesantren di Indonesia," (Direkrotar Jenderal Kelembagaan Agama Islam: t.t.p, 2003), 9.

[328] Lihat, Muhammad M. Basyumi, "Sambutan Menteri Gama Republik Indonesia Pada Penganugerahan Gelar Doctor Honoris Causa Kepada K.H. Abdullah Syukri Zarkasyi, MA di Universitas Syarif Hidayatullah Jakarta," viii – ix.

[329] Azumardi Azra, "Kata Sambutan", dalam *Pemberdayaan Pesantren: Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan* ed. Ahmad Rofiq (Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2005), xx.

[330] Lihat, Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam*, 188.

University of Malaya

sosial ekonomi masyarakat iaitu dengan memasukkan subjek-subjek umum dan *vocational* dalam pengajaran di pesantren.[331]

Ada tiga aspek yang menurut Abdullah Syukri Zarkasyi pesantren sentiasa kukuh dan *istiqāmah* iaitu; *pertama* nilai-nilai keislaman dan jiwa pendidikan yang terdapat di pesantren. *Kedua* sistem asrama dengan disiplin tinggi, ertinya dengan sistem asrama tercipta perpaduan tiga pusat pendidikan iaitu; pendidikan sekolah (formal), pendidikan keluarga (informal) dan pendidikan masyarakat (bukan formal). *Ketiga* bahan-bahan pengajaran yang mengabungkan antara ilmu agama dan ilmu alam.[332] Dengan perpaduan tiga aspek ini, maka pesantren memiliki nilai lebih berbanding dengan institusi pendidikan yang lain, sehingga tidak hairan apabila pesantren menjadi sebuah institusi alternatif yang mampu melahirkan sumber manusia dengan keperibadian yang holistik *(al-Insānu al-kāmilu).*[333] Nampaknya kekuatan inilah yang menjadikan kuantiti pesantren sentiasa bertambah dari mas ke semasa.

Sekalipun sejarah mencatitkan kewujudan pesantren berasal dari daerah perkampungan atau luar Bandar. Namun, dengan sifat dan ciri khas pesantren yang mencampur dengan masyarakat *(socialized),* maka pesantren telah berubah menjadi institusi bandar yang dapat dinikmati oleh seluruh lapisan masyarakat Indonesia. Apabila merujuk pada sejarah pendekatan pengajaran Islam yang dibawa oleh wali sanga sebagai pengasas *(founder)* pesantren yang bersifat tradisional, seperti contoh dengan menggunakan peralatan permainan wayang kulit untuk menyebarkan ajaran

---

[331] Direktorat Pendidikan Keagamaan dan pendidikan Pondok Pesantren, "Dinamika Pondok Pesantren di Indonesia," 9.

[332] Lihat, Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor Dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren,* x-xi.

[333] Pendidikan pesantren bersifat holistic atau menyeluruh kerana ia meliputi perkembangan manusia dari aspek jasmani,rohani, intelek dan emosi secara bersepadu yang mana potensi ini dapat digunakan untuk meningkatkan pelbagai aspek kehidupan manusia. Manakala seimbangnya pendidikan Islam kerana ia menekankan kemajuan dan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan akhirat. Lihat, Asmawati Suhid, "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangun Modal Insan," *Jurnal Pengajian umum* 8, (Disember 2007) 168.

University of Malaya

Islam, keterlibatan pihak pesantren dalam menyeselasaikan masalah sosial masyarakat, maka hubungan antara pesantren dengan masyarakat tidak ada batasannya. Sehingga menurut Abdul A'la sistem di pesantren penuh dengan fleksibiliti dan memiliki spektrum luas yang menjadikan pesantren sebagai sekolah untuk masyarakat (*schooling for community*).[334] Selain daripada itu, menurut Binti Maunah kekukuhan pesantren juga disebabkan beberapa faktor yang dimiliki oleh pesantren iaitu; *pertama* tradisi pesantren yang tidak ada batasan umur untuk para pelajar. Ertinya pesantren terbuka untuk masayarakat am dengan tanpa melihat dan membezakan suku, ras, kulit dan bangsa. *Kedua* Tradisi pengajaran tasawuf dan tradisi pengajaran fiqh. Pengajaran tasawuf di pesantren merupakan hasil kombinasi dengan pengajaran fiqh. Hal itu kerana, pengajaran tasawuf adalah orientasi yang menentukan corak keilmuan dan watak tradisi di pesantren.[335] *ketiga* tradisi pelarasan *(adjustment)* di pesantren sentiasa memegang nilai-nilai keselarian *(tawāzun)*, toleransi *(tasāmuh)* dan tidak berlebih-lebihan *(i'tidāl)*. *keempat* Pesantren mempunyai nilai-nilai kefahaman kebangsaan *(nationalism)*, mahupun kesetianegaraan *(patriotism)*.[336]

Dalam konteks *nationalism* menurut hasil kajian Murdan dan juga Nawawi perjuangan pesantren dalam melawan dan menghalau para penjajah tidak dapat dinafikkan lagi. Pesantren pada masa tekanan kolonial Belanda menjadi markas dalam menyusun stategi, bahkan kiai bersama para penghuni pesantren dan juga masyarakat bersatu untuk merebut kemerdekaan dengan membuat perlawanan yang sengit, sehingga para penjajah dapat dihalau dari bumi Nusantara. Para pejuang dari kalangan pesantren di kenal dengan sebutan Hisbullah. Sehingga menurt B.J Boland yang dikutip oleh

---

[334] Abd A'la, *Pembaharuan Pesantren* (Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2006), 17.

[335] M. Nuruzzaman, *Kiai Husein Membela Perempuan* ed. Ke-5 (Yogyakarta: LKiS, Pustaka Pesantren, 2005), 133.

[336] Binti Maunah, *Tradisi Intelektual Santri; dalam tantangan hambatan pendidikan pesantren di masa depan,* 21-22.

University of Malaya

Murdan kehadiran para santri sangat bermakna sekali dalam kemerdekaan Republik Indonesia.[337] Dengan sifat *nationalism* yang dimiliki pesantren, sejak awal abad 19-20an pesantren telah hadir dengan gerakan *nationalism* untuk melawan para penjajah.[338]

Walau bagaimanapun seiring dengan perkembangan zaman, peranan pesantren semakin meluas. Sekalipun pesantren sebagai pusat pengajian ilmu keagamaan, rasa *nationalism* dan nilai-nilai *patriotism* para alumninya masih tidak berubah. Berdasarkan hasil analisa Dhofier, semua calon yang ikut bertanding dalam pilihan raya pada tahun 2004 sehagian besar daripada alumni pesantren. Contohnya; Yusuf Kala, Hasyim Muzadi, Solahuddin Wahid, Hamzah Haz. Tindakan itu dilakukan dengan tujuan mendapatkan sokongan penuh daripada para kiai dan juga santri di pesantren.[339] Bahkan pada pilihan raya tahun 1999, Abdurrahman Wahid (Gus Dur) bekas santri Tebuireng Jombang telah terpilih sebagai presiden Republik Indonesia yang ke-4.

Tidak hairan apabila selepas Indonesia merdeka ramai dari para peneliti yang membuat pemerhatian lebih dekat tentang pesantren, hal itu kerana pesantren memiliki keunikan dan kewujudan pesantren telah ada sebelum Indonesia meredeka lagi. Sehingga menurut Halim setidaknya ada tiga potensi ekonomi utama di pesantren yang menyokong kekukuhan dan kewujudan pesantren hingga saat ini iaitu kiai, santri dan pendidikan.[340]

---

[337] Lihat, Nawawi, ”Sejarah dan Perkembangan Pesantren,” *Jurnal Ibda'* 4, no. 1, (Januari – Juni 2006). Lihat, Murdan, ”Pondok Pesantren Dalam Lintasan Sejaran,” *Jurnal Ittihad Kopertais IX Wilayah Kalimantan* 2, no. 1 (April 2004), 39.

[338] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia,* 53-54. Lihat juga, Fatikhah, *Pendidikan Islam Indonesia Pasca Politik Etis,* 275.

[339] Lihat, Zamakhsyari Dhofier, “Pendidikan Umat Islam Indonesia di Pesantren Dewasa ini: Tantangan dan Harapan” dalam *Islam Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher*, ed. Hery Sucipto et al., (Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007), 493.

[340] Lihat, A. Halim, “Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren”, dalam ed. A. Halim et al., *Manajemen Pesantren* (Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005), 223.

University of Malaya

2.8. Sistem sosial pesantren

Pesantren pada akhir dekad 1970an dan 1980an telah mengadakan aktiviti yang lebih luas manfaatnya bagi masyarakat sekitar. Aktiviti di pesantren bukan hanya terhad dalam lingkungan dalaman pesantren sahaja. Namun, pesantren telah memperluas peranannya bagi masyarakat iaitu memperhatikan keperluan nyata bagi masyarakat seperti; pengembangan ekonomi, pelestarian lingkungan dan penggunaan teknologi alternatif.[341] Perkara ini berlaku kerana pesantren sentiasa menanamkan konsep amal perbuatan di kehidupan adalah investasi di akhirat (*worship*). Sehingga pesantren sentiasa mengabdi kepada masyarakat sekitar dengan pendekatan *"memberikan kail bukan ikan",* atau mementingkan proses untuk menumbuhkan nilai-nilai usahawan berbanding bantuan yang bersifat kebendaan.[342] Nilai asas yang berkembang di komuniti pesantren yang bersifat ibadah mempunyai makna yang dinamik, tidak berhenti pada penyerahan diri kepada Allah SWT atau berdiam diri (*asketisme)* sahaja. Sebaliknya kehidupan dunia yang penuh dengan nilai-nilai ketuhanan membawa pelakunya untuk berbuat maksimum sehingga mencapai kebahagiaan akhirat.[343]

Kandungan kurikulum pembelajaran di pesantren juga sentiasa memberikan perhatian yang sama iaitu menjaga hubungan baik antara pesantren dengan masyarakat dan pesantren dengan lingkungan sekitar. Tidak hairan apabila pesantren menjadi tempat yang stategis dalam perubahan sosial bagi masyarakat. Peranan pesantren dalam perubahan sosial, lebih berperanan pada pemerkasaan masyarakat yang menggunakan stategi dari bawah ke atas (*bottom up)* bukan dari atas ke bawah (*top down)*. Ertinya usaha pemerkasaan masyarakat dilakukan oleh pesantren dengan menjadikan

---

[341] Abd A'la, *Pembaharuan Pesantren,* 4

[342] Abd A'la, *Pembaharuan Pesantren,* 4

[343] Lihat, Bachtiar Effendy, "Nilai-nilai kaum santri," dalam *Pergulatan Dunia Pesantren* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 49.

University of Malaya

masyarakat sebagai subjek dan objek pembangunan. Sehingga dengan konsep ini pembangunan ekonomi menjadi tanggungjawab bersama bukan dibebankan kepada satu pihak sahaja.

Menurut Aziz ada beberapa tahap yang mesti dilalui dalam melaksanakan pemerkasaan masyarakat iaitu; *pertama* membantu masyarakat dalam menentukan masalah, *kedua* melakukan analisa terhadap masalah tersebut, *ketiga* mendahulukan masalah yang mesti diselesaikan dengan segera, *keempat* mencari solusi atau penyelesaian masalah, *kelima* membuat amalan atas solusi yang telah disetujui secara bersama, *keenam* membuat penilaian dan kajian ulang terhadap proses dan hasil dari penyelesaian masalah tersebut.[344]

Setidaknya pesantren sebagai institusi agama yang menyatu dengan masyarakat memiliki kekuatan dalam mempengaruhi sosial budaya masyarakat sekitar, iaitu dengan dua pendekatan; pendekatan projek pengembangan masyarakat *(project of development comunity)* dan pendekatan motivasi keagamaan *(religious motivation approach)*.[345]

Pertama, pendekatan projek pengembangan masyarakat *(project of development comunity).* Dalam usaha pemerkasakan ekonomi masyarakat, pendekatan projek yang dianjurkan oleh pesantren seperti penerokaan tanah ladang untuk pertanian, perternakan, perkebunan, pertambangan mahupun pelancongan mengikut dengan potensi daerah di mana pesantren berada sangatlah tepat sekali. Dengan pendekatan ini setidaknya pihak

---

[344] Lihat, Dini Adriani, "Pengembangan Kelembagaan Pesantren Sebagai Upaya Pengembangan Masyarakat, Studi kasus Pondok pesantren Miftahulhuda Al-Musri' Desa Kertajaya Kecamatan Ciranjang Kabupaten Cianjur, Jawa Barat," (kertas kerja, Fakulti Pertanian Institut Pertanian Bogor, Program Studi Komunikasi dan Pengembangan Masyarakat, IPB, 2008), 18.

[345] Moh. Toriquddin, "Pemberdayaan Ekonomi Di Pesantren Berbasis Syariah", *Jurnal Syariah dan Hukum* 3, no. 1 (Juni 2011), h.31

University of Malaya

pesantren dan masyarakat memiliki kepentingan yang sama iaitu memakmurkan bumi Allah SWT, sebagaimana janjiNya untuk menjadi khalifah[346] di muka bumi.

Beberapa contoh tindakan sosial melalui pendekatan projek yang telah dilakukan oleh pesantren dalam memperkasakan masyarakat sekitar seperti; Pesantren al-Nuqayah Guluk-Guluk di Sumenep Madura iaitu bahagian pengembangan masayarakat (BPM) bekerjasama dengan jamaah majlis pengajian dan jamaah tahlil dari masyarakat sekitar menubuhkan usaha simpan pinjam, usaha pengadaan baja tananam, usaha kesihatan masyarakat, usaha kelompok belajar bagi belia muda dan pengembangan teknologi. Bahkan pihak pesantren juga telah berjaya membuat kerajaan akur terhadap program pesantren iaitu penghijauan hutan dan sistem pengairan yang terletak di lokasi berbukit *(lereng)* untuk disalurkan ke perumahan penduduk.[347] Semua usaha yang dilaksanakan ini tidak lain hasil daripada analisa terhadap permasalahan ekonomi mahupun kesihatan masyarakat yang sangat memperihatinkan. Perkara ini membuktikan bahawa pesantren telah bertindak balas terhadap permasalahan yang ada di sekitarnya.

Selain daripada pesantren al-Nuqyah, Pesantren Maslakul Huda Kajen di bawah kepemimpinan kiai Sahal Mahfudh juga membaca mentransformasi nilai-nilai fiqh sosial ke dalam kehidupan orang ramai. Konsep fiqh sosial[348] disini bermaksud

---

[346] Khalifah; ialah pemimpin atau penguasa yang memakmurkan bumi, yang menyebarkan kasih sayang antara sesama makhluk Allah dengan tidak membuat kekurasakan yang disebabkan atas perbuatannya sendiri, akan tetapi membuat pembaikan dan pelestarian alam bagi kelangsungan hidup yang aman, damai dan sejahteran untuk dirinya dan orang-orang selepasnya (rahmat bagi sekalian alam). Lihat, Abī al-Qāsim Mahmūd bin ‘Umar al-Zamaksharī (1998), *Al-Kashāf ‘an Ḥaqaiq Ghowamiḍi al-Tanzīl Wa ‘Uyūni al-Aqāwīl Fī Wujūhi al-Ta’wīl,* Jil. 1, Riyadh: Maktabah al-Ubaikan, h,251.

[347] Lihat, Isom Basyuni, *“*Dakwah Bil Hal Gaya Pesantren” dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., (Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985), 222 - 236.

[348] Ciri asas daripada fiqh sosial yang dikembangkan oleh Kiai Sahal Mahfudz iaitu; *pertama*, interpretasi teks-teks fiqh secara kontekstual; *kedua*, perubahan pola bermadzhab dari bermadzhab secara tekstual (qauly) ke madzhab metodologi (manhaji); *ketiga*, verifikasi mendasar mana ajaran yang asal (ushul) dan mana ajaran yang cabang (furu’); *keempat,* fiqh dihadirkan sebagai etika sosial bukan hukum positif Negara; *kelima,* pengenalan metodologi pemikiran filosofis terutama dalam masalah budaya dan sosial. Lihat, Sahal Mahfudh, “Fiqh Sosial: Upaya Pengembangan Madhzhab Qauli dan Manhaji” dalam *Islam*

University of Malaya

merubah pola bermadzhab dari secara tekstual *(qauly)* ke cara metodologi *(manhaji).* Kaedah asas fiqh *(uṣūl al-fiqh)* dan kaedah-kaedah fiqhiyyah untuk memahami suatu hukum *(‘illatu al-ḥukmi)* dan hikmah daripada pelaksanaan hukum *(al-ḥikmatu min ta’diyyati al-ḥukmi).* Natijah dari transformasi fiqh sosial iaitu keperihatinan dan pemerhatian terhadap masalah-masalah sosial yang berlaku di masyarakat menjadi tujuan utama daripada syariat Islam. Sehingga kemaslatahan ummah *(al-Maṣāliḥ al-‘āmmah)* dipandang penting untuk dikawal dan dijaga oleh pihak pesantren, sama ada keperluan itu bersifat keperluan asas *(ḍarūriyyah)* iaitu mencapai lima tujuan syariat (*maqaṣid al-sharī’ah*), seperti keselamatan agama *(ḥifẓu al-dīni),* melindungi jiwa *(ḥifẓu al-nafsi),*melindungi keturunan *(ḥifẓu al-nasli),* menjaga akal pikiran *(ḥifẓu al-‘aqli)* dan harta benda *(ḥifẓu al-māli)* mahupun keperluan tambahan *(ḥājjiyyah)* dan keperluan pelengkap *(takmiliyyah).*[349]

Dalam pelaksanaan fiqh sosial ini, mengeluarkan zakat bukan hanya sebagai bentuk peribadatan *(’ubūdiyyah)* sahaja. Tetapi, zakat juga memiliki misi sosial untuk memperkasakan ekonomi ummah. Sehingga dalam pengagihan zakat tidak diagihkan dalam bentuk konsumsi kepada penerima (*mustahīq)* melainkan zakat yang terkumpul diuruskan dalam bentuk koperasi. Contohnya para mustahiq diberi wang, kemudian sebahagian wang itu diminta kembali untuk dijadikan simpanan modal atau apabila mustahiq zakat memiliki ketrampilan, maka ianya akan diberikan sesuai keperluan mustahiq untuk mengembangkan usahanya.[350]

K*edua*, pendekatan motivasi keagamaan *(religious motivation approach).* Islam sebagai ajaran yang dipercayai akan kebenarannya, maka para penganutnya taat dan

---

Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher, ed. Hery Sucipto et al., (Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007), 459.

[349] Lihat, *Ibid.,* h.4597 - 458.

[350] Moh. Toriquddin, “Pemberdayaan Ekonomi Di Pesantren Berbasis Syariah,” 3o.

University of Malaya

patuh terhadap ajaran agama Islam. Hampir seluruh apa yang termaktub di dalam kitab suci al-Quran, mahupun hadith Nabi menjadi pedoman hidup untuk mencapai kebahagian di dunia dan di akhirat. Hal itu kerana Islam sebagai rahmat untuk sekalian alam *(raḥmatan li al-ʻālamīn)* dan untuk seluruh umat manusia *(kāfatan li al-nās)*. Sehingga ajaran Islam memberikan perhatian khas terhadap kepentingan manusia untuk memenuhi keperluan jasadi dan keperluan rohani. Islam menilai dunia dengan cara positif bukan negatif, harta benda dan kekayaan di dunia bukanlah sesuatu yang menjijikkan atau mesti dijauhi. Namun, dengan dunia seorang muslim dapat berbuat untuk mencapai nilai-nilai akhirat yang mulia. Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah, orang yang memberi lebih baik daripada orang yang meminta.

Keperluan jasadi seperti; menjaga diri dan menjaga kelangsungan jenis, manakala keperluan rohani merangkumi; rasa keadilan, kebaikan, keindahan, kesatuan dan ketertiban merupakan perkara-perkara yang mustahak untuk dipenuhi setiap individu. Dalam hal ini, pesantren sebagai pusat pemenuhan keperluan rohani memiliki peranan penting untuk memotivasi masyarakat sekitar. Secara amnya motivasi sosial tersebut merangkumi tiga pendekatan; *pertama*, motivasi kepemilikan, *kedua* motivasi berkerja dan *ketiga*, motivasi bersaing.[351]

Pertama, motivasi kepemilikan. Ajaran Islam telah memberikan doktrin kepada penganutnya iaitu; kepemilikan sepenuhnya hak mutlak milik Allah, seluruh apa yang ada pada diri manusia merupakan amanah dan titipan daripada Allah S.W.T, harta benda merupakan hiasan hidup yang sifatnya sementara, harta benda merupakan ujian keimanan seseorang sama ada ia akan kufur atau bersyukur. Apabila motivasi

[351] Lihat, A. Halim (2005) "Motivasi pengembangan sumber daya manusia (SDM) dalam perspektif Islam", dalam A. Halim et al. (eds), *Manajemen Pesantren,* c. I. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, h. 47.

University of Malaya

kepemilikan ini dapat difahami setiap individu, nescaya akan memberikan motivasi bagi mereka untuk menjadikan kehidupan di dunia ini sebagai bekalan di kehidupan yang lebih abadi. Seperti contoh harta kekayaan sepenuhnya mutlak milik Allah s.w.t. sesuai dalam surah al-Mãidah ayat 120 (QS. 5:120), harta kekayaan sebagai amanah Allah yang mesti dibelanjakan pada jalan-Nya sesuai dalam surah al-Ḥaḍīḍ ayat ke 7 (QS. 57:7), harta benda sebagai hiasan hidup manusia yang melalaikan sesuai dalam surah al-'Ankabūt ayat 64 (QS. 29:64), harta benda kekayaan sebagai ujian keimanan seseorang sesuai dalam surah al-Anfãl ayat ke 28 (QS. 8:28) dan harta benda kekayaan menjadi bekalan untuk kebaikan akhirat sesuai dalam surah al-Taubah ayat ke-41(QS. 9:41).

Kedua, motivasi bekerja. Motivasi bekerja bagi seorang muslim tidak hanya untuk mendapatkan upah di dunia sahaja, melainkan untuk mendapatkan keridhoaan Allah SWT dan bernilai ibadah dalam bentuk *maḥḍoh*. Sehingga bekerja hukumnya menjadi wajib dan fardhu ain bagi setiap individu. Kedudukan pesantren sebagai institusi pendidikan berperanan dalam memotivasi untuk meningkatkan kualiti kerjaya masyarakat dengan memahamkan konsep sebenar tentang bekerja mahupun matlamat bekerja. Menurut Didin Hafidhuddin pesantren dapat memberikan empat motivasi kepada masyarakat sekitar terhadap kerjaya iaitu etika kerja, kejujuran, ibadah dan pengetahuan dan ketrampilan.[352]

Apabila setiap masyarakat dapat memahami bahawa bekerja merupakan bekalan untuk akhirat, maka tidak akan ada tanah yang terbiar, tidak ada peminta jalanan dan tidak dijumpai penganggur yang menjadikan sampah sosial masyarakat. Sehingga setiap individu akan berkerja dengan penuh kesedaran dan keikhlasan, bekerja hanya yang baik dan halal sahaja, apabila telah sampai nisabnya akan membayar zakat dan

[352] Didin Hafidhuddin et al., *Manajemen Syariah dalam Praktik* (Jakarta: Gema Insani, 2003), 134.

University of Malaya

kepentingan orang ramai akan didahulukan berbanding kepentingan individu. Motivasi bekerja dapat diperhatikan daripada firman-firman Allah s.w.t. seperti contoh bekerja dengan semaksimum mungkin untuk mengharapkan keredhaan dari Allah s.w.t. dan memberikan manfaat bagi sesama muslim sesuai dalam surah al-Taubah ayat ke-105 (QS. 9:105), bekerja mengikut minat dan bakat seseorang sesuai dalam surah al-An'ām ayat ke-135 (QS. 6:135), setiap individu untuk dapat meningkatkan kemahiran guna memanfaatkan bumi Allah s.w.t. sesuai dalam surah al-Ra'du ayat ke-11(QS. 13:11), bekerja berdasarkan atas kepentingan untuk mengasah kemahiran sesuai dalam surah Yāsin ayat ke-33 hingga 35 (QS. 36:33-35).

Ketiga, motivasi bersaing. Ajaran Islam tidak menggalakkan untuk saling berbalah-balahan, saling bermusuhan mahupun saling merosak milik orang lain. Namun, Islam menganjurkan umatnya untuk saling bersaing dalam hal kebaikan. Sehingga natijah dari bersaing akan menimbulkan semangat baru dan memberikan motivasi untuk menuju kebaikan yang berkualiti. Masyarakat yang bersih dan maju adalah masyarakat yang di dalamnya sentiasa bersaing dalam mengapai redha Ilahi dengan segala bentuk peribadahan yang di syariatkan oleh Islam. Motivasi bersaing dalam ajaran Islam dapat diperhatikan daripada beberapa surat al-Quran di bawah ini:

1) Ketika bersaing dalam kebaikan, maka seseorang mesti sentiasa mengingati akan tujuannya iaitu kerana Allah S.W.T. Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat ke-148.

وَلَئِنْ أَتَيْتَ ٱلَّذِينَ أُوتُوا۟ ٱلْكِتَٰبَ بِكُلِّ ءَايَةٍ مَّا تَبِعُوا۟ قِبْلَتَكَ ۚ وَمَآ أَنتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتَهُمْ ۚ وَمَا بَعْضُهُم بِتَابِعٍ قِبْلَةَ
بَعْضٍ ۚ وَلَئِنِ ٱتَّبَعْتَ أَهْوَآءَهُم مِّنۢ بَعْدِ مَا جَآءَكَ مِنَ ٱلْعِلْمِ ۙ إِنَّكَ إِذًا لَّمِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٤٥﴾
Al-Baqarah (2): 148

Terjemahan: Dan bagi tiap-tiap umat ada kiblatnya (sendiri) yang ia menghadap kepadanya. Maka berlomba-lombalah (dalam membuat) kebaikan. Di mana saja kamu berada pasti Allah akan mengumpulkan

University of Malaya

kamu sekalian (pada hari kiamat). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.

2) Bersaing dalam menafkahkan sebahagian harta kekayaan di jalan Allah s.w.t. sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Mãidah ayat 48.

لِكُلٍّ جَعَلْنَا مِنكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ۚ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَٰكِن لِّيَبْلُوَكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ ۖ
فَاسْتَبِقُوا الْخَيْرَاتِ ۚ إِلَى اللَّهِ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ ﴿٤٨﴾

al-Mãidah(5): 48

Terjemahan: Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah hendak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepadamu, maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allah-lah kembali kamu semuanya, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu.

3) Bersaing bukan hanya dalam mengerjakan perkara yang diperintahkan *(wajib)* sahaja. Namun, juga dalam perkara yang dianjurkan *(sunah)* termasuk bersaing meninggalkan perkara yang dilarang *(haram)* dan yang dibenci (*makhruh)*. Sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Faṭir ayat 32.

ثُمَّ أَوْرَثْنَا الْكِتَابَ الَّذِينَ اصْطَفَيْنَا مِنْ عِبَادِنَا ۖ فَمِنْهُمْ ظَالِمٌ لِّنَفْسِهِ وَمِنْهُم مُّقْتَصِدٌ وَمِنْهُمْ سَابِقٌ
بِالْخَيْرَاتِ بِإِذْنِ اللَّهِ ۚ ذَٰلِكَ هُوَ الْفَضْلُ الْكَبِيرُ ﴿٣٢﴾

al-Faṭir (35): 32

Terjemahan:“Kemudian Kitab itu Kami wariskan kepada orang-orang yang Kami pilih di antara hamba-hamba Kami, lalu di antara mereka ada yang menganiaya diri mereka sendiri dan di antara mereka ada yang pertengahan dan diantara mereka ada (pula) yang lebih dahulu berbuat kebaikan dengan izin Allah. Yang demikian itu adalah karunia yang amat besar.

2.9. Kesimpulan

Penubuhan pesantren memiliki beberapa matlamat dan proses iaitu *pertama*, pada awalnya pesantren bertujuan menyiapkan santri untuk menguasai ilmu Agama Islam *(tafaqquh fi al-din)* dengan harapan dapat melahirkan pelapis-pelapis ulama,

University of Malaya

kedua pesantren sebagai misi dakwah untuk menyebarkan agama Islam ke seluruh bumi Nusantara, *ketiga* pesantren juga menjadi benteng pertahanan umat dalam bidang akhlak yang menyeru kepada jalan yang baik dan mencegah perbuatan yang keji *(amar ma'rūf nahi munkar), keempat* pesantren saat ini telah berusaha meningkatkan pengembangan masyarakat di pelbagai sektor kehidupan, sehingga pesantren menjadi tempat alternatif pembangunan yang berpusat pada masyarakat *(people-centered development)* dan sekaligus sebagai pusat pembangunan yang berorientasi nilai *(value-oriented development*.

Ada dua faktor yang melatar belakangi penubuhan sebuah pesantren. *Pertama* latar belakang kiai, *Kedua*, kepercayaan masyarakat terhadap pesona dan karisma seorang kiai. Dengan latar belakang inilah pesantren berkembang dan menyatu dengan masyarakat, dengan istilah lain pesantren berasal daripada masyarakat diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat. Manakala unsur-unsur asas pesantren iaitu*; pertama* adanya kiai sebagai pengasuh Pondok Pesantren, *kedua* adanya masjid sebagai pusat kegiatan ibadah dan tempat belajar, *ketiga* adanya santri yang belajar, *keempat* adanya pondok atau asrama sebagai tempat tinggal santri dan *kelima* adanya kitab turath (kitab kuning) sebagai sumber kajian.

Model pesantren dapat diklasifikasikan menjadi tiga jenis. *Pertama*, pesantren dilihat dari kepemilikan. *Kedua* pesantren dilihat dari segi unsur dasar mahupun jumlah santri di pesantren. *Ketiga* pesantren dilihat dari segi sistem pengajarannya. Sedangkan tujuan daripada pendidikan di pesantren hampir sama iaitu mencetak ulama yang menguasai ilmu-ilmu agama, mendidik kaum muslimin untuk dapat melaksanakan syariat islam dengan baik, dan juga mendidik agar para santri memiliki ketrampilan dasar yang sesuai dengan terbentuknya masyarakat yang relegiuos.

University of Malaya

Sehingga dengan demikian pesantren menjadi institusi alternatif dan tetap bertahan hingga sekarang dengan beberapa faktor iaitu *pertama*, tradisi keagamaan dan kepemimpinan pada pesantren yang merupakan potensi nasional untuk pembangunan khasnya pembinaan keimanan dan ketaqwaan. *Kedua*, keterikatan psikologi ibu bapak muslim dengan pesantren. *Ketiga*, sifat pesantren yang sentiasa terbuka untuk pembaharuan. *Keempat*, pesantren lahir, tumbuh dan berkembang dari dan untuk masyarakat. *Kelima*, rasa kepemilikan dan tanggungjawab masyarakat terhadap pesantren sangat kuat. *Keenam*, sifat berdikari pesantren sangat tinggi. *Ketujuh*, jaringan keluarga pesantren dan juga para alumninya terbangun dengan baik sejak pesantren ditubuhkan. *kelapan*, andaian masyarakat bahawa pesantren merupakan tempat penjaga moral, etika dan budaya Islami yang tidak pudar dengan zaman. *Kesembilan*, nilai-nilai pesantren yang masih tetap dipertahankan hingga saat ini seperti keikhlasan, ketulusan, pengabdian, tanggungjawab dan kesediaan untuk berkorban. *Kesepuluh*, adanya sokongan dana daripada masyarakat yang berkelanjutan.

University of Malaya

BAB III
PEMBANGUNAN EKONOMI DALAM PERSPEKTIF ISLAM

3.1. Pendahuluan

Selepas perang dunia kedua bermula pembangunan ekonomi menjadi satu disiplin pengajian ilmiah ekonomi, khususnya di negara dunia ketiga yang berusaha mendapatkan kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan.[353] Signifikannya pembangunan ekonomi berpunca dari kepercayaan pelbagai pihak bahawa pendekatan yang dibawa mampu mewujudkan perubahan sama ada secara sosial, politik mahupun ekonomi.[354] Dua falsafah lazim dalam berekonomi iaitu kapitalis atau lebih dikenal dengan istilah falsafah pasca-klasikal dan marxis atau disebut falsafah radikal yang berpandukan dengan kaedah sains sosial barat telah mampu mempengaruhi ramai pandangan hidup manusia *(worldview)* hingga saat ini. Salah satu contoh teori yang dikembangkan oleh kedua-dua falsafah itu seperti falsafah pasca-klasikal lahir daripadanya perdagangan bebas *(laissez faire)*, hak-milik bebas, kuasa pasaran dan tingkat pertumbuhan.[355] Manakala falsafah Marxist lahirlah teori sosialisme yang menyatakan bahwa distribusi kekayaan mesti diagihkan secara merata, dan penghapusan hak milik pribadi. Sehingga kemaslahatan bersama di atas kemaslatan peribadi.[356]

Menurut A. Mannan kedua falsafah ekonomi tersebut telah gagal dan tidak dapat menyelesaikan masalah yang ada. Hal itu kerana sistem ekonomi kapitalis membenarkan orang kaya mengekploit orang miskin, manakala sistem sosialis

---

[353] Abdul Rahman b Rukaini, "Peranan Pelajar Dalam Pembangunan Negara", dalam *Kertas Kerja Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh dari Tahun 1981 Hingga 1984,* ed. Unit Dakwah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia:t.p., 1997), 48.

[354] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, ed.ke-1(Johor, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2003), 180.

[355] Lihat, G.V. Plekhanov *Fundamental Problem of Marxism, Masalah-Masalah Dasar Marxisme*, terj. Ira Iramanto (t.tp. 2007), 70

[356] Lihat, *Ibid.,*

University of Malaya

membenarkan orang miskin merampas harta orang kaya.[357] Keduanya bersifat eksploitatif dan tidak adil serta memperlakukan manusia bukan sebagai manusia.[358] Beberapa contoh ciri pandangan sosialisma seperti ianya menitikberatkan keperluan-keperluan hidup manusia dan alat-alat produksinya yang mesti dikuasai dan dimiliki oleh negara. Pemilikan ini ditujukan agar dapat mengelakkan keadaan pemerasan kaum pekerja dan pembeli. Ada juga golongan sosialisma yang tidak mengakui agama iaitu golongan Marxist.[359] Hal ini bukan hanya disebabkan dari perbezaan ideologi, sikap moral dan rangkaan sosial politik sahaja, melainkan lebih pada sifat ekonomi dan duniawi seperti perbezaan sumber alam, situasi ekonomi internasional yang berubah, tingkat ekonomi masing-masing Negara dan biaya sosial ekonomi pembangunan yang berlainan.[360]

Bahkan yang lebih radikal lagi kedua falsafah tersebut bersependapat bahawa negara-negara membangun mesti meniru negera-negara Barat iaitu dengan cara menghapus seluruh tradisi dan budaya di negara-negara membangun, kerana keduanya menjadi penghalang kepada pembangunan *(cultural block hypothesis).*[361] Hukum kemajuan bagi kedua falsafah ini iaitu dengan cara pemusnahan masyarakat tradisi yang lebih mengedepankan akhlak, moral dan etika dengan menukar tradisi baru yang diusung dari Barat. Tradisi baru itu mempercayai bahawa manusia mampu menguruskan kehidupan ekonominya dengan tanpa mengambil kira kekangan akhlak mahupun etika dalam berbisnis, maka agama mesti dipisahkan daripada aktiviti

---

[357] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al. (eds) *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 84.

[358] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik,* ed. Ainur R. Sophiaan et al., (Surabaya: Risalah Gusti, 1997),7.

[359] Syed Hussein Alatas, *Islam dan sosialisma* (Pulau Pinang: Seruan Masa, 1976), 4.

[360] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik,* 8.

[361] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* ed.ke-1 (Kuala Lumpur: Zebra Editions,2003), 8.

University of Malaya

ekonomi.[362] Sistem ekonomi seperti inilah yang menurut Wan Mohd Nor Wan Daud merupakan sistem kehaiwanan *(siyāsah ḥaywāniyyah)* iaitu lebih mengutamakan kehendak-kehendak ekonomi dan menyatakan bahawa kebenaran hanya di tangan penguasa politik mahupun penguasa ekonomi.[363] Apabila falsafah ekonomi lazim ini dilaksanakan, maka akan mendorong manusia untuk lebih mengutamakan kebahagiaan di dunia secara materialistik dengan mengabaikan aspek-aspek yang lain seperti moral mahupun etika. Perkara ini berlaku kerana menurut mereka manusia sebagai makhluk ekonomi, bukan sebaliknya iaitu manusia adalah hamba Allah s.w.t. yang mengabdi serta *khalīfah* Allah s.w.t. untuk memakmurkan bumiNya.[364]

Tidak hairan apabila permasalahan hidup dan permasalahan lingkungan seperti bencana alam, kerosakan moral dalam kehidupan masyarakat sosial, pengagihan pendapatan yang tidak seimbang yang dapat menyebabkan kemiskinan, pengangguran di merata tempat, telah hilang sikap kebersamaan antara sesama manusia untuk saling tolong menolong. Ini semua menjadi bukti kegagalan kedua sistem tersebut untuk menyelesaikan masalah sosial ekonomi di masyarakat. Dikotomi antara orang kaya dan orang miskin, perbezaan antara kelompok elit kelas atas dan kelas bawahan sangat ketara sekali. Sekelompok masyakarat duduk dan menikmati kekayaan dengan penuh keselesaan, manakala sekelompok yang lain duduk di rumah setinggan penuh kekurangan dengan meratapi takdir yang tidak memihak mereka. Persamaan hak *(equality)* sudah tidak lagi menjadi isu publik yang mesti diselesaikan secara bersama, komitmen persaudaraan *(brotherhood)* tidak lagi tercipta, nilai-nilai moral sudah tidak

---

[362] Surtahman Kastin Hasan,"Konsep Pembangunan Islam" dalam *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia,* ed. Baharuddin Yatim et al., ed. ke-1 (Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia,1989), 1.

[363] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*, 11.

[364] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 11.

University of Malaya

lagi menjadi penapis segala aktiviti. Sangat memperihatinkan apabila hampir 70 peratus penduduk miskin Indonesia saat ini ialah buruh tani yang dekat dengan kemiskinan dan kurang maju.[365] Pahaman kapitalis mahupun sosialism telah menjadikan pemilik modal sebagai penguasa pasar dan menjadikan manusia sebagai hamba pembangunan bukan pembangunan untuk manusia.

Tidaklah hairan apabila kegagalan dan timbulnya masalah-masalah sosial ekonomi tersebut melainkan kesan daripada apa yang telah manusia lakukan selama ini. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Rūm ayat 41.

ظَهَرَ ٱلْفَسَادُ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِى ٱلنَّاسِ لِيُذِيقَهُم بَعْضَ ٱلَّذِى عَمِلُوا۟ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٤١﴾

Al-Rūm 30: 41

> Terjemahan: Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia, Allah s.w.t. menghendaki supaya mereka merasakan sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar).

Menurut Ibnu Kathīr dalam kitab tafsir al-Qurān al-‘Aḍīm kerosakan yang dimaksud ialah kerosakan alam yang nampak oleh kasat mata sama ada kerosakan itu di daratan mahupun di lautan. Bencana alam seperti kekurangan makanan, kegagalan dalam bercucuk tanam, banjir mahupun gunung meletup menyebabkan kerugian besar bagi umat manusia. Semuanya Allah s.w.t. maksudkan agar manusia dapat merasai dari apa yang telah mereka kerjakan sehingga mereka kembali ke jalan yang benar iaitu al-Quran dan sunnah. [366] Perkara ini terjadi disebabkan kemaksiatan telah menjadi tradisi di masyarakat. Sebagaimana pendapat Abū al-‘Āliyah sesiapa yang berbuat maksiat kepada Allah s.w.t. di muka bumi, sesungguhnya ia telah membuat kerosakan di muka

---

[365] Lihat, David Krisna Alka, “Moralitas, kemiskinan dan agamawan” dalam *Islam Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher,* ed. Hery Sucipto et al., (Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007), 215.

[366] Al-Imām al-Ḥāfiḍ ‘Imādu al-Dīn Abī al-Fidā’ Isma’īl bin ‘Umar Ibnu Kathīr al-Damashqī, *Tafsīr al-Qurān al-‘Aḍīm* (Bierut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah,1998), 6:288.

University of Malaya

bumi, hal itu kerana kemakmuran dan keberkatan rezeki hanya dapat dicapai dengan ketaatan kepada Allah s.w.t.[367]

3.2. Sistem ekonomi Islam

Berbeza halnya dengan sistem politik ekonomi keagamaan *(siyāsah shar'iyyah)* yang meletakkan agama dan akhlak sebagai dasar utama dalam pembaharuan mahupun pembangunan yang sempurna yang berpandukan pada teori agama Islam, dengan matlamat kebahagiaan di dunia dan akhirat.[368] Oleh kerana, Islam sebagai sistem tatanan hidup *(way of life)* yang merangkumi ajaran yang shumul *(universal),* sentiasa memberikan solusi yang manusiawi *(humanistic),* yang berasaskan nilai-nilai yang terkandung di dalam al-Quran mahupun hadith.

Ajaran Islam tidak menitikberatkan pada satu aspek, seperti perilaku dalam peribadatan sahaja *(Ḥablu mina al-Allāh),* atau dalam muamalah sahaja *(Ḥablu mina al-nās)* melainkan kedua-dua aspek ini sama ada menegak mahupun mendatar juga diperhatikan dan berjalan secara seimbang. Oleh kerana ajaran Islam tidak hanya membahas tentang pembahasan tata cara dalam upacara keagamaan *(ritual)* sahaja, namun Islam memiliki aturan yang lengkap bagi kehidupan manusia termasuklah dalam hal perekonomian. Bukti nyata bahawa Islam memperhatikan permasalahan ekonomi mengikut kajian Mustaq Ahmad iaitu al-Quran telah merekodkan pembahasan tentang ekonomi lebih kurang sebanyak 370 kali.[369] Keseimbangan perhatian ajaran Islam antara ibadah dan muamalah juga dapat diperhatikan pada firmanNya dalam surah al-Jumuah ayat 9-10, yang mewajibkan umatnya untuk segera melaksakan solat dan

---

[367] *Ibid.*

[368] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*, 11.

[369] Lihat, Moch Khaoirul Anwar, "Ekonomi dalam Perspektif Islam," *Jurnal Islamica* 3, no. 1 (September 2008), 27.

University of Malaya

meninggalkan seluruh aktiviti ekonomi apabila telah tiba waktunya kemudian apabila telah selesai untuk segera mencari rezeki Allah s.w.t. yang berterbaran di mana-mana.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِذَا نُودِىَ لِلصَّلَوٰةِ مِن يَوۡمِ ٱلۡجُمُعَةِ فَٱسۡعَوۡاْ إِلَىٰ ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَذَرُواْ ٱلۡبَيۡعَۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ٩ فَإِذَا قُضِيَتِ ٱلصَّلَوٰةُ فَٱنتَشِرُواْ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَٱبۡتَغُواْ مِن فَضۡلِ ٱللَّهِ وَٱذۡكُرُواْ ٱللَّهَ كَثِيرٗا لَّعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ١٠

al-Jumu'ah 62: 9-10.

> Terjemahan: Hai orang-orang beriman, apabila diserukan untuk menunaikan solat Jumaat, maka bersegeralah kamu kepada mengingat Allah s.w.t. dan tinggalkanlah jual beli. Yang demikian itu lebih baik bagimu jika kamu mengetahui. Apabila telah ditunaikan solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi; dan carilah karunia Allah s.w.t. dan ingatlah Allah s.w.t. sebanyak-banyaknya supaya kamu beruntung.

Sistem ekonomi Islam tidaklah sama dengan sistem ekonomi lazim, kerana sistem ekonomi Islam memiliki tujuan dan panduan yang jelas. Tujuan ekonomi Islam ialah kebahagiaan yang sempurna sama ada secara ruh mahupun jasad, kesejahteraan yang membawa ketenangan secara zahir mahupun batin. Islam tidak memisahkan kehidupan manusia secara berasing-asingan. Namun, Islam melihat kehidupan sebagai satu kesatuan.[370] Oleh kerana sistem ekonomi Islam tidak berpandukan pada akal pikiran manusia, tetapi sistem ekonomi Islam seratus peratus mengikut agama Islam yang bersumber daripada al-Quran mahupun hadith dalam pelbagai aspeknya. Dapat diperhatikan asas dasar ekonomi Islam pada rajah berikut.

[370] Adiwarman Azra, *Sejarah pemikiran Ekonomi Islam*, (Jakarta: Internasional Institute Of Islamic Thought,2001), 23.

University of Malaya

Rajah. 3.1 Asas Dasar Sistem Ekonomi Islam



Sumber: Diubahsuai dari Rangkaan Metodologi Ekonomi Islam[371]

Rajah di atas menjelaskan bahawa teori ekonomi Islam yang terdiri dari kaedah penggunaan, pengeluaran, pengagihan dan makro ekonomi terangkum dalam istilah *fiqh mu'āmalah* yang berasaskan daripada kaedah *uṣūl fiqh*[372] mahupun bersumberkan

[371] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al. (eds), *Ekonomi Islam*, (Jakarta: Raja Grafindo,2008), 42.

[372] *Uṣūl fiqh* secara bahasa bererti suatu pondasi yang di atasnya dibangunkan suatu bangunan yang lain. Manakala secara epistimologi bermakna suatu ilmu yang dengannya kita dapat mengetahui sumber syariah islam, yang menjelaskan kita suatu dalil yang shahih lagi benar kepada suatu hukum Allah, sebab musabab suatu dalil itu kuat atau lemah serta untuk mengetahui suatu tata cara bagaiaman memutuskan atau mengeluarkan suatu hukum dalam syariat Islam. Abdullah Rofi'i et al. (eds), *Uṣūl al-Ffiqh Muqarrar li Ṭullāb Kulliyah al-Mu'allimīn al-Islāmiyyah,* (Ponorogo: Pesantren Pondok Modern Darussalam Gontor, 2011),5. Contoh kaedah Uṣūl Fiqh dalam ekonomi Islam seperti; Pada dasarnya setiap bentuk muamalah adalah dibolehkan kecuali ada dalil dari nash (al-Quran atau Hadith) yang melarangnya. Sesuatu yang bersifat najis dan merosak martabah manusia dan lingkungan adalah haram. Sesuatu yang menyebabkan kepada yang haram adalah haram. Kebiasaan akan menjadi suatu hukum

University of Malaya

daripada al-Quran atau hadith. Manakala nilai ekonomi Islam dan seluruh prinsip-prinsipnya diambil dari *Sharī'ah Islāmiyyah* yang memiliki hubungan antara kepercayaan (*'aqīdah)* dan akhlak. Sehingga ketiga-tiganya tidak dapat dipisahkan antara satu dengan yang lainnya.

Pertama iaitu *al-'aqīdatu* atau *aqidah* secara bahasa bererti simpulan atau ikatan pada suatu benda, seperti tali yang disimpulkan supaya menjadi kemas dan kuat. Manakala secara istilah *aqidah* merupakan seluruh perkara yang diyakini oleh jiwa seseorang, dengannya hati menjadi tenang, yang tidak ada keraguan atau shak di dalamnya.[373] Secara syar'i aqidah merupakan iman yang bererti *taṣdīq* membenarkan dengan hati dan menepati kenyataan yang lahir daripada dalil.[374] *'Aqīdah Islāmiyyah* juga bermaksud keimanan yang kuat terhadap kekuasaan Allah s.w.t. *(rubūbiyyah)* dan keEsaanNya (*ulūhiyyah)* serta asma' dan sifatNya, para malaikatNya, rasulNya, kitabNya, hari akhir dan ketetapan daripadaNya sama ada baik mahupun buruk.[375]

Aqidah merupakan suatu perkara asas dalam keyakinan dan keimanan seseorang. Contoh penerapan aqidah dalam kehidupan sehari-hari iaitu keyakinan bahawa adanya kehidupan selepas dunia, adanya balasan terhadap amal perbuatan walaupun seberat biji dzarrah, keyakinan bahawa setiap diri manusia diikuti oleh malaikat yang mencatit seluruh amal perbuatannya. Keyakinan inilah yang menjadi punca motivasi seorang

---

(ketetapan). Hukum suatu perkara berdasarkan pada suatu sebab. Niat yang baik atau tujuan untuk kebaikan tidak menjadikan yang haram menjadi halal. Halal dan haram adalah berlaku bagi siapapun yang muslim, berakal dan merdeka. Keyakinan tidak terbatalkan dengan keraguan dan lain sebagainya. Lihat. 'Alī Aḥmad al-Nadwī, *Mausū'ah al-Qawāid wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah al-Ḥākimah li al-Mu'āmalāt al-Māliyyah fī al-Fiqh al-Islāmiyy,* (Riyāḍ:t.p.1999), 1-3:112

[373] 'Umar Sulaimān al-Ashqār, *Al-'Aqidah fī Ḍaui al-Kitāb wa al-Sunnah*, ed.ke-1 (Al-Urdun: Dār al-Nafāis, 1999), 1:11.

[374] Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM, *Asas rujukan dalam bidang aqidah Islam*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysian, 2010), 3.

[375] Lihat, Muhammad bin Ṣāliḥ al-'Uthmaiyaini, *Muzakarah 'alā al-'Aqīdah al-Wāsiṭiyyah Li Syeikh Islām Ibnu Taimiyyah,* (Riyaḍ: Midrāru al-Waṭn, 1929), 4. Dan lihat, Muhammad Ibrahim Ahmad, "al-'Aqīdah al-Ṣaḥīḥah wa Āthāruhā fī Ḥayāti al-Ummah," *Majallah al-'Ulūm wa al-Buthūḥ al-Islāmiyyah* 2 (Februari 2011), 4.

University of Malaya

muslim untuk berbuat lebih baik dalam berekonomi dan bersedia bertanggungjawab atas seluruh amal perbuatan dihadapan pencipta. Sehingga sistem ekonomi yang tidak berpandukan aqidah yang benar, maka akan melahirkan manusia yang berperilaku ekonomi pragmatik, individualistik, materialistik untuk mencapai kesejahteraan dunia sahaja.[376]

Oleh yang demikian fungsi aqidah dalam kehidupan sosial ekonomi iaitu menanamkan jiwa kebebasan yang tidak terikat dengan kelakuan, tradisi dan peraturan orang lain, dan tidak juga tunduk kepada fahaman, andaian, teori dan falsafah yang direka manusia. Namun, sebaliknya memberikan fahaman bahawa hanya nilai dan peraturan yang ditentukan oleh Allah s.w.t. sahaja yang benar dan mesti dihayati dalam kehidupan manusia demi mencapai *al- falāh*.[377]

Kedua, syariah atau *al-Sharī'ah* (الشَّرِيْعَةُ) atau *al-Shir'ah* (الشِّرْعَةُ) menurut Dr Rajab Abdu al-Jawād Ibrāhīm dalam kamusnya al-Muṣṭalah al-Islāmiyyah secara bahasa berarti menjelaskan atau menerangkan. Manakala secara syariat iaitu ketetapan Allah s.w.t. untuk seluruh manusia.[378] Imam al-Qurṭubī memberikan definisi syariah dalam surah al-Māidah ayat 48 secara bahasa iaitu jalan yang jelas untuk menuju suatu kejayaan, manakala secara istilah iaitu agama yang telah Allah s.w.t. tetapkan untuk hamba-hamba-Nya yang merangkumi pelbagai hukum dan ketetapan.[379] Syariah juga merupakan satu set ketetapan daripada Allah s.w.t. kepada manusia yang disampaikan oleh rasul-Nya, yang mengandungi seluruh ajaran Islam dan meliputi aqidah, akhlak

---

[376] Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam* (Yogyakarta: Fajar Media Press, 2010), 28.

[377] Jaafar Ahmad et al., *Ekonomi Islam; Satu Pendekatan Analisis* (Bangi: Univeristi Kebangsaan Malaysia, 2011), 26.

[378] Rajab Abdu al-Jawād Ibrāhīm, *Mu'jam al-Muṣṭalah al-Islāmiyyah Fī al-Miṣbāḥ al-Munīr* (al-Qāhirah: Dār al-Afāq al-'Arabiyyah, 2002), 153

[379] Abī Abdi Allah Muhammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī (2006), *al-Jāmi' Liaḥkāmi al-Qurān*, ed.ke-1 (Bierūt: Lebanon, al-Risālah, 2006), 8:38.

University of Malaya

dan amaliyyah.[380] Dalam sistem ekonomi Islam kedudukan syariah berfungsi sebagai pemberi maklumat dan menjadi petunjuk bagaimana aktiviti ekonomi dapat dijalankan sesuai dengan kehendak ajaran Islam. Selain daripada itu syariah juga menjadi kontrol terhadap perbuatan manusia agar terhindar dari perbuatan yang merugikan bagi dirinya mahupun orang lain.[381] Dapat disimpulkan seluruh aktiviti ekonomi Islam boleh dibangun dengan pelbagai bentuk dan cara dengan syarat tidak bercangah dengan syariah Islam dan memiliki manfaat bagi kemaslatan untuk individu mahupun masyarakat. Oleh yang demikian Islam ialah agama yang mengalakan kepada umatnya untuk menghindarkan pembaziran dan juga meningkatkan produktiviti demi menjaga kelangsungan hidup dan kelestarian lingkungan.

Ketiga, *al-Akhlāqu* atau akhlak secara bahasa iaitu kebiasaan, tabiat atau maruah. Manakala secara istilah menurut Ibnu Miskawih merupakan sifat yang tersembunyi atau suatu keadaan jiwa yang mengatur seseorang untuk melakukan suatu perbuatan dengan tanpa pertimbangan terlebih dahulu.[382] Begitu juga menurut Imam al-Ghazali akhlak merupakan suatu keadaan yang menetap di dalam jiwa yang daripadanya keluarlah perbuatan-perbuatan yang mudah dilaksanakan dengan tanpa memerlukan pertimbangan akal fikiran.[383] Akhlak terkadang juga diertikan sebagai moral atau etika. Moral merupakan adat istiadat, kebiasaan, cara dan tingkah laku seseorang.[384] Manakala nilai

---

[380] Lihat, Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al. (eds), *Ekonomi Islam* (Jakarta: Raja Grafindo, 2008), 34. Dan lihat Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam*, 29.

[381] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*, 33.

[382] Abī 'Alī Aḥmad bin Muḥammad bin Ya'qūb Miskawih, *Tahzīb al-Akhlāq,* ed.ke-1 (Bierūt: 'Imād al-Hilāli, 2011), 12.

[383] Lihat, Al-Imām Abī Ḥāmid al-Ghozālī, *Iḥyā' 'Ulūmu al-Dīn* (Bierūt: Dār al-Shu'bu,1973), 8:1426.

[384] Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam*, 31.

University of Malaya

moral dalam Islam berasaskan kepada konsep kepercayaan iaitu aqidah yang tertakluk kepada peraturan Allah s.w.t. atau disebut dengan istilah syariah.[385]

Dalam kehidupan sosiol ekonomi, akhlak Islamiyah menanamkan pada setiap jiwa muslim untuk berlaku adil dalam timbangan, jujur, rasa persaudaraan dan kasih sayang antara penjual dan pembeli, menjauhkan diri dari penipuan, rasuah, riba, dan menimbun harta disaat orang lain memerlukan. Oleh yang demikian akhlak seorang muslim merupakan cerminan dari apa yang mereka yakini dengan dua kedudukan iaitu Allah s.w.t. bersama kita *(murāqabatu al-Allāh)* dan Allah s.w.t. melihat kita (*munāẓaratu al-Allāh).*[386] Sehingga matlamat akhir dari aktiviti ekonomi ialah keredhaan Allah s.w.t., mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. dengan cara bekerja agar tidak meminta-minta. Hal itu kerana *falāh* dalam Islam dimaknai sebagai kebahagiaan jangka panjang, iaitu kehidupan di dunia mahupun di akhirat yang tidak menumpukan perhatian pada satu aspek sahaja. Akan tetapi *falāh* turut memperhatikan aspek rohani mahupun material yang memberikan kesan terhadap perilaku secara mikro atau mahupun makro.[387]

Oleh yang demikian menurut Yūsuf al-Qarḍāwī untuk mencapai *falāh*, maka konsep ekonomi Islam telah mengaturnya iaitu memberi kesempatan bekerja kepada setiap warga yang mampu bekerja sesuai dengan hak dan tanggungjawabnya, memberi gaji yang sesuai, mengambil zakat daripada berbagai jenis, menyediakan hidup yang selesa untuk setiap warga, harta yang dimiliki secara haram disita, membenteras

---

[385] Jaafar Ahmad et al., *Ekonomi Islam; Satu Pendekatan Analisis*, 27.

[386] ’Abdu Allah ’Abdu al-Muḥsin al-Ṭarīqī (1988), *al-Iqtiṣād al-Islāmiyy Ususun wa Mabādi’un wa Ahdāfun,* ed. Ke-4 rev (Riyāḍ: Qismi al-Dirāsah al-Islāmiyyah bi Kulliyati al-Mu’allimīn Riyāḍ,1988), 16.

[387] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*, 2.

University of Malaya

pembaziran, mendekatkan jurang perbezaan ekonomi dan membersihkan praktik riba.[388] Termasuk memperhatikan beberapa unsur-unsur asas. Contohnya; Setiap aktiviti mesti bermatlamatkan untuk mencapai objektif dunia dan akhirat.[389] pengeluar selalunya tidak harus dianggap rasional, Allah s.w.t. sahaja yang memiliki kuasa mutlak dan sempurna bukan golongan pengeluar, dan isu moral, kemiskinan dan ketidak adilan mendapat perhatian lebih daripada aspek ekonomi semata.[390]

3.3. Definisi Pembangunan Ekonomi Islam

Secara bahasa istilah pembangunan berasal dari kalimat *bangun;* bangkit, berdiri yang kata derivasi dari bangun iaitu *membangun* atau *pembangunan* yang bererti membina, membuat, mendirikan, memperbaiki; membuat supaya maju dan berkembang.[391] Dalam istilah Arab moden pembangunan menurut Wan Mohd Nor Wan Daud adalah berasal dari kalimat تنمية *(Tanmiyyah)* yang bermaksud pertumbuhan; dan juga تقدم *(Taqaddum)* yang bererti maju ke hadapan atau kemajuan.[392] Berbeza halnya menurut Abdullah M. Fareed dalam kamus al-Fareed in Finance & Economic pembangunan atau *development* bermaksud تطوير *(Taṭwīr)* iaitu pertumbuhan atau ابتكار *(Ibtikār)* bererti inovasi.[393]

Akan tetapi istilah pembangunan apabila merujuk kepada firman-firman Allah s.w.t. dalam al-Quran sebetulnya berasal dari kalimat عمر *(’Amara)* bererti hidup,

---

[388] Muhammad Syukri Salleh, ”Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam,” 11.

[389] Muhammad Akram Khan, *Issues in Islamic Economic* (Pakistan: Islamic Publication, 1983), 14.

[390] Atauk Huq Pramanik, *Pembangunan Pengagihan dalam Islam*, terj. Amar Said (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 11.

[391] Tim Redaksi Kamus Bahasa Indonesia, *Kamus Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Indonesia,2008), 135, entri “erat.”

[392] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan Di Malaysia kea rah satu kefahaman baru yang lebih sempurna,* 14

[393] Abdullah M. Farid, *Dictionary Al- Fareed in Finace & Economic,* ed.ke-1 (Cairo: t.p., 1985), 81, entri “erat.”

University of Malaya

seperti ungkapan عَمَرَ الرَّجُلُ عَمْرًا memberi erti seseorang hidup dalam waktu yang panjang. Kemudian setelah mendapat tambahan *(alīf, sīn dan tā')* است menjadi استعمر *(Ista'mara)* membawa maksud menghidupkan atau meramaikan, memakmurkan, membangun atau meneroka sesuatu kawasan.[394] Sebagiamana firman Allah s.w.t. yang termaktub dalam surah Hūd ayat 61.

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا

Hūd 11: 61

> Terjemahan: Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan memerintahkan kamu untuk memakmurkan di muka bumi...

Dalam ayat al-Quran tersebut kalimat *ista'mara* استعمر menurut al-'Alāmah al-Rāghib al-Aṣfahānī dalam sebuah kitab Mufradātu Alfāḍ al-Qurān diambil dari kalimat العِمَارَةُ *(al-'Imārah)* yang bererti menguruskan atau mentadbir, lawan katanya iaitu ٱلْخَرَابُ *(al-Kharāb)* bererti merosak atau meruntuhkan sesuatu.[395] Seperti halnya firman Allah s.w.t. dalam surah al-Taubah ayat 19.

أَجَعَلْتُمْ سِقَايَةَ ٱلْحَآجِّ وَعِمَارَةَ ٱلْمَسْجِدِ ٱلْحَرَامِ

Al-Taubah (9): 19

> Terjemahan: Apakah (orang) yang memberi minuman orang-orang yang mengerjakan haji dan menguruskan Masjidil haram.

Istilah pembangunan di atas diperkuatkan lagi dengan firmanNya dalam surah al-Rūm ayat 9 iaitu.

وَأَثَارُوا۟ ٱلْأَرْضَ وَعَمَرُوهَآ أَكْثَرَ مِمَّا عَمَرُوهَا

al-Rūm 30: 9

---

[394] Ibrahīm Muṣṭofā et al., *al-Mu'jam al-Wasīṭ,* ed.ke-1 (Istanbūl: Turki al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1972), 1:626 – 627, entri "erat."

[395] al-'Alāmah al-Rāghib al-Aṣfahānī, *Mufradātu Alfāḍ al-Qurān,* (Bīrūt: al-Dār al-Shāmiyyah, 1992), 586.

University of Malaya

Terjemahan: Dan telah mengolah bumi (tanah) serta memakmurkannya lebih banyak dari apa yang telah mereka makmurkan.

Manakala pembangunan secara epistimologi menurut Nor Wan Daud dalam prespektif Islam ialah peningkatan kesadaran insan akan tanggungjawabnya terhadap pelbagai hakikat dan perkara mengikut urutan keutamaan yang sah, dan amal perbuatan yang ikhlas, berhikmah, berani, sederhana dan adil. Pembangunan ini dapat diukur dengan empat perkara utama iaitu kebebasan, keadilan, akhlak dan moral, dan kebahagiaan.[396] Sekalipun menurut Muhammad Syukri Salleh pembangunan konvensional dan pembangunan yang berteraskan Islam keduanya mengakui wujudnya perbezaan di kalangan masyarakat dalam pelbagai bidang dan juga menganjurkan agar keadilan dilaksanakan di tengah-tengah perbezaan tersebut. Namun, yang membezakan pembangunan konvensional dan pembangunan Islam ialah konsep perbezaan harta benda dan konsep keadilan.[397] Konsep perbezaan harta benda menurut ekonomi lazim disebabkan adanya penindasan dan eksploitasi manusia yang lebih berkemampuan, lebih berpeluang atau lebih berkuasa. Manakala dalam Islam perbezaan itu telah Allah s.w.t. jelaskan dalam FirmanNya dalam surah al-An'ām ayat 165, iaitu bertujuan sebagai alat Allah s.w.t. menguji manusia dan alat manusia untuk mensyukuri nikmatNya.[398]

وَهُوَ ٱلَّذِى جَعَلَكُمْ خَلَٰٓئِفَ ٱلْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَٰتٍ لِّيَبْلُوَكُمْ فِى مَآ ءَاتَىٰكُمْ ۗ

Al-An'ām (6): 165

Terjemahan: Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia (Allah s.w.t.) meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa derajat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu.

---

[396] Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*, 19.

[397] Lihat. Muhammad Syukri Salleh, *Pembangunan berteraskan Islam,* (Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987), 49.

[398] Lihat. *Ibid*

University of Malaya

Begitu halnya konsep keadilan, mengikut falsafah pembangunan konvensional keadilan lebih berasaskan pada nilai-nilai materialisme secara kuantiti. Manakala pembangunan Islam kewujudan keadilan apabila manusia dapat mempertahankan rahmat kepada sekalian alam tanpa derhaka kepada Allah s.w.t.[399] Sesuai dengan pendapat Umer Chapra bahawa masyarakat *sekulerisme*[400] lebih mengedepankan harta benda dengan tidak melihat pada aspek moral, maka menurut beliau pembangunan material tidak akan mencapai sebuah keadilan tanpa mendapat sokongan akhlak dan moral. Oleh kerana pembangunan yang adil memerlukan penggunaan semua sumber dengan cara yang efisyen dan saksama dan kedua-duanya tidak dapat tercapai melainkan diiringi dengan moral dalam kegiatan ekonomi.[401]

Manakala definisi pembangunan ekonomi apabila merujuk pada kamus ekonomi bermaksud proses peningkatan taraf hidup sesebuah masyarakat atau negara menerusi peningkatan dalam tingkat pendapatan, penggunaan untuk makanan, kesihatan, perumahan, pendidikan, serta peningkatan dalam pelbagai alternatif barang dan sumber pendapatan masyarakat tersebut.[402] Menurut Ahmad Shukri definisi pembangunan ekonomi yang bersifat umum ini dapat diklasifikasikan menjadi tujuh pengertian. Iaitu *pertama*, pembangunan ekonomi bermaksud pertumbuhan output bagi setiap penduduk di sebuah negara. *Kedua*, dari prespektif teknologi pembangunan ekonomi merupakan perubahan dari tekonologi dan teknik yang mudah dan tradisional kepada aplikasi pengetahuan saintifik. *Ketiga*, dari segi pertanian, pembangunan ekonomi merupakan

---

[399] Lihat. *Ibid,* h. 50

[400] Masyarakat sekuler ialah masyarakat yang percaya bahawa urusan Negara, sistem pendidikan, ekonomi, sosial, kesenian, moral serta sains dan teknologi tidak ada hubungannya dengan agama. Sekularisasi dapat dicapai melalui proses modenisasi. Lihat, Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, *132.*

[401] M. Umer Chapra, *Islam And Economic Development* (Pakista, Islamabad: Internasional Institute of Islamic Thought, 1981), 7.

[402] Dewan Bahasa dan Pustaka, *Kamus Ekonomi,* ed.ke-1 (Selangor, Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 191, entri "erat."

University of Malaya

evolusi daripada pertanian sara diri kepada pengeluaran hasil pertanian secara komersil. *Keempat*, dari sektor industri, pembangunan ekonomi merujuk pada transisi daripada penggunaan tenaga manusia dan binatang kepada tenaga mesin. *Kelima,* dari sudut geografi, pembangunan ekonomi merupakan migrasi dari luar Bandar ke Bandar sebagai pusat industri. *Keenam*, dilihat dari pengurusan, pembangunan ekonomi merupakan pengkhususan buruh, perkiraan atas dasar untung dan rugi, sistem upah, latihan dan lain-lain. *Ketujuh,*dari segi politik, pembangunan ekonomi merupakan satu mekanisme untuk mengukuhkan pengaruh politik di peringkat antarbangsa atau mengelakkan negara daripada dikuasai dan dieksploitasi oleh Negara asing.[403]

Daripada takrif di atas difahamkan bahawa pembangunan ekonomi hanya ditumpukan pada kebendaan materi sahaja iaitu sama dengan pendapat kapitalis dan marxis. Kedua-duanya mempercayai bahawa manusia mampu dan pantas untuk menguruskan kehidupan ekonominya dengan tanpa melibatkan aspek akhlak dan moral. Sehingga aktiviti ekonomi mestilah dipisahkan dari kekangan agama,[404] bahkan menurut Meir dan Baldwin salah satu sebab kemunduran suatu komuniti hingga tidak berjaya mengatasi masalah ekonomi disebabkan kekurangan ciri indiviualisme di kalangan anggota masyarakat, bahkan agama dan nilai moral yang kaku serta mengekang.[405]

Definisi tersebut sangatlah bercangah dengan prespektif Islam. Pembangunan ekonomi bukan tertakluk pada kepuasan secara kebendaan sahaja. Namun, pembangunan ekonomi dalam Islam bersifat multi dimensi yang meliputi semua aspek

---

[403] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 182-184.

[404] Ed. Baharuddin Yatim et al., *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*, ed.ke-1 (Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia,1989), 1.

[405] Jomo K.S et al., *Teori Pembangunan Ekonomi,* (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2004), 30-31.

University of Malaya

kehidupan manusia. Pembangunan yang merangkumi pembangunan jasmani (kebendaan) dan pembangunan kerohanian (termasuk fikiran).[406] Seluruh aktiviti ekonomi manusia tidak hanya ditujukan sebagai pemuasan keperluan fizikal sahaja, melainkan manusia juga memiliki tanggung jawab kepada sang pencipta.[407] Kebahagiaan di dunia dan di akhirat *(falāh)* tidak dapat diperoleh, melainkan jika ajaran Islam dilaksanakan secara menyeluruh atau *kaffah*.[408] Oleh yang demikian pembangunan ekonomi mesti dapat mewujudkan keseimbangan antara kepentingan individu dan kepentingan masyarakat, kebaikan yang seimbang dan kekal,[409] kebaikan yang selaras dengan kaedah-kaedah agama Islam, sehingga kekayaan tidak berhenti pada seseorang sahaja.[410]

Pembangunan ekonomi Islam juga memiliki falsafah, konsep, premis, dan epistimologinya tersendiri yang berbeza dengan teori dan model pembangunan Barat.[411] Oleh kerana, pembangunan ekonomi Islam menuntut dan menjadikan manusia untuk ke arah keselarasan dan keseimbangan kebahagiaan di dunia dan di akhirat, keseimbangan antara hak individu dan masyarakat, membina keharmonian antara individu dan masyarakat, menjaga kelestarian alam sekitar dari kerosakan dengan tanpa membezakan antara faktor kerohanian mahupun faktor fizikal. Jelaslah perbezaan antara pembangunan yang lazim dengan pembangunan ekonomi Islam yang berpandukan al-Quran dan Hadith. Sekiranya petunjuk di dalam al-Quran mahupun Hadith tidak dapat

---

[406] Baharuddin Yatim et al., *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*, 2.

[407] *Ibid*

[408] Pusat Pengajian dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI), *Ekonomi Islam*,16.

[409] Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* terj. Rohani Sulaiman, ed.ke-3 (Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn Bhd,2003) h.2.

[410] Lihat, Seminar Nasional, *Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam*, 53-54.

[411] Ismail Yusof & Shukri Ahmad, "Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat" (Proseding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 25-26 November 2011), 218.

University of Malaya

menyelesaikan masalah-masalah ekonomi, maka fungsi akal ialah untuk menalarkannya berasaskan kaedah *qiyas*[412] atau ijtihad dikalangan ulama.[413]

3.4. Dasar Ideologi Pembangunan Ekonomi Islam

Islam sebagai *taṣawwur* ideologi umat muslim bersifat universal, bukan hanya sebagai agama tetapi Islam juga merupakan kaedah sosial dan aturan hidup yang lengkap merangkumi dua prinsip iaitu aqidah dan syariah. Aqidah sebagai keyakinan hati bahawa tiada tuhan selain Allah s.w.t., dan Muhammad s.a.w. adalah rasul-Nya. Setiap muslim memiliki keyakinan bahawa dengan mengikuti seluruh peraturan Allah s.w.t. akan memberikan kemenangan di dunia mahupun di akherat, manakala mengabaikannya akan membawa kesengsaraan yang abadi.

Syariat Islam sebagai petunjuk operasional dalam kehidupan sehari-hari yang mencakupi seluruh keperluan manusia sama ada secara individu mahupun bermasyarakat, keperluan untuk hidup di dunia mahupun di akherat nanti. Justeru, ideologi Islam adalah sebagai panduan untuk pembangunan yang telah, mahupun sedang berlaku agar lebih menjadi dinamik dan revolusioner.[414] Oleh kerana Islam tidak membezakan agama dengan ekonomi, atau agama dengan politik, tetapi perpaduan antara agama dengan ekonomi merupakan kesatuan yang tidak dapat dipisahkan. Apabila terdapat masalah dalam sosio ekonomi, bukan bererti Islam tidak lengkap dan tidak memberikan penjelasan tentang masalah itu. Namun, kekurangan para penganut dan intelek yang berkecenderungan ke arahnya atau boleh jadi dalam pelaksanaanya

---

[412] Qiyas secara syarak iaitu dengan membandingkan suatu perkara yang baru wujud dengan hukum nash yang telah sedia ada iaitu al-quran atau hadith

[413] Lihat, Seminar Nasional, *Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam*, 53-54.

[414] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, terj. Abdullah (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1.

University of Malaya

penganut agama Islam lebih mengikut konsep yang diusung Barat berbanding merujuk pada sumber asas iaitu al-Quran mahupun hadith.

Sesuai dengan pendapat Ziauddin Sardar seorang tokoh pemikiran Islam dalam bukunya Science, policy and development yang dirujuk oleh Muhammad al-Buraey bahawa Negara Islam pada hari ini adalah mengikut model bekas kolonial mereka dalam usaha kearah pembangunan ekonomi. Tiada suatu pun Negara Islam di dunia yang berlandaskan dasar pembangunan ekonomi yang mematuhi ideologi Islam.[415] Tidak hairan apabila mereka telah memadukan antara teori dan ideologi Islam dengan amalan dan ideologi kaum Barat. Perkara ini berlaku kerana mereka hanya meyakini sebahagian ajaran Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji dan meninggalkan sebahagian yang lainnya seperti muamalat atau berekonomi dan berpolitik. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 85.

أَفَتُؤْمِنُونَ بِبَعْضِ ٱلْكِتَٰبِ وَتَكْفُرُونَ بِبَعْضٍ ۚ فَمَا جَزَآءُ مَن يَفْعَلُ ذَٰلِكَ مِنكُمْ إِلَّا خِزْىٌ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ

al-Baqarah (2): 85

> Terjemahan:...Apakah kamu beriman kepada sebahagian ajaran dan ingkar terhadap sebahagian yang lain? Tiadalah balasan bagi orang yang berbuat demikian daripadamu, melainkan kehinaan dalam kehidupan dunia.

Kes yang Allah s.w.t. suguhkan tentang penduduk negeri Saba' (Yaman) di dalam al-Quran merupakan pengajaran yang penting bagi orang yang beriman terhadap kekuasaan Allah s.w.t. dalam usaha memakmurkan bumi-Nya. Penduduk Saba' yang sebelumnya hidup dalam kemiskinan di atas padang pasir yang tandus, kemudian Allah s.w.t. airi dengan empangan menjadilah ianya kawasan perkebunan yang subur di sebelah kanan mahupun kiri negeri Saba'. Sehingga negeri Saba' penuh kenikmatan dan

[415] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, 139.

University of Malaya

kesejahteraan dengan limpahan anugerah Allah s.w.t. Zamakhsari dalam kitab tafsirnya *al-Kashshāf* memisalkan negeri Saba' pada masa itu seperti surga.[416] Namun, penduduk Saba' kufur nikmat Allah s.w.t. dan tidak mematuhi peraturan Allah s.w.t. serta mendustakan para nabi yang diutus-Nya. Perkara inilah yang membuat Allah s.w.t. murka dan menimpakan malapetaka berupa binatang tikus untuk membongkar empangan sehingga pecah dan menenggelamkan perkebenunan negeri Saba'. Bukan itu sahaja Allah s.w.t. telah mengantikan dua kebun itu dengan dua kebun yang ditumbuhi pokok-pokok yang pahit iaitu *athal* (sejenis pokok cemara) dan pokok *sidr* (seperti pokok bidara).[417] Sepertimana firmanNya dalam surah Saba' ayat 15-16.

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكَنِهِمْ ءَايَةٌ ۖ جَنَّتَانِ عَن يَمِينٍ وَشِمَالٍ ۖ كُلُوا۟ مِن رِّزْقِ رَبِّكُمْ وَٱشْكُرُوا۟ لَهُۥ ۚ بَلْدَةٌ طَيِّبَةٌ
وَرَبٌّ غَفُورٌ ﴿١٥﴾ فَأَعْرَضُوا۟ فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ سَيْلَ ٱلْعَرِمِ وَبَدَّلْنَٰهُم بِجَنَّتَيْهِمْ جَنَّتَيْنِ ذَوَاتَىْ أُكُلٍ خَمْطٍ وَأَثْلٍ
وَشَىْءٍ مِّن سِدْرٍ قَلِيلٍ ﴿١٦﴾

Saba'(34): 15-16

> Terjemahan: Sesungguhnya bagi kaum Saba' ada tanda (kekuasaan Tuhan) di tempat kediaman mereka iaitu dua buah kebun di sebelah kanan dan di sebelah kiri. (kepada mereka dikatakan): "Makanlah olehmu dari rezeki yang (dianugerahkan) Tuhanmu dan bersyukurlah kamu kepada-Nya. (Negerimu) adalah negeri yang baik dan (Tuhanmu) adalah Tuhan Yang Maha Pengampun." Tetapi mereka berpaling, maka Kami datangkan kepada mereka banjir yang besar (hingga meruntuhkan bendungan Maghrib) dan Kami ganti kedua kebun mereka dengan dua kebun yang ditumbuhi (pokok-pokok) yang berbuah pahit, pokok athl (sejenis pokok cemara) dan sedikit dari pokok sidr (sejenis pokok bidara).

Begitu juga dengan kisah umatnya nabi Syu'aib a.s., yang Allah s.w.t. janjikan dengan kemakmuran serta keberkatan yang diturunkan dari langit dan bumi. Namun, penduduk negeri Madyan mendustakan ajaran Allah s.w.t., dengan berbuat syirik,

---

[416] Abī Qāsim Maḥmūd bin 'Amr al-Zamakhsharī, *al-Kashāf*, ed.ke-1(Riyadh: Maktabah al-'Abaikān, 1998), 3:115.

[417] Al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Imādu al-Dīn Abī al-Fidāi Ismā'īl bin 'Umar Ibnu Kathīr al-Damashqī, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīn*, (Bierūt: Lebanon, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999) 6: 448-449.

University of Malaya

berbuat zalim, tidak bersikap adil dan tamak, maka Allah s.w.t. limpahkan kepada mereka berupa kesengsaraan di dunia dan kebinasaan.[418] Sepertimana firmanNya dalam surah al-A'rāf ayat 96.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا۟ فَأَخَذْنَٰهُم بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

al-A'rāf (7): 96

Terjemahan: Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.

Masih banyak lagi contoh-contoh kes yang menjadi punca permasalahan ekonomi yang membawa kehinaan dan kesengsaraan manusia di dunia yang direkodkan oleh al-Quran untuk menjadi pengajaran bagi kaum yang berfikir. Diantaranya dapat kita perhatikan pada maksud zahir ayat berikut:

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍۭ بَطِرَتْ مَعِيشَتَهَا ۖ فَتِلْكَ مَسَٰكِنُهُمْ لَمْ تُسْكَن مِّنۢ بَعْدِهِمْ إِلَّا قَلِيلًا ۖ وَكُنَّا نَحْنُ ٱلْوَٰرِثِينَ ﴿٥٨﴾

Al-Qaṣaṣ (28): 58.

Terjemahan: Dan berapa banyaknya (penduduk) negeri yang telah Kami binasakan, yang sudah bersenang-senang dalam kehidupannya; maka itulah tempat kediaman mereka yang tiada di diami (lagi) sesudah mereka, kecuali sebahagian kecil. Dan Kami adalah Pewarisnya.

وَمَآ أَصَٰبَكُم مِّن مُّصِيبَةٍ فَبِمَا كَسَبَتْ أَيْدِيكُمْ وَيَعْفُوا۟ عَن كَثِيرٍ ﴿٣٠﴾

Al-Shūrā (42): 30

Terjemahan: Dan apa saja musibah yang menimpa kamu maka adalah disebabkan oleh perbuatan tanganmu sendiri, dan Allah s.w.t. memaafkan sebahagian besar (dari kesalahan-kesalahanmu).

---

[418] Al-Syaid Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qurān al-Ḥakīm al-Shahīr bi Tafsīr al-Manār li Ustāz al-Imām Al-Shaikh Muḥammad 'Abduh,* ed.ke-2 (Mesir: Dār al-Manār, 1984), 9:25.

University of Malaya

Kebinasaan, kekalahan, kesengsaraan bahkan kehinaan di dunia sepertimana telah dilalui oleh umat terdahulu masih belum lagi menjadikan pengajaran bagi umat selepasnya. Menurut pendapat Kjetil Bjorvatn seorang pakar ekonomi berkebangsaan Swedia memberi kesimpulan tentang kekalahan negara-negara Arab dalam peperangan melawan Israel selama enam hari pada tahun 1967. Kekalahan umat muslim pada waktu itu iaitu ramai yang berpaling dari ajaran Islam, bahkan mereka lebih percaya dengan ideologi asing seperti komunisme atau kapitalisme yang sememangnya bertentangan dengan Islam dan tidak dapat menyelesaikan masalah.[419]

Selain daripada itu seorang pengkaji sejarah Al-Amīr Shakīb Arsalān dalam bukunya yang bertajuk *limādza ta'akhara al-muslimūn wa limādza taqaddama ghairuhum?*, beliau jelaskan sebab-sebab umat Islam terbelakang dan menjadi mundur pada zaman moden ini. Punca kemunduran umat Islam iaitu meninggalkan ajaran Islam yang sempurna, jauh dari panduan *Al-Qur'ān al-karīm* dan *al-Sunnah al-Nabawiyyah*, dan wujudnya perpecahan antara sesama muslim *(al-Tafarūq)* yang disebabkan sifat ego.[420] Oleh kerana Islam dan ilmu pengetahuan berjalan seiring, maka meninggalkannya otomitik juga meninggalkan ilmu pengetahuan. ketika seseorang jauh dari penganggan yang menjadikan mereka umat paling mulia, maka timbullah pada diri mereka rasa rendah diri (*Inhizāmun al-dākhilī)* atau *(inferior)* yang menyebabkan hilangnya percaya diri terhadap Islam (*Thiqqatu anfusihim).* Sehingga umat Islam akan lebih percaya dengan ajaran Barat secara membabi buta *(al-Taqlīd).*[421] Ajaran Islam berasaskan al-Quran dan sunnah yang merupakan sumber maklumat yang tiada sebarang keraguan dan kesalahan di dalamnya. Al-Quran sebagai petunjuk dari Allah

---

[419] Kjetil Bjorvant, "Islamic Economic and Economic Development" (Kertas kerja public lecture for The PhD di Norwegian School of Economic and Business Administration, 1 November 1996), 229.

[420] Al-Amīr Shakīb Arsalān, *limādza ta'akhara al-muslimūn wa limādza taqaddama qhairum ?* (Bierūt: Lebanon, Dār maktabah al-ḥayāt, 2008), 131-140.

[421] *Ibid.,* 142.

University of Malaya

s.w.t. sang pencipta alam, sehingga tidak mungkin al-Quran terkeluar dari hukum alam *(sunnatullah).* Oleh kerana, alam adalah hasil perbuatan atau ciptaan-Nya manakala al-Quran adalah kalamNya.

Untuk mencapai *al-falāh* dan menghindarkan daripada kemurkaanNya, maka Allah s.w.t. telah menetapkan satu kaedah. Secara ringkas menurut Syukri Salleh iaitu dengan menerapkan nilai-nilai keyakinan (*al-Īmānu),* beramal seakan-akan melihat Allah s.w.t. *(al-Iḥsānu),* menjaga diri daripada perbuatan yang dosa *(al-Taqwā),* sentiasa mengingati Allah s.w.t. *(dzikrullah),* beramal baik sesuai dengan jaran Islam (*amal ṣāliḥ),* mengajak ke jalan kebaikan dan mencegah kemungkaran (*al-Amr bi al-ma'rūf wa al-nahyu 'an al-munkari),* bersyukur atas nikmat yang dikaruniakan *(al-shukr)* dan berjuang untuk meninggikan agama Allah s.w.t. (*al-Jihād fī sabīli Allāh)* dalam semua aktiviti manusia sama ada ekonomi, politik, sosial mahupun budaya.[422] Sesuai dengan pendapat Syaikh Muhammad 'Abduh dalam tafsir al-Manār bahawa seorang musliam akan tercurahkan keberkatan dan rahmatNya dari pelbagai penjuru datangnya, sama ada keberkatan dalam usahanya, usianya mahupun amalnya secara *(Jasadī)* mahupun *(Rūhī)* iaitu dengan cara beriman dengan sebenarnya-benarnya dan redha terhadap Islam sebagai agama Allah s.w.t..[423] Dalam ideologi pembangunan ekonomi amalan, nilai-nilai mesti berpandukan pada al-Quran yang sememangnya tiada sebarang keraguan dan sedikitpun kesalahan dalam memberikan tata cara dalam menyelesaikan masalah duniawi. Sebagiamana firmanNya dalam surah al-A'rāf ayat 2.

كِتَٰبٌ أُنزِلَ إِلَيۡكَ فَلَا يَكُن فِي صَدۡرِكَ حَرَجٞ مِّنۡهُ لِتُنذِرَ بِهِۦ وَذِكۡرَىٰ لِلۡمُؤۡمِنِينَ ٢

al-A'rāf (7): 2-3

[422] Muhammad Shukri Salleh, *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* (Pulau Pinang: Universiti Saing Malaysia, 1990),14.

[423] Al-Syaikh Muḥammad Rashīd Riḍā dalam Al-Ustāz al-Imām al-Shaikh Muḥammad 'Abduh, *Tafsīr al-Manār*, ed.ke-2 (Al-Qāhirah: Dār al-Manār, 1947), 9: 25.

University of Malaya

Terjemahan: (Al-Quran ini) sebuah kitab yang diturunkan kepadamu. Oleh itu, janganlah ada perasaan bimbang dalam dadamu mengenainya.

Natijah daripada mengikuti seluruh perintah Allah s.w.t. tersebut dan menerapkan nilai-nilai ajaran Islam dalam seluruh aktiviti kehidupan manusia akan memberikan kesan positif yang dapat diperhatikan dalam al-Quran dengan janji-janji Allah s.w.t. kepada sesiapa yang melakukannya. Sepertimana dalam firman-firman-Nya pada ayat-ayat berikut:

1. Janji Allah s.w.t. kepada sesiapa yang beriman dan bertaqwa iaitu Allah s.w.t. akan melimpahkan rezeki dan memberikan keberkatan di dalamnya.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ ٱلْقُرَىٰٓ ءَامَنُوا۟ وَٱتَّقَوْا۟ لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَٰتٍ مِّنَ ٱلسَّمَآءِ وَٱلْأَرْضِ ﴿٩٦﴾

al-A‘rāf (7) : 96

Terjemahan: Jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat dari langit dan bumi.

2. Natijah dari sifat syukur. Allah s.w.t. akan menambahkan kenikmatan-Nya.

وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ﴿٧﴾

Ibrāhīm (14): 7

Terjemahan: Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu.

3. Natijah dari kufur dan berpaling dari al-Quran, maka Allah s.w.t. akan mencabut seluruh nikmat-nikmat-Nya.

وَمَنْ أَعْرَضَ عَن ذِكْرِى فَإِنَّ لَهُۥ مَعِيشَةً ضَنكًا ﴿١٢٤﴾

Ṭāhā (20): 124

Terjemahan: Dan sesiapa yang berpaling daripada peringatan-Ku, maka sesungguhnya baginya penghidupan yang sempit.

University of Malaya

4. Natijah dari tawakal dan berserah diri kepada Allah s.w.t. sahaja,[424] Allah s.w.t. akan memenuhi dan mencukupi segala keperluan hidupnya.

وَمَن يَتَوَكَّلْ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسْبُهُۥٓ ۚ ٣

Al-Ṭalāq (65): 3

Terjemahan: Dan sesiapa yang bertawakkal kepada Allah s.w.t. nescaya Allah s.w.t. akan mencukupkan keperluannya.

Pada dasarnya ideologi pembangunan ekonomi Islam berasaskan pada firman-firman Allah s.w.t. di atas termasuk ayat-ayat tentang konsep memakmurkan bumiNya. Seperti kalimat pembangunan yang diambil dari kata استعمر *(ista'mara)* dalam kitab al-Jāmi' Liaḥkāmi al-Qurān karya Abū Bakr al-Qurṭubī bermakna perintah Allah s.w.t. kepada umatnya untuk mengelola dan memakmurkan bumi-Nya. Menurut Ibnu al-'Arabī kalimat tersebut memberikan maksud kepada kewajiban untuk melestarikan bumi Allah s.w.t., pendapat itu diperkuat oleh al-Qāḍī Abū Bakr bahawa kalimat yang berwaznkan استفعل *(istaf'ala)* dalam lisān al-Arab bermaksud perintah untuk melaksakan suatu perbuatan, atau boleh juga menjadi wazn أفعل *(af'ala)* yang bermaksud merubah perbuatan yang pasif menjadi aktif. Ertinya memakmurkan bumi yang sebelumnya tiada sebarang tanaman untuk diteroka dan ditanami tumbuh-tumbuhan yang dapat memberikan manfaat bagi manusia.[425] Sekalipun menurut Ibnu 'Amr al-Zamakhsharī dalam kitabnya tafsir al-Kashāf perintah untuk memakmurkan bumi Allah s.w.t. pelbagai iaitu dari yang wajib hingga ke makruh (dibenci), namun Jumhūru al-'ulamā sependapat bahawa memakmurkan bumi dengan cara yang baik adalah wajib

[424] Maḥmūd Muhammad Bābillī, *I'mār al-'Arḍi Fī al-Iqtiṣād al-Islāmī wa Istithmār Khairātihā Bimā Yanfa'u al-Nās* (Bīerūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1988), 22-26.

[425] Abī Abdi Allah Muhammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi' Liaḥkāmi al-Qurān*, ed.ke-1 (Bierūt: Lebanon, al-Risālah, 2006), 12: 149-150.

University of Malaya

hukumnya.[426] Pendapat tersebut berdasarkan pada firman Allah s.w.t. dalam surah Hūd ayat 61.

هُوَ أَنشَأَكُم مِّنَ ٱلْأَرْضِ وَٱسْتَعْمَرَكُمْ فِيهَا ﴿٦١﴾

Hūd (11): 61

Terjemahan: Dia telah menciptakan kamu dari bumi (tanah) dan menjadikan kamu pemakmurnya.

Di samping itu pendapat Jumhūru al-'ulamā tentang kewajiban memakmurkan bumi di atas dapat diperhatikan daripada analogi-analogi Muḥammad Shaḥāt al-Jundiy dalam kitabnya *Qawāid al-tanmiyyah al-iqtiṣādiyyah* dengan firman Allah s.w.t. dalam *al-Qurān al-karīm* sebagaimana berikut:

1. Allah s.w.t. tidak menciptakan alam dan isinya melainkan untuk makhluk-Nya, dengan tujuan dapat beribadat kepada Allah s.w.t. dengan sebaik-baiknya, menjadi khalifah Allah s.w.t. di muka bumi dengan cara menjaga dan memanfaatkan seluruh apa yang ada di dalamnya. Sepertimana firman Allah s.w.t. dalam surat al-Ḥajj ayat 65.[427]

أَلَمْ تَرَ أَنَّ ٱللَّهَ سَخَّرَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ وَٱلْفُلْكَ تَجْرِى فِى ٱلْبَحْرِ بِأَمْرِهِۦ وَيُمْسِكُ ٱلسَّمَآءَ أَن تَقَعَ عَلَى ٱلْأَرْضِ إِلَّا بِإِذْنِهِۦٓ ﴿٦٥﴾

al-Ḥajj (22): 65

Terjemahan: Apakah kamu tiada melihat bahwasanya Allah s.w.t. menundukkan bagimu apa yang ada di bumi dan bahtera yang berlayar di lautan dengan perintah-Nya.

2. Setelah Allah s.w.t. menciptakan seluruh makhluk-Nya termasuk jin dan manusia, maka tidaklah Ia membiarkan begitu sahaja melainkan Allah s.w.t. telah mencukupi seluruh keperluannya. Namun, makhluk-Nya mestilah

---

[426] Abī Qāsim Maḥmūd bin 'Amr al-Zamakhsharī, *al-Kashāf*, ed.ke-1, (Riyadh: Maktabah al-'Abaikān, 1998), 3: 212-213.

[427] Muḥammad al-Shaḥāt al-Jundiy, *Qawāid al-Tanmiyyah al-Iqtiṣādiyyah fī al-Qanūn al-Daulī wa al-Fiqh al-Islāmī,* (al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1985), 28.

University of Malaya

berusaha untuk memenuhi keperluan tersebut dengan cara memakmurkan bumi-Nya. Sesuai dengan firmanNya dalam surah al-Dzāriyāt ayat 56 – 58 dan surah Hūd ayat 6.[428]

وَمَا مِن دَآبَّةٍ فِي ٱلْأَرْضِ إِلَّا عَلَى ٱللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقَرَّهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا ۚ كُلٌّ فِي كِتَٰبٍ مُّبِينٍ ﴿٦﴾

Hūd (11): 6

Terjemahan: Dan tidak ada suatu binatang melata (seluruh makhluk Allah s.w.t.) pun di bumi melainkan Allah-lah yang memberi rezkinya.

3. Tiada perbezaan kemuliaan di sisi Allah s.w.t, selagi manusia itu menjadi khalifah Allah s.w.t. di muka bumi. Dengan adanya tanggung jawab itu, maka Allah s.w.t. telah memberikan kemudahan-kemudahan sama ada di daratan mahupun di lautan untuk anak cucu Nabi Ādam. Sepertimana firmanNya dalam surah al-Isrā' ayat 70.[429]

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِيٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِي ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

al-Isrā' (17): 70

Terjemahan: Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang telah Kami ciptakan.

Selain daripada itu seluruh ayat yang menjelaskan tentang الكسب *(al-Kasbu)*,السعى *(al-Sa'yu)*,الانفاق *(al-Infāq)* atau الضرب في الأرض *(al-Ḍarbu fī al-arḍi)*[430] menjadi asas dasar ideologi pembangunan ekonomi berteraskan Islam sesuai dengan pendapat Dr

---

[428] *Ibid*., 29

[429] Muḥammad al-Shaḥāt al-Jundiy, *Qawāid al-Tanmiyyah al-Iqtiṣādiyyah fī al-Qanūn al-Daulī wa al-Fiqh al-Islāmī,* 30

[430] Asmuni Mth,"Konsep Pembangunan Ekonomi Islam", *Jurnal Al-Mawarid*, Edisi X Tahun 2003, Universitas Islam Indonesia, Jogjakarta, 2003), 132.

University of Malaya

Munzir Qaḥaf dalam kitabnya *al-Nuṣūṣ al-Iqtiṣādiyyah* yang dapat difahami melalui firman-firman Allah s.w.t. berikut:[431]

1. Kemudahan yang Allah s.w.t. berikan kepada manusia untuk mencari rezeki.

هُوَ ٱلَّذِى جَعَلَ لَكُمُ ٱلْأَرْضَ ذَلُولًا فَٱمْشُوا۟ فِى مَنَاكِبِهَا وَكُلُوا۟ مِن رِّزْقِهِۦ ۖ وَإِلَيْهِ ٱلنُّشُورُ ﴿١٥﴾

al-Mulk (67):15

Terjemahan: Dialah yang menjadikan bumi itu mudah bagi kamu, maka berjalanlah di segala penjurunya dan makanlah sebahagian dari rezeki -Nya.

2. Kewajiban seoarang ayah untuk memberikan nafkah kepada keluarga.

وَعَلَى ٱلْمَوْلُودِ لَهُۥ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِٱلْمَعْرُوفِ ۚ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۚ ﴿٢٣٣﴾

al-Baqarah (2): 233

Terjemahan: Dan kewajiban ayah memberi makan dan pakaian kepada para ibu dengan cara ma'ruf. Seseorang tidak dibebani melainkan menurut kadar kesanggupannya.

3. Kewajiban untuk memberi nafkah kepada semua manusia sama ada kaya mahupun miskin.

لِيُنفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِۦ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُۥ فَلْيُنفِقْ مِمَّآ ءَاتَىٰهُ ٱللَّهُ ۚ ﴿٧﴾

al-Ṭalāq (65): 7

Terjemahan: Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezkinya hendaklah memberi nafkah (semampunya) dari harta yang diberikan Allah s.w.t. kepadanya.

4. Kewajiban mempersiapkan bekal sebelum berperang

وَأَعِدُّوا۟ لَهُم مَّا ٱسْتَطَعْتُم مِّن قُوَّةٍ وَمِن رِّبَاطِ ٱلْخَيْلِ تُرْهِبُونَ بِهِۦ عَدُوَّ ٱللَّهِ وَعَدُوَّكُمْ وَءَاخَرِينَ مِن دُونِهِمْ لَا تَعْلَمُونَهُمُ ٱللَّهُ يَعْلَمُهُمْ ۚ

Al-Anfāl (8): 60

Terjemahan: Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka kekuatan apa saja yang kamu sanggupi dan dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan

[431] Munzir Qaḥaf, *al-Nuṣūṣ al-Iqtiṣādiyyah min al-Qurān wa al-Sunnah,* (Jeddah: Jāmi'ah Mamlakah Abd al-'Azīz, 1995), 50.

University of Malaya

musuh Allah s.w.t. dan musuhmu dan orang orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah s.w.t. mengetahuinya.

3.5. Konsep Pembangunan Ekonomi Islam

Sebagaimana takrif pembangunan ekonomi dalam pandangan Islam yang membawa erti kepada pembangunan bersifat multi dimensi, merangkumi pelbagai aspek, iaitu bukan sahaja berkisar pada pembahasan tentang konsepsi perbendaan sahaja. Sekalipun Islam memandang berat perkara ekonomi, namun masalah ini hanya sebahagian daripada masalah pembangunan manusia yang lebih luas cakupannya. Dalam Islam konsep pembangunan ekonomi ia menyentuh semuan aspek tetapi sentiasa dalam rangka kerja pembangunan manusia keseluruhannya.[432] Satu proses berbilang dimensi yang membabitkan pembaikan kebajikan menerusi kemajuan, penyusunan semula dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial, dan menerusi peningkatan rohaniah sejajar dengan ajaran Islam.[433] Pembangunan yang seimbang antara kebendaan dan kerohanian, kualitatif dan kuantitatif, luaran mahupun dalaman.[434] Pembangunan yang mewujudkan ciri-ciri keislaman dalam diri individu, keluarga, sosial dan kehidupan umat Islam dan juga pengurusan sebuah negara.[435] Pembangunan yang menjadikan diri manusia sendirilah sebagai sumber segala aktiviti pembangunan termasuk aspek moral, perbendaan dan keagamaan, ekonomi dan sosial, jasmani dan rohani semuanya menjadi padu yang tidak boleh dipisahkan.[436] Berbeza halnya dengan pembangunan pada lazimnya yang bertembungan dengan tamadun Islam dengan pelbagai idea sekularnya seperti komunisme, sosialisme mahupun kapitalisme.

---

[432] A. Mukti Ali, "Beberapa catatan tentang agama, kebudayaan dan pembangunan," 17.

[433] Lihat, Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 2.

[434] Lihat, Surtahman Kastin Hasan, "Konsep Pembangunan Islam," 2.

[435] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, xxxvi.

[436] Lihat, Syed Uthman al-Habshi, " Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Beteraskan Islam di Malaysia" dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam* ed. Muhammad Syukri Salleh (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990), 120.

University of Malaya

Pertembungan idea-idea tentang konsep pembangunan antara prespektif Islam dan sekular itu dapat diperhatikan sebagai berikut. *Pertama*, Islam mewajibkan pembangunan berpandukan kepada agama khususnya prinsip yang terdapat dalam al-Quran mahupun sunah Nabi Muhammad s.a.w, manakala sekularisme menganggap agama sebagai penghalang kepada pembangunan dan agama hanyalah urusan pribadi semata-mata tiada sebarang kaitan dengan urusan negara mahupun masyarakat.[437] *Kedua*, dari aspek falsafah, pembangunan sekular lebih bersifat eksploitatif dan hanya menekankan kehidupan yang bersifat kebendaan dan hedonisme. Sehingga falsafah sekular lebih bersifat pluralistik dan indeterministik.[438] Berbeza dengan pandangan Islam pembangunan dimaknai suatu kewajiban kifayah dan seluruh aktiviti ekonomi bermakna ibadah yang ditujukan hanya untuk mengharapkan keredaan Allah s.w.t semata.[439] *Ketiga*, cakupan dalam pembangunan Islam juga lebih bersifat menyeluruh dan komprehensif. Bukan sahaja bertujuan untuk kemakmuran material akan tetapi aspek moral dan spiritual juga mendapat perhatian yang sama. Manakala dalam pembangunan sekular, moral dan spiritual hanya sebagai pelengkap dan hanya merupakan bahagian kehidupan peribadi manusia sahaja.[440] *Keempat*, pembangunan dalam Islam bersifat bersepadu yang sentiasa memiliki keterikatan antara aktiviti ekonomi dengan kepentingan sosial. Seperti zakat, infaq dan lain-lainya. Sehingga dalam pembangunan ekonomi Islam tidak terpisahkan daripada persoalan nilai baik dan

---

[437] Lihat, Ahmad Shukri Mohd. Naim et al. (eds), *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 133.

[438] Sifat pluralistik dalam ekonomi merupakan sebuah fahaman ekonomi yang diinspirasi oleh Francois Marie Arouet atau sering dipanggil Voltaire dengan pandangan filosofinya iaitu "Jika bersangkutan dengan wang, setiap orang termasuk ke dalam agama yang sama" sikap ini memiliki sebuah prinsip bahawa dengan modal yang minimum mesti mendapatkan hasil yang maksimum. F. Budi Hardiman, *Filsafat Modern dari Machiavelli sampai Nietzsche,* (Jakarta: Gramedia, 2007), 109. Manakala indeterministik bererti kepercayaan pada kebebasan kehendak. Sebuah aliran yang meyakini bahawa kehendak manusia itu bebas untuk berbuat apapun. Fahaman ini diusung oleh aliran neoklasik yang telah berkembang sejak abad ke-19. Lihat, George Soros, *Open society: Reforming Global Capitalism,* (New York: Public Affairs, 2007) 18.

[439] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 129

[440] *Ibid.,* 134.

University of Malaya

buruk menurut agama Islam. Berbeza halnya dengan sekular yang memisahkan antara agama dengan politik, ekonomi, dan kehidupan sosial masyarakat.[441]

Jelaslah bahawa konsep pembangunan Islam mestilah berpandukan kepada agama Islam yang memaknai seluruh aktivi pembangunan sebagai ibadah, matlamatnya mengapai keredaan Allah s.w.t, sifatnya komprehensif dan bersepadu antara aktiviti ekonomi mahupun sosial, rangka kerjanya mencakupi skala waktu yang panjang iaitu waktu kehidupan di dunia dan waktu kehidupan di akhirat.[442] Pembangunan yang terus dapat mempertahankan status manusia sebagai manusia, bukan merendahkan status kemanusiaannya kepada taraf hamba pembangunan.[443] Hal itu kerana kekuatan, kehebatan sesuatu tamadun bukanlah terletak kepada peralatan dan kemajuan yang berbentuk fizikal semata-mata, seperti kemajuan sains dan teknologi dan segala prasarana, peralatan dan pembinaan fizikal yang terhasil daripadanya, melainkan penyempurnaan hakikat manusia dan kemanusiaan.[444] Sehingga fokus pembangunan dalam Islam ialah pembangunan manusia itu sendiri.[445] Manusia inilah yang menjadikan segala ciri, sistem dan organisasi berfungsi atau berjalan sebagaimana yang dikehendaki.

Walau bagaimanapun dalam memaknai kalimat manusia telah terjadi perbezaan antara fahaman barat dengan fahaman Islam sendiri. Dalam fahaman barat telah terpecah menjadi tiga aliran. *Aliran pertama* berpendapat bahawa manusia terdiri

---

[441] *Ibid.,* 135-136.

[442] Muhammad Syukri Salleh, ”Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam” dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh, (Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990), 30.

[443] *Ibid.,* 30.

[444] Ratna Roshida Abd Razak,”Modal Insan: Aset Pembentukan Tamadun Bangsa” dalam *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perspektif Islam,* Mohd Roslan Mohd Nor et al (eds), (Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010), 19.

[445] Lihat, Joni Tamkin b Borhan, “Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam,” 95.

University of Malaya

daripada dua entiti iaitu jasad yang bersifat alam benda yang dapat diketahui umum dan minda bersifat idea seseorang, aliran ini diusung oleh Rene Descartes (1564-1642M).[446] *Aliran kedua* iaitu aliran monisme yang menganggap manusia hanya mempunyai satu entiti sahaja, sama ada minda atau jasad sahaja. Aliran ini dipopulerkan oleh George Berkeley (1685-1753M). Aliran ini hampir sama dengan Hinduisme yang menyatakan bahawa inti manusia itu hanya mindanya, manakala yang menyatakan manusia hanya jasadnya sahaja dikenal dengan aliran materialisme atau fizikalisme.[447] *Aliran ketiga* iaitu aliran *non-entiti*, aliran yang mendakwa bahawa manusia tidak boleh dibahagikan kepada satu entiti atau dua entiti. Kewujudan manusia atau hakikat diri manusia tidak mesti dilihat sebagai fizikal atau rohani (mental) melainkan sebagai neutral. Aliran ini digagas oleh seorang filasuf Britsh, Bertrand Rusell (1872-1970M) dan dipopulerkan oleh Gilbert Ryle (1900-1976M).[448] Oleh yang demikian dari ketiga-tiga perbezaan pandagan aliran Barat tersebut dalam memaknai diri manusia, maka pastilah akan melahirkan ontologi jiwa manusia yang berbeza-beza pula.

Manakala agama Islam dalam memberikan pandangan tentang diri manusia sangat berbeza dengan pandangan Barat. Al-Quran telah mengambarkan secara jelas bahawa manusia terdiri daripada komponen *rūḥ*, *qolb*, *nafs*, *'aql* dan *jasad*. *Rūḥ* atau roh adalah milik Allah s.w.t. yang tidak dapat difahami sifat fizikalnya. *Qolb* pula merupakan komponen yang membolehkan seseorang melakukan analisis, sintesis dan memberikan makna kepada apa yang dirasakannya. *Nafs* merupakan potensi yang membolehkan seseorang merasa suka, sedih, bahagia yang dianggap sebagai *passion* dan *emotion. 'Aql* adalah satu komponen untuk berfikir yang mengabungkan antara

---

[446] Lihat, Mostafa Kamal Mokhtar, "Pembangunan Generik: Permasalahan Ontologi-Epistimologi dan Metodologi", dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* Misran Rokimin et al (eds), (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 43.

[447] *Ibid.,* 44.

[448] *Ibid*., 45.

University of Malaya

perbuatan dan amalan. Manakala *Jasad* ialah komponen yang membentuk fizikal seseorang.[449] Konsep manusia dalam al-Quran dapat merujuk pada firman Allah s.w.t. sebagai berikut; di dalam surat al-Ḥijr ayat ke 29.

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٢٩﴾

Al-Ḥijr 15: 29

> Terjemahan: Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniup kan ke dalamnya roh ciptaan Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud

Di dalam surah Ṣād ayat ke 72.

فَإِذَا سَوَّيْتُهُۥ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِن رُّوحِى فَقَعُوا۟ لَهُۥ سَٰجِدِينَ ﴿٧٢﴾

Ṣād 38: 72

> Terjemahan: Maka apabila telah Ku sempurnakan kejadiannya dan Ku tiupkan kepadanya roh (ciptaan)Ku; maka hendaklah kamu tersungkur dengan bersujud kepadanya.

Serta di dalam surat al-Sajadah ayat ke-9.

ثُمَّ سَوَّىٰهُ وَنَفَخَ فِيهِ مِن رُّوحِهِۦ ۖ وَجَعَلَ لَكُمُ ٱلسَّمْعَ وَٱلْأَبْصَٰرَ وَٱلْأَفْـِٔدَةَ ۚ قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿٩﴾

al-Sajadah 32: 9

> Terjemahan: Kemudian dia (Allah s.w.t) menyempurnakan dan meniupkan ke dalamnya roh (ciptaan)-Nya dan Dia menjadikan bagi kamu pendengaran, penglihatan dan hati, tetapi kamu sedikit sekali bersyukur.

Dari penjelasan ayat-ayat tersebut konsep manusia menurut Islam ialah roh, yang bermaksud unsur diri dalaman manusia yang berbeza sama sekali daripada unsur jasad luaran manusia. Unsur dalaman ini pula tidak pernah dipisahkan hubungannya daripada tuhan sebagai pencipta manusia. Setelah terjadi pengabungan antara kedua unsur ini iaitu antara roh dan jasad, maka sempurnalah manusia yang digelari dengan istilah

[449]Lihat. Mohd Yusof Hj. Othman, "Sains, Teknologi dan pembangunan manusia," dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* ed. Misran Rokimin et al., (Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 78-82.

University of Malaya

nafs.[450] Sehingga menurut Imam al-Ghazali dengan nafs inilah manusia memiliki nilai subtansi tersendiri, mempunyai kemampuan daya ingat, daya fikir, daya simpan, daya mempertimbangkan, dapat mengetahui, bergerak dengan kemahuannya, dan penyempurna bagi bahagian-bahagian lainnya.[451] Melalui *nafs* inilah kemahuan manusia yang tidak terhad iaitu manifestasi dari nafsu jahat *amārah* atau *lawwāmah* atau *mulhamah* untuk dapat dikendalikan dan dibimbing dengan berpandukan ajaran Islam. sehingga nafsu tersebut menjadi nafsu yang baik iaitu *muṭmainnah* atau lebih baik lagi dapat mencapai nafsu *rāḍiyyah*, *marḍiyyah* bahkan *kāmilah*.[452]

Pengendalian kemahuan manusia yang bersifat tamak dengan harta kekayaan sangatlah mustahil dilakukan oleh falfasah sekular, hal itu kerana mereka tidak percaya akan wujudnya dimensi kerohanian. Manakala pembangunan manusia tanpa pembangunan rohani akan melahirkan manusia yang pincang dan tidak sempurna. Jelaslah perbezaan konsep tentang manusia antara pembangunan berasaskan Islam dan pembangunan sekular. Manusia dalam pembangunan Islam berfungsi sebagai hamba Allah s.w.t. dan khalifah-Nya yang berorientasikan *nilai* iaitu ajaran yang terkandung di dalam al-quran dan sunnah. Sementara dalam pandangan pembangunan sekular manusia berfungsi sebagai manusia ekonomi dan hamba pembangunan.[453]

Oleh kerana itu, pembangunan ekonomi berasaskan Islam sangatlah diperlukan untuk menyelesaikan gejolak moral, sosio-ekonomi yang tidak merata, termasuk usaha pembaikan standard hidup manusia dalam jangka panjang sama ada di dunia mahupun di akhirat. Sehingga menurut Syed Hussein al-Attas pembangunan ekonomi yang baik ialah yang memenuhi lima ciri asas iaitu; *pertama*, pembangunan yang memiliki sifat

---

[450] Lihat, Mohd Yusof Hj. Othman, "Sains, Teknologi dan pembangunan manusia," 46-47.

[451] Zakī al-Mubārak, *al-Akhlāq 'Inda al-Ghazālī* (Mesir: Kalimah al-'Arābiyyah, 2012), 145.

[452] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 13.

[453] Lihat, *Ibid*, 14.

University of Malaya

insaniah. *Kedua*, Pembangunan dilaksanakan oleh pemimpin yang adil. *Ketiga*, kesadaran tentang pembangunan wujud dikalangan masyarakat mahupun individu. *Keempat*, segala aktiviti pembangunan berasaskan ilmu. Dan *kelima*, setiap pembangunan memiliki unsur estetika iaitu menjaga kebersihan, penambahbaikan keindahan dan sebagainya.[454]

Untuk mewujudkan pembangunan yang bercirikan lima perkara tersebut, maka menurut Syukri Salleh perlu memperhatikan dan memiliki prinsip-prinsip asas yang merangkumi tujuh perkara. Prinsip-prinsip tersebut iaitu sebagai berikut:

1) Prinsip bahawa tasawur Islam sebagai acuan pembangunan

Tasawur Islam bermaksud gambaran bentuk Islam yang hakiki, yang menjelaskan secara keseluruhan prinsip-prinsip asas Islam secara lengkap. Tasawur atau *worldview* itu berasaskan kepada empat sumber asas hukum dalam Islam yakni al-Quran, hadith, ijma' dan qiyas ulamak. Dari keempat-empat sumber ini terdapat tiga ajaran pokok utama, iaitu Allah s.w.t. adalah pencipta sekalian alam dan isinya, manusia merupakan makhluk-Nya, dan seluruh sumber alam termasuk manusia wajib tunduk dan patuh kepada-Nya. Melalui tasawur inilah matlamat, skala waktu, perkaedahan dan peralatan pembangunan akan berjalan selari dengan ajaran Islam. Iaitu matlamatnya mencapai keredhaan Allah s.w.t., skala waktunya meliputi alam roh, alam dunia dan akhirat, perkaedahannya berdasarkan ibadah, dan peralatannya adalah sumber alam yang dicipta Allah s.w.t. untuk merealisasikan kekhalifahan manusia.[455]

---

[454] Syed Hussein al-Attas, "Pembangunan dan cita sempurna" dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* ed. Misran Rokimin et al., (Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002), 35.

[455] Lihat, Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 19-23.

University of Malaya

2) Prinsip bahawa manusia sebagai pelaku pembangunan

Pembangunan berteraskan Islam melihat manusia sebagai kesatuan yang utuh iaitu perpaduan antara jasad dan roh yang Allah s.w.t. bekalkan kepada setiap diri manusia iaitu *Rūḥu al-tamayyiz* atau disebut akal apabila berfikir, atau qalbu apabila berperasaan dan nafsu apabila berkehendak, serta Iman atau keyakinan yang bertapak di dalam hati yang telah mengakui bahawa Allah s.w.t adalah tuhan dan mereka adalah hamba sebelum roh ditiupkan.[456] Oleh sebab itu, manusia dituntut sebagai pelaku pembangunan yang mesti mempertahankan status mereka sebagai khalifah dengan menjaga hubungan baik sama ada menegak mahupun mendatar. Aktiviti pembangunan diajadikan bentuk pengabdian diri yang terangkum dalam ibadah. Sehingga setiap usaha-usaha pembangunan mestilah mencakupi lima syarat iaitu; *pertama*, niat mestilah kerana Allah s.w.t.. *Kedua*, isinya tidak bercanggah dengan syariat Islam. *Ketiga*, pelaksanaannya mesti selari dengan syariat. *Keempat*, natijahnya sesuai dengan kehendak Islam. *Kelima*, ibadah-ibadah asas seperti solat, puasa, zakat dan sebagainya tidak boleh diabaikan.[457]

3) Prinsip bahawa alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan

Skala waktu dalam pembangunan Islam memiliki skala yang luas dan panjang, bukan hanya sebatas di dunia sahaja. Melainkan skala itu mencakupi tiga alam iaitu alam roh merupakan alam perjanjian, alam dunia merupakan alam pembuktian dan alam akhirat merupakan alam pembalasan. Dalam alam roh akan melahirkan tiga implikasi pada kehidupan manusia di dunia iaitu; *pertama*,

---

[456] Lihat, *Ibid.,* 26-28.

[457] *Ibid.,,* 17.

University of Malaya

manusia dikurniakan status sebagai hamba Allah s.w.t.; *Kedua*, dengan karunia ini manusia diberikan garis panduan di kehidupan di dunia; *ketiga*, tiga alam tersebut memiliki kesinambungan yang tidak terpisah antara satu sama lain.[458] Ketika setiap pelaku ekonomi menyedari tentang tiga alam ini, maka pelaksanaan pembangunan akan dapat dilaksanakan selari dengan fitrah manusia itu sendiri iaitu akan menggunakan seluruh sumber-sumber yang dikaruniakan Allah s.w.t. secara optimum, bersikap adil sama ada dalam penggunaan mahupun pengagihan sumber-sumber tersebut serta akan sentiasa menjaga hubungan antara satu sama lain berdasarkan hak dan keadilan.[459]

4) Prinsip menjadikan ilmu *farḍu 'ain* sebagai rangkaan pembangunan

Ilmu *farḍu 'ain* yang terdiri daripada ilmu tauhid, feqah mahupun tasawwuf menjadi sebuah rangkaan asas kepada manusia dalam usaha melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah s.w.t. dengan sebaik-baiknya. Ilmu tauhid membimbing manusia agar matlamat pembangunan tidak dipesongkan dari aqidah dan meninggikan kalimat Allah s.w.t. Ilmu Feqah pula menyediakan kaedah-kaedah pengurusan dan segala aktiviti-aktiviti ekonomi agar selari dengan ajaran Islam yang bernilai ibadah. Manakala ilmu Tasawwuf mengajak manusia bersifat terpuji agar pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan dengan jujur, amanah dan berakhlak.[460] Sehingga ilmu *farḍu 'ain* mestilah menjadi rangkaan dasar pembangunan, hal itu kerana ia menyediakan asas yang kuat dengan tunjang tauhid, perkaedahan syariat dan pelaku pembangunan yang berakhlak. *Kedua*, dapat memenuhi tuntutan *farḍu kifāyah* seperti pembangunan, perundangan, politik, ekonomi, perubatan dan sebagainya. *Ketiga*, ilmu ini lahir dari sumber

---

[458] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 34.

[459] Lihat, Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," 95.

[460] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 42.

University of Malaya

yang mutlak dan benar yakni dari Allah s.w.t. dan hadith Nabi yang tiada sebarang kesalahan mahupun kekurangan.[461]

5) Prinsip bahawa ibadah sebagai perkaedahan pembangunan

Pada dasarnya ibadah dapat dibahagikan menjadi tiga jenis iaitu *pertama,* ibadah asas seperti solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya. *Kedua,* amalan-amalan utama iaitu amalan yang tidak wajib dilaksanakan akan tetapi syariat Islam sangatlah mengalakkannya seperti zikir, sedeqah, solat-solat tatawwu' yang bersifat sunat. *Ketiga,* ibadah umum atau ibadah yang sifatnya *farḍu kifāyah* seperti berkecimpung dalam bidang ekonomi, politik, perubatan, pembangunan dan sebagainya. Ibadah asas mahupun amalan utama akan membawa kepada pembangunan kerohanian seseorang, manakala ibadah umum akan membawa pembangunan fizikal atau materi. Bersumber dari inilah pembangunan ekonomi dibentuk suatu kaedah yang memadukan antara ibadah asas, amalan utama dan juga ibadah umum sebagai implikasi daripada pengabdian manusia kepada Allah s.w.t. Difahamkan bahawa sutu ibadah tidaklah akan diterima kecuali berpandukan aturan-aturan yang telah ditetapkan oleh sang pencipta, maka pembangunan ekonomi juga tidak akan bernilai ibadah atau tidak akan dapat berjaya melainkan mengikut tuntunan daripada al-Quran, hadith mahupun ijma' ulamak dan qiyas.[462]

6) Prinsip bahawa sumber alam sebagai peralatan pembangunan

Pandangan sekular meyakini bahawa sumber alam bersifat terhad manakala kemahuan manusia tidak terhad, berbeza halnya dengan konsep Islam yang melihat dari perspektif tauhid bahawa pada hakikatnya sumber alam tidaklah

---

[461] *Ibid.,* 45.

[462] Lihat, *Ibid.,* 47-52.

University of Malaya

terhad bahkan kemahuan manusialah yang dapat dihadkan. Islam melihat tentang sumber alam dengan empat pendekatan, *pertama* konsep reziki iaitu Allah s.w.t. telah menetapkan setiap makhluk-Nya dengan kadar reziki masing-masing. *Kedua*, konsep kaedah pengagihan semula sumber. Dalam pengagihannya lebih menggunakan konsep saksama iaitu berpandukan dengan nilai kualitatif bukan dikira dengan nilai kuantitatif sahaja. *Ketiga*, konsep barakah. Keberkatan di sini memberi maksud rezeki dalam jumlah berapa pun mendapatkan restu dari Allah s.w.t sama ada dari cara memperolehnya mahupun penggunaannya. *Keempat*, kaedah penggunaan sumber alam. Dalam kaedah penggunaan sumber ini, Islam mengawal nafsu setiap pengguna dari nafsu tamak, serakah iaitu nafsu *amārah* atau *lawwāmah* kepada nafsu *muṭmainnah*. Sehingga golongan yang telah mencapai nafsu *muṭmainnah* hanya akan menggunakan sumber alam untuk memenuhi keperluan *(ḍoruri)* atau untuk kemudahan hidup sahaja dan meninggalkan kemewahan mahupun berlebih-lebihan.[463]

7) Prinsip yang menjadikan *marḍotillah* sebagai matlamat pembangunan

Dalam tasawur Islam, matlamat pembangunan ialah keredhaan Allah s.w.t. Hal itu kerana *falāh* hanya dapat dicapai melalui tiga cara iaitu; *pertama*, ikhlas yang dapat diperhatikan dari kesungguhan dalam berkerja, tidak bangga dengan pujian, dan tidak ciut dengan cacian. *Kedua* menjaga syariat-Nya sama ada syariat tentang ibadah, muāmalah, munākaḥah atau jināyah. *Ketiga*, akhlak kepada sang pencipta mestilah mendapatkan tumpuan utama.[464] Jelaslah perbezaan antara konsep pembangunan ekonomi yang lazim dengan pembangunan ekonomi Islam. Perbezaan-perbezaan tersebut dapat diperhatikan pada jadual di bawah ini.

---

[463] Lihat, Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 63-77.

[464] Lihat. Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 82-84.

University of Malaya

Jadual 3.1. Perbezaan antara konsep pembangunan ekonomi Islam dengan Pembangunan Ekonomi Sekuler

Asas perbezaan	Pembangunan Ekonomi Islam	Pembangunan Ekonomi Sekuler
Prinsip dasar pembangunan	Berpandukan agama Islam dari al-Quran, Hadith s.a.w., serta pemikiran ualama' salaf sholeh mahupun kontemporer	Berpandukan tokoh ekonom sekuler yang menganggap Agama merupakan urusan peribadi
Falsafah pembangunan	Tauhid, rububiyyah,'adalah khilafah, tazkiyyah	Tidak ada
Ciri pembangunan	Suatu kewajiban kifayah yang bermakna ibadah sebagai bentuk pengabdian dan kesyukuran (khalifah Allah s.w.t.)	Bersifat eksploitatif dan hanya menekankan kehidupan dunia
Matlamat Pembangunan	Mardhatillah dan *falāh fī Dārain*	Kesejahteraan dunia sahaja
Aspek pembangunan	Multidimension mencakup material, moral dan spiritual	Moral dan spiritual hanya pelengkap.
Konsep manusia	Pembangunan untuk manusia	Manusia sebagai hamba pembangunan
Pandangan tentang sumber alam	Sumber alam tidak terhad, akan tetapi kemahuan manusia yang dapat dihadkan	Sumber alam bersifat terhad
Fokus pembangunan	Persepaduan antara aktiviti ekonomi dengan sosial yang membangunankan manusia, fizikal dan sosial budaya sekeliling	Memisahkan antara agama dengan kehidupan sosial yang membangunkan secara fizikal sahaja.
Natijah pembangunan	Perubahan secara kuantitatif dan kualitatif	Perubahan secara kuantitatif sahaja
Standard keberhasilan	Kejayaan pembangunan hanya dapat diketahui ketika pelakunya Allah s.w.t. masukkan ke dalam surga.	Kejayaan pembangunan hanya dilihat secara fizikal di dunia
Jangka pembangunan	Di dunia dan akhirat	Di dunia sahaja

Sumber: Diubahsuai dari tajuk di atas tentang konsep pembangunan ekonomi Islam

3.6. Asas Falsafah Pendekatan dalam Pembangunan Ekonomi Islam

Sebagaimana dijelaskan sebelumnya tentang prinsip dasar dalam pembangunan ekonomi yang berteraskan Islam, bahawa sumber alam yang Allah s.w.t. ciptakan

University of Malaya

merupakan modal dan perantara untuk memakmurkan bumi Allah s.w.t. sebagai bentuk kesyukuran dan manifestasi tanggung jawab serta pengabdian seorang hamba yang Allah s.w.t. ciptakan dengan sebaik-baik ciptaan tanpa sedikitpun cacat mahupun kekurangan.[465]

Sehingga tidaklah hairan apabila Allah s.w.t. telah menciptakan seluruh apa yang ada di atas permukaan bumi ini semata-mata hanya diperuntukkan untuk memenuhi keperluan anak cucu nabi Adam a.s., kerana Allah s.w.t. Maha Tahu dan menganggap manusialah yang layak untuk memakmurkan dan menguruskannya.[466] Sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 29.

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ﴿٢٩﴾

al-Baqarah (2):29

Terjemahan: Dia-lah Allah s.w.t., yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu.

Oleh yang demikian Allah s.w.t. memberikan syariat atau undang-undang Islam yang ditujukan agar dapat memandu manusia untuk mencapai nilai kehidupan yang terbaik di dunia dan di akhirat. Syariat Islam telah memastikan adanya kesesuaian di dalam kehidupan manusia, maka apabila peraturan Islam dilaksanakan berdasarkan panduan objektif-objektif syariah yang khusus ataupun umum nescaya kestabilan dan keadilan sosioekonomi akan tercapai. Al-Imām al-Shāṭibī telah mengklasifikasikan objektif-objektif syariah *(Maqāsid al-sharīah)* kepada tiga kategori iaitu:

Pertama, Keperluan asas (*Ḍarūriyyat)* keperluan yang mesti dipenuhi agar maslahah tentang duniawi mahupun ukhrawi dapat dijalankan dengan baik, keperluan

---

[465] Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Badāi' al-Tafsīr*, ed.ke-1 (Al-Qāhirah: Dār al-Jauzī, 2006), 3:335.

[466] Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abd al-Raḥman Bin Muḥammad ibnu Idrīs al-Rāzī Ibnu Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm* (Riyaḍ: Maktabah Nizār Musṭafā al-Bāz, 1997), 1:75.

University of Malaya

asas ini merangkumi lima keperluan (*al-Ḍarūriyyātu al-Khamsu)* yakni pemeliharaan terhadap keselamatan agama *(al-Dīnu)*, jiwa *(al-Nafsu)*, akal *(al-'Aqlu)*, keturanan *(al-Naslu)*dan harta benda *(al-Mālu)*.[467] Kelima hal ini mesti dipenuhi agar menjadikan hidup manusia bernilai tinggi sehingga kebahagiaan hidup dapat sempurna.[468] Wujudnya syariah ibadah seperti solat, zakat, jihad dan lainnya ditujukan untuk menjaga agama. Manakala adat atau tabiat seperti makan, minum, tempat tinggal, larangan meminum khamr dan wujudnya hukum qishos diharapkan dapat menjaga jiwa mahupun akal manusia. Begitu juga peraturan tentang muamalah seperti jual beli dan larangan zina mahupun mencuri diharapkan dapat memelihara keturunan dan harta benda.[469]

Kedua, Keselesaan (*Ḥājiyyat)* pelengkap kepada lima keperluan asas, apabila mengabaikannya akan membawa kesukaran dan kesusahan individu mahupun masyarakat tetapi tidak sampai pada tahap kerosakan.[470] Sehingga apabila perkara-perkara ini terpenuhi dapat menambahkan keselesaan hidup serta mengurangkan kesukaran seseorang. Contohnya penggunaan dan keseronokan menggunakan barangan yang manusia boleh hidup tanpa barang tersebut.[471] Seperti motosikal masih dapat untuk menempuh perjalanan, tetapi tidak selesa apabila mengunakan kereta yang tidak terasa panas mahupun sejuk apabila musim hujan. Lantai tanah masih boleh dipakai, tetapi tidaklah selesa seperti lantai keramik atau semen.

---

[467] Abu Isḥāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, (Bīrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2004), 221.

[468] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*, 6.

[469] Lihat, Abu Isḥāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, 221.

[470] Ibid.,

[471] Syed Othman al-Habshi, "Mengurus Pembangunan Dari Persepektif Islam" dalam *Pembangunan Dari Persepektif Islam,* ed. Muhammad Hisyam Mohamad (Selangor: MPH Group Publishing, 2007), 141.

University of Malaya

Ketiga, kemewahan (*Taḥsiniyyat)* mencakupi segala kepentingan yang sekiranya dipenuhi membawa kepada pelbagai kesenangan dan penambahbaikan kepada setiap aspek kehidupan manusia.[472] Kategori ini termasuklah kegiatan dan barangan yang melebihi dari apa yang cukup untuk keselesaan. Seperti menggunakan benda-benda yang cantik dan wangi seperti intan berlian, permata dan lain-lain. Sehingga menurut Imam al-Ghazali dan al-Shātibi dalam penggunaan barangan tersebut mengutamakan kepada peringkat keperluan, keselesaan kemudian kemewahan dengan syarat tidak melampau sehingga mendatangkan kesusahan yang akan merosakkan individu mahupun masyarakat. Barangan yang tergolong dalam ketegori rendah (kemewahan) diketepikan jika bertelagah dengan kategori yang lebih tinggi (keperluan mahupun keselesaan).[473]

Selain daripada objektif-objektif tersebut juga perlu kiranya memperhatikan konsep *Maṣlaḥah* (kemaslahatan awam) dan *Ḍarorah* (kemudaratan), hal itu kerana merupakan fitrah tabiat semula jadi manusia yang menginginkan kemaslahatan dan membenci kemudaratan. Islam adalah agama fitrah yang memperhatikan kemaslahatan dan menjaga kemudaratan.[474] Dalam pelaksanaan kedua konsep ini mestilah tidak bercangah dengan syariah yang telah ditetapkan oleh Islam serta berpandukan pada kaedah fiqhiyyah dan tidak boleh berasaskan pada akal pikiran manusia sahaja. Keduanya mestilah tidak bertentangan dengan al-Quran, sunah, ijma' ulama', qiyas, serta memprioritaskan sesuatu yang lebih penting berbanding dengan yang lainnya.[475] Melalui pendekatan *al-Ḍarūriyyātu al-khamsu* inilah pembangunan ekonomi Islam dibangun dan dilaksanakan. Oleh yang demikian pembangunan merupakan bentuk

---

[472] Lihat, Abu Isḥāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*, 221-222.

[473] Lihat, Syed Othman al-Habshi, " Mengurus Pembangunan Dari Persepektif Islam," 143.

[474] Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Ḍawābiṭu al-Maṣlaḥah Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah,* (Damasqus: Muassah al-Risalah, 1973), 23.

[475] *Ibid,* h. 115, Seperti *(Daf'u al-Mafāsid muqaddam 'alā jalb al-manāfi'*) "menghalang kejahatan atau kemudaratan adalah lebih utama daripada mendapatkan manfaat." *(al-Ḍararu yuzālu)* "kemudaratan perlu dibasmi." *(al-Ḍararu yudfa'u bi qadr al-imkāni)* "Kemudaratan perlu dibasmi sedaya upaya."

University of Malaya

usaha untuk mencipta kebaikan *(maṣlaḥah)* sehingga dapat mendatangkan faedah *(al-Manfa'ah)*, kerana tanpa pembangunan kepentingan hidup akan tergugat. Sebaliknya apabila pembangunan ekonomi tidaklah berasaskan Islam boleh jadi akan melahirkan keburukan *(al-Mafsadah)* yang dapat menyebabkan kemudaratan atau meluputkan faedah.[476]

Menurut Akram Laldin pendekatan-pendekatan objektif syariah *(Maqāsid al-sharīah)* yang berhubungan dengan pembangunan ekonomi dapat diperhatikan seperti berikut:

1) **Pusingan harta yang berterusan.** Harta mesti berpusing sehingga dapat mencapai pada tahap keadilan dan memberikan manfaat kepada masyarakat luas. Sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Ali 'Imrān ayat 180.

وَلَا يَحْسَبَنَّ ٱلَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَآ ءَاتَىٰهُمُ ٱللَّهُ مِن فَضْلِهِۦ هُوَ خَيْرًا لَّهُم ۖ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَّهُمْ ۖ ﴿١٨٠﴾

Ali 'Imrān (3):180

Terjemahan: Dan jangan sekali-kali orang-orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah s.w.t. kepada mereka dari kemurahanNya, menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan dia adalah buruk bagi mereka.

Melalui obejektif ini segala pelaksanaan pembangunan ekonomi mestilah berpandukan syariat Islam termasuk adanya perintah zakat, infaq mahupun sedeqah serta larangan terhadap monopoli dan menimbun harta yang hanya dinikmati segelintir manusia sahaja.[477]

---

[476] Lihat, Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Keperluan Pembangunan Dalam Islam" dalam *Pembangunan Dari perspektif Islam,* ed. Muhammad Hisyam Mohamad (Selangor: MPH Group Publishing, 2007), 5.

[477] Lihat, Muhammad Akram Laldin," Maqasid syariah sebagai Dasar Sistem Ekonomi Islam" (kertas kerja seminar Maqasid Syariah: Mengagas Model Ekonomi Berkeadilan, Ijmak Harakiy Pertama WARDAH-ABIM-PKPIM di German-Malaysian Institute, Kajang, 7 Ogos 2010), 4.

University of Malaya

2) **Pelaburan kekayaan secara berterusan.** Pelaburan harta kekayaan merupakan usaha untuk meningkatkan taraf hidup manusia, bukan hanya pada tahap pemenuhan keperluan asas sahaja melainkan adanya usaha untuk lebih baik sehingga dapat memberikan manfaat bagi orang yang memerlukan. Keadaan seperti ini telah menjadi fitrah semula jadi manusia sebagaimana yang Allah s.w.t. gambarkan dalam firmanNya surah Ali ‘Imrān ayat 14.

زُيِّنَ لِلنَّاسِ حُبُّ ٱلشَّهَوَٰتِ مِنَ ٱلنِّسَآءِ وَٱلْبَنِينَ وَٱلْقَنَٰطِيرِ ٱلْمُقَنطَرَةِ مِنَ ٱلذَّهَبِ وَٱلْفِضَّةِ وَٱلْخَيْلِ ٱلْمُسَوَّمَةِ وَٱلْأَنْعَٰمِ وَٱلْحَرْثِ ۗ ذَٰلِكَ مَتَٰعُ ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ ﴿١٤﴾

Ali ‘Imrān (3): 14

Terjemahan: Dijadikan indah pada pandangan manusia kecintaan kepada apa-apa yang diingini, iaitu: wanita-wanita, anak-anak, harta yang banyak dari jenis emas, perak, kuda pilihan, binatang-binatang ternak dan sawah ladang. Itulah kesenangan hidup di dunia, dan di sisi Allah-lah tempat kembali yang baik iaitu surga.

Dalam objektif ini Islam melarang aktiviti meminta-minta tanpa didahului oleh sebarang usaha untuk memakmurkan, meneroka sumber alam yang sedia ada. Oleh yang demikian, pelaburan harta kepada usaha-usaha untuk memperkasakan ekonomi ummat sangatlah digalakkan, kerana perkara ini menjadi suatu medium untuk mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.[478]

3) **Pencapaian kemakmuran masyarakat yang menyeluruh.** Salah satu matlamat asas syariah Islam dalam ekonomi ialah dapat memenuhi keperluan asas setiap ahli masyarakat. Oleh yang demikian kemakmuran mesti diagihkan dengan cara adil. Aktiviti ekonomi tidak dibenarkan hanya menumpukan pada keuntungan sahaja *(profit oriented),* melainkan keadilan sosial dan kebajikan masyarakat iaitu dengan cara membasmi amalan kasta dan mengurangkan jurang perbezaan. Oleh itu perkhidmatan mikro oleh institusi kewangan perlu digalakkan selain menjadi

[478] Lihat, Muhammad Akram Laldin,” Maqasid syariah sebagai Dasar Sistem Ekonomi Islam,” 5.

University of Malaya

teman masyarakat untuk menyelesaikan masalah kewangan mereka.[479] Keseimbangan dan kemakmuran yang mesti diagihkan secara merata dan adil telah terangkum dalam firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ḥashr ayat 7.

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنْ أَهْلِ ٱلْقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَٱلْيَتَٰمَىٰ وَٱلْمَسَٰكِينِ وَٱبْنِ ٱلسَّبِيلِ كَىْ لَا يَكُونَ دُولَةًۢ بَيْنَ ٱلْأَغْنِيَآءِ مِنكُمْ ۚ ﴿٧﴾

al-Ḥashr (59): 7

Terjemahan: Apa saja harta rampasan (fai'i) yang diberikan Allah s.w.t. kepada RasulNya (dari harta benda) yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah s.w.t, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan beredar di antara orang-orang kaya saja di antara kamu.

4) **Ketulusan aktiviti ekonomi dan kewangan.** Syariah Islam menyokong amalan merekod dan penyaksian dalam sebarang transaksi serta penetapan syarat-syarat tertentu yang tidak membebankan kedua belah pihak dengan perincian tertentu seperti dalam kontrak *murābaḥah*, *muḍārabah* mahupun *mushārakah*.[480] Sebagaimana firman Allah s.w.t dalam surat al-Baqarah (2) ayat 282.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓا۟ إِذَا تَدَايَنتُم بِدَيْنٍ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَٱكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَّيْنَكُمْ كَاتِبٌۢ بِٱلْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْبَ كَاتِبٌ أَن يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ ٱللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ ٱلَّذِى عَلَيْهِ ٱلْحَقُّ وَلْيَتَّقِ ٱللَّهَ رَبَّهُۥ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْـًٔا ۚ فَإِن كَانَ ٱلَّذِى عَلَيْهِ ٱلْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَن يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُۥ بِٱلْعَدْلِ ۚ ﴿٢٨٢﴾

al-Baqarah (2): 282

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman, apabila kamu bermuamalah tidak secara tunai untuk waktu yang ditentukan, hendaklah kamu menuliskannya. Dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menuliskannya dengan benar. Dan janganlah

[479] Lihat, *Ibid.*, 5.

[480] *Murābaḥah* iaitu jual beli barangan dengan harga asal atau harga yang telah ditetapkan di pasar dengan adanya tambahan keuntungan yang diketahui. Lihat, Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillahutu,* ed.ke-2 (Damasqus: Dār al-Fikr, 1985), 4:702. *Muḍārabah* iaitu pemilik harta menyerahkan harta kepada pihak lain untuk diniagakan, keuntungan dibagi dua sesuai dengan kesepakatan; dan kerugian hanya dibebankan kepada pemilik benda pihak kedua tidak dibebani kerugian. Lihat, ibid, h. 836. *Mushārakah* suatu kontrak antara dua pihak yang berkonsi dalam modal dan untung. Lihat, *ibid,* h. 794.

University of Malaya

> penulis tidak mahu menuliskannya sebagaimana Allah s.w.t. mengajarkannya, maka hendaklah ia menulis, dan hendaklah orang yang berhutang itu mengimlakkan (apa yang akan ditulis itu), dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah s.w.t.Tuhannya, dan janganlah ia mengurangi sedikitpun daripada hutangnya.

Syarat-syarat sedemikian adalah amat penting, kerana sebarang kemungkiran boleh terjadi. Obejektif ini diharapkan dapat mengelak berlaku sebarang konflik, penyalahgunaan dan pembaziran sumber, pertikaian dan pertelingkahan atau dendam antara pihak-pihak urusniaga dalam urusan ekonomi dan kewangan.[481]

5) **Pemilikan sah.** Objektif ini adalah berdasarkan kepada penekanan Syariah terhadap pemilikan serta perbelanjaan sesuatu harta secara halal dan sah. Islam melarang umat Islam menjual sesuatu barang yang belum dimilikinya. Apabila diperhatikan pada aspek transaksi, maka syariah Islam amat mementingkan aspek pegangan (*Qabḍ)* dan penyerahan *(Taslīm)* barangan dalam setiap urusniaga. Manakala dalam akad transaksi menurut madzhab Imām al-Shāfi'ī mestilah ada tiga rukun yang harus dipenuhi iaitu *pertama* dua orang yang berakad *(al-'Āqidāni)* seperti berakal, tidak ada paksaan, dan lainnya. *Kedua* adanya lafaz *(al-Ṣīghoh)* atau sesuatu yang memberikan isyarat terhadap persetujuan kedua belah pihak. Ketiga, adanya sesuatu yang diakadkan *(al-Ma'qūd 'alayhi)*.[482] Perintah ini sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam surat al-Nisa' ayat 29.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ لَا تَأۡكُلُوٓاْ أَمۡوَٰلَكُم بَيۡنَكُم بِٱلۡبَٰطِلِ إِلَّآ أَن تَكُونَ تِجَٰرَةً عَن
تَرَاضٖ مِّنكُمۡۚ ٢٩

Al-Nisa'(4): 29

> Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan

[481] Lihat, Muhammad Akram Laldin," Maqasid syariah sebagai Dasar Sistem Ekonomi Islam," 5.

[482] Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā, *al-Fiqh al-Manhajī 'Alā Madzhab al-Imām al-Shāfi'ī,* ed.ke-9 (Damasqus: Dār al-Qalam, 2008), 3:7.

University of Malaya

perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu.

Umer Chapra menganggap pendekatan-pendekatan objektif syariah di atas tidak akan dapat terpenuhi dengan sempurna, apabila tidak melihat kepada pandangan dunia Islam serta tidak memperhatikan matlamat yang sejajar dengan pandangan alam.[483] Dalam pandangan alam Islam ada beberapa konsep asas yang mesti diperhatikan. Asas-asas falsafah kepada pendekatan alam Islam terhadap pembangunan tersebut adalah seperti berikut:

1) **Tauhid** (keesaan tuhan).

   Tauhid memiliki makna pengesaan Tuhan sebagai pencipta alam semesta serta segala isinya. Manakala cara pengesahannya dengan melaksanakan ibadah yang hanya diperuntukkan kepada Allah s.w.t. semata.[484] Tauhid ini menetapkan hukum mengenai perhubungan antara tuhan dengan manusia dan juga antara manusia dengan sesama manusia.[485] Hubungan antara manusia dengan tuhan mahupun sebaliknya, memberi makna bahawa alam semesta ini tidaklah wujud dengan kebetulan atau tanpa direncanakan. Melainkan Allah s.w.t. tuhan yang satulah yang menciptakannya dengan pelbagai hikmat yang tersirat disebaliknya. Sehinga hikmat inilah yang menjadikan manusia bernilai dan berarti di alam dunia. Oleh kerana itu, manusia dituntut untuk beribadat mentaati tuhan yang satu dengan dikaruniai kuasa ikhtiar, berfikir dan lainya. Tauhid bukan hanya

[483] M. Umer Chapra, *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* terj. Adi Setia B Mohd Dom (Petaling Jaya: The international Institute Of Islamic Thought, 1997), 6.

[484] Said Aqiel Siradj, "Tauhid dalam perspektif tasawuf", *Jurnal Islamica* 5, no. 1 (September 2010), 153.

[485] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 270.

University of Malaya

mengiktiraf kebenaran tetapi termasuk juga sambutan aktif kepadanya.[486] Sebagaimana firmanNya dalam surah Ali ‘Imrān ayat 191.

ٱلَّذِينَ يَذۡكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَٰمٗا وَقُعُودٗا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمۡ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلۡقِ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ رَبَّنَا مَا خَلَقۡتَ
هَٰذَا بَٰطِلٗا سُبۡحَٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ١٩١

Ali ‘Imrān (3): 191

Terjemahan“orang-orang yang mengingat Allah s.w.t. sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata): "Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa neraka.”

2) Rububiyyah (keesaan dalam pentadbiran alam)

Mengesakan Allah s.w.t. dalam penciptaan, pemberian rezeki, pemeliharaan alam semesta, penghancurannya, pencabutan nyawa dan pembangkitan manusia semula merupakan aplikasi dari keyakinan rububiyyah. Rububiyyah juga termasuk dalam pengaturan Ilahi untuk penyuburan, kesinambungan kehidupan dan mengarah segala makhluk menuju kepada kesempurnaannya.[487] Sifat rububiyyah juga mengandungi maksud kepada bimbingan seluruh apa yang Allah s.w.t. ciptakan untuk menuju kebahagian *(Sa’ādah)* di dunia dan di akhirat. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-’An’am ayat 164 iaitu;

قُلۡ أَغَيۡرَ ٱللَّهِ أَبۡغِي رَبّٗا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيۡءٖۚ ١٦٤

Al-’An’am (6): 164

Terjemahan: Katakanlah: "Apakah aku akan mencari Tuhan selain Allah s.w.t., padahal Dia adalah Tuhan bagi segala sesuatu.

[486] M. Umer Chapra, *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* 7.

[487] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, 150.

University of Malaya

Makna kalimat tuhan *(Rab)* dalam ayat ini memberikan erti bahawa Allah s.w.t. satu-satunya tuhan yang mendidik, menjaga, mengatur, mentadbir, menguruskan sekalian alam semesta ini yang termasuk di dalamnya menguasai dan memiliki atas segala sesuatu. Sehingga ayat ini mewajibkan setiap muslim untuk bertawakal dan mengikhlaskan dalam segala aktiviti dalam kehidupan di dunia hanya untuk Allah s.w.t. semata.[488] Inilah hukum asas alam yang menekankan kepada model pembangunan sumber yang berguna disamping menyokong dan berkongsi sumber alam tersebut.[489] Suatu tata cara yang telah Allah s.w.t. tetapkan bagi menjamin pembangunan sumber-sumber alam agar sentiasa seimbang dan berterusan.[490] Dalam konteks susunan yang suci inilah usaha manusia dalam hal pembangunan ekonomi dijalankan.[491]

3) 'Adalah (kesamaan hak dan keharmonian)

Al-'Adlu atau asal kata dasarnya dari kalimat *'adila ya'dilu* iaitu kata pinjaman daripadanya ialah *'adalah* bermaksud pertengahan *(al-Tawāsuṭ)* atau tidak melampau (*Ifrāṭ*) dan juga tidak cuai *(Tafrīṭ)*, atau lebih tepatnya bermaksud memberikan sesuai dengan haknya.[492] Menurut Muhammad Fuad Abdu al-Baqiy kalimat adil dalam al-Quran disebutkan sebanyak 28 kali yang termaktub di dalam 28 ayat pada 11 surah.[493] Kalimat Adil termaktub dalam pelbagai bentuk seperti *'adl, qisṭ, mīzan, qaṣd* yang lawan kata dari kalimat tersebut iaitu *ẓulm*

---

[488]Al-Imām al-Ḥāfiḍ 'Imādu al-Dīn Abī al-Fidā' Isma'īl bin 'Umar Ibnu Kathīr al-Damashqī ,*Tafsīr al-Qurān al-'Aḍīm* (Bierut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1998), 3:245.

[489] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, 150.

[490] Muhammad Shukri Salleh, *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* 5.

[491] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 271.

[492]Aḥmad al-Sharbaṣī, *al-Mu'jam al-Iqtiṣādī al-Islāmī* (Kaherah: Dār al-Jail, 1981), 289.

[493] Lihat, Muhammad Fuad Abdu al-Baqiy, *Mu'jam al-Mufahras li al-Fādz al-Qurān* (Indonesia: Maktabah Dakhlan, 1939), 569-570.

University of Malaya

(kezaliman), *ithmu* (dosa) dan *ḍalal* (kesesatan).[494] Quraih Shihab mengatakan majoriti kalimat adil dinisbahkan kepada manusia, sehingga menurut beliau lafaz adil dalam al-quran membawa erti kepada empat makna iaitu adil bererti sama rata. *Pertama*, adil bermaksud seimbang iaitu lawan kata daripada dzulm (kezaliman) sesuai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Nisā' ayat 58. *Kedua*, adil yang bererti memperhatikan kepada hak-hak individu sepertimana yang termaktub dalam surah al-Infiṭār ayat 6-7. *Ketiga*, Adil memberikan hak-hak itu kepada setiap pemiliknya bertepatan dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Najmu ayat 38-40. *Keempat* adil yang dinisbatkan kepada Ilahi .[495]

Dengan pelbagai makna tersebut, maka secara garis besar *'adalah* merupakan suatu keadan di mana setiap manusia mendapatkan kesamaan perlakuan dihadapan hukum, kesamaan hak pampasan, hak hidup layak, hak menikmati pembangunan dan tidak adanya pihak yang kurang bernasib baik bahkan keseimbangan dalam setiap aspek kehidupan.[496] Sehingga adil merupakan nilai paling asas dalam jaran Islam, oleh kerana menegakkan keadilan dan memberantas kezaliman merupakan tujuan utama dari risalah para rasul Allah s.w.t. Tidak hairan apabila kalimat adil sentiasa bersandingan bahkan sederajat dengan kalimat kebajikan dan ketaqwaan. sebagimana firmanNya dalam surat al-Māidah ayat 8.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ كُونُواْ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلۡقِسۡطِۖ وَلَا يَجۡرِمَنَّكُمۡ شَنَـَٔانُ قَوۡمٍ عَلَىٰٓ
أَلَّا تَعۡدِلُواْۚ ٱعۡدِلُواْ هُوَ أَقۡرَبُ لِلتَّقۡوَىٰۖ ٨

al-Māidah (5): 8

[494] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*, 59.

[495] Ambo Asse, "Konsep Adil Dalam Al-Quran"," *Jurnal Al-Risalah* 10, no. 2 (2010), 277.

[496] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al. (eds), *Ekonomi Islam*, 59.

University of Malaya

Terjemahan: Hai orang-orang yang beriman hendaklah kamu jadi orang-orang yang selalu menegakkan (kebenaran) kerana Allah s.w.t., menjadi saksi dengan adil. Dan janganlah sekali-kali kebencianmu terhadap sesuatu kaum, mendorong kamu untuk berlaku tidak adil. Berlaku adillah, kerana adil itu lebih dekat kepada takwa.

4) Khilafah (peranan manusia)**.**

Khilafah merupakan kesadaran seseorang terhadap amanah dan tangungjawab yang Allah s.w.t. bebankan sebagai penganti utusan-Nya di muka bumi. Tanggungjawab sebagai insan kamil dalam bentuk perilaku antara manusia dengan rabnya, manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitarnya. Nilai khilafah mewujudkan mashlahah yang maksimum dan mencegah kerosakan di muka bumi termasuk usaha-usaha dalam memakmurkan bumi Allah s.w.t. dengan konsep islam. Sehingga segala perlakuan manusia dalam rangka memakmurkan bumi mestilah tertakluk sepenuhnya kepada kehendak Allah s.w.t.[497] Kepemilikan, pemanfaatan sumber alam mesti dalam batas sewajarnya tidak membuat kerosakan dan melampaui batas.[498] Sebagaimana firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Baqarah ayat ke-30.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ ﴿٣٠﴾

Al-Baqarah (2): 30

Terjemahan: Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.

Menurut Imam Ibnu Kathīr al-Damashqī ayat di atas membawa maksud kepada tangungjawab dan amanah yang Allah s.w.t. berikan kepada seluruh manusia, bukan hanya kepada nabi Adam a.s. sepertimana pendapat para mufasir

---

[497] Mohd. Radzi Othman et al., *Ekonomi Dalam Perspektif Al-Quran dan al*-Sunnah (Pulau Pinang: Universitas Sains Malaysia, 2005),110.

[498] Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*, 62.

University of Malaya

umumnya.[499]Amanah tersebut iaitu kewajiban memelihara, memakmurkan, mahupun mengelola sumber alam untuk kemaslahatan ummah dari generasi ke generasi selanjutnya.[500] Bahkan amanah paling besar yang dibebankan kepada setiap individu iaitu dirinya sendiri yang meliputi anggota badan, masa dan tenaga.[501] Tugas mencegah pencemaran alam sekitar dan pemanfaatan sumber alam yang berlebihan *(al-Taṭarruf)* sehingga memudaratkan generasi sekarang mahupun akan datang juga menjadi tangung jawab setiap individu. Perkara ini bertepatan dengan objektif syariah *(Maqāsid al-sharīah)* iaitu mencegah kemudaratan lebih baik berbanding mengambil manfaat. Dengan demikian pembangunan beserta keadilan boleh dianggap berhasil apabila tuntutan khilafah dan *'adalah* dipenuhi melalui pemenuhan keperluan setiap insan, pengagihan pendapatan dan kekayaan secara saksama, penggunaan tenaga penuh dan perlindungan alam sekitar.[502] Hal itu kerana tumpuan pembangunan di dalam masyarakat Islam ialah menyediakan keperluan asas bagi seluruh masyarakat, sentiasa mengharapkan kebaikan bagi saudara Islamnya seperti kebaikan yang diharapkan untuk dirinya sendiri.[503]

5) **Tazkiyyah** (penyucian serta pertumbuhan)[504]

Tazkiyyah atau *taṭhīr* bermaksud mensucikan atau bermakna pertumbuhan dan kebaikan (*al-Iṣlāḥ*). Secara epistimologi *tazkiyyah* berarti kebersihan dan

---

[499] Al-Imām al-Ḥāfiḍ 'Imādu al-Dīn Abī al-Fidā' Isma'īl bin 'Umar Ibnu Kathīr al-Damashqī , *Tafsīr al-Qurān al-'Aḍīm,* 1: 124.

[500] *Ibid.,* 3: 246.

[501] Mohd. Radzi Othman et al., *Ekonomi Dalam Perspektif Al-Quran dan al*-Sunnah, 133.

[502] Umer Chapra, *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* 6.

[503] Mohamed Ariff, "Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Islam," dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990), 22.

[504] Muhammad Kamal Hassan, "Pembangunan yang Berteraskan Islam," dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh (Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990), 22.4.

University of Malaya

perlakuan yang memiliki metod dan teknik, sifatnya dari syariat, dan kesannya terhadap tingkah laku serta usaha untuk mencari keredhaan Allah s.w.t. [505] Tugas semua nabi yang diutuskan Allah s.w.t. tidak lain untuk menyempurnakan tazkiyyah manusia dalam semua hubungannya. Contohnya dengan Allah s.w.t, dengan manusia, dengan alam sekitar dan dengan masyarakat mahupun negara.[506] Sebagaimana Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan di muka bumi ini tidaklah lain untuk menyucikan ummatnya. Setidaknya penyucian yang telah beliau lakukan sejak diangkat menjadi rasul-Nya iaitu membersihkan aqidah daripada perbuatan syirik, menyucikan akhlak daripada perbuatan maksiat yang telah menjadi tradisi kaum jahiliyyah dan menyucikan harta dari perkara-perakara yang *subhat* mahupun *gharār* kepada halal dan *ṭayyib* (baik).

Melalui konsep *tazkiyyah* inilah manusia dapat mengembangkan dirinya yang akhirnya dapat membangunkan semua demensi kehidupannya termasuk dimensi ekonomi. Selanjutnya natijah daripada konsep *tazkiyyah* ini ialah *al- falāh* iaitu kesejahteraan kehidupan di dunia dan di akhirat.[507]

3.7. Unsur-unsur Pembangunan Ekonomi Islam

Secara umum, pembangunan konvensional lebih membincangkan aspek ekonomi kapitalis yang menganggap rasionaliti ekonomi dan mengasingkan daripada kawalan rohani.[508] Sehingga segala aktiviti ekonomi hanya berpandukan untung dan rugi. Iaitu tingkat rata-rata pendapatan sebenar individu sebagai alat ukur pertumbuhan

---

[505] Ruma Mubarak, "Strategi Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Kualitas Sumber Daya Manusia,"*Jurnal el- Hikmah* 10, no. 1(2012), 123.

[506] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 271.

[507] Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," 97.

[508] Fuad Amsyari, "Beberapa Tinjauan Islam Tentang Kaitan Pembangunan Ekonomi Dan lIngkungan Hidup" dalam Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam, Team Penyusun Pusat Studi Interdisipliner Tentang Islam, (Seminar Nasional, anjuran oleh Pusat Studi Interdispliner Tentang Islam, Institut Agama Islam Negeri, Sunan Ampel, Surabaya, Disember 1982), 71.

University of Malaya

ekonomi,[509] orientasinya hanya meningkatkan nisbah kaum pekerja berbanding dengan jumlah penduduk.[510] Berbeza dengan pembangunan ekonomi Islam yang menurut Khursid Ahmad unsur-unsur pembangunan ekonomi Islam berpandukan pada prinsip asas falsafah pendekatan pembangunan ekonomi itu sendiri. Sehinga pelbagai unsur tentang konsep pembangunan Islam yang berasaskan daripadanya tauhid, rububiyah, 'adalah, khilafah serta tazkiyah memiliki beberapa ciri yang ditekankan dalam konsep pembangunan ekonomi iaitu diantaranya seperti berikut;

3.7.1. Pembangunan yang komprehensif termasuklah aspek moral, kerohanian dan kebendaan.

Pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif memberikan satu pendekatan yang menggabungkan kepada usaha memantapkan amalan ekonomi yang berakhlak dengan kemampuan melaksanakan aktiviti ekonomi secara berkesan sesuai dengan perkembangan ekonomi di dalam negara dan diperingkat antarabangsa. Ertinya setiap pembangunan ekonomi mestilah mempunyai moral kerohanian dan setiap pembangunan moral serta kerohanian pula, tidak mengesampingkan pembangunan kebendaan.[511] Aspek moral dan material, ekonomi dan sosial, rohani dan fisikal tidak dapat dipisahkan.[512] Matlamat yang hendak dicapai bukanlah semata-mata dunia, tetapi segala kebajikan yang dituntut oleh Islam iaitu akhirat dan dunia dengan tanpa ada konflik.[513]

---

[509] Asmuni Mth,"Konsep Pembangunan Ekonomi Islam," 136.

[510] Joni Tamkin b Borhan, "Peranan Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam Dalam Pembinaan Ummah Bertamadun" (seminar ketamadunan Ummah sempena Hari Jadi TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang Yang Ke-67, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 9 Ogos 2005),5.

[511] Abdul Rasyid Dail, "Sistem Ekonomi Islam Satu Sorotan Terhadap Perlaksanaan di Malaysia", dalam *Kertas Kerja Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh Dari Tahun 1981 Hingga 1984,* ed. Unit Dakwah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian Pelajaran Malaysia:t.p., 1997), 8.

[512] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik,* 14.

[513] *Ibid.,* 272.

University of Malaya

Pembangunan yang komprehensif antara moral, akhlak dan kebendaan akan dapat terkawal apabila pelaku ekonomi memahami dan mempraktikkan norma-norma moral dalam berekonomi atau disebut dengan istilah etika bisnis. Melalui etika inilah manusia akan berfikir tentang apa yang mesti dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan. Sehingga etika akan mengarahkan manusia menuju aktualisasi kapasiti terbaiknya, memotivasi pelaku ekonomi untuk menghasilkan yang terbaik dengan cara yang terbaik pula. Natijah daripada penerapan etika ini akan meningkatkan nilai entiti bisnis itu sendiri.[514] Setidaknya ada lima prinsip yang mendasari etika bisnis dalam perspektif Islam, iaitu:

Pertama, Kesatuan *(unity).* Melalui konsep ini tercipta perpaduan antara agama, ekonomi dan sosial demi membentuk satu kesatuan. Oleh yang demikian atas dasar ini pelaku ekonomi mesti memperhatikan tiga perkara; (a). Tidak mendiskriminasikan pekerja, pembeli mahupun kongsi bisnis atas dasar pertimbangan suku, jantina, warna kulit mahupun agama. (b). Allah s.w.t. yang paling ditakuti dan dicintai. (c). tidak menimbun kekayaan *(al-Idkhār).*[515]

Kedua, keseimbangan *(equilibrium).* Merupakan salah satu asas prinsip ajaran Islam ialah untuk menciptakaan karakter manusia yang adil dan seimbang antara hubungan manusia dengan dirinya sendiri, dengan orang lain mahupun dengan lingkungan. Keseimbangan itu Allah s.w.t. istilah dengan sebutan *ummatan wasaṭan* iaitu ummat yang memiliki kebersamaan, dinamik dalam gerak, arah mahupun tujuan serta memiliki aturan-aturan yang berfungsi sebagai

[514] Sri Nawatmi, "Etika Binis Dalam Prespektif Islam," *Jurnal Fokus ekonomi* 9, no. 1 (April 2010), 51.

[515] Akhmad Nur Zaroni, "Bisnis dalam Perspektif Islam telaah aspek keagamaan dalam kehidupan ekonomi," *Jurnal Mazahib* 4, no. 2 (Disember 2007), 180.

University of Malaya

penengah.[516] Oleh yang demikian dalam praktik ekonomi iaitu tidak ada kecurangan dalam takaran timbangan dan penentuan harga berdasarkan mekanisme pasara yang normal.[517]

Ketiga, kebebasan berkehendak *(free will).* Kebebasan lebih bererti dalam memilih atau bertindak sama ada sesuai dengan etika mahupun sebaliknya. Akan tetapi seorang muslim dalam bertindak akan berdasarkan pertimbangan antara pahala dan dosa.[518] Sehingga kebebasan dalam bekehendak akan mengarahkan pada konsep kerjasama bukan persaingan yang saling menjatuhkan. Sekalipun ada persaingan, maka persaingan itu lebih pada bersaingan dalam kebajikan. Disamping itu kebebasan akan membawa kepada amanah menepati kontrak kerjasama.[519]

Keempat, bertanggung jawab *(responsibility).* Prinsip bertanggung jawab bermaksud tanggung jawab yang seimbang dalam segala bentuk dan ruang lingkupnya. Sekalipun manusia diberikan kebebasan dalam berkehendak, maka kebebasan dalam memanfaatkan sumber alam mahupun potensi daripadanya dihadkan dengan adanya tanggung jawab sebagai khalifah Allah s.w.t. yang menjaga kelestarian dan kesinambungan hidup untuk generasi mendatang.[520] Dengan sikap inilah pelaku ekonomi akan mengimplementasikan dalam segala aktiviti ekonomi pada tiga perkara iaitu; (a) dalam kiraan margin keuntungan, nilai upah mesti mengikut pada UMR (upah minimum regional) yang disepakati

---

[516] *Ibid.*

[517] Sri Nawatmi, "Etika Binis Dalam Prespektif Islam," 57.

[518] Akhmad Nur Zaroni, "Bisnis dalam Perspektif Islam telaah aspek keagamaan dalam kehidupan ekonomi," 181.

[519] Sri Nawatmi, "Etika Binis Dalam Prespektif Islam," 57.

[520] Akhmad Nur Zaroni, "Bisnis dalam Perspektif Islam telaah aspek keagamaan dalam kehidupan ekonomi," 182.

University of Malaya

dan dapat diterima oleh masayarakat umum. (b) pulangan ekonomi (*economi return)* bagi pemberi pinjaman dihitung berdasarkan perolehan keuntungan, bukan pada ramalan atau ditetapkan terlebih dahulu seperti bunga. (c) melarang semua transaksi *alegotoris* yang dicontohkan dalam istilah *gharār*.[521]

Kelima, kebenaran *(benevolence).* Kebenaran di sini meliputi kebajikan dan kejujuran sama ada secara niat mahupun sikap. Sikap benar akan tercermin daripadanya mau mengeluarkan sedeqah dan zakat, memberikan jeda waktu bagi penghutang, menerima pengembalian barang yang telah dibeli, membayar hutang sebelum diminta, memenuhi perjanjian dalam transaksi, memiliki sikap yang ramah, sopan dan saling menghormati antara penjual mahupun pembeli dan sebagainya.[522]

3.7.2. Inti daripada proses pembangunan ialah manusia.

Pembangunan ekonomi Islam betujuan untuk melakukan perubahan bagi mencari kebaikan dan kejayaan kepada masyarakat manusia seluruhnya dengan berpandukan ajaran Allah s.w.t. Sehingga tidaklah mustahil apabila fokus pembangunan ialah manusia itu sendiri. Pembangunan yang memiliki pengertian luas dan menyeluruh dengan menekankan pembangunan insan atau manusia seutuhnya *(human development).* Puncaknya ialah kehidupan yang seindah-indahnya *(Fī aḥsani taqwīm).*[523] Setidaknya ada beberapa faktor kenapa manusia menjadi inti daripada proses pembangunan ekonomi. Faktor-faktor tersebut iaitu kerana: (a) Manusia merupakan penggerak kepada input-input lain dalam proses

---

[521] Sri Nawatmi, "Etika Binis Dalam Prespektif Islam," 57.

[522] *Ibid.,* 58.

[523] Anwar Ibrahim, "Islam dan Pembangunan Ekonomi Umat" dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan (Surabaya: Risalah Gusti, 1997), 63.

University of Malaya

pengeluaran. (b) Daya pengeluaran buruh memiliki hubungan positif dengan taraf pendidikan dan latihan, ertinya semakin tinggi taraf pendidikan seseorang, maka semakin tinggi produktiviti individu. (c) Modal insan mampu meningkatkan mobiliti pekerja. (d) Pelaburan kepada modal insan memberi kesan positif kepada pekerja dan majikan. (e) Latihan dapat mempengaruhi prestasi pekerja dan dapat meningkatkan daya pengeluaran.[524]

Dalam hal ini menurut Abulhassan Muhammad Sadeq ada dua cara untuk menanamkan nilai-nilai Islami. *Pertama*, pembangunan ekonomi yang didefinisikan sebagai pembaikan seimbang dan kekal dalam kesejahteraan manusia dari pelbagai segi yang didokong dengan meningkatnya tahap moral yang tinggi. *Kedua*, pemupukan nilai Islam melalui pendidikan Islam, penyebaran Islam mahupun medium dakwah yang lainnya.[525] Oleh kerana itu, dalam membangunkan peradaban manusia yang memiliki akal perlu kiranya memperhatikan beberapa perkara asas:

3.1. Iman atau kepercayaan tentang ketauhidan Allah s.w.t. diletakkan di tingkat yang pertama. Sebagai asas untuk menyadarkan kedudukan sebenar manusia di dunia.[526] Persoalan tauhid merupakan persoalan penting dalam kehidupan manusia, lantaran itu pengetahuan mengenal tuhan *(Ma'rifatu Allāh)* dikira sebagai pengetahuan tertinggi, disamping itu kerana mengenal tuhan juga merupakan fitrah terbesar yang ada disetiap manusia.[527] Seingga melalui

---

[524] Mohd Fauzi Hamat et al., *Akidah dan Pembangunan Modal Insan* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012), 38.

[525] Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 4.

[526] Selamat Hashim, "Pembangunan Dan Masyarakat Daripada Kaca Mata Islam, dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Persepektfi Malaysia,* ed. Khairul 'Azmi Mohamad et al., (Johor: Ketua penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri johor, Pejabat Menteri Besar Johor, (t.t), 154.

[527] Mohd Fauzi Hamat et al., *Akidah dan Pembangunan Modal Insan,* 87

University of Malaya

keyakinan inilah aspek pembangunan insan diwarnai dan dipengaruhi oleh nilai, norma dan hukum yang terbina atas kesadaran hubungan manusia dengan tuhan.[528] Hal itu kerana kebahagiaan seseorang manusia tedapat pada ketenangan jiwanya. Seperti firmanNya dalam surah al-Ra'd ayat 28.

ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُم بِذِكْرِ ٱللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ ٱللَّهِ تَطْمَئِنُّ ٱلْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

al-Ra'd (13):28

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang beriman dan hati mereka manjadi tenteram dengan mengingat Allah s.w.t. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah-lah hati menjadi tenteram.

3.2. Mengasihi orang lain. Masyarakat dan pembangunan ekonomi akan dapat terbina dengan kukuh serta solid apabila salah satu diantara penduduknya saling memiliki rasa kasih mengkasihi dan sayang menyayangi diantara satu sama lain dan tidak mementingkan diri sendiri.[529] Sesuai dengan firmanNya dalam surah al-Ḥasr ayat 9.

وَٱلَّذِينَ تَبَوَّءُو ٱلدَّارَ وَٱلْإِيمَٰنَ مِن قَبْلِهِمْ يُحِبُّونَ مَنْ هَاجَرَ إِلَيْهِمْ وَلَا يَجِدُونَ فِى صُدُورِهِمْ حَاجَةً مِّمَّآ أُوتُوا۟
وَيُؤْثِرُونَ عَلَىٰٓ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۚ ﴿٩﴾

al-Ḥasr (59): 9

Terjemahan: Dan orang-orang yang telah menempati kota Madinah dan telah beriman *(anṣār)* sebelum kedatangan mereka *(muhājirīn)*, mereka *(anṣār)* 'mencintai' orang yang berhijrah kepada mereka *(muhājirīn)*. Dan mereka *(anṣār)* tiada menaruh keinginan dalam hati mereka terhadap apa-apa yang diberikan kepada mereka *(muhājirīn)*; dan mereka mengutamakan (orang-orang *muhājirīn)*, atas diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam kesusahan.

3.3. Suka membuat kebaikan. Ketenangan jiwa dan kesejahteraan tidak akan diperolehi melainkan jiwa tersebut terselamat daripada dikuasai oleh sifat hasad,

---

[528] *Ibid.,* 54.

[529] Selamat Hashim, "Pembangunan Dan Masyarakat Daripada Kaca Mata Islam, 154.

University of Malaya

dengki, tamak, dendam dan mula mengasihi orang lain.[530] Sesuai dengan firmanNya dalam surah al-Ḥijr ayat 45-47.

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿٤٥﴾ ٱدْخُلُوهَا بِسَلَٰمٍ ءَامِنِينَ ﴿٤٦﴾ وَنَزَعْنَا مَا فِى صُدُورِهِم مِّنْ غِلٍّ إِخْوَٰنًا عَلَىٰ سُرُرٍ مُّتَقَٰبِلِينَ ﴿٤٧﴾

al-Ḥijr (15): 45-47

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa itu berada dalam surge di dekat mata air-mata air yang mengalir. Dikatakan kepada mereka: Masuklah ke dalamnya dengan sejahtera lagi aman dari bencana dan sengsara. Dan Kami lenyapkan segala rasa dendam yang berada dalam hati mereka, sedang mereka merasa bersaudara duduk berhadap-hadapan di atas dipan-dipan.

3.7.3. Kegiatan pembangunan mesti bersifat pelbagai dimensi.

Menurut pembangunan konvensional, kayu ukur keberhasilan sebuah pembangunan hanya diukur berdasarkan tingkat pendapatan perkapita penduduk sahaja. Sehingga suatu perekonomian dikatakan berhasil atau mengalami pertumbuhan dan perkembangan apabila tingkat aktiviti ekonomi dan hasil daripada aktiviti tersebut lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Faktor-faktor yang menyumbang dalam pembangunan hanya dilihat secara fizikal mahupun material sahaja. Hal itu kerana tujuan daripada pembangunan konvensional hanya menciptakan pertumbuhan yang setinggi-tingginya, menghapus tingkat kemiskinan, mengurangi ketimpangan pendapatan dan tingkat pengangguran sahaja.[531] Dalam pembangunan konvensional tidaklah memperhatikan aspek moral, akhlak kerohanian seperti yang dijelaskan di atas. Tidaklah hairan apabila pada 1970-an negara ketiga atau negara yang sedang

[530] Selamat Hashim, "Pembangunan Dan Masyarakat Daripada Kaca Mata Islam, dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Perspektif Malaysia, ed.* Khairul 'Azmi Mohamad et al., (Johor: Ketua penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri johor, Pejabat Menteri Besar Johor, t.t.), 154.

[531] Caska dan M. Riadi, "Pertumbuhan dan Ketimpangan Pembangunan Ekonomi Antar Daerah Di Provinsi Riau," *Jurnal Industri dan Perkotaan* 12, no. 21 (Februari 2008), 1630.

University of Malaya

membangun telah mencapai tingkat pertumbuhan dan perkembangan dari segi ekonomi, akan tetapi negara tersebut telah gagal memperbaiki taraf hidup sebahagian penduduk. Hal ini membuktikan bahawa teori mahupun konsep pada pembangunan konvensional tidaklah menjamin kepada pembangunan keseluruhan masyarakat.[532]

Oleh kerana itu, Islam memberikan satu solusi dalam hal ini, iaitu bukan sahaja faktor fizikal yang diambil kira seperti sumber-sumber fizikal, modal, buruh, organisasi, pelajaran dan kebolehan, namun faktor kemanusiaan seperti sikap, insentif, rasa dan aspirasi menjadi angkubah alat yang akan meluaskan polisi pembangunan ekonomi.[533]Oleh kerana pembangunan ekonomi Islam iaitu pembangunan yang bersifat pelbagai aspek yang bersepadu, pengabungan antara aspek fizikal ekonomi, nilai-nilai moral dan pembangunan dalam manusia itu sendiri.[534] Sehingga apabila nilai-nilai moral dan pembangunan manusia diterapkan dalam pengamalan pembangunan sesebuah komuniti, maka kesannya dapat dilihat terhadap keseluruhan masyarakat, rakyat serta negara tersebut. Malahan, kesan tersebut bukan sahaja bertujuan untuk memperoleh kesejahteraan di dunia bahkan kesejahteraan di akhirat turut dititikberatkan. Justeru itu, pembangunan menurut Islam akan tertumpu kepada aspek moral dan pembangunan diri manusia itu sendiri yang berlandaskan kepada peraturan dan perintah Allah s.w.t. dan Rasul-Nya.[535]

---

[532] Nor Saida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan," (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-8 (PERKEM VIII) Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Johor Bahru, 7-9 Jun 2013), 356.

[533] Surtahman Kastin Hasan,"Konsep Pembangunan Islam" dalam Baharuddin Yatim et al. (eds), *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia,* 3.

[534] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al. (eds) *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan,* 135.

[535] Nor Saida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan," 356.

University of Malaya

3.7.4. Pembangunan yang melibatkan perubahan kuantitatif dan kualitatif

Sebagaimana penjelasan sebelumnya dari lima landasan falsafah pembangunan ekonomi Islam di atas, ditujukan untuk mengapai kemakmuran dan kebahagiaan yang bukan sahaja di dunia akan tetapi juga di akhirat nantinya. Sehingga pembangunan ekonomi Islam mestilah melibatkan perubahan kuantitatif dan kualitatif. Untuk menciptakan perubahan ini, Allah s.w.t telah mengutus seorang Rasulullah saw untuk menjadi rahmatan bagi sekalian ummat manusia seperti yang digambarkan di dalam al-Quran surah al-Anbiyā' ayat 107.

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

al-Anbiyā' (21): 107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.

Konteks kalimat *Rahmatan lil 'ālamīn* menurut Umer Chapra ialah perlunya kehidupan sejahtera *(Ḥayyatan ṭayyibatan)* dan kesejahteraan *(falāḥ)*, sikap ramah dan keras, generasi yang makmur, mendidik dalam suasana penuh kasih sayang, jaminan keamanan dari rasuah, kelaparan, ketakutan dan tekanan mental.[536] Dalam erti lain perubahan kuantitatif ditujukan untuk kesejahteraan material manakala perubahan kualitatif untuk menciptakan kesejahteraan spiritual. Akan tetapi pada umumnya ramai para pelaku ekonomi yang hanya memperhatikan aspek kuantitatif dan melantarkan aspek kualitatif, sehingga kualiti hidup tidaklah dapat dicapai secara sempurna.[537] Untuk mencapai

[536] M. Umer Chapra, "Negara Sejahtera Islami dan Perannya di Bidang Ekonomi," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan (Surabaya: Risalah Gusti, 1997), 26.

[537] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan (Surabaya: Risalah Gusti, 1997), 14.

University of Malaya

kesejahteraan spiritual, maka sebuah Negara Islam atau institusi mahupun organisasi masyarakat menciptakan tiga keadaan:

1) Menciptakan suasana yang kondusif bagi tegaknya rumah tangga yang memungkinkan berlangsungnya pendidikan moral bagi generasi baru.
2) Menciptakan sistem pendidikan yang dijiwai dengan semangat islam, sehingga melahirkan pemuda yang penuh dengan sinar cahaya Islami.
3) Mengukuhkan nilai-nilai norma Islam berupa *legal inforcement* serta menghukum para pelanggar hingga membuat jera bagi calon pelanggar.[538]
4) Membentuk sikap kesedaran dan penghayatan terhadap fungsi manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. yang memegang amanah untuk mengamankan bumi.[539]

Manakala untuk mencapai kesejahteraan material sebagai penyokong kesejahteraan spiritual perlu kiranya memperhatikan beberapa fungsi utama dalam sistem ekonomi Islam itu sendiri, seperti:

1) Memberantas kemiskinan dan menciptakan lapangan kerja. Dengan cara perencanaan yang rasional dan membangun infrastruktur fizikal mahupun sosial.[540]
2) Meningkatkan stabiliti nilai wang. Seperti menciptakan situasi moneter yang sihat, polisi tentang fiskal, kawalan upah pekerja.[541]
3) Menjaga hukum dan ketertiban yang dapat melindungi jiwa dan harta benda seluruh masyarakat.[542]

---

[538] M. Umer Chapra, "Negara Sejahtera Islami dan Perannya di Bidang Ekonomi," 31.
[539] Muhammad Syukri Salleh, *Pembangunan berteraskan Islam,*104.
[540] M. Umer Chapra, "Negara Sejahtera Islami dan Perannya di Bidang Ekonomi," 36.
[541] *Ibid.,* 41.
[542] *Ibid.,* 42.

University of Malaya

4) Menegakkan keadilan sosial dan ekonomi. Iaitu dengan cara pelatihan dan pendidikan, sistem upah yang pantas, mempersiapkan insuran wajib untuk mengatasi pengangguran, kecelakan kerja, jaminan hari tua. Memberikan bantuan kepada yang cacat mental mahupun fizik. Mengumpulkan dan mengagihkan zakat.[543]

5) Mengatur keamanan masyarakat serta membagi pemerataan pendapatan dan kekayaan

6) Menyelaraskan hubungan internasional dan pertahanan nasional.[544]

Sehingga dalam Islam kesejahteraan individu dan kesejahteraan masyarakat sentiasa saling melengkapi. Oleh kerana itu keduanya bersifat kooperatif bukan kompetatif yang berdasarkan pada prinsip keadialan dan persamaan yang merangkumi: *Keadilan dalam produksi* hal itu kerana Islam mengakui hak manusia untuk mencari nafkah sesuai dengan kemapuna, kecekapan dan bakat alam, tetapi tidak dibernarkan merosak moral dan menghancurkan tatanan sosial. *Keadilan dalam konsumsi* iaitu semua bentuk pengeluaran yang merosak moral dan masyarakat seperti perjudian, minuman keras, merosak jiwa sangat dilarang. *Keadilan dalam distribusi* ertinya kekayaan tidak boleh berpusat pada segelintir golongan.[545]

3.7.5. Pengunaan sumber alam secara optimum dan mengagihkannya dengan cara adil.[546]

Banyak firman Allah s.w.t. dalam al-Quran al-Karim yang menjelaskan tentang semua sumber alam dicipta sebagai keperluan untuk manfaat manusia.

---

[543] *Ibid.,* 46

[544] *Ibid.,* 35.

[545] Amim Akhtar, "Kerangka Kerja Struktural SIstem Ekonomi Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan (Surabaya: Risalah Gusti, 1997), 87.

[546] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 273.

University of Malaya

Dengan segala limpahan karunia Allah s.w.t. sama ada yang ada di daratan, lautan mahupun apa yang Allah s.w.t. turunkan melalui perantaran hujan menjadi sumber kehidupan. Seperti dalam surah al-Baqarah (2:36), surah al-Ḥijr (15:19-20), dan surah al-Ḥadīd (57:25). Dari firman Allah s.w.t. pada ayat-ayat tersebut mengandungi prinsip dinamik yang ditekankan oleh Islam iaitu penggunaan sumber-sumber yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. dalam manusia dan dalam alam sekitar fizikalnya serta penggunaannya dan pengagihannya secara adil, kerana Islam menjunjung tinggi nilai syukur dan 'adil menolak sikap kufur dan zulum.[547] Setidaknya ada dua dimensi dalam menggunakan sumber alam.

Pertama, mobilisasi sumber alam yang bermaksud meneroka dan memiliki sumber tersebut.[548] Dalam kes ini contohnya Pihak Berkuasa Negeri (PBN) diperbolehkan mengambilalih tanah apabila berfaedah untuk pembangunan ekonomi bagi tujuan perlombongan atau kediaman, pertanian, perdagangan, industri ataupun untuk kemudahan awam.[549] Umumnya sumber alam boleh labur ada dua iaitu sumber dari dalam negeri dan sumber dari luar. Sumber dalam negeri lebih utama untuk pembiayaan pembangunan iaitu simpanan. Islam telahpun menyediakan persekitaran yang sesuai iaitu untuk hidup sederhana, menghindari sifat kedekut dan pembaziran, bahkan mengalakkan untuk menyimpan.[550] Ada tiga cara untuk memobilisasi sumber ini iaitu:

1. Dorongan moral bagi mobilisasi dan penggunaan sumber.
2. Denda dari segi rohani dan juga ekonomi dikenakan kerana menyebabkan sumber terbiar.

---

[547] Muhammad Shukri Salleh, *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* 6.

[548] Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 95.

[549] Noor 'Ashikin bt Hamid, Noraida bt Harun dan Nazli bin Ismail, "Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian," *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat,* 15 (2011), 135.

[550] Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 96.

University of Malaya

3. Galakan ekonomi untuk menggunakan sumber bagi tujuan pelaburan.[551]

Kedua, pembangunan dan penggunaan sumber alam bagi manfaat manusia.[552] Islam sangat mengalakkan untuk meneroka dan memanfaatkan sumber alam yang terbiar bagi kebajikan manusia. Hal itu kerana termasuk daripada matlamat dasar ekonomi Islam iaitu mencari kemaslahatan (*maṣlaḥah)* dan menjauhkan kerosakan (*mafsadah)* dengan menerusi penggunaan sumber secara optimum, keadilan distribusi pendapatan dan kekayaan bagi setiap individu dan generasi, menghapus riba dan mewajibkan zakat.[553] Peruntukan keperluan asas kepada mereka yang memerlukan, mengekalkan undang-undang dan ketenteraman dan juga pertahanan luar,[554] Setidaknya punca utama mobilisasi sumber dalam konsep pembangunan ekonomi Islam seperti berikut:

1. Zakat. Iaitu bayaran wajib oleh yang kaya kepada yang memerlukan bantuan. Sekalipun setiap individu mengeluarkan zakat dalam jumlah kecil, akan tetapi apabila dalam sebuah Negara dijangka hasil zakat menjadi besar. Disamping itu tujuan daripada kewajiban zakat ini untuk mengontrol adanya ketidakmerataan dalam kesempatan berusaha.[555]
2. Cukai pendapatan boleh dikenakan apabila hasil zakat dan pendapatan lain tidak mencukupi keperluan sebuah Negara.
3. Perusahaan sektor awam.
4. Derma sukarela.[556]

---

[551] *Ibid.,* 97.

[552] *Ibid.,* 95.

[553] Asmuni Mth,"Konsep Pembangunan Ekonomi Islam," 130.

[554] Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 99.

[555] Amim Akhtar, "Kerangka Kerja Struktural SIstem Ekonomi Islam," 95.

[556] *Ibid*

University of Malaya

Melalui unsur-unsur pembangunan ekonomi tersebut di atas dapatlah disimpulkan bahawa Indikasi keberhasilan sebuah pembangunan ekonomi mengikut pandangan Islam mestilah merangkumi: kurangnya tingkat perbezaan pendapatan yang dapat dilihat dari pemerataan dan perbezaan dari daerah ke daerah yang lain,[557] kemakmuran mahupun kesejahteraan yang terangkum di dalamnya rasa aman, kebathilan tidak berkembang, kebaikan berkembang dan tumbuh subur,[558] perubahan sosial bukan suatu hasil daripada kekuatan sejarah yang telah ditentukan. Ertinya perbuhan sosial merupakan hasil daripada perencanaan dan rekayasa yang bertujuan untuk menuju suatu norma atau pelatuaran. Manusia adalah pelaku aktif perubahan, semua kekuatan lainnya tunduk kepadanya sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi. Perubahan sentiasa berjalan dalam lingkunan dan jiwa manusia. Seperti sikap aktif, motivasi untuk berbuat baik, komitmen dalam menjaga amanah Allah s.w.t. Perubahan sosial yang Islami mesti dapat menekan ketidakadilan dan ketidak seimbangan yang mengakibatkan perpecahan, sentiasa berusaha mengatur suatu keadaan masyarakat dari ketidak seimbangan sosial kea rah yang lebih tinggi. Sehingga perubahan tersebut lebih bersifat seimbang, evolusioner, inovatif dan integrative.[559]

3.8 Matlamat dasar pembangunan ekonomi Islam

Matmalat merupakan salah satu unsur terpenting di setiap aktiviti kehidupan manusia. Hatta, kesalahan menentukan matmalat akan menjadikan bencana dan

---

[557] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," dalam *Kajian Dalam Ekonomi Islam,* 277.

[558] Team Penyusun Pusat Studi Interdisipliner Tentang Islam (1982), "Beberapa Pemikiran Tentang Indikator-Indikator Keberhasilan Pembangunan Ekonomi Menurut Pandangan Islam" (Seminar Nasional, anjuran oleh Pusat Studi Interdispliner Tentang Islam, Institut Agama Islam Negeri, Sunan Ampel, Surabaya, Disember 1982),h. 106.

[559] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik,* 11.

University of Malaya

malapetaka yang berkepanjangan. Matlamat pembangunan ekonomi Islam tidaklah sama dengan matlamat pembangunan ekonomi konvensional. Apabila pembangunan ekonomi konvensional sama sekali mengetepikan aspek-aspek moral di dalam pelaksanaanya dengan pendekatan materi yang memfokuskan pada peningkatan taraf berpendapatan tinggi dengan kayu ukurnya material (kuantiti),[560] pemaksimalan produktiviti, pendapatan, kuasa beli mahupun penggunaan.[561] Sehingga keberhasilan daripada proses pembangunan tersebut hanya diukur berdasarkan Keluaran Negara Kasar (KNK) yang dapat menentukan tahap pendapatan sesebuah Negara dan indeks kehidupan kualiti fizikal. [562] Pembangunan yang hanya menyediakan peluang ekonomi yang lebih banyak kepada setiap rakyat, pembangunan yang terhad dalam penyediaan keperluan kehidupan fizikal yang asas untuk membolehkan seseorang individu dan masyarakat terus hidup dan dapat menyesuaikan kehidupan mereka daripada ancaman kehidupan dengan lebih baik.[563] Atau pembangunan ekonomi yang hanya ditujukan untuk menaikkan pendapatan nasional secara real dan meningkatkan produktiviti setiap individu sahaja dengan tanpa memperhatikan sisi faedah dan kemaslahatan bagi masyarakat secara umum.

Namum demikian, adakah sesiapa di dunia ini yang berhak menentukan kualiti kehidupan seseorang dalam memenuhi keperluan asas. Nampaknya tidak ada satu badan ataupun lembaga yang dapat memastikan keperluan tersebut, hal itu kerana setiap masyarakat mempunyai cara hidup, masalah kehidupan dan sumber kehidupan yang berbeza, maka tahap keperluan asas setiap masyarakat juga berbeza. Sehingga sangatlah

---

[560] Badan Litbang Pertanian, Pusat Analisis Sosial Ekonomi dan Kebijakan Pertanian, "Konsep dan Strategi pendekatan Kulturan dalam Pembangunan Pertanian: Studi Kasus Pembangunan Pertanian di Thailand", dicapai 22 Januari 2014, http://www.litbang.deptan.go.id/.

[561] Muhammad Syukri Salleh, *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* 81.

[562] Lihat, Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 33-34.

[563] Lihat, *Ibid.,* 185-186.

University of Malaya

sukar untuk menentukan standard tahap keperluan asas bagi semua masyarakat di seluruh dunia.[564]

Walau bagaimanapun dalam pelaksanaan pembangunan ekonomi Islam, seluruhnya berpandukan pada prinsip dan ajaran syariat Islam. Sebuah pelaturan yang dicipta oleh sang pencipta manusia dan seluruh alam serta isinya, yang sudah semestinya tahu akan keperluan makhluk ciptaaNya sama ada keperluan itu dalam bentuk zahir mahupun bathin, keperluan yang mencakupi kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Justeru pembangunan ekonomi dalam Islam memiliki matmalat jangka panjang yang mencakup kebahagian di dunia dan juga kebahagian di ahirat, bukan hanya sekadar membangun ekonomi masyarakatnya sahaja melainkan membangun manusia secara sempurna *(al-Insānu al-kāmilu)* untuk mencapai *falāh*. Sehinga impak dari pembangunan ekonomi Islam ialah syumul, merata yang bermatlamatkan *falāh* untuk pembinaan ummah yang bertamadun.[565] Sesuai dengan pendapat Mukti Ali seorang bekas Menteri Agama Republik Indonesia pembangunan merupakan proses perubahan menuju kemajuan yang dicipta dan direka untuk manusia dalam erti lain pembangunan manusia seutuhnya. Pembangunan yang tidak ditumpukan pada pembangunan secara fisik ekonominya sahaja atau hanya menumpukan perwujudan segi rohani dan mental spiritualnya sahaja, melainkan pengembangan pada seluruh dimensi serta apa yang diperlukan dalam keserasian dan keseimbangan pada aspek-aspek relegius, budaya *(cultural)*, sosial, fisik dan ekonomi demi terwujudnya manusia yang sejahtera secara jiwa dan raga.[566] Tidak jauh berbeza dengan pendapat Muhammad al-Buraey bahawa pembangunan ekonomi Islam memiliki matlamat khas iaitu

---

[564] Lihat, *Ibid.,* 35.

[565] Lihat, Joni Tamkin b Borhan"Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," 94.

[566] A. Mukti Ali, "Beberapa catatan tentang agama, kebudayaan dan pembangunan" dalam *Agama, Kebudayaan dan Pembangunan Menyongsong Era Industialisasi,* Musa Asy'arie et al., (IAIN Sunan Kalijaga, Surabya: Amarta Buku, 1988), 17.

University of Malaya

pembangunan yang membawa kepada kehidupan yang mulia sama ada dari segi materi ataupun kerohanian untuk semua anggota masyarakat dan juga pembangunan ekonomi ke arah mencapai keadilan dan pengurangan jurang perbezaan di antara orang kaya dengan orang miskin.[567]

Secara ringkasnya pembangunan ekonomi Islam memiliki matlamat yang berbeza dengan pembangunan konvensional, pembangunan ekonomi Islam bertujuan untuk mewujudkan keseimbangan antara materi dan rohani, keseimbangan dalam kesejahteraan di dunia mahupun di akhirat. Pembangunan dalam Islam merupakan proses untuk mengurangi kemiskinan dan menciptakan kedamaian, ketentraman serta peradaban Islami dalam kehidupan yang bersifat multi dimensi merangkumi aspek kuantitatif dan kualitatif. Sebagaimana menurut pendapat Khurshid Ahmad pembangunan ekonomi Islam yang merangkumi daripadanya: [568]

3.8.1. Pembangunan sumber insan

Sumber manusia menjadi penentu yang penting dalam pembangunan ekonomi. Hal itu kerana manusia merupakan subjek utama sebagai agen kepada sebarang bentuk pembangunan yang mengekploitasi sumber semula jadi, mengumpulkan modal, membina institusi sosial, ekonomi dan politik, dan mengaktifkan proses pembangunan itu sendiri. Manusia juga merupakan makhluk yang istimewa yang memiliki potensi yang tidak dimiliki oleh makhluk yang lain. Hal itu kerana manusialah pencetus pembangunan yang mempunyai kreativiti yang boleh digunakan untuk kemakmuran dan kesejahteraan sejagat raya atau sebaliknya.[569] Pihak yang akan menerima sebarang bentuk natijah daripada proses

---

[567] Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam,* 158.

[568] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 274.

[569] Mohd Yusof Hj. Othman"Sains, Teknologi dan pembangunan manusia," 69.

University of Malaya

pembangunan sama ada kesan yang baik atau negatif adalah manusia, maka tiadalah bererti sebuah fasiliti yang maju dan lengkah tanpa diimbangi dengan kualiti sumber manusia yang memadahi.[570] Hanya manusia sahajalah yang mampu menyumbangkan keusahawanan dan buruh. Keusahawanan merujuk kepada perkhidmatan manusia yang menguruskan aktiviti eonomi bermula daripada idea usaha niaga, pemerolehan faktor pengeluaran, pengurusan dan pemasaran. Manakala buruh pula merujuk kepada perkhidmatan manusia, fizikal atau mental, ketara atau tidak ketara.[571]

Sehingga pembangunan sumber manusia mestilah diarahkan kepada pemenuhan dua kualiti iaitu kualiti professional dan kualiti moral. Kualiti professional merujuk kepada kemahiran dan kecekapan dalam bekerja, manakala kualiti moral merupakan kualiti yang menyediakan galakan moral untuk melaksanakan kerja dengan cekap, ikhlas dan jujur tanpa mencuri tulang.[572] Inilah perbezaan yang ketara antara matlamat pembangunan konvensional dengan pembangunan Islam, sekalipun keduanya sama-sama menumpukan perhatian pembangunan sumber insan, tetapi dalam pandangan Islam lebih menitik beratkan pada aspek kualiti seseorang yang dapat diperhatikan daripada sikap amanahnya. Sesuiai dengan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Qaṣaṣ ayat 26.

قَالَتۡ إِحۡدَىٰهُمَا يَٰٓأَبَتِ ٱسۡتَـٔۡجِرۡهُۖ إِنَّ خَيۡرَ مَنِ ٱسۡتَـٔۡجَرۡتَ ٱلۡقَوِيُّ ٱلۡأَمِينُ ٢٦

al-Qaṣaṣ (28): 26

> Terjemahan: Salah seorang dari kedua wanita itu berkata: "Ya ayahku ambillah ia sebagai orang yang bekerja untuk kita, kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kamu ambil untuk bekerja ialah orang yang kuat lagi dapat dipercaya."

---

[570] Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, 110.

[571] Lihat, Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 105.

[572] Lihat, *Ibid.,* 22.

University of Malaya

3.8.2. Pengembangan pengeluaran yang berguna

Bagi memaksimumkan aktiviti sumber manusia dalam buruh mahupun keusahawanan dan juga untuk memenuhi keperluan asas masyarakat luas, maka penambahan pengeluaran yang bermanfaat perlu ditingkatkan. Dengan adanya peningkatan pengeluaran barangan yang berguna dan pelbagai dapat menciptakan keadilan dan keseimbangan dalam pembangunan ekonomi, disamping ditujukan untuk menguji kualiti professional mahupun kualiti moral sumber manusianya. Ujian dalam peningkatan kuantiti barangan yang bermanfaat tersebut tidak lain dimaksudkan untuk motivasi bersaing dalam hal kebajikan dan menciptakan lingkungan yang produktif. Sepertimana firman Allah s.w.t. dalam surah al-Māidah ayat 48.

فَٱسۡتَبِقُواْ ٱلۡخَيۡرَٰتِۚ إِلَى ٱللَّهِ مَرۡجِعُكُمۡ جَمِيعٗا فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمۡ فِيهِ تَخۡتَلِفُونَ ٤٨

al-Māidah (5): 48

> Terjemahan: Maka berlomba-lombalah dalam hal kebajikan. Hanya kepada Allahlah kalian semua dikembalikan, lalu diberitahukan-Nya kepadamu apa yang tetap kamu perselisihkan itu.

Akan tetapi kepelbagaian barangan tersebut tidaklah semuanya mendapatkan fokus utama, melainkan barangan yang memenuhi standard syara' Islam dan mendatangkan manfaat bagi masyarakat ramai termasuk golongan menengah ke bawah, bukan barangan keperluan yang hanya dapat dinikmati segelintir kuasa wang atau yang mampu sahaja.[573] Seperti adanya prioriti pengeluaran pada barangan keperluan asas *(Ḍarūriyyāt)* dengan harga yang berpatutan, kemudian disusul barangan untuk keperluan pertahanan bagi dunia

[573] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 276.

University of Malaya

Islam dan pengeluaran barang modal yang asas.[574] Bagi melancarkan matlamat ini menurut Umer Chapra perlu kiranya penyusunan stategi semula iaitu dengan cara sebagai berikut:

1. Mengubah faktor manusia dalam pembangunan supaya dapat memainkan peranan aktif lagi membina dalam peruntukan sumber secara cekap dan saksama.
2. Membasmi atau meminimumkan semua penggunaan yang membazir dan tidak penting di peringkat peribadi mahupun awam.
3. Membentuk semula sistem kewangan dengan cara yang akan membolehkannya memainkan peranan pelengkap dan pembantu dalam penyusunan semula sosioekonomi.[575]

3.8.3. Memperbaiki kualiti kehidupan

Sebarang bentuk usaha dalam proses pembangunan mestilah ditujukan untuk memperbaiki taraf kehidupan sebenar semua orang dan kearah pencapaian kebajikan moral, ekonomi dan sosial mereka. Dalam hal ini, Allah s.w.t. telah memperingatkan penganutNya untuk tidak membiarkan atau meninggalkan orang yang di bawah tanggung jawabnya dalam keadaan lemah ekonominya, akan tetapi sebaliknya agar dapat memperbaiki keadaan taraf kehidupan mereka ke tahap yang layak dengan harapan tidak menjadi beban orang lain. Sebagaimana firmanNya dalam surah al-Nisā' ayat 9.

وَلْيَخْشَ ٱلَّذِينَ لَوْ تَرَكُوا۟ مِنْ خَلْفِهِمْ ذُرِّيَّةً ضِعَـٰفًا خَافُوا۟ عَلَيْهِمْ فَلْيَتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَلْيَقُولُوا۟ قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٩﴾

al-Nisā' (4): 9

[574] Lihat, Surtahman Kastin Hasan, " Konsep Pembangunan Islam" dalam *Konsep Pembangunan Dan Kenegaraan Malaysia*, ed. Baharuddin Yatim et. al., (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989), 4.

[575] M. Umer Chapra, *Islam And Economic Development*, 92.

University of Malaya

> Terjemahan: Dan hendaklah takut kepada Allah s.w.t. orang-orang yang seandainya meninggalkan dibelakang mereka anak-anak yang lemah, yang mereka khawatir terhadap (kesejahteraan) mereka.

Oleh kerana itu beberapa langkah mesti diambil untuk mewujudkan matlamat tersebut, iaitu setidaknya dengan beberapa cara sebagai berikut:

1. Menyiapkan sebarang peluang pekerjaan termasuk penyelarasannya dari segi struktur, teknologi, pelaburan, kedaerahan dan pendidikan mahupun latihan.
2. Memperkasakan sistem jaminan sosial, sama ada dalam bentuk wakaf, zakat mahupun badan-badan sosial ekonomi yang berkesan dan mempunyai asas yang luas, yang ditujukan untuk menjamin keperluan asas masyarakat menengah ke bawah.
3. Agihan pendapatan dan kekayaan yang adil dan merata.[576] Untuk mewujudkan matlamat ini haruslah mendapatkan perhatian khusus termasuk sebelum proses pengeluaran mahupun selepas pengeluaran. Sebelum proses pengeluaran seperti pemilikan ke atas harta tanah yang terbiar mahupun penerokaan tanah kosong. Manakala sepelas pengeluaran seperti adanya upah yang setimpal kepada mereka yang terlibat mahupun yang tidak terlibat melalui institusi zakat atau waqaf dan sebagainya.[577]
4. Penetapan dasar-dasar rasmi yang reaslistik. Menurut Umer Chapra ketiadaan realisme dalam dasar-dasar rasmi telah mencetuskan pengherotan terhadap harga-harga penting yang mengakibatkan penuruan pendapat para petani penyewa, perusaan kecil dan mikro dan pekerja.

---

[576] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 277.

[577] Lihat, Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," 100.

University of Malaya

5. Pembasmian penumpuan harta dan kuasa di tangan segelintir orang. Penumpukan kekayaan dan kuasa telah membataskan persaingan dan mewujudkan suasana yang menjejaskan kesejahteraan golongan miskin. Bukan setakat itu sahaja, malah perkara ini dapat melemahkan kesediaan dan kemampuan orang ramai untuk member sumbangan yang sebaik-baiknya dalam pelbagai sektor.[578]

3.8.4. Pembangunan seimbang

Pembangunan seimbang bermaksud pembangunan yang harmoni antara berbagai-bagai wilayah dalam sebuah Negara, sama ada daerah bandar mahupun luar bandar keduanya mendapat perhatian yang sama. Disamping itu pembangunan seimbang juga bererti pembangunan yang adil antara pelbagai sektor dalam masyarakat dan ekonomi. Justeru untuk mewujudkan keharmonian dan keseimbangan perlu kiranya mengambil strategi iaitu desentralisasi ekonomi dan pembangunan yang tepat bagi semua bahagian dan sektor.[579] Ketika dasar rasmi terlalu megutamakan pembangunan bandar dan tidak memihak pada luar bandar, sehingga penubuhan perusahaan berskala besar hanya di fokuskan di bandar tanpa memperhatikan pembangunan sumber manusia, fizikal mahupun infrastruktur kewangan di kawasan luar bandar, maka perkara ini akan membawa impak negatif kepada semua pihak. Kesan yang ketara iaitu mengurangkan ganjaran bagi penat lelah para petani penyewa dan pekerja luar bandar, yang menyebabkan mereka kurang mampu membeli benih, baja dan peralatan dan mereka juga kurang berupaya melabur dalam perusaha kecil dan mikro untuk menambah pendapat. Sehingga keadaan seperti ini dapat mencetuskan perpindahan buruh ke kawasan bandar kemudian menyebabkan kemelesetan upah

[578] Lihat, M. Umer Chapra, *Islam And Economic Development*, 97.

[579] Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 277.

University of Malaya

dan kemerosotan mutu kehidupan. Keuntungan dan kekayaan hanya akan menumpuk di segelintir golongan sahaja.[580]

Untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang dan mengelakkan penumpuan kekayaan menurut Umer Chapra realisme perlu diperkenalkan ke dalam dasar-dasar rasmi dengan cara sebagai berikut:

1. Menghilangkan kecenderungan menentang pembangunan pertanian dan perusahaan kecil dan mikro.
2. Reformasi buruh. Menurut nilai Islam, majikan perlu menganggap pekerja sebagai ahli keluarga sendiri. Ini bermakna pekerja mestilah dihormati, dilayan dengan baik dan dijaga kesejahteraan mereka. Pemberian upah mestilah berada pada tahap yang membolehkan para pekerja memenuhi keperluan asas dan ahli dengan secukupnya. Sebaik-baiknya perkongsian untung juga ditawarkan dalam rangkaan hubungan jangka panjang seperti pengenalan Pelan Pemilikan Saham Pekerja (PPSP).[581]
3. Pulangan adil kepada penabung kecil dan pemegang saham. Kadar pulangan yang rendah bagi penabung mahupun pemegang saham yang disebabkan fiat pentadbiran dan karupsi korporat member impak jera kepada para penabung untuk melaburkan wangnya. Pulangan tidaklah mesti dalam kadar bunga yang tinggi, tetapi sebaliknya untuk menegaskan pentingnya pembiayan ekiti serta penyusunan semula bank dan syarikat kewangan bukan bank

[580] Lihat, M. Umer Chapra, *Islam And Economic Development*, 98.

[581] Lihat, M. Umer Chapra, *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* 99-100.

University of Malaya

supaya bersesuaian dengan matlamat syariah islamiyyah. Iaitu agar para penabung dan pelabur mendapatkan pulangan yang setimpal.[582]

4. Keadilan kepada para pengeluar, pengeksport dan pengguna.begitu halnya kadar pertukaran yang tidak munasabah dan kawalan harga yang tidak perlu akan dapat menjejaskan para pengeluar dan pengeksport. Sementara tariff perlingunan yang terlalu tinggi juga akan menjejaskan para pengguna. [583]

3.8.5. Teknologi baru

Menurut Khursid Ahmad ada dua faktor yang menyebabkan proses pembangunan akan dapat bertahan sendiri iaitu apabila sebuah negara bebas daripada bantuan asing, dan juga negara teresebut sudah dapat menguasai teknologi yang telah bertumbuh dalam suasana ekonomi dan budaya.[584] Teknologi baru di sini bermaksud teknologi yang sesuai dengan keadaan keperluan dan aspirasi Negara.[585] Oleh itu keutaman yang tinggi perlu diberikan kepada penyelidikan untuk dapat menghasilkan inovasi-inovasi baru dalam pengembangan kreativiti teknologi yang mempunyai cap sendiri.[586]

3.8.6. **Pengurangan penggantungan negara kepada dunia luar dan integrasi yang lebih erat di kalangan dunia Islam**.[587]

Sebagaimana dijelaskan di atas, bahawa salah satu faktor kejayaan dalam pembangunan ekonomi ialah dengan melepaskan diri dari bantuan Negara luar.

---

[582] Lihat, M. Umer Chapra, *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* 101-102.

[583] *Ibid.,* 102.

[584] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 277.

[585] Lihat, Surtahman Kastin Hasan, "Konsep Pembangunan Islam," 4.

[586] Lihat, Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Rangka Kerja Islam," 277.

[587] Lihat*, Ibid.,* 274.

University of Malaya

Negara luar yang dimaksudkan di sini ialah negara yang bukan Islam.[588] Dengan tujuan agar umat Islam tidaklah diperkudakan sepertimana yang berlaku pada saat ini.[589] Akan tetapi sebaliknya pertahanan dan kebebasan dunia Islam dan keamanan serta ketentraman umat manusia menjadi objektif utama dalam perancangan pembangunan. Oleh kerana itu, kesatuan dan kerjasama antar negara-negara Islam perlu diwujudkan dan dieratkan. Menurut Abulhassan kerjasama di kalangan negara Islam setidaknya memiliki dua keuntungan. *Pertama* akan dapat membantu mengimbangi ketidakseimbangan dalam sumber yang ada dan mencapai pembangunan ekonomi walaupun pembangunan sumber adalah penting tetapi tidak dapat menjamin ketersediaan sumber pelengkap. *Kedua* membantu mengurangkan kekangan saiz pasaran dalam pengindustrian, perkara ini dapat membantu penambahan saiz pasaran bagi negara yang gagal bersaing di pasaran dunia disebabkan perkembangan yang lembab.[590]

3.4. Kesimpulan

Pembangunan ekonomi dalam Islam tidaklah sama dengan pembangunan ekonomi konvensional, hal itu kerana pembangunan ekonomi Islam merupakan cawangan dari ilmu agama yang berasaskan tiga unsur iaitu *aqidah, syariah* dan *akhlak.* Sehingga pembangunan ekonomi Islam bersifat multi dimensi yang meliputi semua aspek kehidupan manusia. Seluruh aktiviti ekonomi manusia tidak hanya ditujukan sebagai pemuasan keperluan fizikal badannya semata, tetapi sebaliknya manusia memiliki tugas dan tanggung jawab kepada sang pencipta berkeperluan untuk kepentingan akhlak dan rohaninya. Pembangunan yang meletakkan agama dan akhlak

---

[588] Lihat, *Ibid.,* 278.

[589] Lihat, Surtahman Kastin Hasan, ”Konsep Pembangunan Islam,” 4.

[590] Lihat, Abulhassan Muhammad Sadeq, *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* 126-128.

University of Malaya

sebagai dasar utama dalam pengishlahan mahupun pembangunan yang sempurna yang berpandukan pada teori agama Islam, dengan matlamat akhirnya iaitu kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Dalam Islam konsep pembangunan ekonomi ia menyentuh semuan aspek tetapi sentiasa dalam rangka kerja pembangunan manusia keseluruhannya. Satu proses berbilang dimensi yang membabitkan kebaikan kebajikan menerusi kemajuan, penyusunan semula dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial, dan menerusi peningkatan rohaniah sejajar dengan ajaran Islam. Pembangunan yang seimbang antara kebendaan dan kerohanian, kualitatif dan kuantitatif, luaran mahupun dalaman. Pembangunan yang mewujudkan ciri-ciri keislaman dalam diri individu, keluarga, sosial dan kehidupan umat Islam dan juga pengurusan sebuah negara. Pembangunan yang menganggap diri manusia sendirilah sebagai sumber segala aktiviti pembangunan termasuk aspek moral, material dan spiritual, ekonomi dan sosial, jasmani dan rohani semuanya menjadi padu yang tidak boleh dipisahkan.

Sehingga dalam pelaksanaannya pembangunan ekonomi Islam berasaskan pada tujuh prinsip iaitu tasawur Islam sebagai acuan pembangunan, manusia sebagai pelaku pembangunan, alam roh, alam dunia dan alam akhirat sebagai skala waktu pembangunan, ilmu fardhu ‘ain sebagai rangkaan, ibadah sebagai perkaudahan, sumber alam sebagai alat pembangunan, *marḍotillah* merupakan matlamat akhir dari pembangunan. Manakala asas pendekatannya melalui tauhid, rububiyyah, ‘adalah, khilafah dan tazkiyyah. Manakala unsur-unsur yang mesti diperhatikan dalam pembangunan ekonomi ialah pembangunan yang komprehensif termasuklah aspek moral, kerohanian dan kebendaan, inti daripada proses pembangunan ialah manusia, kegiatan pembangunan mesti bersifat pelbagai dimensi, pembangunan yang melibatkan

University of Malaya

perubahan kuantitatif dan kualitatif, pengunaan sumber alam secara optimum dan mengagihkannya dengan cara adil.

Sedangkan indikasi keberhasilan sebuah pembangunan ekonomi mengikut pandangan Islam mestilah merangkumi: kurangnya tingkat perbezaan pendapatan yang dapat dilihat dari pemerataan dan perbezaan dari daerah ke daerah yang lain, kemakmuran mahupun kesejahteraan yang terangkum di dalamnya rasa aman, kebathilan tidak berkembang, kebaikan berkembang dan tumbuh subur, perubahan sosial bukan suatu hasil daripada kekuatan sejarah yang telah ditentukan. Ertinya perbuhan sosial merupakan hasil daripada perencanaan dan rekayasa yang bertujuan untuk menuju suatu norma atau pelatuaran.

University of Malaya

BAB IV

PESANTREN DAN PEMBANGUNAN EKONOMI DI JAWA TIMUR

4.1. Gambaran Umum Negeri Jawa Timur

Negeri Jawa Timur merupakan satu wilayah yang terletak di Pulau Jawa, selain Wilayah Daerah Khusus Ibukota Jakarta (DKI Jakarta), Banten, Jawa Barat, Jawa Tengah, dan wilayah Daerah Istimewa Yogyakarta. Wilayah Jawa Timur terletak pada 111.00 hingga 114.40 Bujur Timur dan 7.120 hingga 8,480 Lintang Selatan. Apabila dilihat dari peta pulau Jawa, maka wilayah Jawa Timur merupakan wilayah paling timur dengan keluasan mencapai 48,256 km^2 yang dibahagi kepada 38 daerah/bandar, 29 daerah dan 9 bandar yang terdiri di dalamnya 662 kecamatan, 782 kelurahan dan 7,741 kampung.[591]

Manakala kepadatan penduduk di wilayah Jawa Timur termasuk terbesar nombor dua di Negara Indonesia selepas wilayah Jawa Barat, dalam waktu lima tahun terakhir dari tahun 2009 hingga tahun 2013 penduduk wilayah Jawa Timur sentiasa mengalami peningkatan yang stabil. Pada tahun 2009 jumlah penduduk Jawa Timur seramai 37.33 juta orang, tahun 2010 mengalami kenaikan sebanyak 0.6 peratus menjadi 37.565 juta orang, dan tahun 2011 juga mengalami kenaikan sebanyak 0.7 peratus menjadi 37.84 juta orang, dan pada tahun 2012 juga mengalami kenaikan dari tahun sebelumnya sebanyak 0.7 peratus menjadi 38.10 juta orang begitu halnya pada tahun 2013 juga terjadi peningkatan penduduk sebanyak 0.6 peratus sehingga menjadi 38.36 juta orang. Nampaknya peningkatan penduduk di wilayah Jawa Timur ini dapat terkawal dengan baik seiring dengan peningkatan dalam penyediaan hospital yang

[591] Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, "Geografi dan Iklim", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur,* dicapai 18 Mei 2014, http://jatim.bps.go.id/index.php?hal=subject&id=1

University of Malaya

tersebar di seluruh wilayah Jawa Timur sebanyak 251 hospital kerajaan mahupun hospital swasta serta penubuhan pusat kesihatan masyarakat (PUSKESMAS) sebanyak 960 buah yang tersebar di perkampungan.[592] Perkara ini membuktikan bahawa wilayah Jawa Timur termasuk dalam kategori wilayah yang sihat. Pertumbuhan penduduk di wilayah Jawa Timur dalam lima tahun terakhir dapat diperhatikan pada rajah berikut:

Rajah 4.1. Peningkatan Penduduk Wilayah Jawa Timur dari Tahun 2009 hingga 2013

Sumber Data: Diubahsuai dari Badan Pusat Statistik Wilayah Jawa Timur 2014

Perhatian kerajaan negeri Jawa Timur juga tidak terhad pada aspek kesihatan sahaja melainkan peningkatan pertumbuhan penduduk juga diiringi dengan penyediaan sekolah umum mahupun sekolah agama. Program wajib belajar Sembilan tahun iaitu dari Sekolah Darjah enam tahun dilanjutkan dengan tiga tahun di Sekolah Menengah Pertama merupakan usaha nyata untuk memberantas celik mata. Merujuk pada data yang dilekuarkan oleh Badan Pusat Statistik wilayah Jawa Timur dinyatakan bahawa dari tahun 2008 sampai 2013, capaian Angka Melek Huruf (AMH) penduduk usia 15 tahun ke atas di Jawa Timur sudah sangat baik, iaitu meningkat dari 87.43 peratus pada

[592] Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, "Penduduk", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur,* dicapai 18 Mei 2014, http://jatim.bps.go.id/index.php?hal=subject&id=3.

University of Malaya

tahun 2008, telah mencapai 90.49 peratus pada tahun 2013. Secara keseluruhan taraf pendidikan penduduk di wilayah Jawa Timur dapat diperhatikan dari jumlah sekolah serta jumlah pelajar. Hal itu dapat diperhatikan pada jadual berikut:

Jadual 4.1. Jumlah Lembaga Pendidikan di Wilayah Jawa Timur Beserta Ramainya Pelajar Dan Guru Pada Sesi Pengajaran 2013/2014

Bil	Tingkat Pendidikan	Jumlah Sekolah	Jumlah Pelajar	Jumlah Guru
1	Taman Kanak-Kanak (Tadika)	17,610	749,348	68.945
2	Sekolah Dasar (Darjah)	19,734	3,311,968	215,393
3	Sekolah Menengah Pertama (SMP) atau Penilaian Menengah Rendah (PMR)	3,983	1,343,764	94,818
4	Sekolah Menengah Atas (SMA) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	1,285	495,317	37,951
5	Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) atau Sijil Pelajaran Malaysia Vocasional (SPMV)	1,349	561,43	43,94
6	Tadika Islam *(Rauḍatu al-Aṭfāl)*	6,660	304,389	24,150
7	Taman Pendidikan Quran (TPQ)	38,895	2,570,880	202,654
8	Al-Madrasah al-Dīniyyah (Madin)	26,827	1,900,616	198,342
9	MI (al-Madrasah al-Ibtidāiyyah)	7,032	1,007,632	86,511
10	MTs (al-Madrasah al-Thanāwiyyah)	3,081	687,027	58,995
11	MA (al-Madrasah al-'Āliyyah)	1,413	368,347	28,282
12	Pondok Pesantren	6,561	950,899	89,956

Sumber data: Diubahsuai dari Data Badan Pusat Statistik Wilayah Jawa Timur 2014

Apabila diperhatikan daripada jadual di atas, difahamkan bahawa tingkat pendidikan di wilayah Jawa Timur terbahagi menjadi dua sistem pembelajaran iaitu umum dan agama. Sekolah umum dengan sistem pengajaran di bawah kementerian pelajaran dan kebudayaan kerajaan Indonesia (Kemdiknas) iaitu terdiri daripada sekolah Tadika, sekolah Darjah, Sekolah Menegah Pertama, Sekolah Menengah Atas dan Sekolah Menegah Kejuruan. Manakala sekolah agama dengan sistem pembelajaran di

University of Malaya

bawah kementerian agama kerajaan Indonesia (Kemenag) terdiri daripada Tadika (*Rauḍatu al-Aṭfāl)*, Al-Madrasah al-Dīniyyah, al-Madrasah al-Ibtidāiyyah, al-Madrasah al-Thanāwiyyah, al-Madrasah al-'Āliyyah dan Pondok Pesantren. Secara keseluruhan apabila kita campurkan sekolah umum dari Tadika hingga sekolah Menegah Atas Negeri Jawa Timur memiliki sebanyak 43,961 buah sekolah, dengan jumlah pelajar seramai 5,956,540 pelajar dan jumlah pengajar 421,501 guru. Manakala sekolah agama dari tingkatan Tadika *(Rauḍatu al-Aṭfāl)* hingga pondok pesantren sebanyak 90,469 buah madrashah dengan jumlah santri seramai 7,789,790 santri dan jumlah pengajar seramai 688,890 ustaz/ustazah. Apabila kita bandingkan antara kedua sistem pembelajaran di sekolah umum mahupun sekolah agama dapat kita lihat pada rajah di bawah ini.

Rajah 4.2. Perbandingan Jumlah Sekolah, Pelajar dan Pengajar di Sekolah Umum dan Sekolah Agama di Wilyaha Jawa Timur Tahun Ajaran 2013/2014



Sumber data: Diubahsuai Dari Data Badan Pusat Statistik Wilayah Jawa Timur 2014

Dari rajah di atas difahamkan bahawa perbandingan antara sekolah umum dan sekolah agama di wilayah Jawa Timur iaitu 33 berbanding 67, dengan selisih jumlah angka yang sangat ketara sekali iaitu 46,508 buah sekolah atau 51.4 peratus lebih banyak sekolah aliran agama. Perkara ini membuktikan bahawa pertumbuhan

University of Malaya

pembagunan dalam aspek pendidikan keagamanan masyarakat Jawa Timur sangat baik sekali. Begitu halnya pada perbandingan jumlah pelajar di antara kedua sekolah umum dan agama di wilayah Jawa Timur iaitu 43 berbanding 57, dengan selisih pelajar seramai 1,889,393 pelajar atau 24 peratus lebih banyak pelajar di sekolah agama daripada sekolah umum. Selisih 24 peratus dari jumlah pelajar di sekolah agama ini memungkinkan terjadi pada tingkat Taman Pendidikan Quran (TPQ) yang merupakan kelas bimbingan untuk membaca al-Quran dan belajar *farḍu A'yn* di luar jam sekolah. Manakala perbandingan pengajar antara sekolah umum dan agama iaitu 38 berbading 62, dengan selisih guru seramai 261,389 guru atau 39 peratus lebih ramai di sekolah agama.

Sehingga apabila diperhatikan dari jumlah pesantren di Jawa Timur yang mencapi 6,561 pesantren dengan jumlah santri seramai 950,899 santri. Berbanding dengan sekolah umum yang setingkat dengan pembelajaran di pesantren iaitu Sekolah Menengah Atas (SMA) dan Sekolah Menegah Kejuruan (SMK) hanya 2,634 buah sekolah dengan jumlah pelajar 551,460 pelajar, maka setidaknya masyarakat Jawa Timur telah memiliki kepercayaan kepada pesantren sebagai institusi pendidikan yang mampu memberikan harapan kepada ibu bapa atau setidaknya masyarakat telah merasakan peranan positif dari kewujudan institusi pesantren sama ada melalui sistem pembelajaran di pesantren mahupun peranan yang dilakonkan oleh para alumni pesantren. Oleh kerana itu kajian ini sangat menepati dengan latar belakang pendidikan masyarakat di wilayah Jawa Timur dengan merujuk pada jumlah pesantren yang lebih banyak berbanding dengan sekolah umum iaitu 72 berbanding 28 atau 71 peratus (3,927 buah pesantren) lebih banyak dari sekolah SMA dan SMK. Begitu halnya perbandingan jumlah santri pesantren berbanding dengan pelajar di sekolah umum yang setingkat

University of Malaya

SMA dan SMK iaitu 64 berbanding 36 atau 36.7 peratus lebih ramai santri pesantren (399,439 santri) daripada pelajar di sekolah umum.

Dalam kajian ini, tiga pesantren dipilih atas dasar kecemerlangan dan beberapa faktor seperti yang telah dijelaskan pada bab satu dengan tipologi sistem pembelajarannya yang berbeza antara satu pesantren dengan pesantren yang lainnya. Semua tiga pesantren tersebut terletak di Negeri Jawa Timur dan di dua Kabupaten yang berbeza iaitu, Pesantren Sidogiri terletak di kampung Sidogiri, Kecamatan Kraton dan Kabupaten Pasuruan, Pesantren al-Yasini Areng-Areng terletak di kampung Areng-Areng, wilayah Wonorejo Bandar Pasuruan dan Pesantren Moden Gontor terletak di kampung Gontor, wilayah Mlarak Bandar Ponorogo.

4.2. Sejarah Singkat Tiga Kes Pesantren di Jawa Timur

4.2.1. Sejarah Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Pondok Pesantren Sidogiri (PPS) yang terletak di tengah-tengah kampung Sidogiri, Wilayah Kraton Bandar Pasuruan Negeri Jawa Timur merupakan salah satu pesantren salafiyyah tertua di Indonesia yang telah wujud sejak dua abad yang lalu. Hingga saat ini pada tahun 2014 jumlah santri di Pesantren Sidogiri seramai 6,056 santri. Manakala jumlah penduduk kampung Sidogiri hanya seramai 3,167 orang.[593] Sehingga apabila dibuat perbandingan antara jumlah santri dan jumlah penduduk sekitar pesantren iaitu 66 peratus lebih ramai santri pesantren berbanding dengan 34 peratus dari jumlah seluruh penduduk sekitar pesantren.

Pada awal mulanya kampung Sidogiri masih berbentuk hutan, kemudian diterokai oleh seorang sayyid dari Cirebon Jawa Barat bernama Sayyid Sulaiman.

[593] Badan Pusat Statistik Wilayah Pasuruan, "Penduduk", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Kabupaten Pasuruan,* dicapai 18 Mei 2014, http://pasuruankab.bps.go.id/?hal=publikasi_detil&id=148

University of Malaya

Mengikutkan salasilah orang tuanya, Sayyid Sulaiman merupakan anak dari Sayyid Abdurrahman iaitu seorang perantau dari negeri Tarim Hadramaut Yaman. Manakala ibunya Syarifah Khodijah adalah puteri daripada Sultan Hasanuddin bin Syarif Hidayatullah (Sunan Gunung Jati). Beliau menubuhkan Pesantren Sidogiri atas bantuan dari Kiai Aminullah yang merupakan santri sekaligus menantu beliau yang berasal dari pulau Bawean Jawa Timur. Beliau meneroka Sidogiri lebih kurang pada tahun 1158 H atau bersamaan 1745 M yang pada waktu itu masih berupa hutan belantara. Sekalipun ada dua pendapat tentang berdirinya Pesantren Sidogiri iaitu tahun 1718 M dan tahun 1745 M, akan tetapi mengikutkan *ḥaul*[594] peringatan hari jadi Pesantren Sidogiri yang setiap tahun diadakan, lebih mengikut versi yang terakhir iaitu ditubuhkan pada tahun 1745 M.[595]

Selepas Sayyid Sulaiman wafat sekitar pertengahan abad ke-18 M, Pesantren Sidogiri ditadbir oleh Kiai Aminullah. Pentadbiran beliau berakhir hingga akhir abad ke-18 M, selanjutnya Sidogiri ditadbirkan oleh Kiai Mahalli. Lebih kurang hingga awal abad ke-19 M, pengurusan pesantren beralih kepada Kiai Abu Dzarrin iaitu santri daripada Kiai Mahalli yang masih memiliki garis keturunan dengan Sayyid Sulaiman pengasas Pesantren Sidogiri. Selepas Kiai Abu Dzarrin wafat, pengurusan pesantren digantikan oleh Kiai Noerhasan iaitu pada pertengahan abad ke-19 M. Kiai Noerhasan merupakan menantu daripada Kiai Mahalli. Kemudian pada awal abad ke-20 M, Kiai Bahar putera Kiai Noerhasan bersama adiknya bernama Kiai Nawawie mengantikan kepengurusan Pesantren Sidogiri. Selepas beliau wafat pada tahun 1900an hingga 1947 M, Kiai Abd. Djalil bin Fadhil

[594] Haul adalah istilah untuk memberikan tanda wafatnya seseorang telah sampai masa satu tahun. Tim Redaksi Kamus Bahasa Indonesia, *Kamus Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Indonesia,2008), 530, entri "erat."

[595] A. Saifulloh Nadji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H* (Sidogiri: Penerbit dan Percetakaan Sidogiri Kraton, 2013), 11.

University of Malaya

yang merupakan menantu kedua daripada Kiai Nawawie mengantikan kepengurusan Pesantren Sidogiri.

Sejak kepengurusan di bawah Kiai Abd. Djalil pada tahun 1938 M, Pesantren Sidogiri mulai mengembangkan pembelajarannya dengan memakai dua sistem iaitu sistem pengajian madrasiyyah[596] dan sistem pengajian ma'hadiyyah.[597] Kemudian selepas beliau wafat pada tahun 1947 M, Sidogiri diuruskan oleh Kiai Cholil Nawawie. Untuk menjaga sistem dan kestabilan pengurusan pesantren, maka pada masa pengurusan Kiai Cholil Nawawie membentuk satu wadah permusyawaratan pesantren dengan nama Pancawarga. Panca bermaksud lima dan warga bererti anggota atau ahli. Pancawarga membawa erti lima ahli keluarga atau lima putera Kiai Nawawie bin Noerhasan. Mereka itu ialah Kiai Noerhasan, Kiai Cholil, Kiai Siradjul Millah Waddin, Kiai Sa'doellah dan Kiai Hasani. Dengan terbentuknya majlis Pancawarga ini lahirlah pelapis Ahlu Sunnah wal Jamaah (Kahanas) yang sekarang berubah nama menjadi Annajah sebagai wadah organisasi ekstra kokulikuler yang fakus dalam kajian dan pendalaman tentang aqidah bagi santri Tsanawiyyah. Manakala untuk masyarakat sekitar Pancawarga membuka cawangan Madrasah Miftahul Ulum (MMU) di sekitar pesantren, dengan tujuan meningkatkan kualiti pendidikan masyarakat dan memberantas celik mata. Selepas

---

[596] Sistem pengajian madrasiyyah iaitu kurikulum yang digunakan mengunakan sistem diniyah yang disunsun sendiri berdasarkan prinsip pendidikan salaf 'ala thoriqoh ahlu sunnah wal jam'ah dengan menggunakan metod yang disesuaikan, tetapi tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip salaf iaitu menjaga tradisi lama yang baik dan mengambil sesuatu yang baru yang lebih baik. Dengan jenjang pembelajarannya: 1). Sifir selama 1 tahun, 2). Ibtidaiyyah selama 6 tahun, 3). Tsanawiyyah selama 3 tahun, 4). 'Aliyyah selama 3 tahun. Buku Penjelasan Pengurus Ponok Pesantren Sidogiri dalam pertemuan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri dan Wali Santri Wilayah Situbondo, Bondowoso, Jember, dan Banyuwangi tahun ajaran 1434 – 1435 H. h, 6.

[597] Manakala sistem pengajian makhadiyyah iaitu merangkumi kegiatan pembelajaran, pendalam ilmu dan keterampilan-keterampilan yang dilaksanakan melalui program pendidikan makhadiyyah. Seperti program ta'limiyyah wa tahfdiz al-Quran yang meliputi qiraah, pengajian kitab kuning, bengkel al-miftah lil ulum, musyawarah kitab, Kaderisasi fuqaha' Tsanawiyyah, tahfdiz al-Quran, dan lainnya. Buku Penjelasan Pengurus Ponok Pesantren Sidogiri dalam pertemuan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri dan Wali Santri Wilayah Situbondo, Bondowoso, Jember, dan Banyuwangi tahun ajaran 1434 – 1435 H. h, 14.

University of Malaya

melihat sambutan baik daripada masyarakat serta perlunya penyebaran ajaran Islam ke seluruh wilayah Indonesia, maka majlis pancawarga juga mencetuskan satu idea dengan membentuk Urusan Guru Tugas (UGT) untuk menghantar guru tugas ke daerah minoriti muslim. Di samping itu guna menyokong seluruh pembiayaan sama ada pembiayaan keperluan pesantren mahupun pembiayaan penugasan guru tugas, maka Pancawarga juga menubuhkan Koperasi Pondok Pesantren (kopontren). Berawal dari penubuhan kopontren inilah, Sidogiri sampai sekarang telah memiliki Cawangan kopontren sebanyak 62 usaha ekonomi, 67 cawangan BMT-MMU (Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Maslahah Mursalah lil Ummah) yang awalnya merupakan singkatan dari Madrasah Miftahul Ulum dan 228 Cawangan BMT-UGT (Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Usaha Gabungan Terpadu) yang awalnya singkatan dari Urusan Guru Tugas yang tersebar di seluruh Indonesia.

Selain pertumbuhan usaha ekonomi Pesantren Sidogiri yang begitu pesat, jumlah santri dari tahun ke tahun juga sentiasa mengalami penambahan. Hal ini merupakan bukti kepercayaan masyarakat kepada Pesantren Sidogiri dengan sistem salafiyyah *'Alā ṭorīqati al-ahli al-sunnati wa al-jamā'ah*.[598] Tidak hairan apabila di setiap tahunnya jumlah santri yang belajar di pesantren ini masih sentiasa stabil di atas jumlah 6000an santri. Bahkan jumlah santri baru pada lima tahun terkahir sentiasa mengalami pertambahan dari tahun ke tahunnya. Pada tahun 2010 M santri baru sebanyak 843 orang, kemudian tahun 2011 M naik menjadi 1,047 orang bahkan pada tahun 2014 M jumlah santri baru mencapai 1,679 orang. Data santri secara keseluruhan dari santri baru hingga santri lama pada tahun 2014 M di Pesantren Sidogiri dapat diperhatikan pada jadual berikut:

[598] Sekretariat Pondok Pesantren Sidogiri, "Buku Penjelasan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri Dalam Pertemuan Wali Santri Situbondo, Bondowoso, Jember dan Banyuwangi 2 Maret 2014 dan 9 Maret 2014" (Buku Penjelasan Pengurus, Pondok Pesantren Sidogiri, Pasuruan, Februari 2014), 4.

University of Malaya

Jadual 4.2. Data Santri Pesantren Sidogiri Pada Tahun 2014

Bil	Tingkatan Pendidikan	Jumlah Santri
1	I'dadiyyah	561
2	Istidadiyyah	856
3	Ibtidaiyyah	1497
4	Tsanawiyyah	2114
5	'Aliyyah	855
6	Kuliah Syariah	17
	Jumlah Santri keseluruhan	**6,056**

Sumber: Dokumen Rasmi Pesantren Sidogiri Pasuruan Tahun 2014.

4.2.2. Sejarah Pesantren Kombinasi Al-Yasini Areng-Areng

Pondok pesantren terpadu Miftahul Ulum al-Yasini yang terletak di kampung Areng-areng wilayah Wonorejo Bandar Pasuruan Negeri Jawa Timur telah berdiri sejak tahun 1940 M dengan model pengajian *sorogan*.[599] Pondok pesantren ini ditubuhkan oleh Kiai Yasin Abdul Ghoni. Oleh kerana itu pesantren ini terkenal dengan nama pesantren al-Yasini. Selepas Kiai Yasin wafat pada tahun 1953 M kepemimpinan pesantren al-Yasini diambil alih oleh putera beliau bernama Kiai Imron Fatchullah yang merupakan alumnai daripada Pesantren Sidogiri Pasuruan. Di bawah kepemimpinan beliau pondok pesantren al-Yasini mulai mengembangkan pendidikan klasikal tingkat Madrasah Diniyyah. Sehingga pada tahun 1963 M, berdirilah pesantren putri al-Yasini, selanjutnya pada tahun 1980 M ditubuhkan pesantren putra al-Yasini dan pada tahun 1984 M, barulah Kiai Imron Fatchullah menubuhkan *Madrasah Mu'allimāt li al-Banāt*. Selepas Kiai Imron Fatchullah wafat, pesantren al-Yasini sejak tahun 1990 M, pengurusan pesantren diuruskan secara bersama-sama iaitu oleh Kiai A. Mujib Imron bersama saudara lelaki beliau bernama Kiai M. Ali Ridlo Kholil, dibantu dengan saudara-saudara beliau iaitu Dr. Ir. H.

[599] Lihat bab dua, h. 84.

University of Malaya

Ahmad Fuadi, M.Si, Hj. Masluchah, Hj. Hanifah dan Dr. Hj. Ilfi Nurdiana, M.Si. Berkat sokongan dan motivasi serta doa dan bimbingan daripada ibu Nyai Hj. Zakiyah yang merupakan ibunda daripada Kiai A. Mujib Imron, pesantren al-Yasini berkembang menjadi pesat. Sehingga pada tahun 2008 sehingga 2014 jumlah santri yang belajar di pesantren ini mencapai 4,675 orang, bahkan santri baru sahaja pada tahun pembelajaran 2014 mencapai 1,573 santri. Manakala jumlah seluruh penduduk sekitar pesantren al-Yasini hanya mencapai 4,292 orang dengan jumlah tangga sebanyak 1,109 buah.[600] Apabila dicampurkan jumlah santri dan jumlah masyarakat sekitar pesantren seramai 8,967 dengan perbandingan 53 peratus santri pesantren dan 47 peratus penduduk sekitar pesantren. Data santri di Pesantren al-Yasini hingga bulan Juni 2014 dapat diperhatikan pada jadual berikut.

Jadual 4.3. Data Santri Al-Yasini Pada Tahun 2014

Bil	Institusi Pendidikan	Jumlah Santri
1	Perguruan Tinggi STAI Al-Yasini	155
2	Sekolah Menengah Kejuruan Kesehatan al-Yasini	112
3	Madrasah ‘Aliyah Negeri Kraton al-Yasini	477
4	Sekolah Menengah Atas Excellent al-Yasini	776
5	Sekolah Menengah Kejuruan Negeri Wonorejo al-Yasini	936
6	Madrasah Tsanawiyyah al-Yasini	504
7	Sekolah Menengah Pertama Unggulan al-Yasini	344
8	Sekolah Menengah Negeri 2 Kraton al-Yasini	674
9	Madrasah Salafiyyah al-Yasini	353
10	Madrasah Diniyyah al-Yasini	1013
11	Sekolah Dasar Islam al-Yasini	115
12	Tadika	67
13	Kejar Paket A, B dan C	161
	Jumlah Santri keseluruhan	**4,675**

Sumber: Dokumen Rasmi Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan Tahun 2014.

[600] Badan Pusat Statistik Wilayah Pasuruan, “Penduduk”, Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Kabupaten Pasuruan,* dicapai 18 Mei 2014, http://pasuruankab.bps.go.id/?hal=publikasi_detil&id=148

University of Malaya

Pada tahun 2005 M di bawah kepemimpinan Kiai A. Mujib Imron Pesantren al-Yasini telah rasmi menjadi pondok pesantren terpadu di Indonesia yang dirasmikan oleh Menteri Agama Republik Indonesia Maftuh Basyuni. Perkembangan pesantren al-Yasini semakin nampak di bawah pentadbiran beliau, terbukti sejak tahun 1993 M, ditubuhkannya sekolah formal Tadika Islam, kemudian pada tahun 1994 M berdiri sekolah Madrasah Tsanawiyyah (MTs), pada tahun 1997 M berdiri sekolah Madrasah 'Aliyyah (MA) yang sekarang telah rasmi menjadi Madrasah 'Aliyyah Negeri (MAN), pada tahun 2001 M berdiri Sekolah Dasar Islam (SDI), pada tahun 2003 M berdiri Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) dengan tujuan melahirkan insan yang trampil, cerdas dan religious. Beberapa kelas unggulannya seperti program keahlian teknik kendaraan ringan (TKR), multimedia dan teknik komputer dan jaringan. [601]

Pada tahun 2004 M berdiri pula Sekolah Menengah Atas (SMA) dengan program unggulannya kelas cemerlang *(excellent class)* iaitu pelajar diberikan pembelajaran yang khas dengan model satu kelas dua guru (*team teaching*) dan kelas wirausaha *(entrepreneur class)* iaitu memperbanyak kegiatan yang berbentuk pengembangan potensi dan ketrampilan dalam berniaga seperti fashion designer, desain grafis, shooting editing, master chef. Termasuklah pada masa tempoh kepemimpinan beliau pula Himpunan Pengusaha Santri Indonesia (HIPSI) ditubuhkan. Penubuhan HIPSI di Pesantren al-Yasini ini memiliki matlamat iaitu menjadi sebuah wadah aspirasi para pengusaha-pengusah daripada kalangan santri

[601]Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "Sejarah", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

University of Malaya

serta memperdayakan ekonomi masyarakat dengan visinya mencetak satu juta santri pengusaha.[602]

Selanjutnya pada tahun 2004 M berdiri pula Madrasah Ddiniyyah sebagai institusi pendidikan bukan formal yang membekali santri dengan ilmu-ilmu keagamaan. Kemudian pada tahun 2007 M ditubuhkan pula Sekolah Menengah Pertama Unggulan (SMP) yang berbasis sains dan teknologi dengan tujuan untuk mewujudkan santri yang unggul dalam ilmu pengetahuan dan teknologi dengan berbekalkan iman, taqwa dan akhlakul karimah. Pada tahun yang sama 2007 M pesantren al-Yasini juga mendirikan Sekolah Tinggi Kejuruan Ilmu Pendidikan (STKIP) dengan program akademik Matematika, Bahasa Inggris, Bahasa Indonesia dan Pendidikan Agama Islam. Pada Tahun 2010 M berdirilah Sekolah Tinggi Agama Islam Al-Yasini dengan program akademik manajemen pendidikan Islam, Ekonomi, Syariah, Pendidikan dan Bahasa arab. Pada tahun yang sama juga Kiai Mujib menubuhkan Akademi Kebidanan ar-Rahma (AKBID) yang bekerjasama dengan Rumah Sakit Umum Daerah (RSUD) di Bandar Bangil, Pasuruan, Porong, Sidoarjo, Probolinggo, Lumajang dan lainnya. Untuk mempersiapkan pelajar sebelum masuk ke sekolah tinggi kedokteran, maka pada tahun 2011 M pesantren al-Yasini menubuhkan Sekolah Menengah Kejuruan Kesihatan (SMKKes). [603]

Sehingga pesantren al-Yasini memiliki ciri khas tersendiri yang membezakan dengan pesantren salafiyyah mahupun pesantren moden. Ciri khas tersebut merangkumi sebagai berikut:

---

[602]HIPSI Himpunan Pengusaha Santri "Anggaran Dasar", laman sesawang *Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 19 Mei 2014. http://hipsi.or.id/profil-hipsi/anggaran-dasar.

[603] Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "Sejarah", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

University of Malaya

1. Mempertahankan tradisi salaf .
2. Misi dakwahnya ialah *al-'amar bi al-ma'rūf wa al-nahyu 'an al-munkar'*, tercermin dari sikapnya yang cerdas dalam menyikapi keperluan masyarakat untuk memenuhi tuntutan zaman.
3. Sistem pembelajaran mengkombinasikan antara metod salafiyyah dan moden. Kaedah salafiyah diterapkan dengan mengkaji kitab-kitab kuning, baik di madrasah dengan sistem klasikal maupun pengajian wetonan. Manakala metod moden dengan menyelenggarakan pendidikan berdasarkan kurikulum KTSP, UU no. 20/2003 sesuai prinsip mempertahankan tata kehidupan lama yang baik dan mengambil metod baru yang inovatif.
4. Menyelenggarakan pendidikan dan pengajaran full day school secara optimal dengan menerapkan pola perpaduan antara Ilmu teknologi (IPTEK) dan Iman dan taqwa (IMTAQ), pikir dan dzikir, intelektual dan moral.
5. Dalam pelaksanaannya sekolah formal menyokong tujuan sistem pesantren sementara pembelajaran pesantren dengan sistem salafiyyahnya menyokong keberhasilan pendidikan formal.[604]

4.2.3. Sejarah Pesantren Moden Gontor Ponorogo

Sejarah pesantren Gontor tidak lepas dari sejarah pesantren Tegalsari bandar Ponorogo Negeri Jawa Timur. Sejak abad ke-18 pesantren Tegalsari telah mencapai kejayaan di bawah pentadbiran Kiai Ageng Hasan Besari. Kemudian selepas beliau wafat pesantren Tegalsari ditadbir oleh Kiai Khalifah. Pada zaman beliau inilah pesantren Tegalsari menghantar menantunya Kiai Khalifah yang bernama Sulaiman Jamaluddin untuk menubuhkan pesantren sendiri di kampung Gontor yang jaraknya

[604] Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "visi dan misi", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

University of Malaya

lebih kurang 3 km sebalah timur Tegalsari dan 11 km ke arah tenggara dari bandar Ponorogo negeri Jawa Timur. Kiai Sulaiman Jamaluddin hanya bermodalkan 40 santri dari Tegalsari untuk bersama-sama meneroka dan mengasaskan Pesantren Gontor. Nama Pesantren Gontor diambil dari sebuah nama kampung yang bernama Gontor. Gontor bermaksud *ngon kotor* atau tempat kotor. Hal itu kerana pada pertengahan abad ke-18 kampung Gontor merupakan kawasan hutan yang belum diterokai sepenuhnya. Hutan tersebut dikenali sebagai tempat para penyamun, perompak, penjahat, pemabuk dan lebih identik dengan prilaku jenayah.[605] Kemajuan pesantren Gontor semakin berkembang di bawah pengurusan puteranya iaitu Kiai Anom Besari. Selepas Kiai Anom Besari wafat pesantren Gontor ditadbir oleh puteranya Kiai Santoso Anom Besari. Akan tetapi pada masa kepemimpinan beliau Gontor mengalami kemunduran, hal itu disebabkan lemahnya pelapis yang mesti disiapkan oleh pengasasnya iaitu Kiai Sulaiman Jamaluddin.[606]

Akan tetapi selepas wafatnya Kiai Santoso Anom Besari di tangan penjajah, maka istri beliau nyai Santoso menghantarkan tiga dari tujuh putera dan puterinya ke pelbagai institusi pendidikan Islam dengan harapan agar sepulangnya nanti dapat melanjutkan perjuangan ayahnya iaitu meningkatkan kualiti pendidikan di pesantren Gontor. Mereka ialah Kiai Ahmad Sahal putera ke lima (1901 M – 1967 M), Kiai Zainuddin Fanani putera ke enam (1908 M – 1967 M) dan Kiai Imam Zarkasyi putera ke tujuh (1910 M – 1985 M) yang sekarang dikenal dengan sebutan Trimurti atau tiga pengasas Pesantren Moden Gontor.[607] Berawal dari peristiwa Konggres

---

[605] Pondok Modern Darussalam Gontor "Latar Belakang", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/latar-belakang.

[606] Amir Hamzah Wiryosukarto et all., *K.H. Imam Zarkasyi dari Gontor Merintis Pesantren Modern,* (Ponorogo: Gontor Press), 42.

[607] Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Raja Grafindo Persada, h. 87

University of Malaya

Ummat Islam Hindia Belanda di Indonesia pada tahun 1926 M dan atas dasar keperihatinan beliau terhadap kemunduran institusi pendidikan Islam pada saat itu yang tidak mampu bersaing dengan institusi pendidikan penjajah mahupun *zending*-misionaris kristian, maka Pesantren Moden Gontor diasaskan kembali. Iaitu pada tarikh 20 September 1926 M bertepatan dengan hari Isnin, 12 Rabi'ul Awwal 1345 H dalam peringatan maulid nabi Muhammad S.A.W.[608]

Langkah pertama untuk menghidupkan kembali Pesantren Gontor adalah dengan membuka *Tarbiyyatu al-Aṭfāl* (TA) setingkat tadika, iaitu program pendidikan peringkat asas. Materi, sarana dan prasarana pendidikan sangat sederhana. Tetapi, berkat kesungguhan pengasas Gontor baru, usaha ini membangkitkan semangat belajar masyarakat desa Gontor. Minat yang sangat tinggi ini diperluaskan dengan mendirikan cawangan-cawangan TA di kampung-kampung sekitar Gontor yang ditangani oleh para pelapis yang telah disiapkan.[609] Kemudian selepas enam tahun TA ditubuhkan, tercetus idea untuk membuka program lanjutan yang di beri nama *"Sullamu al-Muta'allimīn"* (SA) pada tahun 1932. Pada tingkat ini, para santri diajari secara lebih mendalam dan luas ilmu-ilmu agama, berpidato, diskusi, juga diberi sedikit bekal untuk menjadi guru. Di samping itu, mereka juga diajari ketrampilan, kesenian, sukan, kepanduan dan lainnya.[610] Nampaknya kehadiran TA dan SA telah menarik minat belajar masyarakat. Perkembangan tersebut cukup menggembirakan hati dan sangat disyukuri oleh pengasuh pesanten Gontor. Kesyukuran yang ditandai dengan acara 10 tahun pondok, menjadi semakin lengkap dengan pembukaan program pendidikan baru tingkat menengah pertama dan

---

[608] *Ibid.,*

[609] Pondok Modern Darussalam Gontor "Sejarah", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/sejarah.

[610] Pondok Modern Darussalam Gontor "Sejarah", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/sejarah.

University of Malaya

menengah atas yang dinamakan Kulliyyatul Mu'allimīn Al-Islāmiyyah (KMI) atau sekolah guru Islam, yang memamerkan kebangkitan sistem pendidikan modern di lingkungan pesantren.

Kemudian selepas para pengasas Pesantren Moden Gontor wafat, kepengurusan pesantren ditadbir oleh generasi kedua sejak tahun 1985 M hingga sekarang. Pentadbiran Gontor sentiasa diuruskan oleh tiga pimpinan sesuai mengikut jejak para pengasash Gontor baru iaitu Trimurti, maka hingga saat ini pesantren Gontor dipimpin oleh tiga pimpinan. Mereka itu ialah Dr. Kiai Abdullah Syukri Zarkasyi (1985 M hingga sekarang), Kiai Hasan Abdullah Sahal (1985 M hingga sekarang) dan Kiai Shoiman Luqmanul Hakim sejak tahun (1985 M – 1999 M). Akan tetapi selepas Kiai Shoiman Luqmanul Hakim wafat pada tahun 1999 M, pemimpin yang ketiga digantikan oleh Kiai Imam Badri sejak tahun (1999 M – 2006 M). Selepas Kiai Imam Badri wafat juga pada tahun 2006 M, pemimpin pesantren Gontor yang ketiga ialah Kiai Syamsul Hadi Abdan hingga sekarang. Sejak Pesantren Gontor baru ditubuhkan kembali dari tahun 1926 M hingga sekarang, perkembangan pesantren Gontor semakin meningkat dan terus mendapatkan kepercayaan masyarakat. Hal itu dapat dibuktikan dengan bertambahnya cawangan Gontor hingga saat ini memiliki 18 cawangan dan dua intitusi perguruan tinggi yang tersebar di seluruh Indonesia.[611] Jumlah santri pesantaren Gontor pusat mahupun cawangan hingga saat ini tahun 2014 M dapat diperhatikan pada jadual berikut.

[611] Pondok Modern Darussalam Gontor "Tentang Gontor", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/tentang-gontor#

University of Malaya

Jadual 4.4. Data Santri Pesantren Gontor Pada Tahun 2014

Bil	Institusi Pendidikan	Jumlah Santri
1	Pesantren Darussalam Gontor 1 Ponorogo	4,050
2	Pesantren Darussalam Gontor 2 Madusari	979
3	Pesantren Darul Ma'rifat Gontor 3 Kediri	1,641
4	Pesantren Darussalam Gontor 1 Puteri Mantingan	3,434
5	Pesantren Darussalam Gontor 2 Puteri Sambirejo	789
6	Pesantren Darussalam Gontor 3 Puteri Karang Banyu	2,547
7	Pesantren Darussalam Gontor 4 Puteri Sulawesi Tenggara	223
8	Pesantren Darussalam Gontor 5 Puteri Kediri	1,013
9	Pesantren Ittihadul Ummah Gontor 6 Puteri Poso	95
10	Pesantren Darussalam Gontor 7 Puteri Riau	274
11	Pesantren Darul Muttaqien Gontor 5 Banyuwangi	1,200
12	Pesantren Darul Qiyam Gontor 6 Magelang	1,470
13	Pesantren Riyadhatul Mujahiddin Gontor 7 Kendari	313
14	Pesantren Darussalam Gontor 8 Lampung Timur	330
15	Pesantren Darussalam Gontor 9 Lampung Selatan	596
16	Pesantren Darul Amin Gontor 10 Acheh Besar NAD	107
17	Pesantren Darussalam Gontor 11 Sumatera Barat	61
18	Pesantren Darussalam Gontor 12 Jambi	277
19	Pesantren Ittihadul Ummah Gontor 13 Sulawesi Tengah	108
20	Institut Studi Islam Darussalam Siman	529
21	Pusat Latihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat di Sambirejo	40
	Jumlah Santri keseluruhan	**18,731**

Sumber: Dokumen Rasmi Pesantren Darussalam Gontor Ponorogo Tahun 2014.

4.3. Struktur Organisasi di Tiga Kes Pesantren

4.3.1. Organisasi di Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Sebagai usaha untuk mencapai matlamat akhir dari sebuah proses pendidikan dan usaha mewujudkan visi dan misi pesantren, maka melalui majlis syura yang beranggota 6 orang daripada cucu lelaki dari kiai Nawawi bin Noerhasan kemajuan

University of Malaya

dan kemunduran Sidogiri berada di tangan mereka. Enam orang anggota majlis syura itu ialah Kiai Nawawi Abd. Jalil, d. Nawawy Sadoellah, Kiai Fuad Noerhasan, Kiai Abdullah Syaukat Siradj, Kiai Abd. Karim Thoyyib dan Kiai Bahruddin Thoyyib. Majlis syura ini memiliki outoriti dan polisi tertinggi atas segala keputusan yang berkenaan dengan siapa yang layak untuk menjadi pengasuh pesantren sebagai pelaksana harian.[612] Secara garis struktural majlis syura sejajar dengan pengasuh pesantren. Sejak tahun 2005 selepas Kiai Abdul Alim bin Abd. Djalil wafat, majlis syura bermesyuarat memilih penganti dari beliau sebagai penanggung jawab pengurus harian iaitu dipilihlah Kiai Nawawi Abd. Jalil. Dalam struktur kerja harian pengurusan di Pesantren Sidogiri dibahagi menjadi dua iaitu secara dalaman *(internal)* yang lebih memfokuskan pada pendalaman ilmu agama *(tafaqquh fī al-dīn)* dan luaran *(external)* yang ditujukan untuk menjadi medium dakwah dan bertindak balas pelbagai aspek sosial kemasyarakatan *(li yunziru qaumahum)*.

Dalam pelaksanaannya secara dalaman ditujukan kepada para santri-santri pesantren yang meliputi pendidikan dan bukan pendidikan. Pendidikan pula terbahagi menjadi dua iaitu madrashah dan makhadiyyah. Madrashah merangkumi daripadanya kelas-kelas yang dibahagikan mengikut kemampuan dan pengetahuan ilmu agama sesuai dengan target dan kurikulum yang telah ditetapkan oleh Badan Tarbiyyah wa Ta'lim Madrashi (BATARTAMA). Madrashah ini bernama Madrashah Miftahul Ulum (MMU) yang telah diiktiraf oleh kementerian Agama Republik Indonesia sejak tahun 2006, sehingga sijil yang dikeluarkan sepertihalnya sijil sekolah formal pada amnya. MMU membawahi I'dādiyyah, Isti'dādiyyah, Ibtidāiyyah, Tsanāwiyyah dan 'Āliyyah. Manakala makhadiyyah sebagai usaha untuk membentuk keperibadian

[612] Ustaz Ilham Wahyudi (Ketua Koperasi Pondok Pesantren Sidogiri di pejabat Kopontren Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

University of Malaya

muslim yang sempurna merangkumi daripadanya perpustakaan, kuliyyah syariah, *Taḥfīḍ wa Ta'līmu al-Qur'ān* (TTQ), pengajian kitab kuning, 'Ubūdiyyah, bina akhlak dan Urusan Guru Tugas (UGT). Untuk memberikan pembelajaran kepada para santri tentang berdikari dan ilmu kemasyarakatan, maka bahagian yang bukan pendidikan yang terbahagi daripadanya bahagian keuwangan dan bukan keuwangan turut melengkapi. Seperti bahagian keuwangan mencakup koperasi pesantren yang dikelola oleh santri, pustaka penerbitan, medium cetak seperti jurnal, bulletin, majalah dinding. Dana Investasi Sidogiri yang diperuntukkan bagi kelancaran proses pembelajaran di pesantren, dan juga Lembaga Amil Zakat Infaq, Sedeqah dan Waqaf (LAZISWA).[613]

Manakala program luaran *(eksternal)* dikelola dan diuruskan oleh para alumni pesantren bekerjasama dengan masyarakat yang ditujukan sebagai medium *dakwah bi al-ḥāl* kepada masyarakat secara umum, merangkumi daripadanya pendidikan dan pelatihan, ekonomi dan bisnis, bantuan hukum, dan dakwah dan sosial. Pendidikan dan pelatihan yang menjadi program rutin seperti diklat santri professional, syariah bisnis consulting (SBC) dan pelatihan keterampilan sesuai dengan keperluan semasa. Manakala ekonomi bisnis sebagai usaha mengambil keuntungan (*profit oriented)* untuk memenuhi keperluan pesantren mahupun kesejahteraan bagi anggota, maka beberapa usaha ekonomi dibentuk dan ditubuhkan. Seperti koperasi Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Maslahah Mursalah lil Ummah (BMT MMU), koperasi Baitu al-Māl wa al-Tamwīl Maslahah Usaha Gabungan Terpadu (BMT UGT), koperasi agrotani, koperasi mina, mini market "Basmalah" dan Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS). Manakala dalam bentuk sosial seperti bantuan hukum syariah, bantuan hukum positif dan bantuan hukum notaries. Manakala dakwah sosial kemasyarakatan adanya

[613] Pondok Pesantren Sidogiri "Sejarah", laman sesawang *Pesantren Sidogiri,* dicapai 19 Mei 2014. http://sidogiri.net/en/sejarah/

University of Malaya

penubuhan pengajian alumni, rumah untuk anak yatim piatu (Dār al-Aitam), Dār al-Hikmah, bedah rumah, pengobatan percuma dan gerakan sosial masyarakat. Secara stukturan organisasi di Pesantren Sidogiri Pasuruan dapatlah diperhatikan pada jadual 4.4 di bawah ini.

University of Malaya

Rajah 4.3 Struktur Organisasi di Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan



Sumber: Diubahsuai dari dokumen rasmi struktur organisasi Pesantren Sidogiri Pasuruan Tahun 2014.

University of Malaya

4.3.2. Organisasi di Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng

Secara umumnya susunan dalam pengurusan di pesantren kombinasi al-Yasini Areng-Areng hampir sama dengan struktur organisasi yang ada di Pesantren Sidogiri. Hal itu kerana putera kiai Yasin iaitu Kiai Imron Fatchullah merupakan alumni daripada Pesantren Sidogiri Pasuruan sekaligus pengasuh pesantren al-Yasini selepas wafatnya kiai Yasin, maka secara struktural tidak jauh berbeza dengan Pesantren Sidogiri. Majlis keluarga kiai Yasin berada di sebelah ketua majlis keluarga atau pengasuh pesantren yang sekarang dipegang oleh kiai Abdul Mujib Imron. Majlis keluarga ini beranggotakan daripada anak keturunan kiai Yasin seperti H. Ahmad Fuadi, Hj. Masluchah, Hj Hanifah dan Hj. Ilfi Nurdiana. Ada sedikit perbezaan dengan pesantren salafiyyah Sidogiri, sekalipun pengasuh pesantren memiliki polisi tertinggi di pesantren. Akan tetapi dalam pelaksanaan harian seluruh aktiviti di bawah pengawasan yayasan pesantren.[614]

Walau bagaimanapun secara garis struktural yayasan masih di bawah pengawasan ketua majlis pengasuh, badan pengawas pesantren serta dewan pengawas yang telah ditetapkan oleh majlis keluarga. Yayasan pesantren dibantu dengan sekretari dan bendaharinya membawahi tujuh bahagian. Tujuh bahagian ini nampaknya agak berbeza dengan Pesantren Salafiyyah Sidogiri. Hal itu kerana Pesantren Kombinasi al-Yasini menubuhkan beberapa sekolah formal di bawah pengawasan kementerian pendidikan kerajaan Indonesia (Diknas) dan juga di bawah pengawasan kementerian agama kerajaan Indonesia (Depag).

[614] Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

University of Malaya

Tujuh bahagian tersebut iaitu *pertama,* bahagian Keamanan dan Tata tertib (Kamtip) sebagai usaha untuk menjaga kedamaian dan kelancaran proses pembelajaran di pesantren yang diuruskan dari santri mahupun masyarakat. Bahagian ini dibantu oleh majlis tahkim untuk menghakimi dan menguruskan seluruh yang berkenaan dengan perizinan mahupun pelanggaran-pelanggaran ringan tata tertib peraturan di pesantren. *Kedua,* bahagian pendidikan terbahagi menjadi dua iaitu formal dan bukan formal. Pendidikan formal pula dibahagi menjadi dua iaitu yang mengikut kurikulum dan polisi kementerian pendidikan nasional (Diknas) dan juga mengikut kurikulum dan polisi kementerian agara (Depag). Untuk Diknas membawahi beberapa sekolah kerajaan dari yang paling rendah hingga perguruan tinggi. Seperti Tadika (TK), Sekolah Rendah Islam (SDI), Sekolah Menengah Pertama Negeri (SMPN), Sekolah Menengah Atas (SMA), Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) dan Perguruan Tinggi (PT). Manakala Depag membawahi Tadika Islam (RA), Al-Madrasah al-Thanāwiyyah (MTs), Al-Madrasah al-'Āliyyah (MA), dan Al-Madrasah al-Dīniyyah. Manakala bukan formal pula meliputi pengajaran kitab kuning, Lembaga Pengembangan Bahasa Asing (LPBA), Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM), Lajnah Bahtsul Masail (LBM), Lembaga Pendidikan Quran (LPQ), Lembaga Jurnalistik Al-Yasini (LJA), Lembaga Studi Gender (LSG) dan Lembaga Seni Budaya (LSB). *Ketiga,* bahagian pesantren atau pondok ditujukan untuk membina akhlak dan membetuk karakter keperibadian pelajar yang santri. Nampaknya bahagian inilah yang membezakan dengan sekolah formal sekaligus menjadi ciri khas pesantren di pesantren kombinasi al-Yasini. Sekiranya tidak ada bahagian ini, maka boleh jadi al-Yasini hilang tradisi pesantren. Bahagian kepesantrenan ini membawahi tarbiyah, 'Ubūdiyyah dan seluruh aktiviti mahupun tingkah laku santri di asrama. *Keempat,* bahagian fasiliti dan prasarana bertanggung jawab atas segala kebersihan dan

University of Malaya

kesihatan santri mahupun pesantren, penambah baikan bagunan fisik dan pemeliharaannya, menjaga penerangan pesantren mahupun perlengkapan seluruh prasarana pendidikan. *Kelima,* bahagian Sumber Manusia (SDM) dan hubungan masyarakat ini lebih bersifat ke dalam pesantren mahupun ke luar pesantren. Ke dalam pesantren seperti peningkatan kualiti guru mahupun santri, manakala ke luar berbentuk bakti santri ke masyarakat sekitar mahupun masyarakat jauh. *Keenam,* bahagian organisasi santri. Bahagian ini menangani seluruh persatuan mahupun organisasi yang ditubuhkan oleh santri dan persatuan yang ditubuhkan oleh alumni pesantren al-Yasini. Organisasi santri pula dibahagi menjadi dua iaitu organisasi santri di sekolah dan organisasi santri di asrama. Nampaknya melalui bahagian inilah seorang santri dididik jiwa berdikari, jiwa ukhuwah dan jiwa kedewasaan. *Ketujuh,* bahagian usaha ekonomi pesantren (BUMP). Untuk menyokong dan meningkatkan kesejahteraan guru mahupun masyarakat, maka Pesantren al-Yasini menubuhkan satu bahagian perekonomian yang dimiliki pesantren. Bahagian ini membawahi usaha ekonomi ritel dan bukan ritel, Lembaga Keuangan Syariah (LKS), Percetakan dan sablon pakaian, peternakan lembu dan pemeliharaan ikan. Secara stukturan organisasi di Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng dapatlah diperhatikan pada jadual 4.4 di bawah ini.

University of Malaya

Rajah 4.4. Struktur Organisasi Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng



Sumber Data: Diubahsuai dari Struktur Organisasi Pesantren al-Yasini Areng-Areng Tahun 2014.

University of Malaya

4.3.3. Organisasi di Pesantren Moden Gontor Ponorogo

Pesantren Gontor merupakan pesantren Moden pertama di Indonesia, secara struktural pesantren ini jauh berbeza dengan pesantren salafiyyah mahupun kombinasi yang dijelaskan di atas. Perbezaan yang ketara ialah wujudnya lembaga tertiggi di pesantren Gontor ialah badan wakaf. Badan waqaf di pesantren Gontor merupakan badan legislatif yang beranggota 15 orang, bertanggungjawab atas segala pelaksanaan dan perkembangan pendidikan serta pengajaran di Pesantren Gontor. Ahli daripada badan waqaf Gontor tidak sama seperti majlis keluarga di pesantren kombinasi al-Yasini atau majlis shurā di Pesantren Sidogiri yang mesti dari ahli waris para pengasas pesantren tersebut, akan tetapi badan wakaf di pesantren Gontor siapapun boleh menjadi anggota dengan syarat alumni pesantren Gontor, memiliki kemampuan dan sanggup memenuhi seluruh syarat-syarat dan kewajiban-kewajiban yang termaktub di piagam waqaf.[615] 15 orang tersebut iaitu Kiai H. Kafrawi Ridwan, M.A, Dr. Kiai H. Hidayat Nur Wahid, M.A, Kiai H. Akrim Maryat, Dipl. A.Ed., Dr. Kiai H. Amal Fathullah Zarkasyi, M.A, Kia H. Abdullah Said Baharmus, Lc, Kiai Ruydi Bey Fanani, Dr. Kiai H. Abdullah Syukri Zarkasyi, Kiai Hasan Abdullah Sahal, Kiai Syamsul Hadi Abdan, Prof. Dr. Kiai H. Dien Syamsuddin, Kiai H. Masruh Ahmad, M.A. MBA., Kiai Abdul Aziz Asyuhir, Kiai H. Masuhudi, M.A, Prof. Dr. Kiai H. Aflatun Muchtar, dan Kiai H. Muhammad Dawan Saleh.[616] Daripada 15 orang anggota badan wakaqf ini hanya empat orang sahaja yang dari ahli waris. Ini berarti pesantren Gontor secara organisasi lebih bersifat terbuka *(open management).*

---

[615] Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013* (Ponorogo: Penerbit dan Percetakaan Darussalam Press Gontor, 2013), 69.

[616] *Ibid.,* vii.

University of Malaya

Manakala amanah untuk melaksanakan tugas seharian di pesantren dijalankan oleh pimpinan Pesantren Gontor. Pada masa ini mereka ialah Dr. K.H. Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A, K.H. Hasan Abdullah Sahal dan K.H. Syamsul Hadi Abdan. Setelah dirasmikan oleh badan wakaf menjadi badan eksekutif yang dipilih setiap lima tahun sekali. Pimpinan pondok atau kiai berkewajiban menjalankan keputusan-keputusan badan wakaf dan bertanggungjawab kepada badan wakaf untuk melaporkannya. Secara langsung kiai Gontor bukan sahaja bertanggung jawab sebagai pimpinan tinggi di institusi-institusi Pondok beliau juga berkewajiban untuk mengasuh para santri sesuai dengan ajaran sunnah pesantren Gontor yang telah dijalankan oleh para pengasas dahulu.[617]

Tiga daripada pimpinan pesantren Gontor ini membawahi tujuh lembaga besar di pesantren Gontor. *Pertama,* Institut Studi Islam Darussalam Gontor (ISID) yang telah berdiri sejak 17 November 1963. Perguruan tinggi ini didirikan untuk menjadi sentral ilmu dan bahasa Arab dan Pembelajaran al-Quran serta menjadi pusat pembentukan cendikiawan yang memiliki akhlak karimah sesuai dengan visi, misi pesantren Gontor. *Kedua,* bahagian pengasuhan santri. Bahagian ini terdiri daripada para guru-guru di pesantren Gontor sebagai pembantu khas para pimpinan pesantren Gontor. Mereka bertanggung jawab atas seluruh organisasi santri pesantren Gontor seperti bahagian pengajaran, keamanan, koperasi santri dan sebagai. Termasuklah bahagian pengakap dan Forum Pengembangan Potensi Wawasan Santri (FP2WS). *Ketiga,* Bahagian *Kulliyyatu al-Mu'allimīn al-Islāmiyah* (KMI) bertanggungjawab atas pelaksanaan program akademisi bagi santri Gontor pada tingkatan menengah. KMI merupakan lembaga pendidikan guru Islam yang mengutamakan pembentukan keperibadian dan sikap mental serta penanaman ilmu

[617] Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit,* h. 19

University of Malaya

pengetahuan. *Keempat,* Pondok Cawangan pesantren Gontor tersebar di seluruh wilayah Indonesia dari Aceh hingga ke Poso. Hingga saat ini pesantren Gontor telah memiliki 18 cawangan. Semua polisi pengurusan dan pentadbiran, sistem pendidikan semuanya seratus peratus mengikut pesantren Gontor Pusat di Ponorogo. *Kelima,* bahagian Pusat Latihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM) (*The management training centre an community development)* terletak di kampong Sambirejo, kecamatan Mantingan, Bandar Ngawi. PLMPM telah ditubuhkan sejah tahun 1988 merupakan lembaga pelatihan manajemen bisnis dan pengembangan masyarakat. Bahagian ini dipersiapkan dan dikhaskan untuk para alumni pesantren Gontor yang ingin langsung terjun ke masyarakat. *Keenam,*Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Waqaf Pondok Moden Gontor (YPPWPM) merupakan lembaga yang bergerak dalam bidang pencarian dana, pemeliharan dana, perluasan dana dan pengembangan dana wakaf. Secara umum bahagian ini memiliki tiga aspek tanggung jawab iaitu ekonomi, sosial dan dakwah dan cawangan yayasan. Ada dua matlamat daripada penubuhan YPPWPM iaitu *pertama,* menyempurnakan dan menambah segala harta benda milik Badan Wakaf pondok Moden Gontor Ponorogo, samada yang berupa harta tetap, seperti tanah dan bangunan, maupun harta bergerak, seperti segala peralatan dan perlengkapan yang ada. *Kedua,* Melanjutkan segala usaha agar Pesantren Gontor menjadi Universiti Islam yang bermutu tinggi dan berfungsi terhadap masyarakat awam, iaitu tempat sumber Ilmu Pengetahuan Agama Islam, Bahasa Arab, dan Ilmu Pengetahuan Umum yang sentiasa menjaga jiwa pesantren. stukturan organisasi di Pesantren Gontor dapatlah diperhatikan pada jadual 4.5 di bawah ini.

University of Malaya

Rajah 4.5. Struktur Organisasi di Pesantren Moden Gontor Ponorogo



Sumber Data: Diubahsuai dari Struktur Organisasi Pesantren Gontor Ponorogo Tahun 2014.

University of Malaya

4.4. Nilai dan Falsafah di Tiga Kes Pesantren dalam Menyokong Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Nilai dan falsafah pada sebuah pesantren dapat diperhatikan daripada visi dan misi serta tujuan pesantren tersebut ditubuhkan. Walau bagaimanapun secara majoriti matlamat daripada penubuhan sebuah pesantren itu hampir sama. Akan tetapi setiap pesantren juga memiliki ciri khas dan orientasi tersendiri mengikut orientasi dan matlamat utama para pengasas dahulu menubuhkan pesantren tersebut. Sepertimana telah dijelaskan pada bab dua, majoriti para kiai memiliki orientasi untuk mempersiapkan para santrinya sebagai tenaga siap pakai *(Anfa'u li al-nās)* di masyarakat tanpa mesti bercita-cinta untuk menjadi pegawai kerajaan.[618] Tidak berorientasi menjadi pegawai kerajaan bukan berarti pesantren melahirkan para pengangguran yang menjadi beban masyarakat atau tidak mampu bersaing dalam mencari pekerjaan dengan lepasan selain pesantran. Justeru pada hakikatnya lepasan institusi pendidikan yang hanya mengharapkan untuk menjadi pegawai kerajaanlah yang menjadi beban kerajaan. Hal itu kerana terhadnya peluang pekerjaan di sektor kerajaan dan orientasi pendidikan hanya untuk menjadi pegawai kerajaan sahaja.[619]

Berbeza halnya dengan pengajaran di pesantren, kepelbagaian aktiviti santri dalam totaliti waktu 24 jam penuh yang terangkum di dalamnya penanaman ilmu agama mahupun bukan agama telah mendidik mereka untuk berjiwa berdikari, berjiwa disiplin dan berjiwa ukhuwah Islamiyyah yang terbangun dari solidariti antara sesama mereka. Sehingga menurut pengkaji setidaknya selepas santri keluar dari pesantren memiliki dua kekuatan; iaitu kekuatan rangkaian kerja *(networking)* secara emosional sesama lepasan

---

[618] Lihat, bab dua, h. 108.

[619] Moh. Achyat Ahmad, "Pengangguran adalah Problem Pendidikan," *Buletin Sidogiri,* edisi 86, tahun 19 Muharram 1435 H, 15.

University of Malaya

pesantren dan kekuatan komunikasi yang telah tercipta selama di pesantren. Apabila dua kekuatan ini dapat dimanfaatkan dengan baik, nescaya tidak ada halangan bagi santri selepas keluar dari pesantren dalam mencari pekerjaan. Di samping itu peluang pekerjaan bagi santri juga selagi masih ada orang muslim yang belum dapat membaca al-Quran, belum dapat solat dengan baik, belum mampu mengerjakan kewajiban-kewajiban sebagai muslim, maka selama itu pula pekerjaan bagi lepasan pesantren sentiasa terbuka dan tidak pernah selesai.[620]

Oleh yang demikian, kerana institusi pesantren ditubuhkan untuk memberikan tindak balas terhadap keadaan sosial suatu masyarakat dalam pelbagai aspek bukan berorientasi untuk mendapatkan pekerjaan. Sehingga pendekatan pembelajaran di pesantren menggunakan konsep pendidikan Islam seutuhnya yang mengabungkan antara ilmu dan amal berasaskan jiwa keikhlasan. Melalui visi, misi dan tujuan pendidikan di tiga kes pesantren yang akan dijelaskan di bawah ini akan diketahui sejauhmana falsafah pesantren dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

4.4.1. Visi, Misi dan Tujuan Pendidikan di Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Pesantren Sidogiri merupakan pesantren yang murni salafiyyah (tradisional). Sepertimana menurut pendapat Assegaf, pesantren salafiyyah merupakan pesantren tradisional yang lebih memfokuskan pembelajaran pada pendalaman, perluasan dan penguasaan ilmu-ilmu agama sahaja *(Tafaqquh fī al-dīn)*.[621] Sehingga dalam pendedahan visi dan misi di Pesantren Sidogiri ini tidak sama dengan pesantren-pesantren kombinsasi mahupun pesantren moden yang lebih berwawasan dan

---

[620] *Ibid,.*

[621] Lihat, Ali Anwar, *Pembaharuan Pendidikan Di Pesantren Lirboyo Kediri,* 26.

University of Malaya

memandang jauh ke hadapan *(future outlook)*. Visi dari Pesantren Sidogiri ialah terwujudnya santri yang berilmu *(’āliman)*, yang berbuat (’*āmilan)*, yang telus *(mukhliṣan bi ’amalihi)*.[622] Difahamkan ada tiga unsur yang terangkum pada visi ini iaitu berilmu, beramal dan tulus dalam berbuat. Maksud daripada ketiga unsur tersebut iaitu Sidogiri mengharapkan kepada peserta didiknya untuk menjadi manusia yang berpengetahuan luas dahulu, kemudian selepas peserta didik memperoleh ilmu yang mencukupi berpandukan ilmunya mereka mesti beramal atau berbuat sama ada untuk dirinya mahupun orang lain. Beramal dengan ilmu pengetahuan membawa erti menjadi contoh suri teladan yang baik untuk orang lain, manakala dalam mengamalkan amalan mestilah diiringi dengan niat yang ikhlas tanpa mengharapakan sebarang balasan dari mana-mana pihak kecuali redha Allah S.W.T. Sehingga natijah daripada amal yang diiringi dengan ilmu serta niat yang ikhlas akan membentuk peribadi muslim dan muhsin.

Oleh yang demikian untuk mewujudkan visi tersebut dalam sistem pembelajaran di Pesantren Sidogiri mengunakan dua sistem pendidikan iaitu sistem pendidikan madrasiyyah dan sistem pendidikan ma’hadiyyah. Pendidikan madrasiyyah iaitu pendidikan yang bertingkat-tingkat mengikut kelas kemampuan seorang pelajar bukan usia pelajar. Kelas ini berawal dari sifir selama 1tahun, *al-Ibtidāiyyah* selama 6 tahun, *al-Thanāwiyyah* selama 3 tahun dan *al-‘Āliyyah* 3 tahun. Kurikulum pada sistem pendidikan ini telah ditetapkan oleh tim madrasyah Sidogiri dengan bentuk pembelajaran seperti madrashah pada umumnya. Manakala pendidikan ma’hadiyyah merupakan pendidikan bukan klasikal yang menjadi pengembangan dari pendidikan madrasiyyah dan sekaligus menjadi medium praktik

[622] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H* (Sidogiri: Penerbit dan Percetakaan Sidogiri Kraton, 2013), 86.

University of Malaya

atas apa yang sudah diperoleh santri selama mengikuti pendidikan madrasiyyah. Selain daripada dua sistem pendidikan tersebut pesatren juga melaksanakan aktiviti ko-kulikuler seperti pembinaan baca kitab kuning, musyarawah kelas, kuliah umum, halaqah fiqhiyyah, pengembangan bakat dan wawasan keilmuan, administrasi pendidikan, psikologi belajar, program pelapis ahlu sunnah wal jamaah, pembekalan calon guru tugas dan da'i yang dilaksanakan setiap bulan Sya'bān dan Ramaḍān dan beberapa aktiviti kursus untuk pelajar al-Thanāwiyyah seperti hafazan *naḍam imriti* dan *al-fiyyah*, kursus bahasa asing, *hifḍzu al-Qur'ān*, *hifḍzu al-Aḥādīth* dan lainnya. Untuk mengawal dua sistem ini agar dapat berjalan dengan baik dibentuklah satu Badan *al-Tarbiyyah wa al-Ta'līm al-Madrasiyyī* (BATARTAMA). Badan ini ditubuhkan untuk membantu program madrasah seperti pengembangan kurikulum, kualiti guru, kompetensi pelajar dan semua perkara yang berkaitan dengan Madrasah Miftahul Ulum (MMU).

Manakala untuk mewujudkan santri yang beramal dan memiliki sifat ikhlas, Pesantren Sidogiri membentuk satu bahagian ubudiyyah. Tugas dan tanggung jawab bahagian ini iaitu pendidikan, penyeliaan, pengawasan, penertipan ibadah dan penyadaran *(taw'iyyah)*. Seperti wujudnya pelatihan solat, *tajhīz al-mayyit*, manasik haji dan lain sebagainya.

Manakala misi daripada penubuhan Pesantren Sidogiri ialah sebagai berikut:

1. Mewujudkan santri yang mempunyai wawasan keagamaan yang mendalam '*Alā ahli al-sunnah wal al-jamā'ah.*
2. Mewujudkan santri yang inovatif, kreatif dalam menerapkan ilmu pengetahuannya. Membiasakan prilaku dan amaliyah keagamaan yang berlandaskan al-Quran, al-Hadith, dan prilaku salaf al-ṣālih.

University of Malaya

3. Mencetak santri yang memiliki sensitiviti sosial dan budaya.
4. Mewujudkan santri yang menjadi teladan bagi kemaslahatan umah.[623]

Apabila diperhatikan daripada visi mahupun misi Pesantren Sidogiri tersebut, ada beberapa nilai pesantren yang ditujukan kepada para santri mahupun alumninya untuk memberikan tindak balas terhadap keadaan sosial masyarakat sekitar termasuk dalam hal pembangunan ekonomi masyarakat. Nilai-nilai tersebut tercermin daripada keempat misinya. *Pertama,* mewujudkan santri yang berwawasan keagamaan *'Alā ahli al-sunnah wal al-jamā'ah* menjadi asas utama di pesantren ini. Ertinya para lepasan daripada Pesantren Sidogiri dalam menghadapi permasalahan-permasalahan sosial yang ada di masyarakat diharapkan mampu menyeselasaikan permasalahan dengan menggunakan cara atau pendekatan yang berdasarkan ahli sunnah wal jama'ah. *Kedua,* mewujudkan santri yang inovatif, kreatif dalam menerapkan ilmu pengetahuannya. Dalam menghadapi konflik sosial mahupun kepelbagaian budaya dan perilaku yang ada di masyarakat tidaklah mudah seseorang untuk menyelesaikannya. Oleh kerana itu, kemahiran santri dalam memberikan hujjah yang berasaskan ilmu pengetahuan yang telah dipelajari di pesantren diharapkan mampu menyelesaikan masalah dengan tanpa menciptakan masalah yang baru. Santri yang inovatif dan kreatif juga membawa maksud untuk tidak bersikap jumud dalam mengembangkan ilmu pengetahuan bahkan cerdas dalam mensikapi era globalisasi. *Ketiga,* mencetak santri yang memiliki kepekaan sosial dan budaya. Secara jelas misi inilah yang melatar belakangi pesantren, guru, santri dan para alumni Pesantren Sidogiri untuk sentiasa memperhatikan keperluan-keperluan masyarakat. Terbukti dari sebab penubuhan Baitu al-Māl Wa al-Tamwīl Maṣlaḥah Mursalah Li al-Ummah

[623] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H, 86.*

University of Malaya

(BMT MMU) pada tahun 1997 M yang fokus usahnya ialah simpan pinjam syariah. BMT MMU ini ditubuhkan disebabkan kerana keresahan keadaan peniaga masyarakat sekitar sidogiri yang mulai terjerat dengan praktik ekonomi ribawi dalam bentuk rentener atau *bank titil*.

Berikut temubual bersama Manager marketing di BMT MMU pusat Ustaz HM. Abdulloh Shodiq.

> …dan termasuk salah satu sebab utamanya kalau sampean perhatikan di sekitar-sekitar pesantren banyak warung-warung yang menjual makanan santri dikonsumsi santri di sekitar Sidogiri. lah ironisnya mereka itu dimodali nyuwun sewu oleh rentenir dengan sistem yang mencekik sekali. Orang pinjam 100 ribu yang diterima cuma 90 ribu tetapi membayar cicilan setiap bulan sampai 120 ribu, jadi bunganya sampai 3 persen. (Kod Temubual: A-5; Kod Rekod: 140410_005.AVI.)[624]

> Salah satu sebab utamanya dalam penubuhan BMT MMU kalau anda perhatikan banyak peniaga kecil di sekitar pesantren yang menjual makanan untuk santri, dan makanan itu dikomsunsi oleh santri. Manakala modal usaha mereka dimodali oleh para *rentenir* yang sangat menyiksa sekali. Pinjam Rp 100.000,- (RM 33,-) yang diterima hanya Rp 90,000.- (RM 30,-)manakala mereka mesti membayar setiap hari dan jumlah komulatif dalam satu bulan mencapai Rp 120,000.- (RM 40,-) sehingga bunganya mencapai 3 peratus.

Keempat, mewujudkan santri yang memiliki keteladanan bagi kemaslahatan umat. Salah satu faktor keberhasilan BMT MMU dalam masa lima tahun terakhir ialah kerana adanya kepercayaan masyarakata kepada santri pesantren. Sepertimana hasil temubual dengan salah seorang nasaban BMT MMU di Desa Sidogiri Kraton Pasuruan.

> … Sebab kami lebih percaya kalau guru pondok yang ngurus wang kita. Masak namanya ustaz mau menipu dan bohong kan g mungkin. Apalagi kan semuanya pegawainya alumni pesantren yang sudah lama

[624] Ustaz HM. Abdulloh Shodiq (Manager Pemasaran BMT MMU Sidogiri Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

Universiti Malaya

> nyantri, wes g diragukan lagi kejujurannya. Saya yakin itu. (Kod Temubual: E-2; Kod Rekod: 140410_01.AVI).[625]
>
> …oleh kerana kami lebih percaya kepada guru-guru pesantren yang menguruskan dan mengelola kewangan kita. Tidak mungkin seorang ustaz akan berbohong. Apalagi seluruh petugas di BMT semuanya lepasan Pesantren Sidogiri yang sudah lama menuntut ilmu agama, sehingga tidak diragukan sifat kejujurannya. Saya yakin itu.

Menurut bapak Mansur salah satu nasabah di BMT MMU milik Pesantren Sidogiri, yang melatar belakangi beliau untuk menabung di BMT MMU disebabkan kerana para pengurus BMT MMU dari kalangan ustaz-ustaz alumni Pesantren Sidogiri. Sehingga keperibadian para pengurus BMT lepasan pesantren telah memberikan daya tarik tersendiri kepada beliau. Yang menurut prespektif beliau seorang ustaz apalagi lepasan pesantren tidak mungkin akan menipu atau berbohong. Sesuai dengan temubual pengkaji dengan ketua pengurus pusat BMT MMU Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim tentang kriteria perekrutan staf di seluruh BMT MMU.

> Pengerak ekonomi yang paling penting diusahakan orang yang memiliki kriteria shidiq, amanah dan itu anak pesantren pasti punya kedua sifat itu insyaAllah tidak diragukan… Hasilnya alhamdulillah bisa. Tahun 2013 SHU yang kita bagikan ke anggota hampir 16 milyar. Ya itu tadi, kuncinya sifat rasul bukan hanya dihafal tapi difahami dan diamalkan… Untuk sifat tabligh bisa dibangun dengan komunikasi sedangkan sifat fathonah semua orang ada bakat dan kemampuan. Tinggal diasah dan dilatih dengan membuat pelatihan-pelatihan. Man jadda wa jadda. (Kod Temubual: A-6; Kod Rekod: 140410_006.AVI).[626]
>
> Pengerak ekonomi mesti memiliki sifat shidiq (jujur) dan amanah (terpercaya), pelajar di pesantren telah memiliki kedua modal utama ini... Hasilnya alhamdulillah, terbukti pada tahun Sisa Hasil Usaha (SHU) atau keuntungan bersih yang diagihkan ke ahli pada tahun 2013 hampir mencapai 16 milyar rupiah. Hal itu disebabkan sifat rasul tidak hanya dijadikan hafazan akan tetapi difahami dan dilaksanakan… Sifat tabligh (menyampaikan) dapat dibangun dengan komunikasi dan sifat fathonah (cerdas) dapar ditingkatkan dengan

---

[625] Bapak Mansur (Buruh Tani, Nasabah BMT MMU Sidogiri di depan pejabat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

[626] Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim (Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

University of Malaya

mengikuti seminar mahupun pelatihan-pelatihan kerana setiap orang memiliki kemampuan untuk berkembang. Sesiapa yang bersungguh-sungguh pasti akan mendapatkan apa yang diinginkan.

Pemahaman para santri terhadap keperibadian Nabi Muhammad S.A.W. dengan empat sifat mulianya menjadikan inspirasi dalam memenej BMT ini. *Pertama,* jujur atau benar *(Ṣiddīq)* bukan hanya benar dalam berkata akan tetapi seseorang *ṣiddīq* juga membawa maksud berpihak kepada kebenaran dan istiqomah dalam kejujuran. *Kedua,* terpercaya *(ʼAmanah)* sifat ini membawa maksud bahawa seseorang yang terpercaya mesti komitmen dengan pekerjaannya dan transparan dalam memberikan laporan, terpercaya dari segala aspek perkataan mahupun tingkah laku. *Ketiga,* menyampaikan *(Tablīgh)* sifat ini dapat dibangun dengan komunikasi bersama kongsi kerja sehingga visi dan misi mahupun permasalahan dapat tersampaikan dengan baik tidak ada keraguaan mahupun kecurigaan. *Keempat,* cerdas *(faṭānah)* sifat ini juga dapat membawa erti professional dalam bekerja. *Faṭānah* dapat tercipta dengan pelbagai latihan, pembiasaan dan evaluasi.

Konsep sifat rasul tersebut nampaknya di kalangan para pengurus BMT MMU bukan hanya sebatas wacana atau diucapkan sahaja, melainkan dipraktikkan dalam kehidupan sehari-sehari sehingga menjadi teladan bagi masyarakat bukan hanya memberi teladan bagi masyarakat. Tidaklah hairan apabila setiap tahun jumlah ahli koperasi BMT ini sentiasa naik dan bertambah. Pertumbuhan ahli koperasi BMT MMU dari kalangan masyarakat selama lima tahun terakhir dapat diperhatikan daripada rajah berikut.

University of Malaya

Rajah 4.6. Pertumbuhan Anggota Koperasi BMT MMU 2009 – 2013 M



Sumber: Dokumen Rasmi Koperasi BMT MMU tahun 2014 M

Dijelaskan daripada rajah di atas, jumlah anggota pada tahun 2009 seramai 1,123 orang. Pada tahun 2010 mengalami kenaikan 41 peratus sehingga jumlah ahli menjadi 1,588 orang. Pada tahun 2011 jumlah anggota juga mengalami kenaikan sebanyak 7.1 peratus dari 1,588 orang menjadi 1,701 orang. Pada tahun 2012 juga terjadi kenaikan anggota BMT sebanyak 14.6 peratus sehingga menjadi 1,994 orang dan pada tahun 2013 masyarakat semakin yakin dan percaya terhadap BMT yang dikelola oleh kaum santri sehingga kenaikan anggota mencapai 50.4 peratus atau anggota yang tercatat pada mesyuarat akhir tahun 2013 seramai 2,999 ahli.

4.4.2. Visi, Misi dan Tujuan Pendidikan di Pesantren Kombinasi Al-Yasini Areng-Areng

Pesantren al-Yasini merupakan pesantren kombinasi yang tidak dapat meninggalkan ajaran-ajaran tradisional, akan tetapi juga menginginkan sebuah perubahan dan kemajuan yang lebih baik, kerena perubahan merupakan suatu

University of Malaya

kenescayaan. Oleh yang demikian, generasi ketiga sejak tahun 1982 M di bawah kepemimpinan Kiai A. Mujib Imron, sistem pembelajaran di pesantren al-Yasini telah mengalami perubahan dan penambahbaikan dari segi kurikulum mahupun struktur organisasi pesantren. Sehingga yang dahulu hanya berpandukan pada kurikulum salafiyyah sahaja, sekarang telah mengkombinasikan sistem salafiyyah dengan sistem moden. Sepertimana hasil temubual dengan ketua setia usaha yayasan Pondok al-Yasini.

> Pondok itukan didirikan di daerah yang mines nilai-nilai keagamaan dan itu hampir semua sejarah pendirian pondok ya seperti itu… Kalau dari salaf ya pondok yang didirikan juga bersistem salaf. Sehingga tidak punya kurikulum yang paten seperti pemerintah. Baru setelah melalui proses perkembangan zaman dan keperluan masyarakat terhadap sekolah formal, baru bergabung dengan Kementerian Agama dan Kementerian Pendidikan Nasional. Maka sejak tahun 1982 al-Yasini mendirikan Mts kemudian tahun 96 Madrasah 'Aliyah berkolaborasi dengan Depag. Tapi yang paling penting ya itu tadi pondok mengadopsi sekolah formal karena prihatin dengan anak-anak yang sekolah formal di SMA atau SMP yang akhlakh dan moral mereka tidak jauh berbeda dengan anak-anak yang tidak sekolah bahkan malahan masih baik dari anak yang tidak sekolah. Eh ternyata semakin tahun semakin kelihatan perkembangan dan minat masyarakat dengan sistem seperti ini, maka enggak heran kalau ada beberapa santri salaf yang pindah ke sekolah sini. Karena di sini dunia dapat akherat apalagi. Maka pondok supaya tidak ditinggalkan masyarakat harus tahu betul apa keperluan masyarakat. (Kod Temubual: B-4; Kod Rekod: 140515_009.AVI).[627]

> Secara am pesantren ditubuhkan di daerah yang minim nilai-nilai keagamaan yang disebabkan kemaksiatan telah menjadi tradisi… Sekiranya para pengasas pesantren belajar dari pesantren salafiyyah maka pesantren yang ditubuhkan juga bersistem salafiyyah. Akan tetapi melalui proses perkembangan zaman dan keperluan masyarakat terhadap sekolah formal, barulah pesantren bergabung dengan Kementerian Agama dan Kementerian Pendidikan Nasional. Sehingga sejak tahun 1982 al-Yasini menubuhkan Madrasah Tsanawiyyah kemudian 1996 Madrasah 'Aliyah yang berpandukan dari Kementerian Agama. Dengan penubuhan sekolah formal di pesantren nampaknya minat dan sambutan masyarakat semakin baik, terbukti ramai dari santri yang dahulu belajar di pesantren salafiyyah kemudian pindah ke pesantren kombinasi. Hal itu disebabkan

[627] Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

University of Malaya

> pesantren kombinasi dipercaya mampu memberikan pembelajaran umum dan agama. Oleh kerana itu, agar pesantren tidak ditinggalkan masyarakat maka pesantren mesti tahu betul apa keperluan masyarakat.

Difahamkan bahawa sekolah formal di pesantren al-Yasini ditubuhkan kerana dua faktor. *Pertama,* usaha untuk memenuhi keperluan masyarakat dan *kedua* keperihatinan dari pihak pesantren atas pelajar di sekolah formal yang akhlakh dan moralnya lebih terok berbanding anak yang tidak sekolah. Pernyataan ini sesuai dengan apa yang dikehendaki ibu bapa pelajar atau masyarakat pada amnya. Berikut temubual peneliti bersama beberapa orang tua pelajar di Pesantren al-Yasini berkenaan minat dan juga perubahan sikap sebelum mahupun selepas belajar di Pesantren Kombinasi al-Yasini.

> Simple mas, supaya tingkah lakunya anak saya terkontrol. Kalau sekolah di SMA kan cuman berapa jam di sekolah dan itupun habis itu pulang sekolah ya kayak gitu, anak-anak. Ada yang mampir-mampir malah ada yang enggak pulang ke rumah. Kita kan enggak bisa mengawasinya terus. (Kod Temubual: E-8; 140509_022.AVI.)[628]

> Saya berharap supaya aktiviti dan sikap anak saya mendapatkan perhatian. Hal itu disebabkan kalau Sekolah Menengah Atas di luar pesantren anak hanya mendapatkan perhatian selama di sekolah sahaja, manakala selepas jam sekolah pihak sekolah tidak ada tanggung jawab kepada pelajarnya. Manakala orang tua tidak mampu mengawal aktiviti mereka selama 24 jam.

> Saya ingin supaya anak saya menjadi baik. Entah nanti mau jadi apa terserah yang penting dia dapat bekal ilmu agama dan ilmu umum. …ya kalau sekolah di SMA luar pondok kan paling cuma dapat ilmu umumnya saja sedangkan agamanya sedikit. Kalau di sini dapat umumnya di sekolah dapat agamanya di pondok. (Kod Temubual: E-7; Kod Rekod: 140509_009.AVI.)[629]

> Saya berharap supaya anak saya menjadi baik. Tidak terlalu cemas sama ada selepas dari pesantren mau bekerja di bahagian apa. Yang

---

[628] Bapak Suparlan (orang tua daripada Zaenal Arifin dari Probolinggo santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 Mei 2014.

[629] Ibu Yuliati (Orang tua daripada Muhammad Akram santri dari daerah Jember di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 Mei 2014.

University of Malaya

terpenting adalah telah dibekalkan ilmu pengetahuan agama mahupun ilmu pengetahuan umum. Sekiranya anak hanya sekolah di Sekolah Menengah Atas sahaja mereka hanya mendapatkan ilmu pengetahuan umum sahaja manakala ilmu agama hanya sedikit. Manakala di pesantren al-Yasini anak mendapatkan kedua-duanya.

Perubahan tingkah langku ngeh katah, lanak riyen sholat men males-malesan kedah diingataken. Kadang ngeh wani, mbantah omongan tiang sepah. Tapi Alhamdulillah sak niki ngeh kadose sampun sadar lan faham agamo soale. …perbedaane katah kaleh anak-anak luar, contohe mawon kados lare-lare seng mboten lulus ujian UN kadang wonten seng nangis, protes kaleh guru malah wonten ngean seng naudzubillah bunuh diri kados teng tv-tv niko. Lare pondok kadose dereng pernah mireng ngotenniku. (Kod Temubual: E-9; Kod Rekod: 140515_023.AVI.)[630]

Banyak perubahan tingkah laku pada anak saya, kalau dahulu sebelum dia masuk pesantren melaksanakan kewajiban solat masih perlu diperingatkan. Bahkan pernah juga berani dan melawan cakap orang tua. Akan tetapi Alhamdulillah selepas masuk pesantren sudah faham tentang ilmu agama sehingga kewajiban lima waktu tidak ditinggalkan dan taat kepada orang tua. ..Perbandingan dengan pelajar di luar pesantren sangatlah banyak sekali. Salah satu contoh ketika mereka tidak lulus dalam Ujian Nasional ada dari kalangan mereka yang meratapi kegagalannya dengan menangis, protes dengan guru bahkan ada yang bunuh diri. Manakala pelajar di pesantren sepertinya tidak demikian.

Nampaknya harapan dari orang tua pelajar yang memasukkan putranya ke Pesantren Kombinasi al-Yasini bertepatan dengan tujuan pesantren dalam mengkombinasikan antara sistem sekolah formal dengan sistem salafiyyah. Sehingga Pesantren al-Yasini dalam rangka mewujudkan cita-cita serta menjaga tradisi pesantren dapat diperhatikan pada visi dan misinya. Visi Pesantren al-Yasini iaitu menjadi pusat pendidikan Islam terpadu dan unggul untuk menghasilkan insan religius, nasionalis, intelek, berakhlak al-karimah dan berdikari dengan memadukan

[630] Bapak Abdullah Zaini (orang tua daripada Muhammad Khaerul Efendi dari Pasuruan santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

University of Malaya

antara sistem pendidikan moden yang berasaskan pesantren salaf yang kental dengan nilai-nilai Islami.[631]

Daripada visi Pesantren al-Yasini ini difahamkan bahawa untuk melahirkan manusia yang unggul dan menjadi pelapis ulama' yang berwawasan global mestilah memiliki kriteria dan tahapan-tahapan dalam proses pembelajarannya. Setidaknya ada lima kriteria yang mesti dipenuhi iaitu seseorang mestilah religius, nasionalis, intelek, berakhlak mulia dan berdikari. Oleh kerana itu untuk mewujudkan cita-cita tersebut pesantren al-Yasini mengambil jalur dengan memadukan antara kurikulum salafiyah atau Madrasah Diniyyah (Madin) dengan kurikulum Pendidikan Nasional (Diknas) kerjaan Indonesia. Apabila dibuat peratusan perpaduan sistem pendidikan di Pesantren al-Yasini untuk mewujudkan visi dan misinya dapat diperhatikan pada gambar berikut:



Gambar 4.1. Perpaduan sistem pendidikan di Pesantren al-Yasini

Berikut temubual pengkaji bersama ketua bahagian pondok ustaz Ahmad Nuhari tentang pelaksanaan visi dan misi pondok.

[631] Sekretariat Pondok Pesantren al-Yasini Areng-Areng, "Profil Yayasan Miftahul Ulum Al-Yasini 2014" (Brosur penjelasan singkat pesantren al-Yasini, Pesantren al-Yasini, Areng-Areng Pasuruan, April 2014), 1.

University of Malaya

> Pesantren itukan masyarakat anu belajar, artinya dalam setiap detik setiap jam, 24 jam ya kita perhatikan penuh. Dari bangun tidur sampai tidur lagi. Sehingga dari apa yang dilakukan santri semuanya mengandungi nilai pembelajaran. Yang masalah intelektual itu ya digodok di sekolah formalnya dari jam tujuh pagi sampai jam satu siang. Kalau untuk keagamaan itu ada salafiyah, kajian kitab kuning, bahtsul masa'il, ada madinnya, belum lagi ditambah dengan amalan-amalan harian seperti wirid-wirid. Jadi 100 persen umum 100 persen agama. Kalau untuk kemandiran itu sudah pasti kerana semuanya mereka urusi sendiri enggak seperti di rumah yang mungkin mereka masih manja atau ada pembantu tinggal menyuruh, tapi kalau di pesantren mau menyuruh siapa?. (Kod Temubual: B-1; Kod Rekod: 1140429_003.AVI)[632]

> Pesantren merupakan masyarakat belajar, ertinya setiap saat, minit, 24 jam penuh dengan perhatian. Sejak bangun tidur sampai tidur lagi. Sehingga seluruh apa yang dilakukan santri mengandungi nilai pembelajaran. Untuk permasalahan intelektual pelajar dididik di sekolah formal waktu pembelajarannya dari pukul tujuh pagi hingga pukul satu tengah hari. Manakala religious santri dapat diperoleh di pendidikan salafiyah, kajian kitab kuning, bahtsul masa'il, dan juga Madrasyah Diniyyah, termasuk aktiviti harian bacaan-bacaan serta wirid-wirid. Sehingga kandungan kurikulumnya 100 peratus krukikulum umum dan 100 peratus agama. Manakala sifat berdikari dapat terbentuk dengan totality aktiviti santri selama di pesantren yang mereka uruskan sendiri.

Dari temubual di atas dapat difahamkan bahawa untuk melahirkan santri yang religious dan berakhlak mulia Pesantren al-Yasini membekalkan para santrinya dengan ilmu pengetahuan agama melalui kurikulum salafiyyah atau Madrasah Diniyyah (Madin). Manakala untuk melahirkan satri yang nasionalis dan intelek, santri dibekalkan ilmu pengetahuan umum dan sains teknologi di sekolah formal. Kemandirian atau berdikari seorang santri dibentuk melalui organisasi santri dan aktiviti selama 24 jam penuh di dalam pesantren yang dilakukan oleh santri sendiri. Dalam pelaksanaanya kelas formal atau kurikulum pendidikan Nasional seperti Sekolah Dasar, Sekolah Menengah Pertama, Sekolah Menengah Atas, mahupun Perguruan Tinggi diajarkan di sekolah formal, waktu pembelajarannya pagi hari

[632] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

University of Malaya

hinga tengah hari dengan memadukan sistem klasikal dan moden. Manakala kurikulum salafiyyah pembelajarannya melalui Madrasah Diniyyah diajarkan pada waktu petang dan selepas solat shubuh dengan sistem *sorogan* dan *bandongan*.[633] Pada sesi malam hari santri wajib mengikuti kelas pendidikan al-Quran (LPQ) dan kelas Bahasa Arab mahupun Bahasa Inggris. Beberapa subjek pengajaran yang terkandung di kurikulum salafiyyah untuk menepati visi dan missinya seperti pengajaran kitab *Sullam al-Taufīq* yang menjelaskan kajian tentang Fiqh, *al-Akhlāq li al-Banīn* tentang akhlak kepada guru, kawan, orang tua, dan masyarakat, *Bulūghu al-Marām* tentang Hadith fiqh, *Riyaḍātu al-Ṣāliḥīn li al-Imām al-Nawāwi* tentang hadith, *Faṭḥu al-Qarīb* tentang Fiqh lanjutan dari sulamu taufiq, *Tafsīr Jalalayn* tentang Tafsir, *Iḥyā' 'Ulūmuddīn* tentang Tasawuf, *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri* tentang hadith, *Ibnu 'Āqil* tentang Nahwu ilmu alat dan *Faṭḥu al-Mu'īn* tentang Fiqh.[634]

Manakala misi Pesantren kombinasi al-Yasini dalam usahanya untuk melahirkan santri yang religius, nasionalis, yang intelek, berakhlak al-karimah dan berdikari dapat diperhatikan sebagai berikut:

1. Mendidik santri memiliki kedalaman ilmu keagamaan dan penghayatan pada ajaran Agama Islam *'Alā ahli al-sunnah wal al-jamā'ah* dengan mengedepankan prinsip istiqomah, amanah dan moderat.
2. Menyiapkan santri yang mempunyai jiwa nasionalisme yang tinggi
3. Mendidik santri menguasai bidang ilmu pengetahuan dan teknologi
4. Membekali santri dengan penguasaan bahasa arab dan inggris
5. Mendidik santri menjadi generasi yang berakhlak al karimah

---

[633] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

[634] Ihsan Zulkarnaen (Santri kelas 2 Madrshah Aliyah di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 Mei 2014.

University of Malaya

6. Menyiapkan santri berdikari dengan mengembangkan entrepreneurship
7. Menyiapkan santri sebagai pelapis yang siap mengembangkan dakwah di pelbagai daerah
8. Mengembangkan kemitraan dengan institusi lain baik regional maupun internasional. [635]

Manakala tujuan umum daripada pembelajaran di pesantren kombinasi al-Yasini ialah *pertama,* mencerdaskan kehidupan berbangsa dan bernegara sesuai dengan pembukaan UUD Negara Republik Indonesia Tahun 1945 alenia 4 melalui pembinaan dan pendidikan keterpaduan. *Kedua,* mendidik dan membina masyarakat untuk menjadi manusia yang beriman, bertaqwa, berbudi pekerti luhur dengan berbekal keterampilan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi, sehingga mampu mengemban amanah dan kewajibannya dalam menjalankan ajaran agama untuk kepentingan membangun bangsa dan negara dengan berpegang teguh pada nilai-nilai *ahlu al-sunnah wal al-jamā'ah bi qiyādati 'ulamā al-naḥḍiyyīn. Ketiga,* membangun pondok pesantren yang memiliki pengakuan dan reputasi regional/nasional, yg bercirikan pesantren terpadu & unggul sehingga menjadi pondok pesantren yang berdikari dengan manajemen atau tata kelola yang baik *(good pesantren governance).*[636]

Ada tiga poin yang termaktub dari misi mahupun tujuan pendidikan di Pesantren al-Yasini sebagai usaha untuk menyokong pembangunan ekonomi masyarakat. *Pertama,* menyiapkan santri berdikari dengan mengembangkan entrepreneurship. Untuk mewujudkan cita-cita ini sistem pembelajaran di Pesantren Kombinasi al-Yasini memasukkan beberapa program-program unggulan. Seperti

[635] Sekretariat Pondok Pesantren al-Yasini Areng-Areng, "Profil Yayasan Miftahul Ulum Al-Yasini 2014", 1.

[636] *Ibid.,*

University of Malaya

kelas informasi dan teknologi dalam bidang sains agama, kelas olimpiade sains, kelas peningkatan potensi pelajar di bidang agama, bahasa dan ko-kulikuler, kelas farmasi dan analisis kesihatan, kelas pendidikan entrepreneur. Termasuk untuk menyokong program ini dapat berterusan dan memberikan manfaat bagi masyarakat ramai pihak pesantren juga menubuhkan satu lembaga perhimpunan santri usahawan seluruh Indonesia (HIPSI) yang berpusat di Pesantren al-Yasini. Merupakan salah satu bukti keberhasilan program-program unggulan tersebut iaitu banyaknya prestasi kejohanan dalam pelbagai bidang pembelajaran. Berikut beberapa prestasi dalam kejohanan pelajar di Pesantren al-Yasini sama ada tingkat negeri mahupun tingkat kebangsaan.

Jadual 4.5 Senarai Prestasi Santri Pesantren Al-Yasini

No	Karya atau Prestasi	Tingkat kejohanan	Tempat	Tahun
1	Prestasi binis budidaya pertanian	Kebangsaan	Johan	2012
2	Prestasi bisnis budidaya pangan	Kebangsaan	Naib johan	2012
3	Wira Usaha Mandiri	Kebangsaan	Tempat ketiga	2012
4	Design graphic	Negeri jawa Timur	Tempat ketiga	2012
5	Gymnastic santri	Negeri Jawa Timur	Johan	2010
6	Gymnastic santri	Negeri Jawa Timur	Naib johan	2012
7	Public speaking bahasa Inggris dan Arab	Negeri Jawa Timur	Tempat ketiga	2009
8	Cipta puisi	Negeri Jawa Timur	Naib johan	2010
9	Athletic	Negeri Jawa Timur	Johan	2011
10	Ujian Nasional	Negeri Jawa Timur	Johan Am	2012
11	Ujian Nasional	Negeri Jawa Timur	Johan Am	2011
12	Championship	Negeri Jawa Timur	Johan	2011
13	Silat	Negeri Jawa Timur	Tempat ketiga	2012
14	Silat	Negeri Jawa Timur	Naib Johan	2011

Sumber: Sumber: Dokumen Rasmi aktiviti santri Pesantren al-Yasini Areng-Areng

University of Malaya

Kedua, menyiapkan santri sebagai pelapis yang siap mengembangkan dakwah di pelbagai daerah. Perpaduan antara dua sistem pembelajaran di Pesantren al-Yasini merupakan langkah yang ditempuh oleh pesantren untuk mewujudkan misi tersebut. Santri selain diajarkan pelbagai ilmu umum juga dibekalkan ilmu agama. Termasuk aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang bermanfaat di masyarakat. Kepelbagaian permasalahan sosial yang ada di masyarakat tidaklah cukup dengan ilmu agama sahaja atau hanya bermodalkan ilmu umum. Untuk bertindak balas permasalah-permasalahan tersebut mestilah dengan ilmu pengetahuan yang luas. Salah satu wujud peranan pesantren dalam mengembangkan dakwahnya ke pelbagai daerah, maka pesantren membentuk satu lembaga yang disebut Lembaga Pemerkasaan Masyarakat (LPM) atau institusi pemerkasaan masyarakat. Lebih jelasnya pembahasan ini akan dijelaskan pada bab lima tentang peranan pesantren terhadap masyarakat sekitar.

Ketiga, mendidik dan membina masyarakat untuk menjadi manusia yang beriman, bertaqwa, berbudi pekerti luhur dengan berbekal keterampilan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan teknologi. Termasuk melalui institusi pemerkasaan masyarakat pesantren mewujudkan cita-cita tersebut. Dengan menghantar setiap tahunnya lepasan sekolah salafiyyah ke daerah-daerah pinggiran atau pelosok selama lebih kurang 40 hari sama ada menjadi imam, memimpin tahlil, menguruskan mayyit, mengajar atau menubuhkan sekolah-sekolah agama kecil bersama masyarakat, membuat kursus-kursus kerajinan menjadi bukti bahawa pesantren berperanan dalam mendidik dan membina masyarakat.

University of Malaya

4.4.3. Visi, Misi dan Tujuan Pendidikan di Pesantren Moden Gontor Ponorogo

Nilai dan falsafah yang menjadi ruh serta landasan idealisme dalam penubuhan dan aktiviti keseharian di Pesantren Moden Gontor terangkum dalam lima asas dasar, motto pendidikan, visi dan misi. Berikut penjelasan dari setiap unsur;

A. Panca jiwa atau lima asas dasar Pesantren Gontor

1. Keikhlasan

   Keikhlasan bererti tidak mengharapkan balasan. Berbuat sesuatu bukan kerana motivasi untuk mendapatkan keuntungan tertentu. Melainkan keikhlasan ialah berbuat berasaskan beribadat kerana Allah S.W.T.

2. Kesederhanaan

   Seluruh aktiviti dan kehidupan di Pesantren Gontor penuh dengan kesederhanaan. Sederhana membawa erti sesuai dengan keperluan tidak berlebihan dan tidak kedekut, melainkan berada diantara kedaunya. Sederhana juga tidak bererti pasif atau menerima apa adanya.[637]

3. Berdikari

   Berdikari bererti dapat menolong diri sendiri. Berdikari menjadikan santri sanggup belajar dan berlatih mengurus segala kepentingannya sendiri, hal ini dibuktikan oleh Pesantren Gontor sebagai lembaga pendidikan juga berdikari, sehingga tidak pernah menyandarkan kehidupannya kepada bantuan atau belas kasihan dari pihak lain.[638]

4. Ukhuwah Islamiyyah

[637] Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit,* h. 14

[638] *Ibid.,*

University of Malaya

Kehidupan di pesantren sentiasa diliputi suasana persaudaraan yang akrab, sehingga segala suka dan duka dirasakan bersama dalam jalinan *ukhuwah diniyyah.*

5. Kebebasan

   Jiwa bebas bermakna bebas dalam berbuat, bebas dalam menentukan masa depan, bebas dalam memilih jalan hidup dan bebas dari pelbagai pengaruh negatif dari luar dan masyarakat. Akan tetapi apabila erti jiwa kebebasan ini disalah ertikan maka akan membentuk sikap yang liberal dan hilang dari prinsip serta arah tujuannya.[639]

Apabila dicermati dari lima asas dasar di Pesantren Gontor ini, dapat difahami bahawa falsafah Pesantren Gontor lebih visioner dan berpikiran jauh ke hadapan *(future outlook)* berbanding dengan pesantren salafiyyah mahupun pesantren kombinasi. Beberapa falsafah Pesantren Gontor bagi menyokong pembangunan ekonomi iailah jiwa keikhlasan, kesederhanaan, berdikari dan ukhuwah Islamiyyah. Pesantren Gontor menjadikan asas keikhlasan di tempat pertama sebelum kesederhanaan, berdikari, ukhuwah islamiyyah mahupun kebebasan. Keikhlasan membawa erti tidak mengharapkan sebarang balasan, berbuat kerana mengharap redha Allah S.W.T., tidak mempertimbangkan keuntungan mahupun kerugian. Sehingga didapati seorang kiai ikhlas mendidik santri, pengajar-pengajar ikhlas membantu kiai dan pesantren, serta para santri-santrinya ikhlas untuk dididik. Terbukti kiai mahupun pengajar-pengajar di Pesantren Gontor tidak mendapatkan gaji atau upah yang layak dari pesantren, mereka hanya mendapatkan

[639] Lihat, Nur Hadi Ikhsan (et.all) (2006) *op.cit,* h. 15

University of Malaya

fasiliti dan kesejahteraan yang berupa makan, minum serta sedikit *mau'nah*[640] untuk mencukupi keperluan bulanan. Mau'nah yang mereka terima jauh lebih kecil berbanding dengan upah pekerja batu yang ada di kampung-kampung. Akan tetapi mereka masih sentiasa istiqomah dalam mendidik pelajar-pelajarnya, kesunguhan para guru-guru Pesantren Gontor dalam pelbagai aktviti sama ada mengajar mahupun menjaga di pelbagai usaha ekonomi pesantren dengan tanpa sebarang imbalan merupakan bukti yang nyata. Setidaknya ada 29 usaha ekonomi di bawah pengelolaan Pesantren Gontor sama ada dalam bidang pertanian, perkebunan mahupun perniagaan semuanya diuruskan dan ditabdir oleh para guru-guru pesantren dengan tanpa sebarang imbalan berupa material.[641] Nilai keikhlasan yang telah menyatu dan berakar di jiwa setiap guru Pesantren Gontor menjadi kekuatan tersendiri. Berikut temubual bersama salah seorang guru yang bertugas di bahagian Tempat Pembuangan Sampah (TPS).

> Saya bersyukur sekali bisa lulus dari ujian KMI karena masih ada temen-temen saya yang enggak lulus, terus saya juga bersyukur dari sekian banyaknya alumni di angkatan saya mungkin 900an orang kalau digabungkan dengan pondok cabang tapi yang dipercaya sama bapak pimpinan untuk mengabdi di gontor kayaknya tidak lebih 100an… Menurut saya bisa menjadi guru di gontor menjadi kebangaan sendiri, karena termasuk orang yang dipilih. Jadi apapun tugas yang diberikan kepada saya walaupun di bagian tempat ngurusin kotoran sekalipun saya bersyukur dan ikhlas… Saya masih inggat banget nasehat bapak kiai *in ahsantum ahsantum lianfusikum* dan juga sebesar *keinsyafanmu sebesar itu pula peluang kesuksesanmu*. Pelajaran itulah yang selalu saya jadikan pegangan. Dan saya yakin ini menjadi pembelajaran yang berharga buat saya untuk keluar dari pondok nanti. (Kod Temubual: C-12; Kod Rekod: 140602_005.AVI.)[642]

---

[640] *Ma'unah* merupakan satu istilah di pesantren Gontor iaitu pemberian uang poket sekiranya guru-guru memerlukan pengeluaran selain keperluan-keperluan yang sudah dicukupi oleh pesantren. Keperluan-keperluan itu merangkumi peralatan mandi, tempat istirhat, makan dan minum.

[641] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[642] Ustaz Ahmad Rizqi, (Staf di bahagian tempat pembuangan sampah Pesantren Gontor Ponorogo di pejabat pembuangan sampah pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 02 Jun2014.

University of Malaya

> Saya sangat bersyukur sekali dapat menyelesaikan studi saya di Pesantren Gontor, hal itu kerana masih ramai dari kawan-kawan satu angkatan yang tidak berjaya. Di samping itu saya juga bersyukur dari sekian ramainya alumni Pesantren Gontor di angkatan kami lebih kurang 900 santri, kami termasuk 100 santri yang diberikan kesempatan untuk mengabdi di Gontor... Menurut saya menjadi guru di Pesantren Gontor merupakan keistimewaan tersendiri. sehingga kami ikhlas mengabdi dan melaksanakan tugas dari pimpinan pesantren sekalipun mesti menguruskan kotoran (sampah). Kami masih ingat pesan dari bapak kiai *in ahsantum ahsantum lianfusikum* (jika kamu berbuat baik, maka kebaikan itu akan kembali kepadamu), serta nasihat *sebesar keinsyafanmu sebesar itu pula peluang kejayaanmu*. Nasihat dan pengajaran itulah yang sentiasa kami jadikan pedoman. Saya yakin dengan berbakti di bahagian apapun, akan menjadi sebuah pembelajaran dan pengajaran yang berharga apabila kami keluar dari pesantren ini.

Selepas sifat keikhlasan telah tertanamkan di jiwa setiap penghuni Pesantren Gontor, barulah lahir sifat kesederhanaan. Sederhana bukan bererti miskin atau pasif, melainkan sederhana memiliki kekuatan, kesanggupan, ketabahan dan penguasaan diri dalam menghadapi perjuangan hidup. Kesederhanaan di Pesantren Gontor terbukti dengan seluruh sarana prasanara yang ada, termasuk cara berpakaian dan bercakap yang tidak berlebihan. Oleh yang demikian dari sifat inilah akan lahir mental dan keperibadian yang kuat untuk berjuang dalam pelbagai bentuk segi kehidupan. Natijah dari keikhlasan dan kesederhanaan adalah berdikari. Berikut temubual bersama salah seorang santri di Pesantren Gontor.

> Sederhana disini kita engak boleh berlebihan, tapi kita memakai sesuatu sesuai dengan keperluan kita… . baju disini sama semuanya engak ada yang mencolok kelihatan anak orang kaya walaupun aslinya mungkin mereka orang kaya… . yang lain lagi kayak makan, semuanya sama di dapur umum atau dapur guru. Enggak ada yang diistimewakan, ya lauknya semuanya sama… . semuanya kita buat sendiri-sendiri kecuali makan sudah ada yang masakkan sebab kalau masak sendiri kan waktunya habis untuk masak. (Kod Temubual: F-9; Kod Rekod: 140530_013.AVI.)[643]

[643]Sholahuddin, (Santri akhir di pesantren Gontor Ponorogo di masjid jami' Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 30 Mei 2014.

University of Malaya

> Nilai sederhana di Pesantren Gontor iaitu tidak melampau dalam menggunakan sesuatu atau menggunakan sesuatu sesuai dengan keperluannya… . contoh dari sikap sederhana iaitu dalam berpakaian semuanya disamakan tidak boleh nampak berlebihan sekalipun dari kalangan anak orang kaya… . termasuk makan juga sama lauknya tidak ada yang dibezakan… . semua aktiviti di pesantren dikerjakan secara individu kecuali makan yang telah disediakan oleh bahagian dapur.

Berdikari bererti berdiri di atas kaki sendiri, berbuat segala sesuatu dengan tangan sendiri. Seluruh aktviti harian santri mereka lakukan dengan sendiri, dari petugas bahagian keamanan dan ketertipan, bahagian kounseling sampai petugas kebersihan pesantren semuanya diuruskan oleh santri. Nampaknya inilah yang menjadikan modal para lepasan pesantren dalam menghadapi tantangan dan persaingan di dunia pekerjaan. Berikut temubual bersama pengusaha cendawan tiram yang memiliki 6 pekerja salah seorang lepasan Pesantren Gontor berkenaan nilai dan falsafah yang mereka yakini selama ini.

> … . Ilmunya ilmu waktu di Gontor, diajari cara ngomong kayak pidoto setiap mingguannya belum terkadang kita disuruh mentasji' ke a'dho'. Jadi modal itulah yang saya pakai pertama kali untuk nyeles… Ya Alhamdulillah walaupun saya dari pondok enggak sungkan dan bisa diterima sama temen-temen. Terus jujur, dari situ para pelanggan-pelanggan saya respek kok ada anak mahasiswa masih muda dan ganteng lagi..he..he..[sambil tertawa untuk menunjukkan kegembiraannya] mau-maunya nyeles… Terus modalnya jujur itu juga sangat penting banget. Orang kalau sudah percaya sama kita enak..jadi yang susah itu membuat orang percaya dan itu bisa kalau kita amanah… Terus falsafah pondok yang sampai sekarang saya pegang itu lho ustaz yang nempel di kanan kiri qoah "bondo bahu piker lek perlu sak nyawane pisan" terus "sebesar keinsyafanmu sebesar itu pula peluang kesuksesanmu". (Kod Temubual: E-16; Kod Rekod: 140608_001.AVI.)[644]

> Ilmu untuk memasarkan produk iaitu ilmu diajarkan di Gontor. seperti dengan latihan berpidato setiap minggu, kita disuruh memberikan nasihat kepada anggota kita di asrama. Dengan bermodalkan itulah saya berjaya dalam memasarkan produk-produk saya… Alhamdulillah

[644] Encik Muhammad Hakimi al-Azizi (Pengusaha cendawan tiram bekas peserta latihan di PLMPM Pesantren Gontor Ponorogo tahun 2007 di Distributor Centre Gontor), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

> sekalipun saya lepasan pesantren, saya diterima dan tidak ada kesukaran dalam berkawan dengan mereka yang bukan lepasan pesantren... Kunci selanjutnya iaitu sifat jujur, dengan sifat inilah para pelanggan mulai tertarik. Yang terpenting dalam berniaga adalah bagaimana kita mampu meyakinkan pelanggan, untuk membuat pelangan percaya kita mesti jujur dan amanah… Falsafah pesantren yang sentiasa kami jadikan pedoman ialah tulisan para pengasas Pesantren Gontor di dinding balai pertemuan " harta, tenaga, pikiran bila diperlukan nyawa sekali" serta tulisan "sebesar keinsyafanmu sebesar itu pula peluang kejayaanmu".

Selanjutnya jiwa ukhuwah islamiyah yang ditanamkan di Pesantren Gontor membawa erti bahawa antara satu dengan yang lain tidak ada had pemisah. Kesetiaan dalam berkawan tidak hanya ketika mereka berada di pesantren sahaja, tetapi selepas mereka keluar menjadi alumni pun sentiasa menjalin komunikasi antara mereka melalui wadah Ikatan Keluarga Pondok Moden Gontor (IKPM). Adanya rasa saling memiliki dan meyanyangi seperti saudara sendiri di antara santri semasa belajar di pesantren telah memberikan kekuatan tersendiri. Persaudaran diantara mereka sentiasa berkelanjutan, hal itu kerana IKPM juga berperanan sangat ketara sekali dalam menjalin ukhuwah antara sesama lepasan Pesantren Gontor. Saling meminggatkan, saling membantu dan saling tolong menolong antara sesama mereka masih terbawa hingga alumni. Hampir di setiap Bandar, negeri bahkan di luar Negara Indonesia IKPM aktif memberikan kontribusi sama ada kepada ahli mahupun masyarakat sekitar.

B. Moto Pendidikan Pesantren Gontor

1. Berbudi Tinggi

   Berbudi pekerti tinggi *akhlāqu al-karīmah* merupakan sifat paling utama yang diajarkan oleh Pondok Pesantren Gontor kepada seluruh santri dalam semua tingkatan dari yang paling rendah hingga paling tinggi. Untuk

University of Malaya

merealisasikan prinsip ini pihak pesantren menggunakan seluruh unsur pendidikan yang ada.

2. Sihat tubuh badan

   Tubuh yang sihat merupakan kriteria yang dianggap penting di pendidikan Pesantren Gontor. Dengan tubuh yang sihat para santri dapat melaksanakan tugas dan beribadah dengan baik. Penjagaan kesihatan dilaksanakan melalui pelbagai kegiatan sukan, dan bahkan ada sukan rutin yang wajib diikuti oleh seluruh santri sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan.

3. Berpengetahuan luas

   Para santri di Pesantren Gontor dididik melalui proses yang telah dirancang dengan ko-kurikulum secara sistematik agar dapat memperluaskan wawasan dan pengetahuan mereka. Santri tidak hanya diajari ilmu pengetahuan, mereka juga diajar agar apa yang mereka pelajari dapat digunakan untuk membuka ilmu pengetahuan. Seperti ilmu alat nahwu, sorf, mantiq, grammer dan lain sebagainya.

4. Berfikiran bebas

   Berfikiran bebas menurut Pesantren Gontor bukan bererti bebas berbuat (berperilaku liberal). Kebebasan tidak boleh menghilangkan prinsip, terutama prinsip sebagai seorang muslim yang mukmin. Akan tetapi kebebasan merupakan simbol kedewasaan dari hasil pendidikan yang telah diterangi petunjuk *Ilāhi*. Falsafah ini diajarkan setelah santri memiliki sifat budi pekerti tinggi, budi murni dan berpengetahuan luas.[645]

[645] Abdullah Syukri Zarkasyi (2005) *op.cit,* h. 103

University of Malaya

C. Visi dan misi

Visi daripada pengajaran di Pesantren Moden Gontor ialah melahirkan para pelapis-pelapis pemimpin umat dengan menjadikan pesantren sebagai tempat ibadah dengan menuntut ilmu dan menjadikan pusat pengetahuan Islam, Bahasa al-Quran, ilmu pengetahuan umum dengan tetap tidak meninggalkan ciri khas pesantren.

Manakala misinya iaitu *pertama,* mempersiapkan generasi yang unggul dan berkualiti untuk menuju terciptanya khairul ummah. *Kedua,* mendidik dan mengembangkan generasi mukmin-muslim yang berbudi tinggi, berbadan sihat, berpengathuan luas, dan berpikiran bebas, serta berkhidmat untuk masyarakat. *Ketiga,* mengajarkan ilmu pengetahuan agama dan umum secara seimbang bertujuan untuk menghasilkan ulama yang intelek. *Keempat,* mempersiapkan warga Negara yang beriman dan bertaqwa kepada Allah S.W.T.. Selaras dengan kududukan Gontor yang bernaung di bumi Indonesia dan mengambil peranan nyata dalam membangun masyarakat dan bangsa Indonesia.[646]

Jelaslah dari visi mahupun misi pendidikan di Pesantren Gontor sangatlah menyokong dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar. Hal itu kerana secara umum orientasi pendidikan di pesantren ada empat unsur iaitu kemasyarakatan, kesederhanaan, tidak berpartai dan menuntut ilmu kerana Allah S.W.T. *Pertama,* kemasyarakatan. Kemasyarakatan bermaksud pesantren menjadi makmal bagi para santrinya. Sehingga pelbagai bentuk yang akan dihadapi di masyarakat nantinya diajarkan dan dikenalkan secara langsung di pesantren. Dengan harapan selepas

[646] *Ibid.,*

University of Malaya

keluar dari pesantren mampu mengidentifikasi masalah masyarakat dan mampu menjadi pemimpin yang membawa masyarakat ke arah kemajuan. Pembelajarannya terangkum dalam latihan organisasi dengan penuh disiplin, kepemimpinan, tangungjawab, perjuangan, semangat mengabdi dan kebersamaan.

Kedua, Kesederhanaan. Sepertimana yang telah dijelaskan di atas, kesederhanaan di pesantren merupakan pembelajaran yang diutamakan. Sederhana memiliki erti sikap, pola pikir dan tingkah laku yang wajar sesuai dengan keperluan dan tidak berlebihan. Pengajaran sifat kesederhanaan di pesantren nampak dari pelbagai aspek, seperti makan dan minum tidak boleh membazir, berpakaian tidak boleh mencolok mata, dan sebagainya. Kesederhanaan bererti memberikan sesuatu hak kepada haknya sesuai dengan keperluan.

Ketiga, Pesantren Gontor tidak berpartai. Ertinya Pesantren Moden Gontor sebagai institusi pendidikan yang tidak berafiliasi kepada mana-mana partai mahupun organisasi kemasyarakatan apapun. Slogan Pesantren Gontor ialah berdiri di atas dan untuk semua golongan. Oleh yang demikian Pesantren Gontor tidak membezakan-bezakan latar belakang orang tua dari partai atau mazhab apapun. Pesantren Gontor mendidik para santrinya untuk menjadi perekat umat yang bebas dalam menentukan masa depan dan lahan perjuangannya. Yang terpenting perjuangan tersebut sesuai dengan ajaran ahli sunnah wal jamaah berpandukan al-Quran dan Hadith.

Keempat, menuntut ilmu kerana Allah S.W.T. Orientasi yang terakhir daripada sistem pendidikan di Pesantren Gontor ialah menuntut ilmu kerana Allah bukan kerana untuk mencari pekerjaan atau terhormat dan lain sebagainya. Pendidikan

University of Malaya

menurut Gontor ialah wadah untuk ibadah mencari ilmu *(ṭalabu al-'ilmi)*, bukan tempat untuk memperoleh ijazah sehingga dapat mencari pekerjaan nantinya. Pesantren menananmkan kepada santri semangat mencintai ilmu dan belajar kerana Allah S.W.T. sebagai manifestasi ibadah yang luhur.

Dapatlah disimpulkan setidaknya dari visi, misi mahupun tujuan pembelajaran di tiga kes pesantren iaitu bermanfaat untuk ummat *(Anfa'u li al-nās)*, berdikari dan prinsip ibadah. Sebelum seseorang bermanfaat untuk orang lain, maka ia mesti berdikari dan tidak menyusahkan orang lain. Berdikari akan terwujud apabila seseorang mengamalkan apa yang diketahui dan difahami, dengan kepelbagaian macam aktiviti santri dalam bentuk vocasional sedikit sebanyak telah membekalkan santri untuk berdikari. Untuk mewujudkan cita-cita ini pesantren telah memberikan doktrin atau motivasi bahawa segala sesuatu yang dilakukan mestilah bernilai ibadah. Keyakinan beribadah akan memotivasi seseorang untuk beraktiviti dengan penuh maksimum, perkara ini berlaku kerana mereka yakin bahawa Allah S.W.T. Maha Tahu, Maha Melihat dan Maha membalas sesuai dengan amal perbuatan seorang hamba. Di samping itu nilai-nilai pesantren seperti keikhlasan mahupun kesederhanaan merupakan modal utama yang mesti dimiliki supaya kesejahteraan dunia dan akhirat dapat tercapai. Prinsip menjadi contoh teladan dalam istilah lain *(Uswatun ḥasanah)* juga ditekankan oleh pesantren. Sehingga usaha dalam memperkasakan masyarakat telah diawali dengan usaha meningkatkan kualiti kemahiran para santri pesantren yang terangkum dalam kurikulum pembelajaran dan aktiviti 24 jam di pesantren. Daripada tiga matlamat utama tersebut, maka diyakini pesantren mampu melahirkan manusia yang unggul dalam spiritual, produktif secara sosial dan kompeten secara ekonomi. Dengan kemapuan tiga aspek inilah proses pembangunan ekonomi Islam dapat diwujudkan untuk mencapai kesejahteraan di

University of Malaya

dunia mahupun akhirat (*falāḥ).* Secara umum visi, misi dan matlamat pendidikan di tiga kes pesantren dalam kajian ini dapat diperhatikan pada rajah di bawah.

Rajah 4.7. Visi, misi dan matlamat pendidikan di tiga kes pesantren



Sumber data: diubahsuai dari visi, misi dan matlamat pendidikan di tiga kes pesantren

4.5. Hubungan Antara Pesantren dengan Masyarakat Sekitar

Keberadaan pesantren yang tidak lepas dari kewujudan masyarakat merupakan satu ciri khas tersendiri bagi insititusi pendidikan pondok pesantren di Indonesia. Hal itu

kerana pesantren tumbuh dan berkembang daripada masyarakat dan untuk masyakarat dengan statusnya sebagai instititusi yang mentransformasikan nilai-nilai keagamaan bagi masyarakat. Dalam istilah lain pesantren merupakan alat Islamisasi masyarakat dengan tiga unsur pendidikannya iaitu ibadah, tabligh dan amal.[647] Pesantren tanpa masyarakat seperti halnya guru tanpa pelajar, sebaliknya masyarakat tanpa pesantren laksana pelajar tanpa guru. Sehingga tidaklah hairan apabila hubungan pesantren dengan masyarakat sanggatlah erat sekali. Secara umum sama ada masyarakat sekitar mahupun masyarakat jauh sanggatlah membina dan menjaga hubungan baik dengan pesantren. Hal ini berlaku kerana kedua-duanya saling memerlukan dalam hal pelayanan. Masyarakat memerlukan pesantren sebagai satu-satunya institusi yang dipercaya mampu memberikan pelayanan pendidikan keagamaan yang berkualiti kepada masyarakat. Sebaliknya pesantren memerlukan masyarakat sebagai konsumen jasa pendidikan yang ditawarkan di pesantren. Terbukti adanya perubahan sistem pesantren dari salafiyyah ke khalafiyyah (moden) dan kombinasi merupakan usaha pesantren dalam memenuhi keperluan masyarakat. Sehinga tidaklah hairan apabila peningkatan kuantiti mahupun kualiti pesantren pada setiap tahunnya sentiasa bertambah dan berkembang. Oleh kerana itu disebabkan adanya kehormonian hubungan antara kedua pihak sentiasa terjaga dan kedua-duanya saling memerlukan dan melengkapi antara satu sama lain. Berikut perkembangan pesantren dalam masa 10 tahun terakhir mengikut data Badan Pusat Statistik (BPS) kerajaan Indonesia.

[647] Siti Djazimah, ”Potensi Ekonomi Pesantren; Studi Korelasi Antara Ketaatan Beragama Santri dengan Proses Kemandirian Ekonomi di Pondok Pesantren al-Mahalli Brajan Wonokromo Pleret Bantul Daerah Istimewa Yogyakarta.” 422.

University of Malaya

Dalam lintas sejarah pertumbuhan pesantren dari abad ke-16 hingga tahun 2012 dapat diperhatikan pada rajah di bawah ini:

Jadual 4.6 Pertumbuhan Pesantren dari Abad Ke-16 Hingga Tahun 2012

NO	TAHUN	JUMLAH PESANTREN	
1	Pada abad ke-16	613	pesantren
2	Abad ke-19 (pemerintahan Belanda)	1,835	pesantren
3	Tahun 1942 (Pemerintahan Jepun)	1,871	pesantren
4	Tahun 1970an (selepas merdeka)	3,745	pesantren
5	Tahun 1980	4,200	pesantren
6	Tahun 1985	6,239	Pesantren
7	Tahun 1998 (selepas reformasi)	9,700	pesantren
8	Tahun 2001	13,078	pesantren
9	Tahun 2003	14,067	pesantren
10	Tahun 2006	16,000	pesantren
11	Tahun 2009	25,785	pesantren
12	Tahun 2012	27,218	pesantren

Sumber data: diubahsuai dari Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Ditjen Pendidikan Islam, Kementerian Agama Republik Indonesia

Rajah 4.8 Pertumbuhan Pesantren dari Abad Ke-16 Hingga Tahun 2012



Sumber data: Diubahsuai dari Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Ditjen Pendidikan Islam, Kementerian Agama Republik Indonesia.

University of Malaya

Apabila kita perhatikan daripada rajah dan jadual di atas, perkembangan dan pertumbuhan pesantren sangat signifikan sekali. Sejak abad ke-16 jumlah pesantren yang hanya sekitar 613 pondok sahaja, meningkat menjadi 1,800an pondok pada abad ke-19, sekalipun peningkatannya tidak begitu kuat. Namun, peningkatan jumlah pesantren semakin nampak nyata ketika Indonesia bebas dari jajahan kolonial Belanda iaitu pada tahun 1970an pesantren telah mulai berkembang ke seluruh Nusantara yang tidak terhad di daerah Jawa sahaja, sehingga jumlahnya mencapai 3,745 pesantren. Peningkatan kuantiti pesantren juga semakin meningkat ketika selepas jatuhnya rezim orde baru (masuk tempoh reformasi) pada tahun 1998 jumlah pesantren menjadi 9,700an pesantren. Secara amnya pada abad ke-20, perkembangan pesantren semakin meningkat hal itu kerana ramainya orang yang menunaikan ibadah haji pada akhir abad 19. Seperti pesantren Tebuireng yang ditubuhkan oleh Kiai Hasyim Asy'ari pada tahun 1899 M,[648] Pesantren Darul Ulum Rejoso Jombang Di Jawa Timur oleh KH. Abdus Salam, Lirboyo, Sukorejo dan Gontor.[649] Hingga pada tahun 2012, bahagian perencanaan dan sistem informasi sekretariat direktur jenderal pendidikan Islam di kementerian agama Republik Indonesai mencatitkan jumlah pesantren mencapai angka 27,218 pondok pesantren yang tersebar di seluruh tanah rantau Indonesia dengan jenis dan model pesantren yang berbeza-beza.

Selari dengan data yang ada di Kementerian Agama Republik Indonesia tahun 2012, populasi Pondok Pesantren terbesar iaitu berada di Provinsi Jawa Barat, Jawa Timur, Jawa Tengah dan Banten yang berjumlah 78,60% dari jumlah seluruh Pondok Pesantren di Indonesia. Dengan rincian Jawa Barat sebanyak 7.624 (28,00%) pesantren , Jawa Timur 6.003 (22,05 %) pesantren, Jawa Tengah 4.276 (15, 70%) pesantren, dan

[648] Pondok Pesantren al-Khoirot, laman sesawang *pesantren al-Khoirot* dicapai 12 Mac 2013, http://www.alkhoirot.net.

[649] Lihat, Joko Sayono, "Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942)," 57.

University of Malaya

Banten 3.500 (12, 85%) pesantren. Apabila purata jumlah santri Pondok Pesantren secara keseluruhan ada3.759.198 orang santri, yang terdiri dari 1.886.748 orang santri laki-laki (50,19%), dan1.872.450 orang santri perempuan (49,81%). Serta terdapat 3.004.807 orang santri mukim (79,93%) iaitu duduk di asrama. [650] Ini bermakna santri tinggal di pesantren selama 24 jam dengan pengawasan dan pengawalan sejak bangun tidur hingga tidur lagi. Sehingga peranan pesantren terhadap pembangunan sumber manusia sangatlah ketara sekali.

4.5. Hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar

Sebagaimana dijelaskan pada pembahasan sebelumnya tentang visi, misi dan tujuan pendidikan di pesantren. Dari tiga kes pesantren dalam kajian ini memiliki orientasi yang sama iaitu menyebarkan ajaran Islam secara sempurna ke seluruh masyarakat awam dalam pelbagai dimensi. Sehingga difahamkan kewujudan pesantren bagi masyarakat merupakan sebuah wadah penerjemah dan alat transformasi keislaman secara menyeluruh *(kāffah)*. Sebaliknya kewujudan masyarakat bagi pesantren juga memberikan sokongan penuh serta ikut berpartisipasi dalam menjaga dan menjalin hubungan baik antara kedua pihak. Sehingga terjalin kerjasama yang saling menguntungkan (*simbiosis mutualisme)* antara pesantren dan masyarakat. Hampir seluruh masyarakat sekitar pesantren merasakan kesan positif terhadap kehadiran pesantren di lingkungan mereka. Berikut hasil analisa pengkaji tentang hubungan yang tercipta antara pesantren dengan masyarakat sekitar.

4.5.1. Hubungan ekonomi *(economic relationship)*.

Pesantren memiliki komuniti santri dalam jumlah yang ramai serta tinggal di satu tempat tentunya memerlukan keperluan harian yang mesti dipenuhi seperti

[650] Direktorat jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama Republik Indonesia, "Direktorat Pondok Pesantren", laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 11 November 2014. http://pendis.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id2=statponpes2009#.VGFqVcmz6hM

University of Malaya

makan, minum dan keperluan asas lainnya. Tidak semua keperluan-keperluan tersebut tersedia di dalam pesantren, sehingga hubungan jalur ekonomi masyarakat dengan pesantren ialah penyediaan dan pemenuhan keperluan-keperluan tersebut. Sehingga ramai dari kalangan masyarakat sekitar pesantren ikut serta membantu dalam pemenuhan keperluan santri dalam pelbagai bentuk. Seperti tailor, laundry, pembaikan jam tangan, penjilidan buku, pemangkas rambut, pelayanan jasa seperti ojek, andong mahupun penjual makanan dan minuman untuk santri pesantren dan para orang tua santri yang berkunjung ke pesantren. Kerjasama antara masyarakat dan pesantren sentiasa terjaga dalam hubungan ekonomi, hal itu kerana kedua belah pihak saling memerlukan. Apabila terjadi permasalahan, maka kedua belah pihak sentiasa menyelesaikan dengan jalur komunikasi dan musyawarah melalui para penanggung jawab bahagian keamanan dan ketertiban pesantren.

Gambar 4.1. Santri dan peniaga daripada masyarakat. Suasana petang hari para santri pesantren tengah berbelanja makanan ringan ke peniaga masayarakat sekitar. (lokasi: Pesantren Sidogiri Pasuruan. Tarikh: 18/04/2014. Kod rekod: IMG_216

University of Malaya

4.5.2. Hubungan rohani *(spiritual relationship)*.

Masyarakat awam yang lemah tentang ilmu pengetahuan agama memiliki ketergantungan kepada pesantren sebagai institusi pendidikan Islam. sebaliknya pesantren sebagai institusi pendidikan Islam juga memiliki tanggung jawab moril kepada masyarakat sekitar dalam hal mengajak kebaikan dan mencegah kemungkaran (*al-amru bi al-ma'rūf* dan *al-nahu 'an al-munkar).* Sehingga hubungan antara masyarakat dan pesantren dalam hal spiritual sangatlah ketara sekali. Seperti contoh adanya kelas-kelas pengajian di surau-surau terdekat pesantren yang diuruskan dan diisi oleh para guru senior pesantren, kuliah dhuha, kuliah magrib setiap hari, penyeliaan keluarga sakinah mahupun konsultasi tentang hukum hakam Islam sama ada melalui radio pesantren atau buletin-buletin yang dibahagikan setiap hari jumaat.

Gambar 4.3 Masyarakat dan pesantren. Suasana pengajian setiap tiga bulan sekali, masyarakat sambirejo mantingan dengan para guru Pondok Gontor Puteri. (lokasi: Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Cawangan Mantingan. Tarikh: 18/05/2014. Kod rekod: IMG_4981

4.5.3. Hubungan soaial *(social relationship)*.

Hubungan sosial antara pesantren dengan masyarakat selalunya terjalin ketika salah satu diantara kedua pihak memiliki suatu hajat. Contohnya apabila pesantren akan kedatangan tamu seperti presiden atau wakil presiden atau menteri, maka pesantren dan masyarakat sekitar bersama-sama memberikan kerjasama dalam penyambutannya. Gotong royong memperbaiki jalan, membersihkan lingkungan pesantren, memperbaiki jalur irigasi pertanian dan sebagainya.

Gambar 4.4 Masyarakat sekitar Pesantren Gontor Puteri. Suasana gotong royong pembuatan jalur irigasi pertanian. (lokasi: Pesantren Gontor Putri. Tarikh: 20/05/2014. Kod rekod: IMG_1087

4.5.4. Hubungan keamanan dan ketertiban *(security relationship)*.

Rasa aman dan nyaman merupakan suatu keperluan asasi bagi setiap individu. Dalam hal ini pesantren sentiasa berusaha menciptakan suasana aman dan damai, dengan pelbagai peraturan yang telah ditetapkan untuk para penghuni pesantren. Akan tetapi keterbatasan kemampuan para pengurus dalam

menangani santri dalam jumlah yang ramai memerlukan kerjasama dengan masyarakat sekitar. Sehingga hubungan dengan masyarakat untuk menjaga keamanan dan ketertipan pesantren terjalin dengan baik. Salah satu contoh santri dilarang keluar pesantren tanpa mendapat izin terlebih dahulu oleh bahagian ketertiban dan keamanan pesantren. Akan tetapi tidak semua santri patuh dengan pelaturan tersebut, sehingga ada beberapa masyarakat sekitar yang ikut membantu menjadi tim keamanan pesantren sama ada bertugas di dalam pesantren atau di luar pesantren. Sepertimana temubual bersama pengurus di Pesantren al-Yasini.

> Jadi di sini ada dua petugas keamanan. Yang satu keamanan dalam pondok yang diurus santri dan yang satu lagi keamanan luar. Itu ya yang menjaga masyarakat. Sebagian enggak dikasih seragam, tapi mereka menjadi bagian dari pondok… . Ada beberapa masayarakat yang ditunjuk untuk jadi mata-mata. Walaupun mereka g pakek seragam, (Kod Temubual: D-5; Kod Rekod: 140511_001.AVI)[651]

> Di Pesantren al-Yasini ada dua bahagian keamanan dan ketertiban iaitu keamanan dalam yang diuruskan oleh santri dan keamanan luar yang atas kerjasama dengan masyarakat sekitar pesantren… Ada beberapa masyarakat yang berkerjasama dengan pesantren untuk menjadi pengawas santri di luar. Sekalipun mereka tidak memakai pakaian uni form yang rasmi dari pihak pesantren.

[651] Bapak Syafi'i (Ketua bahagian Keamanan luar Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 11 Mei 2014.

University of Malaya

Gambar 4.5 Putugas keamanan Pesantren al-Yasini. Salah seorang staf keamanan daripada masyarakat tengah bertugas di dalam pesantren. (lokasi: Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 22/04/2014. Kod rekod: IMG_3080.

4.5.5. Hubungan dalam pembangunan fisik *(development relationship)*.

Secara georafis keberadaan pesatren berada ditengah-tengah masayarakat. Sehingga hubungan dalam pembangunan fisik sentiasa melibatkan kedua belah pihak. Seperti pembaikan jalan, pembuatan pos-pos keamanan untuk masyarakat, penyediaan fasilitas umum sentiasa dikerjakan secara bersama-sama. Dalam pelaksanaannya pesantren meyokong dengan pemberiaan material seperti wang, pasir, semen atau lahan pertanahan, manakala masyarakat membantu dengan tenaga secara fisik. Begitu halnya sebaliknya, ketika pesantren memerlukan tanah masyarakat untuk digunakan sebagai pengembangan pesantren, masyarakat akan ikhlas bahkan menyokong memberikan tanahnya untuk dapat dimanfaatkan bagi kemaslahatan pesantren. Walau bagaimanapun pesantren juga tetap memperhatikan tempat tinggal bagi masyarakat yang terkena projek pengembangan pesantren seperti dengan memindahkan ke tempat lain yang

masih satu kampong dengan pesantren serta memberikan lahan tambahan untuk pertanian.

> Secara moril apa saja yang pondok butuhkan ke masyarakat, semua masyarakat mendukung sekali. Termasuk ketika kita memerlukan tanah untuk perluasan banguan, jadi sekitar pondok ini semuanya sudah kita pindah berkali-kali. Misalnya sini (sambil tangan beliau menunjukkan ke arah perempatan jalan) itu sudah pindahan semuanya. Utara jalan termasuk depan gedung sudan sebelah gor itu juga pindahan dari sini ini (sambil menunjukkan ke sebuah bangunan dapur di Pesantren Gontor). Kayak di utara menara itu juga pindahan dari selatan masjid pak Buyono itu. Yang barat lapangan sampai pojok sana itu juga sudah pindahan semua. Tapi pondok juga memperhatikan kesejahteraan mereka, biasanya kalau g kita tambah dengan tanah basah juga kita kasih untuk nyetor makanan ke kantin-kantin. (Kod Temubual: C-2; Kod Rekod: 040521_002.AVI.)[652]

> Pada umumnya seluruh apa yang diperlukan pesantren, masyarakat sentiasa menyokong dan membantu pesantren termasuk dalam hal ini ketika pesantren memerlukan tanah untuk perluasan pesantren. Sehingga tidak hairan apabila masyarakat sekitar Pesantren Gontor telah pindah banyak kali. Seperti contoh di sini (sambil menunjukkan ke arah persimpangan jalan) mereka merupakan pindahan semuanya. Sebelah utara jalan termasuk di hadapan bangunan Sudan juga pindahan dari sebelah sini (sambil menunjukkan tangan beliau ke arah bangunan dapur santri). Seperti pak Buyono yang duduk di sebelah utara menara masjid jami' Gontor itu juga merupakan pindahan. Sebelah ujung barat padang bola sepak juga pindahan semuanya. Walau bagaimana pun pesantren sentiasa memperhatikan kesejahteraan masyarakat, selalunya tanah yang kita pakai untuk perluasan pesantren akan kita ganti dengan tanah basah, di samping itu juga mereka kita persilahkan untuk menjual makanan di kedai-kedai makanan milik pesantren.

[652] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

Gambar 4.5. Masyarakat desa Sambirejo dan lapangan bola sepak. Suasana masyarakat sekitar Pesantren Gontor Puteri satu menikmati tanah wakaf milik Pesantren Gontor untuk padang bola sepak masyarakat. (lokasi: Lapangan bola sepak di Pesantren Gontor Puteri 2 Sambirejo. Tarikh: 09/05/2014. Kod rekod: IMG_4361.

Apabila hubungan antara pesantren dengan masyarakat tersebut digambarkan dalam bentuk rajah dapat diperhatikan pada gambar di bawah ini:

Rajah 4.9 Hubungan antara pesantren dengan masyarakat sekitar

4.6. Potensi Yang Dimiliki Pesantren

Pesantren sebagai institusi tradisional pada dasarnya memiliki banyak potensi, hal ini telah lama dibuktikan oleh pesantren dengan kewujudannya sejak masuknya Islam ke Nusantara hingga sekarang. Kepercayaan masyarakat kepada pesantren yang tidak pernah surut memperkuat adanya potensi pesantren yang tersimpan di dalamnya. Menurut analisa pengkaji setidaknya pesantren memiliki dua potensi yang tidak dimiliki

oleh institusi pendidikan Islam di manapun. Potensi tersebut iaitu potensi ekonomi madiyyah (fizikal) dan potensi ekonomi insaniyyah. Kedua potensi ini apabila disedari kemudian diuruskan dengan baik, nescaya akan memberikan kekuatan tersendiri bagi pesantren sebagai usaha berdikari dan juga usaha dalam pembangunan ekonomi masyarakat.

4.6.1. Potensi ekonomi madiyyah (fizikal)

Pertama, secara majoriti pesantren tumbuh dan berkembang di daerah perkampungan, maka potensi pertanian dengan pendekatan agrobisnis *(agriculture)* menjadi satu alternative yang sesuai. Beberapa contoh rawatan air kumbahan dari kamar mandi santri, apabila dikelola dengan baik dapat dimanfaatkan untuk mengairi persawahan masyarakat sebagai usaha mengurangkan kos. Sampah kering mahupun sampah basah yang selalu ada setiap hari dapat diproses untuk pembuatan baja kompos *(baja organik)* yang dapat menyokong kesuburuan lahan tanaman pertanian bahkan mengurangkan kos pembiayaan.

Gambar 4.6 Pengkaji dan masyarakat sekitar pesantren. Keadaan tempat pembuagan sampah di Pesantren Gontor Puteri 1. (lokasi: Tempat Pembuangan Sampah (TPS) Pesantren Gontor Gontor Puteri 1 Mantingan. Tarikh: 11/05/2014. Kod rekod: IMG_3864.

University of Malaya

Kedua, pesantren sebagai *full day system school* sehingga santri tinggal di asrama dalam waktu 24 jam. Santri, guru merupakan pasar fanatik *(captive market)* yang jelas dan nyata bagi pesantren. Sehingga apapun usaha ekonomi dalam bentuk pasar raya, kedai makan, kedai runcit, Photostat dan sebagainya dapat tumbuh berkembang dengan baik.

Gambar 4.7 Suasana kedai makanan. Salah satu contoh kedai makanan untuk santri di Pesantren al-Yasini. (lokasi: Kedai makanan Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 26/04/2014. Kod rekod: IMG_3584.

Ketiga, sebagaimana sejarah penubuhan pesantren iaitu adanya pengiktirafan dan kepercayaan masyarakat terhadap sang kiai, maka kepercayaan masyarakat tersebut merupakan modal utama untuk menubuhkan usaha simpan pinjam seperti BMT atau Bank Perkreditan Rakyat Syariah (BPRS). Dengan penubuhan BMT mahupun BPRS selain sebagai usaha *dakwah bi al-ḥāl* pesantren dalam ekonomi juga dapat menjadi pemecah permasalahan modal usaha untuk masyarakat sekaligus menguatkan ekonomi pesantren sendiri.

Gambar 4.8 Baitu al-Māl Wa al-Tamwīl Maslahah Mursalah lil Ummah (BMT MMU Sidogiri). Keadaan pejabat BMT MMU Sidogiri pusat di Jl. Raya Sidogiri Kraton Pasuruan. (lokasi: Jl. Raya Sidogiri Kraton Pasuruan. Tarikh: 17/04/2014. Kod rekod: IMG_2837.

Keempat, pesantren sentiasa wujud yang tidak pernah surut dari peminatnya, dibuktikan dengan pertumbuhan jumlah pesantren dan santri setiap tahun. Sehingga secara tidak langsung pembangunan fisik seperti asrama santri bahkan keperluan asas santri seperti pakaian solat, kitab kuning dan sebagainya. Apabila perkembangan ini dicermati dengan baik juga merupakan potensi ekonomi bagi pesantren. Oleh yang demikian potensi yang dapat dikembangkan di pesantren seperti konveksi pakain, kedai bangunan atau percetakan buku.

University of Malaya

Gambar 4.9 Penerbit dan percetakan Darussalam Press. Keadaan percetakan dan penerbitan buku di Pesantren Gontor Ponorogo. (lokasi: Pondok Moden Darussalam Gontor Ponorogo. Tarikh: 7/05/2014. Kod rekod: IMG_3709.

Kelima, selepas melihat jumlah santri yang begitu ramai yang datang dari pelbagai daerah, maka tidak hairan apabila setiap minggu bahkan setiap hari sentiasa ada ibu bapa yang melawat anaknya di pesantren. Sehingga penyediaan ruang istirahat bagi para tamu ibu bapa santri apabila berkunjung ke pesantren sekaligus dewan yang dapat digunakan untuk perkumpulan, seminar, perkahwinan masyarakat sekitar juga merupakan potensi ekonomi pesantren. Dalam hal ini hotel, wisma, balai pertemuan (meeting hall) sangat sesuai untuk dikembangkan di pesantren.

University of Malaya

Gambar 4.10 Pengkaji dan Wisma Institut Studi Islam Darussalam (ISID). Bangunan tempat penginapan para tamu Pesantren Gontor di ISID Siman Ponrogo. (lokasi: ISID Siman Ponorogo. Tarikh: 4/05/2014. Kod rekod: IMG_3630.

Keenam, perhatian masyarakat kepada pesantren sentiasa konsisten. Terbukti banyaknya tanah wakaf yang diwakafkan masyarakat untuk pesantren. Keberadaan pesantren yang merupakan cita-cita dan harapan masyarakat tidak diragukan kebenarannya. Ramai dari kalangan masyarakat yang kaya mewaqafkan tanahnya untuk pengembangan pesantren, masyarakat yakin bahawa apa yang dilakukan selama ini tidak salah sebagai usaha investasi akhirat yang pahalanya berterusan *('amal jariyyah).* Nampaknya kesadaran masyarakat terhadap waqaf juga menjadi satu potensi ekonomi bagi pesantren, sama ada waqaf dalam bentuk tanah dan bangunan *(property)* atau cash waqaf. Seperti contoh di Pesantren Gontor mengikut data yang dikeluarkan oleh bahagian Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf hingga tahun 2012 Pesantren Gontor telah mengelola tanah wakaf seluas 747,27 hektar yang tersebar di 21 bandar mahupun negeri di

Indonesia.[653] Begitu halnya di Pesantren Sidogiri yang meyambut baik minat para muhsinin dari kalangan masyarakat dengan menubuhkan satu lembaga yang mengelola Dana Investasi Maslahah Sidogiri (DIMSidogiri) iaitu sejak tarikh 21 Disember 2011. Dana yang terkumpul dari DIM ini akan digunakan untuk kemaslahatan Pesantren Sidogiri dalam bidang pendidikan, dakwah mahupun sosial masyarakat. Akad yang digunakan ialah akad hibah untuk kemaslahatan pesantren dengan paket investasi mengikut kemampuan financial masyarakat. Seperti paket investasi Firdaus , Adn, makwa, Naim, dan paket Darussalam.[654]

Gambar 4.11 Tanah wakaf seluas 114 Hektar. Tanah pertanian yang telah diwaqafkan ke Yayasan Pemeliharaan dan Peluasan Wakaf Pondok Moden Gontor (YPPWPM). (lokasi: Persawahan desa Sambirejo Kecamatan Mantingan. Tarikh: 5/05/2014. Kod rekod: IMG_3929.

[653] Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013* (Ponorogo: Penerbit dan Percetakaan Darussalam Press Gontor, 2013), 21.

[654] Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia usaha di Lembaga Amil Zakat Sidogiri di pejabat LAZ Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

University of Malaya

4.6.2. Potensi ekonomi insaniyyah

1. Perilaku masyarakat sekitar pesantren lebih bersifat pengikut *(culture of followeship).*

   Sifat pengikut akan muncul apabila seseorang menyadari atas kelemahannya atau seseorang meyadari kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh orang yang diikuti. Dalam hal ini kiai pesantren orang yang diikuti dan masyarakat orang yang mengikuti. Berdasarkan kelebihan ilmu agama sang kiai pesantren menjadi sosok agung dan mulia di mata masyarakat sekitar, sehingga masyarakat mengikuti seluruh tradisi mahupun budaya pesantren. Perilaku masyarakat yang demikian menjadi potensi tersendiri bagi pesantren. Oleh yang demikian pesantren menjadi pengendali sosial *(social control)* bagi masyarakat sama ada pemikiran, perilaku mahupun moral.

2. Karisma seorang kiai *(charismatic of kiai)* di mata alumni pesantren mahupun masyarakat sekitar pesantren.

   Karisma merupakan suatu aura wibawa yang hanya dimiliki oleh orang-orang tertentu atau bakat yang dubungkaitkan dengan kemampuan yang luar biasa dalam hal keilmuan, kepemimpinan seseorang.[655] Sehingga kualiti keilmuan atau kecakapan dalam memimpin seseorang tersebut mendatangkan pujian dan hormat daripada masyarakat ramai terhadap dirinya. Sepertimana penjelasan di atas kiai memiliki karisma tersendiri. Dengan karisma yang dimiliki oleh kiai, maka secara tidak langsung kiai menjadi sentral figur *(centre of figure)* bagi masyarakat. Melalui jalur karisma inilah tercipta akses hubungan komunikasi antara kiai dengan tokoh-tokoh masyarakat sama ada

[655] *Kamus Bahasa Indonesia*. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Indonesia, 2008), 717, entri "erat."

University of Malaya

dalam rangkaan ekonomi, politik atau yang lainnya akan terbangun secara automatik.

3. Budaya *tabarruk* santri dan masyarakat kepada kiai. Dalam istilah pesantren *ngalap berkat.*

   Kalimat berkat membawa erti pertumbuhan dan pertambahan.[656] Di kalangan pesantren tabarruk bermaksud bertambahnya amal perbuatan baik *(ziyādatu al-khayr)* terhadap seseorang atau adanya energi kebaikan bersifat ghaib dari Allah S.W.T. yang diberikan kepada seorang hamba untuk mendekatkan diri kepadaNya.[657] Aktiviti *ngalap berkat* yang dilakukan oleh santri, alumni mahupun masyarakat Indonesia ke pesantren-pesantren dan juga ke kiai pesantren memiliki maksud yang sama. Ditujukan agar keberkatan ilmu, amal, usia yang ada lebih bermanfaat dan bertambah kebaikannya.[658] Perpindahan santri dari pesantren ke pesantren yang lain terkadang juga ditujukan untuk *ngalap berkat* kiai pesantren.[659] Sehingga budaya *ngalap berkat* ke pesantren atau ke kiai dari kalangan santri mahupun masyarakat merupakan magnet yang memiliki kekuatan spiritual untuk menarik minat masyarakat ke pesantren.

4. Kurikulum pembelajaran di pesantren yang menumpukan ilmu pengetahuan agama.

   Konsep manusia seutuhnya telah diterapkan di pesantren, dengan kurikulum pembelajaran ilmu-ilmu umum yang di dasari dengan ilmu agama akan

---

[656] *Kamus Bahasa Indonesia*., 187.

[657] Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim (Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

[658] Ali Mudrik (Masyarakat sekitar pesantren Sidogiri, di rumah Bapak Ali Mudrik Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 19 April 2014.

[659] Imam Abdul Ghoni (Santri pesantren sidogiri dari bangkalan Madura, di Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2014.

University of Malaya

menjadi seorang santri lebih unggul berbanding dengan pelajar di sekolah formal. Ilmu pengetahuan agama menjadi pengendali kontrol dalam pelbagai disiplin ilmu. Sehingga manusia yang mimiliki kekuatan mental spiritual dengan nilai-nilai agama dipastikan mampu berperanan di masyarakat dengan lebih baik. Hal itu kerana hakikat pembangunan ialah pembangunan manusia seutuhnya, pembangunan yang diawali dengan pembangunan mental, akhlak dan ruh manusia, pembangunan yang merangkumi seluruh dinamika kehidupan masyarakat.

5. Pola pendidikan di pesantren menerapkan sistem disiplin waktu.

   Tidak dapat dinafikan, salah satu kunci utama keberhasilan sebuah pendidikan adalah adanya disiplin waktu. Pada pelaksanaanya di dalam kehidupan pesantren, manajemen waktu santri ditetapkan dan diatur dengan jadual aktiviti harian. Sehingga tidak ada waktu kosong sedikitpun bagi santri untuk membuang masa. Nampaknya budaya disiplin waktu telah tertanamkan di kalangan seluruh santri pesantren. Bukan waktu mengatur santri, tetapi waktu yang diatur santri. Terbukti dengan padatnya aktiviti santri dalam masa yang singkat. Ketika santri telah terbiasa dengan kesibukan di pesantren, maka selepas mereka keluar dari pesantren juga akan mencari kesibukan yang dapat mengisi waktu kosongnya. Dengan pengalaman dan pembiasaan dalam pemanfaatan waktu di pesantren telah menjadi modal yang berharga bagi santri untuk berbuat lebih banyak dan berkualiti di masyarakat.

6. Jaringan komunikasi antara satu pesantren dengan pesantren yang lain melalui penugasan guru bantu atau disebabkan pernikahan anak kiai dengan anak kiai pesantren lain.

University of Malaya

Dalam sebuah seminar tentang Wirausaha Muda Mandiri Goes to Pesantren pada tarikh 24 April 2014 di Pesantren An-Nur Malang Jawa Timur, Sekretaris umum Rabīṭah al-Ma'āhid al-Islāmiyyah Indonesia (RMI) Kiai Miftah Faqih mengatakan bahawa kekuatan pesantren dapat diciptakan melalui perpaduan antara beberapa pesantren iaitu dengan cara mekahwinkan anak kiai pesantren A dengan anak kiai Pesantren B. Jaringan komunikasi yang tercipta antara besan pesantren memberikan dampak positif yang luar biasa. Salah satunya saling melengkapkan kekurangan dalam pelbagai aspek di pesantren masing-masing.[660]

7. Ikatan emosional para alumni pesantren.

   Hampir setiap pesantren memiliki persatuan alumni, seperti di Pesantren Sidogiri ada Ikatan Alumni Sidogiri (IAS), di Pesantren Gontor ada Ikatan Keluarga Besar Pondok Moden Darussalam Gontor (IKPM) dan pesantren-pesantren lain pun juga sama. Setidaknya persatuan atau ikatan alumni sebuah pesantren ditubuhkan kerana memiliki dua tujuan. *Pertama* ditujukan untuk memberikan informasi kepada para alumni tentang pesantren almameternya. *Kedua*, sebagai wadah komunikasi antara sesama alumni pesantren. Dengan adanya wadah persatuan ini, maka pesantren memiliki dua kekuatan iaitu jaringan kerja sama *(networking)* antara alumni pesantren dan juga kekuatan team kerja *(team work)* yang tercipta sejak mereka belajar di pesantren. Kekuatan emosional, rasa ukhuwah Islamiyyah antara alumni pesantren dengan alumni sekolah formal tidaklah sama. Hal itu kerana santri tinggal di pesantren dalam waktu relative lama dengan pelbagai rasa yang mereka

[660] Miftah Faqih, "Wirausaha Muda Mandiri Goes to Pesantren" (makalah, seminar Wirausaha Muda Mandiri Goes to Pesantren, Pesantren an-Nur Malang Jawa Timur, 24 April 2014), 2.

University of Malaya

rasakan secara bersama-sama, manakala pelajar di sekolah formal tidak ada medium yang dapat membangun solidarity antara mereka.

Dapatlah disimpulkan daripada penjelasan tentang potensi-potensi yang dimiliki oleh pesantren di atas, sama ada potensi ekonomi madiyyah (fizikal) mahupun potensi ekonomi insyaniyyah bahawa kewujudan pesantren mejadi posisi penting bagi sebuah pergerakan pembangunan ekonomi masyarakat. Berawal dari sosok kiai sebagai pengasas pesantren dengan ketokohan dan kedalaman ilmu keagamaan yang dimiliki. Termasuk jiwa interprenuership pada diri kiai, sehingga sebelum menubuhkan pesantren seorang kiai telah berdikari dalam ekonomi. *Kedua,* jiwa kesederhanaan dapat diperhatikan dari gaya berpakaian, tempat tinggal kiai mahupun perkataan kiai. *Ketiga,* jiwa keikhlasan kiai, sejak awal mengasaskan pesantren tidak ada sebarang pihak manapun yang membayar gaji atau upah setiap bulan kepada kiai. *Keempat,* ketokohan kiai dan *kelima* kedalaman ilmu agama yang kiai miliki. Dari lima unsur ini nampaknya melahirkan satu karisma seorang kiai, maka dengan karisma tersebut timbullah kepercayaan masyarakat kepada kiai dan pesantren. Melalui kepercayaan inilah pesantren ditubuhkan dan akses komunikasi tercipta antara kiai dengan masyarakat mahupun kerajaan dalam pelbagai aspek ekonomi, politik dan sosial. Sehingga menurut peneliti pesantren memiliki dua posisi penting iaitu:

Pertama, posisi penghubung *(mediator position)* iaitu pesantren merupakan jambatan penghubung antara a). Masyarakat dengan pesantren, b). Masyarakat dengan santri, c). Masyarakat dengan masyarakat, d). Santri dengan santri yang berasal dari pelbagai daerah lain dan e). Antara pesantren, masyarakat dengan kerajaan dalam pelbagai program aktiviti bersama.

University of Malaya

Kedua, posisi pesantren sebagai tempat perubahan sosial *(social change)*. Perkara ini berlaku kerana wujudnya perpaduan kurikulum antara umum dan agama, nilai dan falsafah pesantren yang sentiasa kekal, 24 jam kehidupan santri di dalam asrama, kepercayaan masyarakat kepada pesantren berdasarkan karisma kiai, maka secara langsung pesantren menjadi medium perubahan sosial bagi individu dan masyarakat. Apabila potensi-potensi yang dimiliki pesantren ini di gambarkan dalam bentuk jadual, maka dapat diperhatikan sebagai berikut:

Rajah 4. 10. Potensi yang dimiliki pesantren



Sumber data: Diubahsuai dari potensi yang dimiliki pesantren.

4.7. Tujuan Pengembangan Usaha Ekonomi Pesantren

Pesantren merupakan satu-satunya institusi yang sesuai untuk memperkasakan ekonomi masyarakat. Melihat keberadaan pesantren yang sangat strategi beridiri di tengah-tengah masyarakat, berasal daripada masyarakat, diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat. Semua perkara ini dapat diperhatikan daripada sejarah penubuhan pesantren yang tidak lepas dari antusias harapan masyarakat kepada pesantren. Adanya kepelbagaian potensi yang dimiliki pesantren sebagaimana dijelaskan sebelumnya, menjadikan pesantren sebuah institusi yang tidak boleh dipandang rendah. Tidak hairan apabila kerajaan Indonesia pada akhir-akhir ini mulai memperhatikan pesantren untuk menjadi medium pembangunan ekonomi masyarakat. Sepertimana pendapat Menteri Koordinator Kesejahteraan Rakyat (Menko Kesra) kerajaan Indonesia Dr. H.R. Agung Laksono bahawa pesantren merupakan pencetus gerakan pemerkasaan ekonomi rakyat. Dengan wujudnya pelatihan-pelatihan yang diikuti oleh santri dan juga masyarakat serta ditubuhkannya koperasi pesantren yang diuruskan santri merupakan usaha pesantren dalam melahirkan usahawan muslim yang berdikari di masyarakat nantinya.[661]

Pada sub bab ini, pengkaji akan menganalisa tujuan daripada usaha-usaha ekonomi pesantren ditubuhkan. Secara amnya seluruh usaha ekonomi yang ada di pesantren bersumber dari idea cemerlang seorang kiai mahupun para pembantu-pembantunya. Sehingga bentuk usaha ekonomi pesantren pada awalnya berpusat pada kiai dan keluarganya. Walau bagaimanapun pesantren pada awalnya lebih bersifat outonomi tanpa ada campur tangan dari sebarang pihak. Kemudian selepas melihat perkembangan usaha tersebut, kemampuan kiai mahupun keluarga pesantren dalam

[661] Dr. HR. Agung Laksono, "Pesantren Pelopor Gerakan Ekonomi Kerakyatan," laman sesawang *menkokesra*, dicapai 13 Mac 2013, http://www.menkokesra.go.id/content/pesantren-pelopor-gerakani-ekonomi.

University of Malaya

menguruskan perekonomian pesantren terhad serta adanya rasa khawatir apabila terjadi penyimpangan orientasi pendidikan pesantren, maka beralihlah pengurusan dari keluarga ke yayasan atau bahagian yang diberikan mandataris oleh kiai. Sehingga pesantren membuka ruang lingkupnya menjadi besifat semi outonomi. Walau bagaimanapun outority kiai dalam memutuskan segala permasalahan masih kuat. Oleh yang demikian tujuan dari penubuhan usaha-usaha ekonomi pesantren juga berubah, maka hasil analisa pengkaji terhadap tiga kes pesantren setidaknya ada empat matlamat daripada pengembangan usaha ekonomi pesantren. *Pertama* sebagai usaha kesejahteraan keluarga kiai dan pembantu pesantren iaitu kalangan *asatidz*. *Kedua,* sebagai usaha ekonomi berdikari pesantren *(economi protect). Ketiga,* sebagai medium pembelajaran santri dan *keempat,* sebagai usaha mensejahterakan ekonomi masyarakat sekitar pesantren.

4.7.1. Usaha untuk mencapai kesejahteraan keluarga kiai dan pengajar pesantren.

Pada awalnya semua usaha ekonomi yang ditubuhkan di pesantren tidak lain untuk memberikan kesejahteraan bagi kiai dan keluarganya. Seperti yang telah dijelaskan di atas, kiai dan para pengajar di pesantren tidak mendapatkan gaji atau upah daripada kerajaan. Hal itu kerana pesantren ditubuhkan secara pensendirian (swasta) tanpa ada keterikatan dengan pihak kerajaan. Secara amnya seluruh pesantren yang ada di Indonesia merupakan isntitusi pendidikan kerakyatan, disebut demikian kerana segala yang berbentuk pembayaran yuran bulanan dapat dilakukan dengan berunding serta berdasarkan atas pertimbangan kemampuan masyarakat. Bahkan ramai dari kalangan santri sekitar pesantren tidak membayar yuran bulanan,

disebabkan dari golongan masyarakat yang kurang mampu.[662] Sebagaimana temubual pengkaji bersama kepala desa di Pesantren Gontor dan juga bersama masyarakat sekitar Pesantren Sidogiri.

> Masyarakat itu ya kepingin banget anaknya sekolah di sini, ya dengan penampilan mereka artinya bermanfaat dan dimanfaatkan oleh masyarakat kayak khutbah jumat, imam masjid banyak sekali. Tapi ya tidak semuanya mampu untuk mbayar iuran bulanan, maka dari dulu sampai sekarang banyak anak konsulat ponorogo luar yang dibebaskan iuran oleh pondok. (Kod Temubual: D-6; Kod Rekod: 140522_007.AVI.)[663]

> Hampir semua masyarakat menginginkan anaknya untuk menuntut ilmu di Pesantren Gontor, dengan melihat para alumninya yang bermanfaat di masyarakat. Akan tetapi tidak semuanya masyarakat mampu membayar yuran bulanan, sehingga pihak Pesantren Gontor membebaskan yuran bulanan untuk santri yang berasal daripada masyarakat sekitar pondok.

Temubual bersama masyarakat sekitar Pesantren Sidogiri:

> Pasti, ada kemurahan. Ianah kalau pondok 290 piro ngono, kalau ngak pondok cuman 100. (Kod Temubual: E-3; Kod Rekod: 140424_014.AVI.)[664]

> Ada pengurangan pembayaran yuran untuk masyarakat sekitar, kalau yang bukan berasal daripada masyarakat sekitar yuran semester lebih kurang 96 ringgit,- manakala daripada masyarakat sekitar yuran semester hanya 33 ringgti,-.

Sehingga tidak hairan kalau Dawan Raharjo mengatakan bahawa pesantren merupakan sistem pendidikan yang paling murah dalam yuran.[665] Hal ini dapat dibuktikan yuran yang dibebankan kepada santri seperti contoh di Pesantren Sidogiri untuk santri idadiyyah hanya Rm 128,- persemester, santri ibtidaiyyah sebanyak Rm 138,- persemester, santri Tsanawiyyah Rm 144,- persemester, santri

---

[662] Ustaz Hendro Risbiantoro, S.Pd.I (Staf Pengasuhan Santri di Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.

[663] Bapak H.Suroso, S.Ag (Kepala Desa Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2014.

[664] Ibu Astuti (Masyarakat sekitar pesantren Sidogiri di kediaman ibu Astuti sebelah timur pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 24 April 2014.

[665] M. Dawam Rahardjo, *Pergulatan Dunia Pesantren,* ix-x.

University of Malaya

‘Aliyyah Rm 192,- persemester, dan santri Kuliah Syariah Rm 133,- persemester.[666] Tidak jauh berbeza dengan pesantren kombinasi al-Yasini Areng-Areng yuran untuk pondok selama satu tahun Rp 350,000,- atau Rm 116,- dan untuk sekolah formal sebesar Rp 75,000,- atau Rm 20,-. Perbulan.[667] Begitu halnya di Pesantren Gontor Ponorogo hanya Rm 170,- perbulan sudah termasuk makan minum, tempat tinggal dan semua aktiviti-aktiviti kokulikuler.[668] Walau bagaimanapun, kiai bersama keluarga kiai tetap memperhatikan kesejahteraan para pembantu-pembantunya. Oleh yang demikian, pesantren mencuba mengembangkan usaha-usaha ekonominya untuk dapat menjana kesejahteraan para guru-guru pesantren. Sebagaimana temubual pengkaji dengan ketua Yayasan Pemeliharaan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor (YPPWPM).

> Termasuk usaha kita ya di pinggir sungai batang hari daerah Jambi kita ada pembelian tanah, yang 70 hektar pemberian dari pemerintah 6 hektar ditanam karet, 110 ditanam sawit. Yang baru tertanami sawit baru 20 hektar. Ada juga yang milik keluarga 112 hektar ya itu kita semua yang ngurusnya. Yang punya yayasan ada 180 hektar. Keluarga kita modali dari pondok, beli tanah saja 4 juta, kalau sampai berbuah 34 juta perhektar. Berarti pondok memodali keluarga 30 juta. Lha kalau setiap orang saja punya 5 hektar berarti pondok sudah meminjami mereka 150 juta. Ngembalikannya ya kayak sekarang sudah mulai panen kita kurangi dari situ. Ini semua untuk keluarga dikasih yang sudah pengabdiannya 30 tahun, termasuk saya yang pengabdiannya sudah 40 tahun [beliau sambil tertawa ringan]. (Kod Temubual: C-2; Kod Rekod: 040521_002.AVI.)[669]

---

[666] Buku Penjelasan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri, dalam pertemuan pengurus Pondok Pesantren Sidogiri dan Wali Santri Wilayah Situbondo, Bondowoso, Jember dan Banyuwangi tahun ajaran 1434-1435 H. 41.

[667] “Brosur Pendaftaran Yayasan Miftahul Ulum al-Yasini Pondok Pesantren Terpadu,” *Borang Pendaftaran kemasukan sesi Jun/Juli 2013,* 25 April 2014. Lihat, juga Pesantren terpadu al-Yasini “Info PSB Pesantren al-Yasini,” lawan sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 17 Ogos 2014. http://alyasini.net/index.php?p=detberita&id=72.

[668] “Penjelasan singkat masuk KMI dan ISID Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo,” *Taqwin 2014,* 2014.

[669] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

> Salah satu usaha kita untuk mensejahterakan para guru-guru iaitu dengan membeli tanah di Batang Hari Negeri Jambi seluas 180 hektar termasuk pemberian dari pemerintah setempat seluas 70 hektar. Yang telah tertanami getah seluas 6 hektar, manakala sawit baru 20 hektar. Di daerah itu pula ada tanah seluas 112 hektar milik para guru-guru Pesantren Gontor yang telah berkhidmat di Pesantren Gontor lebih kurang 30 tahun. Termasuk saya yang telah berkhidmat di Gontor selama 40 tahun [beliau sambil tertawa ringan]. Semua pengurusan diuruskan oleh pihak YPPWPM termasuk dalam pemberian modal awal juga diambilkan dari dana pesantren. Seperti pembelian tanah satu hektar 4 juta, pengurusan hingga berbuah lebih kurang 34 juta perhektar. Apabila setiap guru memiliki 5 hektar, maka setidaknya pesantren telah meminjamkan kepada para guru lebih kurang 150 juta rupiah.

4.7.2. Usaha berdikari pesantren dalam ekonomi dengan sistem proteksi ekonomi *(economi protect)*.

Pesantren sebagai padang perjuangan bagi kiai, para pembantu kiai, para santri, masyarakat sekitar dan juga orang tua santri. Dengan nilai-nilai pesantren yang menjadi asas segala aktiviti harian mahupun tahunan sepertimana dijelaskan pada visi, misi dan tujuan pendidikan pesantren. Usaha berdikari pesantren telah dimulai sejak awal dalam penubuhan pesantren iaitu dengan tangan para santri, masyarakat dan orang tua santri pesantren ditubuhkan secara gotong royong bukan melalui jalur meminta-minta bantuan, menyebarkan proposal ke insitutusi kerajaan. Dengan sifat berdikari tersebut pesantren bebas dan tidak ada keterikatan dalam segala aktiviti harian. Mulai penentuan kurikulum pembelajaran yang tidak terikat dengan kerajaan, bebas dari unsur politik atau tidak memihak sebarang parti sampai pembiayaan keperluan pesantren setiap hari mahupun bulanan dicukupi sepenuhnya oleh pesantren sendiri. Sehingga tidaklah hairan apabila ada slogan bahawa; pesantren merupakan padang perjuangan bukan tempat mencari penghidupan, maṣlaḥah pesantren di atas maṣlaḥah individu, kepentingan umat di atas

University of Malaya

kepentingan individu, pesantren mesti dibantu dibela dan diperjuangkan dengan harta, tenaga, fikiran bahkan nyawa sekalipun, menghidupi pesantren bukan mencari penghidupan di pesantren.[670] Slogan tersebut telah lama difahami dan dihayati seluruh lapisan penghuni pesantren mahupun masyarakat sekitar. Banyak cara yang telah dilakukan oleh santri mahupun masyarakat untuk mewujudkan kemaslahatan bagi pesantren, seperti contoh belanja di pesantren dengan niat beribadah, bekerja di pesantren untuk mendapatkan keberkatan rezeki. Sebagaimana temubual pengkaji bersama pekerja di tempat pembuangan sampah daripada masyarakat sekitar di Pesantren Gontor.

> Alhamdulillah, biar saya g ada suami tapi Alhamdulillah rizqi yang Allah berikan kepada saya cukup untuk menghidupi anak-anak saya. Anak saya ada 4 lho ustaz, alhamdulillah semuanya sekolah dan sudah besar-besar juga dari sini. Mboten nopo-nopo ngresi'i sampah seng penting halal lan berkah. Niku putrine buk suparti ngeh saget kuliah sampek S2 teng malang [sambil menunjuk salah seorang teman yang tengah bekerja]. Ngeh Alhamdulillah berkah saking pondok. (Kod Temubual: E-10; Kod Rekod: 140603_004.AVI.)[671]

> Alhamdulillah, sekalipun saya sudah tidak ada suami lagi akan tetapi saya mampu mencukupi nafkah keluarga saya. Hingga saat ini anak saya ada empat semuanya sekolah dan telah beranjak dewasa semuanya. Tidak ada sebarang usaha lain melainkan bekerja di pesantren dengan membersihkan sampah di Tempat Pembuangan Sampah (TPS) ini, yang terpenting bagi kami adalah halal dan penuh keberkatan. Itu anak perempuanya makcik Suparti juga mampu melanjutkan belajarnya di Universiti Islam Negeri Malang hingga tingkatan magister [sambil tangannya menunjukkan ke arah kawanya yang tengah bekerja mengasing-asingkan sampah kering dan sampah basah] semuanya merupakan berkat dengan bekerja di pesantren.

Daripada temubual tersebut dapatlah difahami bahawa keyakinan masyarakat terhadap keberkatan rezeki yang mereka peroleh dengan cara mengabdi

---

[670] Abdullah Syukri Zarkasyi, "Membina Pesantren Yang Mandiri: Pengalaman Pondok Modern Gontor" (Makalah, seminar Isu Kewangan dan Pembiayaan peringkat kebangsaan, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac 2009), 12.

[671] Ibu Sumiati (Masyarakat sekitar pesantren Gontor di tempat pembuangan sambah Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 03 Jun2014.

University of Malaya

dan bekerja di pesantren sangatlah kuat sekali. Mereka yakin bahawa Allah telah mengatur rezeki semua makhluknya, yang terpenting adalah bekerja dengan baik sesuai dengan ajaran Islam serta tidak membeza-bezakan pekerjaan selagi menghasilkan rezeki yang halal. Keberkatan rezeki akan membawa pelakunya untuk merasa puas hati atau tidak tamak harta, hal itu kerana kesejahteraan bukanlah dengan banyaknya harta melainkan kesejahteraan apabila harta yang diperoleh dapat memberikan kebahagiaan, ketentraman dan kecukupan.

Untuk mewujudkan pesantren yang berdikari dalam pelbagai aspek, maka pesantren mengembangkan usaha ekonominya dengan merujuk pada potensi-potensi ekonomi yang dimiliki pesantren. Pelbagai cara untuk menyokong kejayaan usaha ekonomi ini salah satunya iaitu dengan mengamalkan sistem proteksi ekonomi. Proteksi ekonomi pesantren dikawal melalui pengeluaran barangan-barangan keperluan santri secara persendirian mahupun bekerjasama dengan para alumni dan juga masyarakat, selagi ada produk sendiri yang dikeluarkan oleh pesantren akan lebih diutamakan berbanding produk dari luar pesantren. Di samping itu juga ditetapkan beberapa pelaturan disiplin sama ada bagi santri mahupun keluarga pesantren untuk belanja di usaha-usaha ekonomi yang dimiliki pesantren. Santri dan guru tidak dibenarkan berbelanja dalam radius 5 km daripada lingkungan pesantren.[672] Sepertimana nasihat dari ketua majlis pengasuh pesantren kombinasi al-Yasini kiai Mujib setiap kesempatan sama ada ketika kajian kitab kuning bersama seluruh santri putera dan puteri atau setiap selepas solat berjamaah di masjid jami' al-Yasini. Beliau menasihati santri bahawa keberkatan ilmu hanya akan diperoleh dengan ketaatan kepada pelaturan pesantren dengan taat ilmu

[672] Abdullah Syukri Zarkasyi, "Membina Pesantren Yang Mandiri: Pengalaman Pondok Modern Gontor." 12.

University of Malaya

menjadi bermanfaat. Beliau juga melarang kepada seluruh santri agar tidak belanja diluar pesantren oleh kerana seluruh keperluan telah disediakan di dalam pesantren.[673] Proteksi ekonomi merupakan kekuatan ekonomi bagi pesantren untuk dapat menopang seluruh keperluan pesantren tanpa berharap bantuan dari pihak manapun. Nampaknya dari ketiga kes pesantren dalam kajian ini semuanya menerapkan sistem proteksi ekonomi. Terbukti Pesantren Gontor memiliki 30 usaha ekonomi, Pesantren Sidogiri memiliki 35 usaha ekonomi dan Pesantren al-Yasini juga memiliki 27 usaha ekonomi. Dalam pelaksanaannya ekonomi proteks juga diberbolehkan oleh syariah Islam, selagi rukun dan syarat-syarat transaksi dipenuhi dan sah disisi syariah Islam. Sesuai dengan temubual bersama pimpinan Pesantren Gontor kiai Hasan Abdullah Sahal.

> Ekonomi proteksi itu tidak harom, karena tidak meninggalkan mawaridh yang shahihah halal, dan itu sumber kekuatan ekonomi pesantren. Sehingga pesantren bisa memberi ilmu dan memberi kehidupan. Adanya kopel, kopwapel, latansa buku, UKK, KUK, Apotek dan setoran-setoran guru. …ekonomi proteksi itu banyak caranya. Dengan jiwa kemandirian, ukhuwah mahupun disiplin-disiplin dan sebagainya. Negatifnya itu tidak menginspirasikan orang luar, sehingga kita tidak mengantungkan dan mengantungkan orang lain. Semuanya kita punya bukan ke orang china yang keuntungan dikasihkan ke luar. (Kod Temubual: C-1; Kod Rekod: 140520_001.AVI.)[674]

> Secara hukum ekonomi proteksi halal, kerana dalam pelaksanaannya tidak meninggalkan rukun mahupun syarat sah yang telah ditetapkan syariah. Usaha sebegini merupakan kekuatan bagi pesantren, sehingga pesantren mampu berdikari dan menjadi medium pembelajaran santri. Wujudnya seluruh usaha-usaha ekonomi di pesantren seperti koperasi pelajar, kedai buku, farmasi mahupun penyediaan makanan dari kalangan guru-guru merupakan bentuk ekonomi proteksi pesantren. Pelbagai cara untuk menjayakan usaha ini seperti dengan menanamkan nilai berdikari, nilai ukhuwah islamiyyah hingga adanya pelaturan bagi para penghuni pesantren.

---

[673] Kiai H. A. Mujib Imron, "Pesan dan nasihat selepas solat shubuh di masjid al-Yasini dan nasihat selepas kajian kitab kuning di dewan pertemuan," 25 April 2014.

[674] Kiai H. Hasan Abdullah Sahal (Pimpinan Pesantren Gontor Ponrogo di Pejabat Pimpinan Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.

University of Malaya

4.7.3. Medium pembelajaran Santri

Usaha ekonomi yang dijalankan di pesantren tidak semuanya dikelola oleh pekerja daripada masyarakat. Hal itu kerana pesantren bukanlah institusi bisnis yang mencari keuntungan semata. Melainkan pesantren merupakan wadah pembelajaran bagi seluruh santri mahupun para guru-gurunya. Pesantren sedar bahawa tidak semua alumni atau lepasan pesantren berminat menjadi ulama atau guru mengaji di masyarakat nantinya, akan tetapi boleh jadi dari sekian ramainya santri ada yang memiliki bakat atau berminat berdakwah memalui ekonomi. Sehingga model pendidikan yang ditawarkan di pesantren ialah belajar sambil bekerja *(learning by doing)*. Oleh yang demikian pesantren memberikan satu organisasi untuk menggali dan menyalurkan potensi santri dalam berniaga. Hampir seluruh usaha yang dikembangkan oleh pesantren semuanya dikelola secara sendiri. Kalau diperhatikan kembali sturuktur organisasi di tiga kes pesantren ini, semua pesantren memiliki usaha ekonomi yang dikelola oleh para santri. Seperti di Pesantren Sidogiri di bawah program internal ada satu bahagian bukan pendidikan yang merangkumi daripadanya koperasi santri, media cetak santri dan sebagainya. Begitu halnya di Pesantren al-Yasini juga ada satu bahagian usaha milik pesantren yang terdiri daripadanya kedai-kedai makanan ringan yang dikelola oleh santri putera mahupun santri puteri di bawah naungan organisasi santri. Manakala di Pesantren Gontor usaha ekonomi yang dikelola oleh santri sebagai medium pembelajaran juga sama di bawah satu organisasi santri Pesantren Gontor (OPPM) yang dikawal dan diawasi secara langsung oleh bahagian pengasuhan santri. Berikut temubual penulis bersama ketua Koperasi Pondok Pesantren (Kopontren) al-Yasini Areng-Areng.

> … .Yang kedua secara keseluruhan santri itukan secara ilmu fiqeh itukan sudah pasti tahu, tapi secara muamalah prakteknya tidak ada

University of Malaya

> tempat latihan. Jadi dengan adanya koperasi ini yang sekalian untuk latihan santri-santri yang memang punya minat ke situ. Jadi diharapkan setelah mereka keluar dari pesantren, bisa terus terjun di dunia usaha dengan mengamalkan bab muamalah… . Yang menjaga koperasi sekarang ini kalau dipresentasikan 40 persen dari santri. (Kod Temubual: B-6; Kod Rekod: 140429_004.AVI)[675]

> … . Faktor penubuhan koperasi pesantren yang kedua iaitu secara majoriti keilmuan santri tentang ilmu fiqh muamalah telah mencukupi. Akan tetapi secara praktik para santri belum ada medium untuk pembelajaran. Sehingga dengan wujudnya koperasi pesantren diharapkan menjadi tempat berlatih para santri yang memiliki minat untuk berniaga… . secara peratus sekarang yang menjaga koperasi pesantren 40 % dari kalangan santri.

Beberapa usaha ekonomi sebagai pembelajaran santri di Gontor ialah seperti koperasi pelajar, koperasi pengakap, koperasi makan dan minuman, kedai basuh pakaian, kedai makan, bahagian kesihatan, bahagian design, fothografer dan lainnya. Secara pembukuan usaha-usaha ekonomi yang dikelola santri sepenuhnya ditadbir oleh santri dan dilaporkan dihadapan seluruh santri dalam waktu satu tahun sekali. Sebelum para santri diberikan amanah mentadbir kewangan di organisasi pelajar, maka terlebih dahulu para santri telah belajar menjadi bendahari di bahagian-bahagian seperti menjadi bendahari di klub bahasa, bendahari di asrama, bendahari di klub sukan, bendahari di kelas, bendahari di konsulat daerah dan sebagainya.[676] Dalam pelaksanaannya pimpinan pesantren melantik santri kelas akhir di pesantren dengan berasaskan kualiti dalaman seseorang berbanding dengan kemahiran dan keterampilan. Jiwa keikhlasan, kejujuran, amanah, tanggungjawab, kesungguhan, dan loyaliti merupakan persyaratan utama bagi mengemban amanah ini. Manakala ketrampilan dan kecekapan yang berkaitan dengan tugas dan

---

[675] Ustaz Syamsul Arifin (Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini di pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

[676] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

pekerjaan akan menjadi syarat yang terkemudian.[677] Modal usaha sepenuhnya dari pesantren, manakala hasil keuntungannya untuk pengembangan aktiviti dan organisasi santri. Para santri yang bertugas di bahagian usaha ekonomi ini tidak mendapatkan sebarang upah berupa wang melainkan hanya pengalaman berniaga. Bahkan mereka bersyukur dipilih dan diberikan kepercayaan untuk menjadi pengurus di bahagian ekonomi pesantren. Nampaknya pengalaman dan pembelajaran inilah yang santri harapkan berbanding dengan bayaran atau upah mereka bekerja. Sesuai dengan hasil temubual santri yang bertugas di usaha ekonomi pesantren.

Temubual bersama santri Gontor;

> … . Saya tidak ngeluh malah bangga dan bersyukur bisa mbantu pondok, karena ilmu itu lebih penting bagi kami daripada upah uang. Malahan kalau kami dibayar malah kami merasa seperti pekerja, dan kami malah kurang maksimal nantinya. Apalagi kalau ada kerugian pasti kami akan dituntut untuk menganti, makanya saya sangat bersyukur sekali kapan lagi saya bisa belajar seperti ini yang enggak ditutut apa-apa… . Kayaknya kalau di luar enggak ada belajar kayak gini… . maksudnya ya enggak ada tuntutan harus untung berapa dan kita juga enggak perlu modal. (Kod Temubual: F-7; Kod Rekod: 140523_007.AVI.)[678]

> … . Saya tidak menyesal bahkan merasa berpuas hati serta bersyukur dapat membantu pesantren. Oleh kerana ilmu dan pengalaman jauh lebih berharga berbanding dengan wang. Bahkan apabila saya menerima upah, saya seperti pekerja dan tidak dapat bekerja dengan maksimum. Sehingga apabila terjadi kerugian saya mesti kena mengatikan kerugian itu. Oleh yang demikian saya sanggat bersyukur mendapat kesempatan untuk belajar dengan sebarang ada tuntutan… . Nampaknya di sekolah diluar pesantren tidak akan kita jumpai pembelajaran seperti ini. Belajar berniaga tanpa modal wang dan tidak ada tuntutan mesti berjaya.

---

[677] Abdullah Syukri Zarkasyi, "Membina Pesantren Yang Mandiri: Pengalaman Pondok Modern Gontor" 12.

[678] Ahmad Musthofa (Santri akhir yang bertugas di Koperasi Pelajar (Kopel) di koperasi pelajar pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2014.

University of Malaya

Temu bual bersama santri Sidogiri;

> Intinya di sini belajar taat sama kiai, saya masuk di sini ya karena uangnya langsung untuk membantu pondok bisa berkhidmah buat pondok… . habis boyong nanti saya akan menjadi guru sambil berjualan. Jadi berkah itu yang saya cari... . Maksudnya berkah itu nanti seumpamanya saya jaualan, jualannya itu laris habis terus. Kalau beli ini pasti laris, ramai pelanggannya, gampang cari rizqi enggak sampai kesulitan atau ngemis. (Kod Temubual: F-2; Kod Rekod: 140427_007.AVI.)[679]

> Matlamat utama dalam pembelajaran di Pesantren Sidogiri adalah patuh terhadap kiai, oleh kerana itu saya mau bekerja di koperasi pesantren ini sebagai bentuk ketaatan saya dalam berbakti sekaligus membantu pesantren… . Selepas saya menamatkan pengajian di sini saya akan menjadi guru agama dan juga berniaga. Keberkatan dengan cara mengabdi di pesantren itulah yang saya utamakan… . Maksud daripada berkat iaitu apabila nanti kita berniaga, perniagaan kita akan berjaya ramai para konsumen dan dimurahkan rezekinya sehingga tidak kesusahan bahkan sampai meminta-minta.

Temubual bersama santri al-Yasini;

> Alhamdulillah pak saya terpilih untuk menjadi pembantu di toko… . ya awalnya kita mengajukan terus nanti diseleksi sama ustaz, barulah kita diajari macem-macem biar kita bisa langsung kerja… . ya latihannya di sini, belajar sambil kerja… . yang penting niatnya kita belajar pak, semoga bisa jadi pengalaman nantinya. (Kod Temubual: F-6; Kod Rekod: 140517_012.AVI.)[680]

> Alhamdulillah saya terpilih untuk menjadi pembantu di kedai milik pesantren… . proses awalnya iaitu memohon untuk menjadi pembantu kemudian ditapis oleh ustaz dan diajar dengan pelbagi pelatihan… . berlatih dengan bekerja… . yang terpenting ialah niat membantu di pesantren untuk belajar dengan harapan menjadi modal ilmu dan pengalaman untuk diterapkan diluar nantinya.

---

[679] Muh. Abdul Ghofur (Santri yang bertugas di kopontren kedai makan di koperasi pondok pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 27 April 2014.

[680] Ali Waluyo (Santri yang bertugas di kedai runcit di koperasi pondok pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 April 2014.

University of Malaya

Gambar 4.12 Santri penjaga di koperasi santri dan para santri yang sedang berbelanja. Suasana di koperasi santri Pesantren Sidogiri Pasuruan (lokasi: Koperasi santri Pesantren Sidogiri Pasuruan. Tarikh: 16/04/2014. Kod rekod: IMG_2711.

4.7.4. Sebagai usaha mensejahterakan ekonomi masyarakat sekitar

Usaha ekonomi yang telah berkembang mahupun akan dikembangkan di pesantren tidak lepas daripada beberapa pemerhatian kiai dan pembantunya terhadap peluang sebuah potensi ekonomi yang ada, perencanaan pelaksanaan usaha, kekuatan dan kelemahan yang dimiliki pesantren serta manfaat dan peranannya terhadap pesantren mahupun masyarakat. Nampaknya lima langkah ini sentiasa menjadi panduan asas dalam mengembangkan usaha ekonomi di pesantren. Salah satu contoh sebelum pesantren ingin mendirikan sebuah kilang penggilingan padi atau Lembaga Keuangan Syariah (LKS), maka lima langkah tersebut telah dijadikan suatu konsep dalam penubuhannya. Walau bagaimanapun tidak semua peluang yang ada akan disambut dan diwujudkan dalam bentuk usaha, melainkan perlu adanya pertimbangan atas dasar maslahah mahupun mafsadah bagi orang

ramai. Apabila peluang tersebut memberikan benefit kepada pesantren dan masyarakat barulah pesantren akan merencanakan dan membincangkan perkara terebut bersama tokoh masyarakat dengan merujuk kepada kekuatan dan kelemahan yang dimiki pesantren. Apabila digambarkan langkah-langkah tersebut sebagai berikut:

Rajah 4. 11. Langkah pesantren dalam pengambilan keputusan untuk mengembangkan usaha ekonomi.



Langkah pesantren dalam pengambilan keputusan untuk mengembangkan usaha ekonomi.

Seperti di Pesantren al-Yasini Areng-Areng, dalam penubuhan LKS aspek yang kedua itulah yang mendapatkan perhatian utama. Seperti temubual bersama manager Lembaga Keuwangan Syariah al-Yasini Ustaz Muhammad As'ari Hasan.

> Pada awalnya kami sebagai tim yang dipercayai untuk mendirikan lembaga keuangan syariah ini mengadakan penelitian terlebih dahulu terhadap kebutuhan-kebutuhan masyarakat sekitar sini. LKS al-Yasini dulu sebenarnya sudah membuka lembaga keuangan pada tahun 2010, LKS al-yasini dipayungi sama koperasi serba usaha. Koperasinya surat izinya turuh tahun 98. Pada waktu itu kami masih bekerjasama dengan al-Kamil Malang dan kami tunjuk mereka sebagai operator atau managernya, karena memang pada waktu itu al-yasini masih belum siap untuk memenej sendiri karena masih belum faham betul terkait transaksi simpan pinjam dalam ekonomi syariah dan lain-

University of Malaya

lainnya… . Akan tetapi kembali kepada kebutuhan masyarakat tadi, ya kami mencoba nekat untuk memberikan solusi dan menjadi mitra mereka dalam upaya untuk menyelesaikan problem masyarakat dalam keuangan. Disekitar sini kan enggak ada lembaga keuangan, jadi kalau melihat peluang dan kemaslahatan masyarakat sangat tepat sekali. (Kod Temubual: B-3; Kod Rekod: 140505_008.AVI)[681]

Kami sebagai tim yang diberikan kepercayaan untuk menubuhkan Lembaga Keuangan Syariah (LKS) terlebih dahulu telah membuat sebuah penyelidikan terhadap keperluan masyarakat sekitar pesantren. Masyarakat pada waktu itu sangat memerlukan bantuan modal wang untuk usaha mereka. Melalui hasil daripada penyelidikan kami inilah, maka pada tahun 2010 LKS ditubuhkan di bawah badan hukum koperasi dalam pelbagai usaha yang telah dimiliki pesantren sejak tahun 1998… . Walau bagaimanapun kemampuan kami untuk menubuhkan LKS pada waktu itu belum mampu disebabkan tidak faham tentang transaksi simpan pinjam dalam ekonomi syariah dan lain-lainnya. Akan tetapi dengan melihat kemaslahatan untuk masyarakat, maka kami bekerjasama dengan LKS al-Kamil Malang sebagai manager utama di LKS al-Yasini sebagai usaha dalam menyelesaikan permasalahan modal kewangan masyarakat sekitar.

Gambar 4.13 Pejabat Lembaga Keuangan al-Yasini Areng-Areng. Suasana Pejabat LKS al-Yasini di Pesantren al-Yasini Pasuruan (lokasi: Jalan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan. Tarikh: 27/04/2014. Kod rekod: IMG_3314.

[681] Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I (Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini Areng-Areng Pasuruan di Pejabat Kopontren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 05 Mei 2014.

Daripada temubual tersebut dapatlah disimpulkan bahawa penubuhan sebuah usaha ekonomi di pesantren, tidak semuanya berasaskan pada keperluan pesantren. Melainkan perhatian terhadap pemenuhan keperluan masyarakat menjadi asas daripada penubuhan sebuah usaha ekonomi. Apabila diperhatikan daripada maslahah ke pesantren, nampaknya LKS al-Yasini hanya akan memberikan kontribusi berupa wang dari hasil keuntungan LKS sahaja. Akan tetapi apabila dilihat ke luar atau maslahah untuk masyarakat, maka kewujudan LKS ini sangat besar sekali. Seperti dapat membatu memberikan modal usaha, talangan dana haji mahupun umroh dan sebagainya. Sehingga difahamkan bahawa pengembangan usaha ekonomi pesantren juga memiliki matlamat sosial iaitu sebagai bentuk penyelesaian masalah yang ada di masyarakat sekitar pesantren dalam perekonomian.

4.8. Kesimpulan

Pesantren merupakan lembaga pendidikan Islam yang tertua di Indonesia sentiasa tumbuh berkembang hingga saat ini. Sekalipun kewujudannya telah beratus-ratus tahun yang lalu, tetapi harapan dan kepercayaan masyarakat kepada pesantren masih kekal abadi. Walau bagaimanapun semangat keagamaan masyarakat Indonesia juga mendapat sambutan baik dari pihak pesantren. Bukan hanya aspek keagamaan sahaja yang mendapat perhatian daripada pesantren, melainkan aspek pembangungan ekonomi sosial budaya juga turut serta mendapat perhatian. Semua perkara tersebut dapat diperhatikan daripada sturuktur organisasi mahupun visi dan misi pesantren.

Dari ketiga kes kajian di atas difahamkan bahawa dalam struktur organisasi teradapat bahagian sosial kemasyarakatan. Seperti di Pesantren Salafiyyah Sidogiri di bawah pengasuh pesantren ada bahagian luaran yang diuruskan oleh para alumni pesantren yang bekerjasama dengan masyarakat sekitar sebagai medium *dakwah bi al-*

University of Malaya

ḥāl. Manakala di al-Yasini di bawah Yayasan Pesantren ada bahagian Sumber Manusia dan hubungan masyarakat sebagai medium sosial kemasyarakat. Manakala di Pesantren Gontor di bawah YPPWPM seluruh aktiviti sosial kemasyarakatan diuruskan.

Di samping itu, visi misi dan falsafah pesantren juga semakin memperjelas adanya perhatian pesantren terhadap sosiobudaya dan ekonomi masyarakat sekitar pesantren. Seperti visi di Pesantren Sidogiri iaitu mewujudkan santri yang berilmu *(’Āliman)*, beramal *(’Ā milan)*, dan telus (*mukhliṣan bi ’amalihi).* Untuk mewujudkan visi ini, maka misi di Pesantren Sidogiri iaitu melahirkan santri yang memiliki sensitivitas sosial dan budaya, dan santri yang menjadi teladan bagi kemaslahatan ummah. Bukti sensitivitas sosial dan budaya kemasyarakatan ini iaitu dengan penubuhan BMT MMU, BMT UGT dan penubuhan Pusat Kesihatan Pesantren (Poskestren). Begitu halnya dengan Pesantren al-Yasini Areng-Areng iaitu melahirkan para pelajar yang religius, nasionalis, intelek, berakhlak mulia dan berdikari. Untuk mewujudkan visinya Pesantren al-Yasini memadukan antara sistem salafiyyah dengan kurikulum pendidikan nasional (Diknas) kerajaan Indonesia. Manakala di Pesantren Moden Gontor seluruh kegiatan berasaskan pada lima asas dasar iaitu keikhlasan, kesederhanaan, berdikari, ukhuwah islamiyyah dan kebebasan. Sehingga visi dan misinya iaitu mempersiapkan generasi yang unggul dan berkualiti untuk menuju terciptanya khairul ummah, dengan sifat berbudi tinggi, berkhidmat untuk masyarakat dan menjadi warga Negara yang berimana dan bertaqwa.

Dengan visi, misi dan nilai yang telah ditanamkan di pesantren dalam masa yang begitu lama, maka pesantren memiliki bentuk-bentuk hubungan antara masyarakat. Iaitu hubungan dalam bentuk ekonomi *(economic relationship)*, hubungan spiritual *(spiritual relationship)*, hubungan soaial *(social relationship)*, Hubungan keamanan dan

University of Malaya

ketertiban *(security relationship)* dan hubungan dalam pembangunan fisik *(development relationship).* Sehingga secara umum pesantren mimiliki potensi ekonomi mahupun potensi bukan ekonomi. Potensi ekonomi seperti potensi pengembangan lahan pertanian, potensi pengembangan kedai runcit dan pasar raya, pengembangan usaha simpan pinjam untuk masyarakat, penerbitan buku, konveksi pakaian, pengembangan rumah penginapan, pengembangan harta zakat dan wakaf. Manakala potensi bukan ekonomi seperti tradisi masyarakat yang taat kepada pesantren, karisma kiai, budaya tabaruk masyarakat kepada pesantren, sistem disiplin waktu, jaringan antara sesama lepasan pesantren dan wujudnya ikatan emosional di kalangan santri.

Oleh yang demikian tujuan pengembangan ekonomi di pesantren pun memiliki pelbagai orientasi. Iaitu sebagai usaha untuk memenuhi keseja hteraan kiai dan para pembantunya, usaha berdikari pesantren dalam ekonomi, sebagai medium pembelajaran para santri, sebagai bentuk sosial kemasyarakatan yang mampu mensejahterakan ekonomi orang ramai.

University of Malaya

BAB V
PERAN PESANTREN DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT SEKITAR

5.1. Pengenalan

Sebagaimana telah dijelaskan pada bab empat tentang sejarah penubuhan tiga kes pesantren dalam kajian ini, pesantren merupakan pelopor wujudnya masyarakat sekitar pesantren. Seperti Pesantren Gontor ditubuhkan di kampung Gontor, Pesantren Sidogiri ditubuhkan di kampung Sidogiri dan Pesantren al-Yasini Areng-Areng merupakan pesantren yang ditubuhkan oleh kiai Yasin di kampung Areng-Areng. Berbeza halnya dengan penubuhan pesantren yang lain atau pada akhir-akhir ini iaitu pesantren ditubuhkan dalam keadaan masyarakat telah ramai dan berkembang. Oleh yang demikian dengan melihat latar belakang penubuhan di tiga kes pesantren ini, maka peranan pesantren di tengah-tengah masyarakat dapat diketahui melalui pelbagai aktiviti secara dalaman pesantren *(internal)* mahupun luaran kepada masyarakat *(eksternal)* yang telah dilakukan pesantren sejak ditubuhkan pesantren hingga saat ini.

Setidaknya tiga kes pesantren dalam kurun waktu yang begitu lama telah memiliki peranan yang nyata kepada masyarakat am. Hal itu kerana pesantren telah memposisikan dirinya sebagai; *Pertama*, menjadi lembaga penkembangan ilmu agama dalam istilah lain *tafaqquh fī al-dīn*. *Kedua*, pesantren sebagai medium dakwah dan padang perjuangan yang melahirkan sumber manusia dengan nilai-nilai yang ditanamkan di pesantren seperti keikhlasan, kesederhanaan serta matlamat akhir iaitu *mardhatillah*. *Ketiga*, pesantren sebagai institusi memperkasa ekonomi masyarakat yang dapat dilihat melalui usaha-usaha ekonomi di pesantren dan *keempat*, pesantren juga merupakan institusi yang berkhidmat bagi masyarakat dengan komitmennya *amar ma'ruf nahi munkar* dalam pelbagai bentuk.

University of Malaya

Oleh yang demikian, merujuk kepada seluruh aktiviti dan kewujudan pesantren di tengah-tengah masyarakat yang tidak lepas dari peranan tersebut, maka peneliti menganalisa sejauhmana keberadaan pesantren dapat memberikan peranan kepada masyarakat sekitar dalam pembangunan ekonomi yang meliputi pelbagai dimensi. Pembangunan yang menuntut ke arah keseimbangan antara kebahagiaan di dunia dan di akhirat, pembangunan yang mempertahankan status manusia sebagai khalifah dengan menjaga hubungan baik sama ada menegak mahupun mendatar. Pembangunan yang mengambil kira dalam pelbagai aspek kehidupan, bukan hanya ekonomi, kesihatan, pendidikan malah termasuk juga pembangunan kerohanian manusia itu sendiri sebagai nadi penggerak seluruh aktiviti manusia. Sehingga terjadilah keseimbangan antara hak individu dan masyarakat, yang mampu membina keharmonian antara satu sama lain, yang boleh memelihara alam sekitar dari kerosakan tanpa membezakan antara faktor kerohanian dan faktor fizikal. Natijahnya ialah kestabilan ekonomi akan tercapai, ekonomi yang berdikari akan tercipta dan kualiti sumber manusia akan terjaga. Berikut merupakan hasil kajian sekaligus analisa pengkaji tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi yang meliputi aspek iaitu pendidikan, kerohanian, kesihatan, ekonomi dan sosial.

5.2. Pembangunan Pesantren dalam Aspek Pendidikan

Pesantren merupakan institusi pendidikan yang melahirkan para ulama dan cendikiawan muslim, maka peranan pesantren dalam aspek pendidikan kepada masyarakat telah wujud sejak pesantren ditubuhkan. Sebagaimana yang telah dijelaskan pada bab dua tentang sejarah pesantren.[682] Dalam menganalisa peranan pesantren dalam pembangunan aspek pendidikan pengkaji melihat daripada dua unsur. *Pertama* unsur dalaman *(internal)* iaitu pesantren sendiri yang dapat dilihat daripada data santri serta

[682] Lihat sejarah pesantren bab dua, 62.

University of Malaya

aktiviti harian di pesantren. *Kedua* unsur luaran pesantren *(external)* iaitu usaha pesantren dalam mengurangkan buta huruf masyarakat sekitar. Walau bagaimanapun peranan tersebut tidaklah sama antara satu pesantren dengan pesantren yang lain. Perbezaan tersebut selalunya berdasarkan pada kepercayaan masyarakat kepada pesantren yang dapat dilihat daripada jumlah santri yang belajar di pesantren, asal daerah santri serta jumlah cawangan yang dimiliki pesantren.

5.2.1. Pesantren Salafiyyah Sidogiri Pasuruan

Hingga saat ini Pesantren Sidogiri Pasuruan memiliki jumlah santri seramai 6,065 orang. Dari jumlah yang sekian ramainya, santri Sidogiri berasal dari pelbagai daerah. Secara terperinci dapat diperhatikan pada jadual berikut.

Jadual 5.1. Data Santri Pesantren Sidogiri Perdaerah Asal Pada Tahun 2014

Bil	Asal daerah santri	Jumlah
1	Banyuwangi Jawa Timur	97 santri
2	Probolingo Jawa Timur	416 santri
3	Gresik Jawa Timur	88 santri
4	Jember Jawa Timur	447 santri
5	Pasuruan Jawa Timur	1,212 santri
6	Bangkalan Madura Jawa Timur	909 santri
7	Kalimantan	270 santri
8	Situbondo Jawa Timur	109 santri
9	Malang Jawa Timur	38 santri
10	Sampang Madura Jawa Timur	620 santri
11	Jakarta, Bandung dan Bekasi	74 santri
12	Bondowoso Jawa Timur	214 santri
13	Sidoarjo Jawa Timur	66 santri
14	Surabaya Jawa Timur	432 santri
15	Pamekasan Madura Jawa Timur	269 santri
16	Lumajang Jawa Timur	296 santri
17	Sumenep Madura Jawa Timur	257 santri
18	Sidogiri Jawa Timur	251 santri
	JUMLAH	**6,065 santri**

Sumber data: Diubahsuai dari data santri di Pesantren Sidogiri tahun 2014

Apabila diperhatikan daripada asal daerah santri yang belajar di Pesantren Sidogiri, nampaknya peranan Pesantren Sidogiri lebih kepada Negeri Jawa Timur.

University of Malaya

Dari 18 asal santri semuanya berasal dari negeri Jawa Timur, kecuali yang berasal dari negeri Kalimantan seramai 270 orang dan berasal dari Jakarta, Bandung dan Bekasi seramai 74 orang atau hanya 5.6 peratus sahaja yang berasal dari luar negeri Jawa Timur. Sehingga difahamkan 94.4 peratus atau 5,721 santri di Pesantren Sidogiri berasal dari negeri Jawa Timur. Merujuk data tersebut, maka peranan Pesantren Sidogiri dalam aspek pendidikan lebih banyak dirasakan masyarakat di Jawa Timur berbanding negeri lainnya. Manakala jumlah santri paling ramai berasal dari bandar Pasuruan. Bandar Pasuruan merupakan bandar dari kampung Sidogiri. Hal ini membuktikan bahawa kepercayaan masyarakat Pasuruan terhadap Pesantren Sidogiri dari segi kualiti pendidikan lebih kuat berbanding dengan kepercayaan masyarakat terhadap sekolah formal milik kerajaan. Sekaligus perkara ini membuktikan masyarakat sekitar pesantren juga telah merasakan peranan pesantren kepada masyarakat sama ada diperananankan oleh para alumni Pesantren Sidogiri yang telah mewarnai kehidupan masyarakat mahupun nilai-nilai yang ditanamkan di Pesantren Sidogiri kepada masyarakat. Manakala kualiti pendidikan di Pesantren Sidogiri juga dapat diperhatikan daripada aktiviti harian santri, sebagai usaha pesantren untuk mewujudkan manusia seutuhnya *(human development)*. Berikut jadual tentang aktiviti harian santri di Pesantren Sidogiri Pasuruan.

Jadual 5.2. Aktiviti harian santri di Pesantren Sidogiri Pasuruan

Bil	Waktu	Aktiviti
1	03.45 am – 06.00 am	Solat Tahajud, subuh dan baca wirid pagi
2	06.00 am – 06.30 am	Sukan (senam pagi)
3	06.30 am – 07.00 am	Mandi, makan dan persiapan masuk kelas
4	07.00 am – 07.30 am	Solat dhuha di Masjid
5	07.30 am – 08.50 am	Sesi pengajaran pertama
6	08.50 am – 09.10 am	Rehat
7	09.10 am – 10.40 am	Sesi pengajaran kedua
8	10.40 am – 12.15 pm	Rehat tengah hari
9	12.30 pm – 13.30 pm	Solat dzuhur berjamaah di Masjid
10	13.30 pm – 14.50 pm	Sesi Pengajaran ketiga

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.2**

Bil	Waktu	Aktiviti
11	15.30 pm – 16.00 pm	Solat Ashar, membaca aurad dan al-Quran
12	16.00 pm – 17.00 pm	Rehat petang (aktiviti masing-masing santri)
13	17.00 pm – 18.00 pm	Takrar nadzam dan baca kitab kuning
14	18.00 pm – 20.00 pm	Solat magrib, membaca aurad dan solat Isya'
15	20.00 pm – 21.00 pm	Rehat malam (makan dan lainnya)
16	21.00 pm – 22.00 pm	Sesi pengajaran keempat
17	22.00 pm – 24.00 pm	Pengajaran tambahan
18	24.00 am – 03.45 am	Rehat (tidur di daerah masing-masing)

Sumber data: Diubahsuai dari aktiviti harian di Pesantren Sidogiri Pasuruan

Apabila diperhatikan daripada jadual aktiviti santri di Pesantren Sidogiri, difahamkan bahawa tiada sedikit pun masa yg terbuang bagi santri. Melainkan hampir ¾ waktu santri diisi dengan pelbagai aktiviti yang memberi manfaat kepada santri. Dengan adanya jadual seperti ini, maka secara tidak langsung santri akan mengatur waktu dengan sebaik-baiknya. Pengaturan dan disiplin waktu menjadi faktor utama keberhasilan seorang santri dalam menuntut ilmu di pesantren. Apabila perkara ini telah menjadi aktiviti yang rutin dan kebiasaan, maka perkara ini akan memberi kesan yang baik kepada santri hingga membentuk sebuah karakter keperibadian santri.

Sistem *full day school* seperti di pesantren banyak memberikan faedah, hal itu kerana santri sentiasa dalam pengawasan para guru mahupun santri senior. Dengan sistem 24 jam *full time* sebegini, santri mudah dikendalikan dan dapat diketahui perkembangan keilmuan dan kecakapan setiap individu.[683] Untuk menjayakan aktiviti harian di pesantren, santri diasingkan mengikut kemasukan dan kemahirannya. Di samping itu beberapa usaha yang dilakukan oleh pihak pesantren untuk menjadikan suasana belajar yang selesa dan tidak membosankan iaitu dengan membuat pemindahan ruang belajar dari satu tempat ke tempat yang lain. Seperti dari

[683] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H* (Sidogiri: Penerbit dan Percetakaan Sidogiri Kraton, 2013), 20.

University of Malaya

kelas ke perpusatakaan, kemudian ke masjid atau ke taman-taman pesantren dan sebagainya.[684] Untuk menjadikan proses pembelajaran dapat berjalan sesuai dengan target, maka pihak pengurusan menawarkan tiga program iaitu bimbingan dan kounseling santri, laporan santri yang tidak berdisiplin kepada bahagian pengajaran serta hubungan komunikasi dengan ibu bapa santri. Kaedah pengajaran juga dipelbagaikan sebagai rangsangan untuk meningkatkan imaginasi dan kreativiti dalam berfikir santri. Antaranya seperti belajar sambil bernasyid, belajar sambil mengambar, belajar sambil demonstrasi dan lain-lainnya.[685]

Perpaduan antara pengisian ruh seperti bacaan wirid-wirid, gerak batin *(istighosah)*, solat tahajud dan solat dhuha mahupun pengajaran ilmu agama seperti *Uṣūl al-fiqh, fiqh al-Shāfi'ī, Tārīkh tasryī', al-Tauḥīd, al-Balāghah, akhlak, Tārīkh al-Tsaqafah, wasail dakwah* dan sebagainya dengan perpaduan ilmu pengatahuan umum seperti sosiologi dakwah, ekonomi makro, ekonomi mikro, Fikih kontemporer, akuntansi, marketing, psikologi pendidikan dan sebagainya merupakan kaedah yang tepat untuk menciptakan sumber manusia yang handal. Dengan wujudnya dua perpaduan ini, maka terjadilah keseimbangan dalam berfikir serta beramal. Bahkan beberapa program juga turut menyokong dalam membangkitkan minat santri dalam karya tulis menulis seperti *goes to pesantren and school*, majalah bacaan di papan dinding *(wall magazine)*, mengulas buku, penerbitan buletin-risalah mingguan mahupun bulanan. Oleh yang demikian hingga saat ini Pesantren Sidogiri telah menerbitkan sebanyak 73 buah tajuk buku dan 15 macam majalah mahupun buletin mingguan dan bulanan sebagai usaha untuk melahirkan santri yang intelek. Aktiviti kokulikuler juga mendapat bahagian yang sama dengan tidak

[684] Zaenul Kharir (Santri Pesantren Sidogiri Pasuruan di dalam masjid jami' Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 27 April 2014.

[685] Ustaz Syamsul Anam (Guru bantu di setia usaha Pesantren Sidogiri Pasuruan di pejabat setia usaha pimpinan Pesantran Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 April 2014.

University of Malaya

mendikotomikan satu ilmu dengan ilmu yang lainnya. Seperti contoh wujudnya pembinaan kitab, musyawarah kelas, kuliah umum, pengembangan bakat dan wawasan keilmuan santri, pembentukan pelapis ahli sunnah, pembelajaran administrasi pendidikan mahupun psikologi belajar.

Gambar 5.1. Santri dan majalah dinding. Suasana santri tengah membaca informasi mingguan dari pelbagai majalah dinding di Pesantren Sidogiri. (lokasi: Pesantren Sidogiri Pasuruan. Tarikh: 17/04/2014. Kod rekod: IMG_2937

Manakala secara luaran *(external)* peranan Pesantren Sidogiri dalam pembangunan pendidikan kepada masyarakat dapat diperhatikan daripada banyaknya cawangan yang ditubuhkan. Sejak Pesantren Sidogiri menubuhkan Madrashah Miftahul Ulum (MMU) pada tahun1961 oleh Kiai Sadoellah Nawawie hingga saat ini telah memiliki cawangan MMU sebanyak 119 madrashah yang terletak di pelbagai wilayah di Negeri Jawa Timur. Cawangan MMU Sidogiri dibahagi menjadi dua jenis iaitu jenis A yang terletak di daerah Pasuruan Jawa timur sebanyak 70 sekolah madrashah dengan jumlah santri lebih kurang 8,400an santri. Manakala jenis B yang terletak di luar daerah Pasuruan Jawa Timur sebanyak 49 sekolah dengan jumlah santri lebih kurang 4,000an santri. Majoriti Madrashah Miftahul Ulum (MMU) yang jenis B terletak di daerah Bangkalan Madura sebanyak 18 sekolah, di

Jember sebanyak 7 buah sekolah, di Sampang Madura sebanyak 6 sekolah, dan yang lainnya di Probolingo, Surabaya, Banyuwangi, Sumenep, Situbondo dan Lumajang.[686] Dengan sekian banyaknya madrashah yang ada di bawah pengurusan Pesantren Sidogiri, membuktikan bahawa peranan pesantren terhadap pembangunan pendidikan bagi masyarakat sangatlah jelas sekali. Seluruh MMU cawangan mengikut seratus peratus kurikulum yang ada di MMU pusat, mulai dari sistem pembelajaran, pembahagian pelajar dan juga kualiti pengajar yang mesti lepasan dari Pesantren Sidogiri. Untuk mengawal kualiti pengajaran yang ada di cawangan, dari pihak pengurus MMU pusat sentiasa membuat pemantauan dan pengawasan ke cawangan mengikut jadual yang telah ditetapkan. Selain daripada itu pihak Pesantren Sidogiri juga memberi latihan kepada para pengajar yang ada di cawangan serta dalam setiap tahunnya juga sentiasa memberikan bantuan kelengkapan seperti komputer, alat-alat belajar, dan kelengkapan yang lainnya.[687] Berikut contoh Cawangan Madrasahah Miftahul Ulum jenis A yang berlokasi di daerah Pasuruan Jawa Timur.

Gambar 5.2. Dari sebelah kiri MMU Ngempit Kraton Pasuruan dan sebelah kanan MMU Jetis Dhompo Kraton Pasuruan. Bangunan cawangan Madrashah Miftahul Ulum tipe A di Kraton Pasuruan. (lokasi: Madrashah Miftahul Ulum Kraton Pasuruan. Tarikh: 20/04/2014. Kod rekod: IMG_2657 dan IMG_2658

[686] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H,* 104.
[687] *Ibid.,*

5.2.2. Pesantren Kombinasi al-Yasini Areng-Areng

Pesantren al-Yasini Areng-Areng memiliki cara lain dalam memberikan sumbangan pendidikan kepada masyarakat sekitar. Al-Yasini lebih bersifat ke dalam pesantren *(internal)* iaitu dengan menyiapkan sumber manusia yang siap pakai di masyarakat dengan pelbagai bentuk aspek pendidikan. Seperti penanaman moral, spiritual, sosial, jasmani mahupun rohani. Penanaman moral di Pesantren al-Yasini diwujudkan melalui pelbagai macam cara, dari rasa saling menghormati antara sesama santri, menghargai pendapat orang lain ketika bermusyawarah hingga penyeliaan akhlak dari para guru senior mahupun seorang syeikh yang terus dihadirkan dari Timur Tengah.[688] Aspek spiritual juga sentiasa dibentuk melalui bacaan-bacaan wirid, solat tahajud, solat dhuha, berdoa bersama setiap akan memulakan aktiviti dan mengakhiri dengan doa juga. Aspek sosial santri dibimbing menjadi penyelia mahupun *counsaltant* bagi kawan yang lainnya dalam menyelesaikan masalah, termasuk praktik menguruskan mayit *(tajhizu al-mayyit)* dan lain sebagainya. Manakala aspek jasmani dengan mewajibkan setiap santri mengikuti pencak silat pagar nusa serta pelbagai bentuk sukan yang telah ditetapkan di sekolah formal seperti gymnastic, bola tampar dan lainnya.[689] Sehingga selepas mereka menamatkan pembelajaran dari Pesantren al-Yasini, santri dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk sosial. Berikut gambar penyeliaan akhlak dan praktik pengurusan mayat di Pesantren al-Yasini sebagai usaha membentuk karakter keperibadian santri.

[688] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

[689] Ustaz Tahmid (Murobbi di asrama putera di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam Temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

University of Malaya

Gambar 5.3. Dari sebelah kiri penyeliaan akhlak dan sebelah kanan praktik pengurusan mayit. Suasana santri al-Yasini ketika mendengarkan penyeliaan akhlakh dan memperhatikan cara pengurusan mayit. (lokasi: Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 20/04/2014. Kod rekod: IMG_2657 dan tarikh: 25/04/2014/ Kod rekod: IMG_2658

Secara keseluruhan sistem pendidikan dan pengajaran di Pesantren al-Yasini dapat diperhatikan daripada rangkaian jadual aktiviti harian santri di Pesantren selama 24 jam. Sebagaimana pada jadual 5.3. di bawah ini.

Jadual 5.3. Aktiviti harian santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng

Bil	Waktu	Aktiviti
1	03.15 am	Mujahadah bersama
2	04.30 am	Solat Shubuh berjamaah di Masjid
3	05.00 am	Mengkaji kitab kuning bersama kiai
4	06.00 am	Persiapan masuk sekolah formal
5	07.00 am	Masuk sekolah formal
6	13.30 pm	Solat dzuhur berjamaah di masjid
7	14.00 pm	Masuk sekolah salafiyyah atau Madrasah Diniyyah
8	16.00 pm	Solat ashar berjamaah di masjid
9	17.00 pm	Membaca al-Quran bersama di asrama santri
10	17.30 pm	Solat magrib berjamaah di masjid
11	18.15 pm	Program mengaji al-Quran (LPQ) atau mengaji Tafsir Jalalain bagi yang telah lulus program LPQ
12	19.15 pm	Solat isya' berjamaah di masjid
13	20.00 pm	Jam belajar di asrama bersama penyelia atau kursus Bahasa Arab dan Bahasa Inggris atau masuk kelas Salafiyyah
14	21.30 pm	Istirahat di asrama

Sumber: Dokumen Rasmi aktiviti santri Pesantren al-Yasini Areng-Areng

Sistem pendidikan yang hampir sama di setiap pesantren sama ada di pesantren salafiyyah, kombinasi mahupun pesantren moden iaitu pendidikan dalam aspek

University of Malaya

spiritual mendapatkan bahagian lebih banyak berbanding dengan yang lainnya. Difahamkan penanaman aspek spiritual kepada santri melalui pelbagai bentuk pengajaran seperti melalui subjek-subjek fardhu ‘ain yang ada di kelas-kelas mahupun melalui aktiviti rutin yang dilakukan santri setiap hari. Oleh yang demikian untuk melahirkan manusia yang seutuhnya dalam usaha melaksanakan tugas sebagai khalifah Allah s.w.t., maka pembangunan manusia mesti dimulai dari membangunkan jiwa dan roh dalaman manusia itu sendiri. Sehingga pembangunan tidak dipesongkan dari aqidah, segala aktiviti selari dengan ajaran Islam yang bernilai ibadah dan pelaku pembangunan memiliki sifat jujur, amanah dan berakhlak mulia.

Perkara ini dapat dibuktikan daripada tradisi kehidupan di pesantren dalam waktu 24 jam, seperti santri wajib bangun satu jam lebih awal dari waktu solat subuh. Pada waktu sepertiga malam setiap santri bermujahadah dengan pelbagai bentuk ritual iaitu diawali dengan solat tasbih, solat tahajud kemudian ditutup dengan solat witir serta bacaan zikir-zikir. Sekiranya masih belum masuk waktu solat subuh lagi, maka santri akan membuat ulang kaji pelajaran, ada yang menghafaz al-Quran, ada juga yang menyambung amalan-amalan sunah lainya hingga masuk solat subuh.[690] Selepas solat subuh santri membaca surah al-waqiah dan al-Mulk kemudian mereka berdoa bersama-sama untuk kelancaran orang tua dalam mencari rezeki mahupun kemudahan para santri dalam menuntut ilmu. Selepas itu barulah para santri mengkaji kitab kuning bersama kiai dan melanjutkan aktiviti harian sesuai dengan jadual masing-masing. Termasuk setiap sebelum solat magrib para santri membaca Yasin, membaca wirid serta solawat nabi. Kemudian selepas solat

[690] Nahidh Ibadurrahman (Santri di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

University of Malaya

pembinaan akhlak, sebelum memulakan kelas wajib membaca surah-surah pilihan yang telah ditetapkan. Setiap hari selasa dan jumaat pagi santri wajib mengikuti kajian kitab bersama kiai manakala selain hari itu setiap santri masuk halaqah-halaqah sesuai dengan kelas dan kumpulan masing-masing. [691]

Nampaknya aktiviti rutin sebegini merupakan proses pembentukan manusia yang seutuhnya. Pembangunan manusia dimulai dari kualiti spiritual, moral dan akhlak kemudian secara amalan santri dibentuk keperibadiannya dengan keikhlasan dalam bekerja dan bersikap sederhana. Apabila perpaduan nilai-nilai ini dapat ditanamkan dan difahami setiap santri, maka pesantren telah menyiapkan sumber manusia sebagai modal pembangunan yang jauh lebih berharga berbanding dengan modal materi. Apabila dalam masa satu tahun pesantren ini telah meluluskan para alumninya seramai 973 santri pada tahun 2013 dan tahun 2014 mencapai 1,063 santri, maka secara tidak langsung al-Yasini telah menyebarkan benih-benih manusia yang bermanfaat untuk ummat *(Anfa'u li al-nās)* yang dapat mewarnai budaya tradisi kehidupan dalam masyarakat.[692]

Oleh yang demikian, walaupun usia Pesantren al-Yasini belum lagi sampai satu abad, akan tetapi peranan al-Yasini dalam pendidikan juga telah dirasakan oleh masyarakat luas. Hal ini kerana ada satu program pengabdian masyarakat di bawah pengurusan sumber manusia dan masyarakat bagi para santri yang telah menduduki kelas akhir. Iaitu para santri dihantar ke pelbagai daerah di Jawa Timur yang terpinggir dan minoriti muslim sebagai usaha dakwah kepada masyarakat selama 40

[691] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.
[692] Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

University of Malaya

hari dalam istilah pesantren *(khidmah arba'in)*. Sebagaimana temubual bersama ketua penanggung jawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM).

> Khidmah arba'in ini untuk anak-anak SMA, MAN, SMKN, dan SMKKes pasca UN yang tinggal di pondok ada waktu kurang lebih satu bulan. Semuanya ada 386 santri termasuk banin dan banat semuanya ini wes… . Ini anu sekarang sasarannya ada dua ke lembaga dan kemasyarakatan. Kalau ke lembaga itu yang anu mengajar dan membantu administrasi di TU atau di mana gitu intinya di lembanga, kalau kemasyarakatan lebih keubudiyyah di sana. Seperti istighosah, tahlilan, dan juga disitu disamping ubudiyyah terkait itu juga kursus-kursus yang telah kita ajarkan di sini…. . Dan rupanya antusias masyarakat luar biasa sekali, setiap tahun permintaan terus bertambah dan kita yang tidak mampu melayani. Walaupun cuma satu bulan tapi mereka merasakan dampak dan manfaatnya. Waktu ada acara perpisahan dari kalangan masyarakat ada yang nangis bahkan ada yang minta untuk dijadikan mantu.he..he..he.. (Beliau sambil tertawa ketika menjelaskan kesan daripada penugasan santri ke daerah pinggiran). (Kod Temubual: B-2; Kod Rekod: 140514_006.AVI)[693]

> Peserta daripada program khidmat arba'in terdiri daripada pelajar akhir sekolah SMA, MAN, SMKN, dan SMKKes yang tinggal di Pesantren al-Yasini. Peserta program ini terdiri daripada santri lelaki dan perempuan seramai 386 santri diasingkan mengikut jenis jantina dan sesuai dengan keperluan masyarakat yang memohon... . Untuk saat ini program LPM memiliki dua sasaran iaitu ke institusi masyarakat dan terjun kemasyarakat terus. Tugas santri yang dihantar ke institusi masyarakat sebagai tenaga pengajar dan juga pembantu di bahagian administrasi masyarakat (kerani). Manakala yang bertugas di kemasyarakatan mereka bertanggungjawab ubudiyyah masyarakat seperti memimpin tahlil arwah, khutbah jumaat dan membuat kursus-kurus keterampilan... .Walaupun program LPM hanya satu bulan sahaja tetapi kesan dan manfaat yang telah dirasakan masyarakat sanggatlah ketara sekali. Terbukti setiap tahun permintaan daripada masyarakat sentiasa bertambah sehingga pihak pengurusan LPM yang tidak mampu melayani semuanya. Disamping itu ketika majlis perpisahan ada sebahagian masyarakat terharu hingga menangis dan bahkan ada yang meminta peserta untuk dijadikan menantu. [Beliau sambil tertawa ketika menjelaskan kesan daripada penugasan santri ke daerah pinggiran].

Dengan adanya program LPM ini, secara tidak langsung santri telah mengetahui bagaimana keadaan dan keperluan masyarakat, santri juga dapat mengamalkan ilmu yang telah diperoleh selama di pesantren sebagai usaha untuk

[693] Ustaz Mujib Jalil (Penanggungjawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM) al-Yasini di Masjid jami' al-Yasini pesantren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

University of Malaya

mengetahui kadar keilmuaan yang telah didapatkan, sehingga akan tertanamkan dalam jiwa santri yang peka terhadap lingkungan dan permasalahan sosial dalam masyarakat. Disamping itu santri juga menjadi medium dakwah dan pengiklanan percuma pesantren kepada masyarakat. Oleh yang demikian, tidak hairan apabila jumlah santri di Pesantren al-Yasini sentiasa bertambah. Hal ini merupakan kesan positif daripada program LPM yang telah meningkatkan kepercayaan dan minat masyarakat memasukkan anaknya ke Pesantren al-Yasini. Hingga saat ini jumlah santri al-Yasini Areng-Areng secara keseluruhan mencapai 4, 675 santri. Menurut pendapat setiausaha Yayasan Pesantren al-Yasini Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, santri baru sahaja pada tahun pembelajaran 2014 telah mencapai 1,608 santri berbanding dengan tahun sebelumnya 2013 seramai 1,573 dan pada tahun 2012 hanya berjumlah 983 santri baru.[694] Perkara ini membuktikan bahawa peranan Pesantren al-Yasini dalam pembangunan pendidikan untuk masyarakat telah dirasakan manfaatnya. Sekiranya kepercayaan masyarakat terhadap pesantren kurang baik, nescaya putera dan puterinya tidak akan melanjutkan belajarnya di Pesantren al-Yasini selepas mereka menamatkan pada suatu tingkatan ke tingkatan selanjutnya. Akan tetapi kepuasan masyarakat terhadap sistem pendidikan di Pesantren al-Yasini menjadikan ibu bapa melanjutkan pelajaran anaknya dari sekolah rendah ke sekolah menengah dan seterusnya. Bahkan sebahagian ibu bapa ada yang telah menempah dan membuat pembayaran anak-anaknya untuk masuk ke tahap selanjutnya sekalipun belum rasmi graduan.[695]

Pada dasarnya santri di Pesantren al-Yasini dibahagikan menjadi dua iaitu santri *muqim* yang duduk di pesantren dan santri *kalong* yang tinggal di rumah

[694] Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.
[695] Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

University of Malaya

masing-masing dan belajar di pesantren. Menurut pimpinan bahagian pesantren ustaz Nuhari santri yang muqim hampir mencapai 3,000an santri. Dengan estimasi beliau santri putera seramai 900an santri dan santri puteri seramai 2,500an. Majoriti santri di Pesantren al-Yasini berasal dari daerah sekitar pesantren. Seperti Pasuruan, Probolingo, Jember, Lumajang, Malang bahkan ada juga yang berasal dari Sumatera, Nusa Tengara Barat, Kalimantan dan Batam. Berikut temu bula bersama beliau.

> Jadi santri-santri sini secara keseluruhan ada 3,000an, kalau yang putera 900an tapi kalau yang puteri hampir 2,500an… . kalau mayoritas santri ya dari pasuruan, ya probolingo, malang, lumajang, jember, yang dari Madura juga banyak, dari sumatera juga banyak. Ada juga dari Sumbawa, dari NTB, Kalimantan ada juga yang dari Batam… . kebanyakan mereka masuk sini dari faktor orang tua. Karenakan orang tuakan sudah bosan melihat tawuran anak-anak sekolah luar. Jadi mereka mencari sekolah yang ada pengajaran agamanya, anak berada di pesantren dan yang ada sekolah formalnya. Dunia dapat akhirat juga dapat. (Kod Temubual: B-1; Kod Rekod: 140429_003.AVI)[696]

> Santri yang bermuqim di Pesantren al-Yasini secara keseluruhan lebih kurang mencapai 3,000 santri. Santri putera seramai 900an dan santri puteri seramai 2,500an santri… . Majoriti santri di al-Yasini berasal dari Bandar Pasuruan, Probolinggo, Malang, Lumajang, Jember, Madura dan Sumatera. Ada beberapa santri yang berasal dari Nusa Tengara Barat, Kalimantan dan Batam… . Faktor kemasukan santri ke Pesantren al-Yasini lebih ramai disebabkan sokongan orang tua yang telah bosan melihat kenakalan pelajar-pelajar yang sekolah di sekolah formal sahaja. Orang tua mencari sekolah yang mengajar agama dan ilmu umum serta tinggal di satu asrama dalam masa 24 jam dengan harapan mendapat ilmu duniawi dan ilmu akhirat.

5.2.3. Pesantren Moden Gontor Ponorogo

Hingga saat ini Pesantren Gontor telah berusia 90 tahun sejak pesantren ini ditubuhkan oleh Trimurti tahun 1926 M.[697] Dalam usianya yang telah begitu lama, peranan Pesantren Gontor dalam pembangunan aspek pendidikan sangat ketara sekali. Sumbangan tersebut dapat diperhatikan secara dalaman iaitu aktiviti

[696] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.
[697] Lihat, bab 4,10.

University of Malaya

pendidikan di pesantren sendiri mahupun luaran iaitu melalui penubuhan cawangan Pesantren Gontor serta penubuhan sekolah-sekolah agama di sekitar Pesantren Gontor.

Secara dalaman Pesantren Gontor merupakan institusi pendidikan Islam yang *tafaqquh fi al-din* dengan sistem pengajaran moden. Kemodenan Pesantren Gontor dapat diperhatikan daripada seluruh kehidupan di pesantren yang dijadikan sebagai medium pendidikan santri dengan disiplin yang tinggi. Sehingga apa yang dilihat, apa yang didengar dan apa yang dirasakan oleh santri semuanya memiliki unsur pendidikan. Akar kemodenan Pesantren Gontor telah nampak sejak para pengasas Trimurti menubuhkan pesantren ini, dengan melalui sistem pengajaran yang menyatukan seluruh unsur pendidikan. Dari santri bangun tidur sehingga tidur kembali semuanya memiliki nilai pendidikan. Santri tinggal di asrama selama 24 jam dalam lingkungan yang telah dirancang untuk pendidikan. Oleh yang demikian santri mendapat bimbingan, pembinaan dan pengawasan secara ketat. Santri junior dibimbing oleh santri senior, santri senior dibimbing oleh guru unior, guru junior dibimbing oleh guru senior, guru senior dibimbing oleh kiai sebagai pimpinan pesantren dan pimpinan pesantren merupakan kiai yang mendapat amanah untuk menjalankan keputusan-keputusan badan wakaf dan bertanggungjawab kepada badan wakaf yang dilaporkan setiap satu tahun sekali. Seluruh kehidupan santri di dalam pesantren dapat diperhatikan pada jadual berikut.

University of Malaya

Jadual 5.4. Aktiviti harian santri di Pesantren Moden Gontor

Bil	Waktu	Aktiviti
1	03.15 am – 04.15 am	Solat malam
2	04.15 am – 05.00 am	Solat subuh dan baca al-Quran di asrama
3	05.00 am – 05.30 am	Penyampaian vocabulary bahasa asing
4	05.30 am – 06.15 am	Aktiviti ko-kulikuler
5	06.15 am – 07.00 am	Mandi dan sarapan pagi
6	07.00 am – 07.45 am	Pengajaran sesi pertama (agama dan umum)
7	07.45 am – 08.30 am	Pengajaran sesi kedua (agama dan umum)
8	08.30 am – 09.00 am	Rehat pertama
9	09.00 am -09.45 am	Pengajaran sesi ketiga (agama dan umum)
10	09.45 am – 10.30 am	Pengajaran sesi keempat (agama dan umum)
11	10.30 am – 10.45 am	Rehat kedua
12	10.45 am – 11.30 am	Pengajaran sesi kelima (agama dan umum)
13	11.30 am – 12.15 pm	Pengajaran sesi keenam (agama dan umum)
14	12.15 pm – 14.00 pm	Solat dzuhur dan makan tengah hari
15	14.00 pm – 15.00 pm	Pengajaran tambahan (agama)
16	15.00 pm – 15.45 pm	Solat ashar dan baca al-Quran di asrama
17	15.45 pm – 16.45 pm	Aktiviti ko-kulikuler
18	16.45 pm – 17.00 pm	Mandi dan persiapan ke masjid
19	17.00 pm – 18.15 pm	Baca al-Quran di Masjid dan solat magrib
20	18.15 pm – 18.45 pm	Baca al-Quran mengikut kelas santri
21	18.45 pm – 19.15 pm	Makan malam
22	19.15 pm – 19.45 pm	Solat isya' berjamaah di asrama
23	19.45 pm – 21.30 pm	Pengajaran tambahan bersama guru kelas
24	21.30 pm – 22.00 pm	Kehadiran santri di asrama
25	22.00 pm – 23.00 pm	Ulang kaji masing-masing santri
26	23.00 pm – 03.00 am	Rehat (tidur)

Sumber data: Diubahsuai dari jadual aktiviti santri di Pesantren Moden Gontor

Difahamkan melalui jadual aktiviti santri di atas penyusunan waktu aktiviti santri sangatlah padat dan seimbang. Nampak perpaduan secara proporsional antara pengetahuan agama dan umum yang diterima santri di dalam kelas-kelas dengan aktiviti ekstra mahupun ko-kulikuler diluar kelas. Pengetahuan agama seperti fiqh, hadith, tafsir, tauhid, faroid, nahwu, shorf, tarikh Islam, dinul Islam, Bahasa Arab dan sebagainya. Manakala pengetahuan umum seperti fisika, matematik, kimia, Bahasa Inggris, Tata Negara, Grammer, Psikologi Umum dan sebagainya. Hal itu kerana Pesantren Gontor merupakan institusi pendidikan yang ditujukan mencetak para pelapis pemimpin ummat yang mengutamakan pembentukan mental karakter

Universiti Malaya

santri. Sistem pendidikan Gontor menerapkan tiga sistem iaitu integrated, komprehensif dan berdikari.

Dalam perlaksanaan sistem pendidikan integrated menyatukan antara intra pesantren, ekstra pesantren dan ko-kulikuler. Sehingga secara konsisten terjadilah perpaduan antara pendidikan keluarga, pendidikan pesantren dan pendidikan masyarakat dalam satu program yang direncanakan untuk santri. Iman dan ilmu *(theory)* didapatkan di pesantren mahupun keluarga, manakala secara amalan *(practice)* diamalkan di masyarakat. Komprehensif pula bermaksud menyeluruh dan lengkap iaitu pendidikan yang memotivasi semua potensi kemanusiaan seperti intelektual, spiritual, mental dan fisik menuju kesempurnaan. Sehingga dalam proses pembelajaran tidak ada dikotomi ilmu yang memisahkan antara ilmu agama dan ilmu dunia, akan tetapi kedua-duanya disatukan untuk mencapai tingkat yang paling tinggi iaitu bermanfaat di masyarakat. Manakala sistem pendidikan berdikari di Pesantren Gontor seluruh santri dan guru dilatih untuk mengatur tata kehidupan secara menyeluruh *(self government)* dengan tidak melibatkan orang lain.[698]

Untuk mewujudkan program dan cita-cita tersebut keteladanan, pembelajaran, penugasan dengan pelbagai macam agenda, pembiasaan aktiviti dengan disiplin yang tinggi dan latihan-latihan yang dapat merangsang potensi santri sentiasa dilaksanakan.[699] Disamping itu seluruh aktiviti di pesantren dikawal dengan baik melalui bahagian-bahagian yang telah ditetapkan, sebelum aktiviti itu dilaksanakan terlebih dahulu diarahkan dan dibimbing kemudian dievaluasi yang disertai dengan

[698] Ahmad Suharto, "Profil Pondok Modern Darussalam Gontor,"16.
[699] Ustaz Hendro Risbiantoro, S.Pd.I (Staf Pengasuhan Santri di Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.

University of Malaya

pemahaman terhadap manfaat dan latar belakang filosofi dari akvititi tersebut.[700] Oleh yang demikian seluruh dinamik aktiviti dapat berjalan dengan baik kerana santri memahami dan menyadari terhadap pentingnya aktiviti-aktiviti itu dilaksanakan. Aktiviti ko-kulikuler yang menjadi agenda setiap hari mahupun bulan seperti tahfiz al-Quran, kajian ilmiah santri, latihan organisasi, pergerakan pengakap termasuk marching band, peberbitan buletin dan majalan dinding santri, mukhoyam ke perkampungan, program peningkatan bahasa Arab dan Inggris setiap hari, pencak silat, public speaking dengan tiga bahasa Arab, Inggris dan Indonesia, seminar-seminar seperti pengolahan sampah, manajemen organisasi dan sebagainya, kursus-kursus ketrampilan seperti melukis, menaip, wartawan, kaligrafi, karya ilmiah, komputer, elektronik, membuat sablon, membuat roti, minuman dan lainnya.[701]

Dengan demikian secara dalaman Pesantren Gontor telah memberikan peranan dalam pembangunan pendidikan yang luar biasa untuk menyiapkan sumber manusia yang siap pakai di masyarakat. Tidak hairan apabila setiap tahun jumlah santri di Pesantren Gontor berasal dari pelbagai daerah dan bahkan juga dari luar negara terus bertambah. Oleh yang demikian untuk mengawal ramainya pelajar yang tidak mencukupi lagi tempatnya, maka Pesantren Gontor setiap tahun membuat ujian kemasukan yang bertempat di Pesantren Gontor 2 untuk santri putera mahupun puteri. Pada tahun ajaran 2013 / 2014 M jumlah bakal santri yang menjalani ujian masuk di Gontor dua Madusari untuk lelaki sahaja mencapai 2,989 santri.[702] Manakala bakal santriwati yang menjalani ujian masuk di Gontor dua Puteri Mantingan seramai 2,389 santriwati.[703] Perkara ini membuktikan bahawa peranan

[700] Nanang Hermawan (Santri akhir di Kuliyatul Mua'limin al-Islamiyyah Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 30 Mei 2014
[701] Ustaz Hendro Risbiantoro, S.Pd.I (Staf Pengasuhan Santri di Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.
[702] Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013*, 27.
[703] *Ibid.,* 36.

University of Malaya

Pesantren Gontor dalam mengurangkan buta huruf di Indonesia sangatlah ketara. Berikut jumlah santri pesantaren Gontor pusat Ponorogo mengikut asal daerah santri pada tahun 2014 M dapat diperhatikan pada jadual berikut.

Jadual 5.5. Santri Pesantren Gontor Pusat Mengikut Daerah Santri Tahun 2014

Bil	Asal daerah santri	Jumlah Santri
1	Luar Negara (Malaysia, Singapore, Thailand, Brunai Darussalam, Australia, Amerika Serikat, Arab Saudi dll)	92
2	Banda Aceh Sumatera	28
3	Banten Jawa Barat	180
4	Bali dan Nusatenggara	113
5	Banyumas Jawa Tengah	78
6	Bekasi Jawa Barat	193
7	Bengkulu Sumatera	50
8	Besuki Jawa Timur	91
9	Blitar Jawa Timur	80
10	Bogor Jawa Barat	214
11	Bojonegoro Jawa Timur	100
12	Cirebon Jawa Barat	56
13	DKI Jakarta	302
14	Gresik Jawa Timur	42
15	Jambi Sumatera	40
16	Jombang Jawa Timur	65
17	Kalimantan	211
18	Kediri Jawa Timur	82
19	Batam Sumatera	76
20	Lampung Sumatera	152
21	Madiun Jawa Timur	98
22	Madura Jawa Timur	18
23	Magelang Jawa Tengah	121
24	Malang Jawa Timur	102
25	Pasuruan Jawa Timur	56
26	Pati Jawa Tengah	68
27	Pekalongan Jawa Tengah	105
28	Ponorogo Jawa Timur	83
29	Priangan Jawa Barat	161
30	Riau Sumatera	107
31	Semarang Jawa Tengah	191
32	Sulawesi, Maluku dan Irian Jaya	178
33	Sumatera Barat	22
34	Sumatera Selatan	69
35	Sumatera Utara	47
36	Surabaya Jawa Timur	165
37	Surakarta dan Jogjakarta	208
	Jumlah Santri keseluruhan	**4,043**

Sumberdata: Data Rasmi Santri Pesantren Gontor Tahun 2014

University of Malaya

Daripada data santri di atas, difahamkan bahawa santri di Pesantren Gontor berasal dari seluruh penjuru Indonesia bahkan ada 92 santri yang berasal dari luar Negara Indonesia. Hal ini membuktikan syiar dan peranan Pesantren Gontor terhadap mengurangkan buta huruf telah lama dirasakan oleh masyarakat Nasional mahupun Internasional. Sehingga pembangunan pendidikan tidak hanya dilakukan secara dalaman *(internal)* sahaja, melainkan secara luaran *(external)* juga mendapatkan perhatian yang sama. Seperti dengan tertubuhnya satu universiti dan 18 pesantren cawangan Pesantren Gontor dari Negeri Aceh hingga ke Negeri Sulawesi Tenggara dengan jumlah santri secara keseluruhan mencapai lebih kurang 18,731 santri. Disamping itu dengan adanya penubuhan pesantren-pesantren para alumni dari Pesantren Gontor kurang lebih 200 pesantren dengan kurikulum sama yang tersebar di Indonesia serta gerakan-gerakan pendidikan mahupun khidmat masyarakat oleh Ikatan Keluarga Pondok Moden Gontor (IKPM) yang ada di seluruh bandar dalam Negeri Indonesia sebanyak 82 cawagan mahupun di Luar Negeri juga memberikan kontribusi dalam pembangunan pendidikan.

Walau bagaimanapun, perhatian Pesantren Gontor terhadap masyarakat sekitar dalam rangka mengurangkan buta huruf juga sentiasa konsisten. Mulai dari pendidikan di bawah usia sekolah iaitu Hadhonah Darussalam Centre yang dikelolakan oleh para isteri guru senior di Pesantren Gontor, sekolah rendah Islam iaitu Madrasah Ibtidaiyyah Nurus Salam (MI) yang ditabdir dan diajar secara langsung oleh ustazah-ustazah dari Pesantren Gontor Puteri Mantingan mahupun sekolah al-Quran seperti Taman Pendidikan Al-Quran (TPA) dan Madrashah Tarbiyyatul Athfal (MTA) yang diuruskan oleh para ustaz-ustaz junior dan masyarakat sekitar di Pesantren Gontor putera Ponorogo dengan tujuan untuk mempercepakan kemahiran membaca al-Quran bagi masyarakat sekitar pesantren.

University of Malaya

Berikut temubual bersama guru besar MI Nurus Salam Mantingan, guru besar MTA Gontor dan guru besar Hadhonah Darussalam.

> MI Nurus Salam ini berdiri seiring dengan berdirinya pesantren puteri. Masyarakat sini mengingginkan madrashah di sini, yang mana masyarakat sekitar bisa belajar agama, karena masyarakat waktu itu abangan ya… . Sambutan masyarakat luar biasa sekali, sampai sekarang murid kita ada 391, dan itu selalu bertambah dari tahun sebelumnya 351. Kita yang enggak mampu menampung santri karena terbatasnya ruang kelas.Bahkan muridnya ada yang dari kabupaten Sragen dari Ngrambe yang jaraknya 20an kilo dari sini di pinggir lereng merapi sana. Ada juga yang dari Ngawi Kota jaraknya malah 30an kilo… . Untuk guru semuanya dari pondok, dan bayaran juga enggak kita pungut tapi cuma infak saja biar ada rasa memiliki dan keseriusan orang tua. (Kod Temubual: C-14; Kod Rekod: 140606_010.AVI.)[704]

> Madrashah Ibtidaiyyah (MI) Nurus Salam ditubuhkan seiring dengan penubuhan Pesantren Gontor Puteri di Mantingan. Dengan latarbelakang masyarakat sekitar pesantren yang hendak belajar ilmu agama lebih dalam… . Berkat usaha kuat para ustazah di Gontor Puteri yang mengajar di MI Nurus Salam serta sokongan masyarakat sekitar hingga saat ini MI Nurus Salam telah menampung seramai 391 pelajar dengan jumlah setiap tahun sentiasa bertambah, terbukti pada tahun 2013 jumlah pelajar hanya seramai 351 orang. Bahkan menurut guru besar MI Nurus Salam sudah tidak mampu lagi menambah pelajar baru pada tahun berikutnya disebabkan ruangan kelas yang terhad. Pelajar MI Nurus Salam berasal dari pelbagai kampung sekitar pesantren, bahkan ada yang berasal dari Negeri Jawa Tengah Ngrambe Sragen di tepi gunung merapi yang jaraknya lebih kurang 20an km dari MI Nurus Salam.... . Semua pengajar dari Pesantren Gontor Puteri dan ibu bapa tidak diwajibkan membayar yuran bulan, akan tetapi hanya sebatas infaq jariyah sahaja dengan harapan orang tua ada rasa memiliki sekolah dan serius dalam memberi pendidikan kepada anaknya.

Temubual bersama guru besar Madrashah Tarbiyyatul Athfal (MTA) Gontor Ustaz Heru Prasetyio.

> TA ini berdiri sebetulnya cikal bakal adanya pondok dulu, jadi setelah ada KMI, TA belajarnya di masjid-masjid sekitar sini, akhirnya tahun 1951 diberikan Ta di Satelit dengan ruang sendiri oleh pondok. Sampai sekitar 1970an TA berdiri di sini sampai sekarang… . Jumlah murid di sini ada 304 yang semuanya dari anak-anak desa Gontor.

[704] Ustaz Umar Said Wijaya, S.Ag (Guru Besar Madrashah Ibtidaiyyah Nurus Salam Mantingan pesantren Gontor di Pejabat Madrashah Ibtidaiyyah Nurus Salam Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 06 Jun 2014.

University of Malaya

Dari Gontor ada 120an yang sisanya luar dari desa Gontor. Yang paling jauh itu ada dari desa Mlarak sana… . Jadi MTA itu untuk anak yang sekolah SD di luar, kalau pagi dia sekolah nah kalau waktu sore yang kita fasilitasi biar enggak main saja dan orang tua juga enggak bingung. Yang kedua menambah ilmu keagamaan... . Mulai dari imlak, fiqih, bahasa arab, mahfuzot, tafsir, hadith. Jadi kelas 4,5,6 itu persis kayak KMI kelas satu… . Jadi anak yang masih kecil dan menjaga sholatnya, maka orang tuanya juga merasa malu kalau dia enggak sholat. Jadi inikan ya dakwah yang sekaligus ke orang tua juga. (Kod Temubual: C-8; Kod Rekod: 140604_003.AVI.)[705]

Tarbiyatul Athfal (TA) merupakan sejarah beridirinya Pesantren Gontor, selepas Kulliyatul Mu'alimin al-Islamiyyah (KMI) ditubuhkan TA belajar di masjid-masjid sekitar pesantren. Sehingga pada tahun 1951 pihak pesantren memberikan ruangan kelas khas untuk TA di bangunan Satelit milik Pesantren Gontor. Jadi sejak tahun 1970an TA memiliki bangunan sendiri… . Hingga saat ini Ta memiliki pelajar seramai 304 pelajar. 120 pelajar berasal dari kampung Gontor dan selebihnya daripada masyarakat di kampung-kampung sekitar kampung Gontor. Pelajar MTA paling jauh berasal dari kampung Mlarak yang jaraknya dipisahkan dengan dua kampung. MTA dikhaskan untuk para pelajar sekolah rendah. Pada waktu pagi para pelajar MTA masuk di sekolah formal di kampung mereka masing-masing, manakala pada waktu petang belajar agama di sekolah MTA. Disamping itu kewujudan MTA juga memberikan solusi kepada orang tua untuk mengisi masa anak-anak mereka selepas pulang dari sekolah formal... Pelajar yang duduk di kelas 4,5 dan 6 telah mendapat pelajaran seperti imlak, fiqih, bahasa arab, mahfuzot, tafsir, hadith, tauhid… . Dengan wujudnya MTA ini secara tidak langsung telah menjadi medium dakwah kepada orang tua pelajar. Contohnya apabila pelajar MTA di rumah rajin solat, maka secara tidak langsung telah memotivasi orang tua untuk menjaga solatnya.

Serta temubual bersama pengurus di Hadhonah Darussalam Centre sebagai berikut.

Kita inggin berkontribusi dalam pendidikan yang nyata kepada masyarakat sekitar pesantren… . Segmen yang paling dekat dengan kita ya anak-anak, karena memang kita semuanya ibu-ibu... . Setelah itu lama kelamaan buah dari keseriusan kita telah dapat menarik perhatian para masyarakat... . Dampak positif dari hadlonah ini sangatlah banyak sekali, terutama kepada para orang tua, bukan hanya sekedar dalam pendidikan saja, tapi juga sosial seperti baksos, bagi-bagi daging pada idul adha seperti itu. Minimal pola piker masyarakat di sini berbeda dalam sikap mendidik anak. Karena setiap dua bulan

[705] Ustaz Heru Prasetyio, S.Pd.I (Guru Besar Madrashah Tarbiyyatul Athfal Gontor di Pejabat Madrashah Tarbiyyatul Athfal Gontor), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2014.

> sekali kita ada kegiatan parenting itu sekolahnya orang tua, disitulah kita sampaikan misi kita, kita sampaikan banyak hal kepada anak, sehingga orang tua lebih mengerti bagaimana cara mendidik anaknya. Kita buka forum Tanya jawab tentang agama, kita bagikan majalah-majalah Gontor kepada mereka… . Kita inggin menciptakan miliu pendidikan yang kondusif untuk pengembangan karakter anak, kita juga ingin menciptakan pendidikan islami yang beorientasi masa depan untuk anak-anak dan orang tua. (Kod Temubual: C-7; Kod Rekod: 140527_011.AVI.)[706]

> Penubuhan sekolah hadlonah ini merupakan usaha kontribusi para isteri ustaz di Pesantren Gontor dalam dunia pendidikan kepada masyarakat sekitar… . Sehingga segmen yang paling sesuai ialah pendidikan untuk anak-anak di bawah usia sekolah... . Sehingga hasil dari keseriusan itu telah banyak menarik minat dari kalangan masyarakat sekitar pesantren... . Kesan positif dari lahirnya sekolah ini sangatlah ketara sekali, terutama kepada anak dan juga orang tua pelajar. Bukan hanya pada aspek pendidikan sahaja, malah aspek sosial juga mereka dapat. Seperti adanya kerja-kerja sosial, pembahagian daging qurban dan sebagainya. Sekurang-kurangnya orang tua pelajar memiliki pola pemikiran yang baik dalam mendidik anaknya. Hal itu kerana setiap dua bulan sekali kita mengadakan majlis untuk orang tua di sekolah. Pada kesempatan itulah kita sampaikan visi dan misi kita, kita sampaikan banyak hal kepada anak, sehingga orang tua lebih mengerti bagaimana cara mendidik anaknya. Kita buka forum tanya jawab tentang agama, kita berikan majalah-majalah Gontor kepada mereka… Kita ingin menciptakan lingkungan pendidikan yang kondusif untuk pengembangan karakter anak, kita juga ingin menciptakan pendidikan islami yang beorientasi masa depan untuk anak-anak dan orang tua.

Daripada ketiga penjelasan di atas, usaha-usaha Pesantren Gontor dalam memberantas kekurangan ilmu di kalangan masyarakat sangat nyata. Apabila dilihat daripada latar belakang penubuhan MI, MTA mahupun Hadlonah, semuanya ditubuhkan berdasarkan inisiatif daripada pihak pesantren yang tidak lepas dari sokongan masyarakat. Penubuhan MI Nurus Salam berdiri seiring dengan kewujudan Pesantren Gontor Puteri serta adanya harapan masyarakat untuk menimba Ilmu agama, MTA merupakan tunas daripada program KMI yang ada di Pesantren Gontor, Hadlonah juga merupakan inisiatif para isteri guru senior di Pesantren Gontor yang

[706] Ustazah Fahimah, S.Pd.I (Guru Besar di Hadlonah Darussalam Gontor Centre di Pejabat Hadlonah Darussalam Gontor Centre), dalam temubual dengan penulis, 27 Mei 2014.

University of Malaya

ingin berkontribusi dalam pendidikan untuk umat. Sehingga membuahkan hasil dari keseriusan dan keikhlasan di ketiga-tiga institusi ini mendapat sambutan yang baik daripada masyarakat sekitar pesantren, terbukti dalam perjalanannya MI Nurus Salam yang baru berdiri sejak tahun 2004 telah memiliki 351 pelajar, bahkan antusias masyarakat terhadap MI Nurus Salam sampai saat ini tidak ada ruang kelas lagi untuk menampung pelajar-pelajar baru. Begitu halnya MTA Gontor juga memiliki 304 Pelajar yang berasal dari kampung Gontor seramai 120 dan 184 pelajar berasal dari kampung-kampung sekitar kampung Gontor. Manakala Hadlonah yang baru berdiri sejak tahun 2011 telah memiliki 100 santri yang berusia 2-4 tahun dalam program kumpulan bermain terpadu, 110 santri berusia 4-6 tahun dalam program Tadika Fullday school dan 36 pelajar yang berusia 7 tahun di program Sekolah Asas Islam Terpadu.[707]

Gambar 5.4. Dari sebelah kiri peneliti bersama pengurus Hadlonah Darussalam Gontor dan sebelah kanan peneliti bersama guru besar MI Nurus Salam. Peneliti dan pengurus Hadlonah Darussalam Gontor berdiri di hadapan bangunan sekolah Hadlonah Darussalam Gontor dan peneliti sedang menemubual guru besar MI Nurus Salam. (lokasi: Islamic Centre Pondok Moden Gontor di Joresan Mlarak. Tarikh: 07/05/2014. Kod rekod: IMG_3695 dan Lokasi: Bilik Guru Besar MI Nurus Salam Mantingan. Tarikh: 12/05/2014. Kod rekod: IMG_2658

Daripada penjelasan di atas, peranan pesantren dalam pendidikan di tiga kes pesantren dapat disimpulkan bahawa kewujudan pesantren sangat memberikan kesan

[707] Ustazah Fahimah, S.Pd.I (Guru Besar di Hadlonah Darussalam Gontor Centre di Pejabat Hadlonah Darussalam Gontor Centre), dalam temubual dengan penulis, 27 Mei 2014.

positif yang nyata bagi masyarakat sekitar mahupun masyarakat jauh secara amnya. Usaha-usaha yang telah dilakukan pesantren dalam rangka mengurangkan buta huruf adalah melalui dua aspek. Aspek dalaman iaitu pesantren mempersiapkan sumber manusia yang siap pakai dalam masyarakat dengan sistem pendidikan karakter. Pesantren telah menanamkan pada diri setiap santri sikap yang baik dan disiplin waktu yang akhirnya menjadi sebuah keperibadian santri. Sehingga tradisi yang telah dilakukan di pesantren akan menjadi modal utama bagi santri dalam dalam mewarnai kehidupan bermasyarakat. Adanya *public figure* di pesantren iaitu kiai mahupun para ustaz dan ustazahnya menjadi sebuah panduan dalam bersikap santri. Sehingga pendidikan dari apa yang dilihat, didengar dan dilakukan santri selama di pesantren akan membentuk karakter santri iaitu berbuat berasaskan kemahuan, kefahaman dan kesdaran tanpa unsur paksaan dari mana-mana pihak.

Manakala aspek luaran iaitu perhatian pesantren kepada masyarakat dalam pendidikan dengan menubuhkan madrasah-madrasah, pesantren cawangan mahupun kelas-kelas al-Quran dan penugasan guru-guru tugas ke pelbagai daerah. Langkah-langkah ini ditujukan untuk menyebarkan ajaran Islam sekaligus mengurangkan buta huruf. Hal itu kerana para kiai mahupun pengasas pesantren terdahulu juga mengharapkan agar para alumni pesantren untuk terus dapat memperluaskan ajaran tentang universalitas Islam ke seluruh pelosok Nusantara. Apabila merujuk pada **Angka Melek Huruf** (AMH) atau **kadar celik huruf** penduduk di negeri Jawa Timur dari umur 15 ke atas selama enam tahun terakhir dari tahun 2008 hingga tahun 2013 telah pun mengalami peningkatan yang signifikan. Iaitu dari 87,43 % pada

University of Malaya

tahun 2008 meningkat menjadi 90,49 % pada tahun 2013.[708] Ini bermakna selama enam tahun terakhir penduduk berumur 15 tahun ke atas yang buta huruf telah berkurang sebesar 3,06 peratus atau purata setiap tahunnya berkurang sebesar 0,61 peratus. Berikut kadar celik huruf penduduk berumur 15 tahun ke atas selama 6 tahun terakhir dari tahun 2008 hingga tahun 2013.

Rajah 5.1. Kadar Celik Huruf di negeri Jawa Timur 6 tahun terakhir dari tahun 2008 hingga 2013



Sumber: diubahsuai dari Badan Pusat Statistik Republik Indonesia tahun 2013

Jelaslah bahawa kewujudan pesantren juga turut berperanan dalam mengurangkan angka buta huruf, apabila merujuk kepada strategi-strategi pesantren dan jumlah santri yang sentiasa bertambah setiap tahun. Apabila di gambarkan peranan pesantren dalam pendidikan dapatlah diperhatikan pada rajah berikut.

[708] Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, "Pendidikan", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur,* dicapai 18 Mei 2014, http://jatim.bps.go.id/index.php?hal=subject&id=3.

University of Malaya

Rajah 5.2 Peranan Pesantren dalam Aspek Pendidikan



Peranan pesantren dalam aspek pendidikan secara dalaman dan luaran di Indonesia

5.3. Pembangunan Pesantren dalam Aspek Kerohanian

Merujuk pada sejarah awal penubuhan pesantren sebagai usaha perlawanan pendidikan kolonial Belanda yang hanya memihak kepada golongan elit sahaja dengan membahagikan tingkatan kelas-kelas di masyarakat. Pendidikan sekolah menengah dan sekolah atas hanya diperuntukkan bagi kalangan masyarakat Eropa, Arab, China kemudian golongan Aristokat bumi putera *(Priyayi)* sahaja.[709] Manakala masyarakat awam hanya diperbolehkan Sekolah Rakyat setingkat sekolah darjah dengan yuran yang begitu mahal, maka pesantren sebagai institusi pendidikan yang lahir sejak zaman penjajahan memiliki peranan luar biasa dalam membentras buta huruf sekaligus membangun sumber manusia. Pembangunan sumber manusia di pesantren bukan hanya

[709] A. Malik Fajar, "Kata Sambutan Menteri Pendidikan Nasional tahun 2005," dalam *Pemberdayaan Pesantren Menuju Kemandirian dan Profesionalisme Santri dengan Metode Daurah Kebudayaan,* ed. Rofiq A. dan R.B. Widodo (Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara Yogyakarta, 2005), xvi.

University of Malaya

sebatas pemberian pengetahuan dan keterampilan sahaja, mala membangunkan manusia dengan menanamkan nilai-nilai moral dan agama. Aspek kerohanian sentiasa menjadi perhatian utama di pesantren, pelbagai usaha telah dilakukan pihak pesantren secara konsisten untuk mengawal dan menjaga keistiqomahan nilai-nilai keislaman dalam masyarakat. Berikut hasil kajian dari tiga kes pesantren dalam peranannya terhadap aspek kerohanian kepada masyarakat sekitar.

5.3.1. Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Pesantren Sidogiri memiliki strategi tersendiri dalam mengawal kerohanian masyarakat sekitar mahupun para lepasannya. Setidaknya ada empat cara yang telah dilakukan Pesantren Sidogiri dalam perkara ini iaitu *pertama*, mengawal masyarakat melalui majlis ilmu untuk masyarakat umum. *Kedua* majlis ilmu untuk para alumni pesantren, ibu bapa santri dan masyarakat yang bersimpati. *Ketiga*, mengedarkan buletin mingguan ke masjid-masjid sekitar pesantren sama ada secara percuma mahupun berbayar. Dan *keempat*, menghantar guru bertugas dan da'i (pendakwah) ke pelbagai daerah di seluruh Indonesia.

Pertama, pengajian yang dijadualkan setiap hari rabu malam khamis untuk para ibu daripada masyarakat umum. Pembahasan dalam majlis ilmu ini lebih berkenaan dengan masalah-masalah perempuan mahupun adab sopan santun harian.Tetapi pada forum pengajian ini tidak ada ruang untuk bertanya secara individu, melainkan apabila ada yang memiliki permasalahan keluarga selalunya terus ditanyakan ke ibu pengasuh pesantren puteri. Sesuai dengan temubual pengkaji bersama salah satu masyarakat sekitar Pesantren Sidogiri.

> Untuk ibu-ibu biasanya kita ada pengajian mingguan di rumah bu nyai di pesantren puteri setiap hari Rabu malam kemis. Semuanya dibebaskan dari mana saja… . Hampir masyarakat sini semuanya pada

University of Malaya

> mondok di sini. Saya pun juga mondok di sini dulu. Tapi enggak tinggal di pondok… . Pengajian biasanya diisi tentang adabul marah, tentang adab rumah tangga, pokoknya tentang sehari-hari… . Jadi biasanya kalau ada masalah atau keluhan kendalem rumah bu nyai. Karena segan dan malu kan kalau disampaikan di depan orang banyak. (Kod Temubual: E-3; Kod Rekod: 140424_014.AVI.)[710]

> Untuk para jemaah perempuan selalunya ada pengajian setiap satu minggu sekali yang dilaksanakan di rumah ibu Nyai di Pesantren Puteri Sidogiri iaitu setiap hari Rabu malam Kamis. Pengajian ini tidak terhad bagi masyarakat sekitara pesantren, melainkan untuk masyarakat umum… . secara majoriti penduduk di kampung Sidogiri merupakan alumni dari Pesantren Sidogiri. Saya juga lepasan dari pesantren ini, akan tetapi saya tidak bermuqim di pesantren melainkan belajar di pesantren dan duduk di rumah sendiri… . dalam pengajian mingguan tersebut selalunya membahas tentang adab perempuan, adab berumah tangga, dan seluruh yang berkenaan dengan permasalahan harian… . Apabila ada jemaah yang kurang faham atau memiliki soalan dan permasalahan peribadi dapat ditanyakan langsung ke rumah ibu Nyai, hal itu kerana perempuan lebih segan dan malu apabila permasalahan peribadi diketahui oleh orang ramai.

Kedua, Disamping majlis ilmu untuk para masyarakat sekitar pesantren, pihak Pesantren Sidogiri juga mengawal dan menjalin hubungan silaturahim bersama para lepasan dari Pesantren Sidogiri, ibu bapa santri dan masyarakat yang bersimpati dengan pesantren di pelbagai daerah. Salah satu program yang sehingga saat ini masih berjalan dengan baik ialah pengajian kitab kuning Fatḥul Mu'īn dan Iḥyā' 'Ulūmiddīn bersama para alumni yang diadakan setiap satu bulan sekali sesuai dengan jadual yang telah ditetapkan. Pengajian ini telah bermula sejak tahun 1430 H, untuk daerah semenanjung diisi oleh Kiai Ach. Hasbullah Mun'im Kholil. Manakala untuk daerah Madura diisi oleh Kiai Abd. Adzim Kholili. Berikut jadual pengajian kitab kuning untuk para alumni Pesantren Sidogiri.

[710] Ibu Astuti (Masyarakat sekitar pesantren Sidogiri di kediaman ibu Astuti sebelah timur pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 24 April 2014.

University of Malaya

Jadual 5.6. Jadual Pengajian Kitab Kuning Alumni Pesantren Sidogiri

Bil	Wilayah	Waktu
1	Pasuruan Barat dan Timur	Jumaat Pahing dan Jumaat Legi
2	Banyuwangi dan Jember	Ahad Pon (tengah hari dan malam hari)
3	Sampang Madura	Kamis Pahing (Pagi hari)
4	Malang dan Surabaya	Ahad Kliwon (tengah hari dan malam hari)
5	Bangkalan Madura	Jumaat ketiga Hijrah (tengah hari)
6	Lumajang, Probolinggo Barat	Ahad Pahing (tengah hari dan malam)
7	Jakarta	Ahad Ketiga Masehi (malam hari)
8	Pamekasan, Mandura	Sabtu Pon (pagi hari dan tengah hari)
9	Besuki, Probolinggo Timur	Ahad Wage (tengah hari dan malam)
10	Bondowoso dan Situbondo	Ahad Legi (tengah hari dan petang)
11	Balikpapan dan Denpasar	Rabu Wage (tengah hari)
12	Sidoarjo	Rabu Kliwon (malam hari)

Sumber data: Data Rasmi Jadual Pengajian Kitab Kuning Alumni Sidogiri 2014

Gambar. 5.5. Lepasan Pesantren Sidogiri wilayah Pasuruan Barat. Acara Pengajian kitab kuning Fatḥul Mu'īn alumni Pesantren Sidogiri, ibu bapa santri dan simpatisan pesantren (lokasi: Pesantren Sidogiri Pasuruan. Tarikh: 18/04/2014. Kod rekod: IMG_2762

Stragtegi *ketiga* iaitu dengan megedarkan buletin mingguan kepada jemaaah solat jumaat di masjid-masjid sekitar Pesantren Sidogiri. Berikut temubual pengkaji bersama bahagian ubudiyyah santri di Pesantren Sidogiri.

> … . Jadi setiap dua pekan satu kali tauiyyah ini terbit ke beberapa daerah, khususnya ke daerah pasuruan, probolingo, malang dan Surabaya. Ini sudah dapat 108 edisi. Jadi di bulletin yang kita bagi-bagikan ini ada lima macam. Tabyin penjelasan gimana ahli sunnah,

tanzir gimana larangan dan peringatan, tabaruj untuk kaum hawa dan tamtsil teladan permisalan-permisalan dari para ulama'-ulama' kemudian ada tamasya… . Kita kerjasama dengan ta'mir-ta'mir masjid yang kita koordinir untuk pencetakan bulletin ini. Jadi kita mensiapkan bahan dan isinya, masyarakat yang menyiapkan dananya… . sekali cetak sampai 11 ribu eksemplar. Semuanya gratis untuk masyarakat. Tapi siapa yang mau menyumbang ya monggo sekali. Nanti dananya untuk mencetak lagi… . Di dalam bulletin ini juga ada ruang tanya jawab atau konsultasi, caranya gampang bisa sms ke nomer handphone yang kita tulis di sini [sambil menunjukkan ke salah satu bulletin] atau bisa juga nulis di tempat kosong di bulletin ini. Nah minggu depannya kita jawab lewat bulletin juga. (Kod Temubual: A-9; Kod Rekod: 140414_011.AVI)[711]

… . Buletin dari bahagian ubudiyyah ini diterbitkan setiap dua minggu sekali yang diedarkan ke masjid-masjid sekitar pesantren dan juga ke masjid-masjid di bandar Pasuruan, bandar Probolinggo, bandar Malang dan bandar Surabaya. Sekarang sudah masuk edisi yang ke 108. Kandungan isi dalam bulletin ini ada lima macam iaitu *tabyīn* tentang penjelasan ahli sunnah wal jamaah, *tanḍīr* tentang peringatan dan larnagan, *tabarruj* tentang wanita, *tamtsīli* tentang suri teladan dari para ulama' salaf mahupun khalaf dan *tamashā* tentang perjalanan… .Buletin ini terbit atas kerjasama dengan AJK masjid-masjid di sekitar pesantren dan masjid-masjid di Bandar. Pihak pesantren yang menyiapkan isi, manakala yang meyiapkan dana untuk penerbitan… . Bulettin ini dibahagikan secara percuma, dengan kapasiti sekali cetak sebanyak 11 ribu eksemplar… . Di dalam buletin ini juga mengandungi soalan tanya jawab untuk masyarakat yang memiliki kemusykilan tentang agama. Caranya ialah cukup menghantar via sms atau menuliskan permasalahan tersebut ke tempat yang telah disiapkan di buletin bahagian bawah. [sambil menunjukkan ke salah satu bulletin].

Pernyataan tersebut disokong dengan pengakuan masyarakat sekitar yang merasakan kesan positif dari pembahagian bulletin setiap hari jumaat dari pihak pesantren.

Niku wonten rubric seng teng jerone wonten tanya jawab lan macem-macem... Dibagikan gratis niku setiap dintem jumat, niku biasane lewat ta'mir-ta'mir masjid niku. Tapi kadang ngeh lare-lare wonten seng mudun mbagekne teng masyarakat-masyarakat… . ngeh Alhamdulillah sanggat bermanfaat sekali, soale kan nambah wawasan agama terus… ngeh wonten isine konsultasi, tanya jawab tentang

[711] Ustaz Ali Maksum (Koordinator bahagian ubudiyyah santri dan bulletin mingguan di pesantren Sidogiri di pejabat Ubudiyyah santri), dalam temubual dengan penulis, 14 April 2014.

hukum, bid'ah-bid'ah niku. Wes macem-macem niku. (Kod Temubual: E-4; Kod Rekod: 140425_008.AVI.)[712]

Ada buletin yang sentiasa diedarkan secara percuma ke masjid-masjid melalui pengerusi masjid setiap hari Jumaat yang didalamnya ada Tanya jawab dan konsultasi. Kadang- kadang ada juga sebahagian santri yang datang ke rumah-rumah untuk membahagikan bulletin tersebut… .Alhamdulillah sangat bermanfaat sekali, kerana sentiasa dapat menambah keilmuan tentang agama bagi masyarakat… .ya ada didalamnya tentang konsultasi dan tanya jawab tentang hukum, perkara bid'ah dan lain-lainnya.

Selain daripada risalah buletin yang diagihkan ke masyarakat secara percuma, Pesantren Sidogiri juga menerbitkan beberapa buletin mahupun majalah yang berbayar. Tujuan daripada penerbitan risalah buletin ini iaitu untuk membimbing dan menyebarkan syariat Islam seluas-luasnya serta untuk menjaga aqidah ahli sunnah wal jama'ah ke pelbagai penjuru.[713] Berikut senarai majalah mahupun risalah bulletin di Pesantren Sidogiri.

Jadual 5.7. Senarai majalah dan bulletin di Pesantren Sidogiri Pasuruan 2014

No	Media	Segmen	Instansi penerbit	Orientasi kajian
1	Sidogiri	Masyarakat umum	Sekretariat pesantren	Kajian, refleksi dan informasi
2	SidogiriNet	Masyarakat menegah ke atas	Sekretariat pesantren	Kajian, refleksi, diskusi dan informasi
3	Ijtihad	Santri dan Alumni	OMIM MMU Aliyyah	Kajian, refleksi dan santai
4	Istinbat	Kalangan pesantren	Kuliah syariah	Ilmiha, keislaman dan santai
5	Nasyid	Kalangan sendiri	Ikatan Santri Sidogiri (ISS)	Pergaulan dan gaya hidup Islami
6	Tauiyyah	Masyarakat umum	Bahagian Ubudiyyah	Penyadaran Ibadan dan Tanya jawab
7	Maktabati	Masyarakat umum	Bahagian perpustakaan	Penyadaran sosial
8	Laziswa	Masyarakat umum	Bahagian Laziswa Sidogiri	Dunia buku dan informasi
9	Himmah	Kalangan sendiri	OMIM MMU Aliyyah	Tarbiyyah, dakwah dan muamalah
10	Maktabati	Kalangan sendiri	Perpustakaan Sidogiri	Dunia buku dan informasi

[712] Bapak Ali Mudrik (Peniaga dari masyarakat sekitar pesantren di rumah bapak Ali Mudrik sebelah timur Pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2014.

[713] Ali Wafa (Bahagian Buletin di Pesantren Sidogiri di pejabat penerbitan pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis 09 April 2014.

University of Malaya

Sambungan **Jadual 5.7**

No	Media	Segmen	Instansi penerbit	Orientasi kajian
11	Koreksi	Kalangan sendiri	Ikatan Santri Sidogiri (ISS)	Problematika keagamaan dan sosail kemasyarakatan
12	Ibtikar	Kalangan sendiri	Lembaga Pengembangan Bahasa Asing	Pengembangan Bahasa
13	Tafaqquh	Kalangan sendiri	Kuliah Syariah	Kajian Islam
14	Madinah	Kalangan sendiri	Bahagian An-Najah MMU Tsanawiyyah	Sosialisasi ahlu sunnah wal jama'ah
15	Ash-Shihah	Kalangan sendiri	Bahagian Perobatan Sidogiri	Info kesihatan

Sumber data: Diubahsuai dari bahagian Penerbitan Pesantren Sidogiri 2014

Bahkan menurut penjelasan daripada Ali Wafa penangungjawab daripada penerbitan di Pesantren Sidogiri, oplah rata-rata penerbitan media cetak di Pesantren Sidogiri dalam sekali terbit sebagai berikut Buletin SiDOGIRI mencapai 9,000 eksemplar, Ijtihad mencapai 4,000 Ekspemplar, IstimbaT mencapai 5,000 eksemplar, LAZISWA mencapai 3,500 Ekspemplar, Nasyith mencapai 2,000 Eksemplar dan Maktabati mencapai 600 eksemplar.[714]

Keempat, penghantaran guru tugas dan pendakwah ke pelbagai daerah di seluruh Indonesia. Penghantaran guru tugas dan pendakwah di Pesantren Sidogiri telah dimulai sejak tahun 1961 atas dasar inisiatif daripada Kiai Cholil Nawawie dan penangungjawab Kiai Sa'doellah Nawawie. Setidaknya ada tiga matlamat daripada penghantaran guru tugas dan pendakwah ke pelbagai daerah di seluruh Indonesia iaitu: sebagai maslahah untuk madrasah yang menerima guru tugas, maslahah untuk guru tugas sendiri dan maslahah untuk Pesantren Sidogiri.[715]

[714] Ali Wafa (Bahagian Buletin di pesantren sidogiri di pejabat penerbitan pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis 09 April 2014.

[715] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H*, 30.

University of Malaya

Guru Tugas (GT) dan pendakwah merupakan lepasan daripada Madrashah Miftahul Ulum Sidogiri dan penugasan juga sebagai syarat untuk mendapatkan ijazah Tsanawiyyah. Para GT berkhidmat selama 10 bulan di lembaga-lembaga yang ditetapkan oleh pihak Pesantren Sidogiri dengan dua peranan iaitu di Institusi pendidikan sebagai pengajar ilmu agama, mengisi aktiviti kokulikuler sesuai dengan keahlian GT. Manakala dalam masyarakat, GT bertugas mengajarkan asas-asas fardhu a'in, berceramah di majlis ta'lim, memimpin aktiviti keagamaan.[716] Jumlah guru tugas pada tahun 2013 hingga 2014 seramai 552 orang yang tersebar di pelabagai daerah di Indonesia seperti Jawa Timur 502 orang, Jawa Tengah 4 orang, Jawa Barat 4 orang, Bangka 3 orang, Jambi 3 orang, Kalimantan Barat 17 orang, Kalimantan Selatan 3 orang, Kalimantan 4 orang, Lampung 1 orang, Sulawesi Barat 1 orang, Sulawesi Tenggara 2 orang, Sulawesi Selatan 1 orang dan Sumatera Selatan 3 orang. Manakala pendakwah seramai 37 orang. Jumlah penghantaran guru tugas dan pendakwah rata-rata dalam satu tahun berkisar 589 orang.[717] Manakala pada tahun 2014 hingga 2015, tepatnya pada hari ahad tarikh 10 ogos 2014 di depan padang bangunan utama Pesantren Sidogiri seramai 571 GT dan 80 pendakwah dilepaskan oleh majlis keluarga Sidogiri. Pelbagai latihan telah dibekalkan kepada mereka selama mereka belajar di Tsanawiyyah mahupun latihan satu bulan penuh di bulan Ramadhan. Seperti leadership, psikologi anak, dasar-dasar administrasi mahupun fiqh kemasyarakatan.[718] Perkara ini membuktikan bahawa perhatian Pesantren Sidogiri terhadap penyebaran Syariat Islam dan pengawalan kerohanian masyarakat sentiasa konsisten dari masa ke semasa. Daripada penyebaran guru tugas

[716] Ustaz Syamsul Anam (Guru bantu di setia usaha Pesantren Sidogiri Pasuruan di pejabat setia usaha pimpinan Pesantran Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 April 2014.

[717] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H,* 30.

[718] Ibnu, "Pesantren Sidogiri sebar 571 Guru Tugas dan 80 Da'I Muda" Laman sesawang *Muslim Media News, media Islam,* dicapai 23 Ogos 2014, http://www.muslimedianews.com/2014/08/ponpes-sidogiri-sebar-571-guru-tugas.html

University of Malaya

ini setidaknya pesantren memiliki tiga peranan iaitu peranan pesantren terhadap lembaga, dan masyarakat dalam meningkatkan kefahaman dan mengawal kerohanian, peranan bagi guru tugas dan pendakwa sendiri sebagai medium pembelajaran memahami budaya masyarakat mahupun mengukur kemampuan individu GT, dan peranan kepada Pesantren Sidogiri sendiri sebagai usaha mengenalkan masyarakat tentang tradisi keislaman mahupun melepaskan tanggung jawab sebagai institusi pendidikan.



Gambar. 5.6. Guru Tugas dan Pendakwah Pesantren Sidogiri. Acara pelepasan Guru Tugas dan Pedakwa ke pelbagai daerah di seluruh di Indonesia tahun 2013 hingga tahun 2014 (lokasi: Padang bola sepak Pesantren Sidogiri Pasuruan. Tarikh: 21/08/2013. Kod rekod: Dokumen rasmi Pesantren Sidogiri.

5.3.2. Pesantren Kombinasi Al-Yasini Areng-Areng

Manakala peranan pesantren kombinasi al-Yasini Areng-Areng dalam aspek kerohanian disamping adanya penugasan pelajar-pelajar lepasan Sekolah Lanjutan Tingkat Atas (SLTA) seperti yang telah dijelaskan sebelumnya, juga memiliki cara yang lain untuk memberikan kontribusi kepada masyarakat amnya. Setidaknya ada tiga cara yang telah dilakukan sebagai usaha membina kerohanian masyarakat iaitu dengan progam tahunan Lembaga Khidmat Masyarakat (LKM), kiai

Mujib sendiri berdakwah dari rumah ke rumah masyarakat sekitar pondok dan juga melalui broadcase di radio bandar Pasuruan.

Pertama melalui LPM Pesantren al-Yasini mencuba memberikan peranannya kepada masyarakat dalam skop yang lebih luas. Akan tetapi dalam pelaksanaannya Pesantren al-Yasini memberikan prioriti kepada masyarakat yang lebih minimum pengetahuan tentang agama serta yang minoriti penduduk muslimnya. Perkara ini dilakukan sebagai usaha yang nyata sekaligus latihan bagi para lepasan pesantren untuk berhadapan dengan kehidupan di masyarakat. Sehingga santri dituntut untuk menerapkan ilmu yang telah mereka dapat selama di pesantren. Beberapa bentuk aktiviti selama khidmat arba'in iaitu santri dituntut membantu administrasi pendidikan di sekolah mahupun madrasah dan lembaga yang formal dan bukan formal, membantu aktiviti mengajar di Sekolah Rendah, Madrashah Diniyyah, Pendidikan al-Quran mahupun membuat latihan-latihhan bahasa asing iaitu Arab dan Inggris, Ikut serta bergabung dalam aktiviti ekonomi produktif dalam masyarakat, menumbuhkan rasa cinta terhadap lingkungan hidup, menyokong dan melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan dalam masyarakat.

Dalam pelaksanaannya pihak pengurus LPM membahagikan santri sesuai dengan keahlian yang dimiliki santri, kemudian dibekalkan dengan pelbagai latihan-latihan selama 10 hari seperti latihan Informasi dan teknologi ,latihan pembawa acara, latihan penataan administrasi pejabat dan sebagainya. selanjutnya pihak pesantren mengajukan ke daerah-daerah yang telah disepakati oleh LPM atau memusyawarahkan permohonan-permohonan daripada masyarakat yang meminta bantuan guru bantu dari pesantren. Manakala dana operasional seluruhnya ditanggung oleh peserta dan juga dibantu oleh masyarakat, pesantren serta daripada

University of Malaya

Jabatan Pendidikan Negeri Jawa Timur. Sebagaimana temubual pengkaji bersama penangung jawab LPM Pesantren al-Yasini.

> Masyarakat yang kita tuju ini yang minim secara keseluruhannya, minim pengetahuannya, minim keagamaan bahkan memang yang kita cari yang minoritas muslim. Ada yang muslimnya cuman 30 persen di daerah Surorowo Tutur, tapi luarbiasa ketika al-Yasini ke sana sambutannya baik sekali… . Dulu pertama kali sholat jumatan saja Cuman satu baris. Tapi Alhamdulillah sekarang sudah banyak. Nah yang seperti ini yang kita jadikan sasaran dakwah. Makanya kita punya strategi khusus untuk mengsikapinya... Untuk dana sepenuhnya dari peserta dan juga dari pondok dan juga dari luar pondok juga ada termasuk akhir-akhir ini sudah mendapat perhatian dari dinas pendidikan, kalau dinas sosial belum. Alhamdulillah orang tua juga enggak ada yang keberatan. Bahkan malah seneng banget. (Kod Temubual: B-2; Kod Rekod: 140514_006.AVI.)[719]

> Orientasi khidmat kita adalah untuk masyarakat yang minimum secara keseluruhan, minimum pengetahuannya, minimum keagamaannya serta yang penduduknya minority muslim. Ada satu daerah yang beragama Islam hanya 30 peratus sehaja iaitu di daerah Surorowo Tutur, akan tetapi sambutan masyarakat kepada santri al-Yasini sangat baik sekali… Pertama kita datang jemaah solat Jumaat hanya satu sof barisan. Alhamdulillah sekarang telah ramai. Daerah seperti inilah yang menjadi tempat sasaran khidmat masyarakat. Untuk menghadapi masyarakat sebegini, pihak pesantren memiliki strategi khas iaitu dengan membawa pelbagai program aktiviti… Dalam pelaksanaannya, dana seluruhnya ditanggung oleh peserta, bantuan dari pesantren serta bantuan dari lembaga-lembaga sosial dalam masyarakat. Termasuk pada akhir-akhir ini telah mendapatkan perhatian daripada pihak kerajaan bahagian pendidikan. Sambutan daripada ibu bapa pelajar Alhamdulillah baik dan tidak ada antahan bahkan gembira dengan adanya program khidmat masyarakat.

Daripada 386 santri putera dan puteri diagihkan ke 49 kumpulan dengan mengasingkan kumpulan putera sebanyak 17 kumpulan dan kumpulan puteri sebanyak 32 kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 7-8 santri yang dibahagikan ke 49 kampung di 27 kecamatan dan 7 Kabupaten/bandar yang ada di Negeri Jawa Timur iaitu Bandar Pasuruan, Bandar Malang, Bandar Probolingo, Bandar

[719] Ustaz Mujib Jalil (Penanggungjawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM) al-Yasini di Masjid jami' al-Yasini pesantren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

University of Malaya

Mojokerto, Bandar Jember, Bandar Sidoarjo dan Bandar Lumajang. Pada tahun ini aktiviti Khidmat Arba'in sejak tarikh 1 Mei 2014 hingga tarikh 31 Jun 2014.[720]

Gambar. 5.7. Peserta Khidmat Arba'in. Acara pelepasan peserta khidmat arba'in ke pelbagai daerah di seluruh di Negeri Jawa Timur pada tahun 2014 (lokasi: Di depan pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan. Tarikh: 01/05/2014. Kod rekod: IMG_3073.

Manakala data kumpulan dan daerah tempat peserta khidmat arba'in dari santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng pada tahun 2014 dapat diperhatikan pada jadual berikut:

Jadual 5.8 Data Kumpulan Khidmah 'Arba'in al-Yasini tahun 2014.

Bil	Kumpulan	Wilayah	Bandar
1	Putera 1 hingga Putera 13	Sebalong, Sudimulyo, Sumurlecen, Semedusari, Pasir panjang, Semongkrong Pasinan, Wates, Lekok, Kronto Lumbang, Cukur Guling Lumbang, Watulumbung Lumbang, Mendalan Winongan, Wororejo Tosari, Jatisari Purwodadi Bandar Pasuruan	Pasuruan Jawa Timur
2	Putera 14 dan Putera 15	Tuyomarto dan Selamet Tumpang	Malang Jawa Timur

[720] Ustaz Mujib Jalil (Penanggungjawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM) al-Yasini di Masjid jami' al-Yasini pesantren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

University of M

Sambungan **Jadual 5.8**

Bil	Kumpulan	Wilayah	Bandar
3	Putera 16 dan Putera 17	Sumuran Tanjungrejo dan Tonggas Kulon	Probolingo Jawa Timur
4	Puteri 18	Karangsari Sokoo	Mojokerto Jawa Timur
5	Puteri 19, Puteri 20 dan Puteri 22	Sumbersari Sumberrejo, Pandanajeng Tumpang dan Sukapuro Jabung	Malang Jawa Timur
6	Puteri 21, Puteri 23 dan Puteri 24	Ranubedali, Jatisari Tempeh dan Bedayu Seduro	Lumajang Jawa Timur
7	Puteri 25 hingga Puteri 30	Krajan, Tambakrejo, Banjar Sari, Sedarum, Randukerto dan Sumber Kedawang	Probolingo Jawa Timur
8	Puteri 31 hingga Puteri 47	Janjang, Kalipucang, Kalisat, Dukutan, Krikilan, Sedarum, Benerwojo, Sibon, Pronojiwo, Tuyowono, Badut Ngembal, Cowek Purwodadi, Blambangan, Trewung Grati.	Pasuruan Jawa Timur
9	Puteri 48	Tambak Cemandi	Sidoarjo Jawa Timur
10	Puteri 49	Taman Sari Wuluhan	Jember Jawa Timur

Sumber data: Diubahsuai dari Lembaga Pengabdian Masyarakat al-Yasini 2014

Kedua, peranan kiai Mujib sebagai pimpinan pesantren di al-Yasini dalam berdakwah kepada masyarakat sekitar juga merupakan usaha pesantren untuk mengawal kerohanian masyarakat serta menjalin hubungan silaturahim antara pesantren dan masyarakat. Dalam pelaksanaannya kiai Mujib mendatangi penduduk sekitar pesantren dari satu rumah ke rumah yang lain, disamping bersilaturahim juga memberikan tausyiyah kepada penduduk. Manakala secara amnya diadakan pengajian setiap hari Ahad pada waktu tengah hari yang dihadiri para lepasan Pesantren al-Yasini mahupun masyarakat sekitar. Sepertimana temubual bersama ketua Koperasi Pondok Pesantren (Kopontren).

> … . Jadi biasanya setiap malam senin kiai berkeliling ke rumah-rumah masyarakat, satu persatu. Sambil silaturahim juga sekalian sambil berdakwah. Nah sedangkan setiap hari Ahad pon siang biasanya ada

University of Malaya

pengajian untuk masyarakat dan alumni pesantren. . (Kod Temubual: B-1; Kod Rekod: 140429_003.AVI.)[721]

… . Setiap malam Isnin selalunya kiai Mujib sebagai pimpinan Pesantren al-Yasini datang ke rumah-rumah penduduk sekitar pesantren untuk bersilaturahim sekaligus berdakwah. Manakala setiap hari Ahad pada waktu tengah hari diadakan pengajian umum untuk masyarakat dan alumni Pesantren al-Yasini.

Ketiga, pihak perkhidmatan masyarakat Pesantren al-Yasini bekerjasama dengan stesen radio-radio yang ada di Bandar Pasuruan membuat satu slot agenda tauiyyah yang diisi oleh para pendakwa dari guru senior Pesantren al-Yasini agar peranan kerohanian pesantren lebih luas dan juga dapat dirasakan masyarakat yang jauh dari Pesantren al-Yasini. Dalam pelaksanaanya setiap hari Ahad pagi mulai pukul 5 hingga pukul 6 ke udara di radio Suara Pasuruan, hari Ahad sebelah petang mulai pukul 6 hingga pukul 7 ke udara di radio Warna Pasuruan. Manakala pada bulan suci Ramadhan menambah slot siaran di radio Ramapati Pasuruan dengan terlebih dahulu pihak LPM al-Yasini meyiapkan makalah tauiyyah yang diajukan ke pihak pengurusan radio-radio tersebut. Sebagaimana temubual pengkaji bersama ketua Kopontren al-Yasini.

Saya dulu juga termasuk pernah ditugasi jadi presenternya. Biasanya setiap hari Ahad mulai jam 5 sampai jam 6 pagi di radio Suara Pasuruan milik kabupaten, terus kalau jam 6 sampai jam 7 sore pindah ke radio Warna Pasuruan, nah kalau bulan Ramadhan biasanya menjelang buka puasa itu juga di radio Ramapati Pasuruan itu biasanya waktu sore-sore gitu. Materinya biasanya 3 bulan kedepan dibuat oleh LPM, temanya apa gitu. Nah terus kita setorkan ke radio, nah presenternya sudah ada pegangan jadinya. (Kod Temubual: B-6; Kod Rekod: 140429_004.AVI.)[722]

Dulu saya juga pernah menjadi presenter sebuah radio dalam acara tauiyyah. Selalunya pendakwah dari Pesantren al-Yasini ke udara di radio Suara Pasuruan setiap hari Ahad mulai pukul 05.00 hingga pukul 06.00 pagi. Untuk sebelah petangnya berpindah di radio Warna

[721] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

[722] Ustaz Syamsul Arifin (Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini di pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

University of Malaya

Pasuruan mulai pukul 6 hingga pukul 7. Manakala khas pada bulan Ramadhan jadual tauiyyah dari pesantren ditambah di radio Ramapati Pasuruan yang waktunya menjelang berbuka puasa. Terlebih dahulu pihak LPM Pesantren al-Yasini meyiapkan bahan tauiyyah yang diajukan ke pihak stesyen radio agar presenter radio memiliki persiapan untuk memberikan mukodimah.

5.3.3. Pesantren Moden Darussalam Gontor

Beberapa usaha yang telah dilakukan Pesantren Gontor untuk memberikan peranan dalam hal kerohanian kepada masyarakat sekitar iaitu dengan menubuhkan *Islamic centre* dipelbagai wilayah dan Bandar, membuat majlis-majlis ta'lim untuk masyarakat dan para pekerja di pesantren, melalui media cetak seperti risalah-risalah dan majalah serta menubuhkan sebuah stesen radio dan television yang dapat diakses untuk masyarakat yang lebih luas, melalui laman sesawang Pesantren Gontor sebagai medium sosial zaman moden serta pengiriman lepasan pesantren untuk berkhidmat ke pesantren-pesantren di seluruh di Indonesia selama satu tahun. Di samping itu melalui biro pengabdian kemasyarakatan Institut Studi Islam Darussalam Gontor para pelajar siswazah mengajar kelas-kelas al-Quran di surau-surau perkampungan binaan seperti di kampung Tranjan Siman dan kampung Brahu Siman Ponorogo.

Pesantren Gontor menubuhkan beberapa *Islamic Centre* yang memiliki tujuan yang sama iaitu sebagai syiar Islam dan dakwah untuk masyarakat umum. Setidaknya ada empat *Islamic centre* yang dibangun di atas tanah wakaf milik Pesantren Gontor di pelbagai daerah dengan bermacam aktiviti kerohanian yang berbeza-beza. *Pertama, Islamic Centre* di kampung Joresan Mlarak yang membawahi seluruh aktiviti sekolah Rendah Islam Integrasi, sekolah Tadika Islam, dan kumpulan bermain terpadu. Disamping itu *Islamic Centre* ini juga memiliki aktiviti rutin iaitu pengajian untuk ibu-ibu para pelajar di sekolah *Islamic Centre* setiap hari Ahad pagi. *Kedua, Islamic centre* di Bandar Nganjuk disamping memiliki

University of Malaya

kelas bimbingan al-Quran (TPA) untuk anak-anak mahupun orang awam juga mengadakan pengajian setiap hari Ahad pagi yang diikuti masyarakat Bandar Nganjuk dengan penceramah dari guru senior. *Ketiga,Islamic centre* di Slahung Ponorogo juga memiliki pendidikan Madrasah Diniyah (Madin) untuk anak-anak masyarakat sekitar. Disamping aktiviti harian tersebut di *Islamic centre* ini juga mengadakan praktik bekam untuk masyarakat dan juga pengajian setiap hujung minggu. *Keempat, Islamic centre* di Bandar Madiun juga memiliki jadual pengajian rutin sendiri iaitu setiap hari khamis malam untuk masyarakat Bandar Madiun. seluruh aktiviti di Islamic Centre tersebut di bawah pengawasan dan pendanaan dari Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor (YPPWPM).[723]

Kedua, Program ubudiyyah selanjutnya iaitu dengan mengadakan majlis-majlis ta'lim di masjid-masjid sekitar Pesantren Gontor. Setidaknya ada empat masjid binaan Pesantren Gontor yang seluruh pengurusan dari imam masjid, penceramah minguan mahupun khatib Jumaat di bawah pentadbiran guru-guru senior. Disamping itu pengawalan ini masih ditingkatkan lagi dengan mengadakan ceramah singkat setiap hari sabtu pagi untuk seluruh pekerja-pekerja bangunan daripada masyarakat di Pesantren Gontor. Tujuan daripada penyeliaan kerohanian ini adalah untuk memberi kefahaman kepada para pekerja tentang nilai-nilai keislaman termasuk tentang orientasi bekerja bukan untuk kebahagian di dunia sahaja melainkan juga bernilai ibadah. Disamping itu penyeliaan ini juga memiliki tujuan agar masyarakat dan para pekerja di pesantren dapat memahami status dan keadaan pesantren yang akhirnya bekerja untuk mengharapkan keredhaan Allah s.w.t. Sebagaimana temubual

[723] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

pengkaji bersama pengurus di bahagian pembangunan Pesantren Gontor Ponorogo dan penangung jawab yayasan di Mantingan.

> … . Setiap satu pagi ada tauiyyah wajib, dan itu diisi oleh guru-guru senior yang sudah kita jadual... Tempat di aula robithoh sana. Tapi kalau dipakai biasanya pindah halaman ke gedung syiria samping dapur. Biasanya satu jaman. Kadang di mulai dari jam setengah tuju sampai jam setengah delapan... Tujuan tauiyyah ini supaya masyarakat memahami nilai-nilai islam, bekerja bukan untuk di dunia saja tapi juga untuk ibadah. Disamping itu juga biar masyarakat faham pondok juga. Jadi kerja untuk pondok insyaAllah berkah. (Kod Temubual: C-10; Kod Rekod: 140523_006.AVI.)[724]
>
> Setiap pagi sabtu bahagian pembangunan mewajibkan para pekerja di pesantren untuk mengikuti tauiyyah yang telah dijadualkan... Penceramah selalunya diisi oleh guru senior yang bertempat di bilik pertemuan bangunan Rabithoh. Selalunya waktu tauiyyah dimulai pukul 7 am dan selesai pukul 8 am… . Matlamat daripada pemberian tauiyyah ini iaitu agar masyarakat dapat memahami nilai-nilai Islam yang sangat luas, bekerja untuk mencapai kebahagian di dunia sahaja akan tetapi bekerja juga memiliki nilai ibadah. Disamping itu agar para pekerja dapat memahami kehidupan pesantren secara menyeluruh. Sehingga bekerja untuk mengharapkan keberkatan dan keredaan daripada Allah S.W.T.

Temubual bersama penanggung jawab Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf di Gontor Puteri Mantingan.

> … . kita biasanya adakan muhasabah-muhasabah, kayak buka puasa bersama, pengajian akbar setiap 4 bulan sekali. Biasanya habis panen jadi satu tahun ada 3 kali. Kita juga membina masjid-masjid di sekitar sini yang pasti saja ada 7 masjid di 7 dusun, kita juga mengisi kutbha jumat. Kita juga ada TPA, hadhonah, play group, madrasah, jumlah TPA yang di kelola aja ada puluhan kalau yang tercampur dengan masyarakat. Kalau TPA yang di dalam pondok yang diurusi sama anak kelas lima ada 70 santri… . Kalau untuk para petani biasanya kita ada arisan sekalian pengajian setiap seminggu sekali. Jadi memang pengawalan kerohanian untuk masyarakat sangat kita perhatikan sekali. (Kod Temubual: C-15; Kod Rekod: 140608_001.AVI.)[725]

---

[724] Ustaz Angga Pramono (Pengurus bahagian pembangunan pesantren Gontor Ponorogo di pejabat bahagian pembangunan Pesantren Gontor Ponrogo), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2014.

[725] Ustaz Muhammad Hendri, Spd.I (Penanggung jawab Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pesantren Gontor di Mantingan di pejabat YPPWPM Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

> … . pengawalan untuk aspek kerohanian kepada masyarakat selalunya kita membuat aktiviti muhasabah diri melalui buka puasa bersama, pengajian akbar 4 bulan sekali setiap selepas musim menuai padi sehingga dalam satu tahun ada 3 kali. Termasuk kita juga mengendalikan 7 masjid di 7 kampung termasuk imam dan khotib jumaat. Kita juga menguruskan kelas bimbingan al-Quran, tadika, madrashah untuk masyarakat sekitar. Jumlah kelas bimbingan al-Quran sahaja yang kita tadbir lebih dari sepuluh, manakala yang ada di dalam pesantren yang ditadbir oleh santri puteri kelas 5 ada 70 pelajar… . untuk mengawal para petani selalunya setiap satu minggu sekali kita main kutu sekaligus mengadakan pengajian di rumah yang mendapatkan kutu. Kita sentiasa mengawal kerohanian masyarakat dengan baik.

Ketiga, usaha selanjutnya iaitu pembahagian bulatin Laziswaf setiap akhir bulan sekali di masjid yang merupakan hasil kerjasama antara Lembaga Amil Zakat Infaq Sodaqah dan Wakaf perguruan tinggi Gontor dengan bahagian publikasi dewam mahasiswa kampus siman serta penerbitan majalah Gontor setiap dua bulan sekali. Majalah Gontor merupakan medium informasi dan silaturahim perekat umat antara kalangan para santri Gontor, alumni Pesantren Gontor, ibu bapa dan simpatisan Gontor mahupun masyarkat Indonesia. Majalah ini telah beroperasi dan terbit sejak 11tahun yang lalu. Dengan harga yang sangat berpatutan hanya Rp 10,000,- atau lebih kurang RM 3,- dari dahulu hingga sekarang dengan kertas yang berkualiti memiliki ketebalan 96 muka surat yang merangkumi didalamnya tentang temubual bersama tokoh dan ulamak, dirashah, tausiyah, tafsir, hadith, mutiara kata, tarbiyah, biasiswa, keluarga sakinah, Silaturahim, risalah, sirah, mujahid, hidayah, rihlah, khazanah, sains, ekonomi Islam, motivasi dan lain sebagainya. Termasuk didalamnya mengandungi pelbagai informasi tentang pesantren-pesantren yang ada di Indonesia dari salafiyyah, kombinasi mahupun moden. Dalam kandungan majalah Gontor bukan hanya bersifat mengkritik fenomena yang berkembang sahaja,

University of Malaya

melainkan juga memberikan solusi sikap yang patut diambil oleh seorang muslim dengan pelbagai persoalan sosial di masyarakat.[726]

Keempat, disamping itu dakwah pesantren kepada masyarakat sekitar juga wujud dalam penubuhan stesyen Radio. Seperti halnya di Pesantren Gontor dengan sebutan di udara Suargo FM. Pada frekuansi 100,9 MHz, yang dapat menjangkau masyarakat sekitar pesantren hingga jarak radius 100 km dari Pesantren Gontor. Dari sebelah utara sampai ke Bandar Ngawi, Caruban dan Madiun, sebelah Selatan sampai ke Bandar Pacitan, Slahung, BUngkal, Sambit dan Sawo, sebelah Timur sampai ke Bandar Ngebel, Pulung dan sooko, sebelah Barat sampai ke Bandar Slogohimo, Purwantoro dan Magetan. Oleh yang demikian ada beberapa program radio yang ditujukan untuk memberikan kontribusi dalam hal pembangunan kerohanian kepada masyarakat iaitu siraman rohani setiap pukul 18.30 pm – 19.00 pm dalam program Kuliah Tujuh Menit (Kultum) yang diisi oleh guru-guru senior. Bahkan pesantren juga memberikan ruang tanya jawab kepada para pendengar di rumah apabila ada soalan-soalan tentang fikih, tauhid, ekonomi mahupun tentang keluarga sakinah di setiap hari jumaat dalam program dialog interaktif pada pukul 19.00 pm – 20.30 pm. Untuk mendidik dan menbudayakan masyarakat awam dalam mengucapkan salam, maka radio Gontor FM juga sentiasa mengimbau kepada para pemirsa untuk menyapa dengan ucapan Assalamu'alaikum secara sempurna. Bahkan dalam program harian setiap pukul 05.30 am – 07.00, 11.00 am – 13.00 pm, 19.00 pm – 20.30 pm dan 22.00 – 24.00 pm di sela-sela acara juga membacakan mutiara-mutiara hikmah yang diambil dari hadith mahupun perkataan ulamak *salaf ṣāliḥ*.[727]

[726] M. Akrimul Hakim, "Iftitah," *Majalah Gontor* 2, no. 11 (Rajab- Sya'ban 1434/Jun 2013), 4.
[727] Ustaz Nur Kholish (Ketua Pengurus di bahagian Radio Suara Gontor FM di pejabat Radio Suara Gontor FM Pesantren Gontor Ponrogo), dalam temubual dengan penulis, 31 Mei 2014.

University of Malaya

Gambar. 5.8 Pengkaji di stesyen Radio Suara Gontor FM. Pengkaji sedang mencuba mengoperasikan peralatan studio di stesyen Radio Suara Gontor FM (lokasi: Stesyen Radio Suara Gontor FM. Tarikh: 09/05/2014. Kod rekod: 3762.

Kelima, melalui laman sesawang rasmi pesantren moden Gontor iaitu http/www.gontor.ac.id, http/www.gontor.co.id atau http/www.majalahgontor.net. atau http/www.majalahgontor.co.id. melalui laman sesawang ini Pesantren Gontor mencuba mengikuti seperti tausiyyah yang dipaparkan pada tarikh 8 Jul 2014, di mana masyarakat Indonesia tengah dihadapkan dengan pilihan raya untuk presiden, maka situs Gontor juga memberikan langkah-langkah untuk mengenal sosok pemimpin yang ideal untuk dipilih seorang muslim. Seperti dengan tajuknya politik wang sama dengan riswah, profil anggota legislative, jangan asal pilih caleg, haram memilih pemimpin non-muslim dan sebagainya.

*Keenam,*merupakan salah satu tradisi Pesantren Gontor iaitu untuk mengambil *syahadah* sijil kelulusan dari Kulliyyatul Mu'allimīn Al-Islāmiyyah (KMI) wajib berkhidmat selama satu tahun penuh berawal dari bulan Syawal hingga bulan suci Ramadhan. Dalam setiap tahun setidaknya lebih kurang 1,500 santri yang ditugaskan ke pelbagai pesantren di seluruh Indonesia. Diharapkan melalui penugasan guru ke

University of Malaya

pesantren-pesantren salafiyyah, kombinasi mahupun pesantren Moden di Indonesia, para lepasan santri Gontor boleh mewarnai dan memberikan nuansa baru bagi pesantren dengan sistem pembelajaran mahupun peradaban di Gontor.[728]

Dapat disimpulkan bahawa daripada penjelasan tentang peranan pesantren dalam aspek kerohanian kepada masyarakat. Setidaknya pesantren menggunakan dua pendekatan iaitu melalui pendekatan medium sosial seperti media cetak buletin atau majalah, media komunikasi melalui radio atau television dan pendekatan persuasif seorang kiai mendatangi rumah-rumah masyarakat atau melalui majlis-majlis ilmu sama ada secara terbuka untuk orang awam atau khas para alumni dan ibu bapa santri. Apabila digambarkan dapat diperhatikan pada rajah berikut.

Rajah 5.3. Peranan Pesantren dalam aspek kerohanian



Peranan pesantren dalam aspek kerohanian di Negeri Jawa Timur Indonesia

[728] Sekretariat Danunnajah,"Kedatangan Guru Baru Gontor 2013 di Darunnajah", lawan sesawang *Pondok Pesantren Darunnajah Ulujami Jakarta Indonesia,* dicapai 22 Ogos 2014, http://darunnajah.com/2013/10389

University of Malaya

5.4. Pembangunan pesantren dalam aspek kesihatan

Aspek kesihatan merupakan faktor yang penting dalam mencapai kesejahteraan hidup, bahkan dengan badan sihat seseorang mampu melakukan aktiviti dengan baik. Oleh yang demikian slogan di pesantren berkenaan dengan kesihatan iaitu akal yang sihat berada pada badan yang sihat. Untuk melahirkan manusia yang cerdas, unggul dan sedia bersaing, maka unsur kesihatan juga mendapatkan bahagian yang sama dengan aspek-aspek pembangunan yang lainnya. Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa pesantren tumbuh dan berkembang di daerah perkampungan, maka kewujudan hospital mahupun klinik sangatlah minimum sekali. Oleh yang demikian dari ketiga-tiga pesantren dalam kajian ini telah berupaya untuk berperanan dan menyediakan rumah kesihatan yang diperuntukkan untuk santri mahupun masyarakat sekitar pesantren. Berikut hasil dapatan dari ketiga kes pesantren dalam usaha meningkatkan dan menjaga kesihatan santri mahupun masyarakat awam.

5.4.1. Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Pesantren Sidogiri dengan jumlah santri mencapai 6,065 santri yang duduk di satu asrama pesantren memiliki stategi tersendiri dalam usaha menjaga kesihatan masyarakat pesantren sekaligus berperanan untuk masyarakat sekitar. Disamping adanya penubuhan bahagian kebersihan lingkungan (SIHLI), Pesantren Sidogiri juga menubuhkan Balai Pengubatan Sidogiri (BPS) yang ditujukan untuk memberikan layanan kesihatan bagi santri dan juga masyarakat sekitar. Selain daripada itu di bawah kedua bahagian ini aktiviti-aktiviti sosial dalam bentuk kesihatan untuk masyarakat yang bersifat rutin juga sentiasa diagendakan.

Pertama, Penubuhan bahagian kebersihan lingkungan (SIHLI), bahagian ini ditubuhkan sebagai usaha mengawal dan menjaga kebersihan dalam pesantren

University of Malaya

mahupun sekitar pesantren. Tugas dan tanggung jawab bahagian ini seperti mengkoordinir, memeriksa dan menjaga seluruh kebersihan pesantren dari bilik mandi, toilet, longkang, jalan, padang, asrama, lama kelas dan sebagainya. Sehingga kayu ukur kejayaan dari bahagian ini iaitu terciptanya lingkungan pesantren yang Bersih, Aman, Sihat, Indah dan Tertib (BASIT). Dalam pelaksanaanya bahagian SIHLI beranggotakan 63 santri dibantu dengan tiga bahagian yang lain, iaitu bahagian kebersihan jemuran, bilik mandi dan sungai (KJJS) setiap pukul 5.30 pm hingga selesai membersihkan seluruh sarana pesantren tersebut. Bahagian Kebersihan Dapur Umum (KDU) menjaga, merawat dan membersihkan seluruh peralatan dapur umum setiap pagi dan petang. Manakala bahagian kebersihan umum (KPU) bertugas menyapu seluruh area pesantren dengan jadual tugas pagi pukul 7.30 am – selesai, tengah hari pukul 12.30 – selesai, dan sebelah petang 17.15 pm – selesai.

Gambar. 5.9 Bahagian keberishan lingkungan pesantren. Bahagian SIHLI tengah membuat pembersihan umum di longkang dan jalan menuju pesantren serta (lokasi: Depan balai pengubatan Sidogiri Pesantren Sidogiri. Tarikh: 17/04/2014. Kod rekod: 2732.

Kedua, penubuhan Balai Pengubatan Sidogiri (BPS). Balai pengubatan ini telah berdiri sejak tahun 1983. BPS memiliki lima poli iaitu poli umum, poli paru, poli optik, poli gigi, dan poli THT (Telinga, Hidung, Tenggorokan). Disamping itu BPS juga melayani pijat, bekam dan akupuntur. Tenaga medik di BPS terdiri dari, 1 dokter spesialis THT dan 1 spesialis paru, 1 dokter gigi, 10 tenaga paramedik, 4 dokter umum, 1 asisten THT, 1 analisis makmal, 1 pemandu kereta ambulan dan 1 pelatih senam. Beberapa aktiviti yang menjadi program mingguan mahupun bulan di BPS sebagai usaha menjaga kesihatan santri dan masyarakat adalah seperti berikut:

1. Penyuluhan kesihatan dan seminar tentang kesihatan untuk santri mahupun masyarakat. Seperti pendedahan tentang penyakit hepatitis, thypoid, penyuluhan tentang Pola Hidup Bersih dan Sihat (PHBS), penyuluhan Demam Berdarah Dengue (DBD) dan lain sebagainya.
2. Majalah dinding tentang informasi, artikel mahupun konsultasi kesihatan yang diterbitkan setiap setengah bulan sekali.
3. Senam kesihatan dan senam asma (untuk pensakit asma) yang diperuntukkan seluruh santri Sidogiri setiap hari Jumaat pagi.
4. Check up kesihatan untuk para santri baru mahupun guru tugas yang meliputi check paru, darah, indicator penyakit menular dan lainnya.
5. Fogging atau pengasapan insektisida setiap satu bulan sekali di seluruh tempat-tempat yang menjadi sumber nyamuk. Seperti longkang, bilik mandi, tempat pembuangan sampah, taman dan lainya.[729]

[729] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H*, 161.

University of Malaya

Gambar. 5.10 Bangunan Balai Pengubatan Sidogiri. Suasana tengah hari di Balai Pengubatan Sidogiri 1 (lokasi: Balai Pengubatan Sidogiri 1 Pesantren Sidogiri. Tarikh: 17/04/2014. Kod rekod: 2726.

Ketiga, bakti sosial kesihatan untuk masyarakat. Seperti khitan berjamaah untuk masyarakat yang tidak mampu dan anak yatim piatu, derma darah dengan bekerjsama Palang Merah Indonesia (PMI), rawatan percuma yang merangkumi rawatan kesihatan dan rawatan yang bersifat ringan, pesantren dan masyarakat bergotong royong membersihkan sepanjang sungai dari hulu sampai ke hilir, penyuluhan tentang kesihatan kepada masyarakat sekitar yang bekerjasama dengan pusat kesihatan masyarakat (Puskesmas) Ngempit. Sebagaimana temubual pengkaji bersama masyarakat sekitar, petugas di Balai Kesihatan Sidogiri dan dari pihak hostipal pemerintah (Puskesmas) Ngempit Kraton. Berikut temubual bersama masyarakat sekitar Pesantren Sidogiri

> Masalah kegiatan kaleh pesantren niku ngeh kados bersih-bersih, masyarakat diikutkan. Bersih-bersih lingkungan, nyuwun sewu ngeh kalau pondok menangangi semuanya itu ya engak bisa. Jadi ngeh kerjasama nikulah kaleh masyarakat mriki… . Biasane akhir tahun kan wonten imtihan ikhtibari hari ulang tahun pondok, dari pihak santri seng senior bersih-bersih semuanya jalan, sungai dari hulu sana sampai ke dam dan jembatan niku. [tangahnya sambil menunjukkan

ke arah sungai dibelakang rumah beliau] Nah sakeng masyarakat disukani kertas damel bantuan, biasane ngeh nasi bungkus, gorengan damel lare-lare… .punyuluhan kesihatan ngeh wonten, wonten memang. Biasane kerjasama kaleh puskesmas. (Kod Temubual: E-1; Kod Rekod: 140416_013.AVI.)[730]

Tentang aktiviti yang dilakukan secara bergotong royong antara masyarakat dan Pesantren Sidogiri sangat banyak sekali, seperti contoh membersihkan lingkungan pesantren dan rumah-rumah penduduk. Hal itu kerana pesantren tidak dapat mengerjakan semuanya melainkan bekerjasama dengan masyarakat… . selalunya akhir tahun ada acara hari jadi pesantren, para santri senior membersihkan seluruh jalan, sungai dari hulu sampai ke DAM dan jambatan. [tangannya sambil menunjukkan ke arah sungai dibelakang rumah beliau], manakala bantuan daripada masyarakat berupa nasi bungkus atau makanan ringan untuk para santri… . Penyuluhan kesihatan juga ada. Selalunya pesantren bekerjasama dengan puskesmas Kraton.

Temubual bersama petugas di Balai Pengubatan Sidogiri.

Biasane wonten sunat masal , setiap setahun sepindah kinten-kinten sekitar bulan Sya'ban niku damel lare-lare yatim piatu, anak orang yang enggak mampu, kadang ngeh diundang dari daerah-daerah untuk syiar tergantung panitiane… .jumlahe sekitar 170an anak. Wonten ngean donor darah lanak saking PMI mbutuhke biasane PMI mbutuhke pinten atus santri gitu, pengobatan gratis juga damel masyarakat biasanya chek kesihatan setahun sepindah… .biaya berobat teng mriki ngeh murah, mboten kados teng luar… . Jadual buka damel santri jam 9 pagi sampai jam 11 dan jam 3.30 sampai jam 5. Lanak masyarakat 24 jam. (Kod Temubual: A-10; Kod Rekod: 140417_009.AVI)[731]

Selalunya amal bakti dari pesantren untuk masyarakat tentang kesihatan pada akhir tahun pada bulan Sya'ban iaitu khitan secara bersama untuk para anak yatim piatu, anak dari orang tua yang tidak mampu, ada juga dengan cara mengundang dari pelbagai daerah yang ditujukan untuk syiar Islam terpulang dengan pihak pengurus… . Jumlahnya lebih kurang 170an anak. Ada juga kerjasama dengan pihak Palang Merah Indonesia (PMI) untuk derma darah apabila PMI memerlukan bantuan darah. Selalunya yang diperlukan dalam jumlah seratusan santri. Ada juga aktiviti rawatan percuma untuk masyarakat awam termasuk rawatan kesihatan… . biaya rawatan di BPS sangat murah berbanding dengan hospital swata mahupun kerajaan, hal itu kerana BPS mendapatkan subsidi dana dari LAZISWA Sidogiri

[730] Bapak Sulton (Salah satu penduduk dari masyarakat sekitar pesantren di rumah bapak Sulton sebelah Selatan Pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 16 April 2014.

[731] Ustaz Agus Khusairi (Pengurus di bahagian Balai Pengobatan Santri dan Masyarakat di pejabat bahagian BPS Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 April 2014.

University of Malaya

(Lembaga Amil Zakat, Infaq, Sedeqah dan Wakaf)… .Jadual di BPS untuk santri dari pukul 9.00 am – 11.00 pm dan pukul 3.30 pm – 05.00 pm. Manakala untuk masyarakat 24 jam.

Temubual bersama petugas di Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) Ngempit Kraton

Petugas di puskesmas sini juga bertugas di pondok. Jadi kalau ada apa-apa ya kita selalu konsultasi dan kerjasama terus antara pondok dengan kita. Ada perawat, perawat giginya, labnya juga. Ada jadualnya juga satu minggu itu dua kali. Malahan sistem pelaporannya ke pemerintah kita kerjasama juga dengan pondok. Istilahnya itu data penyakit… . Kita buat penyuluhan bersama-sama, termasuk membuat seminar bersama dan banyak lagi kegiatan yang memang kita buat secara bersama-sama untuk pondok dan masyarakat…. .pelatihan-pelatihan juga pernah kita garap bersama, kayak memandikan mayit, pemeriksaan darah, imunisasi seluruh santri, donor darah. Pesertanya ya dari santri dan juga masyarakat. Pembiayaan semuanya dari pondok… . ya Alhamdulillah kalau menurut saya secara keseluruhan masih baik dan terkontrol kesehatan pondok dan masyarakat di sini. Karena kalau ada penyakit yang agaknya berbahaya terus kita tindaki secara bersama. (Kod Temubual: D-1; Kod Rekod: 140419_003.AVI.)[732]

Bentuk kerjasama dengan pesantren seperti petugas di Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) Ngempit Kraton juga bertugas di Pesantren Sidogiri. Sehingga apabila terjadi suatu permasalahan sentiasa konsultasi dan kerjasama dengan pihak Puskesmas secara langsung. Ada jururawat, dokter gigi, bahagian laboratoium. Mereka dibuatkan jadual dalam satu minggu dua kali bertugas di pesantren. Bahkan untuk data pembuatan laporan pesakit ke kerajaan pihak Puskesmas mengambil data dari BPS… .Kita membuat penyuluhan tentang kesihatan secara bersama-sama termasuk seminar dan masih banyak lagi aktiviti yang dikerjakan secara bersama-sama dengan pihak pesantren… .Latihan juga pernah kita laksanakan secara bersama seperti cara memandikan mayat, pemeriksaan darah, imunisasi untuk seluruh santri mahupun derma darah. Pesertanya dari kalangan santri dan juga masyarakat. Manakala untuk pembiayaan sepenuhnya dari pesantren… . Alhamdulillah secara keseluruhan kesihatan pesantren dan masyarakat masih terkawal. Hal itu kerana apabila ada penyakit yang nampaknya berbahaya secara cepat dapat diselesaikan secara bersama-sama.

[732] Bapak Abdul Aziz (Ketua bahagian Pengurusan Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) Ngempit Kraton di pejabatan puskesmas Ngempit Kraton), dalam temubual dengan penulis, 19 April 2014.

University of Malaya

Gambar. 5.11 Sebelah kiri sungai utama dan sebelah kanan seminar kesihatan. Sebelah kiri suasana santri dan masyarakat bergotong royong membersihkan sungai di belakang rumah penduduk dan sebelah kanan suasana seminar tentang penyakit hepatitis dari dinas kesihatan (lokasi: sungai belakang rumah penduduk dan Pesantren Sidogiri, dan balai pertemuan di Pesantren Sidogiri. Tarikh: 02/05/2013. Kod rekod: dokumen rasmi Pesantren Sidogiri)

Daripada temubual di atas difahamkan bahawa, peranan pesantren dalam hal kesihatan untuk penghuni pesantren dan masyarakat sangatlah nyata sekali. Sama ada melalui aktiviti-aktiviti bakti sosial sempena hari jadi pesantren, mahupun dengan kerjasama yang sentiasa tercipta antara pihak pesantren dengan hospital kerajaan dalam menyelesaikan permasalahan-permasalahan kesihatan pesantren dan masyarakat sekitar.

5.4.2. Pesantren Kombinasi al-Yasini

Pesantren al-Yasini juga memiliki usaha yang tidak jauh berbeza dengan Pesantren Sidogiri dalam memberikan peranannya terhadap kesihatan masyarakat pesantren mahupun masyarakat awam sekitar pesantren. Setidaknya ada dua usaha dalam hal ini iaitu dengan menubuhkan satu bahagian kesihatan pesantren serta menubuhkan pusat kesihatan pesantren (Poskestren) al-Yasini yang terletak di luar pesantren atau ditengah-tengah perumahan penduduk kampung Ngabar Kraton. Walau bagaimanapun usaha pesantren dalam memberikan perhatian terhadap kesihatan masyarakat sekitar pesantren belum begitu maksimum, hal itu kerana dari

University of Malaya

jumlah penduduk yang berada sekitar Poskestren juga tidak terlalu ramai serta penyakit yang diderita masyarakat juga tidak begitu berbahaya. Sehingga kegiatan poskestren al-Yasini lebih bersifat ke dalam pesantren, oleh kerana jumlah santri yang berada di Pesantren al-Yasini lebih ramai berbanding dengan jumlah penduduk sekitar pesantren. Walau bagaimanapun Pesantren al-Yasini sentiasa berusaha untuk memberikan peranan kepada masyarakat dalam hal kesihatan termasuk dengan biaya rawatan yang lebih murah serta kerjasama dalam aktiviti-aktiviti kesihatan. Berikut temubual pengkaji bersama jururawat di Poskestren al-Yasini serta bahagian kesihatan Pesantren al-Yasini.

> …pesantren belum pernah buat penyuluhan kesihatan untuk masyarakat, kalau bapak lihat sendiri penduduk di sini kan engak bayak kalau dibandingkan dengan jumlah santri kan jauh banget… . tapi kalau dulu-dulu waktu berdirinya ini pernah buat pengobatan gratis. Sudah delapan tahun yang lalu… . Tapi kalau untuk ke pondok ya, setiap ada KLB (Kejadian Luar Biasa) ya terus kita terjun ke lapangan… . Penyakit yang biasanya ya gatal-gatal, sakit perut, pusing cumin kayak gitu-gituan aja engak ada yang serius sampai harus dioperasi atau dibawa ke rumah sakit gitu. Yang paling banyak gatal-gatal… sudah juga dari yayasan mendatangkan pakar dokter, buat penyuluhan, seminar tentang penyakit juga sudah…pernah juga kita buat bersih-bersih besar-besaran dengan masyarakat tentang kebersihan… Biaya pengobatan di sini kalau standar dari manteri dan dokter itu paling murah ya kita, kalau di mantri dan dokter itu biasanya sekali suntik, periksa plus obat itu di atas 30 ribu, kalau di sini ya cuma 15 ribu, kalau suntik dobel biasanya ya cuma 20 ribu. Yang ke dokter biasanya ya cuman ya menengah ke atas. (Kod Temubual: D-4; Kod Rekod: 140430_003.AVI.)[733]

> … .Pesantren belum pernah membuat penyuluhan kesihatan kepada masyarakat sekitar, hal itu kerana jumlah penduduk lebih sedikit berbanding dengan jumlah santri yang sangat ramai. … . lapan tahun yang silam pernah membuat agenda rawatan percuma untuk masyarakat… .Poskestren peranannya lebih ke dalam pesantren, seperti apabila terjadi KLB (Kejadian diluar dugaan) pihak poskestren terus membuat penyelidikan dan penyeliaan tentang kesihatan… . selalunya penyakit yang dideritai para santri gatal-gatal di kulit, sakit perut atau kepala pening. Sampai saat ini belum pernah ada penyakit yang sampai mesti dimasukkan ke wad untuk operasi. Paling ramai

[733] Ibu Nurul (Ketua jururawat di pusat kesihatan pesantren (poskestren) al-Yasini di pejabat poskestren al-Yasini Ngabar Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 30 April 2014.

University of Malaya

adalah penyakit gatal-gatal… . pernah juga ada tindakan dari pihak yayasan pesantren dengan menghadirkan pakar dokter kulit atau dengan membuat seminar tentang pentingnya kesihatan dan kebersihan… . pernah juga membuat acara khitan masal, tapi hanya sekali… .Biaya rawatan di poskestren sangat murah sekali apabila dibandingkan dengan klinik-klinik swasta. Apabila di klinik swasta sekali berobat mencapai Rp 30,000.- atau RM 10,- kalau di Poskestren hanya Rp 15,000.- atau RM 5,-. Akan tetapi apabila membuat injection dua kali biayanya Rp 20,000,- atau RM 6.5,- sahaja.

Temubual bersama bahagian kebersihan di Pesantren al-Yasini Ustaz Muhammad Taufiq Hidayatullah.

Go green ini tujuannya menjaga suasana yang nyaman dan bersih. Banyak pohon-pohon yang sudah kita tanam, bisa dilihat di depan-depan sana atau di depan bangunan baru. [sambil menunjukkan ke suatu arah tanaman pepohonan]… . Jadi untuk menjaga kebersihan kita bagi dua lingkup asrama dan kamar itu pakaik piket dan kalau di halaman pondok semuanya itu petugas kebersihan dari santri yang menangani… . Pembersihannya sehari bisa dua sampai tiga kali. Anggota kebersihannya ada 19 personil. Khusus untuk hari jumat setiap jam 10 sampai jam 11 pagi dan sore jam setengah lima. Hari jumat ini kita buat jam 10 karena banyak yang ngirim jadi sampah bertebaran kemana-mana… . Pernah kita kerjasama dengan dinas kebersihan dan masyarakat. Dulu pernah buat penyuluhan kompos, daur ulang sampah. Dulu pernah saya hidupkan sampingnya ada kandang sapi, tapi sekarang macet g jalan lagi... . Kalau sampah kering biasanya diangkut dinas kebersihan didaur ulang juga tapi engak tahu gimana caranya… . Cara supaya pondok itu terjaga terus kebersihan biasanya kita buat teguran baik itu secara langsung yang anaknya dipanggil atau secara umum biasanya kita buat di masjid. (Kod Temubual: B-5; Kod Rekod: 140430_004.AVI.)[734]

Ada satu program untuk menciptakan suasana pesantren yang selesa dan indah iaitu dengan program go green. Banyak pohon yang telah kita tanam dalam jumlah yang banyak di sebelah sana dan di depan bangunan baru [sambil menunjukkan ke satu arah tanaman pohon]… .Dalam pelaksanaannya untuk menjaga kebersihan bahagian kesihatan memeri dua tugasan iaitu kebersihan asrama dan bilik santri serta laman pesantren… .pembersihan dalam satu boleh dilakukan dua hingga tiga kali dengan jumlah ahli pembersihan 19 orang dari kalangan santri semua iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan sebelah petang. Manakala untuk hari Jumaat pada pukul 10.00 am – 11.00 am dan petang pukul 04.30- selesai… . Pernah pihak pesantren bekerjasama dengan kerajaan dan masyarakat sekitar tentang

[734] Ustaz Taufiq Hidayatullah (Penanggungjawab bahagian kebersihan pesantren di depan masjid jami' al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 30 April 2014.

University of Malaya

> pembuatan baja kompos melalui proses kitar semula dari sampah basah… . manakala sampah kering dikitar semula oleh bahagia kebersihan dari kerajaan… . untuk menjaga kebersihan pesantren selalunya apabila ada santri yang tidak patuh akan mendapat peringatan atau selalunya kita jelaskan didepan seluruh santri.

Daripada temubual tersebut difahamkan bahawa usaha Pesantren al-Yasini dalam memberikan peranan terhadap kesihatan masyarakat iaitu dengan menubuhkan pusat kesihatan pesantren (Poskestren) yang berada ditengah-tengah masyarakat sekitar dengan tujuan agar dapat berperanan untuk masyarakat. Walau bagaimanapun peranan itu hanya dalam bentuk penyediaan klinik kesihatan sahaja dengan biaya yang lebih murah berbanding dengan klinik kesihatan swasta yang ada di masyarakat Ngabar mahupun Areng-Areng. Usaha untuk memberikan penyeliaan mahupun penyuluhan tentang kesihatan belum pernah dilakukan kerana pihak poskestren melihat jumlah penduduk di sekitar pesantren tidak begitu ramai, justeru jumlah santri di Pesantren al-Yasini jauh lebih ramai daripada jumlah penduduk di masyarakat. Oleh yang demikian perhatian poskestren lebih bersifat ke dalam pesantren berbanding dengan ke luar atau untuk masyarakat awam. Usaha yang lain juga pernah dilakukan dengan cara bekerjasama apabila ada kejadian di luar dugaan. Masyarakat dan pesantren bersama-sama gotong royong membersihkan pesantren dan persekitarannya. Selain daripada itu kerjasama dalam pembuatan baja kompos dari pengolahan sampah basah juga pernah dilakukan bersama-sama, akan tetapi hingga saat ini usaha tersebut tidak berjalan dengan baik. Faktor dari kegagalan pembuatan baja kompos untuk pertanian adalah kurangnya perhatian yang serius dari pihak kerajaan dalam menangani program tersebut. Untuk menciptakan suasana pesantren yang selesa dan indah, maka pihak yayasan menlancarkan program go green to school iaitu menanam sebatang pohon untuk serribu nafas anak cucu. Disamping itu melalui bahagian kebersihan

University of Malaya

pesantren juga membuat petugas-petugas kebersihan dari santri yang telah dijadualkan dengan tujuan untuk memberikan pendidikan kepada santri tentang pentingnya kebersihan sekaligus terciptanya suasana pesantren yang kondusif untuk belajar. Berikut gambar pelancaran penanaman pohon di lingkungan pesantren.

Gambar 5.12 Sebelah kiri banting tentang setangkai pohon untuk seribu nafas anak dan cucu. Sebelah kanan pohon yang baru ditanam. (lokasi: Depan sekolah Menengah Negeri 2 Kraton Pesantren al-Yasini, dan depan bangunan baru Madrashah Aliyah Negeri Kraton Pesantren al-Yasini. Tarikh: 22/04/2014. Kod rekod: IMG_3265 dan IMG_3240.

5.4.3. Pesantren Moden Gontor

Setidaknya ada dua usaha nyata yang telah dilakukan oleh Pesantren Gontor dalam memberikan peranan kepada masyarakat sekitar dalam faktor kesihatan. Iaitu dengan pelayanan kesihatan melalui penubuhan Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM) yang terletak di luar pesantren dan di tengah-tengah perumahan penduduk kampung Gontor. Matlamat daripada penubuhan BKSM dan menempatkan BKSM di luar pesantren, agar keberadaanya dapat menjadi anternative untuk berubat masyarakat Gontor. Selain daripada itu biaya rawatan di BKSM juga jauh lebih murah berbanding dengan rawatan di hospital mahupun klinik swasta yang ada di Bandar Ponorogo. Untuk pekerja di Pesantren Gontor yang berjumlah lebih kurang 450 orang apabila sakit juga tanpa dikenakan

biaya hanya cukup membawa surat tanda pekerja. Bahkan masyarakat awam hanya membayar ubat sahaja, manakala konsultasi dan rawatan kesihatan adalah percuma.[735] BKSM merupakan salah satu lembaga sosial milik Pesantren Gontor yang dana dan pembiayaan keseluruhannya dipenuhi oleh YPPWPM.

Kedua, para pelajar Perguruan Tinggi Universiti Darussalam Gontor sentiasa membuat satu aktiviti melalui Kuliah Kerja Nyata (KKN) sebagai program setiap tahun sekali juga turut memperhatikan kesihatan masyarakat pinggiran. Dalam program KKN para pelajar menjemput pakar kesihatan untuk memberikan penyuluhan kesihatan, chek kesihatan, khitan masal dan rawatan secara percuma. Walau bagaimanapun tempat dan pelaksanaan sentiasa berpindah-pindah dari satu kecamatan ke kecamatan yang lainnya.

Selain daripada itu untuk mengawal kesihatan santri dan guru seramai 4,500an orang pihak pesantren juga memiliki cara tersendiri. Melalui organisasi santri ditubuhkan tiga bahagian yang menjaga kebersihan dan mengawal kesihatan santri iaitu bahagian sukan yang mewajibkan seluruh santri untuk bersukan setiap hari selasa dan hari jumaat pagi, bahagian kebersihan lingkungan sentiasa membuat pembersihan dua kali dalam satu hari seluruh kawasan pesantren, dan bahagian kesihatan yang setiap hari mencatat penyakit dan jumlah pesakit santri di pesantren. Dengan adanya laporan dari bahagian kesihatan santri, dapatlah diambil tindakan untuk menjaga dan mengantisipasi adanya penyakit yang tidak diinginkan. Manakala para guru diberikan fasiliti sukan yang memadai dan termasuk mendapat rawatan di BKSM secara percuma serta aktviti-aktiviti sukan di bawah anjuran

[735] Ust Muhammad Heri Mulia, S.Fil.I (Staf di Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor di pejabat Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2014

University of Malaya

Dewan Mahasiswa (DEMA) perguruan tinggi Universiti Darusssalam. Berikut temubual pengkaji bersama staf di BKSM Pesantren Gontor mahupun masyarakat sekitar pesantren.

> Masyarakat lebih suka ke BKSM daripada ke rumah sakit. Kebanyakan mereka lebih memilih BKSM daripada rumah sakit. Mungkin karena jarak ke rumah sakitkan jauh juga, tapi memang masyarakat sini setahu saya dia banyak yang ke BKSM... . Biaya juga di sini murah banget, kalau diluar chek dokter aja sudah 20 ribu. Kalau di sini, konsultasi chek kesihatan itu free ustaz untuk masyarakat yang bayar cuman obatnya aja… . Dana pengobatan di sini semuanya dibantu sama pondok, kita kalau mau beli obat gitu biasanya mengajukan anggaran terus nanti kita laporkan ke bapak pimpinan… . penyakit yang dialami santri biasanya itu penyakit mag, typus, jarban… . biasanya kalau sudah ada beberapa santri yang kena penyakit yang serius biasanya sebelum sholat magrib terus dibuat penyuluhan, terus ada cheking ke asrama terus besoknya biasanya ada pembersihan umum langsung… . Kalau daripada masyarakat biasanya penyakit asma, karena di sini kan ada oksigen, ada juga penyakit macam-macam tapi g parah… .bakti sosial pernah dulu waktu ulang tahun pondok itu ada sunatan masal, ada pengobatan gratis juga. Kalau yang pasti setiap tahun itu ya dari KKN ustaz, biasanya itu ada tes tensi, tes kesihatan, sunatan, bekam, pengobatan gratis. Cuman daerahnya kan pindah-pindah. (Kod Temubual: C-5; Kod Rekod: 140605_007.AVI.)[736]

> Masyarakat sekitar pesantren lebih suka mendapat rawatan ke Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM) milik Pesantren Gontor berbanding dengan hospital negeri mahupun swasta... . Salah satu faktornya ialah jarak ke hospital kerajaan jauh dan faktor bayaran di BKSM lebih murah berbanding dengan selain BKSM. Rawatan kesihatan di BKSM mahupun konsultasi penyakit percuma, manakala di klinik swasta membayar lebih kurang Rp 20,000,- atau RM 7,-. Masyarakat hanya membayar ubatnya sahaja… . seluruh pembiayaan di BKSM disubsidi oleh pesantren… . Penyakit yang dialami santri selalunya penyakit mag, typus dan gatal-gatal… . apabila ada beberapa santri terkena penyakit yang serius, maka sebelum solat magrib terus diadakan penyuluhan kesihatan di masjid jami' dan pemeriksaan ke asrama santri dan selanjutnya esok pagi dibuat pembersihan secara bersama-sama… . manakala penyakit daripada masyarakat selalunya penyakit asma, ada beberapa penyakit tetapi tidak sampai pada tahap yang kronik… . Bakti sosial seperti khitan masal, rawatan percuma pernah dilaksanakan ketika hari jadi Pesantren Gontor. Aktiviti sosial tentang kesihatan yang sentiasa

[736] Ust Muhammad Heri Mulia, S.Fil.I (Staf di Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor di pejabat Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2014.

University of Malaya

diagendakan setiap satu tahun sekali iaitu melalui program KKN di kampung-kampung yang terpinggir. Seperti rawatan kesihatan, khitan, bekam, mahupun rawatan secara percuma yang daerahnya selalu berpindah-pindah.

Temubual bersama masyarakat sekitar yang bekerja di Pesantren Gontor Ponorogo.

> Lanak saket biasane ngeh teng BKSM mawon… . sebab teng BKSM kan gratis lanak mbeto surat saking meriki. Umpami ngeh, ampon ngantos njaluke kenggen nopo ngonten ngeh sakkal cekap mbeto surat keterangan saking meriki. Surat pekerja. (Kod Temubual: E-11; Kod Rekod: 140603_004.AVI.)[737]

> Kalau sekiranya saya sakit biasanya pergi BKSM sahaja… . sebab berubat di BKSM percuma, selagi kita membawa surat dari tempat kita bekerja. Sekiranya terjadi apa-apa, maka terus pergi ke BKSM dengan membawa surat keterangan iaitu surat keterangan bahawa kita pekerja di Pesantren Gontor.

Gambar 5.13 Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat (BKSM). Gedung BKSM Pesantren Gontor yang terletak di luar Pesantren Gontor. (Lokasi: kampung Gontor Mlarak Ponorogo Tarikh: 06/05/2014. Kod rekod: IMG_3904

Dapat disimpulkan daripada tiga kes pesantren dalam kajian ini tentang peranannya dalam meningkatkan mahupun menjaga kesihatan masyarakat sekitar pesantren. Selain daripada kebersihan merupakan faktor asasi dalam beribadah, mengajak masyarakat untuk menjaga kebersihan juga merupakan pelaksanaan amar

[737] Ibu Suprapti (Masyarakat sekitar pesantren Gontor di tempat pembuangan sambah Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 03 Jun2014.

ma'ruf dan nahi mungkar yang menjadi ciri khas pesantren. Pelbagai usaha telah dilakukan pihak pesantren untuk sentiasa dapat berperanan dalam memberikan perhatian dan layanan kesihatan kepada masyarakat sekitar pesantren. Seperti melalui badan eksekutif Yayasan Pesantren atau juga Lembaga Amil Zakat Infaq Sedeqah dan Waqaf (LAZISWA) menjadi sponsorship dalam pendanaan seluruh aktiviti sosial mahupun penubuhan balai kesihatan untuk santri dan masyarakat yang terletak di tengah-tengah perumahan penduduk kampung. Selain daripada itu pihak yayasan atau LAZISWA bekerjasama dengan PUSKESMAS milik kerajaan merancang program-program untuk dapat memahamkan para masyarakat tentang pentingnya kesihatan dengan memberikan penyuluhan mahupun seminar-seminar kesihatan. Termasuk bakti sosial kesihatan juga merupakan usaha pesantren untuk menjaga dan memotivasi masyarakat dalam hal kesihatan. Peranan pesantren dalam aspek kesihatan dapat diperhatikan melalui rajah berikut.

Rajah 5.4 Peranan Pesantren dalam aspek kesihatan



University of Malaya

5.5. Pembangunan pesantren dalam aspek ekonomi

Pesantren sebagai institusi pendidikan yang *tafaqquh fī al-dīn,* disebut demikian kerana pesantren tidak lepas daripada kajian kitab-kitab klasiknya. Termasuk di dalamnya fiqh muamalah yang menjadi satu kelebihan dan modal utama bagi pesantren dalam menangani permasalahan ekonomi liberal yang berkembang dewasa ini. Tidak diragukan lagi kefahaman para kiyai mahupun ustaz-ustaz di pesantren tentang konsep dan teori fiqh muamalah. Sehingga kombinasi antara teori dan amalan menjadi satu kejayaan bagi pesantren dalam mewujudkan ekonomi yang membantu diri sendiri dengan asas konsep bantu-diri atau ekonomi berdikari. Dalam pelaksanaanya konsep ekonomi berdikari di pesantren disokong dengan satu sistem ekonomi iaitu ekonomi proteksi *(economic protection)* dengan motto dari santri oleh santri dan untuk santri, dari pesantren oleh pesantren dan untuk pesantren, daripada masyarakat oleh masyarakat dan untuk masyarakat. Kejayaan konsep ini dapat dilihat dari kemandirian pesantren yang hingga saat ini sanggup memenuhi seluruh keperluan harian dengan tanpa mengharapkan sebarang bantuan dari pihak manapun termasuk kerajaan.

Walau bagaimanapun kemandirian pesantren dalam ekonomi tidak lepas dari penyertaan pelbagai pihak, termasuk masyarakat sekitar pesantren yang ikut serta dalam mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti ekonomi pesantren. Sehingga secara langsung pesantren telah memperkasakan masyarakat sekitar dalam aktiviti-aktiviti produktif yang dapat menjana pendapatan mereka. Berikut hasil kajian dari tiga kes pesantren dalam usaha untuk membantu masyarakat sekitar dalam mencapai kesejahteraan dengan pelbagai jenis strategi.

University of Malaya

5.5.1. Pesantren Salafiyyah Sidogiri

Pada dasarnya peranan Pesantren Sidogiri dalam pergerakan ekonominya berpandukan firman Allah dalam surah al-Taubah ayat ke 122.

وَمَا كَانَ ٱلْمُؤْمِنُونَ لِيَنفِرُوا۟ كَآفَّةً ۚ فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَآئِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا۟ فِى
ٱلدِّينِ وَلِيُنذِرُوا۟ قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوٓا۟ إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Al-Taubah (9): 122

> Terjemahan: Tidak sepatutnya bagi mukminin itu pergi semuanya (ke medan perang). Mengapa tidak pergi dari tiap-tiap golongan di antara mereka beberapa orang untuk memperdalam pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya apabila mereka telah kembali kepadanya, supaya mereka itu dapat menjaga dirinya.

Kalimat *wa linyunzirū qaumahum* yang bermaksud (dan untuk memberi peringatan kepada kaumnya) dalam surat ini diertikan sebagai dakwah *bī al-ḥāl*. Berkhidmat untuk umat yang tercermin dari program secara external. Program external ini membawahi empat bahagian. Iaitu bahagian pendidikan dan pelatihan, bahagian ekonomi dan bisnes, bahagian bantuan hukum dan bahagian dakwah sosial. Setidaknya melalui program eksternal ini Pesantren Sidogiri memiliki tiga strategi dalam meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan masyarakat sekitar Sidogiri. *Pertama,* dengan cara menubuhkan Baitu al-Māl wa al-Tamwīl (BMT) sebagai usaha untuk membantu para peniaga kecil yang kekurangan modal. *Kedua,* penubuhan usaha-usaha ekonomi pesantren yang melibatkan pekerja daripada masyarakat. *Ketiga,* menubuhkan koperasi agro pertanian *(agro-farming)* untuk memudahkan masyarakat petani Sidogiri.

Pesantren Sidogiri memiliki dua jenis BMT iaitu BMT Maslahah dan BMT Usaha Gabungan Terpadu (UGT), yang dibezakan berdasarkan pengurusan dan pengagihan dana sosial. *Pertama,* BMT Maslahah yang semula bernama BMT

University of Malaya

MMU (Maslahah Mursalah lil Ummah) yang terletak di Jl. Raya Sidogiri no. 10 Kampung Sidogiri kecamatan Kraton Bandar Pasuruan. Sejarah penubuhan koperasi BMT ini atas dasar keperihatinan dari kalangan para guru MMU (Madrasah Miftahul Ulum) di Pesantren Sidogiri dengan melihat perilaku masyarakat yang cenderung kurang memperhatikan kaedah-kaedah syariah di bidang muamalah. Adanya simpan pinjam yang cenderung pada praktik ribawi yang dikembangkan oleh beberapa orang kaya daripada masyarakat Sidogiri, sehingga kesengsaraan dan kemiskinan semakin berkelanjutan di kalangan masyarakat Sidogiri pada waktu itu.[738]

Tepatnya pada tarikh 17 Julai 1997 M atau 12 robi'ul awwal 1418 H, Koperasi BMT MMU ditubuhkan sebagai usaha memberantas dan menghancurkan ekonomi ribawi yang berkembang di masyarakat. Berdasarkan temubual para tim bersama masyarakat sekitar kemudian dibawa ke majlis mesyuarat, maka tercetuslah idea dari para pengajar di MMU Sidogiri untuk memberikan pinjaman kepada masyarakat dhuafa' dengan sistem qardhu hasan dengan modal awal Rp 13,500,000,- atau lebih kurang RM 3,800,-. Sebagaimana temubual bersama manager pemasaran BMT MMU.

> … . Lah akhirnya kita buat wawancara dengan mereka, ternyata mereka sulit sekali mencari bantuan modal untuk usaha. Lah kalau ustaz ada dan pondok ada ya tambah enak gitu. Akhirnya permasalahan ini disampaikan ke kiai sepuh. Nah dari situlah BMT ini berdiri yang dulu modalnya pertamanya cuman 13 juta setengah wang dari kumpulan guru-guru ranting madrasah. Sistem yang kita pakai qardhu hasan yang tujuannya ya itu untuk membebaskan para dhuafa' dan juga para pedagang-pedagang kecil yang terjerat hutang dengan rentenir tadi. (Kod Temubual: A-5; Kod Rekod: 140410_005.AVI.)[739]

[738] Ustaz HM. Abdulloh Shodiq (Manager Pemasaran BMT MMU Sidogiri Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.
[739] Ustaz HM. Abdulloh Shodiq (Manager Pemasaran BMT MMU Sidogiri Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

University of Malaya

> … . Dari temubual bersama penduduk dan peniaga di sekitar pesantren yang mendapati bahawa para peniaga kesusahan dalam mencari modal usaha. Kemudian para guru-guru di Pesantren Sidogiri mengumpulkan wang mencapai Rp 13,500,000.- atau RM 3,800an untuk memberikan pinjaman kepada peniaga dengan sistem qardhu hasan yang bertujuan membebaskan para dhuafa' dan pedagang kecil yang terkena praktik riba.

Melihat perkembangan BMT MMU semakin mendapat perhatian dan sokongan dari pelbagai pihak, maka sejak 25 Septemper 2009 koperasi BMT MMU diubah wilayah keanggotaan dari lingkup Bandar Pasuruan menjadi Negeri Jawa Timur dengan Surat Keputusan Perubahan Anggaran Dasar (SK PAD) nomor: 518.1/PAD/BH/XVI/66/103/2009. Kemudian pada tahun 2012 nama BMT MMU dirubah menjadi BMT Maslahah. Dalam usianya yang ke-16 BMT Maslahah telah memiliki 70 pejabat pelayanan yang tersebar di pelbagai perkampungan dan Bandar di Negeri Jawa Timur.[740]

BMT Maslahah sebagai koperasi pesantren yang aktiviti usahanya di bidang pembiayaan dan simpanan sesuai dengan syariah Islam yang memiliki dua matlamat iaitu *profit oriented* (Baitu al-Tamwīl) dan *social oriented* (Baitu al-Māl). Selain dua aktiviti tersebut BMT Maslahah juga melakukan penghimpunan dan distribusi ZIS (Zakat, Infaq dan Sedeqah) dan juga melakukan investasi penyertaan di usaha kilang roti dan pengilingan padi. Produk dan jasa di BMT Maslahah seperti simpanan yang merangkumi simpanan umum syariah, wadiah, aqiqah, haji, ziarah, walimatu al-'ursh, pendidikan, berjangka atau deposito. Manakala pembiayaannya mencakupi *muḍarabah, musharakat, murobaḥah, bai' bi thaman 'ājil, qorḍu ḥasan, rahn, ijārah* dan talangan haji.[741]

[740] Pengurus BMT Maslahah, "Rapat Anggota Tahunan 2013" (Laporan Pertanggungjawapan Pengurus dan Pengawas, Koperasi BMT Maslahah, Sidogiri Kraton Pasuruan, 31 Disember 2014), 2.
[741] Ustaz HM. Abdulloh Shodiq (Manager Pemasaran BMT MMU Sidogiri Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

University of Malaya

Gambar 5.14. Pejabat BMT Maslahah. Gedung pejabat pusat BMT Maslahah yang terletak di jalan raya Sidogiri. (Lokasi: Jl. Raya Sidogiri no. 10 Sidogiri Kraton Pasuruan Tarikh: 18/04/2014. Kod rekod: IMG_2836

Kedua, BMT Usaha Gabungan Terpadu (UGT) berdiri sejak tarikh 5 rabiul awwal 1421 H atau 6 Juni 2000 M di Surabaya yang sekarang telah pindah ke Jl. Sidogiri Barat Rt. 03 Rw. 02 Kraton Pasuruan Jawa Timur, dengan no surat keputusan: 09/BH/KWK.13/VII/2000.[742] BMT UGT ini ditubuhkan oleh beberapa orang dalam satu aktiviti eksternal pesantren di bawah pengurusan guru tugas Pesantren Sidogiri yang didalamnya terdapat beberapa orang yang berprofesi ustaz, pimpinan madrashah, alumni Pesantren Sidogiri serta para simpatisan Pesantren Sidogiri yang tersebar di Negeri Jawa Timur. Hingga masuk usianya yang ke-13 terhitung tahun 2013, BMT UGT telah memiliki cawangan sebanyak 230 pejabat pelayanan yang tersebar di pelbagai perkampungan dan Bandar di seluruh Indonesia.[743]

[742] Pengurus BMT Maslahah, "RAT XIII Rapat Anggota Tahunan Tahun Buku 2013" (Laporan Pertanggungjawapan Pengurus dan Pengawas, Koperasi BMT UGT Usaha Gabungan Terpadu, Sidogiri Kraton Pasuruan, 10 Februari 2014), 10.

[743] Ustaz KH. Mahmud Ali Zain (Ketua Pengurus Pusat BMT UGT Sidogiri di pejabat BMT UGT Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 12 April 2014.

Beberapa jenis produk jasa kewangan yang dijalankan di BMT UGT antaranya adalah simpanan yang mencakupi simpanan umum syariah, berjangka, idul fitri, qurban, walimah, aqiqah, peduli siswa, ziarah, haji dan umrah. Manakala pembiayaan dan piutang merangkumi mudhorobah, musyarakah, murobahah, rahn, ijarah dan qard hasan. Ditambah satu produk iaitu jasa pelayanan transfer dan layayanan pembayaran online melalui bank PPOB *(Payment Point Online Banking)*.

Gambar 5.13. Pejabat BMT UGT. Gedung pejabat pusat BMT UGT yang terletak di jalan Sidogiri Barat. (Lokasi: Jl. Sidogiri Barat Rt. 03 Rw. 02 Sidogiri Kraton Pasuruan Tarikh: 18/04/2014. Kod rekod: IMG_2838

Yang membezakan antara BMT Maslahah dan BMT UGT adalah pengagihan baki hasil usaha (SHU) dan juga pendistribusian dana sosial dari kedua BMT tersebut.[744] Perbezaan diantara kedua BMT ini dapat diperhatikan pada jadual berikut.

[744] Ustaz KH. Mahmud Ali Zain (Ketua Pengurus Pusat BMT UGT Sidogiri di pejabat BMT UGT Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 12 April 2014.

Jadual 5.9 Pengagihan baki hasil usaha (SHU) di BMT Pesantren Sidogiri

Bil	Jenis agihan	BMT Maslahah	BMT UGT
1.	Jasa Anggota	50 %	50 %
2.	Dana Cadangan	20 %	20 %
3.	Jasa Pengurusan dan Pengawasan	5 %	5 %
4.	Jasa Karyawan	5 %	5 %
5.	Dana Pendidikan	5 %	5 %
6.	**Dana Sosial**	15 %	15 %
6.1	Kemaslahatan Pesantren Sidogiri	3.45 %	5 %
6.2	Urusan Guru Tugas dan Da'i	0 %	3 %
6.3	Dalaman (Internal)	3.45	4 %
6.4	Alumni Pesantren Sidogiri	0.60 %	3 %
6.5	Madrashah cawangan	7.50 %	0 %

Sumber: Data Rasmi BMT Maslahah dan BMT UGT Pesantren Sidogiri tahun 2013

Difahamkan daripada jadual di atas pengagihan baki hasil usaha (SHU) di kedua BMT di Pesantren Sidogiri terdapat perbezaan pada pengagihan dana sosial. Perbezaan yang sangat ketara sekali iaitu dana sosial dari BMT Maslahah lebih diperuntukkan untuk perkembangan dan kemajuan dalam proses pendidikan dan pembelajaran di Madrasahah Miftahul Ulum (MMU) cawangan, hal itu kerana merujuk daripada sejarah penubuhan BMT MMU dan juga para pengurus di BMT Maslahah lebih ramai daripada guru-guru di Madrasahah yang dibantu oleh para alumni mahupun masyarakat. Manakala BMT UGT dana sosial lebih diperuntukkan untuk tujuan pengurusan guru tugas dan dakwah termasuk menyokong keperluan-keperluan di Pesantren Sidogiri. Sesuai dengan sejarah penubuhan BMT UGT mahupun para pengurus lebih ramai daripada kalangan para alumni pesantren.

Peranan BMT Maslahah mahupun BMT UGT terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat sangat ketara sekali. Peranan tersebut dapat diperhatikan daripada; pemberian modal usaha kepada sesiapa sahaja yang memerlukan dengan tanpa membeza-bezakan, pengambilan anggota secara terbuka, memberikan

University of Malaya

peluang pekerjaan kepada para lepasan pesantren seluruh Indonesia menjadi staf di BMT Maslahah dan BMT UGT, dan dana sosial serta zakat BMT Maslahah dan BMT UGT yang diagihkan untuk pelbagai kemaslahatan sosial di masyarakat.[745] Penjelasan tentang pengagihan dana sosial mahupun zakat akan dijelaskan pada pembangunan pesantren dalam aspek sosial.

Pemberian modal usaha di BMT Maslahah dengan sistem *qorḍ* kepada para nasabah pada per Disember 2013 mencapai Rp 35,336,132,884.- atau lebih kurang RM 11,778,711.- yang mengalami peningkatan sebanyak 31.9 peratus dari tahun sebelumnya 2012 iaitu Rp 26,782,794,500.- atau lebih kurang RM 8,927,598.-. Manakala pembiayaan dalam bentuk *muḍarabah* dan *musharakat* pada tahun 2013 mencapai Rp 83,374,711,479,- atau lebih kurang RM 27,791,570,- yang mengalami peningkatan luar biasa sekali iaitu sebanyak 980 peratus dari tahun sebelumnya 2012 iaitu hanya Rp 7,717,885,829,- atau lebih kurang RM 2,572,628,.[746]

Manakala pemberian pinjaman dari BMT UGT dalam bentuk *qorḍ* pada per Disember tahun 2013 sebanyak Rp 37,994,032,551,- atau lebih kurang RM 12,664,678,- yang mengalami peningkatan sebanyak 274 peratus dari tahun sebelumnya 2012 yang hanya Rp 10,154,573862,- atau lebih kurang RM 3,384,858,-. Manakala dalam bentuk *muḍarabah* dan *musharakat* pada per Disember tahun 2013 sebanyak Rp 94,918,481,432,- atau lebih kurang RM 31,639,493,- yang mengalami peningkatan sebanyak 53.4 peratus dari tahun sebelumnya 2012 yang hanya Rp 61,868,483,228,- atau lebih kurang RM

[745] Ustaz KH. Mahmud Ali Zain (Ketua Pengurus Pusat BMT UGT Sidogiri di pejabat BMT UGT Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 12 April 2014.
[746] Pengurus BMT Maslahah, "Rapat Anggota Tahunan 2013" (Laporan Pertanggungjawapan Pengurus dan Pengawas, Koperasi BMT Maslahah, Sidogiri Kraton Pasuruan, 31 Disember 2014), 23-24.

University of Malaya

20,622,827,-.[747] Perkara ini membuktikan bahawa perhatian pesantren terhadap kesenjangan ekonomi masyarakat sentiasa mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Disamping itu dengan pemberian pinjaman setidaknya pesantren telah membuka pintu pekerjaan dan pengurangan pengangguran yang ada dalam masyarakat. BMT pesantren telah menjadi satu solusi dalam pemberian modal kepada individu, (*home industry)*, industry kecil dalam merangsang pertumbuhan ekonomi. Hal itu kerana, modal merupakan unsur yang penting bahkan menjadi salah satu faktor utama yang mampu menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi sektor perekonomian rakyat. Peranan BMT pesatren dalam menyelesaikan masalah permodalan dapat diperhatikan melalui data nasabah peminjam di BMT Maslahah dan BMT UGT selama lima terkahir pada jadual berikut.

Jadual 5.10. Data Peminjam dan jumlah pembiayaan dalam waktu 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah

Bil	Tahun	Peminjam	Jumlah Pembiayaan	
		BMT Maslahah	Dalam Rupiah	Dalam Ringgit
1	2009	12,825 orang	32,897,605,709	10,965,869
2	2010	17,372 orang	59,150,001,137	19,716,667
3	2011	25,317 orang	66,488,394,900	22,162,798
4	2012	33,536 orang	110,925,029,468	36,975,010
5	2013	43,958 orang	167,177,108,594	55,725,703

Sumber : Data rasmi laporan tahunan BMT Maslahah

Jadual 5.11. Data Peminjam dan jumlah pembiayaan dalam waktu 5 Tahun Terakhir di BMT UGT

Bil	Tahun	Peminjam	Jumlah Pembiayaan	
		BMT UGT	Dalam Rupiah (Rp)	Dalam Ringgit (RM)
1	2009	12,825 orang	92,249288,674	30,749,763
2	2010	17,372 orang	148,034,140,674	49,344,714
3	2011	25,317 orang	266,586,707,336	88,862,236
4	2012	33,536 orang	433,699,261,203	144,566,420
5	2013	43,958 orang	628,274,226,519	209,424,742

Sumber : Data rasmi laporan tahunan BMT Maslahah

[747] Pengurus BMT Maslahah, "RAT XIII Rapat Anggota Tahunan Tahun Buku 2013" (Laporan Pertanggungjawapan Pengurus dan Pengawas, Koperasi BMT UGT Usaha Gabungan Terpadu, Sidogiri Kraton Pasuruan, 10 Februari 2014), 37-38.

University of Malaya

Rajah 5.5. Data Peminjam 5 Tahun terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri



Sumber : Data rasmi laporan tahunan BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri

Rajah 5.6. Data nominal dalam wang rupiah pinjaman selama 5 Tahun terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri



Sumber : Data rasmi laporan tahunan BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri

Apabila diperhatikan dari jadual di atas, difahamkan bahawa pelanggan di BMT Maslahah dalam kurun waktu lima tahun terakhir sentiasa mengalami peningkatan yang luar biasa. Termaktub ahli peminjam[748] pada dua tahun terkahir

[748] Disebut ahli peminjam kerana syarat untuk meminjam mesti menabung agar memiliki motivasi untuk meyimpan. Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim (Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

University of Malaya

iaitu tahun 2012 seramai 33,536 orang dengan jumlah pembiayan sebanyak Rp 110,925,029,- atau RM 36,975,000,- dan pada tahun 2013 terjadi kenaikan 31 peratus menjadi seramai 43,958 orang dengan jumlah pembiayaan terjadi peningkatan sebanyak 50.7 peratus menjadi Rp 167,177,108,594,- atau RM 55,725,703,-. Sama halnya dengan di BMT UGT ahli peminjam pada tahun 2012 seramai 76,212 orang dengan jumlah pembiayaan sebanyak Rp 433,699,261,203,- atau lebih kurang RM 144,566,420,- dan pada tahun 2013 terjadi kenaikan sebanyak 28.7 peratus menjadi seramai 98,128 orang dan pembiayaan mengalami peningkatan sebanyak 44.8 peratus menjadi Rp 628,274,226,519,- atau lebih kurang RM 209,424,742,-. Sehingga secara keseluruhan jumlah peminjam dari kedua BMT Sidogiri sebanyak 142,086 orang, dan daripada jumlah pelanggan tersebut kebanyakkannya tinggal di 300 wilayah di Negeri Jawa Timur mahupun Negara Indonesia, maka setidaknya ada 478 orang perkampung yang mendapatkan pinjaman bantuan modal dari BMT Maslahah mahupun BMT UGT. Dengan demikian perkara ini membuktikan bahawa pesantren telah menjadi solusi dalam memberikan kesamaan hak asasi manusia khasnya bagi golongan miskin yang selama ini kurang memiliki hak untuk hidup sejahtera, hak untuk mendapatkan modal usaha, hak untuk bekerja dan lain sebagainya.

Dengan adanya pemberian bantuan modal kepada semua golongan masyarakat yang memerlukan tanpa membeza-bezakan, maka pesantren juga telah berusaha membawa perubahan dalam perilaku ekonomi yang sebenarnya. Secara tidak langsung lapangan pekerjaan akan tercipta dengan sendirinya, terjadinya iklim perekonomian yang bersaing dalam kualiti, kerjasama antara satu dengan yang lain juga akan terjalin berasaskan ukhuwah Islamiyyah. Hal itu kerana pihak pengurusan BMT sentiasa mengambil kira pada unsur-unsur berikut; penumpuan

University of Malaya

kepada golongan yang sangat memerlukan, syarat peminjaman yang mudah, cagaran hanya diberikan bagi peminjam yang melebihi had Rp 5,000,000,- ke atas dan pengawalan secara moral seperti doa bersama mahupun istighosah sebelum membuat transaksi. Sebagaimana temubual bersama ketua pengurus pusat BMT Maslahah Sidogiri.

> … . Hubungan memang akrab sekali, kalau enggak harmonis sudahlah tunggu aja waktunya. Sampean kalau sama isteri engak harmoni gimana rasanya ini Cuma dua orang lho. Apalagi kita yang lembaga… .sampean mau gini-gini untuk apa sih, makanya di sini semuanya nurut, taat kabeh karena kita terbuka engak ada yang ditutup-tutupi… . ada contohnya kayak kasus di probolingo, saya mau turun kabar itu sudah sampai kesana itu semuanya takut. Saya datang ingin mendengarkan katanya ada isu-isu. Engak ustaz, engak ada apa-apa. Tapai kalau engak tolong curhat sama saya… . jadi bimbingan rohari itu sering ya,bisa sampean lihat tadi kan… . ya itu pendekatan manusiawi itu yang sering kita kedepankan… . caranya sebelum mereka membuat transaksi ya kita doakan sama-sama, kita nasehati. Lho ada lho yang sampai nangis itu, sampai dia ngaku awalnya dia minjem uang untuk foya-foya tapi habis kita ajak berdoa bersama dia malah nangis dan mintak bimbingan. Ya kita bimbing… . kita juga kasih penghargaan baik itu minguan, bulanan atau tahunan. Bahkan ada juga uang makan, transportasi dan kesihatan. (Kod Temubual: A-5; Kod Rekod: 140410_006.AVI.)[749]
>
> Matlamat kejayaan BMT ini salah satunya menjaga keakraban antara semua orang, hubungan antara staf, antara staf dengan nasabah. Kalau kita tidak harmoni tunggu sahaja waktu kehancurannya. Contohnya anda kalau tidak harmoni bersama istri bagaimana rasanya, itu baru dua orang bagaimana kami yang dalam bentuk lembaga besar… . para pegawai di sini semuanya taat, patuh dan mengikut semuanya, kita terbuka… . salah satu contoh seperti kes di BMT Maslahah cawangan Probolingo, saya hendak menyiasat ke sana kerana ada isu penyalahgunaan wang. Ketika kami datang saya bagi tahu ke dia saya ingin mendengarkan pendapat kalian semua tentang isu yang sebenarnya. Tapi kalau tidak ada tolong cerita dengan kami… . jadi bimbingan dan sentuhan rohani itu juga sentiasa kami jaga… . termasuk pendekatan secara manusiawi yang sentiasa kami lakukan… . caranya sebelum pelaggan membuat transaksi kita bacakan doa dulu, kita nasihat dengan baik-baik. Sehinga tidak hairan ada pelanggan yang menangis kerana niat meminjam wang awalnya untuk pembaziran, tapi selepas kita berdoa dan istighosah bersama mereka sadar dan bahkan meminta penyeliaan. Ya kita bimbing… termasuk

[749] Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim (Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

University of Malaya

> kami juga ada memberi penghargaan bagi mereka yang telah mencapai target sama ada minguan, bulanan, tahunan. Bantuan makan, perjalanan mahupun kesihatan.

Daripada temubual di atas dapat disimpulkan bahawa beberapa faktor kejayaan di BMT Sidogiri antaranya ialah terciptanya hubungan silaturahim dan komunikasi yang baik antara ketua pengurus dengan pengurus, antara sesama pengurus mahupun pengurus BMT dengan pelanggan. *Kedua,*sifat rendah diri yang ditunjukkankan dari ketua pengurus BMT sendiri dengan pakaian yang sederhana, memakai kendaraan motosikal yang sudah tua menjadi motivasi bagi para staf BMT untuk bersikap dan bersifat sederhana. *Ketiga,* kawalan secara batin kepada para staf mahupun pelanggan BMT Maslahah. Kepada staf setiap pagi sebelum menjalankan aktiviti sentiasa melakukan solat dhuha berjemaah manakala kepada pelanggan dengan cara berdoa dan istiqhosah bersama sebelum melakukan transaksi. *Keempat,* pendekatan persuasif kepada staf mahupun pelanggan apabila terjadi konflik mahupun masalah. *Kelima,* adanya pemberian anugerah bagi sesiapa yang mampu mencapai target dalam waktu minguan, bulanan dan tahunan.

Nampaknya pemberian modal sahaja tidak cukup untuk memberanteras kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan di masyarakat. Oleh kerana itu, Pesantren Sidogiri melalui bahagian eksternal juga bergerak dalam bidang pendidikan dan memberi latihan kepada masyarakat untuk meningkatkan produktivitinya. Seperti latihan pembuatan tempe, pembuatan tahu, seminar tentang usawahan, menggalakkan investor dari kalangan masyarakat dalam penubuhan pasar raya Basmalah, mahupun mengalakkan masyarakat dan alumni untuk berproduksi dalam pelbagai bentuk jenis makanan yang dipasarkan melalui koperasi pesantren (Kopontren) atau pasar raya milik pesantren. Oleh yang

University of Malaya

demikian, pihak pengurusan kopontren memiliki target iaitu barangan isi pasar raya Basmalah 80 peratus mesti produk lokal dari alumni pesantren mahupun masyarakat. Sesuai dengan temubual bersama ketua Kopontren Sidogiri.

> Kita punya toko basmalah yang tersebar di mana-mana, tinggal kita memperkuat lagi produksinya dari alumni mahupun masyarkat. Banyak cara yang kita lakukan salah satunya dengan buat pelatihan-pelatihan. Targetnya minimal 80 persen isi dimini market dari produk lokal, dari kripik singkongnya sampai deterjen. Nah alumni dan masyarakat ini kita bantu modalnya, manajemennya termasuk kualitas produk dan kontiyuitasnya. (Kod Temubual: A-1; Kod Rekod: 140407_001.AVI.)[750]

> Pesantren Sidogiri memiliki pasar raya Basmalah yang terletak dipelbagai tempat, maka pihak pengurus tinggal meningkatkan produktiviti dari kalangan alumni pesantren dan juga masyarakat. Pelbagai cara telah kita lakukan untuk menjayakan perkara ini iaitu dengan latihan-latihan yang diikuti dari kalangan alumni dan masyarakat. Target dari latihan-latihan ialah minimum 80 peratus isi daripada pasar raya Basmalah merupakan produk lokal atau daripada masyarakat tempatan, mulai dari makanan ringan seperti kerepek ubi sampai deterjen pembersih pakaian. Oleh yang demikian alumni dan masyarakat kita bantu modal usahanya, kita bantu pengurusannya termasuk kualiti produk dan kelangsungan produktiviti.

Dari hasil temubual tersebut dapat disimpulkan bahawa perhatian pihak pengurus kopontren terhadap ekonomi masyarakat sangat jelas sekali. Setidaknya ada empat langkah yang telah dilakukan untuk menciptakan perekonomian yang berdikari di kalangan masyarakat iaitu membentuk pasar sebagai proses terjadinya persaingan yang sihat, memberikan pelagai latihan sebagai modal sumber manusia, pemberian pinjaman modal wang untuk menyokong aktiviti ekonomi, pengawalan kualiti produk sebagai usaha menjaga kelangsungan produktiviti. Berikut gambar salah satu contoh bantuan pemberian alat pembuatan tahu kepada masyarakat dan juga pasar raya Basmalah milik Pesantren Sidogiri.

[750] Ustaz Ilham Wahyudi (Ketua Koperasi Pondok Pesantren Sidogiri di pejabat Kopontren Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

University of Malaya

Gambar 5.16. Dari sebelah kiri Pengurus LAZISWAF, masyarakat, dan seperangkat mesin pembuat tahu nigarin dan sebelah kanan Pasar Raya Basmalah Sidogiri. Pengurus Laziswaf menyerahkan bantuan mesin pembuat tahu nigarin kepada masyarakat dan bangunan pasar raya Basmalah di kampung Sidogiri. (lokasi: Kampung Sidogiri Kraton Pasuruan. Tarikh: 01/02/2013. Kod rekod: Dokumen rasmi secretariat Pesantren Sidogiri, tarikh: 18/04/2014. Kod rekod: IMG_2790

Dengan wujudnya usaha-usaha tersebut, maka kesejahteraan masyarakat sekitar pesantren secara automatik akan meningkat. Peningkatan kesejahteraan masyarakat dapat dilihat daripada jumlah peyimpan dan jumlah nominal wang yang disimpang di BMT Maslahah mahupun BMT UGT. Seperti dalam paparan jadual berikut.

Jadual 5.12. Data Penyimpan dan jumlah simpanan dalam masa 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah

Bil	Tahun	Penabung	Jumlah Tabungan	
		BMT Maslahah	Dalam Rupiah (Rp)	Dalam Ringgit (RM)
1	2009	47,466 orang	39,996,365,357	13,332,122
2	2010	60,287 orang	50,193,127,592	16,731,043
3	2011	81,143 orang	80,717,715,963	26,905,905
4	2012	107,879 orang	143,279,879,934	47,759,960
5	2013	138,075 orang	183,599,901,305	61,199,967

Sumber: Data Rasmi BMT Maslahah Sidogiri

University of Malaya

Jadual 5.13. Data Penyimpan dan jumlah simpanan dalam masa 5 Tahun Terakhir di BMT UGT

Bil	Tahun	Penabung	Jumlah Tabungan	
		BMT UGT	Dalam Rupiah (Rp)	Dalam Ringgit (RM)
1	2009	90,036 orang	88,478,783,550	29,492,928
2	2010	126,836 orang	149,652,674,820	49,884,225
3	2011	203,373 orang	265,221,225,244	88,407,075
4	2012	298,456 orang	450,193,495,567	150,064,499
5	2013	415,771 orang	664,465,294,636	221,488,432

Sumber: Data Rasmi BMT UGT Sidogiri

Rajah 5.7. Data Penyimpan Selama 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri



Sumber: Data Rasmi BMT Maslahah Sidogiri dan BMT UGT Sidogiri

University of Malaya

Rajah 5.8. Data Simpanan Selama 5 Tahun Terakhir di BMT Maslahah dan BMT UGT Sidogiri



Sumber: Data Rasmi BMT UGT Sidogiri dan BMT Maslahah Sidogiri

Dari jadual di atas difahamkan secara keseluruhan sejak tahun 2009 hingga tahun 2013 jumlah penyimpan dan jumlah simpanan di BMT Maslahah dan BMT UGT sentiasa terjadi peningkatan yang luar biasa sekali. Pada tahun 2012 di BMT Maslahah jumlah penyimpan hanya seramai 107,879 orang di 70 kampung di Negeri Jawa Timur, terjadi peningkatan pada tahun 2013 sebanyak 27.9 peratus sehingga menjadi 138,075 orang. Peningkatan jumlah penyimpan ternyata juga diiringi dengan peningkatan nominal wang simpanan di BMT Maslahah iaitu pada tahun 2012 jumlah simpanan sebanyak Rp 143,279,879,934,- atau lebih kurang RM 47,759,960,- naik sebanyak 28.1 peratus menjadi Rp 183,599,901,305 atau lebih kurang RM 61,199,967. Manakala di BMT UGT pada tahun 2012 jumlah penyimpan hanya seramai 298,456 orang di 230 kampung, terjadi peningkatan pada tahun 2013 sebanyak 39.3 peratus sehingga menjadi 415,771 orang. Sama halnya terjadi pada jumlah wang simpanan di BMT UGT iaitu pada tahun 2012 jumlah simpanan

University of Malaya

sebanyak Rp 450,193,495,567,- atau lebih kurang RM 150,064,499,- naik sebanyak 47.51 peratus menjadi Rp 664,465,294,636,- atau lebih kurang RM 221,488,432,-.

Apabila dicampurkan jumlah penyimpan secara keseluruhan di BMT Maslahah mahupun di BMT UGT, maka menjadi seramai 553,846 orang yang tersebar di 300 wilayah atau daerah. Sehingga dalam satu wilayah lebih kurang 1,846 penyimpan di BMT Sidogiri. Perkara ini membuktikan bahawa *pertama,* dengan melihat potensi-potensi ekonomi mahupun bukan ekonomi yang dimiliki pesantren, pesantren mampu bersaing bahkan berperanan dalam dunia perbankan. *Kedua,* kepercayaan masyarakat kepada pesantren sangat luar biasa sekali. *Ketiga,* Faktor kejayaan ekonomi pesantren bukan mutlak dari sistem yang professional, akan tetapi juga adanya tradisi pesantren *sam'an wa ṭo'atan* (taat dan patuh kepada guru dan kiai). *Keempat,* pesantren telah mampu meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan menyamakan hak asasi setiap individu masyarakat dalam memperoleh pelayanan.

Disamping pemberian modal usaha mahupun latihan-latihan untuk merangsang minat berusaha, pesantren juga tidak melupakan aspek pertanian sebagai usaha memenuhi keperluan asas masyarakat terhadap beras mahupun pengawalan ketahanan pangan. Dengan melihat penduduk Sidogiri yang hampir 80 peratus bercucuk tanam, maka Pesantren Sidogiri menubuhkan koperasi agro pertanian *(agro-farming)* untuk memberikan layanan dan memudahkan masyarakat petani Sidogiri dalam mendapatkan bahan baku pertanian. Koperasi agro Sidogiri ditubuhkan pada tarikh 6 Jun 2008 dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan ahli, ikut serta berperanan dalam bidang pertanian serta sebagai usaha membantu petani kecil dalam meningkatkan hasil produksi pangan. Untuk menjayakan visi tersebut, maka koperasi agro Sidogiri menjalinkan perkogsian dengan beberapa lembaga

University of Malaya

seperti koperasi BMT MMU Pasuruan, Koperasi BMT UGT Sidogiri, Kedai Tani Barokah sebagai pembekal ubat pertanian, Sumber Rejeki Pelita Abadi Sdn.Bhd sebagai pengedar baja pertanian wilayah Kraton serta bekerjasama dengan kelompok tani kampung Ngempit, kelompok tani kampung Slambrit, kelompok tani kampung Sidogiri.[751]

Beberapa usaha yang telah dilakukan pihak pengurus koperasi agro sidogiri iaitu memberikan layanan dalam pengadaan baja ladang, pembenihan benih padi yang unggul, serta penyediaan ubat-ubatan insectisida untuk tanaman dengan harga yang sangat berpatutan. Disamping itu untuk meningkatkan produktiviti hasil pertanian, maka pihak pengurus koperasi sentiasa mengadakan pertemuan bersama para kelompok tani setiap tiga bulan sekali. Pertemuan ini dirancang untuk menggali informasi tentang keperluan petani mahupun mengidentifikasi masalah-masalah yang berbangkit di kalangan petani. Sehingga pihak pengurus koperasi dapat berperanan dalam memberikan solusi untuk menyelesaikan masalah tersebut. Salah satu contohnya bekerjasama dengan dinas pertanian Wilayah Pasuruan mahupun menjemput Petugas Penyuluhan Lapangan (PPL) pertanian untuk memberikan penyeliaan mahupun sosialisasi tentang pertanian. Sebagaimana temubual bersama bendahari di Koperasi agro pertanian milik Pesantren Sidogiri.

> Alahmdulillah, walaupun anggota di koperasi ini tidak banyak cuman 78 orang, tapi keberadaannya sangat membantu sekali untuk masyarakat tani di sini mahupun di desa sekitar. Sebab kita selalu memberikan layanan dan penyuluhan tentang pertanian kepada masyarakat. Masyarakat kan awam, kurang begitu tahu tentang bagaiamana cara meningkatkan hasil tanam atau mengatasi hama tanaman. Jadi mulai dari penyediaan pupuk, bibit sampai sosialisasi tentang informasi-informasi pertanian yang berkembang. Nah termasuk juga kita mendapatkan dari dinas pertanian dan ppl untuk memberikan pelatihan dan penyuluhan… . Kemarin yang terbaru ini

[751] Ustaz Syamsul Huda (Bendahari di Koperasi Agro Pesantren Sidogiri di pejabat Koperasi Agro Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 16 April 2014.

University of Malaya

> kita mensosialisasikan pupuk dari petrokimia gresik iaitu pupuk hayati, di mana pupuk ini bukan pupuk sintesi seperti urea, Za, atau ponska. Tapi pupuk ini bisa apa ya mengikat kandungan NPK yang dibutuhkan tanaman yang masih ada diudara atau yang masih terkandung di dalam lahan-lahan pertanian. Kita sudah mendatangkan empat hari yang lalu terus dari Gresik untuk sosialisasi ke masyarakat dan apa kegunaan dari pupuk tersebut. (Kod Temubual: A-8; Kod Rekod: 140416_018.AVI)[752]

> Alhamdulillah, sekalipun ahli koperasi agro sidogiri tidak seramai ahli di koperasi BMT mahupun Kopontren, akan tetapi kewujudannya sangat membantu para petani kecil di kampung Sidogiri mahupun di kampung sekitar. Oleh yang demikian, kerana masyarakat awam kurang memahami perkembangan pertanian termasuk cara-cara meningkatkan produktiviti tanaman mahupun mengatasi permasalahan penyakit tanaman. Dengan wujudnya koperasi agro milik Pesantren Sidogiri setidaknya menjadi satu solusi bagi para petani. Mulai dari penyediaan baja, benih padi, pemberian informasi terbaru tentang pertanian hingga bekerjasama dengan Pejabat pertanian Negara Indonesia dan petugas penyelia pertanain (PPL) untuk memberikan pelatihan mahupun penyeliaan… . beberapa hari yang lalu, pihak pengurusan telah menjemput dari kilang baja petrokimia Sdn.Bhd. dari wilayah Gresik untuk memberikan pencerahan tentang manfaat dari baja hayati yang mampu menangkap kandungan NPK yang ada di udara mahupun di tanah pertanian. Oleh kerana NPK merupakan salah satu bahan yang sangat diperlukan tanaman.

Dari temubual tersebut difahamkan bahawa pesantren sentiasa berusaha untuk meningkatkan porduktiviti pertanian iaitu dengan pelbagai cara seperti memperluaskan maklumat terkini tentang pertanian, meningkatan kemahiran petani dengan penyeliaan mahupun latihan, mencari penyelesaian dalam mengatasi hama tanaman, menjalin hubungan dengan pihak-pihak terkait untuk meningkatkan kualiti tuaian mahupun menyediakan benih unggul dan ubat-ubatan. Sehingga dengan strategi tersebut setidaknya pesantren juga berperanan dalam menyelia dan menyokong aspek pertanian agar keperluan asas pangan masyarakat dapat dipenuhi.

[752] Ustaz Syamsul Huda (Bendahari di Koperasi Agro Pesantren Sidogiri di pejabat Koperasi Agro Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 16 April 2014.

University of Malaya

5.5.2. Pesantren kombinasi al-Yasini Areng-Areng

Dengan melihat potensi ekonomi yang dimiliki pesantren serta wujudnya jaringan alumni yang bergerak dalam pelbagai usaha ekonomi, maka Pesantren al-Yasini memiliki strategi tersendiri dalam usaha mensejahterakan masyarakat. Setidaknya ada tiga usaha yang telah dilakukan oleh Pesantren al-Yasini; *Pertama*, mengkoordinat masyarakat sekitar dalam berniaga di dalam pesantren. *Kedua,*menubuhkan Lembaga Keuwangan Syariah sebagai solusi pinjaman modal. *Ketiga,*membentuk Himpunan Pengusaha Santri Indonesia (HIPSI) sebagai wadah antara para alumni pesantren, masyarakat mahupun pondok pesantren dalam menciptakan kerjasama ekonomi.

Langkah *pertama* iaitu sejak ditubuhkan koperasi pesantren (Kopontren) al-Yasini pada tarikh 5 Disember 1998 hingga sekarang, al-Yasini telah memiliki sebanyak 27 usaha ekonomi di bawah kopontren seperti al-Yasini Mart, kedai basuh pakaian 2 tempat, kedai makanan sebanyak 13 tempat, kedai Photostat, kedai komunikasi sampai kedai potong rambut. Usaha pihak pengurus untuk memperkasakan ekonomi masyarakat sekitar iaitu dengan cara menjadi pegawai dalam usaha ekonomi pesantren sekaligus memasukkan pelbagai jenis makanan ke kedai-kedai makanan yang ada di dalam mahupun luar pesantren. Perkara ini berlaku sejak adanya disiplin yang melarang santri untuk belanja di luar pesantren.[753]

Walau bagaimanapun dalam pengambilan pekerja dari kalangan masyarakat, pihak pesantren memiliki perioriti iaitu lebih mengutamakan janda-janda dan golongan yang kurang mampu. Manakala pengawai dari kalangan santri dibuka secara umum bagi santri yang berminat, akan tetapi sekiranya ada santri dari

[753] Ustaz Syamsul Arifin (Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini di pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

University of Malaya

golongan anak yang kurang mampu lebih diutamakan. Secara keseluruhan apabila peratusan penjaga di usaha ekonomi di bawah Kopontren al-Yasini jumlah dari santri lebih sedikit iaitu 40 peratus dari santri berbanding 60 peratus dari kalangan masyarakat sekitar, alumni pesantren, serta pengajar pesantren yang jadual mengajarnya pada waktu petang.[754]

Perkara ini membuktikan bahawa perhatian pesatren terhadap kesejahteraan masyarakat sekitar dalam memberikan peluang pekerjaan sangat nyata. Dalam pelaksanaannya semua pekerja baru wajib mengikuti latihan-latihan yang diagendakan oleh pengurus selama 5 hingga 7 hari. Latihan ini ditujukan untuk membekalkan para pegawai tentang ilmu-ilmu kewirausahaan mahupun tata cara menjalankan sistem yang ada dalam setiap bahagian. Sehingga para pegawai memahami tugas masing-masing sekaligus menjadi modal bagi mereka apabila hendak membuka usaha sendiri di luar nantinya.[755]

Dengan adanya usaha-usaha ekonomi yang memenuhi seluruh keperluan santri di bawah pengurusan Kopontren, maka santri dapat fokus belajar dengan tidak membuang masa untuk jauh-jauh belanja ke luar pesantren. Disamping itu secara tidak langsung adanya Kopontren pesantren telah memberikan lapangan pekerjaan bagi masyarakat sekitar serta menciptakan hubungan sosial antara pesantren dengan masyarakat yang lebih akrab. Sehingga kedua belah pihak mendapatkan keuntungan, disiplin pesantren dapat berjalan dengan baik di samping itu juga dapat menjana ekonomi masyarakat sekitar. Sebagaimana temubual pengkaji bersama ketua Kopontren al-Yasini.

[754] Ustaz Syamsul Arifin (Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini di pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.
[755] Ibu Maemunah (Penjual makanan jajanan dari masyarakat sekitar pondok di kedai Koperasi Pesanten al-Yasini), dalam temubual dengan penulis, 01 Mei 2014.

University of Malaya

Orang-orang sekitar itu kalau misalnya ingin berjualan. Kan pondok itukan ada santri yang jadi konsumen terbesar. Jadi ada kantin, ada warung-warung itu yang masyarakat kita kasih peluang ya silahkan. Jadi mereka nyetor harus lewat lembaga enggak boleh jual sendiri. Jadi dari pihak kantin diatur biar g tabrakan dengan yang lain. Di kantin ini sudah ada lele jadi sampean nyetor lauk apa gitu… . jadi prosedurnya masyarakat kita kumpulkan dulu, karna waktu itu peralihan pelaturan pondok dari dulu santri boleh jajan di luar dan sekarang sudah tidak boleh. Itukan karena orang tua juga merasa anak-anaknya boros jajan… . Akhirnya masyarakat kita kumpulkan semuanya biar enggak ada mis dengan pondok. Seakan-akan kita membatasi jualan mereka. Padahal tidak, kita ingin menertibkan dan mendisiplinkan santri mahupun masyarakat. Jadikan bahaya kalau sampai masyarakat enggak suka dengan kita. Ya kita jaga terus hubungan baik kita dengan mereka. Salah satunya dengan ekonomi ini. Jadi masyarakat kita data siapa-siapa dan apa-apa aja yang boleh di jual untuk santri… . Sistemnya mereka titip di kantin, yang jaga kantin dan warung juga daripada masyarakat. Jadi ya memang kita inggin kedua-duanya diuntungkan. Pondok untuk disiplinnya berjalan baik, masyarakat juga untuk materinya baik. Bayangkan padahal di sini setiap lembaga ada kantinnya, banyak kan kalau dihitung-hitung… . Yang menjaga koperasi sekarang ini kalau dipresentasikan 40 persen dari santri, nah yang sisanya adalah baik dari unsure masyarakat sekitar, alumni pesantren, terus asatidz yang sorenya tidak ada kegiatan Cuma mengajar di Madin. (Kod Temubual: B-1; Kod Rekod: 140429_003.AVI)[756]

Salah satu cara iaitu apabila masyarakat hendak berniaga melalui kedai makanan yang ada di pesanatren, maka kita persilakan akan tetapi setiap penjual mesti wajib lapor diri ke pengurus tidak dibolehkan menjual secara individu. Tujuannya supaya tidak terjadi persamaan jenis makanan, serta memudahkan pengurus membuat pemeriksaan kualiti dan kuantiti makanan… . Perkara ini berlaku sejak adanya disiplin yang melarang santri untuk belanja di luar pesantren. Oleh yang demikian, pengurus membuat satu perjumpaan dengan masyarakat yang membahas tentang syarat dan sistem berniaga di pesantren… . selain daripada itu tujuan daripada perjumpaan agar masyarakat dapat memahami tata tertib pesantren serta agar sentiasa tercipta hubungan silaturahim dengan masyarakat melalui jalur ekonomi… . Dalam pelaksanaanya masyarakat menitipkan makanan atau hasil usahanya di kedai-kedai Kopontren, termasuk yang menjaga kedai makanan juga dari kalangan masyarakat. Sehingga dengan wujudnya kerjasama sebegini kedua belah pihak merasa diuntungkan. Pesantren untung dengan disiplin dapat berjalan dengan baik dan masyarakat untung dari segi ekonomi… .Apabila dibuat peratusan penjaga di usaha ekonomi pesantren 40 peratus dari santri, manakala 60 peratus masyarakat

[756] Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

sekitar, alumni pesantren, serta pengajar pesantren yang jadual mengajarnya pada waktu petang.

Gambar 5.17. Kedai makanan milik pesantren yang dijaga oleh masyarakat. Masyarakat sekitar tengah melayan pembeli dari santri di area kampus Pesantren al-Yasini. (lokasi: Kedai makanan Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 26/04/2014. Kod rekod: IMG_3581.

Langkah yang *kedua* iaitu dengan menubuhkan Lembaga Kewangan Syariah (LKS) sebagai usaha memberikan modal pinjaman kepada masyarakat yang memerlukan dana talangan. Sesuai dengan temubual bersama manager umum LKS al-Yasini.

> Sebenarnya asal usul pendirian LKS ini setelah kita melihat kebutuhan masyarakat kepada wang. Entah itu untuk meminjam atau menyimpannya. Nah karena tidak ada lembaga keuangan di sekitar pondok, maka kita dirikanlah LKS ini yang modalnya berani dengan bekerjasama dengan Bank BTN sama LKS al-Kamil Malang pada tahun 2010. Sekarang tahun 2014 ini Alhamdulillah LKS al-Yasini sudah berdiri sendiri, walaupun baru merangkah selama 5 bulan tapi kita sudah buka cabang di di kecataman Gondang Wetan dan juga di Kecamatan Grati… . untuk staf semuanya kita rekrut dari para alumni pesantren yang memang sudah pasti memahami konsep muamalah… . Di LKS al-yasini kita punya dua bentuk transaksi iaitu tabungan dan pinjaman. Untuk tabungan itu ada tabungan umum syariah kayak untuk pendidikan, untuk haji yang mau haji sampai kita aturkan pemberangkatannya. Ada juga tabungan idul fitri, untuk persiapan puasa, ziarah maqom wali songo… kalau pembiayaan itu ada

mudhorobah, murobahah dan gadai syariah. (Kod Temubual: B-3; Kod Rekod: 140505_008.AVI.)[757]

Salah satu latar belakang penubuhan LKS al-Yasini ialah selepas melihat keperluan masyarakat dalam pembiayaan usaha mahupun sebagai tempat penyimpanan wang. Hal itu kerana tidak ada satu lembaga kewangan syariah di kalangan masyarakat sekitar Pesantren al-Yasini. Sehingga pihak pesantren memberanikan diri bekerjasama dengan Bank Keuwangan Nasional BTN.Sdn. Bhd dan Lembaga Kewangan Syariah al-Kamil Malang untuk menubuhkan LKS sejak tahun 2010 dan sekarang pada awal 2014 LKS al-Yasini telah beridiri secara sendiri dengan sistem dan pengurusan yang diuruskan oleh guru-guru dari Pesantren al-Yasini. Walaupun secara rasmi usia LKS al-Yasini baru berjalan lebih kurang 5 bulan, akan tetapi LKS al-Yasini telah memiliki dua cawangan iaitu di kecataman Gondang Wetan dan juga di Kecamatan Grati. Untuk staf di LKS al-Yasini lebih diutamakan dari kalangan para alumni pesantren, hal itu kerana di pesantren telah banyak mempelajari ilmu-ilmu fiqh muamalah. Dalam traksaksi di LKS ada dua jenis iaitu simpanan dan pinjaman. Simpanan sendiri ada tabungan umum syariah, tabungan pendidikan, tabungan haji syariah bagi mempermudah masyarakat yang hendak menunaikan ibadah haji sampai pemberangkatan ke Makkah, tabungan Iedul Fitri, tabungan persiapan puasa Ramadhan, termasuk tabungan ziarah ke makan-makan wali songo. Manakala pembiayaan ada mudhorobah, murobahah, dan gadai syariah.

Dalam pelaksanaan pembiayaan untuk masyarakat yang memerlukan dana secara segera, pihak pengurusan LKS terlebih dahulu membuat satu temubual dan penyelidikan kelayakan kepada calon pelanggan. Dalam temubual terkandung 6 aspek iaitu partisipasi keanggotaan dalam koperasi, kelayakan usaha, keperibadian peminjam, kelayakan kemampuan mengembalikan dengan melihat pemasukan dan pengeluaran pelanggan, dan modal usaha peribadi yang tidak kurang dari 30 peratus dari nilai pembiayaan. Manakala akad yang dipakai ialah akad jual beli kertas *(ba'i al-waraq)*.[758] Hingga saat ini Lembaga Kewangan Syariah al-Yasini selepas peralihan kepengurusan dari awal bulan Januari 2014 hingga bulan Mei 2014 telah

[757] Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I (Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini Areng-Areng Pasuruan di Pejabat Kopontren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 05 Mei 2014.

[758] Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I (Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini Areng-Areng Pasuruan di Pejabat Kopontren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 05 Mei 2014.

University of Malaya

memiliki perolehan lebih kurang Rp 1,7 Milyar dengan jumlah penabung dari kalangan masyarakat seramai 666 dan pembiayaan sebanyak 253.[759] Apabila dibuat perbandingan antara penabung dan peminjam dalam waktu empat bulan terakhir di LKS al-Yasini, maka penabung lebih ramai atau 73 peratus lebih banyak berbanding peminjam yang hanya 27 peratus. Disamping itu merujuk kepada jumlah rumah tangga dalam masyarakat sekitar pesantren yang hanya 1,109 rumah, maka hanya 190 rumah tangga sahaja yang tidak terlibat dengan aktiviti LKS al-Yasini. Sehingga difahamkan bahawa tingkat aktiviti ekonomi masyarakat memberikan kesan baik terhadap kesejahteraan masyarakat sekitar Pesantren al-Yasini, serta perkara ini membuktikan bahawa kepercayaan masyarakat kepada lembaga kewangan syariah yang diuruskan oleh pesantren juga mendapat sambutan yang baik.

Gambar 5.18. Aktiviti di LKS al-Yasini. Masyarakat sekitar pesantren tengah menserahkan wang untuk di tabung di LKS al-Yasini. (lokasi: LKS al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 28/04/2014. Kod rekod: IMG_3314.

[759] Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I (Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini Areng-Areng Pasuruan di Pejabat Kopontren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 05 Mei 2014.

University of Malaya

Langkah yang *ketiga* iaitu untuk menepis isu bahawa lepasan pesantren tidak mampu bersaing merebut peluang pekerjaan, maka melalui workshop entrepreneur di Pesantren al-Yasini yang terdiri dari 500 para santri dari pelbagai pesantren pada tarikh 3 Februari 2012 yang bekerjasama dengan Rabithah Ma'ahid Islamiyyah Nahdhatul Ulama' (RMINU) menubuhkan sebuah organisasi untuk menyatukan para usawahan *(entrepenuers)* dari kalangan lepasan pesantren di seluruh Indonesi (HIPSI). HIPSI merupakan himpunan pengusaha Santri di Indonesai yang terletak di Pesantren al-Yasini memiliki visi melahirkan 1 juta santri usahawan di pelbagai daerah di Indonesia. HIPSI ditubuhkan sebagai usaha untuk menjadi wadah pengembangan Pendidikan Wirausaha Santri yang berdikari. Menjadi institusi pendidikan bukan formal berkualiti yang bukan menciptakan calon pencari kerja, tetapi pelapis pesantren yang mampu menciptakan peluang pekerjaan dengan menciptakan pengusaha baru yang kreatif dan inovatif.[760] Disamping itu juga HIPSI bertujuan untuk mensinergikan kekuatan ekonomi santri di Indonesia yang memperkasakan ekonomi masyarakat. Sebagaimana temubual pengkaji bersama ketua HIPSI Pusat di Pesantren al-Yasini dan skretari umum HIPSI Pusat.

> Berangkatnya HIPSI dari temen-temen rasa keperihatinan melihat alumni-alumninya banyak bingung mencari kerja dan akhirnya asal-asalan atau ngangur. Ayuh kita bikin komunitas yang akhirnya namanya himpunan pengusaha santri di Indonesia. Ya Alhamdulillah kerjasa sama dan kesadaran dari temen-temen di berbagai pesantren, sudah dua tahun berjalan hipsi tidak bisa dianggap remeh, walaupun tidak dapat bantuan dari pemerintah. Tapi hipsi bisa berkembang dan banyak memberikan perenan untuk alumni dan masyarakat… . kita bergerak di *all of business*, mulai dari property, pertanian, peternakan, jual beli mobil dan masih banyak lagi. Ternyata itu semua ada orang-orang alumni pesantren. Tapi sayangnya bercerai berai dan tidak ada saling mengenal dan tidak diketahui. Akhirnya dengan adanya HIPSI ini menjadi solusi sekali. Mulai yang kekurangan dana, kelemahan pemasaran, susah memajukan usaha. Dan kita mencoba mengkoordinir kekuatan-kekuatan ini… . Motto kita mencetak 1 juta

[760]Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

University of Malaya

santri pengusahan. (Kod Temubual: B-7; Kod Rekod: 140506_002.AVI.)[761]

Tujuan HIPSI didirikan untuk menjadi tempat anak-anak pesantren mengembangkan pendidikan bisnis, santri tidak hanya pintar dalam agama tapi juga harus pintar dalam berbisnes… . Kalau seumpamanya semua santri di 27 ribu pesantren dengan setiap pesantren memiliki 3-4 ribu santri, santri semuanya mandiri ekonominya, maka jelas sekali santri bisa memberikan peranan dan kontribusi yang luar biasa untuk kemakmuran rakyat.

Sehingga apabila seluruh santri tersebut mampu berdikari dalam ekonomi, maka setidaknya santri memberikan peranan dan sumbangan untuk kemakmuran masyarakat di sekitarnya. Disamping itu santri menjadi pengerak ekonomi masyarakat sekaligus menjadi public relation bagi pondok dengan masyarakat, kerana peranan alumni pesantren di masyarakat sangatlah menjadi kayu ukur sebuah keberhasilan lembaga pendidikan agama.

Peranan HIPSI bukan hanya sekadar menjadi jambatan penghubung antara satu pengusaha dengan pengusaha di kalangan para santri sahaja, melainkan HIPSI juga memberikan latihan, penyeliaan dan pengawalan terhadap usaha-usaha ekonomi dari kalangan para santri dan lepasan pesantren mahupun masyarakat awam untuk menciptakan ekonomi yang berdikari dan berlanjutan. Bahkan HIPSI juga sentiasa membuat kerjasama dengan pelbagai pihak unutk menjadi solusi pelbagai masalah para alumni pesantren mahupun masyarakat yang mempunyai kesukaran dalam memulakan mahupun mengembangkan usaha ekonominya.

Lima langkah yang telah dilakukan HIPSI untuk memperkasakan ekonomi para lepasan pesantren mahupun masyarakat sekitar pesantren adalah seperti berikut;

Langkah yang *pertama*, membuat bengkel keusahawanan bagi lepasan pesantren, santri dan masyarakat di pelbagai daerah. Untuk mewujudkan cita-cita 1

[761] KH. Muhammad Yasin (Ketua setiausaha HIPSI Pusat di Pesantren al-Yasini Areng-areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 06 Mei 2014.

University of Malaya

juta santri usahawan, langkah pertama yang ditempuh iaitu memberikan motivasi untuk menjadi pengusaha serta sosialisasi keusahawanan melalui bengkel-bengkel keusahawanan di pelbagai daerah dengan tajuk semangat memakmurkan negeri. HIPSI berkerjasama dengan Bank Mandiri Indonesia dan Rabithah Ma'ahid Islamiyyah Nahdlatul Ulama (RMI NU). Hingga saat ini bengkel keusawanan telah dilaksanakan di lima Bandar di Indonesia iaitu Bandar Lombok, Bandar Malang, Bandar Tasikmalaya, Bandar Pontianak dan bandar Brebes yang melibatkan 50 pesantren dengan jumlah peserta 3,000 santri. Setiap selepas acara pihak pengurusan Bank Mandiri memberikan dana bantuan untuk 10 pesantren, setiap pesantren mendapatkan stimulus dana sebanyak Rp 25 juta atau lebih kurang RM 8,300.[762] Di samping itu dari tarikh 3 Februari 2012 hingga akhir tahun 2012 bengkel yang bertajuk "Peningkatan kewairausahaan masyarakat melalui pesantren" juga telah dilaksanakan HIPSI bersama Bank Mandiri di 5 daerah dan 5 pesantren di Jawa Timur iaitu Pasuruan, Malang, Probolinggo, Lumajang dan Situbondo dengan jumlah peserta lebih kurang 2,000 santri.[763]

Pada tarikh 5 Mei 2013, HIPSI bekerjasama dengan RMI Bandar Sidoarjo membuat latihan Sistem Informasi bersama santri pesantren se kabupaten Sidoarjo dengan tajuk "Mempererat Jaringan antara pesantren guna menumbuhkan jiwa usahwana santri di masa depan" tujuan daripada latihan ini adalah saling bekongsi pengalaman, merumuskan, dan akhirnya menentukan standard kurikulum yang sama untuk diajarkan di setiap tingkatan santri di pesantren. Sehingga lepasan

[762] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

[763]Musyawir, "Bank Mandiri Terus Komitmen Cetak Wirausaha Pesantren," laman sesawang *Antara News Jawa Timur*, dicapai 18 Ogos 2014, http://www.antarajatim.com/lihat/berita/81727/bank-mandiri-terus-komitmen-cetak-wirausahawan-pesantren. lihat juga lamang sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://pesantrenmandiri.com/?tag=direktu-mandiri.

University of Malaya

pesantren memiliki jiwa wirausaha yang tidak perlu mencari pekerjaan melainkan mampu menciptakan peluang pekerjaan baru.[764]

Gambar 5.19. Bengkel wirausaha muda berdikari. Dari sebelah kiri bapak Sentot Santoso bahagian risk managemen bank Mandiri mneyampaikan talk tentang spirit memakmurkan negeri, dan sebelah kanan perwakilan dari pelbagai pesantren menerima dana bantuan usaha. (lokasi: Pesantren al-Nur Malang Jawa Timur. Tarikh: 24/04/2014. Kod rekod: IMG_3369. Dan lokasi: Pesantren al-Hikmah 2 Benda, Brebes Jawa Tengah. Tarikh:26/06/2014).

Langkah yang *kedua* iaitu membuat latihan-latihan sekaligus praktikal di lapangan. Pada tarikh 1 april hingga 25 april 2012, Pesantren al-Yasini membuat satu program *pesantrenpreneur camp* yang diikuti oleh 30 santri dari pelbagai pesantren yang ada di Jawa Timur.[765] Dalam latihan ini para santri dilepaskan ke pasar-pasar dan tempat-tempat keramaian dengan tanpa dibekalkan wang sedikit pun, akan tetapi setiap santri dibebankan untuk membawa wang sesuai dengan target panitia pada waktu petangnya selepas mereka kembali dari pasar. Peserta yang gagal tidak mendapatkan sejumlah wang sesuai dengan target panitia akan mendapatkan hukuman yang telah disepakati bersama. Minggu yang kedua, peserta mendapatkan latihan-latihan dari mentor pakar ekonomi serta dari beberapa usahawan-usahawan di Jawa Timur. Minggu yang selanjutnya peserta dilepaskan

[764] Moch Ghozali, "Pelatihan JIbas Pesantren," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-wilayah/pelatihan-jibas-pesantren.html

[765] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

lagi ke pasar-pasar dan ke tempat keramaian dengan dibekalkan ilmu serta sedikit wang untuk menjadi modal usaha. Manakala diakhir camp para peserta dilatih membuat *business proposal* sekaligus pemberian modal pinjaman dari bank Mandiri sejumlah 100 juta rupiah atau lebih kurang RM 33,000,-. Pinjaman modal tersebut wajib dikembalikan selama satu tahun untuk aktiviti *pesantrenpreneur camp* bagi angkatan berikutnya.[766]

Selain daripada itu, untuk mengurangkan pengangguran HIPSI juga menyediakan tempat pusat latihan kemahiran hidup (*life skills)* di Pasar Raya Surabaya yang telah beroperasi sejak tarikh 8 Oktober 2013. Latihan ini sebagai usaha memberikan lapangan kerja untuk para alumni pesantren, ahli HIPSI dan masyarakat awam yang merangkumi akademi memasak *(Culinary Academy)* untuk melahirkan para pengusaha kuliner, akademi hotel *(hospitality academy)* untuk melahirkan para pengusaha hotel yang berbasis pesantren, teknologi maklumat *(information technology*) seperti pelatihan reka bentuk grafik *(design graphic)*, pembuatan laman web *(website builder)*, pemasaran dalam talian (*online marketing*), perkhidmatan komputer *(service computer)* serta pereka fesyen *(fashion designer)*, dan latihan menjahit pakaian.[767]

Disamping itu HIPSI bekerjasama dengan Babarafi academy Sdn.Bhd dan Magistra Utama, Sdn.Bhd. dalam latihan membuat kebab turki yang lengkap dengan penyediaan peralatan, surat izin penubuhan usaha, bahkan menyalurkan para alumni HIPSI culinanry academy ke 1,000 outlet milik Babarafi group iaitu kebab turki, ayam bakar mas mono, Amazy chicken and potatoes crips. HIPSI juga

[766] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

[767] Moch Ghozali, "Pusat Pelatihan Life Skills HIPSI," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/kegiatan-hipsi/pusat-pelatihan-life-skill-hipsi.html

University of Malaya

bekerjasama dengan So Good Food Sdn. Bhd. dengan produk makanan So Nice dan so tasty dalam latihan dan penyediaan 26 grobak usaha kuliner untuk para alumni pesantren yang berminat menjadi pengusaha.

Sebagai usaha menciptakan masyarakat yang berdikari dalam ekonomi dan berwirausaha, maka pada tarikh 18 September 2013 HIPSI bekerjasama dengan Lembaga Penelitian dan Pengembangan Masyarakat (LPPM) Universiti Jenderal Soedirman (Unsoed) Purwokerto mengadakan latihan pembuatan bakso, sosis, nugget dari bahan baku cendawan. Latihan ini diikuti seramai 70 peserta dari pelbagai unsur masyararakat iaitu 35 dari para alumni pesantren, santri serta ahli HIPSI dan 35 peserta dari ibu suri rumah yang bertempat di kompleks Madrasah Tsanawiyyah Ma'arif Kaliwadas Bumiayu. Tujuan daripada latihan ini adalah untuk menciptakan ketahanan pangan dan memperkasakan para ibu suri rumah sehingga menjadi solusi mengurangkan kemiskinan dan menciptakan ekonomi yang berdikari.[768]

Gambar 5.20. Gerobak mudah alih untuk menjual kudapan. Gerobak dari syarikat So Good Food Sdn. Bhd., (lokasi: Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 25/04/2014. Kod rekod: IMG_ 3395 dan IMG_3401.

[768] Johan, "Hipsi Gandeng LPPM UNSOED Adakan Pelatihan Budidaya Cendawan", laman sesawang *Portal Berita Kualitas News,* dicapai 15 Ogos 2014, http://kualitasnews.com/hipsi-gandeng-lppm-unsoed-adakan-pelatihan-budidaya-jamur/, lihat juga

Langkah yang *ketiga* iaitu pemberian modal melalui pinjaman lunak. HIPSI bekerjasama dengan Bank Mandiri menyediakan kredit usaha mikro bagi anggota HIPSI yang memerlukan bantuan dana dalam bentuk Kredit Investasi (KI) atau Kredit Modal Kerja (KMK) untuk pengembangan usaha produktif berskala mikro, sama ada usaha itu dimiliki individu, kumpulan mahupun perusahaan.[769] Syarat untuk mendapatkan pinjaman ini tidaklah begitu rumit iaitu peminjam merupakan ahli HIPSI, memiliki usaha ekonomi, berusia 21 hingga 54 tahun, usaha telah berjalan setidaknya 1 tahun. Jumlah pinjaman untuk indidivu sebanyak Rp 30 juta atau Rm 10 ribu manakala kumpulanan sebanyak Rp 100 juta atau Rm 33 ribu. Jangka waktu pengembalian maksimum 3 tahun. Pembahagian hasil 0.5% perbulan atau 6% pertahun, dan akan dikembalikan sepenuhnya untuk kemaslahatan peminjam Bank tidak akan mengambil sedikitpun keuntungan, hal itu kerana pinjaman dalam bentuk program sosial korporat atau aktiviti kemasyarakatan (CSR). Disamping itu para peminjam juga akan mendapatkan penyeliaan dalam bentuk latihan, pengawalan dan promosi yang bertujuan untuk menumbuhkan dan meningkatkan usahanya.[770]

Langkah yang *keempat*, penyeliaan dalam pemasaran produk. Untuk meningkatkan daya saing dalam pemasaran produk bagi para alumni pesantren yang telah memiliki usaha ekonomi, maka HIPSI membuat latihan pembungkusan makanan ringan, bertujuan untuk meningkatkan kualiti kemasan dan mampu bersaing dengan produk lain di pasaran. Di samping itu HIPSI juga bekerjasama dengan TELKOM Indonesia Sdn. Bhd. membuat pelatihan pemasaran online untuk

[769] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

[770] Moch Ghozali, " Kridit Usaha Mikro Mandiri," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 15 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-pusat/kredit-usaha-mikro-mandiri.html

University of Malaya

1,000 para pengusaha kecil menengah dari daerah Sidoarjo, Jombang, Mojokerto dan Pandaan pada tarikh 2 Mei 2013. Selepas pelatihan para peserta dibimbing dan diberikan aplikasi bisnis online seperti laman sesawang untuk hosting, domain name secara percuma, bahkan pihak TELKOM juga memberikan satu ruang di portal bisnes milik Telkom untuk pemasaran produk milik masyarakat. Tujuan daripada latihan ini ialah supaya para pengusaha kecil menengah tidak sukar dalam memasarkan produknya dan hasil karyanya mampu menembus pasaran global. Disamping itu pejabat Telkom di setiap daerah juga memberikan tempat dan jam khas untuk para pengusaha kecil menengah berlatih memasarkan produknya setiap hari sabtu, ahad, selesa, rabu dan khamis sejak dari mula latihan hingga tarikh 30 September 2013.[771]

Langkah yang *keempat* iaitu investasi sumber manusia. HIPSI bekerjasama dengan Pesantren al-Yasini membuat satu program *pesantren entrepreneur* selama enam bulan dengan pelbagai aktiviti pelatihan wirausaha dengan subject pembelajaran merangkumi tahfidz al-Quran dengan tajwidnya, akiqad, fiqh, akhlak dan dakwah, pelatihan bidang pertanian, perikanan dan peternakan, managemen marketing, program kuliner bakso, fried chicken, bebek dan kebab turki, internet online, dan berlatih praktik usaha di Malang, Mojokerto dan Surabaya. Untuk syarat peserta program pesantren entrepreneur dikhaskan bagi santri lelaki, lepasan pesantren seluruh Indonesia, setidaknya berusia 18 tahun dan mampu membaca al-Quran dengan baik.[772]

[771] Hakim, "HIPSI bersama Telkom Siap melatih UKM," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 15 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-pusat/hipsi-bersama-telkom-siap-melatih-ukm.html

[772] "Rabithah Ma'ahid Islamiyyah RMI," Pesantren Entrepenuer, HIPSI ajak 30 santri untuk jadi pengusaha, dicapai 16 Ogos 2014, http://rmi-nu.or.id/headline/pesantren-entrepeneur-hipsi-ajak-30-santri-untuk-jadi-pengusaha

University of Malaya

Disamping daripada usaha-usaha tersebut HIPSI juga tidak melupakan pembangunan dalam aspek pertanian, hal itu kerana pertanian mampu menyediakan lapangan pekerjaan yang lebih banyak, pertanian juga dapat memberikan sumbangan terhadap pendapatan Negara dan pertanian juga merupakan langkah yang tepat untuk menjaga kestabilan pangan masyarakat. Oleh yang demikian HIPSI membentuk satu jaringan kelompok peladang bersepadu *(integrated farm cluster)* seperti budidaya bebek pedaging dan budidaya ayam pedaging dengan lokasi pemasaran Surabaya dan Jakarta, rumah pemotongan ayam, pengiriman 5,000 liter setiap hari susu segar ke Green Field, budidaya kambing etawa, kripik singkong, ladang plasma jagung, budidaya ikan keli sangkuriang, pengolahan pelbagai macam buah-buahan untuk dijadikan kerepek buah.

Gambar 5.21. Bengkel budidaya ikan keli sangkuriang. Sebelah kiri peserta bengkel dari pelbagai pesantren mengambil gambar di atas kolam ikan keli dan sebelah kanan santri Pesantren al-Yasini menimbang ikan keli selepas dituai. (lokasi: Pesantren al-Yasini Areng-Areng. Tarikh: 15/07/2012. Kod rekod: Dokumen Pesantren al-Yasini.)

Selain daripada itu untuk meningkatkan produktiviti pertanian HIPSI memiliki beberapa stategi iaitu dengan meningkatkan kemahiran sumber manusia melalui latihan-latihan seperti yang telah dijelaskan di atas, perluasan bahan pertanian dengan meneroka tanah mati serta kepelbagaian tanaman pangan. Dalam hal ini HIPSI bekerjasama dengan Kutai Timber Indonesia Sdn.Bhd (KTI),

Sumitomo Forestry Co., Ltd dari Jepun, perum perhutani,[773] Koperasi Jaya Bersama dan 6 Lembaga Masyarakat Desa Hutan (LMDH) Kecamatan Sempol Wilayah Bondowoso Jawa Timur iaitu LMDH Sempol di kampung Sempol, LMDH Pedati Lestari Jaya di kampung Kalisat, LMDH Sumber Rezeki di kampung Sumber Rejo, LMDH Gunung Sayur di kampung Kalianyar, LMDH Spirit Ijen di kampung Jampit dan LMDH Kali Sengon di kampung Kali Sengon. Menguruskan lebih kurang 17.668 Ha, dengan sistem Pengurusan Hutan Berasaskan Masyarakat (PHBM). Usaha ini bertujuan untuk mewadah kepentingan masyarakat dalam upaya membina hutan kembali, membangun Desa, mengurangkan kemiskinan melalui terbukanya peluang kerja dan peluang usaha di bidang agrobisnis yang berterusan.

Dalam pelaksanaannya KTI Sdn. Bhd bersama Sumitomo Forestry Co., Ltd bertangung jawab menanam pokok sengon dan pokok balsa di tanah seluas 17,668 Ha dengan pembahagian keuntungan 50%, pihak perhutanan menyediakan tanah dengan keuntungan 40% manakala HIPSI, LMDH dan Koperasi Jaya Bersama mendapatkan 10%.[774] Sekalipun HIPSI dalam hal ini tidak mendapatkan keuntungan yang banyak dalam material, melainkan peranan HIPSI dengan menyalurkan idea serta pengasas pemanfaatan lahar terbiar merupakan cita-cita sesuai dengan visi misi penubuhan HIPSI iaitu mencipta kampung yang subur, petani unggul, santri berbudi luhur dan masyarakat bersyukur. Matlamat dari pembukaan tanah terbiar ini iaitu untuk memperkasakan masyarakat pingiran hutan

[773] Perum perhutani merupakan salah satu syarikat milik Negara Indonesia yang bergerak di bidang perhutanan khasnya di pulau Jawa dan Madura, perum ini memikul tugas serta wewenang untuk menyelengarakan kegiatan pengurusan Sumber Hutan (SDH) dengan memperhatikan aspek pengeluaran, ekonomi, sosial dan aspek alam sekitar. Lihat, admin,"Sejarah Perusahaan" laman sesawang *Perhutani*, dicapai 17 Ogos 2014. http://bumn.go.id/perhutani/halaman/47.

[774] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

University of Malaya

yang tidak memiliki pekerjaan tetap sekaligus membuka peluang pasaran sebesar-besarnya dalam skala nasional mahupun antarabangsa.[775]

Hingga bulan Mac 2014 pasukan kerja seramai 350 orang dari penduduk setempat telah merealisasikan penggunaan sumber tanah sebanyak 100 ha yg terdiri 50 Ha dengan tanaman balsa dan 50 Ha tanaman pokok sengon, selanjutnya pada bulan November hingga Disember mensasarkan sebanyak 500 Ha Tanaman Balsa dan Sengon serta tanaman hortikultura (*Agro-Horticulture)* sebanyak 300 ha. Mengikutkan perkembangan terakhir pada 15 Juni 2014 tanaman singkong gajah, gubis, dan kentang telah ditanami di bawah pokok sengon dan balsa tersebut.[776]

Gambar 5.22. Aktiviti penerokaan hutan terbiar dengan tanaman *horticulture*. Sebelah kiri lebih kurang 300 masyarakat Bondowoso Jawa Timur berangkat ke hutan dan sebelah kanan para masyarakat membawa bibit balsa. (lokasi: Hutan Kawah Ijen Bondowoso Jawa Timur. Tarikh: 07/04/2013. Kod rekod: Dokumen Pesantren al-Yasini.)

5.5.3. Pesantren Moden Gontor Ponorogo

Pesantren Gontor yang terletak di tengah masyarakat perkampungan Gontor memiliki tanggung jawab sosial terhadap keadaan masyarakat sekitarnya. Sama ada tanggung jawab itu dalam bentuk spiritual, pendidikan, keamanan mahupun

[775] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.
[776] Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

Universiti Malaya

ekonomi. Hampir seluruh kegiatan ekonomi di Pesantren Gontor bermatlamatkan sebagai medium pembelajaran bagi santri junior dan santri senior sekaligus padang perjuangan mencari keberkatan rezeki bagi masyarakat sekitar Gontor, dengan mottonya; pesantren mesti dibela dan diperjuangkan, maslahah pesantren di atas maslahah individu, pesantren berdiri di atas dan untuk semua golongan. Perkara ini berlaku kerana dari tarikh 12 Oktober 1985, Pesantren Moden Gontor diwakafkan oleh pengasasnya kepada umat Islam di seluruh dunia. Pada waktu itu harta wakaf milik Pesantren Gontor hanya terdiri dari 1.740 hektar tanah kering, 16.851 hektar tanah basah dan hanya 12 buah bangunan asrama serta masjid.[777] Akan tetapi selepas diwakafkan sekarang tanah wakaf milik Pesantren Gontor telah mencapai 747.27 hektar dan memiliki 16 cawangan pesantren yang tersebar di Indonesia.[778]

Walau bagaimanapun perhatian pesantren kepada ekonomi masyarakat sekitar juga sentiasa mendapat bahagian tersendiri. Pelbagai cara telah dilakukan oleh Pesantren Gontor untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat sekitar pesantren. Iaitu melalui beberapa bentuk usaha *pertama*, Menyiapkan sumber manusia dengan memberikan latihan-latihan mahupun seminar-seminar, dalam hal ini pelatih dibahagikan menjadi dua iaitu untuk santri lepasan Pesantren Gontor dan pelatih untuk masyarakat. *Kedua*, memperkasakan masyarakat melalui penyertaan aktiviti ekonomi di pesantren. *Ketiga*, memberikan bantuan modal kepada usahawan kecil. *Keempat*, pengoptimuman sektor pertanian sebagai usaha pengawalan pangan.

Langkah *pertama* yang dilakukan pihak pesantren iaitu memberikan latihan kepada para santri senior untuk mengenalpasti masalah sosial yang wujud dalam

[777] Abdullah Syukri Zarkasyi, *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* 71.
[778] Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013*, 21.

University of Malaya

masyarakat. Hal itu kerana, merupakan orientasi pendidikan di Pesantren Gontor adalah kemasyarakatan. Sehingga sejak tahun 1988 Gontor menubuhkan Pusat Pelatihan Manajemen dan Pengembangan Masyarakat (PLMPM), dengan harapan dapat menyiapkan santri yang berdikari dalam bidang pembangunan masyarakat dan perniagaan. Para santri menjadi pendakwa yang berdikari ekonominya, mampu menjadi penyelesaian pelbagai masalah di tengah masyarakat.[779]

Dalam pelaksanaan program ini berjalan selama 9 bulan yang diadakan setiap tahun bermula dari bulan Syawal hingga bulan Rajab dengan bilangan peserta setiap tahun lebih kurang 40 peserta dari lepasan santri KMI Gontor Putera.[780] Beberapa program latihan di PLMPM diantaranya meliputi kegiatan di dalam kelas dan di luar kelas. Kegiatan di dalam kelas seperti; (1). Seminar-seminar dengan kajian tentang mendalamkan pengetahuan pesantren, wasiat pengasas Pesantren Gontor, penjelasan tentang organisasi dan perlembagaan dalam masyarakat. (2). Motivasi pencapaian latihan (*Achievement Motivation Trainning)* yang ditujukan untuk memberikan motivasi diri dan merubah pola pemikiran yang negatif. (3). Latihan menjadi imam dengan menggunakan metod *Participatory Rural Appresure (PRA)*, yakni satu kaedah mudah untuk mengetahui daerah yang belum memiliki imam masjid. (4). Pengurusan perniagaan yang merangkumi pengurusan syarikat, pengurusan pemasaran, manajemen pengeluaran, pengurusan kewangan, pengurusan perakaunan dan pengurusan sumber manusia. (5). Perkembangan masyarakat dengan mengenalkan tentang pergolakan ideologi-ideologi yang berkembang dalam masyarakat, memahamkan tentang perilaku

[779] Admin "Kepemimpinan generasi kedua", Laman sesawang *Gontor News,* dicapai 18 Ogos 2014, http://www.gontor.ac.id/kepemimpinan-generasi-kedua

[780] Asrori. S. Karni, *Etos Studi Kaum Santri Wajah Baru Pendidikan Islam,*(Bandung: Mizan Pustaka, 2009), 244.

University of Malaya

masyarakat, melatih keterampilan berdakwah dan melatih perkembangan kepemimpinan.[781]

Selepas para pesantren mendapat latihan di dalam kelas lebih kurang 3 bulan, seterusnya para peserta diwajibkan mengikuti pelatihan di luar kelas lebih kurang selama 45 hari iaitu dengan cara bergabung di lembaga-lembaga dakwah masyarakat, organisasi masyarakat, NGO Islam *(Non Government Organisation),* Panti asuhan, dan Yayasan Yatim Piatu seperti; di Panti Asuhan Yatim Muhammadiyah Bojonegoro, Panti Asuhan Yatim Aisyiah Bojonegoro, *Islamic Centre* Gontor, Lembaga Pengembangan Teknologi Pertanian (LPTP) Surakarta, Yayasan Mardlatillah Sukoharjo, Islamic Centre Borobudur (ICB) Magelang, Yayasan Mustadh'afin Panti Asuhan dan pondok pesantren Bina Insani Sleman, Yayasan Corps Dakwah Pedesaan Jogjakarta, Pos Keadilan Peduli Umat Jogjakarta, Yayasan Nida'u al-Fitrah Surabaya. Program ini memiliki matlamat supaya para peserta dapat berlatih dan memahami metod dakwah secara langsung dan berkesan. [782]

Kemudian selepas latihan di luar kelas para peserta diwajibkan berkhidmat ke masyarakat lebih kurang selama 3 bulan penuh. Program ini ditujukan unuk mengenalpasti masalah-masalah yang ada dalam masyarakat, kemudian permasalahan tersebut diselesaikan secara bersama-sama dengan masyarakat. Para peserta dibahagikan ke 14 dusun di 2 kampung. Di setiap dusun seramai 7 kumpulan dan setiap kumpulan terdiri dari 3-4 santri. Termasuk tugas mereka iaitu

[781] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[782] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

membina para pemuda kampung, menubuhkan kelas belajar al-Quran, mengisi majlis ilmu, bertanggung jawab untuk menjadi imam dan khotib solat Jumaat. Kemudian selepas selesai program khidmat masyarakat peserta dibahagikan menjadi 6 kumpulan untuk mengunjungi dan membuat kajian perbandingan ke syarikat-syarikat yang telah berkembang dan maju. Termasuklah peserta turut serta bergabung membantu dan membuat pengamatan di syarikat-syarikat tersebut lebih kurang selama 20 hari.[783]

Selepas peserta mendapatkan bekalan pengetahuan dan pengalaman dalam perniagaan, maka lebih kurang 2 bulan setiap peserta akan mengikuti amalan sebenar usaha berdikari atau Usaha Mandiri (UM), iaitu dengan cara menugaskan mereka kepada pasaran dengan memulakan usaha niaga ekonomi mengikut bakat dan keingginan mereka tanpa pemberian modal wang dari pengurus.[784]

Disamping memberi latihan untuk para santri, setiap bahagian dalam usaha ekonomi milik pesantren juga sentiasa memberikan latihan kepada para pekerja dari kalangan masyarakat sekitar. Termasuklah isteri guru senior di Islamic centre juga memiliki jadual khas untuk mengajarkan kepada ibu-ibu masyarakat sekitar cara membuat kek dan pelbagai macam makanan yang dikongsikan secara bersama, hasil daripada latihan tersebut sebahagian dijual di kedai pesantren dan sebahagian untuk dimakan sendiri. Termasuk pelatihan-pelatihan secara individu seperti isteri

[783] Encik Muhammad Hakimi al-Azizi (Pengusaha cendawan tiram bekas peserta latihan di PLMPM Pesantren Gontor Ponorogo tahun 2007 di Distributor Centre Gontor), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

[784] Encik Muhammad Hakimi al-Azizi (Pengusaha cendawan tiram bekas peserta latihan di PLMPM Pesantren Gontor Ponorogo tahun 2007 di Distributor Centre Gontor), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

guru senior yang sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada para pembantunya dalam pembuatan pelbagai jenis makanan.[785]

Selain daripada itu latihan untuk masyarakat juga selalu diadakan ketika pelajar Perguruan Tinggi Gontor melaksanakan pengabdian masyarakat atau Kuliah Kerja Nyata (KKN) selama 1 bulan penuh di perkampungan-perkampungan sekitar Pesantren Gontor. Dalam pelaksanaannya selain para pelajar membuat aktiviti keagamaan di masjid-masjid seperti menjadi imam solat tarawih, khotib jumaat, membuka kelas-kelas bimbingan baca al-quran, kelas bahasa Arab, kelas bahasa Inggris mahupun aktiviti sosial seperti membersihkan fasiliti awam, mengecat masjid dan mushola, membuat ekspo pengguna dengan pemberian potongan harga yang lumayan dan perubatan percuma. Di samping itu juga diadakan latihan-latihan mahupun seminar untuk masyarakat. Seperti latihan pembuatan bakso La-Tansa, latihan mengambil gambar, latihan komputer dan pengunaan internet, latihan mentaip dengan mesin taip, latihan pembuatan kek Bakery La-Tansa, latihan cara efektif mengajar al-Quran, latihan pengubatan mengikut sunah Nabi iaitu bekam dan rukyah mahupun seminar tentang pengenalan BMT dan seminar keluarga sakinah.[786] Nampaknya melalui program pelatihan-pelatihan inilah usaha pesantren untuk meningkatkan kualiti sumber manusia yang sempurna, sama ada kualiti profesional mahupun kualiti moral.

Usaha yang *kedua* iaitu dengan cara memperkasakan masyarakat melalui penyertaan seluruh aktiviti ekonomi di pesantren. Perkara ini merupakan salah satu strategi Pesantren Gontor untuk mengurangkan kadar pengangguran masyarakat

[785] Ustazah Fahimah, S.Pd.I (Guru Besar di Hadlonah Darussalam Gontor Centre di Pejabat Hadlonah Darussalam Gontor Centre), dalam temubual dengan penulis, 27 Mei 2014.
[786] Gontor News, " Bina Masyarakat ISID Selengarakan KKN", Laman Sesawang *Gontor News,* dicapai 25 Mei 2014, http://www.gontor.ac.id/berita/bina-masyarakat-isid-selenggarakan-kkn-di-kauman

University of Malaya

sekitar, dengan melibatkan penduduk sekitar dalam seluruh kegiatan ekonomi pesantren, maka secara tidak langsung pesantren telah menyediakan lapangan pekerjaan bagi masyarakat. Sebagaimana temubual bersama kepala kampung Gontor Bapak Suroso.

> Pondok ini tidak berhenti dalam membangun, maka untuk tenaga pembangunan saja 50 % karyawan dan karyawatinya dari masyarakat Gontor… . Yang tukang kayu, tukang batu sampai arsiteknya itu saefuddin yang sudah mungkin hampir 25 tahunan juga dari Gontor… .apa namanya gajian, atau untuk hidup mereka itu sumbernya dari pondok, mereka tidak menarget sekian upahnya tapi yang penting barakahnya. Kalau cuman pekerjaan ya banyak diluar sana, tapi masyarakat sini lebih suka cari keberkahannya. Ibarat mata air sumber, kata bapak pendiri pondok itu nyambut gawe nyang pondok iku oleh sumber tangis ora sumber duwel. Maksudte sumber tangis itu sumber air yang keluar terus airnya biarpun sedikit, tapi kalau sumber duwel itu sumber yang itu lho, mak krempul ada kadang-kadang enggak ada, itu mbah sahal mengumpamakan seperti itu. Titik tapi setiap dino entok ora akeh tapi sebulan pisan…. Yang lainnya kayak penatu, itu semua pakaian anak-anak dicuci orang kampung semua. Tukar cukur yang modal utel-utel kata pak syukri aja bisa ngopeni anak bojo. Kalau perkepala 3 ribu kalau dikalikan emapt ribu lima ratus terus dibagi orang lima dan itu setiap bulan santri wajib potong rambut coba sudah berapa ?… . penyetor lauk pauk di warung Walapa itu juga banyak orang Gontor dan termasuk mboke-mboke itu yang mbantu bapak guru itu semuanya orang-orang sini aja… . percetakan gontor juga berapa orangnya ? tukang ojek, dokar, ojek wae ada tiga tempat to. Belum lagi yang kerja di pos-pos pondok kayak konveksi, air minum, pabrik roti. Belum lagi yang menyewakan motornya untuk bapak-bapak guru kalau perlu. Termasuk kalau pertanian yang nyewa tanah punya pondok juga banyak. Wes kalau dihitung-hitung semua masyarakat sini enggak ada yang enggak ada hubungan dengan pondok. (Kod Temubual: D-6; Kod Rekod: 140522_007.AVI.)[787]

> Pesantren Gontor tidak pernah berhenti dari pembinaan bangunan, maka untuk pekerja dalam pembinaan sahaja lebih kurang 50 peratus daripada masyarakat kampung Gontor… . Dari tukang kayu, tukang batu sampai arkiteknya iaitu Saefuddin yang telah bekerja di pesantren lebih kurang 25 tahun juga daripada masyarakat Gontor ... . selepas habis bulan, atau untuk menyara keperluan hidup mereka sumbernya dari pondok, mereka tidak menyasarkan jumlah upahnya tapi yang penting barakahnya. Kalau hanya mencari pekerjaan sahaja mungkin di luar pesantren banyak, akan tetapi masyarakat lebih suka mencari

[787] Bapak H.Suroso, S.Ag (Kepala Desa Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2014.

> keberkatan rezeki. Ibarat mata air pesantren adalah sumber air kata pengasas Pesantren Gontor. Bekerja di pesantren itu akn mendapat penghidupan yang sedikit akan tetapi berlanjutan, bukan sekali dapat tetapi esok harinya habis untuk dimakan... . pekerjaan yang lain seperti dobi hampir seluruh pakaian santri dibasuh oleh masyarakat sekitar. Pekerja cukur rambut santri, mampu mencukupi seluruh keperluan keluarganya. Apabila upah cukur perkepala sahaja Rp 3,000.00 atau RM 1 di kalikan dengan jumlah santri 4,500 orang sudah berapa ? ... . belum lagi penjual hidangan lauk pauk di gerai walapa dan termasuk ibu-ibu yang membantu membuat kek di rumah-rumah guru senior juga daripada masyarakat sekitar... . pekerja di percetakan Gontor, teksi motosikal, bendi (kereta kuda beroda dua). Teksi motosikal sahaja ada tiga tempat. Belum lagi yang bekerja di usaha-usaha ekonomi pesantren seperti di konveksi, kilang pembuatan air minum, kilang roti. Disamping itu ada juga masyarakat yang menyewakan motosikal untuk guru-guru serta ramai dari kalangan masyarakat yang menyewa tanah milik pondok untuk bertani. Sehingga hampir seluruh masyarakat memiliki hubungan ekonomi dengan pesantren.

Melalui temubual bersama ketua kampung Gontor di atas difahamkan bahawa sumber mata pencarian ekonomi masyarakat Gontor hampir seluruhnya bergantung kepada pesantren. Sekalipun pesantren tidak banyak memberikan upah, akan tetapi kesinambungan daripada pendapatan masyarakat mampu menyelesaikan permasalahan ekonomi. Disamping itu kefahaman masyarakat terhadap makna keberkatan rezeki telah membawa mereka dalam pengaturan kewangan dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana rezeki yang berkat bermaksud rezeki yang dibelanjakan di jalan yang benar terhindar dari sifat membazir dan diperoleh dengan cara yang benar. Beberapa usaha ekonomi yang melibatkan masyarakat kampung Gontor iaitu pembinaan bangunan, potong rambut, penerbitan, kilang kek, kilang ais krim, kilang selipar, kilang pembungkusan air minum, konveksi pakaian, dobi pakaian, teksi motosikal, pemasuk lauk di kedai makanan, wisma Darussalam, Tempat Pembuangan Sampah (TPS), penyewa tanah milik pesantren. Sesuai dengan temubual pengkaji bersama penanggung jawab koperasi pesantren,

University of Malaya

masyarakat sekitar mahupun pekerja dari kalangan masyarakat di beberapa bahagian usaha ekonomi.

1. Temubual bersama penanggung jawab koperasi pesantren.

> Banyak usaha sudah kita lakukan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Gontor. kalau kamu perhatikan pesantren ini tidak pernah berhenti dalam membangun, bahkan kita sampai kesusahan mencari pekerja. Kenapa karena hampir semuanya terlibat dengan kegiatan pondok. Coba banyangkan dari tukang cuci pakaian santri saja sudah berapa masyarakat yang terlibat. Tukang cukurnya, yang di pembangunan, di percetakan aja ada 35 orang, pabrik roti 10 orang, di armila lagi juga 10an orang, belum lagi di perkulakan, di slep, dan di unit-unit usaha lain. Maka di masyarakat gontor sini ekonomi lumayan semuanya… Kalau yang pasti saja ada 300an orang. Kalau buka bersama saja untuk karyawan pembangunan saja sampai 250an. Belum lagi yang menyewa tanah pondok. Di ponorogo aja ada 29 hektar yang kita sewakan. Kalau satu hektar ada 7 keluarga sudah berapa. Jadi ya Alhamdulillah. (Kod Temubual: C-3; Kod Rekod: 140624_004.AVI.)[788]
>
> Pelbagai langkah telah kita lakukan untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Gontor. seperti pembinaan bangunan yang tidak pernah berhenti bahkan pihak pesantren terlalu sukar mencari pekerja daripada masyarakat. Oleh kerana hampir semua lapisan masyarakat terlibat dengan kegiatan ekonomi pesantren. Cuba anda fikirkan mulai dari bahagian dobi pakaian santri, yang membantu di pembinaan bangunan, di penerbitan ada 35 orang, di kilang kek ada 10 orang, di kilang air minum ada 10an juga, belum lagi di kedai borong, di kilang penggilingan padi, dan di usaha ekonomi yang lainnya. Oleh yang demikian masyarakat sekitar bercukupan ekonominya… . Jumlah pekerja tetap lebih kurang 300an orang. Hal itu nampak ketika jamuan berbuka puasa bersama untuk pekerja pembinaan bangunan mencapai 250an orang. Karyawan tersebut tidak termasuk masyarakat yang menyewa tanah milik pesantren. Di Bandar ponorogo sahaja ada 29 hektar yang kita sewakan ke masyarakat untuk meningkatkan ekonomi mereka. Apabila satu hektar sawah disewa oleh 7 keluarga, maka setidaknya telah ramai masyarakat yang mendapatkan manfaat dari pesantren.

2. Temubual berasama pekerja di bahagian konveksi pakaian.

> Kulo medamel teng mriki sampun 13an tahun mulai bukak konveksi… sak derengi kulo kerjo teng meriki kulo kerjo teng ngriyo. Kerjo biasa-biasa mawon namun njahit damel piyambak. Lanak wonten seng mesen ngeh didamel lanak mboten ngeh kadang buruh

[788] Ustaz Suraji Badi', S.Ag (Pengerusi Koperasi Pondok Pesantren Gontor di rumah kediaman beliau), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2014.

University of Malaya

tani… . teng meriki nak mboten salah wonten tigan doso sekawan pekerja, seng jaler namun sekitar enem sanesipun tiang seteri sedoyo… . Alhamdulilah teng meriki ngeh lumayan, mboten ketang sekedik tapi ngeh alhamdulillah… maksute angsal arto lan angsal perhatian saking ustaz lan ustazah. Terus ngeh remen mawon rasane lanak medamel teng meriki, soale pripun ngeh kados diwongke. Kadang ngeh pripun ngeh seneng mawon rasane, jahitane kulo kok engge lare-lare saking pundi-pundi… . Alhamdulillah pengajian ngeh wonten, biasane dinten rebo kaleh dinten sabtu. Diajari solat, diajari ngaji. Kadang lanak wonten waktu luang biasane ngeh ngaji. Tapi seng pasti ngeh dinten niku wau. (Kod Temubual: E-12; Kod Rekod: 140604_006.AVI.)[789]

Saya bekerja di bahagian konveksi milik pesantren lebih kurang 13 tahun sejak bahagian ini ditubuhkan. Sebelumnya saya bekerja sendiri di rumah hanya menjahit untuk keperluan peribadi dan kalau ada orang yang menempah sahaja. Sekiranya tidak ada, maka saya menjadi buruh tani di ladang orang… . yang bekerja di sini lebih kurang ada 34 pekerja, 6 lelaki dan lainnya perempuan… . Alhamdulillah selepas bekerja di sini, pendapatan saya jelas dan berlanjutan… Mahu tetap bertahan untuk bekerja di sini kerana banyak yang saya dapatkan. Dari material berupa wang mahupun perhatian dari kalangan ustazah-ustazahnya. Seronok kerja di sini, sebab kita dimanusiakan. Disamping itu kita juga merasakan kebahagiaan sendiri ketika melihat hasil jahitan kita dipakai oleh santri yang berasal dari pelbagai daerah… Alhamdulillah majlis ilmu sentiasa ada, selalunya setiap hari Rabu dan hari Sabtu. Kita dituntun cara solat, membaca al-quran. Sekiranya ada waktu kosong kita membaca al-quran juga kepada ustazah.

3. Temubual bersama pekerja di bahagian penerbitan.

Kulo teng meriki saking tahun 83 sejak kakake pak trisno terus pak makruf seng dados direktur teng assalam… . Ngeh masyarakat mriki kan riyen mboten wonten damelan seng tetap, dados mbah zar niku perhatiane dumateng masyarakat luar biasa. Kados kito-kito niki seng mboten wonten kelulusan diajari medamel, kawit riyen percetakan dereng gadah mesin tasih mbeto sit tangan seng diputer niko, terus diajari carane mbesut, motong, nyusun… .biasane kawet jam wolu niko mbah zar sampun ngajari… . jaman riyen niku nyenengke tiang sepuh niku gadah damelan mboten turu teng ngriyo niku bahagia pak, masalah bayare niku mboten mikir. Jaman riyen niku bayare sedinten taseh satus selawe rupiah. Damel tumbas maem sedinten tasih siso selangkung ripes… . kulo bangga mawon, sak niki gadah yugo teng Mantingan. Sampek nagis lan terharu kulo nembe sadar lanak buku-buku seng didamel lare kulo niku ternyata cetakan kulo, lah nikulah mulane tambah mantep, nikmat lan bersyukur kulo saget mbantu

[789] Ibu Sumiyatun (Masyarakat mantingan dan salah seorang pekerja di konveksi mantingan di Pejabat konveksi Gontor puteri), dalam temubual dengan penulis, 04 Jun 2014.

University of Malaya

pondok dugi sak niki… . ibuk kulo ngeh tukang setor jajan teng walapa, kawer jaman riyen kawit kulo alit. Ngeh namung saking setoran niku mawon seng didamel ngedekke anak-anake. Lanak bapak kulo ngeh termasuk ansor pondok niki ngean murid pertama teng TA. Bagian pados murid mbeto alat ojrot niku. Ayo sekolah nyang ngontor enggak usah wedi. (Kod Temubual: E-13; Kod Rekod: 140524_014.AVI.) [790]

Saya bekerja di sini sejak tahun 1983 dari zaman abangnya ustaz Sutrisno (salah seorang guru senior di Gontor) ustaz Ma'ruf (salah seorang pengasuh di pesantren As-Salam Ponorogo).. . secara keseluruhan masyarakat sekitar Pesantren Gontor ramai yang menganggur pada masa itu, akan tetapi besarnya perhatian kiai Zarkasyi terhadap masyarakat para pemuda yang tidak memiliki kelulusan dibimbing dan dibagi tunjuk ajar serta diberikan pekerjaan di pesantren. Seperti di bahagian penerbitan yang sebelumnya tidak wujud, diwujudkan bahagian ini agar memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat sekitar… . selalunya mulai pukul 8 pagi Kiai Zarkasyi telah memberi tunjuk ajar kepada para pekerja daripada masyarakat seperti cara memotong kertas, menyusun dan mengoperasikan peralatan… . sekalipun gaji pada waktu itu tidak begitu besar hanya Rp 125.00 atau lebih kurang 3 sen cukup untuk membeli makan satu hari. Akan tetapi tidak menjadi penganggur merupakan satu cara membahagiakan orang tua… . alhamdulillah saya bangga dan bersyukur telah memiliki anak perempuan yang belajar di Gontor Puteri dan ternyata kitab-kitab yang dipelajari merupakan hasil daripada kerja kami. Sehingga kami bertambah kenikmatan dalam bekerja dan bersyukur dapat membantu pesantren… . ibu saya juga hanya seorang penjual lauk pauk di kedai makanan milik pesantren, hasil dari penjualan itulah untuk memenuhi seluruh keperluan hidup keluarga dan anak-anaknya sejak kami kecil lagi. Manakala bapa saya juga termasuk pembantu pesantren yang bertugas mempromosikan pesantren dengan alat musik klasik ojrot. "mari belajar ke pesantren jangan takut".

4. Temubual bersama ketua pemuda karang taruna *(youth club)* kampung Gontor

Alhamdulillah dengan adanya pondok desa Gontor bisa lebih maju, dikenal orang. Paling tidak ya kita tukang ojek mendapat cipratan berkah… . Bantuan dari pondok juga banyak, setiap ada even apa gitu pondok pasti membantu, contohnya kayak desa buat acara tujuh belasan atau maulid Nabi, atau untuk kegiatan-kegiatan kemasyarakatan. Kalau dana dari masyarakat itu terkumpul 20 juta maka pondok akan bantu 20 juta juga… . yang ramai biasanya waktu-waktu pendaftaran, waktu santri masuk bulan Syawal. Kalau mingguan biasanya hari jumat waktu santri libur… .biasanya kita

[790] Bapak Suwito (Masyarakat kampung Gontor dan salah seorang pekerja di penerbitan Darussalam Press di kediaman rumah beliau), dalam temubual dengan penulis, 24 Mei 2014.

kalau ada apa-apa selalu kordinasi dengan pengasuhan santri. Jadi boleh dibilang kita tangan kanannya pondok untuk masyarakat… Alhamdulillah cukuplah hasil dari ngojek, yang membuat cukup dan kurang itukan kita sendiri. Sebab kalau kita ngelihat orang lain yang lebih dari kita ya kita pinggin lebih kayak mereka tapi itukan belum tentu sesuai dengan kita. (Kod Temubual: D-7; Kod Rekod: 140524_002.AVI.) [791]

Alhamdulillah dengan wujudnya pesantren, kampung Gontor menjadi maju dan ramai orang tahu kampung Gontor. Setidaknya membuka satu peluang pekerjaan bagi pemandu teksi motosikal dan bendi (kereta kuda beroda dua)… banyak bantuan yang telah diberikan pesantren termasuk ketika ada acara seperti menyambut hari kemerdekaan Indonesia, peringantan Maulid Nabi dan kegiatan kemasyarakatan. Apabila masyarakat mengumpulkan wang sebanyak 20 juta, maka pesantren juga akan membantu 20 juta… . Selalunya pangkalan teksi motosikal ramai pelanggan pada waktu-waktu pendaftaran pelajar baru, semasa bulan Syawal. Manakala untuk mingguan selalunya hari jumaat dan waktu satri cuti… . jika ada masalah kita selalu buat penyelarasan dengan bahagian pengasuhan santri… . Alhamdulillah pendapatan dari memandu teksi motosikal cukup untuk memenuhi keperluan harian. yang menjadikan cukup dan kurang adalah diri kita sendiri.

5. Temubual bersama pekerja di kilang kek.

Medamel teng meriki sejak mulai pabrik roti niki didirikan awal 2003… . teng meriki wonten sedoso tiang. Awalnya pengin cari pengalam kerja, tapi setelah sebulan kok enak suasanya, kita diajari kerja, diajari solat, diajari ngaji, orang-orangnya baik-baik semua. Terus dikasih tahu di sini kerja tidak nyari uang tapi mbantu pondok, maksudnya bekerja sambil ibadah… usia kulo masuk meriki sekitar umur 26 tahun. Alhamdulillah sudah berkeluarga punya satu anak dapat orang Gontor. selain kita dapat mengenal agama, kan dulu dulu banyak karyawan yang enggak tahu agama atau cuman dikit-dikit. Dulu solatnya kalau mau saja, tapi di sini solatnya berjamaah terus lima waktu. Jadi ya kita tambah sadar dan sedikit demi sedikit kita juga enggak cepet emosi…jadi niatnya kita ya berubah kalau dulu awalnya pingin ngumpulin duit untuk beli motor untuk ini untuk beli itu, tapi sekarang lain bir sedikit yang penting berkah. Buktinya sekarang saya ya insyaAllah dan Alhamdulillah cukup untuk memenuhi kebutuhan keluarga. (Kod Temubual: E-14; Kod Rekod: 140522_002.AVI.) [792]

Saya bekerja di kilang ini sejak kilang ini ditubuhkan pada awal tahun 2003… . semua staf ada 10 orang. Awal mulanya hanya ingin mencari

[791] Bapak Terimo (Ketua Karang Taruna dan salah salah seorang pemandu teksi motosikal di tempat pangkalan satu teksi motosikal pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 24 Mei 2014.
[792] Encik Hadi (Salah seorang remaja yang bekerja di kilang kek dari masyarakat Gontor di kilang kek pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2014.

University of Malaya

> pengalaman kerja, tapi selepas berkerja satu bulan terasa selesa jadi saya bekerja sampai sekarang. Di sini kita dibagi tunjuk ajar bagamana cara bekerja, dibimbing cara solat, membaca al-Quran dan para guru-gurunya baik-baik. Disamping itu di sini juga dinasihatkan bahawa bekerja bukan hanya mencari wang tetapi membantu pesantren yang sekaligus bernilai ibadah… .kalau dari kita dulu solat itu apabila kita mahu sahaja, akan tetapi di sini kita sentiasa diingatkan dan solat lima waktu secara berjama'ah. Sehingga kesedaran dan kefahaman tentang agama itu sentiasa bertambah… . niat kita berkerja sudah berubah, jika dahulu mencari wang untuk membeli motorsikal atau membeli ini dan itu, melainkan sekarang niat kita bekerja untuk ibadah walaupun sedikit tetapi membawa keberkatan. Terbukti saya yang sudah punya isteri dan anak seorang cukup untuk memenuhi keperluan harian.

Daripada temubual di atas difahamkan bahawa ada beberapa cara dan pendekatan yang telah dilakukan pesantren untuk membawa perubahan sosial ekonomi yang ada di masyarakat.

1. Pengurangan pergantungan kepada dunia luar pesantren iaitu dengan cara memenuhi seluruh keperluan sendiri di pelbagai sektor ekonomi *(economic protection).* Langkah ini membawa terbukanya lapangan pekerjaan bagi masyarakat sekitar pesantren.
2. Penglibatan pelbagai unsur masyarakat dalam kegiatan ekonomi di pesantren yang membawa kestabilan ekonomi masyarakat. Pengoptimuman ini meningkatkan nisbah kaum pekerja berbanding dengan jumlah penduduk. Sehingga tidak dijumpai penduduk dalam kategori tenaga kerja dan mereka tidak bekerja. Bahkan pesantren sudah mula susah mencari pekerja daripada masyarakat sekitar.
3. Menanamkan kefahaman tentang konsep tazkiyah untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat. Didapati bahawa kesedaran masyarakat tentang nilai dan matlamat dari bekerja sebagai ibadah, mencari keberkatan dan tanggung jawab khalifah Allah. Perkara ini telah membawa perubahan sosial di masyarakat

University of Malaya

dalam mengatur kewangan mahupun keyakinan bahawa penentu dan pemberi rezeki adalah Allah S.W.T. sahaja.

4. Penyelarasan kepada melatih untuk meningkatkan prestasi para pekerja. Didapati bahawa aktiviti melatih sumber manusia telah bermula sejak bekerja dan diteruskan sepanjang perkhidmatan. Dengan latihan kemahiran pekerja akan meningkat, dan dengan meningkatnya kemahiran prestasi dan produktiviti juga akan meningkat.
5. Adanya perhatian secara moral dan material dari ustaz dan ustazahnya sehingga mewujudkan suasana yang menyeronokkan di kalangan pekerja. Oleh kerana salah satu punca kecemerlangan dalam organisasi adalah keseronokan bekerja. Terbukti ramai karyawan daripada masyarakat sekitar yang telah bekerja di pesantren dalam waktu yang begitu lama.

Gambar 5.23. Aktiviti masyarakat sekitar pesantren. Sebelah kiri para karyawan kilang kek tengah membuat kek. Sebelah kanan para ibu suri rumah tengah menjahit pakaian untuk santri. (lokasi: Kilang kek Pesantren Gontor di Mlarak Ponorogo. Tarikh: 30/04/2014. Kod rekod: IMG_3738. Dan lokasi: Kilang konveksi pakaian di Pesantren Gontor Puteri Mantingan Ngawi. Tarikh: 09/05/2014. Kod Rekod: IMG_4333).

Langkah *ketiga*, iaitu memberikan bantuan modal kepada usahawan kecil. Kelemahan modal menjadikan satu faktor terhambatnya pengunaan sumber alam, dan lemahnya pengunaan sumber alam menjadi faktor rendahnya produktiviti, dan

rendahnya produktiviti menyebabkan sedikitnya pendapatan. Oleh yang demikian Pesantren Gontor pada akhir tahun 2009 menubuhkan BMT La-Tansa di kampung Gontor dan diikuti awal tahun 2010 dengan menubuhkan BMT La-Tansa di kampung Siman, serta awal tahun 2011 himpunan alumni pesanatren Gontor (IKPM) menubuhkan BMT IKPM di kampung Balong.[793] Penubuhan BMT merupakan perhatian pesantren yang nyata kepada masyarakat dalam hal kewangan. Diharapkan BMT menjadi solusi dalam pemberian modal serta sebagai wadah perkhidmatan kewangan yang berasaskan syariah Islam. Secara tidak langsung dengan penubuhan BMT pula pesantren telah menyokong terwujudnya masyarakat yang berkualiti, sejahtera, aman dan terlepas dari praktik riba. Sesuai temubual pengkaji dengan pembantu kanan di BMT La-Tansa Gontor Siman.

> Kita baru ada dua kantor pemasaran di Siman dan di Gontor, pada akhir 2009 BMT Gontor resmi didirikan dan awal 2010 BMT Siman menyusulnya, sedangkan yang di bawah IKPM itu pada awal tahun 2011 di desa Balong… . Tujuannya ingin mengangkat ekonomi masyarakat sekaligus syiar pondok… . Strategi kita iaitu membuat laporannya simple, biaya berapa, biaya barang itu berapa. Misalnya pengemukan kambing, biaya harga kambing untuk beli diawal itu berapa. Biaya untuk proses pengemukan itu berapa. Misalnya selama 3 bulan. Biaya selama pengemukan berapa, terus hasil jual berapa. Barulah hasilnya dikurangi dengan biaya semuanya. Nah hasilnya dibagi hasil, biasanya antara 60:40 atau 65:35. Tapi itu masih bisa tawar menawar lagi…. Nasabah semuanya kalau digabung paling baru 1,000an. Kalau untuk yang mudhorobah itu baru 100an pelanggan… kendala kita memang tidak terjun ke pasar, tapi kita cuman promosi ke sekolah-sekolah ke institusi-institusi atau dari mulut ke mulut… . Dana dari zakat biasanya kita pakai untuk qardhu hasan. Biasanya untuk masyarakat yang memang tidak mampu dan keperluan itu mendadak kayak ke rumah sakit, untuk bayar SPP. Untuk pinjaman qardhu hasan paling tinggi satu juta lima ratus yang boleh diansur sampai 5 bulan. Tapi sekarang qardhu hasannya tidak ada… . Untuk jumlah penabung ya sebanyak jumlah peminjam, sebab kita wajibkan mereka untuk menabung. Jadi syarat untuk meminjam atau keanggotaannya 35 ribu, nah untuk menabung paling minim

[793] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

menabungnya 20 ribu. (Kod Temubual: C-11; Kod Rekod: 140526_001.AVI.) [794]

Setahu saya sejarah BMT ini, pak kiyai inggin membantu masyarakat yang sebelumnya dengan membuat koperasi maka ada inisiatif dari pak Suyoto itu untuk mendirikan BMT disamping membantu keuangan masyarakat juga sebagai syiar pondok… . Kalau yang menabung semuanya mencapai 1,100 nasabah yang terdiri daripada masyarakat sekitar Gontor dan sekitarnya. Jadi di sini setiap pembiayaan apa aja wajib punya tabungan di BMT. Tujuannya biar masyarakat itu ada kesadaran menabung dan punya simpanan… . untuk simpanan di sini kita bagi tiga iaitu simpanan umum nama istilah barakah terus simpanan khusus kayak tabungan mahir untuk pelajar dan mabrur untuk haji atau umroh, sama simapanan berjangka. Tapi yang paling banyak dari dulu yang tabungan umum…. .Pembiayaan kebanyakan di jual beli ketimbang mudhorobah. Jadi memang kita akan melayani seluruh keperluan masyarakat yang membutuhkan barang. Syaratnya g susah Cuma ktp, kk ditambah menyerahkan anggunan biasanya BBKB. (Kod Temubual: C-4; Kod Rekod: 140429_002.AVI.)[795]

Dari temubual tersebut difahamkan bahawa, salah satu cara untuk menarik minat masyarakat membuat pinjaman usaha iaitu dengan mempermudah pembuatan laporan kewangan bagi para peminjam dengan sistem mudhorobah mahupun musyarakah. Disamping itu pembahagian hasil yang ditawarkan kepada para pelanggan juga sangat adil dan boleh dibawa berbincang sehingga mencapai sebuah kesepakatan antara kedua belah pihak. Walau bagaimanapun transaksi mudhorobah dan musyarakah kurang mendapat perhatian daripada masyarakat. Kurangnya pengiklanan dan kefahaman masyarakat tentang konsep mudorobah dan musyarakah menjadi punca dari sedikitnya para pelanggan pada transaksi ini. Sehingga masyarakat lebih ramai memilih dalam pembiayaan murabahah yang mencapai Rp 1,242,360,600,- atau lebih kurang RM 414,120,- berbanding mudorobah dan musyarakah yang hanya Rp 9,326,800,- atau lebih kurang RM 3,109,-. Selanjutnya usaha pihak BMT Gontor juga sentiasa memotivasi

[794] Ustaz Anwar Fathoni, S.E.I (Koordinator di BMT Latansa SIMAN Pesantren Gontor di pejabat BMT Siman Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2014.

[795] Ustaz Bahtiar (accounting di BMT Latansa Gontor Pesantren Gontor di pejabat BMT Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2014.

University of Malaya

masyarakat untuk menabung, salah satu strateginya iaitu dengan mewajibkan setiap pelanggan untuk menabung dengan kadar minimum Rp 20,000,- atau lebih kurang RM 6,-. Sehingga difahamkan dari laporan kewangan di BMT Gontor jumlah tabungan masyarakat dari 1,000 pelanggan sebanyak Rp 1,030,027,000,- atau lebih kurang RM 343,342,- dan apabila dibuat purata setiap individu menabung sebanyak Rp 1,030,027,- atau RM 343,-.[796]

Selanjutnya Pesantren Gontor juga tidak hanya memberikan modal berupa kewangan sahaja, melainkan bagi para masyarakat yang telah memiliki usaha atau berminat untuk berlatih usaha pihak pesantren juga menyediakan gerai-gerai untuk perniagaan yang ada di pesantren. Disamping itu masyarakat juga diberikan tempat khas di kedai-kedai milik pesantren untuk memasarkan produk daripada masyarakat mahupun alumni pesantren. Sepertimana temubual bersama pembekal makanan daripada masyarakat dan pengasuh Pesantren Gontor Puteri Mantingan.

> Saya masukkan makanan kripik singkong kesini dari tahun 2003 sejak zamannya ustaz vindi sampai sekarang…alhamdulilah satu minggu bisa empat kintal hampir 8 karung ubi saya masukkan untuk ke DCC ini aja. Kalau dihitung ya Alhamdulillah satu minggu bisa lah kalau bersih itu mencapai 800 ribu… . keberadaan pondok Alhamdulillah sangat membantu sekali ekonomi kami. Lancar, dan g kayak kalau saya masukkan ke toko-toko macet dan uangnya susah. Untuk di pondok alhamdulilah ya uangnya g pernah ada masalah bisa untuk mutar dan mbayarin karyawan. Walaupun cuman dua yang tukang ngoncek dan masah itu aja. Yang lainya saya kerjakan sama isteri. (Kod Temubual: E-14; Kod Rekod: 140608_003.AVI.)[797]

> Saya membekal makanan berupa keripik ubi ke Pesantren Gontor sejak tahun 2003 hinga sekarang… . Alhamdulillah dalam jangka satu minggu dapat mrmbekalkan 400 kg atau 8 karung guni. Dalam masa satu minggu keuntungan boleh saya dapatkan lebih kurang Rp 800 ribu (RM 228)… . kewujudan pesantren Alhamdulillah sangat membantu ekonomi kami. Usaha kami dapat berjalan dengan baik berbanding sebelumnya sangat sukar sekali yang hanya membekalkan

[796] Pengurus BMT La Tansa Gontor "BMT La Tansa Gontor Neraca 2013", (Laporan Kewangan Tahunan, BMT Gontor, Mlarak Ponorogo, 31 Disember 2013)

[797] Encik Suyoto (Pemasok makanan kripik ubi dari masyarakat sekitar desa Mantingan di pejabat Darussalam Distributor Centre Gontor Puteri), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

makanan ke kedai-kedai. Hingga sekarang saya sudah memiliki dua pekerja, selebihnya kami dan isteri yang mengerjakannya.

Gambar 5.24. Bangunan pejabat BMT La Tansa Gontor. Suasana BMT La Tansa Pesantren Gontor pada tengah hari. (lokasi: BMT La Tansa Pesantren Gontor di Mlarak Ponorogo. Tarikh: 11/05/2014. Kod rekod: IMG_3880).

Langkah yang *Keempat*, iaitu pengoptimuman sektor pertanian sebagai usaha pengawalan pangan sekaligus usaha menyediakan kesempatan bekerja bagi masyarakat sekitar pesantren. Ketahanan pangan merupakan ciri kemakmuran masyarakat manakala menyediakan kesempatan kerja di sektor pertanian juga mampu mengurangkan pengangguran dan kemiskinan. Di bawah Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor (YPPWPM) sektor pertanian diuruskan. Hingga saat ini YPPWPM telah memiliki tanah wakaf seluas 747.27 ha yang berada di 21 kabupaten di Indonesia.[798]

[798] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

Jadual 5.14. Rekapitulasi Tanah wakaf di bawah Yayasapan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo 2014

NO	Daerah	Luas Tanah
1	Kabupaten Ponorogo Jawa Timur	599,379 m^2
2	Kabupaten Madiun Jawa Timur	7,527 m^2
3	Kabupaten Ngawi Jawa Timur	2,070,643 m^2
4	Kabupaten Nganjuk Jawa Timur	104,959 m^2
5	Kabupaten Tuban Jawa Timur	10,600 m^2
6	Kabupaten Kediri Jawa Timur	211,846
7	Kabupaten Tulungagung Jawa Timur	2,254 m^2
8	Kabupaten Trenggalek Jawa Timur	20,314 m^2
9	Kabupaten Jember Jawa Timur	17,280 m^2
10	Kabupaten Banyuwangi Jawa Timur	65,732 m^2
11	Kabupaten Bantul Yogyakarta Jawa Tengah	664 m^2
12	Kabupaten Magelang Jawa Tengah	59,716 m^2
13	Kabupaten Lampung Selatan	109,018 m^2
14	Kabupaten Lampung Timur	82,500 m^2
15	Kabupaten Tanjung Jabung Jambi	1,650,080 m^2
16	Kabupaten Banda Aceh	101,163 m^2
17	Kabupaten Konawe Selatan Sulawesi Tenggara	1,099,934 m^2
18	Kabupaten Konawe Sulawesi Tenggara	527,045 m^2
19	Kabupaten Solok Sumatera Barat	70,000 m^2
20	Kabupaten Pekanbaru Riau	90,150 m^2
21	Kabupaten Siak Riau	571,900 m^2
	Jumlah luas tanah	**7,472,704 m^2**

Sumberdata: diubahsuai dari data Rekapitulasi tanah wakaf Pondok Moden Gontor

Tanah seluas 7,472,704 m^2 atau 747.27 hektar tersebut dibahagi menjadi dua jenis iaitu tanah kering dan tanah basah atau bendang. Difahamkan tanah kering di sini iaitu tanah yang curahan hujannya sangat terhad sehingga kurang sesuai untuk menanam padi, manakala tanah bendang iaitu tanah yang mendapatkan curahan hujan yang cukup sesuai untuk bercucuk tanam.[799] Sehingga pihak YPPWPM memiliki dua cara dalam menguruskan kedua bentuk tanah wakaf tersebut iaitu tanah kering dipakai untuk penubuhan cawangan Pesantren Gontor yang baru, penubuhan *Islamic centre,* menyediakan fasiliti awam seperti padang bola sepak, hospital, masjid, surau mahupun untuk tapak sekolah darjah dan menengah di

[799] Ustaz Muhammad Hendri, Spd.I (Penanggung jawab Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pesantren Gontor di Mantingan di pejabat YPPWPM Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

perkampungan sekitar pesantren. Selain daripada itu tanah kering juga dimanfaatkan untuk kegiatan ekonomi seperti kebun sawit di daerah Riau dan pekanbaru, kebun cengkih di daerah Trenggalek dan Tulungagung, hutan kayu di Sulawesi Selatan.[800] Manakala tanah bendang dimanfaatkan untuk penanaman padi yang hasilnya untuk memenuhi seluruh keperluan beras bagi Pesantren Gontor dan cawangannya serta masyarakat yang ada di sekitar Pesantren Gontor. Untuk tanah bendang yang diuruskan sebagai tanah bercucuk tanam padi ada dua daerah iaitu di daerah Ponorogo seluas 29 ha dan di daerah Mantingan Ngawi seluas 67 ha.

Dalam pelaksanaannya kedua daerah ini memiliki cara berbeza mengikut keadaan dan kemampuan masyarakat dalam mengelola tanah pertanian tersebut. Untuk daerah Ponorogo tanah bendang seluas 29 hektar dikelola seramai lebih kurang 98 petani. Sistem pengelolaannya masyarakat Ponorogo lebih memilih untuk sewa tanah kepada pihak pesantren dengan bayaran yang telah ditetapkan diawal iaitu hanya sebanyak satu juta tiga ratus ribu rupiah atau RM 300,- pertahun untuk sepetak tanah yang luasnya lebih kurang 1.400m^2.[801] Mengikut tradisi pengelolaan tanah bendang di daerah Ponorogo masyarakat dapat memanfaatkan untuk bercucuk tanam padi dua kali menuai dalam satu tahun dan tanaman bijirin *(cereal)* sebanyak satu kali menuai. Apabila setiap penyewa dapat mengelola tanah sebanyak 3 petak atau seluas 4.285m^2 dan setiap petak atau seluas 1.428m^2 secara purata dapat menghasilkan padi sebanyak 400 kg dengan harga mengikut pasar perkg Rp 3,800 atau RM 1.80, maka petani daerah ponorogo dalam sekali menuai dapat menghasilkan 1,200 kg atau lebih kurang Rp 4,560,000,- atau RM 1,300,-. Sehingga difahamkan hasil daripada tuaian pertama sahaja telah dapat membayar

[800] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[801] Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013*, 20.

University of Malaya

wang sewa kepada pesantren untuk jangka satu tahun yang hanya RM 900 untuk tanah seluas 3 petak atau 4.285m^2. Sesuai dengan temubual bersama penanggung jawab bahagian pertanian di yayasan Pesantren Gontor.

> Tanah basah yang kita sewakan untuk masyarakat sini ada 29 hektar. Setiap hektar biasanya disewa 3 sampai 4 orang. Satu orang biasanya menyewa 3 kotak. Kalau semuanya itu ada 98 penyewa… . masyarakat Alhamdulillah seneng, sebab tanah di sini kan mahal, jadi dengan kita sewakan mereka punya kerjaan. Biasanya yang menyewa tanah ini yang memang orang yang g mampu atau orangnya punya loyalitas kepada pondok… . masyarakat biasanya bisa memanfaatkan tanah itu untuk tanam padi dua kali setahun dan sekali untuk palawija… . biasanya sekali panen perkotak itu sekitar 4 kintalan dengan harga padi di sini standarnya 3,800 rupiah… . harga sewa kita paling murah di sekitar ponorogo, karena memang tujuannya untuk membantu masyarakat, untuk bayaran berfariasi lihat kondisi tanah dan juga perairannya. Kayak di joresan itu 1,4 juta pertahun kalau di jabung karena ada sungai disana dan harga tanah pun juga tinggi sewanya sampai 1,6 juta kalau di ngelumpang, gontor, madusari 1,3 juta. Tapi rata-rata kita sewakan cuman 1,3 juta… . kita buat zon perdaerah untuk mengontrol masalah-masalah mereka, biasanya kita gilir kumpul bulanan perdaerah. (Kod Temubual: C-6; Kod Rekod: 140528_009.AVI.)[802]

> Ada 29 hektar tanah bendang yang dikelola oleh masyarakat ponorogo. Selalunya setiap satu hektar disewa 3 hingga 4 orang. Secara purata setiap petani menyewa 3 kotak atau 4.285m^2… . Alhamdulillah masyarakat disekitar pesantren sangat gembira dengan menyewa tanah pesantren, mereka memiliki aktiviti rutin dalam menambah pendapatan kewangan untuk menyara keluarga. Oleh kerana harga tanah di Bandar ponorogo sangatlah mahal. Walau bagaimanapun tidak semua masyarakat dapat menyewa tanah milik pesantren, pihak pesantren lebih mengutamakan kalangan yang kurang mampu dan memiliki kesetiaan yang baik kepada pondok… . dalam jangka satu tahun masyarakat dapat mengelola tanah sebanyak tiga kali tanam iaitu untuk padi dua kali tanam dan bijirin satu kali… . selalunya satu kali tuai dapat menghasilkan 400 kg dengan piawian harga padi Rp 3.800,-… .Harga sewa dari pesantren termasuk paling murah, kerana tujuannya untuk membantu masyarakat. Sekalipun harga sewa pelbagai mengikut keadaan tanah dan persekitarannya. Seperti di daerah Jabung harga sewa mencapai Rp 1.600.000,- atau RM 450, daerah Joresan mencapai Rp 1.400.000,- atau RM 390. Namun secara purata seperti daerah Gontor, Ngelumpang dan Madusari hanya Rp 1.300.000,- pertahun atau RM 360… . untuk meningkatkan hasil tuaian kita membuat kawalan mengikut daerah

[802] Ustaz Mustar (Pengangung jawab tanah pertanian zon poronogo di pejabat Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2014.

University of Malaya

> iaitu setiap satu bulan sekali mengadakan perjumpaan yang membahas tentang masalah-masalah mahupun cadangan-cadangan dari para petani.

Manakala di daerah Mantingan sistem pengelolaan tanah pertanian berbeza dengan daerah Ponorogo. Namun masyarakat kampung Mantigan lebih memilih dengan sistem bagi hasil. Sesuai dengan temubual bersama penanggung jawab bahagian pertanian di yayasan Pesantren Gontor di Mantingan.

> Syarat untuk menjadi pengarap sawah biasanya mestilah orangnya Islam, dia solatnya harus rajin, etos kerjanya baik, gimana dia loyal tidak sama pondok, sudah kawin dan kalau ada yang g mampu lebih kita dulukan… . Ada 116 masyarakat yang terlibat dalam pengarapan tanah ini. untuk sawah itu ada 67 hektar yang untuk tebu 68 hektar terus untuk pohon jati 3 hektar… .Sistem yang kita terapkan bagi hasil, masyarakat yang mengarap terus. Tapi kayak pupuk, air dan obat-obatan itu dibagi dua. Contohnya kalau pupuk habis dua kwintal satu kwintal dibayari pondok satu kwintal lagi ditangung masyarakat. Terus hasil panen nanti berapa terus dikurangi pengeluaran termasuk upah yang derep baru bagi dibagi dua … . rata2 sekali panen satu tahun 1milyar 50 juta. Kalau untuk masyarakat biasanya sekali garap dapat 3 sampai 4 jutanan. Kalau di kali tiga dalam setahun sudah berapa? kan banyak juga. (Kod Temubual: C-15; Kod Rekod: 140608_001.AVI.)[803]

> Syarat untuk menjadi pengelola tanah milik pesantren mestilah beragama Islam, rajin solat, budaya kerjanya baik, setia terhadap pesantren, telah berkeluarga dan lebih mengutamakan golongan yang kurang mampu… .Tanah untuk bercucuk tanam milik Pesantren Gontor yang dikelola oleh 116 orang dari kalangan masyarakat kampung Mantingan ada 67 hektar. Manakala untuk kebun tebu ada 68 hektar dan 3 hektar untuk hutan pokok jati… . Sistem pengelolaan tanah di Mantingan tidak sama dengan daerah Ponorogo iaitu pesantren menyediakan tanah dan masyarakat yang mengelola tanah pertanian tersebut. Untuk pembiayaan benih padi, baja dan air ditanggung secara bersama-sama. Kemudian hasil daripada tuaian dibahagi dua… . Purata sekali tuaian dalam satu tahun mencapai satu billion 50 juta rupiah. Manakala untuk masyarakat selalunya sekali tuai mencapai 3 hingga 4 juta rupiah. Kalau dikali 3 dalam satu tahun sudah jadi berapa ?

[803] Ustaz Muhammad Hendri, Spd.I (Penanggung jawab Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pesantren Gontor di Mantingan di pejabat YPPWPM Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

University of Malaya

Difahamkan daripada temubual di atas bahawa salah satu usaha pesantren memperkasakan masyarakat muslim yang kurang mampu iaitu dengan menawarkan masyarakat untuk menjadi pengelola tanah pertanian milik pesantren. Dalam pelaksanaannya seluruh keperluan disediakan sepenuhnya pihak pesantren, selepas musim menuai hasil ditolak kos tanam kemudian hasil bersih dibahagi dua. Sistem pengelolaan seperti ini nampaknya sangat membantu golongan petani miskin yang sukar mendapatkan modal usaha. Dengan adanya penyediaan seluruh keperluan oleh pihak pesantren, maka masyarakat petani tidak ada kegelisahan kekurangan obat-obatan dan lebih maksimum dalam mengelola tanah pertanian.

Walau bagaimanapun ada syarat dan kriteria untuk menjadi pengelola tanah bendang milik pesantren yang ada di Mantingan. Iaitu petani mestilah beragama Islam, rajin solat, memiliki budaya kerja yang baik, setia kepada pesantren, telah berkeluarga dan golongan kurang mampu lebih diutamakan. Syarat-syarat tersebut nampaknya memiliki maksud dan tujuannya iaitu sekalipun pesantren bermaksud membantu kalangan miskin walau bagaimana pun faktor spiritual lebih diutamakan. Sehingga pesantren bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan melainkan juga mendidik orang ramai dalam beragama. Apabila faktor ibadah dijadikan asas dalam bekerja, maka masyarakat akan bekerja dengan maksimum, bersungguh-sungguh, tidak meninggalkan pekerjaan, bekerja secara produktif dan memiliki integriti yang tinggi. Oleh kerana kedalaman beragama mengalakkan manusia untuk membantu orang yang lemah iaitu dengan mengeluarkan zakat, sedeqah dan seseorang hanya mampu mengeluarkan zakat serta bersedeqah apabila memiliki harta yang cukup.

University of Malaya

Berikut rekapitulasi hasil tuaian padi di Yayasan Mantingan selama lima tahun terakhir yang dapat diperhatikan pada jadual di bawah.

Jadual 5.15. Purata Hasil Tuaian Padi 5 Tahun Terakhir di Yayasan Pertanian Cawangan Mantingan

No	Tahun	Hasil	Harga per kg	Kos tanam	Jumlah	Hasil Bersih
1	2009	704,969	2,283	RM176,376	RM537,719.28	RM361,342.83
2	2010	774,449	2,476	RM162,196	RM645,211.67	RM483,015.30
3	2011	604,399	2,580	RM172,219	RM512,752.64	RM340,533.39
4	2012	744,253	3,140	RM210,632	RM770,690.87	RM560,058.07
5	2013	629,974	3,380	RM199,180	RM705,644.55	RM506,463.99

Sumber: Diubahsuai dari Laporan pertanian Yayasan Pesantren Gontor cawangan Mantingan lima tahun terakhir 2009 hingga 2013

Rajah. 5. 9 Perbandingan hasil bersih dalam kilo gram tuaian padi selama lima tahun terakhir 2009 hingga 2014 di Yayasan Pesantren Gontor



Sumber: Diubahsuai dari Laporan pertanian Yayasan Pesantren Gontor cawangan Mantingan lima tahun terakhir 2009 hingga 2013

Daripada rajah di atas difahamkan bahawa perkembangan hasil tuaian padi selama lima tahun terakhir di Yayasan Pesantren Gontor mengalami ketidakstabilan, pada tahun 2009 hasil tuaian padi secara keseluruhan mencapai 704,969 tan padi basah. Terjadi kenaikan sebanyak 5 peratus pada tahun 2010 iaitu mencapai 774,449 tan atau

University of Malaya

naik sebanyak 69,480 kg. Manakala pada tahun 2011 hasil tuaian padi mengalami penurunan sebanyak 12 peratus atau 170,050 kg dari tanah sawah seluas 67 hektar. Sedangkan pada tahun 2012 terjadi kenaikan hasil tuaian padi sebanyak 10 peratus dari tahun sebelunya iaitu sebanyak 139,854 kg menjadi 744,253 tan dan pada tahun 2013 mengalami penurunan sebanyak 8 peratus atau 114,279 kg dari tahun sebelumnya. Difahamkan ada beberapa faktor yang mempengaruhi naik turunnya hasil tuaian padi di tanah sawah bendang Mantingan iaitu curah air hujan yang kurang mencukupi, adanya percubaan pergantian benih padi mahupun baja sawah yang masih belum tetap.

Dari ketiga kes pesantren dalam usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat sekitar memiliki cara yang berbeza. Walau bagaimanapun ada satu cara yang ditempuh ketiga-tiganya iaitu dengan menubuhkan koperasi pesantren sebagai badan hukum yang membawahi seluruh aktiviti ekonomi yang melibatkan santri mahupun masyarakat sekitar. Melalui koperasi pesantren ini terbentuk tiga kegiatan yang direncakan untuk meningkatkan kesejahteraan ekonomi pesantren mahupun masyarakat iaitu latihan yang merangkumi pesarta dari kalangan santri mahupun masyarakat yang telah dibentuk melalui penubuhan lembaga pelatihan seperti PLMPM mahupun persatuan santri seperti HIPSI. *Kedua*, pemberian modal usaha kepada masyarakat. Disifatkan langkah sebegini merupakan langkah yang tepat dalam membuka jalan untuk memperbaiki prestasi ekonomi masyarakat. Lebih-lebih lagi dengan adanya kawalan-kawalan sama ada kawalan secara fisik (latihan dan penyeliaan) mahupun bukan fisik (doa dan istighosah bersama). Dengan adanya dua kawalan ini secara tidak langsung pesantren telah berusaha membawa perubahan perilaku perekonomian dalam masyarakat. Keduanya berjalan secara bersamaan, dengan mengabaikan salah satu diantaranya boleh menyebabkan kegagalan. *Ketiga*, melibatkan masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang

University of Malaya

produktif seperti usaha dalam pertanian, konveksi pakaian, kilang roti, printing, dobi dan lain-lainnya.

Rajah 5.10. Peranan pesantren dalam aspek ekonomi



Peranan pesantren dalam aspek ekonomi di Negeri Jawa Timur Indonesia

5.6. Sumbangan Pesantren dalam aspek Sosial

Pesantren sebagai lembaga perkembangan ilmu keagaman memiliki cakupan yang luas. Oleh kerana ajaran Islam bukan hanya terhad pada hubungan secara vertikal sahaja melainkan hubungan horizontal (kesadaran sosial) juga mendapat perhatian yang sama. Sehingga kurikulum yang membahas persoalan kemasyarakatan *(society-based curriculum)* juga mendapat bahagian tersendiri. Tindak balas pesantren terhadap konflik sosial dalam masyarakat telah ada sejak pesantren ditubuhkan. Penubuhan pesantren merupakan bukti adanya tindak balas terhadap kesenjangan pendidikan yang ada dalam

University of Malaya

masyarakat. Pendidikan yang hanya dinikmati oleh kalangan menengah ke atas, manakala golongan yang kurang mampu tidak mampu mendapatkan hak yang sama. Pesantren hadir membawa solusi perbezaan tersebut iaitu dengan menjadi institusi termurah di dunia pendidikan. Disamping itu pesantren tidak melupakan aspek sosial kemasyarakatan lainya, pelbagai usaha telah dilakukan pesantren untuk mengurangkan jarak antara satu individu dengan yang lainnya. Berikut merupakan hasil kajian berserta analisa terhadap peranan pesantren dalam aspek sosial.

5.7.1. Sumbangan Pesantren Sidogiri

Melalui bahagian luaran *(external)* Ikatan Alumni Sidogiri (IAS) di bawah penyeliaan langsung pengasuh Pesantren Sidogiri melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang ditujukan untuk memberikan amaran mahupun bakti sosial kepada orang ramai. Bahagian ini menguruskan seluruh dana sosial mulai pencarian dana, pengagihan dana dan pengembanganya. Sehingga sejak tarikh 8 Juni 2005 Lembaga Amil Zakat, Infaq, sedekah, dan wakaf (Laziswa Sidogiri) ditubuhkan dan rasmi menjadi lembaga autonom dalam garis organisasi Pesantren Sidogiri. Hingga saat ini Laziswa Sidogiri telah memiliki 13 cawangan dengan jumlah penderma tetap seramai 9,110 orang.[804] Beberapa matlamat penubuhan Laziswa Sidogiri ini iaitu menumbuhkan kesedaran berzakat, infaq, sedeqah dan wakaf. Menciptakan kesejahteraan dan keadilan sosial dalam masyarakat, memperkasakan potensi zakat, infaq, sedeqah dan wakaf untuk meningkatkan taraf ekonomi umat dan menjadi pusat pembinaan dan perkembangan sumber manusia.[805]

[804] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H*, 64.

[805] Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia Usaha Laziswa Sidogiri di pejabat Laziswa Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

University of Malaya

Jadual 5.16. Berikut perincian dana zakat pada tahun 2013 di Laziswa Sidogiri

Bil	Lembaga	Peratus	Jumlah	
			Dalam Rupiah	**Ralam Ringgit**
1	Koperasi Pesantren Sidogiri	3.89 %	250,000,000,-	83,333,-
2	BMT Maslahah Sidogiri	13.59 %	873,545,902,-	291,182,-
3	BMT UGT Sidogiri	82.53 %	5,305,948,116,-	1,768,649,-
	Jumlah dana Zakat	**100 %**	**6,429,494,018,-**	**2,143,165,-**

Sumber data: diubahsuai dari Laporan kewangan dana zakat di Laziswa Pesantren Sidogiri pada tahun 2013

Dari jadual di atas difahamkan bahawa pendapatan dana zakat yang pasti di Laziswa Sidogiri terdiri dari tiga usaha ekonomi milik pesantren iaitu Koperasi Pesantren Sidogiri sebanyak 3.89 peratus, kemudian dari BMT Maslahah Sidogiri sebanyak13.59 peratus dan yang terbanyak iaitu dari BMT UGT Sidogiri sebesar 82.53 peratus. Walau bagaimanapun secara am dana zakat yang ada di Laziswa Sidogiri ini diagihkan kepada lima program besar iaitu hamburan dana untuk fakir dan miskin (Kun Fayakun) program ini khas untuk menyalurkan dana zakat melalui tiga kegiatan; bantuan berguna mustahik, bantuan komsuntif dan bantuan produktif dalam bentuk pemberian modal usaha. *Kedua,* Latihan dan Pendidikan Siap Guna (Latansana) yang menangani bagi pelajar yang putus sekolah disebabkan kurang dana, memberikan penghargaan bagi pelajar yang berprestasi dan membina kemahiran mahupun kreativiti masyarakat awam. *Ketiga,* Bantuan Sarana dan Dakwah (Burdah). Bantuan ini meliputi perolehan dan pembaikan sarana fasiliti umum, bengkel peningkatan kemahiran bagi usahawan, bantuan perkhidmatan kesihatan kepada para dhuafa' dan bantuan umum untuk korban bencana alam. *Keempat,* Perhatian kepada anak Yatim (Ayomi) merangkumi dua kegiatan iaitu memenuhi seluruh keperluan harian termasuk biaya pendidikan seluruh anak yatim di Darul Aitam Sidogiri Surabaya dan bantuan secara langsung berupa wang cash

University of Malaya

kepada mereka dalam bentuk wang belanja mahupun wang kesihatan. *Kelima,* Wakaf yang bermanfaat untuk ummah (Kaffah) yang merangkumi daripadanya pembinaan pendidikan, pembinaan kesihatan, pembinaan sosial, ekonomi dan dakwah.[806] Secara terperinci distribusi dana zakat di Laziswa Sidogiri pada Tahun 2013 dapat diperhatikan pada jadual berikut.

Jadual 5.15 Distribusi Dana Zakat di Laziswa Sidogiri tahun 2013

Bil	Peruntukan	Peratus	Jumlah	
			Dalam Rupiah	Dalam Ringgit
1	**Zakat konsumtif**			
	Koperasi Pesantren Sidogiri	100 %	250,000,000.00	83,333.00
	BMT Maslahah Sidogiri	55.0 %	480,450,246.10	160,150.00
	BMT UGT Sidogiri	50.0 %	2,652,974,058.00	884,325.00
			3,383,424,304.00	**1,127,808.00**
2	**Zakat Produktif**			
	Koperasi Pesantren Sidogiri	0.0 %	-	
	BMT Maslahah	20.0 %	174,709,180.40	58,236.00
	BMT UGT Sidogiri	20.0%	1,061,189,623.20	353,730.00
			1,235,898,804.00	**411,966.00**
3	**Zakat Beasiswa Pendidikan**			
	Koperasi Pesantren Sidogiri	0.0 %	-	
	BMT Maslahah	12.5 %	109,193,237.75	36,398.00
	BMT UGT Sidogiri	20.0 %	1,061,189,623.20	353,730.00
			1,170,382,861.00	**390,128.00**
4	**Zakat Amil**			
	Koperasi Pesantren Sidogiri	0.0 %	-	
	BMT Maslahah	12.5 %	109,193,237.75	36,398.00
	BMT UGT Sidogiri	10.0 %	530,594,811.60	176,865.00
			639,788,049.00	213,263.00
	Jumlah dana Zakat	**100 %**	**6,429,494,018.00**	**2,143,165,00**

Sumber data: diubahsuai dari Laporan kewangan dana zakat di Laziswa Pesantren Sidogiri pada tahun 2013

Difahamkan dari jadual di atas pengagihan dana zakat di Laziswa Sidogiri terbahagi menjadi empat bentuk iaitu diagihkan dalam bentuk konsumtif, produktif,

[806] A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H* (Sidogiri: Penerbit dan Percetakaan Sidogiri Kraton, 2013), 11.

University of Malaya

pemberian biasiswa pendidikan dan untuk amil zakat. Apabila dibuat perbandingan agihan zakat untuk dana konsumtif paling besar iaitu mencapai 52.62 peratus atau Rp 3,383,424,304.00, atau lebih kurang RM 1,127,808.00**.** Peringkat selanjutnya diagihkan untuk dana produktif sebesar 19.22 peratus atau Rp 1,235,898,804.00 atau lebih kurang RM 411,966.00, manakala untuk dana biasiswa pendidikan sebesar 18.20 peratus atau sebanyak Rp 1,170,382,861.00 atau lebih kurang RM 390,128.00 dan untuk amil zakat hanya sebesar 9.95 peratus atau Rp 639,788,049.00 atau lebih kurang RM 213,263.00.

Zakat konsumtif yang ada di Laziswa Sidogiri pada tahun 2013 sebesar 52.62 peratus atau Rp 3,383,424,304.00 atau RM 1,127,808.00 didistribusikan kepada 7,500 mustahiq yang duduk di sekitar cawangan pejabat BMT Maslahah sebanyak Rp 392,507,500.00 atau RM 130,836.00 dan sebanyak Rp 1,230,201,914.00 atau RM 410,067.00 diagihkan kepada 15,561 mustahiq dalam bentuk barangan asas rumah tangga yang duduk di sekitar pejabat BMT UGT. Selain daripada itu juga diagihkan untuk subsidi upah (bisyarah) para pengajar di Madrashah Miftahul Ulum sebanyak Rp 37,000,000.00 atau RM 12,333.00. Dan bakinya didistribusikan kepada asnaf fakir dan miskin dalam bentuk wang tunai kepada masyarakat sekitar Pesantren Sidogiri.[807]

Manakala Zakat Produktif di Laziswa Sidogiri sebanyak Rp 1,235,898,804.00 atau lebih kurang RM 411,966.00 diperuntukkan untuk pemberian modal usaha kepada 22 orang dengan setiap orang mendapat bantuan sebesar Rp 5,000,000.00 atau RM 1,600.00, selain daripada itu juga digunakan untuk pengubahsuaian tempat

[807] Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia Usaha Laziswa Sidogiri di pejabat Laziswa Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

University of Malaya

pemulihan orang gila di pesantren Nailul Falah Karangjati Anyar Wonorejo Pasuruan sebesar Rp 25,000,000.00 atau RM 8,300.00, dan juga untuk pembelian kereta ambulance di Balai Pengubatan Sidogiri sebesar Rp 160,000,000.00 atau RM 53,300.00 serta bantuan untuk anak angkat Pesantren Sidogiri di Darul Aitam dan Darul Khidmah Sidogiri seramai 80 pelajar sebanyak Rp 298,512,813.00 atau RM 99,504.00.[808]

Selain daripada itu dana zakat produktif juga dimanfaatkan untuk program bedah rumah untuk golongan tua yang tidak memiliki rumah atau telah memiliki rumah namun tidak layak pakai. Setidaknya pada tahun ini ada 19 warga yang mendapatkan bantuan dalam kategori ini dengan dana sebanyak Rp 285,000,000.00 atau lebih kurang RM 95,000.00.[809] Manakala syarat untuk mendapatkan bantuan pembinaan rumah semula iaitu pemilik mestilah tergolong dari asnaf fakir dan miskin, lebih diutamakan bagi yang telah berumur di atas 45 tahun dan telah berkahwin. Termasuk daripada dana zakat produktif ini pula diagihkan untuk pembinaan kampung sejahtera (*Qaryah Ṭayyibah)* iaitu kampung Sidogiri, kampung Ngempit, kampung Jeruk dan kampung Karanganyar. Dalam pelaksanaannya pihak pesantren bertanggung jawab sepenuhnya terhadap program ini termasuk pembiayaan, pembinaan bangunan, pengawalan moral. Manakala pihak kerajaan atau ketua kampung hanya bertugas sebagai penyelaras sahaja.[810]

Untuk pengagihan dana zakat biasiswa dan pendidikan di Laziswa Sidogiri sebanyak Rp 1,170,382,861.00 atau RM 390,128.00. Dana ini diagihkan untuk

[808] Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia Usaha Laziswa Sidogiri di pejabat Laziswa Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.
[809] Ustaz KH. Mahmud Ali Zain (Ketua Pengurus Pusat BMT UGT Pesantren Sidogiri di Pejabat Koperasi BMT UGT Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 12 April2014.
[810] Bapak Kodrat Abadikun (Kepala Kampung Sidogiri Ngempit Pasuruan di rumah kediaman beliau di kampung Sidogiri Ngempit), dalam temubual dengan penulis, 21 April 2014.

University of Malaya

pemberian biasiswa sambung belajar bagi santri Sidogiri yang berprestasi di pesantren sebagai pelapis dalam masyarakat dalam pelbagai bidang jurusan kajian. Hingga saat ini ada 31 penerima biasiswa ini iaitu seramai 24 pelajar di Pengajian Tinggi Tazkia Bogor dan 7 pelajar di Univerisiti Nasional Pasim Bandung. Selain daripada itu dana ini juga diperuntukkan untuk memberikan penghargaan kepada 9 pelajar hafiz al-Quran di Pesantren Sidogiri sebanyak Rp 27,000,000.00 atau RM 9,000.00, termasuk juga digunapakai untuk membiayai bengkel-bengkel keagamaan secara percuma seperti bengkel memahami haid, nifas, wiladah untuk kalangan pelajar puteri di sekolah-sekolah menengah, bengkel pengurusan mayat, bengkel cepat membaca al-Quran serta pemberian biasiswa bagi santri Madrasah Miftahulul Ulum sebanyak Rp 75,100,000.00 atau lebih kurang RM 25,000.00.[811]

Peranan zakat Laziswa Sidogiri terhadap masayarakat sekitar ternyata tidak hanya dirasakan dari aspek ekonomi sahaja, bahkan menurut ketua Polis Ngempit Sidogiri Bapak Sukarsono mengatakan laziswa juga turut serta memberikan peranan terhadap kedamaian, keamaan dan mengurangkan tingkat jenayah di masyarakat. Berikut temu bual bersama penulis.

> Di sini banyak pesantren, di Kramat, di Sidogiri, di Areng-Areng, di Cabean. Alhamdulillah selama saya bertugas disini, hubungan kita sangat baik sekali dengan pihak-pihak pondok, saling mendukung. Malahan setiap ada masalah selalu koordinasi dengan kita… .Dan kelihatannya masyarakat disini juga segan sama mbah kiyai, jadi kenakalan anak-anak pun jauh lebih ringan dibandinkan dengan daerah-daerah yang lain… . Faktornya mungkin banyak, kayak ada pengajian, kedekatan pondok dengan masyarakat dan mungkin juga dari ekonomi… . Kan disini ada BMT, jadi kayak mencuri, merampok itu boleh dibilang g ada. (Kod Temubual: D-3; Kod Rekod: 140418_010.AVI.)[812]

[811] Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia Usaha Laziswa Sidogiri di pejabat Laziswa Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

[812] Bapak Sukarsono (Ketua Polis Ngempit Sidogiri Pasuruan di Pejabat Polis Ngempit Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 18 April 2014.

University of Malaya

> Banyak pesantren di daerah sekitar, seperti di Kramat, Sidogiri, Areng-Areng dan Cabean. Alhamdulillah selama saya berkhidmat di Pejabat Polis Daerah hubungan komunikasi dengan pihak pesantren sangat baik. Sehingga apabila ada masalah sentiasa dibawa berbincang… . Nampaknya masyarakat sekitar pesantren juga merasakan segan dengan kiyai. Sehingga kenakalan para remaja tidak seteruk daerah lain… . faktornya banyak; seperti adanya pengajian, hubungan pesantren dengan masyarakat yang baik, mahupun perhatian pesantren terhadap ekonomi masyarkat… . Termasuk kewujudan BMT juga turut mengurangkan jenayah mencuri mahupun merompak.

5.7.2. Sumbangan Pesantren al-Yasini

Secara stukrutral organisasi pembangunan sosial di Pesantren al-Yasini di bawah penyeliaan sumber manusia dan bahagian kemasyarakatan. Bahagian ini ditubuhkan sebagai usaha pesantren untuk sentiasa menjaga hubungan baik dengan masyarakat termasuk khidmat sosial. Beberapa kegiatan rutin yang sentiasa dilaksanakan setiap tahunnya iaitu setiap sempena peringatan Nuzulul Quran serta peringatan sempena awal muharram pihak pesantren memberikan santunan kepada anak-anak yatim piatu di lembaga pendidikan Sekolah Dasar Islam (SDI), Sekolah Menengah Unggulan (SMPU), Sekolah Menengah Pertama Negeri (SMPN) Kraton, serta anak-anak yatim piatu dari kalangan masyarakat sekitar pesantren yang meliputi kampung Areng-Areng, kampung Kluwut, kampung Ngabar, kampung Ngunjung dan kampung Pagubukan.

Khidmat sosial pesanten selain daripada itu juga akan nampak ketika hari raya qurban di bawah LPM al-Yasini yang telah berjalan lebih kurang 12 tahun, iaitu ketika pemotongan daging qurban dan mengagihkannya ke masyarakat di 7 kampung sekitar pesantren. Iaitu di kampung Ngujung, Areng-areng Barat, Ngabar, Kluwut

University of Malaya

Utara, Ngabar Selatan, Pagubukan dan Ngabar Krajan yang diperkirakan mencapai lebih dari 1,000 bungkus daging qurban.[813]

Selain daripada itu untuk memberikan peranan sosial yang lebih kepada masyarakat sekitar, Pesantren al-Yasini juga sentiasa membangun jaringan bersama lembaga-lembaga kemasyarakatan diluar pesantren. Seperti Pesantren al-Yasini bekerjasasama dengan lembaga pengembangan masyarakat Universiti Islam Malang (LPM UIN Malang) membuat bengkel pemerkasaan ekonomi masjid untuk para AJK masjid-masjid yang ada di sekitar pesantren. Selanjutnya Pesantren al-Yasini juga berkolaborasi bersama Bank Mandiri serta Rabithah Ma'ahid Islamiyyah pada tarikh 3 Februari 2012 dengan merancang satu idea iaitu program Usahawan Muda yang Berdikari (WMM) goes to pesantren yang bertujuan melatih dan mewujudkan 5,000 santri pengusaha yang mampu menciptakan lapangan pekerkaan bukan pencari pekerjaan, menjadikan pesantren sebagai pusat ekonomi yang mensejahterakan masyarakat, menciptakan wadah komunikasi pengusaha santri di seluruh Indonesia. Hingga saat ini program WMM ini telah dilaksanakan di 50 pesantren di seluruh Indonesia dan telah diikuti seramai 3,000 peserta dari kalangan santri dan masyarakat.[814] Setiap selepas bengkel pihak Bank Mandiri akan memberikan bantuan dana usaha sebanyak Rp 25,000,000.00 atau RM 8,300.00 kepada seluruh perwakilan pesantren yang hadir sebagai modal usaha. Manakala penyeliaan usaha akan dibimbing langsung oleh pihak HIPSI.

[813] Ibu Satinah (Ibu suri rumah di kampung Areng-areng Sambisirah Pasuruan di rumah kediaman beliau), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

[814] Diklat Wirausaha Santri Tumbuhkan Kepekaan Bisnis, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,2-id,52997-lang,id-c,daerah-t,Diklat+Wirausaha+Santri+Tumbuhkan+Kepekaan+Bisnis-.phpx

University of Malaya

Gambar 5.25. Pembahagian santunan hari raya untuk anak Yatim Piatu. Suasana pembahagian santunan kepada anak yatim piatu dari masyarakat sekitar pesantren al-Yasini. (lokasi: Depan sekolah SMA Pesantren al-Yasini. Tarikh: 14/08/2013. Kod rekod: Dokument Pesantren.

5.7.3. Sumbangan Pesantren Gontor

Manakala pembangunan sosial di Pesantren Gontor diuruskan oleh dua bahagian iaitu melalui Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf (YPPWPM) dan melalui bahagian khidmat masyarakat di Universiti Darussalam Gontor. YPPWPM selain menguruskan dan mengembangkan seluruh harta kekayaan milik pesantren juga membawahi pelbagai aktiviti sosial kemasyarakatan. Beberapa kegiatan sosial yang telah diuruskan pihak YPPWPM Gontor seperti menyediakan tempat peribadatan. Ada 20 masjid di daerah Mantingan dan daerah Ponorogo yang telah dibangun atas hasil kerjasama daripada YPPWPM dengan *Jāmi'ah al-Iṣlaḥ al-Ijtimā'ī* al-Kuwait dan *Jāmi'ah al-Raḥmah* Jakarta. Dalam pembangunan masjid dan mushola, pihak YPPWPM akan mencari tapak yang sesuai di daerah-daerah perkampungan yang belum ada masjid atau sudah ada masjid namun tidak banyak dan memerlukan ubahsuai dan penambah baikan. Selanjutnya YPPWPM akan membuat perencanaan dana anggaran untuk diserahkkan kepada Jāmi'ah al-Raḥmah. Selepas masjid berdiri, pihak YPPWPM akan menyerahkan pengurusan sepenuhnya

kepada masyarakat atau menugaskan beberapa guru dari pesantren untuk mentadbir dan mengimarahkannya dengan pelbagai kegiatan keagamaan.[815]

Kedua, menambahkan kegiatan ekonomi masyarakat. Ada 20 premis perniagaan yang telah disediakan untuk masyarakat peniaga di daerah mantingan. Pembangunan premis perniagaan yang ada di sekitar Pesantren Gontor Puteri ini telah mengunakan dana dari pesantren lebih kurang Rp 750,000,000.00 atau Rm 250,000.00 termasuk pembangunan fasiliti umum seperti tandas dan tempat solat. Walau bagaimanapun ada beberapa syarat bagi masyarakat untuk menjadi penyewa premis ini iaitu penyewa mesti beragama Islam, taat beribadah, berakhlak mulia, menjalankan solat lima waktu, menjual dagangan yang halal, menutup aurat, mentaati seluruh polisi Pesantren Gontor, membayar sewa yang telah ditetapkan setiap bulan sebanyak Rp 100,000.00 atau RM 30.00 yang sudah termasuk api dan air, tidak boleh memindahkan ke orang lain, tidak boleh menambah bangunan kekal, menjaga kebersihan, keamanan dan keselesaan persekitaran dan membantu menegakkan disiplin pesantren. Kontrak sewa premis perniagaan yang dibangunkan oleh pihak YPPWPM ini akan terbatal secara sendiri apabila para penyewa telah melakukan tiga kesalahan besar iaitu didapati meninggalkan solat lima waktu, menjual makanan yang tidak halal dan tidak mahu membayar wang sewa. Perpanjangan kontrak sewa akan diadakan setiap satu tahun sekali dengan melihat dan mempertimbangan semula atas syarat dan ketentuan sewa.[816]

[815] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[816] Ustaz H. Muhtarom (Ketua bahagian Pembangunan di Pesantren Gontor Puteri 1 Mantingan Sambirejo di depan wisma Mantingan Gontor Puteri 1), dalam acara silaturahim keluarga besar pesantren Gontor Puteri 1 Mantingan bersama kumpulan peniaga kampung Mantingan, 6 Mei 2014.

University of Malaya

*Ketiga,*meminjamkan tapak tanah. Mahalnya harga tanah di daerah Jawa menjadi masalah bagi sebahagian daerah untuk membangunkan kemudahan awam sama ada untuk kemudahan masyarakat seperti dewan, masjid, klinik desa mahupun kemudahan pendidikan seperti sekolah darjah, sekolah menengah, perpustakaan dan kemudahan rekreasi seperti padang bola, tempat permainan. Sehingga tanah milik Pesantren Gontor di bawah pengurusan YPPWPM lebih kurang seluas 4.7 hektar di daerah Mantingan Sambirejo Gontor Puteri dipinjamkan kepada pemerintah daerah untuk pembangunan Pusat Kesihatan Masyarakat, sekolah menengah kebangsaan, sekolah darjah, sekolah agama serta lapangan bola sepak untuk masyarakat awam.[817]

Keempat, bantuan bencana alam. Seringnya terjadi bencana alam di Negara Indonesia, Pesantren Gontor tidak menutup mata untuk memberikan bantuan kepada mangsa bencana alam dalam pelbagai bentuk bantuan. Sama ada bantuan dalam bentuk kewangan, makanan, perubatan, biasiswa pendidikan mahupun bantuan secara spiritual dengan pemberian nasihat dan solat ghaib. Seperti bencana alam Tsunami di Aceh pada tarikh 26 Disember 2004 Pesantren Gontor juga menghimpun dana bantuan sehingga menghantarkan lebih dari 15 guru-gurunya untuk membuat pos bantuan awam di Aceh. Termasuk tindakan selepas bencana Tsunami seluruh pelajar yang berasal dari Acheh dibebaskan yuran bulanan. Disamping itu usaha untuk memulihkan kembali keadaan Acheh Pesantren Gontor menubuhkan cawangan Pesantren Gontor ke-10 di Meunasah Baro Seulimun Aceh di atas tanah wakaf seluas 10.1 hektar. Begitu halnya dengan bencana alam gunung berapi di Magelang, gempa bumi di Jogjakarta dan Gunung meletup di Kediri Jawa Timur pada tarikh 28 februari 2014 kemarin. Pesantren Gontor sentiasa menghantar guru-

[817] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

University of Malaya

gurunya untuk ikut serta membantu meringankan beban para korban bencana alam sama ada dengan membawa bantuan makanan, obat-obatan mahupun dengan bantuan tenaga seperti membersihkan rumah-rumah korban, membangun semula tempat-tempat peribadatan, memperbaiki kemudahan awam.[818]

Kelima, pengagihan daging korban ke perkampungan yang minoriti penduduknya beragama muslim. Hampir setiap tahun jumlah pemotongan daging qurban di Pesantren Gontor sentiasa melebihi kadar maksimum. Seperti pada tahun ini Pesantren Gontor telah menguruskan binatang qurban sebanyak 578 ekor kambing, 208 ekor lembu dan 1 ekor kerbau.[819]

Keenam, khidmat sosial ke daerah perkampungan di sekitar pesantren. Setidaknya ada dua aktiviti rutin di bawah bahagian khidmat masyarakat di Universiti Darussalam Gontor (UNISDA) iaitu khidmat sosial dan praktikal Kuliyah Kerja Nyata (KKN)[820] oleh pelajar Universiti Darussalam Gontor. Pada tahun ini khidmat sosial dilakukan di daerah Pulung Ponorogo di empat kampung iaitu kampung Wayang, kampung Mungguhan, kampung Singahan dan kampung Patik. Kegiatan khidmat sosial di masyarakat ini diadakan selama 3 hari dengan jumlah peserta seramai 220 pelajar UNISDA dengan rangkuman aktivitinya seperti membersihkan kampung, memberikan sumbangan berupa makanan, pakaian

[818] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[819] Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

[820] Salah satu aktiviti kokulikuler yang wajib di ikuti bagi seluruh mahasiswa ISID Gontor kerana termasuk syarat untuk menjadi alumni. Manakala tempatnya sentiasa berubah, akan tetapi selalu di daerah atau desa di Ponorogo dan sekitarnya yang taraf ekonomi masyarakatnya rendah dan pendidikan agamanya kurang. Aktiviti itu biasanya dilakukan lebih kurang selama 40 hari yang bertepatan di bulan suci Ramadhan.

University of Malaya

mahupun wakaf prasarana kemudahan awam serta memotivasi masyarakat untuk sadar terhadap persekitaran.

Manakala untuk khidmat sosial melalui praktikal KKN dilaksanakan selama 1 bulan penuh. Pada tahun 2014 ini praktikal KKN diikuti oleh pelajar UNISDA seramai lebih kurang 300 pelajar yang bertempat di Kecamatan Sumoroto di 6 Desa yang setiap desa dibahagi menjadi 6 kumpuluan. Kegiatan praktikal KKN dibahagi menjadi tiga jenis kegiatan iaitu kerohanian, pendidikan dan kesihatan. Untuk aktiviti sosial kerohanian seperti mengimarahkan masjid dan surau-surau, membuat majlis-majlis ilmu, membuka kelas tuisyen baca quran dan ketrampilan diri secara percuma. Manakala aktiviti sosial pendidikan merangkumi ikut serta menjadi pengajar di sekolah-sekolah yang sedia ada, mengurangkan celik mata untuk orang tua, penubuhan taman bacaan, memberikan maklumat yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pembelajaran. Sedangkan aktiviti sosial kesihatan seperti memberikan kaunseling tentang kebersihan dan keselesaan persekitaran, menghadirkan pakar kesihatan untuk menyediakan rawatan percuma, membuka bazaar murah (pasar tani) dengan menyediakan seluruh keperluan asas dapur dengan harga penjualan mengikut harga di kilang.

5.7. Kesimpulan

Kewujudan pesantren yang tumbuh dan berkembang daripada masyarakat, oleh masyarakat dan untuk masyarakat telah banyak memberikan peranan positif bagi persekitarannya. Dalam masa yang sama satu bahagian sosial kemasyarakatan telah termaktub di sturuktur organisasi di pesantren yang ditujukan untuk bertindak balas pelbagai persoalan masyarakat. Sehingga daripada pembahasan pada bab ini difahamkan bahawa pesantren telah berperanan dalam pembangunan ekonomi kepada

University of Malaya

masyarakat sekitar dalam lima aspek iaitu pendidikan, kerohanian, kesihatan, ekonomi dan sosial. Pembangunan dalam aspek pendidikan telah pun dimulai sejak ditubuhkannya pesantren hingga saat ini. Seperti melalui pembangunan pendidikan secara dalaman iaitu berupa pendidikan karakter kepada para pelajar yang akan kembali ke masyarakat mahupun secara luaran iaitu dengan cara membanteras buta huruf dengan membuka kelas-kelas bimbingan dan cawangan yang tersebar di pelbagai daerah.

Manakala pembangunan secara kerohanian pesantren telah menggunakan dua pendekatan iaitu melalui pendekatan medium sosial seperti media cetak buletin atau majalah yang diagihkan ke masyarakat, media komunikasi melalui radio atau television serta dengan mengunakan pendekatan persuasif iaitu seorang kiai mendatangi rumah-rumah masyarakat atau melalui majlis-majlis ilmu sama ada secara terbuka untuk orang awam atau khas para alumni dan ibu bapa santri.

Begitu halnya pembangunan dalam aspek kesihatan juga mendapatkan perhatian dari pihak pesantren. Pelbagai usaha telah dilakukan pihak pesantren untuk sentiasa dapat berperanan dalam memberikan perhatian dan layanan kesihatan kepada masyarakat sekitar pesantren. Melalui badan eksekutif Yayasan Pesantren atau juga Lembaga Amil Zakat Infaq Sedeqah dan Waqaf (LAZISWA) aktiviti sosial kesihatan kemasyarakatan dilaksanakan, termasuk penubuhan balai kesihatan untuk santri dan masyarakat yang terletak di tengah-tengah perumahan penduduk kampung. Selain daripada itu pihak yayasan atau LAZISWA juga sentiasa bekerjasama dengan pusat kesihatan masyarakat milik kerajaan untuk merancang program-program yang dapat memahamkan para masyarakat tentang pentingnya kesihatan iaitu dengan memberikan bimbingan mahupun seminar-seminar kesihatan.

University of Malaya

Selain daripada itu semua, pesantren juga sentiasa memperhatikan kesejahteraan ekonomi masyarakat. Langkah awal yang telah dilakukan pesantren iaitu dengan menubuhkan koperasi pesantren (kopontren) sebagai badan hukum yang melindungi seluruh kegiatan ekonomi. Melalui kopontren pemerkasaan ekonomi masyarakat sekitar dilaksanakan. Seperti penubuhan PLMPM mahupun HIPSI sebagai usaha pengembangan ketrampilan dan latihan bagi santri dan masyarakat. *Kedua*, penubuhan BMT sebagai lembaga pemberi modal usaha kepada masyarakat. Disifatkan langkah sebegini merupakan langkah yang tepat dalam membuka jalan untuk memperbaiki prestasi ekonomi masyarakat. Lebih lagi dengan adanya kawalan-kawalan sama ada kawalan secara fisik (pelatihan dan penyeliaan) mahupun bukan fisik (doa dan istighosah bersama). Dengan adanya dua kawalan ini secara tidak langsung pesantren telah berusaha membawa perubahan perilaku perekonomian dalam masyarakat. *Ketiga*, dengan melibatkan masyarakat dalam pelbagai aktiviti ekonomi yang produktif seperti usaha dalam pertanian, konveksi pakaian, kilang roti, printing, dobi dan lain-lainnya.

Dari huraian di atas jelaslah bahawa pelbagai peranan telah pesantren lakonkan di tengah-tengah kehidupan bermasyarakat. Apabila masyarakat sekitar mendapatkan sebarang kemudahan dan perhatian yang merangkumi daripadanya pelatihan keterampilan, pendidikan dan kemahiran, bimbingan kerohanian, kemudahan layanan kesihatan mahupun penglibatan masyarakat dalam pelbagai kegiatan ekonomi dengan pesantren bermakna pembangunan manusia secara utuh telah pun dilaksanakan oleh pesantren. Ini kerana pembangunan yang sebenarnya bukanlah pembangunan yang hanya bersifat fizikal, melainkan pembangunan multi dimensi dan multi aspek.

University of Malaya

BAB VI

PENUTUP

6.1. Pengenalan

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengorak sesuatu fenomena tentang peranan pesantren sekaligus untuk memberikan jawapan atas tuduhan dari para pengkaji terdahulu bahawa pesantren merupakan institusi yang melahirkan para penganggur, belum mampu bertindak balas dengan masalah-masalah sosial di masyarakat, bahkan komuniti alumni pesantren hanya menambah tingkat pengangguran di Indonesia. Sangatlah ironis apabila pernyataan itu benar-benar terjadi, oleh kerana hampir 11.96 % atau 29,130,000 orang penduduk miskin di Indonesia duduk di perkampungan dan majoriti semuanya beragama Islam. Walau bagaimanapun melalui kajian ini akan mengungkap fenomena yang berlaku sebenarnya dan sekaligus membuktikan kewujudan pesantren sebagai institusi Islam tertua di kepulauan Nusantara dengan mempertahankan visi, misi dan falsafahnya yang berdikari, tumbuh berkembang di tengah-tengah masyarakat, berasal daripada masyarakat, diwujudkan oleh masyarakat dan ditujukan untuk masyarakat.

Populasi pesantren yang semakin bertambah dari tahun ke tahun menjadi bukti minat masyarakat terhadap pesantren, terlebih pesantren tidak lagi sebagai tempat pengajaran ilmu agama sahaja melainkan menjadi pengerak dan tulang belakang pembangunan ekonomi masyarakat perkampungan. Oleh yang demikian, kajian ini difokuskan kepada analisa peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar yang merangkumi objektif kajian iaitu menganalisis visi, misi dan falsafah pesantren bagi menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, menganalisis potensi-potensi yang dimiliki pesantren, menganalisis tujuan pengembangan ekonomi

University of Malaya

pesantren serta menganalisis peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat sekitar.

Jumlah penduduk Negeri Jawa Timur yang mencapai 38.36 juta orang merupakan negeri terbesar di Indonesia selepas negeri Jawa Barat. Iaitu hampir 78.60 % populasi pesantren Indonesia berada di daerah Jawa, maka tidak hairan apabila negeri Jawa timur digelari dengan negeri santri. Oleh kerana itu pesantren-pesantren di negeri Jawa Timur merupakan awal sejarah perkembangan pesantren di Indonesia dan pautan penyebaran Islam ke daerah-daerah yang belum ramai penduduk Islamnya. Sehingga sampel kajian ini diperolehi dari tiga pesantren tua, besar dan cemerlang di negeri Jawa Timur dengan tipologi yang berbeza iaitu Pesantren Salafiyyah Sidogiri, Pesantren kombinasi al-Yasini dan Pesantren Moden Gontor dengan mengunakan kaedah dokumenter, temubual yang dirakamkan dengan alat perakam audio dan observasi untuk melengkapkan dan mengukuhkan data yang telah diperoleh.

6.2. Rumusan dapatan kajian

Kajian ini mendapati beberapa jawapan terhadap tuduhan dari para pengkaji terdahulu mahupun tokoh masyarakat Indonesia atas pandangan-pandangan negatif yang mempertikaikan peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Berikut dapatan kajian yang dirumuskan seperti di bawah ini:

1. Berkenaan dengan visi misi dan falsafah pesantren dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar, ada beberapa perkara yang dapat disimpulkan iaitu:
   a. Pesantren sebagai institusi Islam sentiasa kukuh dan berpegang teguh dengan ajaran-ajaran syariah Islam yang termaktub di dalam al-Quran dan sunnah

University of Malaya

Nabi. Sehingga nilai dan falsafah yang menjadi rujukan seluruh aktiviti di pesantren berpegang kepada aqidah ahli sunnah wal jam'ah.

b. Tradisi amaliyah keagamaan yang berasaskan quran, sunah dan perilaku salafus shaleh menjadi unsur asasi dalam membentuk sumber manusia yang memiliki sensitiviti sosial dan budaya. Perkara ini dibuktikan dengan pemberantasan praktik ekonomi ribawi di kalangan masyarakat iaitu dengan menubuhkan lembaga simpan pinjam yang berasaskan ekonomi Islam seperti BMT atau LKS.

c. Matlamat daripada pengajaran dan pembelajaran di pesantren iaitu mewujudkan sumber manusia yang bermanfaat *(Anfa'u li al-nās)*, yang berdikari, berilmu, beramal, ikhlash dan sederhana dengan mengikuti keperibadian empat sifat mulia Nabi Muhammad s.a.w.; jujur *(al-Ṣidq)*, terpercaya *(al-Amānah)*, menyampaikan *(al-Tablīgh)* dan cerdas *(al-Faṭānah)*. Berilmu mesti beramal dan beramal mesti telus tanpa mengharapkan sebarang ganjaran kecuali keredaanNya. Sehingga natijah dari berilmu, beramal dengan telus dan sifat sederhana adalah berdikari. Perkara ini dibuktikan dengan ramainya alumni pesantren yang menjadi pelapis di pesantren dan berkhidmat di lembaga-lembaganya dengan tanpa adanya gaji tetap.

d. Pesantren sentiasa mencuba bertindak balas terhadap keperluan di masyarakat dan cabaran zaman dengan tanpa melucutkan ciri khas nilai pesantren. Sehingga didapati pesantren menjadi makmal kemasyarakatan dengan mengajarkan pelbagai macam yang akan dihadapi di masyarakat. Perhatian pesantren kepada peserta didik tidak lagi difokuskan kepada pengajaran ilmu agama sahaja melainkan adanya perpaduan dua sistem iaitu sistem salafiyyah dan moden. Oleh kerana itu, kurikulum pembelajaran di pesantren telah

University of Malaya

mengalami penambahanbaikan untuk melahirkan sumber manusia yang berakhlak, berilmu, bertamadun dan berketerampilan. Seperti memasukkan aktiviti ko-kulikuler dengan pembinaan baca kitab kuning, musyarawah kelas, kuliah umum, halaqah fiqhiyyah, pengembangan bakat dan wawasan keilmuan, administrasi pendidikan, psikologi belajar, kelas informasi dan teknologi dalam bidang sains agama, kelas olimpiade sains, dan bengkel-bengkel keusahawanan. Dengan adanya perubahan ini pesantren yakin mampu melahirkan manusia yang unggul dalam spiritual, produktif secara sosial dan kompeten secara ekonomi.

2. Struktur organisasi pesantren dalam menyokong pembangunan ekonomi masyarakat sekitar;

   Untuk memperjelas tindak balas pesantren dalam menghadapi permasalahan-permasalahan sosial yang ada dalam masyarakat, maka di dalam struktur organisasi di setiap pesantren terdapat bahagian sosial kemasyarakatan. Bahagian ini bertugas dan bertanggung jawab sebagai medium *dakwah bi al-ḥāl*, termasuk menjaga baik hubungan dan kerjasasama antara pesantren dengan masyarakat. Seperti penubuhan pusat kajian Islam *(Islamic centre)*, balai kesihatan masyarakat dan santri, majalah, radio, mahupun seluruh kegiatan ekonomi yang melibatkan masyarakat sekitar.

   Dengan wujudnya hubungan yang baik dengan masyarakat sekitar tersebut, maka terciptalah enam kerjasama antara pesantren dengan masyarakat iaitu kerjasama dalam bentuk ekonomi *(economic relationship)*, hubungan spiritual *(spiritual relationship)*, hubungan sosial *(social relationship)*, hubungan keamanan dan

ketertiban *(security relationship)* dan hubungan dalam pembangunan fisik *(development relationship).*

3. Keunikan sistem pendidikan yang telah berakar umbi di pesantren menjadikan kekuatan tersendiri bagi pesantren. Sama ada kekuatan atau potensi itu telah diketahui pihak pesantren mahupun belum. Setidaknya ada dua potensi besar yang dimiliki pesantren iaitu potensi ekonomi madinyyah (fizikal) dan potensi ekonomi insaniyyah.

   a. Potensi ekonomi madiyyah (fizikal) yang dimiliki pesantren tidak lepas dari sistem pembelajaran di pesantren yang menerapkan sistem sekolah berasrama penuh *(boarding school system)*, dengan pelajar yang duduk di pesantren selama 24 jam penuh dari bangun tidur hingga tidur semula, hal ini merupakan pasar fanatik *(captive market)* yang jelas dan nyata bagi pesantren. Sehingga usaha ekonomi yang dapat dikembangkan ialah kedai runcit, pasar raya, penerbitan buku, konveksi pakaian, termasuk rumah penginapan bagi tetamu dari kalangan ibu bapa. Manakala keberadaan pesantren yang berada di tengah-tengah masyarakat perkampungan, maka potensi ekonomi yang dapat dikembangkan iaitu lembaga simpan pinjam, pertanian dan peternakan. Sedangkan untuk menampung para dermawan dan muhsinin, maka waqaf menjadi satu potensi ekonomi bagi pesantren sama ada waqaf dalam bentuk tanah dan bangunan *(property)* atau wakaf tunai *(cash waqaf).*

   b. Potensi ekonomi insaniyyah pula disebabkan kerana sejarah kehadiran pesantren yang tidak dapat dipisahkan dengan harapan dan cita-cita daripada masyarakat awam. Sehingga masyarakat sekitar pesantren lebih bersifat pengikut *(culture of followeship)* terhadap tradisi dan budaya pesantren. Perkara ini menjadikan pesantren sebagai pengendali sosial *(social control)*

University of Malaya

bagi masyarakat sama ada pemikiran, perilaku mahupun moral. *Kedua,* Karisma seorang kiai *(charismatic of kiai)* di mata alumni pesantren mahupun masyarakat awam. Kualiti keilmuan atau kecakapan dalam memimpin seseorang mendatangkan pujian dan hormat daripada masyarakat ramai terhadap dirinya, maka secara tidak langsung kiai menjadi sentral figur *(centre of figure)* bagi masyarakat yang sentiasa diikuti dan dijadikan contoh. *Ketiga,* Budaya *tabarruk* di kalangan orang ramai kepada kiai mahupun pesantren merupakan magnet yang memiliki kekuatan spiritual untuk menarik minat masyarakat belajar atau berziarah ke kiai dan pesantren. *Keempat,* penerapan sistem disiplin waktu di pesantren menjadi modal yang berharga bagi santri untuk berbuat lebih banyak dan berkualiti di masyarakat nantinya. *Kelima,* Jaringan komunikasi antara satu pesantren dengan pesantren yang lain melalui penugasan guru bantu atau disebabkan pernikahan anak kiai dengan anak kiai pesantren lain. *Keenam,* ikatan emosional dan spiritual di kalangan para alumni pesantren. *Ketujuh,* kurikulum pembelajaran agama yang lebih ditumpukan menjadi kekuatan mental spiritual bagi para pelajar untuk berperanan di masyarakat dengan lebih baik.

Dengan merujuk kepada potensi-potensi yang dimiliki pesantren tersebut, maka pesantren telah bertambah tugas dan fungsinya iaitu sebagai posisi penghubung *(mediator position)* yang menghubungkan antara a) m. Masyarakat dengan pesantren, b). Masyarakat dengan santri, c). Masyarakat dengan masyarakat, d). Santri dengan santri yang berasal dari pelbagai daerah lain dan e). Antara pesantren, masyarakat dengan kerajaan dalam pelbagai program aktiviti bersama. Di samping itu pesantren juga menjadi tempat perubahan sosial *(social change).* Perkara ini berlaku kerana pesantren

University of Malaya

memadukan kurikulum agama dan umum, menjaga tradisi mahupun nilai-nilai pesantren yang sentiasa kekal, 24 jam kehidupan santri di dalam asrama dan kepercayaan masyarakat kepada pesantren yang bersumber dari karisma kiai.

4. Tujuan pengembangan ekonomi pesantren

Berawal dari prinsip berdikari berdiri di kaki sendiri, pesantren memulakan usaha-usaha untuk memenuhkan seluruh keperluan hariannya. Aktiviti perekonomian ini dicetuskan oleh kelompok kecil yang terdiri dari kiai bersama keluarganya yang lebih bersifat persendirian. Walau bagaimana pun rasa kekhuatiran timbul apabila terjadi penyimpangan orientasi nilai-nilai pembelajaran dan pendidikan di pesantren. Sehingga seluruh kegiatan ekonomi diuruskan secara bersama-sama dengan melibatkan para santri, guru dan masyarakat sekitar atau ditadbir di bawah yayasan pesantren. Oleh kerana itu setidaknya ada empat matlamat daripada pengembangan usaha-usaha ekonomi di pesantren iaitu;

a. Sebagai usaha untuk kesejahteraan kiai dan para pembantunya. Perkara ini berlaku kerana penubuhan pesantren secara persendirian tanpa ada sebarang keterikatan dengan pihak kerajaan. Sehingga kiai dan para pengajar di pesantren tidak mendapatkan gaji atau upah daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun pesantren merupakan institusi pendidikan yang termurah bagi masyarakat Indonesia yang pembayaran yuran bulanan dapat dibawa berunding atau mengikut kemampuan ibu bapa, bahkan ada sebahagian santri yang tidak membayar. Oleh kerana itu usaha pengembangan ekonomi di pesantren juga memiliki matlamat untuk kesejahteraan kiai, keluarga dan para pengajarnya.
b. Sebagai ekonomi keusahawanan yang berdikari *(ekonomi protect)*. Dengan melihat potensi-potensi ekonomi yang dimiliki pesantren, maka pesantren memperkasakan para alumni dan masyarakat untuk mewujudkan ekonomi yang

University of Malaya

kukuh dan berdikari. Perkara ini terbukti dengan pemahaman para santri dan masyarakat tentang makna keberkatan rezeki. Seperti contoh belanja di pesantren dengan niat beribadah, bekerja di pesantren untuk mendapatkan keberkatan rezeki dan sebagainya. Disamping itu pelbagai cara untuk menyokong kejayaan usaha ekonomi ini iaitu dengan mengamalkan sistem proteksi ekonomi. Proteksi ekonomi pesantren dikawal melalui pengeluaran barangan-barangan keperluan santri secara persendirian mahupun bekerjasama dengan para alumni dan juga masyarakat. Oleh kerana itu selagi ada produk sendiri yang dikeluarkan oleh pesantren, alumni dan masyarakat sekitar akan lebih diutamakan berbanding produk dari luar pesantren. Di samping itu juga ditetapkan beberapa pelaturan disiplin sama ada bagi santri mahupun keluarga pesantren untuk belanja di usaha-usaha ekonomi yang dimiliki pesantren. Santri dan guru tidak dibenarkan berbelanja dalam radius 5 km daripada lingkungan pesantren.

c. Sebagai bentuk latihan dan pembelajaran bagi para santri pesantren dan guru-gurunya. Perkara ini berlaku kerana pesantren bukanlah lembaga yang mementingkan keuntungan *(profit oriented)* melainkan institusi yang melahirkan para pelapis-pelapis ulama yang intelek, bermanfaat untuk umat dan berdikari. Sehingga model pendidikan yang ditawarkan di pesantren ialah belajar sambil bekerja *(learning by doing)*. Terbukti di dalam struktur organisasi pesantren ada bahagian ekonomi yang melibatkan para santri dan guru-gurunya. Seperti di pesantren Sidogiri ada bahagian bukan pendidikan yang merangkumi daripadanya koperasi santri, media cetak santri dan sebagainya. Di al-Yasini juga terdapat bahagian koperasi pesantren yang mengelola seluruh kegiatan perekonomian pesantren yang melibatkan santri,

University of Malaya

guru dan masyarakat. Begitu juga di pesantren Gontor di bawah pengasuhan santri ada bahagian organisasi santri pesantren Gontor (OPPM) yang menguruskan seluruh kegiatan harian santri termasuk usaha-usaha ekonomi.

d. Sebagai usaha mensejahterakan ekonomi masyarakat sekitar. Ada lima langkah asas yang telah dilakukan pihak pesantren setiap kali akan mengembangkan usaha-usaha ekonominya iaitu menganalisa peluang, menganalisa maslahah, menganalisa mafsadah, melihat kekuatan dan kelemahan yang dimiliki pesantren barulah membuat perencanaan pelaksanaan. Walau bagaimanapun kemaslahatan untuk orang ramai merupakan asas kayu ukur sebuah usaha ekonomi itu dikembangkan atau sebaliknya.

5. Peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi masyarakat

Dengan melihat kepada penubuhan pesantren dalam waktu yang begitu lama sejak dahulu hingga sekarang, setidaknya pesantren telah memposisikan dirinya pada empat tempat strategik, sekaligus menjadi bukti kewujudan pesantren sebagai insitusi pendidikan tertua di Negara Indonesia. Posisi tersebut iaitu; pesantren sebagai lembaga pengembangan ilmu agama dalam istilah lain *tafaqquh fī al-dīn*, sentiasa konsisten menjaga tradisi-tradisi keislaman yang melahirkan para cendikiawan muslim. *Kedua,* pesantren sebagai medium dakwah dan padang perjuangan yang melahirkan sumber manusia dengan nilai-nilai yang ditanamkan di pesantren seperti keikhlasan, kesederhanaan serta matlamat akhir iaitu *mardhatillah*. *Ketiga,* pesantren sebagai institusi pemerkasa ekonomi masyarakat iaitu melalui seluruh usaha-usaha ekonomi di pesantren yang melibatkan penduduk sekitar pesantren. *Keempat,* pesantren juga merupakan institusi yang berkhidmat bagi masyarakat dengan komitmennya *amar ma'rūf nahi munkar* dalam pelbagai bentuk.

University of Malaya

Dari keempat posisi ini, maka kewujudan pesantren telah memberi peranan dalam pelbagai aspek pembangunan kepada masyarakat sekitar dan masyarakat Indonesia pada umumnya. Peranan yang telah dilakonkan oleh pesantren meliputi beberapa aspek iaitu pendidikan, kerohanian, kesihatan, ekonomi dan sosial.

a. Aspek pendidikan

Peranan pesantren dari aspek pendidikan dapat dilihat melalui dua sudut iaitu *dalaman* dan *luaran*. Secara dalaman dapat merujuk kepada jumlah santri di tiga kes pesantren ini, seperti Sidogiri seramai 6,065 santri, al-Yasini seramai 4,675 santri dan pesantren Gontor seramai 4,043 santri dengan asal daerah pelajar dari pelbagai negeri bahkan antarabangsa. Di samping itu ketiga pesantren ini telah wujud sejak puluhan tahun yang lalu dan hampir setiap tahun di setiap pesantren meluluskan ribuan pelajar. Para santri duduk di asrama dalam waktu 24 jam, kiai dan guru sebagai *public figure* merupakan pendidikan karakter yang memotivasi semua potensi kemanusiaan sama ada intelektual, spiritual, mental mahupun fisik untuk menuju kesempurnaan yang sempurna. Apa yang dilihat, didengar dan dilakukan oleh santri semuanya mengandungi nilai pendidikan. Sehingga secara dalaman pesantren telah mempersiapkan sumber manusia yang sedia berkhidmat di masyarakat. Berbuat berasaskan kemahuan, kefahaman dan kesadaran untuk menjadi insan kamil. Tradisi kebiasaan-kebiasaan baik di pesantren, seperti bertoleransi, disiplin waktu dan seluruh aktiviti kokulikuler juga turut membentuk keperibadian santri.

University of Malaya

Manakala secara *luaran* pesantren telah membanteras buta huruf dengan pelbagai usaha seperti Pesantren Gontor telah menubuhkan cawangan sebanyak 18 pesantren di seluruh Indonesai, menubuhkan pusat-pusat kajian Islam *(Islamic centre)* di pelbagai daerah, Madrasah ibtidaiyyah dan kelas-kelas bimbingan al-Quran (TPA). Pesantren Sidogiri juga telah menubuhkan cawangan madrashah MMU sebanyak 119 madrasah di seluruh daerah negeri Jawa Timur dengan Tipe A sebanyak 70 madrashah di wilayah Pasuruan, tipe B sebanyak 49 madrashah di daerah Probolingo, Surabaya, Banyuwangi, Sumenep, Situbondo dan Lumajang. Manakala Pesantren al-Yasini melalui LPM (lembaga Pengabdian Masyarakat) dengan program *(khidmah arba'īn)* para pelajar kelas akhir dituntut berkhidmat dengan mengajar dan membuat kelas-kelas bimbingan di daerah-daerah minoriti muslim.

b. Aspek kerohanian

Pembangunan sumber manusia di pesantren bukan hanya sebatas pembekalan pengetahuan dan keterampilan sahaja, melainkan nilai-nilai moral dan agama sentiasa menjadi perhatian utama di pesantren. Seperti penanaman aspek spiritual yang membangunkan jiwa dan roh dalaman manusia, subjek-subjek fardhu 'ain, zikir-zikir, hifzul al-Quran, termasuk kajian kitab-kitab turath dan lain-lainnya. Sehingga pembangunan tidak dipesongkan dari aqidah, segala aktiviti selari dengan ajaran Islam yang bernilai ibadah dan pelaku pembangunan memiliki sifat jujur, amanah dan berakhlak mulia.

Manakala peranannya kepada masyarakat sekitar seperti; Pesantren Sidogiri melalui empat langkah yang telah dilakukan iaitu *pertama*, mengawal masyarakat melalui majlis ilmu yang dikhaskan untuk masyarakat awam.

University of Malaya

Kedua majlis ilmu untuk para alumni pesantren, ibu bapa santri dan simpatisan. *Ketiga*, membahagikan buletin mingguan ke masjid-masjid sekitar pesantren sama ada secara percuma mahupun berbayar. *Keempat*, menghantar guru tugas dan da'i (pendakwah) ke pelbagai daerah di seluruh Indonesia.

Begitu juga dengan Pesantren al-Yasini mengunakan tiga pendekatan iaitu dengan progam tahunan Lembaga Khidmat Masyarakat (LPM), kiai pesantren sendiri berdakwah dari rumah ke rumah masyarakat sekitar pondok dan juga melalui broadcase di radio bandar Pasuruan setiap setiap hari ahad dan sepanjang bulan suci Ramadhan.

Manakala Pesantren Gontor dengan menubuhkan *Islamic centre* dipelbagai wilayah dan Bandar, membuat majlis-majlis ta'lim untuk masyarakat dan para pekerja di pesantren, melalui media cetak seperti risalah-risalah dan majalah serta menubuhkan sebuah stesyen radio dan television yang dapat diakses untuk masyarakat yang lebih luas, melalui laman sesawang Pesantren Gontor sebagai medium sosial zaman moden serta pengiriman lepasan pesantren untuk berkhidmat ke pesantren-pesantren di seluruh di Indonesia selama satu tahun. Di samping itu melalui biro pengabdian kemasyarakatan Institut Studi Islam Darussalam Gontor para pelajar siswazah mengajar kelas-kelas al-Quran di surau-surau perkampungan binaan seperti di kampung Tranjan Siman dan kampung Brahu Siman Ponorogo.

c. Aspek kesihatan

Untuk melahirkan manusia yang cerdas, unggul dan sedia bersaing, maka unsur kesihatan juga mendapatkan bahagian yang sama dengan aspek-aspek pembangunan yang lainnya. Oleh kerana itu, beberapa usaha yang telah

University of Malaya

dilakukan pesantren iaitu dengan penubuhan bahagian kebersihan lingkungan di pesantren, menubuhkan kemudahan kesihatan seperti Balai Pengubatan Santri dan masyarakat yang ditujukan untuk memberikan layanan kesihatan bagi santri dan juga masyarakat sekitar. Disamping itu aktiviti-aktiviti sosial dalam bentuk kesihatan untuk masyarakat yang bersifat rutin juga sentiasa diagendakan. Seperti program khitan beramai-ramai, rawatan percuma, derma darah, pemberian kaunseling kesihatan kepada masyarakat, termasuk biaya pengubatan di balai kesihatan pesantren untuk masyarakat yang jauh lebih murah berbanding dengan berubat di hospital swasta dan kerajaan. Bahkan masyarakat awam hanya membayar ubat sahaja, sedangkan konsultasi dan rawatan kesihatan adalah percuma.

d. Aspek ekonomi

Sebagaimana pendapat Kiai Hamdan Rasyid salah satu ahli Majlis Ulamak Indonesia dalam pembangunan ekonomi setidaknya pesantren menjadi wadah perkembangan keilmuan ekonomi syariah serta menjadi makmal praktik yang nyata dalam teori ekonomi syariah bagi para penghuni dan masyarakat sekitarnya. Perkara ini dibuktikan oleh pesantren dengan pelbagai bentuk aktiviti dan usaha memperkasakan sekaligus meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat sekitar iaitu;

Pertama, dengan cara menubuhkan Baitu al-Māl wa al-Tamwīl (BMT) atau Lembaga Keuwangan Syariah (LKS) sebagai usaha untuk membantu para peniaga kecil yang kekurangan modal. Bahkan BMT Maslahah Sidogiri telah memiliki cawangan sebanyak 70 cawangan, BMT UGT Sidogiri memiliki 230 cawangan di pelbagai daerah, BMT Gontor memiliki 3 cawangan dan LKS al-

University of Malaya

Yasini memiliki 2 cawangan. Selain daripada itu pesantren juga bekerjasama dengan Bank Mandiri dalam menyediakan kredit usaha mikro dana dalam bentuk Kredit Investasi (KI) atau Kredit Modal Kerja (KMK) untuk pengembangan usaha produktif berskala mikro, sama ada usaha itu dimiliki individu, kumpulan mahupun perusahaan.

Kedua, dengan menubuhkan usaha-usaha ekonomi pesantren yang melibatkan pekerja daripada masyarakat. Secara majoriti masyarakat sekitar pesantren terlibat dalam kegiatan perekonomian di pesantren dari pembekal makanan di kedai-kedai makanan, konveksi pakaian, dobi, potong rambut, penyewaan motosikal, teksi motosikal, hingga bekerja di usaha-usaha ekonomi pesantren. Bahkan pesantren juga menyediakan premis dan kedai-kedai khas untuk peniaga daripada masyarakat di dalam pesantren dengan target 80 % barangan yang dijual di pasar raya milik pesantren dari produk lokal iaitu masyarakat dan alumni pesantren.

Ketiga, menyiapkan sumber manusia dengan memberikan pelbagai bentuk latihan keusahawanan mahupun bengkel-bengkel singkat. Seperti HIPSI membuat bengkel keusahawanan bagi lepasan pesantren, santri dan masyarakat di pelbagai bandar di Indonesia iaitu Bandar Lombok, Bandar Malang, Bandar Tasikmalaya, Bandar Pontianak dan bandar Brebes yang melibatkan 50 pesantren dengan jumlah peserta 3,000an santri. Termasuk program *pesantrenpreneur camp* yang diikuti oleh 30 santri dari pelbagai pesantren yang ada di Jawa Timur. Program ini berjalan selama enam bulan dengan pelbagai aktiviti pelatihan wirausaha yang merangkumi daripadanya tahfidz al-Quran dengan tajwidnya, akiqad, fiqh, akhlak dan dakwah, pelatihan bidang

University of Malaya

pertanian, perikanan dan peternakan, managemen marketing, program kuliner bakso, fried chicken, bebek dan kebab turki, internet online, dan berlatih praktik usaha di Malang, Mojokerto dan Surabaya.

Keempat, pengoptimuman sektor pertanian sebagai usaha pengawalan makanan. Dalam hal ini setiap pesantren memiliki cara yang berbeza, seperti Pesantren Sidogiri dengan cara menubuhkan koperasi agro pertanian *(agro-farming)* untuk memudahkan masyarakat petani dalam mendapatkan bahan mentah pertanian, termasuk memberikan penyeliaan dan penyelesaian masalah bersama-sama dengan petani. Sedangkan Pesantren al-Yasini dengan cara membentuk satu jaringan kelompok peladang bersepadu *(integrated farm cluster)* seperti budidaya bebek pedaging dan budidaya ayam pedaging dengan lokasi pemasaran Surabaya dan Jakarta, rumah pemotongan ayam, pengiriman 5,000 liter setiap hari susu segar ke Green Field, budidaya kambing etawa, kerepek singkong, ladang plasma jagung, budidaya ikan keli sangkuriang, pengolahan pelbagai macam buah-buahan untuk dijadikan kerepek buah. Termasuk juga dengan meneroka hutan lebih kurang seluas 17.668 Ha di Kecamatan Sempol Wilayah Bondowoso Jawa Timur bersama dengan Kutai Timber Indonesia Sdn.Bhd (KTI), Sumitomo Forestry Co., Ltd dari Jepun, perum perhutani. Manakala Pesantren Gontor lebih kurang tanah seluas 96 hektar berupa tanah bendang dikelola berasama masyarakat untuk bercucuk tanam padi dengan sistem bagi hasil dan sistem sewa. Hasil daripada panennya dipakai untuk mencukupi keperluan pesantren dan juga masyarakat sekitar terhadap beras.

University of Malaya

Kelima, membuat wadah bagi lepasan pesantren untuk menciptakan kerjasama dalam ekonomi yang lebih luas. Seperti Ikatan Alumni Sidogiri (IAS), Himpunan Pengusaha Santri Indonesia (HIPSI) di Pesantren al-Yasini, dan juga Ikatan Keluarga Besar Pondok Moden (IKPM) di Pesantren Gontor.

Keenam, pengawalan kualiti produk sebagai usaha menjaga kelangsungan produktiviti. Dalam hal ini pesantren telah melakukan penyeliaan dalam pemasaran produk dengan tujuan dapat meningkatkan daya saing dalam pemasaran produk bagi para alumni pesantren dan masyarakat yang telah memiliki usaha ekonomi. Seperti pelatihan pembungkusan makanan, bekerjasama dengan TELKOM Indonesia Sdn. Bhd. membuat latihan pemasaran online.

e. Aspek sosial budaya.

Pesantren sebagai lembaga pengembangan ilmu keagaman memiliki cakupan yang luas, bukan hanya terhad pada hubungan secara vertikal sahaja melainkan hubungan horizontal (kesadaran sosial) juga mendapat perhatian yang sama. Beberapa pembangunan dalam aspek sosial yang telah dilakukan pesantren iaitu dengan menubuhkan Lembaga Amil Zakat, Infaq, Sedekah, dan wakaf (Laziswa) atau melalui yayasan pesantren kerja-kerja sosial dilakukan. Hingga saat ini Laziswa telah memiliki 13 cawangan dengan jumlah penderma tetap seramai 9,110 orang. Dana yang terkumpul dari muhsinin di agihkan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan sosial seperti dana untuk fakir dan miskin (Kun Fayakun) program ini khas untuk menyalurkan dana zakat melalui tiga kegiatan; bantuan berguna mustahik, bantuan komsuntif dan bantuan produktif dalam bentuk pemberian modal usaha.

University of Malaya

Kedua, Latihan dan Pendidikan Siap Guna (Latansana) yang menangani bagi pelajar yang putus sekolah disebabkan kurang dana, memberikan penghargaan bagi pelajar yang berprestasi dan membina kemahiran mahupun kreativiti masyarakat awam.

Ketiga, Bantuan Sarana dan Dakwah (Burdah). Bantuan ini meliputi perolehan dan pembaikan sarana fasiliti umum, bengkel peningkatan kemahiran bagi usahawan, bantuan perkhidmatan kesihatan kepada para dhuafa' dan bantuan umum untuk korban bencana alam.

Keempat, Perhatian kepada anak Yatim (Ayomi) merangkumi dua kegiatan iaitu memenuhi seluruh keperluan harian termasuk biaya pendidikan seluruh anak yatim di Darul Aitam Sidogiri Surabaya dan bantuan secara langsung berupa wang cash kepada mereka dalam bentuk wang belanja mahupun wang kesihatan.

Kelima, Wakaf yang bermanfaat untuk ummah (Kaffah) yang merangkumi daripadanya pembinaan pendidikan, pembinaan kesihatan, pembinaan sosial, ekonomi dan dakwah.

Selain daripada itu pesantren juga bekerjasama dengan pihak-pihak luar pesantren dalam membangunankan tempat-tempat peribadatan dan juga premis-premis perniagaan untuk masyarakat sekitar pesantren, bahkan pesantren juga meminjamkan tanahnya untuk membangunkan kemudahan awam seperti sekolah, rumah sakit dan padang bola sepak untuk masyarakat.

University of Malaya

6.3. Perbincangan dan Implikasi kajian

Inti dari sebuah pembangunan ekonomi bukan hanya pembangunan dengan pertumbuhan daripada pendapatan perkapita *(development with growth)*, melainkan pembangunan ekonomi ialah pembangunan yang membawa sebuah perubahan *(development with change)*. Perubahan yang dapat membawa ke arah yang lebih baik secara sosial masyarakat, perubahan yang didasari dengan nilai-nilai keislaman. Sehingga matlamat daripada pembangunan ekonomi tercapai, iaitu kebahagiaan di dunia dengan hidup terpenuhi; keperluan asas, selesa, damai, terlepas sifat-sifat madzmumah dan kebahagiaan di akhirat juga tercipta dengan segala aktiviti kehidupan yang hanya mengharapkan keredaan daripada Allah S.W.T.

Penelitian ini telah menunjukkan bahawa kewujudan institusi pendidikan Islam seperti pesantren sangatlah penting di tengah-tengah kehidupan masyarakat perkampungan. Pesantren telah banyak membawa perubahan masyarakat sekitarnya dalam pelbagai aspek sama ada perubahan kauntitatif mahupun perubahan kualitatif. Oleh yang demikian, tidaklah benar apabila ada anggapan bahawa pesantren tidak bertindak balas permasalahan-permasalahan di lingkungan sekitarnya. Merujuk kepada nilai dan falsafah pesantren iaitu mewujudkan sumber manusia yang bermanfaat *(Anfa'u li al-nās)*, yang berdikari, berilmu, beramal, ikhlash dan sederhana dengan mengikuti keperibadian empat sifat mulia Nabi Muhammad s.a.w.; jujur *(al-Ṣidq)*, terpercaya *(al-Amanah)*, menyampaikan *(al-Tablīgh)* dan cerdas *(al-Faṭanah)* sudah cukup memberikan gambaran orientasi pendidikan di pesantren. Potensi-potensi yang dimiliki pesantren seperti kepercayaan masyarakat dan budaya tabaruk juga menjadi bukti cerminan dari peranan pesantren sejak ditubuhkannya hingga sekarang.

University of Malaya

Selain daripada itu konsep pembangunan ekonomi di pesantren iaitu dengan terlebih dahulu menanamkan asas nilai-nilai kerohanian melalui pengajian-pengajian, kuliah di radio, pengagihan buletin dakwah secara percuma, majalah dalam bentuk salinan cetak atau di laman sesawang. Kemudian diikuti dengan pemberantasan buta huruf sama ada melalui penubuhan madrasah-madrasah mahupun bengkel-bengkel keterampilan untuk melahirkan sumber manusia yang terdidik dan terampil. Pengawalan kesihatan masyarakat seperti bantuan kaunseling kesihatan dan penubuhan kemudahan kesihatan berupa balai pengubatan santri dan masyarakat di tengah-tengah rumah penduduk kampung juga turut diwujudkan. Manakala untuk meningkatkan kesejahteraan, pesantren tidaklah memberikan bantuan secara percuma melainkan dengan cara memperkasakan masyarakat melalui pemberian modal pinjaman, melibatkan masyarakat dalam pelbagai kegiatan ekonomi pesantren, penyediaan premis perniagaan hingga pada tahap pengawalan keberlangsungan produktiviti. Oleh kerana itu, secara tidak langsung pesantren telah merubah masyarakat dalam meningkatkan kualiti kebaikan dari pelbagai aspek. Dari aspek ketaatan, kejujuran, kesederhanaan, keadilah dalam pengagihan kekayaan, serta keharmonian sosial yang mampu mengawal tingkah laku masyarakat.

Sehingga hasil dari penelitian ini dapat memberikan beberapa implikasi iaitu; (1). Terhadap konsep pembangunan sumber manusia. (2). Implikasi terhadap langkah-langkah memperkasakan masyarakat. (3). Implikasi terhadap pemanfaatan potensi-potensi yang di miliki pesantren. (4). Implikasi terhadap pandangan kerajaan mahupun NGO tentang pesantren. (5). Implikasi terhadap para kiyai dan para tokoh masyarakat.

1. Konsep pembangunan sumber manusia. Tidak ada suatu konsep pembangunan yang paling berkesan untuk mencapai sebuah kejayaan di dunia mahupun di akhirat *(al- falāh)* melainkan terlebih dahulu dengan menerapkan nilai-nilai murni

University of Malaya

keislaman pada setiap lapisan individu. Beberapa langkah dalam meningkatkan kualiti manusia di pesantren iaitu dengan pendidikan di dalam pesantren (secara dalaman) yang bersifat akademik kurikulum seperti pengajaran fiqh, tauhid, tasawuf, tafsir atau ko kurikulum yang berpandukan kepada al-Quran dan sunah nabi, termasuk qaul sahabat dan ulama' salaf sholeh, maslahah mursalah untuk bertindak balas permasalahan orang ramai dan nilai-nilai atau tradisi pesantren yang telah menyatu dengan lingkungannya. *Kedua,* selanjutnya untuk menumbuhkan sensitivity bagi para pelajar terhadap permasalahan di masyarkat, maka aktiviti-aktiviti sosial kemasyarakatan dilaksanakan seperti khidmad arbai'in, pengabdian kemasyarakatan, penghantaran guru tugas dan pendakwah ke pelbagai daerah minoriti muslim. *Ketiga,*manakala usaha untuk membentuk jiwa pendakwah yang usahawan dan berdikari, maka bengkel-bengkel keusahawanan juga turut dijadualkan iaitu seperti *pesantren entrepreneur* selama enam bulan atau pelatihan manajemen dan pengembangan masyarakat selama sembilan bulan dan bengkel-bengkel usahawan secara singkat yang lainnya.

2. Implikasi terhadap langkah pemerkasaan ekonomi masyarakat. Pemerkasaan ekonomi merupakan sebuah usaha dalam mengurangkan kemiskinan, pengangguran dan kesenjangan ekonomi. Beberapa langkah yang dapat diambil untuk memerkasakan ekonomi masyarakat perkampungan melalui pesantren iaitu; *pertama,*melalui potensi ekonomi yang di miliki pesantren seperti sistem asrama penuh, maka perkara ini dapat menciptakan budaya ekonomi di masyarakat *(enabling)* iaitu dengan cara membekal makanan dan melayani seluruh keperluan-keperluan harian pelajar dari dobi, pemotong rambut dan lain-lainnya. *Kedua,* memberikan bantuan modal mahupun latihan untuk memperkuat usaha-usaha ekonomi masyarakat *(empowering)* sama ada melalui dana zakat mahupun

University of Malaya

pinjaman dari BMT. *Ketiga,* melibatkan di pelbagai usaha-usaha ekonomi pesantren dengan sentiasa memberikan pengawalan dan penyeliaan.

3. Implikasi terhadap pemanfaatan potensi ekonomi pesantren. Pesantren sebagai institusi pendidikan Islam yang memiliki banyak potensi-potensi terpendam yang tidak dimiliki oleh lembaga lainnya, maka strategi pemanfaatan potensi dan pengawalannya mestilah bersesuaian dan dapat memberikan kesan yang lebih banyak manfaatnya untuk orang ramai. Kepercayaan masyarakat, tradisi tabaruk yang muncul dari karisma kiai dapat dijadikan sebagai modal utama dalam pengembangan ekonomi untuk mensejahterakan dan mencukupi keperluan-keperluan pesantren mahupun masyarakat. Dengan potensi tersebut, maka pesantren menjadi medium penghubung sekaligus tempat perubahan sosial *(social change).* Sehingga simbiosis muatalisme yang saling menguntungkan kedua belah pihak sentiasa terkawal. Oleh yang demikian, apabila pesantren telah menjadi sebuah lembaga yang kukuh dan berdikari dalam perekonomiannya, maka kepercayaan masyarakat akan semakin bertambah berbanding dengan pesantren yang lemah dan tidak mampu melihat peluang-peluang yang ada. Perkara ini akan dapat meningkatkan citra pesantren dan menghapus anggapan masyarakat tentang lembaga pengedar permohon derma.
4. Implikasi terhadap pandangan kerajaan mahupun NGO tentang pesantren. Pihak kerajaan mahupun NGO sudah sepatutnya melihat pesantren secara keseluruhan, bukan hanya satu aspek iaitu tempat mendalami ilmu agama sahaja. Melainkan melihat pesantren dari pelbagai aspek iaitu tradisi, nilai, potensi dan peranannya di tengah-tengah kehidupan masyarakat perkampungan. Oleh yang demikian, perilaku masyarakat sekitar pesantren yang bersifat pengikut *(culture of followeship)* dan adanya ikatan emosional para alumni pesantren merupakan alat

University of Malaya

dan tulang belakang untuk menggerakkan perekonomian masyarakat desa. Program-program kerajaan mahupun NGO yang bersifat sosial ekonomi boleh bekerjasama atau melalui pesantren di bawah yayasan pesantren atau koperasi pesantren, sehingga target pemerataan kesejahteraan dapat tercapai dan pembangunan ekonomi tidak tertumpu kepada individu melainkan kepada komuniti perkampungan.

5. Implikasi terhadap para kiyai dan para tokoh masyarakat. Merujuk kepada visi, misi pesantren dan juga hubungan baik antara masyarakat dan pesantren, maka sudah saatnya para kiai dan para tokoh masyarakat bersama mengembangkan corak kerjasama dalam menciptakan *baldatun tayyibah* yang penduduknya hidup penuh dengan keberkatan *(hayyatan thayyibatan)* dan kesejahteraan *(falāḥ)*, sikap ramah dan keras, generasi yang makmur, adanya jaminan keamanan dari rasuah, kelaparan, ketakutan dan tekanan mental. Walau bagaimanapun tidaklah perkara ini terwujudkan melainkan terciptanya kampung yang baik *(qaryatun thayyibah)*, dan kampung yang baik juga tidak akan wujud selagi individu masyarakat di dalamnya tidak baik. oleh kerana itu, program-program pesantren yang bersifat kecakapan hidup *(vocational skill)*, pelatihan-pelatihan pembinaan diri *(skill training entrepenuer)* diperluas lagi penyertaannya dengan melibatkan dari kalangan masyarakat begitu halnya sebaliknya. Sehingga antara pesantren dengan masyarakat tidak ada sempadan dalam visi mahupun misinya untuk mewujudkan *baldatun thoyyibah* serta pembangunan ekonomi akan dapat berlanjutan sehingga batas waktu yang tidak ditententukan.

6.4. Cadangan-cadangan

Secara umumnya, kajian ini dapat memberikan manfaat kepada para pelaku ekonomi gunaan *(applied economics)* tentang proses sekaligus langkah-langkah

University of Malaya

pembentukan ekonomi yang berdikari sebagai usaha menyelesaikan permasalahan yang berlaku. Berdasarkan hasil dari kajian ini, didapati bahawa faktor asasi yang menjadikan pesantren mampu berdikari dan bahkan bertahan di tengah perekonomi Negara Indonesia yang tidak menentu iaitu *pertama*, sistem pembelejaran di pesantren yang lebih memfokuskan ilmu-ilmu agama serta penanaman nilai-nilai keislaman di kalangan para santri dan masyarakat. Sehingga santri, guru dan masyarakat sejak awal lagi telah memahami jiwa-jiwa kesederhanaan, keikhlasan dan keberkatan rezeki. Nilai-nilai tersebut telah mampu mengawal seseorang dari sifat tamak dengan harta kekayaan bahkan melahirkan manusia yang bersifat insaniah, menyedari kekuasaan dan ketentuan Allah s.w.t. serta tanggung jawab sebagai khalifah-Nya di muka bumi ini. *Kedua*, karisma atau wibawa kiai sebagai public figure di masyarakat. Ketokohan seseorang yang menjadi contoh dan ikon orang ramai telah mampu menarik perhatian dan kepercayaan masyarakat kepada pesantren. Sehingga akses komunikasi tercipta antara kiai dengan masyarakat dalam pelbagai aspek ekonomi, politik dan sosial.

Hasil dari kajian ini diharapkan dapat menambah khazanah keilmuan tentang pesantren secara teori mahupun amali. Secara teori iaitu konsep, idea, nilai-nilai serta matlamat pembelajaran di pesantren sebagai institusi pengembangan keilmuan dan sosialisasi ekonomi syariah dalam masyarakat dijadikan contoh bagi para pelaku ekonomi. Manakala secara amali pendekatan-pendekatan yang telah dilakukan pesantren sebagai usaha bertindak balas dengan permasalahan sosial yang berlaku dalam masyarakat juga dapat menjadi panduan bagi institusi kemasyarakatan.

Selain daripada itu hasil kajian ini juga telah mendapati bahawa pesantren bukanlah institusi yang melahirkan para penganggur, bahkan pesantren telah mampu memberikan peranan kepada masyarakat sekitar dalam pelbagai aspeknya iaitu

University of Malaya

pendidikan, kerohanian, kesihatan, ekonomi dan sosial budaya. Sehingga diharapkan hasil kajian ini boleh membuka minda pihak-pihak yang melihat pesantren dengan sebelah mata sahaja, justeru itu diharapkan bagi pihak-pihak yang berkaitan sama ada kerajaan mahupun NGO bersama-sama menyokong, memotivasi dan berperanan dalam mensejahterakan serta menyelesaikan permasalahan-pemasalahan sosial ekonomi di masyarakat melalui corong pesantren.

Dapatan kajian ini juga boleh memberikan gambaran kepada pesantren-pesantren yang lain berkenaan dengan cara memanfaatkan potensi-potensi yang dimiliki pesantren sama ada potensi ekonomi mahupun bukan ekonomi dalam rangka memperkasakan ekonomi masyarakat sekitar. Oleh itu, dengan sistem asrama penuh merupakan pasar fanatik *(captive market)* bagi pesantren untuk menubuhkan usaha-usaha ekonomi yang melibatkan masyarakat sekitar, atau kepercayaan masyarakat juga merupakan peluang untuk mengembangkan lembaga simpan pinjam, pertanian mahupun pengurusan harta wakaf secara professional.

Walau bagaimana pun kajian ini juga mendapati adanya beberapa kelemahan dan kekurangan bagi pihak pesantren iaitu:

1) Pihak pesantren belum peduli terhadap pengurusan dana zakat pertanian mahupun zakat pendapatan di kalangan masyarakat. Didapati dalam kajian ini masyarakat sekitar pesantren Gontor ponorogo dan masyarakat Areng-Areng Pasuruan iaitu pengeluaran zakat tidak diuruskan oleh pesantren melainkan mengikut kesedaran individu masing-masing. Diharapkan kedua pesantren ini dapat menyelaraskan zakat masyarakat sekitar, oleh kerana distribusi kekayaan akan dapat diagihkan dengan baik apabila ada pihak yang menguruskan dengan baik pula.

University of Malaya

2) Dari ketiga kes pesantren dalam kajian ini didapati belum maksimum dalam menciptakan masyarakat yang ekonominya berdikari iaitu mampu menciptakan lapangan pekerjaan sendiri, melainkan pihak pesantren hanya melibatkan masyarakat dengan usaha-usaha ekonominya sama ada menjadi pekerja, pembekal makanan, tukang pemotong rambut dan lain-lainnya. Oleh yang demikian diharapkan pesantren lebih banyak memberikan kaunseling dan bengkel-bengkel keterampilan agar masyarakat tidak selalu bergantung dari pihak pesantren.

3) Kekuasaan ekonomi dengan mampu menghasilkan produk yang diperlukan di kalangan penghuni pesantren sendiri masih belum sepenuhnya dipenuhi, seperti peralatan mandi, bahan mentah sayur-sayuran, susu, daging masih bergantung dari pihak luar. Oleh kerana itu diharapkan pesantren bertolak ansur memenuhi segala keperluannya sama ada bekerjasama dengan pesantren lain mahupun diwujudkan bersama masyarakat sekitar, sehingga antara keduanya saling melengkapi.

4) Setiap pesantren memiliki potensi masing-masing. Kepelbagaian potensi yang dimiliki oleh pesantren bergantung kepada jumlah santri serta sejauhmana hubungan baik yang diciptakan oleh pihak pesantren dengan masyarakat sekitar mahupun pihak-pihak lainnya. Melalui hubungan tersebutlah seluruh potensi ekonomi pesantren dapat dimaksumkan. Tidaklah hairan apabila BMT, BPS dapat berkembang dengan baik, oleh kerana adanya sokongan dari pelbagai pihak. Diharapkan pihak pesantren dapat mengoptimumkan kekuatan perbankan Islamnya melalui pasaran wang secara Islam. Seperti sukuk, pelaburan mudhorobah antara bank, takaful (insuran Islam), skim pajak gadai Islam, broker secara Islam.

5) Kekuatan rangkaian kerja (networking) secara emosional sesama lepasan pesantren dan kekuatan komunikasi yang telah tercipta selama di pesantren

University of Malaya

hendaklah dapat dibina dan berjalan sampai bila-bila masa. Apabila dua kekuatan ini dapat dimanfaatkan dengan baik, nescaya tidak ada halangan bagi santri selepas keluar dari pesantren dalam mencari pekerjaan. Oleh kerana itu, peranan kiai sebagai tokoh yang ditaati sentiasa dapat mengambil bahagian dalam mengawal dan menyelia para pelajarnya sekalipun mereka telah keluar dari pesantren serta dapat menyatukan antara lepasan pesantren.

Manakala untuk para pengkaji selanjutnya, diharapkan dengan adanya kajian yang jauh dari kesempurnaan ini dapat dilengkapkan dan sedikit dapat membantu memberikan gambaran tentang peranan pesantren dalam pembangunan ekonomi di negeri Jawa Timur. Beberapa cadangan kajian untuk melengkapkan kajian ini iaitu;

1) Adanya kajian perbandingan untuk mengetahui tingkat kesejahteraan antara masyarakat sekitar pesantren dan masyarakat yang jauh dari pesantren seperti; "Tingkat kesejahteraan masyarakat Perkampungan: kajian kes antara penduduk sekitar pesantren dan penduduk jauh dari pesantren di Negeri Jawa Timur"
2) Hubungan antara pembangunan modal insan terhadap kesejahteraan: Kajian kes di pesantren Jawa Timur Indonesia.
3) Kesan pembangunan modal Insan terhadap mengurangkan pengangguran: kajian di Pesantren Jawa Timur Indonesia.
4) Strategi pendistribusian dana zakat dalam mengurangkan kadar kemiskinan di masyarakat sekitar pesantren: Kajian di Pesantren Jawa Timur Indonesia.
5) Kajian tentang hubungan antara tingkat keimanan terhadap kesejahteraan masyarakat: Kajian di masyarakat sekitar pesantren di Jawa Timur Indonesia.
6) Analisa faktor-faktor yang mempengaruhi tingkat kemiskinan masyarakat perkampungan sekitar pesantren: Kajian di Pesantren Jawa Timur Indonesia.

University of Malaya

RUJUKAN

1. Buku

‘Alī Aḥmad al-Nadwī, *Mausū’ah al-Qawāid wa al-Ḍawābiṭ al-Fiqhiyyah al-Ḥākimah li al-Mu’āmalāt al-Māliyyah fī al-Fiqh al-Islāmiyy.* Riyāḍ:t.p.1999.

’Abdu Allah ’Abdu al-Muḥsin al-Ṭarīqī, *al-Iqtiṣād al-Islāmiyy Ususun wa Mabādi’un wa Ahdāfun,* ed. Ke-4 rev. Riyāḍ: Qismi al-Dirāsah al-Islāmiyyah bi Kulliyati al-Mu’allimīn Riyāḍ,1988.

’Umar Sulaimān al-Ashqār, *Al-‘Aqīdah fī Ḍaui al-Kitāb wa al-Sunnah*, ed.ke-1. Al-Urdun: Dār al-Nafāis, 1999.

A. Halim, “Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren,” dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

_____. “Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren”, dalam *Manajemen Pesantren* ed. A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al.,. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

_____. “Menggali Potensi Ekonomi Pondok Pesantren”, dalam ed. A. Halim et al., *Manajemen Pesantren*. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

_____. “Motivasi pengembangan sumber daya manusia (SDM) dalam perspektif Islam”, dalam *Manajemen Pesantren* , ed.A. Halim et al., Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara.

A. Malik Fajar, “Kata Sambutan Menteri Pendidikan Nasional tahun 2005,” dalam *Pemberdayaan Pesantren Menuju Kemandirian dan Profesionalisme Santri dengan Metode Daurah Kebudayaan,* ed. Rofiq A. dan R.B. Widodo (Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara Yogyakarta, 2005).

A.Mukti Ali, “Beberapa catatan tentang agama, kebudayaan dan pembangunan” dalam *Agama, Kebudayaan dan Pembangunan Menyongsong Era Industialisasi,* Musa Asy’arie et al.,IAIN Sunan Kalijaga, Surabya: Amarta Buku, 1988.

Abd A’la, *Pembaharuan Pesantren*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2006.

Abdullah Aly, *Pendidikan Islam Multikultural Di Pesantren, Telaah Terhadap Kurikulum Pondok Pesantren Modern Islam Assalam Surakarta* ed. Ke- 1. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011.

Abdullah M. Farid, *Dictionary Al- Fareed in Finace & Economic,* ed.ke-1. Cairo: t.p., 1985.

Abdullah Muhammad Zin et al., *Pendidikan Islam di Malaysia dari Pondok Ke Universiti*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd, 2005.

Abdullah Rofi’i et al., *Uṣūl al-Ffiqh Muqarrar li Ṭullāb Kulliyah al-Mu’allimīn al-Islāmiyyah.* Ponorogo: Pesantren Pondok Modern Darussalam Gontor, 2011.

Abdullah Syukri Zarkasyi, *Gontor dan Pembaharuan Pendidikan Pesantren*. Jakarta: Rajawali press, 2005.

University of Malaya

_____.*Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor* ed. Ke- 2. Gontor Ponorogo: Trimurti Press, 2005.

Abdurrahman Wahid, *Menggerakkan Tradisi Esai-Esai Pesantren.* Yogyakarta: LKiS, 2001.

Abū ’Alī Aḥmad bin Muḥammad bin Ya’qūb Miskawaih, *Tahzīb al-Akhlāq,* ed.ke-1. Bierūt: ‘Imād al-Hilāli, 2011.

Abū Abdi Allah Muhammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *al-Jāmi‘ Liaḥkāmi al-Qurān*, ed.ke-1. Bierūt: Lebanon, al-Risālah, 2006.

Abū al-Qāsim Mahmūd bin ‘Umar al-Zamaksharī, *Al-Kashāf ‘an Ḥaqaiq Ghowamiḍi al-Tanzīl Wa ‘Uyūni al-Aqāwīl Fī Wujūhi al-Ta’wīl,* ed.ke-1, Riyadh: Maktabah al-‘Ubaikan, 1998.

Abū Lūbis Ma’lūf, *Al-Munjid Fī al-Lughoh,* ed. Ke- 32. Bierut, Lebanon: Dār al-Mashriq, 1986.

Abu Isḥāq al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī’ah*. Bīrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2004.

Abul Hasan Muhammad Sadeq, *Economic Development In Islam*. Petaling Jaya: Pelanduk Publications Sdn. Bhd., 1990.

_____. *Pembangunan Ekonomi Dalam Islam,* terj. Rohani Sulaiman, ed.ke-3. Kuala Lumpur: Utusan Publication dan Distributor Sdn Bhd,2003.

Achmad Patoni, *Peran Kiai Pesantren Dalam Partai Politik*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2007.

Achmad Zainal Huda, *Mutiara Pesantren Perjalanan Khidmah KH Bisri Mustofa*. Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksra, 2005.

Adi Sasono et al., *Solusi Islam Atas Problematika Umat:Ekonomi, Pendidikan dan Dakwah*. Jakarta: Gema Insani, 1998.

Adian Husaini, *Pendidikan Islam membentuk manusia berkarakter dan beradab*. Jakarta: Cakrawala Publishing, 2010.

Adiwarman Azra, *Sejarah pemikiran Ekonomi Islam*. Jakarta: Internasional Institute Of Islamic Thought,2001.

Ahmad Dahlan, *Pengantar Ekonomi Islam*. Yogyakarta: Fajar Media Press, 2010.

Ahmad Muthohar, AR, *Ideologi Pendidikan Pesantren, Pesantren di tengah arus ideologi-ideologi pendidikan*. Semarang: Pustaka Rizki Putra, 2007.

Ahmad Rofiq, *Pemberdayaan Pesantren: Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan*. Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2005.

Ahmad Shukri Mohd. Naim et al., *Konsep, Teori, Dimensi & Isu Pembangunan*, ed.ke-1. Johor, Skudai: Universiti Teknologi Malaysia, 2003.

Ahmad Syafi’i Mufid, *Islam dan Politik: Teori belah Bambu, masa demokrasi terpimpin, 1959-1965*. Jakarta: Gema Insani,1996.

Ahmad Syafi’i Mufid, *Tangklukan, Abangan dan Tarekat: Kebangkitan Agama di Jawa* (Jakarta: Yayasan Obor Indonesia, 2006.

University of Malaya

Ahmad Zahro, *Tradisi Intelektual NU: Lajnah Bahtsul Masa'il 1926-1999*. Yogyakarta: LKiS, 2004.

Aḥmad al-Sharbaṣī, *al-Mu'jam al-Iqtiṣādī al-Islāmī*. Kaherah: Dār al-Jail, 1981.

al-'Alāmah al-Rāghib al-Aṣfahānī, *Mufradātu Alfāḍ al-Qurān.* Bīrūt: al-Dār al-Shāmiyyah, 1992.

Al-Amīr Shakīb Arsalān, *limādza ta'akhara al-muslimūn wa limādza taqaddama qhairum?*. Bierūt: Lebanon, Dār maktabah al-ḥayāt, 2008.

Ali Anwar, *Pembaharuan Pendidikan di Pesantren Lirboyo Kediri*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2011

Ali Maschan Moesa, *Nasionalisme Kiai Konstruksi Sosial Berbasis Agama* ed. Ke-1 (Yogyakarta: LKIS Yogyakarta, 2007.

Al-Imām Abū Ḥāmid al-Ghozālī, *Iḥyā' 'Ulūmu al-Dīn*. Bierūt: Dār al-Shu'bu,1973.

Al-Imām al-Ḥāfiẓ 'Imādu al-Dīn Abī al-Fidāi Ismā'īl bin 'Umar Ibnu Kathīr al-Damashqī, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīn*. Bierūt: Lebanon, Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1999.

Al-Imām al-Ḥāfiẓ Abd al-Raḥman Bin Muḥammad ibnu Idrīs al-Rāzī Ibnu Abī Ḥātim, *Tafsīr al-Qurān al-'Aẓīm* . Riyaḍ: Maktabah Nizār Musṭafā al-Bāz, 1997.

Al-Syaid Muḥammad Rashīd Riḍā, *Tafsīr al-Qurān al-Ḥakīm al-Shahīr bi Tafsīr al-Manār li Ustāz al-Imām Al-Shaikh Muḥammad 'Abduh,* ed.ke-2. Mesir: Dār al-Manār, 1984.

Amim Akhtar, "Kerangka Kerja Struktural SIstem Ekonomi Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan. Surabaya: Risalah Gusti, 1997.

Amir Hamzah Wiryosukarto et all., *K.H. Imam Zarkasyi dari Gontor Merintis Pesantren Modern,* (Ponorogo: Gontor Press)

Anis Masykhur, *Menakar Modernisasi Pesantren Mengusung System Pesantren Sebagai System Pendidikan Mandiri* ed. Ke- 1. Jakarta: Barne Institute, 2010.

Anwar Ibrahim, "Islam dan Pembangunan Ekonomi Umat" dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan. Surabaya: Risalah Gusti, 1997.

Asrori. S. Karni, *Etos Studi Kaum Santri Wajah Baru Pendidikan Islam,*(Bandung: Mizan Pustaka, 2009).

Atauk Huq Pramanik, *Pembangunan Pengagihan dalam Islam*, terj. Amar Said. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998.

Azyumardi Azra, "Kata Sambutan", dalam *Pemberdayaan Pesantren: Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan* ed. Ahmad Rofiq. Yogyakarta: Pustaka Pesantren Kelompok LKiS, 2005.

_____. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII & XVIII,* cet.ke-3 rev. Jakarta: Prenada Media, 2004.

University of Malaya

Bachtiar Effendy, "Nilai-nilai kaum santri," dalam *Pergulatan Dunia Pesantren* ed. M. Dawam Rahardjo et al., Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985.

Badrus Sholeh, "Menyorot Dinamika Kelembagaan Pesantren", dalam *Budaya Damai Komunitas Pesantren,* ed. Badrus Sholeh et al., Jakarta: LP3ES, 2007.

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKIM, *Asas rujukan dalam bidang aqidah Islam*, Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysian, 2010.

Baharuddin Yatim et al., *Konsep Pembangunan dan Kenegaraan Malaysia*, ed.ke-1. Bangi: Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia,1989.

Binti Maunah, *Tradisi Intelektual Santri; dalam tantangan hambatan pendidikan pesantren di masa depan* Yogyakarta: Teras, 2009.

Chua Yan Piaw, *Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumput: Mc Graw Hill Education, 2006.

Clifford Geertz, *Abangan, Santri, Priyayi Dalam Masyarakat Jawa*, terj. Aswab Mahasin. Jakarta: Pustaka Jaya, 1983.

David Krisna Alka, "Moralitas, kemiskinan dan agamawan" dalam *Islam Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher,* ed. Hery Sucipto et al., Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007.

Didin Hafidhuddin et al., *Manajemen Syariah dalam Praktik.* Jakarta: Gema Insani, 2003.

Dihyatun Masqon et al., *Wardun Warta dunia Pondok Modern Darussalam Gontor 1434/2013*. Ponorogo: Penerbit dan Percetakaan Darussalam Press Gontor, 2013.

Edy Suhardono, *Teori Peran, Konsep, Derivasi dan Implikasinya*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama, 1994.

Endang Turmudi, *Perselingkuhan kiai dan kekuasaan*. Yogyakarta: LKIS Pelangi Aksara, 2004.

Faizal Ismail, *Masa Depan Pendidikan Islam di Tengah Kompleksitas Tantangan Modernitas*. Jakarta: Bakti Aksara Persada, 2003.

F. Budi Hardiman, *Filsafat Modern dari Machiavelli sampai Nietzsche.* Jakarta: Gramedia, 2007.

George Soros, *Open society: Reforming Global Capitalism.* New York: Public Affairs, 2007.

G.V. Plekhanov *Fundamental Problem of Marxism, Masalah-Masalah Dasar Marxisme*, terj. Ira Iramanto, t.tp. 2007.

Haidar Putra Daulay, *Dinamika Pendidikan Islam di Asia Tenggara.* Jakarta: Rineka Cipta, 2009.

Hamka, *Sejarah Umat Islam*, ed. Pustaka Antara. Kuala Lumpur: Antara, 1980.

Hasan Langgulung, *Peralihan Paradigma dalam pendidikan Islam dan Sains Sosial*. Jakarta: Gaya Media Pratama, 2002.

University of Malaya

Hasanudin Rahman Daeng Naja, *Manajemen Fit dan proper test*. Yogyakarta: Pustaka Widyatama, 2004.

Hendri Tanjung, *Metodologi Penelitian Ekonomi Islam.* Bekasi: Gramata publishing, 2013.

Husni Rahim, *Arah Baru Pendidikan Islam di Indonesia.* Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 2001

Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Badāi' al-Tafsīr*, ed.ke-1. Al-Qāhirah: Dār al-Jauzī, 2006.

Ibrahīm Muṣṭofā et al., *al-Mu'jam al-Wasīṭ,* ed.ke-1. Istanbūl: Turki al-Maktabah al-Islāmiyyah, 1972), 1:626 – 627, entri "erat."

Ismail SM, "Signigikansi Peran Pesantren dalam Pengembangan Masyarakat Madani", dalam *Pendidikan Islam, Demokrasi dan Masyarakat Madani,* ed. Ismail SM, Abdul Mukti ed al., Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000.

Ismā'īl al-'Ajlūnī, *Kashf al-Khafā'*. Beirut:Dār al-Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, t.t.

Isom Basyuni, "Dakwah Bil Hal Gaya Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985.

Jaafar Ahmad et al., *Ekonomi Islam; Satu Pendekatan Analisis*. Bangi: Univeristi Kebangsaan Malaysia, 2011.

Jeniri Amir, *Teknik Wawancara, Panduan untuk Wartawan, Penyiar TV, Dj Radio dan Penyelidik.* Pahang, Darul Makmur: PTS. Professional Publishing, 2005

Jomo K.S et al., *Teori Pembangunan Ekonomi.* Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2004.

Jusuf Amir Feisal, *Reorientasi Pendidikan Islam* . Jarakata: Gema Insani, 1995.

Kamus Bahasa Indonesia. Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Indonesia,2008), 135, entri "erat."

Kamus Dewan, ed. Ke-4. Selangor: Dawama, 2005), 122-123, entri "erat"

Kamus Ekonomi, ed.ke-1. Selangor, Darul Ehsan: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993), 191, entri "erat."

Keat Gin Oi, *Southeast Asia: A Historical Encyclopedia, From Angkor Wat to East*. California: ABC-CLIO, 2004.

Khurshid Ahmad, "Pembangunan Ekonomi Dalam Perspektif Islam," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan. Surabaya: Risalah Gusti, 1997.

Komaruddin Hidayat, "Pesantren dan Elit Desa," dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985.

M Kasim Abdulrahman, *Pengkajian pergesaran literature Pondok Pesantren Salafi Babakan Ciwaringin-Cirebon.* Jakarta: Badan Litbang Agama dan Diklat Keagamaan Penelitian dan Pengembangan Literatur Keagamaan, 2005.

M. C. Ricklefs, *Sejarah Indonesia Modern 1200-2004,* ed.ke-2. Jakarta: Serambi, 2008

University of Malaya

M. Dawam Rahardjo, "Pesantren dan Perubahan Sosial" dalam *Budaya Damai Komunitas Pesantren* ed. Badrus Sholeh et al., Jakarta: LP3ES, 2007.

_____. *Pesantren dan Pembaharuan*. Jakarta: LP3ES, 1985.

M. M Billah, "Pikiran Awal Pengembangan Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren* ed. M. Dawam Rahardjo et al., Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985.

M. Nuruzzaman, *Kiai Husein Membela Perempuan* ed. Ke-5. Yogyakarta: LKiS, Pustaka Pesantren, 2005.

M. Quraish Shihab, *Membumikan Al-Quran Fungsi Dan Peran Wahyu Dalam Kehidupan Masyarakat* ed. Ke-9. Bandung: Mizan, 1999.

M. Umer Chapra, *Islam And Economic Development*. Pakista, Islamabad: Internasional Institute of Islamic Thought, 1981.

_____. "Negara Sejahtera Islami dan Perannya di Bidang Ekonomi," dalam *Etika Ekonomi Politik Elemen-Elemen Strategis Pembangunan Masyarakat Islam,* ed. Ainur R. Sophiaan. Surabaya: Risalah Gusti, 1997.

_____. *Islam dan Pembangunan Ekonomi, Satu Stategi untuk Pembangunan yang adil dan stabil,* terj. Adi Setia B Mohd Dom. Petaling Jaya: The international Institute Of Islamic Thought, 1997.

Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid, "Keperluan Pembangunan Dalam Islam" dalam *Pembangunan Dari perspektif Islam,* ed. Muhammad Hisyam Mohamad. Selangor: MPH Group Publishing, 2007.

Mahmud Arif, *Pendidikan Islam Transformatif*. Yogyakarta: LKiS, 2008.

Mahmud Yunus, *Sejarah Pendidikan Islam di Indonesia*. Jakarta: Pustaka Mamudia, 1960.

Maḥmūd Muhammad Bābillī, *I'mār al-'Arḍi Fī al-Iqtiṣād al-Islāmī wa Istithmār Khairātihā Bimā Yanfa'u al-Nās*. Bīerūt: al-Maktabah al-Islāmī, 1988.

Maksum, *Madrasah sejarah dan perkembangannya*. Jakarta: Logos Wacana Ilmu, 1999.

Martin Van Bruinessen, *Kitab Kuning Pesantren dan Tarekat, Tradisi-tradisi Islam di Indonesia*. Bandung: Mizan, 1995.

Marwati Djoened Poesponegoro et al., *Sejarah Nasional Indonesia III Zaman Pertumbuhan dan Perkembangan Kerajaan Islam di Indonesia* ed. Ke-2. Jakarta:Balai Pustaka, 2008.

Merriam, S.B., *Case study research in education : A qualitative approach. 3 rd Ed*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers, 1990.

Moh Ali Aziz, "Pesantren dan pengembangan ekonomi umat" dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al.,Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

Moh. Nurhakim, *Sejarah dan Peradaban Islam,* ed.ke-2. Malang: UMM Press, 2004.

Moh. Roqib, *Ilmu Pendidikan Islam Pengembangan Pendidikan Integratif Di Sekolah, Keluarga Dan Masyarakat.* Yogyakarta: LKiS, 2009.

Mohamad Mustari, *Peranan Pesantren dalam Pembangunan Pendidikan Masyarakat Desa*. Yogyakarta: Multi Press, 2011.

University of Malaya

Mohamed Ariff, "Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Islam," dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990.

Mohammad Ali, *Metodologi dan Aplikasi Riset Pendidikan*. Bandung: Pustaka Cendikia Utama, 2010.

Mohammed Ariff, "Pembangunan Ekonomi Mengikut Perspektif Islam" dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, ed. Muhammad Syukri Salleh et al., Pulau Pinang, Malaysia: Universiti Sains Malaysia,1990.

Mohd Fauzi Hamat et al., *Akidah dan Pembangunan Modal Insan.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2012.

Mohd Yusof Hj. Othman, "Sains, Teknologi dan pembangunan manusia," dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* ed. Misran Rokimin et al., Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Mohd Yusuf Ahmad, *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Malaysia: Universiti Malaya, 2002.

Mohd. Radzi Othman et al., *Ekonomi Dalam Perspektif Al-Quran dan al-Sunnah*. Pulau Pinang: Universitas Sains Malaysia, 2005.

Mostafa Kamal Mokhtar, "Pembangunan Generik: Permasalahan Ontologi-Epistimologi dan Metodologi", dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* ed. Misran Rokimin et al., Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

Muhammad Akram Khan, *Issues in Islamic Economic.* Pakistan: Islamic Publication, 1983.

Muhammad Akram Laldin," Maqasid syariah sebagai Dasar Sistem Ekonomi Islam" (kertas kerja seminar Maqasid Syariah: Mengagas Model Ekonomi Berkeadilan, Ijmak Harakiy Pertama WARDAH-ABIM-PKPIM di German-Malaysian Institute, Kajang, 7 Ogos 2010).

Muhammad Al-Buraey, *Pembangunan Pentadbiran menurut Perspektif Islam*, terj. Abdullah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

Muhammad bin Ṣāliḥ al-'Uthmaiyaini, *Muzakarah 'alā al-'Aqīdah al-Wāsiṭiyyah Li Syeikh Islām Ibnu Taimiyyah.* Riyaḍ: Midrāru al-Waṭn, 1929.

Muhammad Fuad Abdu al-Baqiy, *Mu'jam al-Mufahras li al-Fādz al-Qurān*. Indonesia: Maktabah Dakhlan, 1939.

Muhammad Ibrahim Ahmad, "al-'Aqīdah al-Ṣaḥīḥah wa Āthāruhā fī Ḥayāti al-Ummah," *Majallah al-'Ulūm wa al-Buthūḥ al-Islāmiyyah* 2 (Februari 2011).

Muhammad Kamal Hassan, "Pembangunan yang Berteraskan Islam," dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990.

Muhammad M. Basyumi, "Sambutan Menteri Agama RI pada penganugerahan gelar Doctor Honoris Causa, K.H Abdullah Syukri Zarkasyi, M.A di UIN Syarif Hidayatullah Jakarta," dalam *Manajemen Pesantren Pengalaman Pondok Modern Gontor,* Abdullah Syukri Zarkasyi ed. Ke-2. Gontor Ponorogo: Trimurti Press, 2005).

University of Malaya

Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī, *Ḍawābiṭu al-Maṣlaḥah Fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah.* Damasqus: Muassah al-Risalah, 1973.

Muhammad Shukri Salleh, "Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam" dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam,* ed. Muhammad Syukri Salleh. Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990.

_____. *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam.* Pulau Pinang: Universiti Saing Malaysia, 1990.

_____. *Pembangunan berteraskan Islam.* Petaling Jaya: Fajar Bakti, 1987.

_____. *Tujuh Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam,* ed.ke-1. Kuala Lumpur: Zebra Editions,2003.

Muḥammad al-Shaḥāt al-Jundiy, *Qawāid al-Tanmiyyah al-Iqtiṣādiyyah fī al-Qanūn al-Daulī wa al-Fiqh al-Islāmī.* al-Qāhirah: Dār al-Nahḍah al-'Arabiyyah, 1985.

Muṣṭafā al-Khin, Muṣṭafā al-Bughā, *al-Fiqh al-Manhajī 'Alā Madzhab al-Imām al-Shāfi'ī,* ed.ke-9. Damasqus: Dār al-Qalam, 2008.

Mujamil Qomar, *Pesantren dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi*. Jakarta: PT. Gelora Aksara Pratama, 2005.

Muljono Damopoli, *Pesantren IMMIM Pencentak Muslim Modern*. Jakarta: Rajawali Press, 2011.

Munzir Qaḥaf, *al-Nuṣūṣ al-Iqtiṣādiyyah min al-Qurān wa al-Sunnah.* Jeddah: Jāmi'ah Mamlakah Abd al-'Azīz, 1995.

Nadim Zuhdi, "Stategi Pemanfaatan Dan Pengelolaan Informasi Di Media Cetak Berbasis Pondok Pesantren", dalam *Manajemen Pesantren* ed. A. Halim, Rr Suhartini, M. Choirul Arif, A.Sunarto As et al.,. Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

Nana Supriatna, *Sejarah untuk kelas XI Sekolah Menengah Atas Program Bahasa*. Jakarta:Grafindo Media Pratama, 2006.

Nasruddin Baidan, *Tafsir al-Quran di Indonesia.* Yogyakarta: Tiga Serangkai, 2003.

Nik Mustapha Hj Nik Hassan, "Agenda Membangun Ekonomi Umat Islam," dalam *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Perspektif Malaysia,* ed. Khairul Azmi Muhammad et al., Kuala Lumpur: Pro Office shope, 2001.

Norman K. Denzin*, Handbook of Qualitative* research (Yogyakarta: Pustaka Pelajar)

Nur Syam, *Islam Pesisir*. Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara, 2005), 75, dan lihat, M. Saridjo, *Sejarah Pondok Pesantren di Indonesia.* Jakarta: Dharma Bhakti, 1980.

Nurcholish Madjid, "Merumuskan Kembali Tujuan Pendidikan Pesantren" dalam *Pergulatan Dunia Pesantren,* ed. M. Dawam Rahardjo et al., Jakarta: P3M Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, 1985.

Payaman J. Simanjuntak, "Mempersiapkan Sumber Daya Manusia Untuk Mendukung Dunia Usaha," dalam *Keluar Dari Krisis Agenda Aksi Pemulihan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia,* ed. Fahruddin Salim dan Muhtar Hadyu. t.t.:Pimpinan Pusat Gerakan Pemuda Ansor, 2000.

University of Malaya

Prihananto, "Teknologi Komunikasi Untuk Pengembangan Pesantren: Konsepsi Dan Alternative Penerapannya", dalam *Manajemen Pesantren,* ed. A. Halim et al., Yogyakarta: LKis Pelangi Aksara, 2005.

Pusat Pengkaji dan Pengembangan Ekonomi Islam (P3EI) Universiti Islam Indonesia Yogyakarta et al., *Ekonomi Islam*. Jakarta: Raja Grafindo, 2008.

R Achmad Rustandi, *Gaya Kepemimpinan - Pendekatan bakat situasional*. Bandung: Armico, 1985.

Rajab Abdu al-Jawād Ibrāhīm, *Mu'jam al-Muṣṭalah al-Islāmiyyah Fī al-Miṣbāḥ al-Munīr*. al-Qāhirah: Dār al-Afāq al-'Arabiyyah, 2002.

Ratna Roshida Abd Razak,"Modal Insan: Aset Pembentukan Tamadun Bangsa" dalam *Pembangunan Modal Insan dan Tamadun dari Perspektif Islam,* ed. Mohd Roslan Mohd Nor et al., Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2010.

Redaksi Kamus Bahasa Indonesia, *Kamus Bahasa Indonesia*, (Jakarta: Pusat Bahasa Departemen Pendidikan Nasional Indonesia,2008), 530, entri "erat."

Ridin Sofwan et al., *Islamisasi di JawaWalinsongo Penyebar Islam di Jawa, menurut penuturan Babad*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2000.

Rofiq A et al., *Pemberdaya Pesantren Menuju Kemandirian Dan Profesionalisme Santri Dengan Metode Daurah Kebudayaan.* Yogyakarta: LKIS Pelangi Aksara, 2005.

Sahal Mahfudh, "Fiqh Sosial: Upaya Pengembangan Madhzhab Qauli dan Manhaji" dalam *Islam Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher,* ed. Hery Sucipto et al., Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007.

Said Aqiel Siradj, *Tasawuf Sebagai Kritik Sosial: Mengedepankan Islam Sebagai Inspirasi, Bukan Aspirasi*. Bandung: Mizan pustaka, 2006.

Saifuddin Zuhri, *Guruku Orang-Orang Dari Pesantren* ed. Ke-2. Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara, 2007.

Saifullah Mohd Sawi et al., *Sejarah dan Tamadun Islam di Asia Tenggara.* Selangor Darul Ehsan: Larisma Pulications, 2009

Sarlito Wirawan Sarwono, *Psikologi Sosial Kelompok dan Terapan*, ed. ke-3. Jakarta: Balai Pustaka, 2005.

Selamat Hashim (t.t), "Pembangunan Dan Masyarakat Daripada Kaca Mata Islam, dalam Khairul 'Azmi Mohamad ed al. *Konsep Pembangunan Ummah Dalam Islam Persepektfi Malaysia,* Johor: Ketua penerangan dan Penyelidikan Kerajaan Negeri johor, Pejabat Menteri Besar Johor, t.t..

Seri Tempo, *Wahid Hasyim: Tokoh Islam di Awal Kemerdekaan.* Jakarta: Gramedia, 2011.

Sudjoko Prasodjo et al., *Profil Pesantren dalam Laporan Hasil Penelitian Pesantren Al-Falak dan Delapan Pesantren lain di Bogor ed. Ke*-2. Jakarta: LP3ES Lembaga Penelitian, Pendidikan dan Penerangan Ekonomi dan Sosial, 1975.

Sukamto, *Kepemimpinan Kiai Dalam Pesantren*. Jakarta: LP3ES, 1999.

Sulthon Masydhu et al., *Menejemen Pondok Pesantren*. Jakarta: Diva Pustaka, 2003.

University of Malaya

Suratmi, ”Program Pendidikan Wirausaha Berwawasan Gender Berbasis Jasa Boga di Pesantren Salaf,” *Jurnal Ekonomi Bisnis* 16, no. 1 (Mac 2011).

Surtahman Kastin Hasan, “ Konsep Pembangunan Islam” dalam *Konsep Pembangunan Dan Kenegaraan Malaysia*, ed. Baharuddin Yatim et. al., Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1989.

Suyata, “Pesantren Sebagai Lembaga Sosial Yang Hidup” dalam *Pergulatan Dunia Pesantren Membangun dari Bawah,* ed. Dawan Rahardjo et al., Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat, Media Pertama Offset, 1985.

Syed Hussein Alatas, “Mengurus Pembangunan Dari Persepektif Islam” dalam *Pembangunan Dari Persepektif Islam,* ed. Muhammad Hisyam Mohamad. Selangor: MPH Group Publishing, 2007.

_____. “Pembangunan dan cita sempurna” dalam *Falsafah dan Peradaban Pembangunan,* ed. Misran Rokimin et al., Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002.

_____. *Islam dan sosialisma*. Pulau Pinang: Seruan Masa, 1976.

Syed Uthman al-Habshi, “ Kaedah Pelaksanaan Pembangunan Beteraskan Islam di Malaysia” dalam *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam* ed. Muhammad Syukri Salleh. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 1990.

Umar Hasyim, *Mencari Ulama Pewaris Nabi, selayang pandang sejarah para ulama*. Malaysia: Pena Mas Malaysia, 1980.

Wahbah al-Zuhailī, *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillahutu,* ed.ke-2. Damasqus: Dār al-Fikr, 1985.

Waluyo et al., *Ilmu Pengetahuan Sosial untuk Kelas VII SMP/MTs*. Jakarta: Kompas Gramedia, 2008.

Wan Mohd Nor Wan Daud, *Pembangunan di Malaysia ke arah satu kefahaman baru yang lebih sempurna*, ed. ke-5. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,2005.

Zakī al-Mubārak, *al-Akhlāq ‘Inda al-Ghazālī*. Mesir: Kalimah al-‘Arābiyyah, 2012.

Zamakhsyari Dhofier, “Pendidikan Umat Islam Indonesia di Pesantren Dewasa ini: Tantangan dan Harapan” dalam *Islam Madzhab Tengah, Persembahan 70 Tahun Tarmizi Taher*, ed. Hery Sucipto et al., Jakarta Selatan: Grafindo Khazanah Ilmu, 2007.

_____. *Tradisi Pesantren Studi Pandangan Hidup Kyai Dan Visinya Mengenai Masa Depan Indonesia*, ed.ke- 8 rev. Jakarta Barat: LP3ES, 2011.

Zarkasih Nur, “Restrukturisasi Dunia Usaha dan Ekonomi Rakyat Dalam Membangun Struktur Perekonomian Yang Tangguh,” dalam *Keluar Dari Krisis Agenda Aksi Pemulihan dan Pembangunan Ekonomi Indonesia,* ed. Fahruddin Salim dan Muhtar Hadyu. t.t.:Pimpinan Pusat Gerakan Pemuda Ansor, 2000.

Zawiyah Mohamad Yusof, *Sains Sosial & Teknologi Maklumat*. Malaysia: Pearson Malaysia Sdn. Bhd., 2008.

Zikmund, Babin et al., *Business Research Methods,* ed. ke-8*,* Ohio:south Western Publishing, 2013.

University of Malaya

Zubaedi, *Pemberdayaan Masyarakat Berbasis Pesantren Kontribusi Fiqh Sosial Kia Sahal Mahfudz Dalam Perubahan Nilai-Nilai Pesantren.* Yogyakarta: Pustaka Pelajar, 2006.

2. Majalah, Jurnal dan kertas kerja

A. Saifulloh Naji et al., *Taqriru Masulil Mahad Sanawiyyah TAMASSYA, Laporan Tahunan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri 1433/1434 H* (Sidogiri: Penerbit dan Percetakaan Sidogiri Kraton, 2013).

Abdul Rahman b Rukaini, "Peranan Pelajar Dalam Pembangunan Negara", dalam *Kertas Kerja Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh dari Tahun 1981 Hingga 1984,* ed. Unit Dakwah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia:t.p., 1997.

Abdul Rasyid Dail, "Sistem Ekonomi Islam Satu Sorotan Terhadap Perlaksanaan di Malaysia", dalam *Kertas Kerja Nadwah Kepemimpinan Islam Sekolah-Sekolah Berasrama Penuh Dari Tahun 1981 Hingga 1984,* ed. Unit Dakwah Bahagian Pendidikan Islam Kementerian Pelajaran Malaysia. Kementerian Pelajaran Malaysia:t.p., 1997.

Abdullah Syukri Zarkasyi, "Membina Pesantren Yang Mandiri: Pengalaman Pondok Modern Gontor" (Makalah, seminar Isu Kewangan dan Pembiayaan peringkat kebangsaan, Kompleks Yayasan Pahang, Tanjung Lumpur, Kuantan, 3-5 Mac 2009).

Ach. Fatchan, "Model Pengajaran Sistem Sorogan Untuk Pelatihan Suatu Ketrampilan Bagi Para Santri Di Pondok Pesantren" *Jurnal Forum Penelitian Kependidikan* 1, no. 10 (Disember 1998).

Agus Harjito et al., "Studi Potensi Ekonomi dan Kebutuhan Pondok Pesantren se Karesidenan Kedu Jawa Tengah," *Jurnal Fenomena* 6, no. 1 (Mac 2008).

Ahmad Faozan,"Pondok Pesantren dan Pemberdayaan Ekonomi," *Jurnal Ibda'* 4, no. 1 (Jan-Jun 2006).

Ahmad Syakur, "Optimalisasi Peran Pesantren Dalam Pengembangan Ekonomi Syariah," *Jurnal Iqtishoduna* 5, no. 3 2009.

Akhmad Nur Zaroni, "Bisnis dalam Perspektif Islam telaah aspek keagamaan dalam kehidupan ekonomi," *Jurnal Mazahib* 4, no. 2 (Disember 2007).

Akhtim Wahyuni, "Peran sosial pesantren dalam pemberdayaan Masyarakat," *Jurnal Ilmiah kreatif* 6, no.1 (Januari 2009).

Alamsyah Ratu Prawira Negara, "Pengarahan Menteri Agama R.I Pada Seminar Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam dalam "*Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam*, dalam Seminar Nasional 29 Disember 1982, (Surabaya: Pusat Studi Interdisipliner Tentang Islam, Institut Agama Islam Negeri, Sunan Ampel, 1982).

University of Malaya

Ali Rama dan Makhlani, "Pembangunan Ekonomi dalam Tinjauan Maqāshid Syari'ah," *Jurnal Penelitian dan kajian keagamaan, Balitbang Kemenag; Dialog* 1, no. 1 (Jun 2013).

Ambo Asse, "Konsep Adil Dalam Al-Quran"," *Jurnal Al-Risalah* 10, no. 2 (2010).

Arnova Dinata, "Pelaksanaan Pengajaran Kitab Kuning Pada Madrasah Miftahul Ulumi Syar'iyah V Suku Candung" (Kertas Projek, Fakulti Pendidikan Agama Islam, Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyyah Ahlusunnah, Bukit Tinggi Indonesia, 2004).

Arief Efendi, "Peran Strategis Lembaga Pendidikan Berbasis Islam di Indonesia," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no. 1(2008).

Asif Shahnzad, "The Issues of Madrasa Students in Pakistan: A Qualitative Investigation," *Jurnal Art and social sciences* 5, no. 2 (September 2014).

Aslawati bt Bakar, "Institut Agama Islam Negeri (IAIN) ar-Raniry: Peranannya dalam Perkembangan Pendidikan Islam di Aceh" (Desertai Sarjana dalam program sejarah dan tamadun, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2001).

Asmak Ab Rahman, "Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia," *Jurnal Syariah* 17, no. 1 (2009).

Asmawati Suhid, "Pengajaran Adab dan Akhlak Islam dalam Membangun Modal Insan," *Jurnal Pengajian umum* 8, (Disember 2007).

Asmuni Mth,"Konsep Pembangunan Ekonomi Islam", *Jurnal Al-Mawarid*, Edisi X Tahun 2003, Universitas Islam Indonesia, Jogjakarta, 2003.

Caska dan M. Riadi, "Pertumbuhan dan Ketimpangan Pembangunan Ekonomi Antar Daerah Di Provinsi Riau," *Jurnal Industri dan Perkotaan* 12, no. 21. Februari 2008.

Charlene Tan, "Education Traditional and Islamic School in Indonesia," *Journal of Arabic and Islamic Studies* 14 (Nanyang Technology University, Singapore 2014).

Dian, "Pengembangan potensi pesantren pada abad 21 dalam tinjauan sosiologi pendidikan" *Jurnal Media Pendidikan,* 24 no. 1, (April 2009).

Didin Nurul Rosidin, "Pesantren and Modernity in Indonesia: Ma'had Aly of Kuningan," *Hunafa: Jurnal Studia Islamika* 9, no. 2 (Disember 2012).

Dini Adriani, "Pengembangan Kelembagaan Pesantren Sebagai Upaya Pengembangan Masyarakat, Studi kasus Pondok pesantren Miftahulhuda Al-Musri' Desa Kertajaya Kecamatan Ciranjang Kabupaten Cianjur, Jawa Barat," (kertas kerja, Fakulti Pertanian Institut Pertanian Bogor, Program Studi Komunikasi dan Pengembangan Masyarakat, IPB, 2008).

Direktorat Pendidikan Keagamaan dan pendidikan Pondok Pesantren, "Dinamika Pondok Pesantren di Indonesia," Direkrotar Jenderal Kelembagaan Agama Islam, t.p., 2003.

Direktoret Diseminasi, *Katalog BPS No: 1103003, Data Stategis Badan Pusat Statistik* (Jakarta: Nasional Indah, 2012), 59, entri "erat."

Dirjen Pendis, *Keputusan Direktur Jenderal Kelembagaan Agama Islam, Nomor: E/239/2001* (Jakarta: Dirjen Pendis Depag RI, 2001.

University of Malaya

Djoko Suryo, "Tradisi Santri Dalam Historiografi Jawa: Pengaruh Islam Di Jawa," (kertas kerja seminar Pengarus Islam terhadap Budaya Jawa, Yogyakarta, 31 November 2000).

Djuwaijah, "Peningkatan Kualitas Sumber Daya Manusia Melalui Pendidikan Islam," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no.1 (2008).

Dwi Purwoko, "Hubungan Akses Media Konteks Membaca Dengan Kemandirian Santri Di Pondok Pesantren", *Jurnal Komunikasi, Majalah Ilmiah Komunikasi Dalam Pembangunan*, *Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, LIPI* 10, no. 1 (2007).

Fuad Amsyari, "Beberapa Tinjauan Islam Tentang Kaitan Pembangunan Ekonomi Dan lIngkungan Hidup" dalam Pembangunan Ekonomi Dalam Pandangan Islam, Team Penyusun Pusat Studi Interdisipliner Tentang Islam, (Seminar Nasional, anjuran oleh Pusat Studi Interdispliner Tentang Islam, Institut Agama Islam Negeri, Sunan Ampel, Surabaya, Disember 1982.

Gamal Abdul Nasir Zakaria, "Pondok Pesantren: Changes and Its Future,"*Journal of Islamic and Arabic Education* 2, no.2 (2010).

Hadori, "Pengembangan sistem Pendidikan Pondok Pesantren dalam Mencetak Santri Profesional; Studi Kasus di Pondok Pesantren al-Nur II al-Murtadho Bululawang Malang" (kertas kerja dalam program pendidikan agama Islam, Fakulti Tarbiyah, UIN Malang, 2010).

Hamdan Rasyid, "Peran Pesantren dalam Pengembangan Ekonomi Islam" (kertas kerja dalam seminar ekonomi Outlook 2012, dengan tema Sistem Ekonomi Islam Sebagai Solusi Problematika Perekonomian dan Membangun peradaban Umat dan Bangsa" anjuran Departemen Ekonomi Syariah Universiti Airlangga Surabaya, 24 December2011).

Imam Zarkasyi, "Khutbah al-Iftitah Pekan Perkenalan Pondok Modern Darussalam Gontor" (Panduan Kuliah Umum dalam Pekan Perkenalan di Kulliyatul Mu'allimin al-Islamiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia disampaikan oleh KH. Imam Zarkasyi sejak 1939).

_____. *Diktat dalam Pekan Perkenalan di Kulliyatul Mua'limin al-Islamiyyah Pondok Modern Gontor Ponorogo Indonesia*. Ponorogo: Darussalam Press, t.t.

Irfan Paturohman, "Peran Pendidikan Pondok Pesantren Dalam Perbaikan Kondisi Keberagamaan Di Lingkungannya," *Jurnal Tarbawi* 1, no. 1 (Mac 2012).

Ismail Yusof & Shukri Ahmad, "Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat" (Proseding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara, 25-26 November 2011).

Joko Suyono, "Perkembangan Pesantren di Jawa Timur (1900-1942)," *Jurnal Bahasa dan Seni, tahun* 33, no. 1 (Februari 2005).

Joni Tamkin b Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam," *Jurnal Usuluddin* 1, no. 27 (2008).

Kjetil Bjorvant, "Islamic Economic and Economic Development" (Kertas kerja public lecture for The PhD di Norwegian School of Economic and Business Administration, 1 November 1996).

Ma'zumi dan Jakaria, "contributions of madrasah to the development of the nation character," *International journal of scientific and technology research,* 1 no. 11 (Disember 2012).

M. Akhyar Abdi, "Pendidikan Pesantren Dalam Perspektif Pendidikan Nasional," *Jurnal Ittihad Kopertis Wilayah XI Kalimantan* 3, no. 4, (Oktober 2005).

M. Akrimul Hakim, "Iftitah," *Majalah Gontor* 2, no. 11 (Rajab- Sya'ban 1434/Jun 2013).

M. Rusdi, "Pendidikan Islam Di Indonesia Sebelum Proklamasi Kemerdekaan" *Jurnal Lentera Pendidikan*10, no. 2 (Disember 2007).

M. Shodiq, "Pesantren dan perubahan sosial," *Jurnal Falasifa* 2, no. 2 (September 2011).

Miftah Faqih, "Wirausaha Muda Mandiri Goes to Pesantren" (makalah, seminar Wirausaha Muda Mandiri Goes to Pesantren, Pesantren an-Nur Malang Jawa Timur, 24 April 2014).

Mit Witjaksono, "Pembangunan Ekonomi dan Ekonomi Pembangunan: Telaah Istilah dan Orientasi dalam Konteks Studi Pembangunan", *Journal of Economic and social policy (JESP)* 1, no. 1 (2009), 5.

Moch Khaoirul Anwar, "Ekonomi dalam Perspektif Islam," *Jurnal Islamica* 3, no. 1 (September 2008).

Moh. Achyat Ahmad, "Pengangguran adalah Problem Pendidikan," *Buletin Sidogiri,* edisi 86, tahun 19 Muharram 1435 H.

Moh. Toriquddin, "Pemberdayaan Ekonomi Di Pesantren Berbasis Syariah", *Jurnal Syariah dan Hukum* 3, no. 1 (Juni 2011).

Mohamed Mustari, "Peranan Institusi Pesantren dalam Pembangunan Masyarakat Desa: satu Kajian Kes di Tasikmalaya Jawa Barat Indonesia" (Tesis Ijazah Doktoral Falsafah dalam program Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010).

Mohammad Muchlis Solichin, "Kerbertahanan Pesantren Salaf Al-Is'af Di Tengah Arus Modernisasi Pendidikan: Fenomena Pondok Pesantren al-Is'af Kalabaan, Guluk-Guluk, Sumenep" (Thesis doctoral dalam program studi Ilmu ke-Islaman, IAIN Sunan Ampel Surabaya, 2011).

Mohammed Anwar Omar Din,"Asal-Usul Orang Melayu: Menulis Semula Sejarahnya, The Malay Origin: Review its history" *Jurnal Melayu*, no. 7, 2011.

Mohammed Abu-Nimer dan Ayse Kadayifci, "human right and building peace: the case of Pakistani madrasas," *The International Journal of Human Right* 15, no 7 (Oktober 2011).

Muhammad Faishal, "Pondok Pesantren wakaf al-Mukhlisin: Sejarah dan peranannya terhadap pendidikan Islam di Batubara (1997-2010) Sumatera Utara" (Disertasi Sarjana dalam program Sejarah dan Tamadun, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

Muhammad Jamaluddin, "Metamorfosis Pesantren Di Era Globalisasi," *Jurnal Karsa* 20, no. 1 (2002).

University of Malaya

Muhammad Tahir, "Tidak Islamiknya Pembangunan di Negara Islam," *Global Jurnal al-Thaqafah GJAT 3,* no. 1 (Jun 2013).

Murdan, "Pondok Pesantren dalam Listas Sejarah," *Ittihad Jurnal Kopertais Wilayah XI Kalimantan* 2, no.1 (April 2004).

Nawawi, "Sejarah dan Perkembangan Pesantren," *Jurnal Ibda'* 4, no. 1, (Januari – Juni 2006).

Noor 'Ashikin bt Hamid, Noraida bt Harun dan Nazli bin Ismail, "Pengambilan Tanah Bagi Pembangunan Ekonomi: Isu dan Penyelesaian," *Jurnal Undang-Undang & Masyarakat,* 15 (2011).

Nor Sahida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Amalan," (Makalah, Seminar Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII) "Dasar awam dalam era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju", Johor Bahru, 7-9 Jun 2013).

Nor Saida Mohamad dan Sanep Ahmad, "Pembangunan Menurut Perspektif Islam: Satu Analisis Awalan," (Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-8 (PERKEM VIII) Dasar Awam Dalam Era Transformasi Ekonomi: Cabaran dan Halatuju, Johor Bahru, 7-9 Jun 2013).

Patimah, "Eksistensi Pesantren Sebagai Lembaga Pendidikan Islam," *Jurnal al-Tarbiyah* 20, no. 1 (Juni 2007).

Pengurus BMT La Tansa Gontor "BMT La Tansa Gontor Neraca 2013", (Laporan Kewangan Tahunan, BMT Gontor, Mlarak Ponorogo, 31 Disember 2013)

Pengurus BMT Maslahah, "RAT XIII Rapat Anggota Tahunan Tahun Buku 2013" (Laporan Pertanggungjawaban Pengurus dan Pengawas, Koperasi BMT UGT Usaha Gabungan Terpadu, Sidogiri Kraton Pasuruan, 10 Februari 2014).

Rahimin Affandi Abdul Rahim et al., "Pendekatan baru Maqasid al-Shariah dalam pengajian syariah di Malaysia: Satu Analisis" dalam (kertas kerja international Conference: Islamic jurisprudence and the challenges of 21 century, anjuran UIAM, 8 Ogos 2006).

Raihani, "Curriculum construction in the Indonesian pesantren: a comparative case study of curriculum development in two pesantrens in South Kalimantan" (Disertasi Sarjana dalam program pembelajaran dan pembangunan pendidikan, The University of Melbourne, Australia, 2001)

Ruma Mubarak, "Strategi Pendidikan Islam Dalam Meningkatkan Kualitas Sumber Daya Manusia,"*Jurnal el- Hikmah* 10, no. 1(2012).

Ronald A. Lukend-Bull, "Teaching morality: Javanese Islamic education in a globalizing era," *Journal of Arabic and Islamic studies,* 3 (2000).

Said Aqiel Siradj, "Tauhid dalam perspektif tasawuf", *Jurnal Islamica* 5, no. 1 (September 2010).

Sekretariat Pondok Pesantren al-Yasini Areng-Areng, "Profil Yayasan Miftahul Ulum Al-Yasini 2014" (Brosur penjelasan singkat pesantren al-Yasini, Pesantren al-Yasini, Areng-Areng Pasuruan, April 2014).

Sekretariat Pondok Pesantren Sidogiri, "Buku Penjelasan Pengurus Pondok Pesantren Sidogiri Dalam Pertemuan Wali Santri Situbondo, Bondowoso, Jember dan

University of Malaya

Banyuwangi 2 Maret 2014 dan 9 Maret 2014" (Buku Penjelasan Pengurus, Pondok Pesantren Sidogiri, Pasuruan, Februari 2014).

Siti Djazimah, "Potensi Ekonomi Pesantren, studi korelasi antara ketaatan beragama santri dengan proses kemandirian ekonomi di pondok pesantren al-Mahalli Brajan Wonokromo Pleret Bantul Daerah Istimewa Yogyakarta" *Jurnal Penelitian Agama* 13, no. 3 (September – Disember 2004).

Sri Haningsih, "Peran Pesantren, Madrasah dan Sekolah Islam di Indonesia," *Jurnal Pendidikan Islam el-Tarbawi* 1, no. 1(2008).

Sri Nawatmi, "Etika Binis Dalam Prespektif Islam," *Jurnal Fokus ekonomi* 9, no. 1 (April 2010).

Suratmi, "Program Pendidikan Wirausaha Berwawasan Gender Berbasis Jasa Boga di Pesantren Salaf," *Jurnal Ekonomi Bisnis* 16, no. 1 (Mac 2011).

Suryadi Siregar, "Pondok Pesantren: Sebagai Model Pendidikan Tinggi ?" kertas kerjas seminar Nasional Universitas Model Pesantren Mungkinkah?, Bandung, 12 Disember 1996.

Suwito, "Model Pengembangan Ekonomi Pondok Pesantren," *Jurnal Penelitian Pendidikan Agama dan Keagamaan* 6, no. 3 (Julai – September 2008).

Syaifullah Chaidir, "Peranan Institusi Perguruan Diniyah Puteri Padang Panjang, Sumatera Barat dalam Pendidikan Wanita" (Desertai Sarjana dalam program sejarah dan tamadun Islam, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2012).

Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi dalam (Pembebasan Nusantara: Antara Islamisasi dan Kolonialisasi)," *Jurnal Pemikiran dan Peradaban Islam ISLAMIA* 7, no. 2 (April 2012).

Syamsuri, "Pelaksanaan Koperasi Pondok Pesantren: Kajian di Pondok Modern Darussalam Gontor Ponorogo Jawa Timur Indonesia" (Desertai Sarjana dalam program Syariah dan Ekonomi, APIUM Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011).

Tim Penyusun Pusat Studi Interdisipliner Tentang Islam, "Beberapa Pemikiran Tentang Indikator-Indikator Keberhasilan Pembangunan Ekonomi Menurut Pandangan Islam" (Seminar Nasional, anjuran oleh Pusat Studi Interdispliner Tentang Islam, Institut Agama Islam Negeri, Sunan Ampel, Surabaya, Disember 1982).

Tim Penyusun Wardun, *Wardun Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*. Ponorogo:Timur: Darussalam Press, 2012), 72, entri "erat."

Tim penyusun, "Yayasan Pondok Modern Darussalam Gontor," *Wardun: Warta Dunia Pondok Modern Darussalam Gontor*, bil. 64, Sya'ban 1432, Ponorogo: Darussalam Press, 2011.

Tim Penyusun, *Katalog BPS: 9199017- 2012 Laporan Bulanan Data Sosial Ekonomi*, ed. Ke- Septermber 2012. Jakarta: Badan Pusat Statistik Indonesia, 2012), 111, entri "erat."

Zakaria Stapa, "Pendidikan Menurut Al-Quran Dan Sunnah Serta Peranannya Dalam Memperkasakan Tamadun Ummah" *Jurnal Hadhari Spesial Edition, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,* 2012).

University of Malaya

3. Laman sesawang

Admin "Kepemimpinan generasi kedua", Laman sesawang *Gontor News,* dicapai 18 Ogos 2014, http://www.gontor.ac.id/kepemimpinan-generasi-kedua

Admin,"Sejarah Perusahaan" laman sesawang *Perhutani*, dicapai 17 Ogos 2014. http://bumn.go.id/perhutani/halaman/47.

Ahmad, "Konsepsi Pendidikan Aklhak di Pesantren Modern (2)," laman sesawang *INSISTS, Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations* dicapai 28 September 2012, http://insistnet.com/index.php?option=com.

Aryudi A. Razaq, "Aset Koperasi Pesantren Sidogiri Tembus Rp 1 Triliun", Laman sesawang *NU Online,* dicapai 27 Februari 2014, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,46-id,50461-lang,id-c,pesantren-t,Aset+Koperasi+Pesantren+Sidogiri+Tembus+Rp+1+Triliun-.phpx.

Badan Litbang Pertanian, Pusat Analisis Sosial Ekonomi dan Kebijakan Pertanian, "Konsep dan Strategi pendekatan Kulturan dalam Pembangunan Pertanian: Studi Kasus Pembangunan Pertanian di Thailand", dicapai 22 Januari 2014, http://www.litbang.deptan.go.id/.

Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, "Geografi dan Iklim", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur,* dicapai 18 Mei 2014, http://jatim.bps.go.id/index.php?hal=subject&id=1

Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur, "Penduduk", Laman sesawang *BPS Badan Pusat Statistik Provinsi Jawa Timur,* dicapai 18 Mei 2014, http://jatim.bps.go.id/index.php?hal=subject&id=3.

Bahagian Perencanaan dan Sistem Informasi Sekretariat Direktorat Jendral Pendidikan Islam, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 19 Julai 2011, http//www,Pendis.Kemenag.go.id/.

Didi Purwadi, "Rokhmin: Ulama harus turun tangan atasi bangsa", laman sesawang *Republika,* dicapai 8 Februari 2014, http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/02/08/n0oqev-rokhmin-ulama-harus-turun-tangan-atasi-bangsa.

Diklat Wirausaha Santri Tumbuhkan Kepekaan Bisnis, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,2-id,52997-lang,id-c,daerah-t,Diklat+Wirausaha+Santri+Tumbuhkan+Kepekaan+Bisnis-.phpx.

Direktorat jenderal Pendidikan Islam Kementerian Agama Republik Indonesia, "Direktorat Pondok Pesantren", laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 11 November 2014. http://pendis.kemenag.go.id/index.php?a=artikel&id2=statponpes2009#.VGFqVcmz6hM

Direktorat Pendidikan Diniyyah dan Pondok Pesantren, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia* dicapai 12 Mac 2013, http://www.pondokpesantren.net/ponpren/index.

Djibril Muhammad, "Menag: Tantangan bagi santri kian berat", laman sesawang *Republika*, dicapai 1 Ogos 2011, http://www.republika.co.id/berita/dunia-

University of Malaya

islam/islam-nusantara/11/08/01/lp91nk-menag-tantangan-bagi-santri-kian-berat.

Dr. HR. Agung Laksono, "Pesantren Pelopor Gerakan Ekonomi Kerakyatan," laman sesawang *menkokesra*, dicapai 13 Mac 2013, http://www.menkokesra.go.id/content/pesantren-pelopor-gerakani-ekonomi.

Gontor News, " Bina Masyarakat ISID Selengarakan KKN", Laman Sesawang *Gontor News,* dicapai 25 Mei 2014, http://www.gontor.ac.id/berita/bina-masyarakat-isid-selenggarakan-kkn-di-kauman.

Hakim, "HIPSI bersama Telkom Siap melatih UKM," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 15 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-pusat/hipsi-bersama-telkom-siap-melatih-ukm.html.

HIPSI Himpunan Pengusaha Santri "Anggaran Dasar", laman sesawang *Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 19 Mei 2014. http://hipsi.or.id/profil-hipsi/anggaran-dasar.

Ibnu, "Pesantren Sidogiri sebar 571 Guru Tugas dan 80 Da'I Muda" Laman sesawang *Muslim Media News, media Islam,* dicapai 23 Ogos 2014, http://www.muslimedianews.com/2014/08/ponpes-sidogiri-sebar-571-guru-tugas.html

Indra Wulandari, "Pesantren Belum Mandiri Karena Tak Sadar Potensi", laman sesawang *Republika,* dicapai 6 November 2014, http://khazanah.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/11/06/nelro5-pesantren-belum-mandiri-karena-tak-sadar-potensi.

Ishomuddin, "Santri Gontor dibekali kepemimpinan", Laman sesawang *Tempo,* dicapai 16 April 2014, http://ramadan.tempo.co/read/news/2013/07/21/151498301/Santri-Gontor-Dibekali-Kepemimpinan.

Johan, "Hipsi Gandeng LPPM UNSOED Adakan Pelatihan Budidaya Cendawan", laman sesawang *Portal Berita Kualitas News,* dicapai 15 Ogos 2014, http://kualitasnews.com/hipsi-gandeng-lppm-unsoed-adakan-pelatihan-budidaya-jamur/.

Johar Arif, "Pondok Pesantren Pelu Mengembangkan Kewirausahaan", laman sesawang *Republika*, dicapai 6 Julai 2011, http://www.republika.co.id/berita/nasional/dpr-ri/11/07/15/lnwx8a-pondok-pesantren-perlu-mengembangkan-kewirausahaan.

Julkifli Marbun, "Pesantren adalah lembaga Pendidikan Sejati'', laman sesawang *Republika,* dicapai 3 Septrember 2014, http://www.republika.co.id/berita/dunia-islam/islam-nusantara/14/09/03/nbb4h0-pesantren-adalah-lembaga-pendidikan-sejati .

Kementerian agama, Kantor Wilayah Propinsi Nusa Tenggara Barat, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 9 mac 20113, http://ntb1.kemenag.go.id/.

Masduri, "Geliat Pencarian Identitas Pendidikan Di Pesantren," laman sesawang *Nahḍatu al-'Ulama' NU Onlin*e, dicapai 26 November 2012, http://www.nu.or.id/.

University of Malaya

Moch Ghozali, " Kridit Usaha Mikro Mandiri," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 15 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-pusat/kredit-usaha-mikro-mandiri.html

Moch Ghozali, "Pelatihan JIbas Pesantren," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/berita-hipsi-wilayah/pelatihan-jibas-pesantren.html

Moch Ghozali, "Pusat Pelatihan Life Skills HIPSI," laman sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://hipsi.or.id/berita-hipsi/kegiatan-hipsi/pusat-pelatihan-life-skill-hipsi.html

Mukafi Niam, "HIPSI Ingin cetak sejuta santri pengusaha", Laman sesawang *NU Online*, dicapai 6 Februari 2013, http://www.nu.or.id/a,public-m,dinamic-s,detail-ids,44-id,39144-lang,id-c,nasional-t,HIPSI+Ingin+Cetak+Sejuta+Santri+Pengusaha-.phpx

Musyawir, "Bank Mandiri Terus Komitmen Cetak Wirausaha Pesantren," laman sesawang *Antara News Jawa Timur*, dicapai 18 Ogos 2014, http://www.antarajatim.com/lihat/berita/81727/bank-mandiri-terus-komitmen-cetak-wirausahawan-pesantren. lihat juga lamang sesawang *HIPSI Himpunan Pengusaha Santri Indonesia,* dicapai 16 Ogos 2014, http://pesantrenmandiri.com/?tag=direktu-mandiri.

Pesantren terpadu al-Yasini "Info PSB Pesantren al-Yasini," lawan sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 17 Ogos 2014. http://alyasini.net/index.php?p=detberita&id=72.

Pondok Modern Darussalam Gontor "Latar Belakang", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/latar-belakang.

Pondok Modern Darussalam Gontor "Latar Belakang", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/latar-belakang.

Pondok Modern Darussalam Gontor "Sejarah", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/sejarah.

Pondok Modern Darussalam Gontor "Tentang Gontor", laman sesawang *Gontor News,* dicapai 20 Mei 2014. http://www.gontor.ac.id/tentang-gontor#

Pondok Pesantren al-Khoirot, laman sesawang *pesantren al-Khoirot* dicapai 12 Mac 2013, http://www.alkhoirot.net.

Pondok Pesantren Sidogiri "Sejarah", laman sesawang *Pesantren Sidogiri,* dicapai 19 Mei 2014. http://sidogiri.net/en/sejarah/

Pondok Pesantren Sidogiri, laman sesawang *Pesantren Sidogiri* dicapai , 12 Mac 2013. http://www.sidogiri.net/profil.

Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "Sejarah", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "Sejarah", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

University of Malaya

Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini "visi dan misi", laman sesawang *Pondok Pesantren Terpadu al-Yasini,* dicapai 20 Jun 2014. http://alyasini.net/profil-sekolah-2-sejarah-pondok-pesantren-terpadu-al-yasini.html

Pusat Pengembangan Penelitian dan Pendidikan Pelatihan Kementerian Agama H Abdul Jamil dalam Musabaqah Fahmi Kubtu bit Turats (Mufakat) tingkat nasional IV tahun 2011 di Provinsi Sulawesi Utara, laman sesawang *Kementerian Agama Republik Indonesia*, dicapai 19 Julai 2011, http://sulut.kemenag.go.id/.

Rabithah Ma'ahid Islamiyyah RMI," Pesantren Entrepenuer", HIPSI ajak 30 santri untuk jadi pengusaha, dicapai 16 Ogos 2014, http://rmi-nu.or.id/headline/pesantren-entrepeneur-hipsi-ajak-30-santri-untuk-jadi-pengusaha.

Sekretariat Darunnajah, "Kedatangan Guru Baru Gontor 2013 di Darunnajah", lawan sesawang *Pondok Pesantren Darunnajah Ulujami Jakarta Indonesia,* dicapai 22 Ogos 2014, http://darunnajah.com/2013/10389

Syaiful Bakhri, "Sukses Koperasi Berbasis Pesantren", Laman sesawang *BMT UGT Sidogiri,* dicapai 9 Januari 2015, http://bmtugtsidogiri.co.id/berita-146.html.

Syamsudin Arif, "Islam di Nusantara: Historiografi dan Metodologi" laman sesawang *INSISTS, Institute for the Study of Islamic Thought and Civilizations,* dicapai 26 September 2012, http://insistnet.com/index.php?option=com.

Yusuf assidiq, "KH Abdullah Syukri Zarkasyi; Bekali Santri dengan jiwa perjuangan", Laman sesawang *Republika,* dicapai 11 April 2014, http://www.republika.co.id/berita/event/tokoh-perubahan-republika-2011/12/04/11/m2amn6-kh-abdullah-syukri-zarkasyi-bekali-santri-dengan-jiwa-perjuangan.

4. Temubual

Ahmad Musthofa (Santri akhir yang bertugas di Koperasi Pelajar (Kopel) di koperasi pelajar pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2014.

Ali Wafa (Bahagian Buletin di Pesantren Sidogiri di pejabat penerbitan pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 09 April 2014.

Ali Waluyo (Santri yang bertugas di kedai runcit di koperasi pondok pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 April 2014.

Encik Abdul Aziz (Ketua bahagian Pengurusan Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) Ngempit Kraton di pejabatan puskesmas Ngempit Kraton), dalam temubual dengan penulis, 19 April 2014.

Encik Abdullah Zaini (orang tua daripada Muhammad Khaerul Efendi dari Pasuruan santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

Encik Ali Mudrik (Peniaga dari masyarakat sekitar pesantren di rumah bapak Ali Mudrik sebelah timur Pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 25 April 2014.

University of Malaya

Encik H.Suroso, S.Ag (Kepala Desa Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2014.

Encik Hadi (Salah seorang remaja yang bekerja di kilang kek dari masyarakat Gontor di kilang kek pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 22 Mei 2014.

Encik Kodrat Abadikun (Kepala Kampung Sidogiri Ngempit Pasuruan di rumah kediaman beliau di kampung Sidogiri Ngempit), dalam temubual dengan penulis, 21 April 2014.

Encik Mansur (Buruh Tani, Nasabah BMT MMU Sidogiri di depan pejabat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

Encik Muhammad Hakimi al-Azizi (Pengusaha cendawan tiram bekas peserta latihan di PLMPM Pesantren Gontor Ponorogo tahun 2007 di Distributor Centre Gontor), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

Encik Sulton (Salah satu penduduk dari masyarakat sekitar pesantren di rumah bapak Sulton sebelah Selatan Pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 16 April 2014.

Encik Suparlan (orang tua daripada Zaenal Arifin dari Probolinggo santri di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 Mei 2014.

Encik Suwito (Masyarakat kampung Gontor dan salah seorang pekerja di penerbitan Darussalam Press di kediaman rumah beliau), dalam temubual dengan penulis, 24 Mei 2014.

Encik Suyoto (Pemasok makanan kripik ubi dari masyarakat sekitar desa Mantingan di pejabat Darussalam Distributor Centre Gontor Puteri), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

Encik Syafi'i (Ketua bahagian Keamanan luar Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 11 Mei 2014.

Encik Terimo (Ketua Karang Taruna dan salah salah seorang pemandu teksi motosikal di tempat pangkalan satu teksi motosikal pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 24 Mei 2014.

Ibu Astuti (Masyarakat sekitar pesantren Sidogiri di kediaman ibu Astuti sebelah timur pesantren Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 24 April 2014.

Ibu Maemunah (Penjual makanan jajanan dari masyarakat sekitar pondok di kedai Koperasi Pesanten al-Yasini), dalam temubual dengan penulis, 01 Mei 2014.

Ibu Nurul (Ketua jururawat di pusat kesihatan pesantren (poskestren) al-Yasini di pejabat poskestren al-Yasini Ngabar Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 30 April 2014.

Ibu Satinah (Ibu suri rumah di kampung Areng-areng Sambisirah Pasuruan di rumah kediaman beliau), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

Ibu Sumiati (Masyarakat sekitar pesantren Gontor di tempat pembuangan sambah Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 03 Jun2014.

Ibu Sumiyatun (Masyarakat mantingan dan salah seorang pekerja di konveksi mantingan di Pejabat konveksi Gontor puteri), dalam temubual dengan penulis, 04 Jun 2014.

University of Malaya

Ibu Suprapti (Masyarakat sekitar pesantren Gontor di tempat pembuangan sambah Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 03 Jun2014.

Ibu Yuliati (Orang tua daripada Muhammad Akram santri dari daerah Jember di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 Mei 2014.

Ihsan Zulkarnaen (Santri kelas 2 Madrshah Aliyah di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 Mei 2014.

Imam Abdul Ghoni (Santri pesantren sidogiri dari bangkalan Madura, di Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 26 April 2014.

Kiai H. Hasan Abdullah Sahal (Pimpinan Pesantren Gontor Ponrogo di Pejabat Pimpinan Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.

Kiai H. Muhammad Yasin (Ketua setiausaha HIPSI Pusat di Pesantren al-Yasini Areng-areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 06 Mei 2014.

Muh. Abdul Ghofur (Santri yang bertugas di kopontren kedai makan di koperasi pondok pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 27 April 2014.

Nahidh Ibadurrahman (Santri di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 13 Mei 2014.

Nanang Hermawan (Santri akhir di Kuliyatul Mua'limin al-Islamiyyah Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 30 Mei 2014

Sholahuddin, (Santri akhir di pesantren Gontor Ponorogo di masjid jami' Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 30 Mei 2014.

Ustaz Muhammad Heri Mulia, S.Fil.I (Staf di Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor di pejabat Balai Kesihatan Santri dan Masyarakat Pesantren Gontor), dalam temubual dengan penulis, 5 Jun 2014.

Ustaz Agus Khusairi (Pengurus di bahagian Balai Pengobatan Santri dan Masyarakat di pejabat bahagian BPS Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 17 April 2014.

Ustaz Ahmad Nuhari (Ketua bahagian Pondok di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

Ustaz Ahmad Rizqi, (Staf di bahagian tempat pembuangan sampah Pesantren Gontor Ponorogo di pejabat pembuangan sampah pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 02 Jun2014.

Ustaz Ali Maksum (Koordinator bahagian ubudiyyah santri dan bulletin mingguan di pesantren Sidogiri di pejabat Ubudiyyah santri), dalam temubual dengan penulis, 14 April 2014.

Ustaz Angga Pramono (Pengurus bahagian pembangunan pesantren Gontor Ponorogo di pejabat bahagian pembangunan Pesantren Gontor Ponrogo), dalam temubual dengan penulis, 23 Mei 2014.

Ustaz Anwar Fathoni, S.E.I (Koordinator di BMT Latansa SIMAN Pesantren Gontor di pejabat BMT Siman Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2014.

Ustaz Bahtiar (accounting di BMT Latansa Gontor Pesantren Gontor di pejabat BMT Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 26 Mei 2014.

University of Malaya

Ustaz H. Imam Shobari (Ketua Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor di Pejabat Pusat Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 21 Mei 2014.

Ustaz H. Moch Ghozali, S.E (Ketua HIPSI pusat di Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

Ustaz Hendro Risbiantoro, S.Pd.I (Staf Pengasuhan Santri di Pesantren Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 20 Mei 2014.

Ustaz Heru Prasetyio, S.Pd.I (Guru Besar Madrashah Tarbiyyatul Athfal Gontor di Pejabat Madrashah Tarbiyyatul Athfal Gontor), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2014.

Ustaz HM. Abdulloh Shodiq (Manager Pemasaran BMT MMU Sidogiri Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

Ustaz HM. Khudlori Abd. Karim (Ketua Pengurus Pusat BMT MMU Sidogiri Kraton Pasuruan di BMT MMU pusat Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 10 April 2014.

Ustaz HM. Masykuri Abdurrahman (Setia Usaha Laziswa Sidogiri di pejabat Laziswa Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

Ustaz Ilham Wahyudi (Ketua Koperasi Pondok Pesantren Sidogiri di pejabat Kopontren Pesantren Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 07 April 2014.

Ustaz KH. Mahmud Ali Zain (Ketua Pengurus Pusat BMT UGT Pesantren Sidogiri di Pejabat Koperasi BMT UGT Sidogiri), dalam temubual dengan penulis, 12 April2014.

Ustaz Muhammad As'ari Hasan, S.Pd.I (Manager utama di Lembaga Keuangan Syariah al-Yasini Areng-Areng Pasuruan di Pejabat Kopontren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 05 Mei 2014.

Ustaz Muhammad Hendri, Spd.I (Penanggung jawab Yayasan Pemeliharan dan Perluasan Wakaf Pesantren Gontor di Mantingan di pejabat YPPWPM Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 08 Jun 2014.

Ustaz Muhammad Irham Zuhdi, M.Pd (Ketua Setia Usaha Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 15 Mei 2014.

Ustaz Mujib Jalil (Penanggungjawab Lembaga Pengabdian Masyarakat (LPM) al-Yasini di Masjid jami' al-Yasini pesantren al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 14 Mei 2014.

Ustaz Mustar (Pengangung jawab tanah pertanian zon poronogo di pejabat Yayasan Pemeliharaan dan Perluasan Wakaf Pondok Moden Gontor Ponorogo), dalam temubual dengan penulis, 28 Mei 2014.

Ustaz Nur Kholish (Ketua Pengurus di bahagian Radio Suara Gontor FM di pejabat Radio Suara Gontor FM Pesantren Gontor Ponrogo), dalam temubual dengan penulis, 31 Mei 2014.

Ustaz Suraji Badi', S.Ag (Pengerusi Koperasi Pondok Pesantren Gontor di rumah kediaman beliau), dalam temubual dengan penulis, 4 Jun 2014.

Ustaz Syamsul Anam (Guru bantu di setia usaha Pesantren Sidogiri Pasuruan di pejabat setia usaha pimpinan Pesantran Sidogiri Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 09 April 2014.

University of Malaya

Ustaz Syamsul Arifin (Ketua koperasi pondok pesantren al-Yasini di pejabat Yayasan Pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 29 April 2014.

Ustaz Syamsul Huda (Bendahari di Koperasi Agro Pesantren Sidogiri di pejabat Koperasi Agro Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 16 April 2014.

Ustaz Tahmid (Murobbi di asrama putera di pesantren al-Yasini Areng-Areng Pasuruan), dalam Temubual dengan penulis, 07 Mei 2014.

Ustaz Taufiq Hidayatullah (Penanggungjawab bahagian kebersihan pesantren di depan masjid jami' al-Yasini Areng-Areng), dalam temubual dengan penulis, 30 April 2014.

Ustaz Umar Said Wijaya, S.Ag (Guru Besar Madrashah Ibtidaiyyah Nurus Salam Mantingan pesantren Gontor di Pejabat Madrashah Ibtidaiyyah Nurus Salam Mantingan), dalam temubual dengan penulis, 06 Jun 2014.

Ustazah Fahimah, S.Pd.I (Guru Besar di Hadlonah Darussalam Gontor Centre di Pejabat Hadlonah Darussalam Gontor Centre), dalam temubual dengan penulis, 27 Mei 2014.

Zaenul Kharir (Santri Pesantren Sidogiri Pasuruan di dalam masjid jami' Sidogiri Kraton Pasuruan), dalam temubual dengan penulis, 27 April 2014.

University of Malaya